



# PROCEEDING

The 1st International Conference on Social Studies and Citizenship (ICSSC 2021)



*"Beyond Pandemic: A Silver Lining for Social Research in the New Norms"*

27-28 NOVEMBER 2021



# PROCEEDING

## The 1st International Conference on Social Studies and Citizenship (ICSSC 2021)

---

***"Beyond Pandemic: A Silver Lining for Social Research in the New  
Norms"***

**ORGANISED BY:**



**IN COOPERATION WITH**



**27-28 November 2021**

## Message from

Vice Chancellor of Sultan Idris Education University

Prof. Dato' Dr. Md. Amin Md. Taff



I am very pleased to be given this opportunity to say a few words here. The 1<sup>st</sup> International Conference on Social Studies and Citizenship Studies (ICSSC) 2021 is organised by the Department of Social Studies and Citizenship (JPKK), Faculty of Human Sciences (FSK), Sultan Idris Education University. I really hope that the conference can be an excellent medium to gather researchers, academicians and students to share and discuss the important issues in Social Sciences, Citizenship, and Malay Civilization.

and

roles in contributing to the progress of the society, especially in shaping an ideal society. The rapid development of these fields in the era of Industrial Revolution 4.0 requires academicians and researchers to be always ahead from others. This can only be achieved through continuous exploration of knowledge and conducting research. Hence, ICSSC 2021 will be able to provide invaluable critical insights and vital knowledge to serve the nation.

I hope all the participants in the conference will gain a beneficial experience from all the research and findings presented during the conference. My infinite gratitude goes to all the participants who are willingly to share their research findings for the benefit, not only for Malaysians, but also to the rest of the world. I also would like to welcome all delegates once again for the knowledge sharing at the Sultan Idris Education University.

Finally, I would like to congratulate all the members of the organizing committee of the 1st International Conference on Social Studies and Citizenship (ICSSC) 2021 for their exceptional teamwork in making the event a success. My heartiest appreciation goes to Dr. Norhafiza Binti Mohd Hed, for her continued commitment throughout the preparations for the conference.

Best regards

**Prof. Dato' Dr. Md. Amin Md. Taff**

Vice-Chancellor of Sultan Idris Education University

Message from

## Dean, Faculty of Human Sciences

Assoc. Prof. Dr. Mohd Hairy Ibrahim



I am very pleased to welcome all researchers, presenters and delegates to the 1<sup>st</sup> International Conference on Social Studies and Citizenship (ICSSC) 2021. The theme of the conference is ‘Beyond Pandemic: A Silver Lining for Social Research in the New Norms’.

The conference aims to provide a platform for intellectual discussion between academics, researchers, professionals, policy makers and students in the Social Sciences and related fields. The researchers, lecturers, teachers and especially the postgraduate students need to be given an opportunity to show their full potential. This conference is also an avenue for the participants sharing new inputs and ideas in their respective knowledge.

On behalf of the Faculty of Human Sciences, UPSI, I would like to express my appreciation to the organizing committee of ICSSC 2021 and those who are indirectly involved in organizing this conference. It is fervently hoped that the conference would run smoothly and successfully achieve its desired objectives.

Best regards,

**Assoc. Prof. Dr. Mohd Hairy Ibrahim**

Dean, Faculty of Human Sciences, UPSI

Message from

Organizing Chairperson

Dr. Norhafiza Mohd Hed



*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

The rapid development of the Social Science field and Citizenship in the era of the Industrial Revolution 4.0 requires academics and researchers to always be ahead in mastering their knowledge and conducting research. Systematic research requires a high level of commitment from various parties including researchers, lecturers, educators, and postgraduate students to form an excellent human capital for the development of the country. Therefore, with this theme, it is timely that this conference allows us all to meet and

discuss critical issues of the social sciences today.

As the chairman of the organizing committee of the 1st International Conference on Social Studies and Citizenship (ICSSC) 2021, I warmly welcome all of you to the virtual conference organised by the Department of Social Studies and Citizenship, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University (UPSU), Malaysia, where a new experience awaits. The virtual conference dedicated to addressing the challenges in the areas of social sciences, citizenship, and Malay civilization, thereby presenting a consolidated view to the interested researchers in the aforesaid fields. I believe that even the smallest discovery can lead us all to something big and important. I congratulate all the presenters and participants for your willingness to share new research and ideas. I would like to take this opportunity to express my highest gratitude to all the keynote speakers as well as the organising committee of ICSSC 2021 for their efforts and contributions in realizing the event. I hope that ICSSC 2021 delegates have a great experience and that this conference leaves a legacy, inspiring young scholars, promoting knowledge-exchange and collaboration, and leading to a real impact in our vision to create the culture of 'social science excellence'.

Best regards

**Dr. Norhafiza Mohd Hed**

Chairperson of ICSSC 2021

## TABLE OF CONTENTS

Message From_Vice Chancellor Of Sultan Idris Education University Prof. Dato' Dr. Md. Amin Md. Taff	2
Message From_Dean, Faculty Of Human Sciences	3

Assoc. Prof. Dr. Mohd Hairy Ibrahim Message From_Organizing Chairperson Dr. Norhafiza Mohd Hed	4
<b>Cultural and Ethnic Studies</b>	
Pengaruh Kebudayaan Masyarakat Melayu Dalam Kalangan Etnik Siam Di Georgetown, Pulau Pinang <i>Muhamad Arbaie Al Jiddan Adnan, Kalsum Umar, &amp; Muhammad Khairi Lukiwan</i>	8
Masalah Kesihatan Orang Asal : Satu Sorotan Literatur <i>Mohd Syarifudin Abdullah, Nur Nabila Khalid, &amp; Muhamad Sayuti Hassan</i>	20
<b>Politic and Security Affairs</b>	
Proses Sekuritisasi Dalam Isu Kesihatan Di Malaysia <i>Siti Nursyazwani Ishar, &amp; Nadirah Mohd Azmi</i>	45
Tingkah Laku Belia Malaysia Terhadap Pengawasan Dan Penapisan Siber Kerajaan: Satu Kajian Literatur <i>Aprina Oskar &amp; Norhafiza Mohd Hed</i>	62
Politik <i>Cybertroopers</i> Di Malaysia: Satu Kajian Literatur <i>Nurul Iwan &amp; Norhafiza Mohd Hed</i>	78
<b>Sociology of Education</b>	
Amalan Penilaian Autentik Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian Guru Geografi <i>Hanifah Mahat, Muhammad Ridzwan Bakri, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, &amp; Nasir Nayan</i>	90
Pemahaman Pelajar Diploma Pelbagai Etnik Terhadap Kursus Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi) <i>Norshahrul Marzuki Mohd Nor</i>	106
Ethnomathematics 4.0 : Hypothetical Learning Trajectory In Making Mathematics Learning Videos Based On Indonesian Culture <i>Abdul Aziz, &amp; Iswahyudi Joko Suprayitno</i>	116
Kepelbagaian Budaya Mahasiswa Di Universiti Awam Malaysia: Permasalahan Dan Penyesuaian <i>Samsudin Suhaili, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Yazid Saleh, &amp; Nasir Nayan</i>	124

## Culture and Gender

Sistem Patriarki Dalam Konteks Pemeraksanaan Politik Wanita Di Malaysia <i>Siti Nur Illani Abd Hamid, &amp; Zaheruddin Othman</i>	135
Emansipasi Islam Dalam Mengubah Persepsi Wanita Melayu Terhadap Pendidikan. <i>Muhammad Khairi Lukiwan, Kalsum Umar, &amp; Muhamad Arbaie Al-Jiddan</i>	146
Peranan Pasukan Polis Wanita <i>Izwan Yusuf, &amp; Haryati Hasan</i>	156
<b>Communication and Community Development</b>	
Komunikasi Bimbingan Penyelia Dan Prestasi Tugas Dalam Perindustrian Kecil Dan Sederhana (Pks) Sektor Perkhidmatan <i>Marzura Ibrahim, Hasrina Mustafa, &amp; Hafizah Zainal</i>	172
<b>Politics and Administration of Public Policy</b>	
Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Dasar Pertahanan Malaysia Era Tun Mahathir Mohamad 1981-2003 <i>Rodziah Md Zain, Nor Azura A Rahman, Rusnawati Ismail, &amp; Marzura Ibrahim</i>	186
<b>Social Work and Community Development</b>	
Kelesuan Pandemik: Remaja Dan Kesihatan Mental Impaknya Terhadap Pendidikan <i>Siti Aisyah Mohamad Zin</i>	200
Covid-19 Dan Program Vaksinasi Bergerak Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur <i>Junaidi Abu Bakar, &amp; Intan Suria Hamzah</i>	214
<b>Citizenship Studies</b>	
Kursus Pengajian Kenegaraan Di Ipta: Kesan Ke Atas Partisipasi Politik Mahasiswa Malaysia <i>Norhafiza Mohd Hed, Winarno, &amp; Anis Suryaningsih</i>	227
Konsep Keluarga Malaysia Mendasari Asas Memperkukuhkan Negara Bangsa Dalam Mendepani Fasa Endemik Covid-19 <i>Khairul Ghufran Kaspin, Mohd Samsudin &amp; Azlizan Mat Enh</i>	242
<b>Economic and Development</b>	
Economic Transformation: A Study Of The Mah Meri Orang Asli Community Of Sungai Bumbun Village In Carey Island, Banting <i>Mohamad Basri Jamal, Nurul Sayang Abd. Rashid, &amp; Norshahrul Marzuki Mohd Nor</i>	256
Faktor Sosial Yang Mempengaruhi Momprenneur Terlibat Dalam Bidang Keusahawanan: Kajian Di Daerah Tamantirto, Bantul, Yogyakarta, Indonesia	268

*Anik Widiastuti, Dita Istika Rohmah & Norazlan Hadi Yaacob*

### **Technology and Social Studies**

Penerimaan Belia Terhadap Berita Dalam Talian (Online): Kajian Di Keningau, Sabah 279  
*Arlyn Matutis @ Matulis & Norazlan Hadi Yaacob*

### **Sustainable Development**

Livelihood Vulnerability To Climate Change: A Case On Paddy Farmers In Pahang, Malaysia 305

*Nor Diana Mohd Idris, Nurul Atikah Zulkepli & Rosliza Shamsuddin*

Pengurusan Sisa Pepejal Menggunakan Amalan Pengasingan Sisa Di Punca 316

*Yamuna Selvakumaran & Rahimah Wahid*

Pembangunan Pelancongan Warisan Di Melaka Tengah: Petunjuk Pelancongan Lestari 331

*Pirasanah Sasidharan & Rahimah Wahid*

Indeks Kualiti Air Semasa Musim Basah Di Sungai Semantan, Pahang 346

*Mohamad Irwan Rahimi Zunaidi, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan, Hanifah Mahat, Yazid Saleh & Koh Liew See*

### **Politics, Law and Administration**

Analisis Manifesto Barisan Nasional, Pakatan Harapan Dan Gagasan Sejahtera Pada Pilihan Raya Umum Ke 14 356

*Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Jawan*

Sejarah Awal Penglibatan Wanita Bukan Melayu Dalam Politik Di Malaysia 375

*Fatimi Hanafi Muhammad Shamshinor Abdul Azzis Faezah Kassim Noor Ain Mat Noor & Irene Yong Seok Ching*

Organizing Committee 394

**PENGARUH KEBUDAYAAN MASYARAKAT MELAYU DALAM KALANGAN ETNIK  
SIAM DI GEORGETOWN, PULAU PINANG**



Muhamad Arbaie al Jiddan Adnan<sup>1</sup>, Kalsum Umar<sup>2</sup>, Muhammad Khairi Lukiwan<sup>3</sup>,

<sup>1,3</sup>Pelajar Pascasiswazah Pengajian Malaysia Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

[arbaiejiddan@gmail.com](mailto:arbaiejiddan@gmail.com)

### **Abstrak**

Etnik Siam sering dikaitkan dengan masyarakat Cina di negara kita kerana faktor agama dan perkahwinan mereka. Namun, terdapat perbezaan dalam kebudayaan dan kepercayaan yang memisahkan etnik Siam dan masyarakat Cina di Malaysia. Pengaruh kebudayaan Melayu sering dikaitkan dengan kebudayaan masyarakat lain di Malaysia disebabkan oleh faktor asimilasi budaya. Pengaruh yang mempengaruhi etnik minoriti mampu memberikan impak dalam kalangan masyarakat tersebut disebabkan oleh perubahan kebudayaan mereka yang tersendiri. Budaya adalah identiti yang menjadi lambang kebanggaan sesebuah masyarakat dan tidak terkecuali kepada etnik Siam yang berada di Malaysia. Sehingga kini pengaruh budaya Melayu yang terdapat dalam etnik Siam adalah disebabkan pergaulan di antara kedua etnik yang begitu lama terjalin. Hal ini kerana, percampuran etnik Siam di kawasan kampung dan pinggir bandar yang didominasi oleh masyarakat Melayu telah menyebabkan aspek pembudayaan asal menjadi cair. Aspek kecairan budaya akan dibincangkan di dalam kajian ini iaitu melihat dari aspek pengekalan dan perubahan budaya Siam di George Town Pulau Pinang yang telah berasimilasi dengan pengaruh kebudayaan masyarakat Melayu. Penggunaan kaedah kualitatif melalui sumber dokumen dan temu bual diharap akan dapat melihat secara jelas aspek pengaruh kebudayaan Melayu dalam kalangan etnik Siam. Hal ini seterusnya dapat melihat aspek kecairan budaya etnik Siam yang sudah berasimilasi dengan masyarakat Melayu setempat. Kedudukan etnik Siam yang mampu menyesuaikan diri dalam kalangan masyarakat pada masa kini membuktikan bahawa etnik Siam mampu berdaya saing dengan etnik minoriti lainnya di negara ini dalam aspek pengekalan budaya asal dan penerimaan budaya lain. Sehubungan itu, adalah diharap kajian ini akan memberikan pengetahuan luas kepada masyarakat bahawa etnik Siam juga merupakan salah satu daripada kaum yang telah berasimilasi dengan luas bersama masyarakat Melayu di samping mereka dapat mengukuhkan budaya asal etnik tersebut.

Kata Kunci: Etnik Siam, pengaruh budaya Melayu, aspek kecairan, asimilasi, pengekalan dan perubahan budaya asal

### **1.0 Pengenalan**

Dewasa ini, perhatian hampir kesemua masyarakat dunia banyak tertumpu kepada aspek globalisasi, dunia tanpa sempadan, dasar langit terbuka, ledakan maklumat, pencapaian taraf negara maju sepenuhnya bagi sesebuah negara. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam membincangkan perkara tersebut tetapi kita juga seharusnya masih perlu berbicara tentang nasib etnik minoriti yang kian dilupakan. Pengekalan kebudayaan sesebuah etnik di Malaysia bukanlah suatu perkara yang boleh dianggap mudah kerana ia adalah lambang dan identiti sesebuah negara. Ia ditambah lagi dalam perihal berkaitan dengan persefahaman dan juga pengaruh yang telah dilakukan antara sebuah budaya dominan dengan budaya minoriti yang lain bagi membentuk sebuah budaya yang sama dan mudah untuk difahami.

Konsep masyarakat Melayu di dalam konteks ini amatlah luas kerana masyarakat Melayu sudah dikenalpasti sebagai penduduk asal kepulauan Melayu berdasarkan sejarah yang telah diperolehi. Masyarakat Melayu sudah bertapak di kawasan Asia Tenggara sekurang-kurangnya 5,000 tahun dahulu. Menurut Osman Bakar, Azizan Baharudin, dan Zaid Ahmad (2009) di dalam kajian yang dijalankan oleh Muada Ojhi yang bertajuk Nilai Dalam Budaya Masyarakat Melayu menyatakan bahawa Istilah Melayu merujuk kepada tiga pengertian atau dimensi yang berbeza, iaitu ras (genetik atau biologi), kebudayaan dan bahasa. Ras Melayu merujuk kepada sekumpulan manusia yang memiliki ciri-ciri genetik yang sama dan berasal dari Alam Melayu. Kebudayaan Melayu merujuk kepada pegangan dan amalan yang didasarkan kepada agama Islam dan adat resam masyarakat Melayu. Bahasa Melayu adalah bahasa yang dituturkan di seluruh Kepulauan Melayu. Dari perspektif Malaysia pula masyarakat Melayu merujuk kepada masyarakat majoriti yang menghuni Malaysia. Mengikut perlembagaan persekutuan perkara 160(2) menyatakan bahawa seseorang Melayu itu haruslah beragama Islam, mengamalkan budaya dan adat Melayu serta bertutur menggunakan bahasa Melayu. Perkara ini bertujuan bagi memelihara akidah dan hak orang Melayu itu sendiri. Masyarakat Melayu mempunyai keistimewaan tersendiri dalam kedudukannya di negara Malaysia kerana mempunyai gelaran bumiputera yang mampu untuk memberi kelebihan di dalam semua bidang.

Konsep budaya merujuk kepada suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan masyarakat tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, adat resam serta sikap dan nilai. Perkara ini penting bagi menggambarkan sesebuah bangsa bagi mengelakkan ia terkeluar dari makna sebenarnya. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2015), budaya diertikan sebagai tamadun, kemajuan fikiran, akal budi atau cara berfikir, berkelakuan, dan sebagainya. Rohana Yusof (2010), menyatakan bahawa, budaya membawa erti segala cara hidup manusia yang berdasarkan kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan ialah pengetahuan tentang penghasilan, pengendalian, serta penggunaan barangan yang dikaitkan dengan nilai-nilai moral dan berdasarkan kepada agama, peraturan-peraturan serta etika. Bagi bukan kebendaan pula merujuk kepada hak cipta manusia yang berbentuk abstrak seperti adat resam, kepercayaan pantang larang dan sebagainya. Dalam konteks ini kebudayaan amatlah penting bagi membentuk jati diri sesebuah bangsa. Tetapi sesebuah budaya mampu untuk mempengaruhi kebudayaan lain bagi mengikuti budaya tersebut. Hal ini kerana, pengaruh yang ditunjukkan berlaku disebabkan oleh proses asimilasi iaitu satu proses percantuman dan penyatuan kebudayaan sesebuah etnik yang berlain budaya sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan yang sama terjadi dalam sesebuah masyarakat (Ting Chew Peh, 1987).

Masyarakat Siam merupakan etnik minoriti di Malaysia dan kebanyakannya menetap di kawasan utara Semenanjung Malaysia iaitu di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan sebahagian kecilnya di negeri Terengganu. Masyarakat ini boleh dikatakan sebagai masyarakat yang kurang popular di negara ini berbanding masyarakat minoriti yang lain disebabkan oleh proses asimilasi yang telah berlaku dalam masyarakat tersebut. Hal ini kerana masyarakat Siam akan di samakan dengan masyarakat Cina di Malaysia disebabkan oleh anutan agama yang sama. Walau bagaimanapun, masyarakat Siam yang ada di Malaysia mempunyai kebudayaan dan kepercayaan tersendiri dan hampir kesemuanya menganut agama Buddha sama seperti masyarakat Siam di Thailand. Tempat beribadat mereka dikenali sebagai Wat. Kebiasaannya, Wat akan dijadikan tempat untuk masyarakat Siam bersembahyang ketika *Wan Phrak* iaitu hari suci dalam agama Buddha. Di samping itu, masyarakat Siam di Malaysia akan mengunjungi Wat ketika diadakan upacara *Buat Phrak* (masuk sami), pesta *Songkran* (tahun baru Siam) dan sebagainya.

Perubahan kebudayaan yang telah berlaku dalam masyarakat Siam bukanlah suatu perkara yang baru kerana kependudukan masyarakat Siam di Malaysia telah lama berlaku oleh kerana faktor penjajahan dan faktor penghijrahan. Perkara ini dapat dilihat kerana perjanjian yang telah berlaku di antara kerajaan British dan kerajaan Siam yang mendiami kawasan Pulau Pinang sewaktu abad ke 18 seterusnya kepada perjanjian British Siam pada tahun 1909.

## 2.0 Sorotan Kajian

### 2.0.1 Nilai Budaya Melayu

Nilai budaya masyarakat Melayu dipengaruhi dengan nilai-nilai Islam yang menjadi asas kelakuan, tindakan, bentuk dan hubungan, intisari nilai, sikap dan pandangan. Hal ini demikian menjadikan Islam sebagai jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu. (Zainal Kling, 1980). Nilai-nilai Islam telah membentuk peraturan sosial yang telah membina disiplin sosial dan mewujudkan hubungan sosial yang berkesan.

Schwartz (1999) mendefinisikan nilai sebagai konsep keinginan yang membentuk perilaku sosial memilih tindakan, menilai masyarakat dan persekitaran, serta menjelaskan tindakan dan perilakunya. Dalam pandangan ini, nilai merupakan kriteria yang disusun atur mengikut kepentingan dan sebagai panduan kehidupan. Avrami et al. (2000) dalam Stephenson (2008) beranggapan konsep nilai sebagai suatu keadaan intrinsik dan universal yang menjadi struktur sosial yang lahir dari aspek budaya dalam sesuatu masa dan kawasan.

Warsito (2012) mendefinisikan nilai budaya sebagai nilai yang terdiri daripada konsep-konsep yang hidup dalam pemikiran sebahagian besar masyarakat. Konsep-konsep tersebut dianggap mulia dan baik untuk diamalkan. Sistem nilai yang terdapat dalam budaya masyarakat menjadi panduan dalam menjalani kehidupan mereka. Dalam masyarakat Melayu, Wan Abdul Kadir (2000) menyatakan sistem nilai memberi rangka kerja untuk penganalisisan norma-norma masyarakat, keunggulan, kepercayaan, dan kelakuan. Malah, nilai menjadi kayu ukur dan pegangan tentang baik buruk sesuatu perilaku yang berasaskan kelaziman atau kebiasaan dalam masyarakat

Daripada pernyataan yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa nilai budaya adalah suatu amalan yang dilakukan oleh sekelompok manusia. Amalan yang dilakukan secara berterusan

menjadi satu norma dan adat kepada sesuatu kaum. Nilai budaya Melayu yang terbentuk dapat dilihat sebagai suatu terjemahan daripada nilai-nilai Islam. Hal ini kerana pengaruh Islam telah lama wujud dalam diri masyarakat Melayu yang secara langsung telah membentuk nilai budaya Melayu yang menjadi tradisi dan amalan turun temurun

### **2.0.2 Sejarah Kependudukan Siam**

Menurut Mohd Kasri Saidon dan Ahmad Sobri Sluib (2017) telah menerangkan mengenai Sepintas Lalu Melalui Bunga Emas Kerajaan Negeri Setul dan Perkaitan Dengan sejarah Kedah Dalam Era Penguasaan Siam menunjukkan bahawa kerajaan negeri Kedah pernah berada dibawah kedaulatan Siam. Kajian ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran semula diantara kerajaan Setul, Kedah dan Siam. Kesenambungan antara kerajaan Kedah dan Siam mempunyai banyak pertalian disebabkan oleh sejarahnya yang pernah dijajah oleh kerajaan Siam suatu ketika dahulu. Perkara ini dibuktikan dengan penghantaran bunga emas dan perak kepada kerajaan Siam tanda taat setia kepada kerajaan siam.

Seen St. Lai (1988) telah mengkaji mengenai masyarakat minoriti Siam di kawasan Kampung Titi Akar, Kedah. Beliau mengkaji mengenai isu pemilikan tanah di kalangan kaum minoriti tersebut. Kebanyakan anggota masyarakat tersebut terdiri daripada golongan petani sepenuh masa. Secara keseluruhannya masyarakat Siam tersebut telah berasimilasi sendirinya dengan budaya masyarakat Melayu berdasarkan kepada aspek sosial dan ekonomi bagi menyesuaikan diri dalam kelompok majoriti tetapi masih lagi juga mempunyai asas yang berbeza dalam kehidupan seharian iaitu dari segi kepercayaan dan adat resam bagi kedua-dua masyarakat ini.

Daripada pernyataan ini, jelaslah bahawa keberadaan masyarakat Siam khususnya di utara tanah air bukanlah suatu isu baharu yang perlu diungkapkan dengan lebih jelas. Ia berlaku lewat sebelum kemerdekaan lagi, malah berlaku ketika zaman British fasa pertama di Tanah Melayu berdasarkan beberapa perjanjian. Meskipun masyarakat Siam masih mempunyai anutan yang sama dengan nenek moyang mereka dahulu, namun kerana proses asimilasi yakni percampuran dengan masyarakat Melayu telah berlaku kepada etnik ini untuk menyesuaikan diri dalam kelompok majoriti mengikut budaya dan adat setempat.

### **2.0.3 Integrasi dan Etnik**

Integrasi adalah satu proses bagi mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010).

Menurut Ting Chew Peh (1987) juga konsep asimilasi merupakan satu proses percantuman dan penyatuan kebudayaan sesebuah etnik yang berlain budaya sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan yang sama. Pelbagai faktor yang menjadi penyebab dalam berlakunya asimilasi kelompok termasuklah etnik yang berbeza budaya sering berinteraksi dalam sebuah budaya dominan.

Smolicz (1981) pula memilih untuk melihat kumpulan etnik berdasarkan tema budaya. Ciri-ciri sesuatu kumpulan etnik boleh ditonjolkan menerusi petanda-petanda budaya yang eksplisit. Kebanyakan budaya boleh dikenal pasti menerusi nilai-nilai teras tertentu.

Perkara ini menunjukkan bahawa integrasi adalah suatu perkara yang penting bagi mendapatkan makna dan erti perpaduan kaum dalam sesebuah negara. Hal ini kerana konsep ini memainkan peranan bagi menentukan sesebuah pembahagian untuk mencapai kesefahaman antara sesebuah budaya.

#### **2.0.4 Georgetown dan masyarakat Siam**

Solihah Mustafa et. al (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang. Kajian ini membincangkan mengenai penglibatan masyarakat dalam menguruskan kawasan tapak warisan yang menjadi kawasan perlancongan. Tujuan kajian ini adalah bagi melihat penglibatan kesemua lapisan masyarakat tidak mengira kaum yang ada bagi menjaga dan mengawal selia kawasan Georgetown. Ia bukan sahaja tertumpu kepada tiga etnik utama di kawasan tersebut tetapi kesemua etnik yang ada bagi menjaga kawasan Georgetown, Pulau Pinang.

Menurut Noriah Mohamed (2003) dalam kajiannya yang bertajuk Bahasa Melayu: Sejarah Dan Keragamannya Di Pulau Pinang menyatakan bahawa Bahasa Melayu Pulau Pinang banyak dipengaruhi oleh bahasa Kedah disebabkan oleh penghijrahan yang telah berlaku. Hal ini kerana selepas Pulau Pinang berkembang menjadi sebuah perlabuhan yang terkenal, banyak diantara orang Melayu Kedah berhijrah ke Pulau Pinang bagi meningkatkan taraf ekonomi. Selain itu juga beliau menyatakan bahawa kedatangan orang asing selain orang Melayu ke Pulau Pinang telah berlaku sewaktu penguasaan Francis Light. Orang-orang asing yang dinyatakan termasuklah orang Siam dan Burma iaitu sebanyak 100 orang. Ini membuktikan bahawa orang Siam telah berada di Pulau Pinang semenjak tahun 1800 lagi.

Hasil dari kajian yang telah diteliti bahawa kewujudan masyarakat Siam di kawasan Pulau Pinang telah lama wujud disebabkan oleh hubungan yang baik diantara kerajaan British dan kerajaan Siam selepas menjatuhkan kedah. Perkara ini telah merubah komuniti masyarakat disebabkan oleh penambahan yang berlaku di dalam struktur sosial masyarakat di Pulau Pinang.

### **3.0 METODOLOGI**

Bahagian ini membincangkan mengenai metodologi yang digunakan di dalam kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah reka bentuk kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan suatu kajian ke atas sesuatu situasi dan individu untuk mendapatkan maklumat secara terperinci serta mendalam. Penggunaan kaedah fenomenologi digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti perubahan fenomena yang berlaku didalam kajian yang dijalankan. Di dalam kajian ini, fenomena yang diperlihatkan adalah mengenai kecairan budaya yang berlaku kepada masyarakat Siam disebabkan pengaruh kebudayaan Melayu akibat proses asimilasi. Selain itu juga, penerimaan masyarakat Siam terhadap perubahan kebudayaan berdasarkan kaum dominan di kawasan Georgetown, Pulau Pinang telah menyebabkan berlakunya percampuran budaya masyarakat tersebut bagi menyesuaikan diri mengikut budaya dan adat setempat.

### **3.0.1 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah penyelidikan perpustakaan dan temubual. Instrumen ini digunakan bagi mendapatkan data yang sahih berdasarkan penggunaan sumber primer dan sumber sekunder.

Penyelidikan perpustakaan merujuk kepada hasil kajian dari perpustakaan kerana ia amat penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat seperti kajian lepas mengenai konsep, bukti, pandangan dan pelbagai maklumat lain yang dapat membantu menjayakan kajian ini. Kaedah seperti ini juga dapat membantu pengkaji mendapatkan gambaran awal tentang bidang-bidang kajian yang hendak dikaji. Dengan adanya rujukan yang mencukupi membuatkan pengkaji mudah membuat kesimpulan awal kajian yang telah dijalankan. Dalam mendapatkan data-data serta maklumat-maklumat kajian, penyelidik telah melakukan beberapa perkara yang dirasakan penting bagi tujuan ini.

Instrumen temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat atau kata-kata yang telah dikeluarkan oleh responden merupakan data penting di dalam kajian. Tindak balas yang relevan dicatatkan kata demi kata. Melalui kaedah ini, seseorang pengkaji boleh memperolehi kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara mendalami sesebuah topik yang tertentu. Penggunaan temu bual tidak berstruktur dalam kajian ini adalah disebabkan oleh informan terdiri daripada masyarakat biasa untuk mendapatkan maklumat tentang aspek kecairan kebudayaan Siam dalam diri mereka mengikut budaya yang lebih dominan iaitu masyarakat Melayu.

Instrumen temu bual berfokus telah dijalankan ke atas sepuluh (10) orang informan bagi mendapatkan bukti kajian. Kesemua informan dipilih secara terus mengikut peringkat usia masing-masing. Pecahan yang digunakan adalah seperti lima orang dari golongan tua dan lima orang daripada golongan belia. Kesemua informan ini dibahagikan mengikut pecahan di atas untuk menilai sendiri pengaruh kebudayaan Melayu dalam diri masyarakat Siam yang telah berasimilasi mengikut fenomena yang berlaku.

## **4.0 Analisis Data**

### **4.0.1 Faktor Pengaruh Kebudayaan Melayu Dalam Masyarakat Siam**

Budaya dan kebudayaan melambangkan identiti sesebuah negara. Perkara ini jelas dapat dilihat dalam diri setiap masyarakat tidak mengira bangsa dan agama kerana setiap masyarakat di Malaysia telah dipengaruhi oleh budaya Melayu. Kebudayaan Melayu bukanlah suatu perkara baharu dalam setiap masyarakat di Malaysia kerana kebudayaan ini adalah sebuah budaya yang dominan di negara kita. Dalam konteks masyarakat Siam, pengaruh kebudayaan Melayu mempunyai beberapa faktor yang telah mempengaruhi kebudayaan Siam itu sendiri tidak kira dari segi pergaulan, perkembangan sosial dan juga ekonomi. Kesemua faktor ini telah menjadi faktor utama berlakunya pengaruh budaya Melayu kepada masyarakat Siam di Pulau Pinang.

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kesemua informan menyatakan pergaulan di antara kedua-dua masyarakat menjadi faktor utama pengaruh kebudayaan Melayu. Hal ini kerana penggunaan bahasa Melayu yang telah dituturkan menjadi bahasa utama dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Pergaulan yang erat antara kedua-dua

masyarakat bukan terjadi dalam waktu yang singkat tetapi telah melalui proses yang agak panjang bagi menyesuaikan diri diantara satu sama lain. Pergaulan di antara masyarakat Siam dan masyarakat Melayu banyak terjadi di kawasan sekolah dan kawasan tempat kerja kerana bagi masyarakat Siam yang bekerja dalam sektor kerajaan serta swasta akan mempunyai lebih ramai kenalan yang berbangsa Melayu berbanding bangsa lain kerana lebih mudah untuk bergaul.

Menurut laman rasmi Perlancongan Pulau Pinang menyatakan bahawa keberadaan masyarakat Siam di kawasan Georgetown, Pulau Pinang telah berlaku semenjak penjajahan Siam keatas negeri kedah dan pengurniaan kerajaan British kepada masyarakat Siam untuk menetap di Pulau Pinang pada tahun 1831. Perkara ini telah menunjukkan bahawa proses yang telah berlaku adalah begitu panjang bagi menyesuaikan diri dalam masyarakat yang lebih dominan di sesebuah kawasan.

Selain itu juga, ada di antara informan menyatakan bahawa ramai di antara masyarakat Siam lebih gemar mengenakan pakaian tradisional Melayu pada hari-hari tertentu kerana ia lebih sopan dan mengikut etika pemakaian dalam perkhidmatan. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh yang telah ditunjukkan oleh masyarakat Melayu mudah untuk diterima oleh masyarakat lain bagi memenuhi sesebuah kehendak.

#### **4.0.2 Pengekalan Dan Perubahan Kebudayaan Masyarakat Siam Di Kawasan Georgetown, Pulau Pinang.**

##### **4.0.2.1 Perubahan Kebudayaan Siam**

Dalam konteks ini perubahan kebudayaan Siam lebih tertumpu kepada isu kecairan yang telah berlaku dalam diri mereka disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah pergaulan, perkembangan sosial serta ekonomi. Hal ini kerana faktor-faktor ini telah mempengaruhi seseorang untuk berasimilasi dengan sesebuah kebudayaan dominan bagi memenuhi keperluan sesebuah masyarakat.

Dari segi pakaian, tujuh daripada sepuluh informan menyatakan bahawa masyarakat Siam telah mengalami perubahan yang ketara disebabkan oleh pengaruh yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu. Nilai sopan yang dititikberatkan oleh masyarakat Melayu mudah untuk diterima oleh masyarakat Siam di Pulau Pinang. Walaupun terdapat di antara masyarakat Siam yang suka untuk berpakaian seperti masyarakat Cina tetapi di tempat kerja mereka lebih selesa untuk berpakaian seperti masyarakat Melayu. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Siam telah berasimilasi dengan masyarakat Melayu dari segi etika pemakaian di tempat kerja. Selain itu juga, masyarakat Siam sudah terbiasa dan diajari untuk beradap sopan dengan orang lain semenjak dari sekolah lagi sama seperti masyarakat Melayu dan menyebabkan mereka mudah untuk menerima perubahan yang berlaku.

Dari segi bahasa pula, penggunaan bahasa Siam bukanlah suatu perkara yang menjadi pilihan kerana tidak semua masyarakat di Malaysia memahami bahasa Siam. Akan tetapi masyarakat Siam lebih gemar menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar dengan masyarakat lain. Menurut enam daripada sepuluh informan yang telah ditemubual, mereka lebih gemar menggunakan bahasa Melayu di tempat kerja kerana ia mudah difahami oleh orang lain tetapi bagi empat orang informan yang lain mereka lebih gemar menggunakan bahasa Cina untuk

bertutur disebabkan bidang kerjaya yang dipenuhi oleh masyarakat Cina. Perubahan bahasa ini bukan hanya dirasakan oleh masyarakat Siam sahaja tetapi masyarakat lain juga turut mengalami perubahan disebabkan oleh pengaruh budaya asing dalam masyarakat.

Dalam bahagian pemakanan pula, masyarakat Siam telah mengalami perubahan yang ketara kerana masyarakat Siam telah dipengaruhi oleh budaya pemakanan setempat yang lebih gemar untuk memakan makanan asli Pulau Pinang. Hal ini kerana disebabkan oleh budaya melepak dalam kalangan masyarakat telah menyebabkan masyarakat Siam menerima makanan setempat. Menurut tujuh orang informan telah menyatakan bahawa mereka gemar untuk memakan nasi kandar yang terkenal di negeri Pulau Pinang. Perkara ini disebabkan oleh pengaruh yang ditunjukkan masyarakat Melayu kepada masyarakat lain mengenai makanan tersebut. Perubahan yang berlaku ini bukanlah suatu perkara yang baharu dalam masyarakat Siam kerana proses penerimaan pemakanan orang bukanlah suatu yang mudah sama seperti apa yang telah dilalui oleh masyarakat lain. Walaupun Malaysia mempunyai pelbagai makanan yang dibawa daripada Thailand tetapi bagi masyarakat Siam di kawasan Georgetown lebih gemar untuk memakan makanan yang dimakan oleh masyarakat Melayu disebabkan oleh ada diantara mereka yang berasal dari luar Pulau Pinang yang sudah terbiasa dengan makanan tersebut. Sebagai contoh, ada diantara masyarakat Siam yang lebih gemar untuk memakan nasi campur masakan Melayu kerana ia mudah untuk didapati. Selain itu juga, masyarakat Siam akan memakan roti canai serta nasi lemak untuk dijadikan sebagai sarapan pagi.

Oleh yang demikian, pengekalan dan perubahan yang berlaku dalam diri masyarakat Siam bukanlah suatu perkara yang mudah dan boleh dipandang biasa kerana setiap pengekalan dan perubahan budaya yang berlaku mempunyai sebab bagi mengekalkan identiti asal budaya Siam yang kian terhakis disebabkan oleh asimilasi yang berlaku dalam diri mereka. Perubahan pula berlaku disebabkan oleh penyesuaian diri masyarakat Siam bagi diterima dalam kalangan masyarakat kerana jumlah yang dimiliki oleh masyarakat Siam adalah sedikit berbanding masyarakat lain. Hal ini sedikit sebanyak mampu untuk masyarakat Siam diterima oleh masyarakat lain dalam aspek budaya.

#### **4.0.2.2 Pengekalan Kebudayaan Siam**

Pengekalan sesebuah budaya bukanlah suatu perkara yang mudah dalam diri seseorang kerana pelbagai faktor dan pengaruh mampu mengubah kebudayaan asal sesebuah masyarakat. Dalam konteks ini pengekalan kebudayaan etnik Siam masih lagi berlaku kerana ia melambangkan sesebuah bangsa tetapi terdapat juga perubahan yang telah berlaku bagi memenuhi keperluan yang ada di negara kita. Di Malaysia, kebudayaan negara mestilah berlandaskan dengan kebudayaan asal iaitu budaya Melayu tetapi kebudayaan lain masih lagi dititikberatkan bagi menjaga kepelbagaian budaya.

Menurut hasil kajian temubual yang telah dijalankan, terdapat empat informan yang menyatakan bahawa kebudayaan yang masih lagi dikekalkan bagi masyarakat Siam di kawasan Georgetown, Pulau Pinang adalah pesta *songkran* iaitu pesta tahun baru bagi semua masyarakat Siam. Bagi masyarakat setempat, pesta ini bukanlah suatu perkara asing kerana ia juga disambut oleh masyarakat lain bagi menyeriakan lagi kemeriahannya. Pesta ini akan diadakan di kawasan Wat atau rumah ibadat bagi masyarakat Siam yang terletak di Jalan Burma, Pulau Pinang.



Selain itu juga, pengekalan tarian tradisional masyarakat Siam iaitu tarian Rambong atau lebih dikenali sebagai tarian *Loy Khratong* bagi masyarakat Siam bagi mengingati kebudayaan asal masyarakat tersebut. Bagi sesetengah masyarakat Siam yang lebih mengutamakan kebudayaan asal, mereka akan menghantar anak-anak mereka untuk mempelajari tarian ini di kawasan Wat.

Dari segi bahasa pula, masyarakat Siam akan lebih tertumpu kepada bahasa Thai iaitu bahasa ibunda mereka tetapi terdapat campuran bahasa yang telah berlaku disebabkan pergaulan diantara masyarakat Siam dan masyarakat dominan yang lain. Sebagai contoh terdapat dua orang informan yang menyatakan bahawa anak mereka lebih gemar untuk bertutur dalam bahasa Cina disebabkan oleh bahasa ini telah dipelajari di sekolah. Tetapi bagi enam orang informan yang lain menyatakan bahawa mereka masih lagi mengekalkan penggunaan bahasa ibunda iaitu bahasa Thai sebagai bahasa pengantar dalam urusan kekeluargaan. Ini menunjukkan bahawa pengekalan bahasa masih lagi berlaku dalam kalangan masyarakat Siam di Pulau Pinang.

#### **4.0.3 Kesan Perubahan Kebudayaan Masyarakat Siam Kepada Kebudayaan Melayu.**

Hasil dari kajian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kesan disebabkan oleh perubahan yang berlaku dalam masyarakat Siam. Ini disebabkan oleh isu kecairan budaya yang telah berlaku dalam diri mereka sehinggakan telah terasimilasi dengan kebudayaan asal masyarakat Melayu tetapi masih mengekalkan kebudayaan asal bagi mengekalkan identiti masyarakat Siam itu sendiri.

Antara kesan yang diperolehi oleh pengkaji dari informan hasil temu bual yang dijalankan mendapati bahawa pengaruh yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu telah merubah persepsi masyarakat tentang kewujudan dan keberadaan masyarakat Siam yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana, menurut empat daripada sepuluh informan menyatakan bahawa masyarakat Siam sering dikaitkan dengan masyarakat Cina yang dimana kedua-dua masyarakat ini adalah berbeza dari pelbagai aspek termasuklah budaya, bahasa dan juga makanan tetapi hanya mempunyai persamaan dari segi agama. Jika dilihat dari sudut bahasa masyarakat Siam lebih memilih untuk berbahasa Thai jika bertutur sesama mereka dan tidak menggunakan bahasa Cina dalam pertuturan seharian tetapi mereka lebih selesa menggunakan bahasa Melayu jika bertutur dengan masyarakat yang lain. Ini disebabkan oleh bahasa Melayu itu sendiri yang mudah difahami dan diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Selain itu juga, penerimaan kebudayaan Melayu dalam kalangan masyarakat Siam disebabkan oleh penerimaan masyarakat Melayu itu sendiri yang lebih mementingkan keharmonian dalam kalangan mereka bagi menjalankan sesuatu perkara. Sifat bertolak ansur yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu itu sendiri telah menyebabkan masyarakat Siam mudah untuk menerima budaya Melayu itu sendiri. Sebagai contoh masyarakat Melayu akan memberi ruang kepada masyarakat Siam bagi menjalankan aktiviti keagamaan di kawasan tempat kerja. Ini menunjukkan bahawa nilai budaya yang ditunjukkan oleh orang Melayu itu sendiri sehinggakan mampu untuk menarik minat masyarakat lain dalam menyesuaikan diri.

Dapat dilihat juga pengaruh yang dibawa oleh masyarakat Melayu itu sendiri dalam aspek pemakanan membawa kesan yang mendalam bagi masyarakat Siam. Hal ini kerana, masyarakat Siam telah menerima makanan masyarakat Melayu itu sendiri lebih daripada makanan masyarakat lain. Menurut empat orang informan menyatakan bahawa makanan yang telah dimakan oleh masyarakat Melayu dapat diterima dengan baik kerana ia mudah diperolehi. Makanan Melayu telah menjadi makanan harian di tempat kerja disebabkan bagi menghormati masyarakat Melayu yang lain. Mereka dikatakan telah terikut-ikut dengan budaya Melayu kerana ia telah menjadi rutin harian di tempat kerja.

Kesan pengaruh kebudayaan melayu juga mampu untuk membawa kesan negatif terhadap masyarakat Siam disebabkan oleh beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada perubahan kebudayaan asal masyarakat Siam. Ini disebabkan oleh faktor kecairan budaya yang telah berlaku dalam diri masyarakat Siam bagi diterima oleh masyarakat setempat.

Antara kesan negatif yang mampu dilihat adalah pemahaman terhadap bahasa ibunda masyarakat Siam itu sendiri terdapat di antara masyarakat Siam yang tidak memahami bahasa tersebut. Ada di antara masyarakat Siam yang tidak menuturkan bahasa Thai dalam penuturan keluarga mampu untuk menghilangkan bahasa itu sendiri. Seperti apa yang telah diperkatakan oleh seorang informan di mana ada di antara anak muda yang tidak mahu untuk mempelajari bahasa thai disebabkan oleh pengaruh budaya asing termasuklah bahasa Melayu dan Cina. Perkara ini mampu menghakis bahasa itu sendiri dan menyebabkan ia hilang dari penuturnya. Pemahaman terhadap bahasa Thai bukanlah suatu yang mudah kerana ia memerlukan masa dan latihan yang banyak bagi memahami bahasa tersebut.

Pengaruh kebudayaan Melayu juga mampu untuk menghilangkan kebudayaan asal Masyarakat Siam dalam aspek budaya iaitu penekanan di peringkat sekolah dan peringkat lebih tinggi hanya menumpukan kepada kebudayaan masyarakat yang lebih dominan iaitu masyarakat Melayu. Menurut dua orang informan yang telah ditemubual oleh pengkaji menyatakan bahawa ada di antara anak-anak masyarakat Siam yang tidak mengenali tarian asli masyarakat Siam itu sendiri disebabkan tiada pendedahan yang dilakukan oleh kerajaan disebabkan oleh penumpuan hanya kepada etnik majoriti di Malaysia. Perkara ini mampu menghilangkan budaya asal masyarakat Siam yang pada dasarnya juga mempunyai budaya yang begitu banyak.

Pengaruh kebudayaan Melayu dalam sesebuah masyarakat lain bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang tinggi kerana ia mampu untuk menghilangkan atau menghapuskan budaya lain. Hal ini kerana, kebanyakan etnik minoriti yang lain hampir kehilangan identiti asal mereka disebabkan oleh asimilasi yang telah berlaku dalam etnik dominan di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian budaya seharusnya penerapan budaya lain juga amat penting bagi menjaga keharmonian dan kebudayaan tersebut.

Dapat dilihat juga mengenai kawasan kajian ini dijalankan dimana kawasan kajian ini tertumpu kepada kawasan Georgetown, Pulau Pinang yang di mana ia merupakan kawasan bandar yang berkembang pesat. Pengkaji melihat bahawa berlaku perubahan terhadap masyarakat Siam disebabkan yang telah berhijrah dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar. Hal ini kerana sistem sosial di kawasan luar bandar lebih tertumpu kepada kelompok masyarakat Siam sahaja tetapi di kawasan bandar ia lebih tertumpu kepada percampuran masyarakat yang berbilang kaum dan di

dominasi oleh masyarakat Melayu dan Cina. Perkara ini membawa kesan besar kepada masyarakat Siam bagi menyesuaikan diri mengikut budaya setempat. Seperti apa yang telah diketahui bahawa kawasan Georgetown merupakan kawasan pentadbiran dan kawasan ekonomi bagi negeri Pulau Pinang semenjak dari pemerintahan British sehingga kini. Namun kewujudan masyarakat Siam tidaklah asing untuk masyarakat setempat kerana mampu berdaya saing dengan masyarakat yang lain sehinggakan kawasan Jalan Burma di Georgetown, Pulau Pinang dijadikan kawasan tarikan perlancongan.

## **5.0 Kesimpulan**

Penyelidikan mengenai pengaruh kebudayaan masyarakat Melayu dalam etnik Siam di kawasan Georgetown, Pulau Pinang menunjukkan bahawa pengekalan sesebuah kebudayaan mampu untuk dijaga dengan baik jika ia diajar dan dilakukan selalu. Hal ini disebabkan sesebuah budaya itu menjadi lambang kepada sebuah bangsa. Dalam kajian ini ia lebih kepada etnik Siam yang mengalami proses integrasi yang amat besar bagi menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu.

Dapat dilihat bahawa budaya seharian masyarakat Siam berjaya diasimilasi dalam kebudayaan Melayu, namun asimilasi ini bukanlah asimilasi mutlak. Hal ini kerana penglibatan yang berlaku bukanlah melibatkan keseluruhan cara hidup masyarakat Siam akan tetapi hanya kebudayaan sahaja. Kepercayaan agama dan adat resam masyarakat Siam masih lagi dikekalkan bagi mengelakkan konflik yang berlaku. Hanya sedikit sahaja kebudayaan Melayu yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka bagi mendapat tempat dalam masyarakat serta menyesuaikan diri dengan persekitaran. Bilangan masyarakat Siam yang terdapat di Malaysia amnya serta Pulau Pinang khususnya hanya sedikit dan tidak memberi impak yang besar terhadap perubahan sosial masyarakat. Namun jika diketengahkan tentang kewujudan masyarakat Siam di Malaysia ia mampu untuk mewujudkan kepelbagaian kebudayaan yang ada di negara kita.

Proses asimilasi, akulturasi dan adaptasi antara masyarakat Melayu dan Siam ini menjelaskan bahawa persefahaman yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia adalah amat baik kerana mampu untuk bertolak ansur bagi memahami kebudayaan lain dalam diri mereka. Asimilasi budaya dalam dua komuniti berbeza ini menjelaskan bahawa ruang integrasi dalam masyarakat Malaysia masih lagi ada sekiranya semua pihak memainkan peranan penting bagi mewujudkan persefahaman dan kesediaan ke arah mempertahankan kehidupan yang harmoni.

## **RUJUKAN**

- Boon Seen A/L St. Lai.(1988). *Pemilikan Tanah Di Kalangan Kaum Minoriti Thai: Antara Reality Dan Dilemma-Satu Kajian Kes Di Kampung Titi Akar, Daeran Pendang, Kedah.* Latihan Ilmiah. Jabatan Antropologi Dan Sosiologi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Chin Yee Mun, Lee Yok Fee, Jayum Jawan, & Sarjit Singh Darshan. 2014. *From individual choice to collective actions: ethnic consciousness in Malaysia reconsidered.* Ethnic and Racial Studies.

- Hasim Saari, Rohani Abd Ghani dan Ahamad Jama' Amin Yang (2019). Tragedi Dalam Perang Kedah-Siam, 1821-1842: Suatu Sorotan Sejarah
- Helaluddin (2018), Mengenal Lebih Dekat dengan Pendekatan Fenomenologi: Sebuah Penelitian Kualitatif. UIN Sultan Maulana Hasanuddin, Indonesia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). Kuala Lumpur
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2014). Kuala Lumpur
- Lebar, O. (2014). Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Tanjung Malim : Penerbit UPSI.
- Mahani Musa (2003). Pulau Pinang Sebelum 1786. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia
- Mohd Kasri Saidon dan Ahmad Sobri Shuib (2019). Sepintas Lalu Melalui Bunga Emas Kerajaan Negeri Setul dan Perkaitan Dengan sejarah Kedah Dalam Era Penguasaan Siam.
- Noriah Mohamed (2003). Bahasa Mela Yu: Sejarah Dan Keragamannya Di Pulau Pinang. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia
- Pue Giok Hun & Charanjit Kaur.(2014). Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian
- Schwartz, S. H. (1999). A theory of cultural values and some implication for work. Applied Psychology: An International Review
- Solihah Mustafa, Mazdi Marzuki, Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil, Mohammad Kadir Zainal Abidin, Mohamad Pirdaus Yusoh (2015). Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang. M Malaysian Journal of Society and Space 11
- Stephenson, J. (2008). The cultural values model: An integrated approach to values in landscapes. Landscape and Urban Planning
- Ting Chew Peh. 1987. Hubungan Ras dan Etnik. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.
- Wan Abdul Kadir, (2000). Tradisi dan Perubahan Norma Dan Nilai DI Kalangan Orangorang Melayu. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise
- Warsito (2012). Antropologi Budaya.. Yogyakarta: Penerbit Ombak.

Zainal Kling (1980). Sistem Nilai Tradisi Melayu. Kertas Kerja Dalam Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Melayu. Kota Kinabalu

## MASALAH KESIHATAN ORANG ASAL : SATU SOROTAN LITERATUR

· Mohd Syariefudin Abdullah<sup>1</sup>· Nur Nabila Khalid<sup>2</sup>· Muhamad Sayuti Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak.

Emel:[syariefudin@fsk.upsi.edu.my](mailto:syariefudin@fsk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Pelajar Sarjana, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak.

Emel: [m20202001772@siswa.upsi.edu.my](mailto:m20202001772@siswa.upsi.edu.my)

<sup>3</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor

Emel : [sayutihassan@ukm.edu.my](mailto:sayutihassan@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Penyelidikan tentang masalah kesihatan Orang Asal (OA) adalah satu bidang kajian yang agak kritikal dalam kalangan masyarakat Malaysia. OA merupakan kaum minoriti asal yang tinggal di Semenanjung Malaysia dan mereka dikaitkan dengan kemiskinan dan mundur berbanding kaum-kaum utama di Malaysia. Perkara ini berlaku lantaran dari kehidupan masyarakat OA itu sendiri yang berada di kawasan pedalaman yang menyukarkan akses kepada makanan yang berkhasiat dan kurangnya kemudahan asas di kawasan mereka telah menyumbang kepada permasalahan dalam kesihatan. Gaya hidup masyarakat OA yang bergantung kepada pemakanan utama mereka seperti ubi kayu dan sumber air sungai yang tidak bersih menyebabkan mereka kurang mendapat khasiat daripada pemakanan ini dan menyumbang kepada kadar imuniti yang lemah. Malahan sebahagian besar tempat tinggal masyarakat OA di kawasan yang jauh ke dalam hutan menyumbang kepada masalah dalam akses kesihatan dan perubatan seperti tiadanya klinik, masih bergantung dengan bidan tidak bertauliah dan kurang pengetahuan tentang penjagaan kesihatan dan kebersihan. Selain itu juga, pekerjaan mereka yang terdedah dengan kerja yang merbahaya di hutan seperti binatang berbisa dan merbahaya boleh mengundang mereka kepada

masalah dalam situasi kritikal dan seterusnya menyumbang kepada masalah kesihatan mereka. Justeru itu, penulisan ini cuba mendekati permasalahan yang wujud dalam kalangan masyarakat OA melalui kajian-kajian lepas atau kajian literatur yang dijalankan menggunakan pendekatan sosio budaya. Antara elemen yang akan ditinjau adalah berkaitan dengan kemudahan kesihatan dan juga elemen-elemen yang menyumbang kepada permasalahan kesihatan OA. Penulisan ini merumuskan bahawa terdapat kelompangan dalam kajian lalu dan boleh dirumuskan dalam tiga aspek utama iaitu masalah kesihatan, isu pengetahuan hak kesihatan dan juga kesejahteraan hidup. Dalam penulisan ini juga penyelidik akan cuba mencari cadangan yang sesuai bagi menangani permasalahan ini berdasarkan penulisan kajian lepas.

**Kata Kunci :** Elemen Sosiobudaya, Masalah Kesihatan ,Orang Asal, , Penjagaan Kesihatan.

#### ABSTRACT

*Research on Indigenous health problems (OA) is a relatively critical area of study in Malaysian society. OA is an original minority living in Peninsular Malaysia and is called a poor and backward population compared to the main races in Malaysia. This is because of the life of the OA community itself which is in rural areas which makes it difficult to access nutritious food and the lack of basic amenities in their area has contributed to problems in their health. The lifestyle of OA communities that depend on their main foods such as cassava and unclean river water sources cause them to get less nutrition from these foods and contribute to a weakened rate of immunity. Even the vast majority of OA community dwellings in areas deep into the forest contribute to problems in health and medical access such as lack of clinics, still relying on unqualified midwives and lack of knowledge of health care and hygiene. In addition, their occupations exposed to hazardous work from the forest such as poisonous and dangerous animals can invite them to trouble in critical situations and in turn contribute to their health problems. Therefore, this writing tries to approach the problems that exist in the OA community through past studies or literature reviews conducted using a socio-cultural approach. Among the elements that will be reviewed are related to health facilities and also the elements that contribute to OA health problems. This paper concludes that there are gaps in past studies and can be summarized in three main aspects namely health problems, issues of knowledge of health rights and also well-being. In this writing, researchers will try to find suitable suggestions to address this problem based on the writing of previous studies.*

**Keywords:** *Sociocultural Elements, Indigenous Peoples, Health Problems, Health Care.*

#### Pengenalan

Orang Asli merupakan salah satu entiti masyarakat Malaysia yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli merupakan penduduk asal di Malaysia telah dianggap sebagai etnik yang minoriti manakala etnik majoriti seperti etnik Melayu, Cina dan India. Mereka adalah etnik minoriti yang agak ketinggalan berbanding kaum-kaum lain (Abdul Ghafar Don, 2018).

Pandangan masyarakat moden, masyarakat Orang Asli ini terasing dan terpisah dengan arus pemodenan negara. Kesihatan merupakan suatu anugerah yang tidak ternilai yang dikurniakan oleh Tuhan kepada hambanya. Antara masalah yang utama selain isu kemiskinan dalam kalangan orang Asli (OA) adalah masalah kesihatan. Kebanyakan OA tinggal atau menetap di kawasan pedalaman terutamanya di kawasan hutan belantara. Kesihatan boleh didefinisikan sebagai ketiadaan sesuatu penyakit, kecederaan dan kecacatan tubuh badan (Hanina Hamsan dan Asnarulkhadi Abu Samah, 2008). Kediaman di hutan mendedahkan mereka kepada pelbagai penyakit seperti denggi, penyakit kulit, jangkitan kuman dan lain-lain (Abdul Ghafar Don et al, 2018). Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 1970), mentakrifkan perkataan sihat sebagai keadaan sempurna fizikal, mental dan sosial dan tidak hanya ketika ketiadaan sakit. Kualiti hidup masyarakat Orang Asli mendapat kesan apabila mereka mengalami ketidakcapaian dalam mendapatkan rawatan kesihatan dan penjagaan kesihatan yang baik disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Situasi ini telah dibuktikan oleh Bramley (dalam Aniza Ismail et.al, 2018) mengatakan bahawa terdapat jurang perbezaan dari segi jangka hayat, kadar morbiditi dan mortaliti yang umumnya lebih rendah daripada masyarakat majoriti.

### **Masyarakat Orang Asli**

Istilah Orang Asli telah diperkenalkan selepas merdeka untuk mengelompokkan suku kaum yang bertaburan di seluruh Semenanjung di bawah satu pentadbiran (Osman Ali, 2005). Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan mengatakan “Orang Asli” ertinya orang asli Semenanjung Tanah Melayu. SUHAKAM (2010) pula, Orang Asli mempunyai dua hak yang tidak dapat dilepaskan iaitu hak sebagai warganegara Malaysia dan hak sebagai penduduk asal di Malaysia. Dalam Undang-Undang Malaysia, Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974) mengatakan:

‘Orang Asli adalah mana-mana orang yang bapanya bangsa Orang Asli dan lazim mengikuti cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan Orang Asli, termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki itu. Anak angkat atau anak hasil perkahwinan dengan bukan Orang Asli, dikira Orang Asli sekiranya anak tersebut mengikut cara hidup Orang Asli. Kepercayaan agama tidak memutuskan hak Orang Asli selagi dia mengikuti cara hidup Orang Asli’.

<b>Etnik Utama</b>	<b>Sub-Etnik</b>	<b>Ciri-Ciri Fizikal</b>	<b>Taburan Penempatan</b>
Negrito	Kensiu, Kintak, Jahai, Lanoh, Mendriq dan Bateq,	-Berbadan rendah(1.5 meter atau kurang) -Berkulit Gelap - Berambut kerinting keras, berhidung besar, mata bulat dan pipi rendah	-Perak -Kelantan -Kedah -Pahang

Senoi	Semai, Temiar, Jahet/Jahut, Che'Wong, Ma'Betise/ Mah Meri dan Semoq Beri	-Berbadan tinggi - Berkulit cerah -Rambut beralun dan tidak kerinting	-Perak -Pahang -Kelantan -Selangor -Terengganu
Melayu-Proto	Temuan, Semelai, Kajun, Orang kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar	- Berkulit sawo matang (kulit orang Melayu) - Rambut yang lurus	-Selangor - Negeri Sembilan -Pahang -Johor

Sumber : Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia

### Konsep Kesihatan Orang Asal

Kesihatan secara umumnya adalah bebas daripada segala penyakit dan mempunyai tenaga untuk menjalankan kegiatan harian. Konsep kesihatan Orang Asal persekitaran yang dihuni oleh mereka mempunyai semangat roh baik yang akan menyumbang kepada kesihatan tubuh badan mereka. Hal ini kerana, konsep yang dibawa mereka adalah disebabkan oleh perhubungan mereka yang mesra dengan alam sekitar telah memberikan aura yang positif terhadap kehidupan mereka. Menurut Vicary dan Bishop (dalam Aniza Ismail et.al, 2018) mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai hubungan yang harmoni, unik dan kompleks dengan alam sebenar dan alam roh yang menghubungkan antara individu, komuniti dan persekitaran. Alam spiritual/roh yang menjadi kepercayaan utama mereka melibatkan dua perkara iaitu roh baik dan roh jahat. Menurut Brown (dalam Aniza Ismail et.al, 2018) mengatakan bahawa roh jahat boleh mendatangkan sesuatu penyakit dan menyebabkan ketidakseimbangan dari aspek spiritual, fizikal dan emosi dengan menyebabkan kediaman mereka mendapat perkara yang tidak baik seperti penyakit atau kecederaan.

Selain itu juga, Menurut Kelly Jaunding dan Colonius Atang (2020) melalui konsep kesihatan Orang Asal ini dapat diketahui melalui definisi kesihatan Orang Asal oleh Commonwealth of Australia (2013) iaitu :

*“Aboriginal health means not just the physical wellbeing of an individual but refers to the social, emotional and cultural wellbeing of the whole community in which each individual is able to achieve their full potential as a human being, thereby bringing about the total wellbeing of theircommunity. It is a whole-of life view and includes the cyclical concept of life-death-life.”*

### Masalah Kesihatan Orang Asli

Dalam bahagian ini, masalah kesihatan orang asli di Malaysia dan luar negara akan dibincangkan. Perbincangan ini bertujuan untuk memahami masalah kesihatan orang asal yang sering berlaku dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, kediaman mereka di hutan telah mendedahkan mereka kepada pelbagai penyakit seperti denggi, penyakit kulit, jangkitan kuman dan lain-lain (Abdul



Ghafar Don, 2018). Kehidupan masyarakat Orang Asli masih lagi berkisar dengan isu kemiskinan dan penjagaan kebersihan yang kurang dipraktikkan. Masalah kesihatan dalam kehidupan Orang Asli sudah menjadi satu perkara biasa yang membelenggu kehidupan mereka. Kehidupan mereka pada masa lalu yang hidup secara nomad untuk mencari makanan, maka masalah kesihatan utama adalah malaria, tifus belukar, penyakit kulit dan helmin (Osman Ali dan Zaleha Md Isa, 2005). Apabila mereka mula menetap, masalah kesihatan lain mula muncul seperti kekurangan nutrisi dan penyakit kekurangan iodin. Masalah obesiti mula muncul apabila berlakunya perubahan gaya hidup mereka menjadi masyarakat moden.

### **Masalah Kesihatan Orang Asli di Luar Negara**

#### **a) Masalah kesihatan Orang Asal di Australia**

Di Australia mempunyai masyarakat Orang Asal yang tinggal di kawasan gurun yang mengamalkan cara hidup tradisional iaitu memburu dan mengumpulkan makanan daripada sumber yang mereka perolehi. Kelangsungan hidup Orang Asal yang tinggal di kawasan gurun mengalami kesukaran dalam mendapatkan bekalan makanan (J.C Brand dan V. Chirikaff, 2006). Hal ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor persekitaran dan bentuk muka bumi disitu seperti kekurangan sumber air, tanah yang gersang tidak sesuai untuk sesetengah tanaman dan bencana alam juga sering berlaku seperti kebakaran menyebabkan sumber makanan terputus. Makanan yang sering dimakan oleh Orang Asal adalah tumbuhan yang boleh dimakan namun tidak mempunyai nilai di mata masyarakat moden Australia. Oleh itu kajian yang dibuat oleh J.C Brand dan V. Chirikaff (2006) adalah untuk mengkaji tanaman yang sesuai untuk ditanam di kawasan mereka yang mendatangkan khasiat kepada mereka.

#### **b) Masalah kesihatan Orang Asal di Kanada**

Di Kanada mempunyai masyarakat Orang Asal yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Indian, Inuit dan Metis. Kadar kelahiran masyarakat mereka adalah tinggi dan jangka hayat adalah rendah. Kadar kelahiran mereka tinggi adalah disebabkan oleh wanita asli Kanada mempunyai kesuburan yang tinggi namun jangka hayat mereka rendah adalah disebabkan oleh masalah kesihatan yang berlaku iaitu masalah penyakit berjangkit dan masalah keracunan air. Menurut Chantelle A.M.R dan Catherine C (2016) mengatakan bahawa masalah kesihatan yang berlaku dalam kalangan mereka sebahagiannya membawa kepada kematian. Kehidupan mereka yang susah dan miskin telah menyukarkan untuk mereka mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan mendapat bekalan air yang bersih menyebabkan mereka mendapat penyakit.

### **Masalah Kesihatan Orang Asal di Malaysia**

#### **1. Punca Masalah**

##### **a. Ekonomi**

Kajian di buat oleh Mustaffa Omar dan Nor Hafizah Mohd Fizer (2015) berkaitan dengan perbandingan kelestarian ekonomi komuniti Orang Kanaq dan Orang Kuala dalam aspek modal kewangan. Hasil kajian mendapati bahawa bantuan yang disediakan kerajaan tidak mampu untuk mengubah kehidupan masyarakat Orang Asli Kanaq secara menyeluruh kerana ianya hanya bersifat sementara dan lebih menjurus kepada memenuhi keperluan dan penggunaan semasa seperti makanan, pakaian dan pelbagai barangan keperluan harian. Hal ini kerana, modal

kewangan utama mereka adalah tingkat pendapatan dan pemilikan aset tetap adalah rendah. Manakala, Orang Kuala lebih menjurus kepada meningkatkan kualiti modal insan melalui pendidikan dan modal kewangan seperti pinjaman, geran dan subsidi. Bantuan ini lebih membantu Orang Kuala untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Masalah kemiskinan juga menjadi isu utama dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada tahap kemiskinan yang tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli. Menurut Mohd Fauzi Mohd Harun et.al,(2006) enam faktor yang menyumbang kepada kemiskinan adalah klasifikasi kawasan, umur ketua isi rumah, saiz isi rumah, tahap pendidikan ketua isi rumah, jenis perkerjaan dan faktor gender kesemua faktor ini mempunyai signifikan terhadap tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli.

### **b. Keciciran Dalam Pendidikan**

Hak untuk mendapat pendidikan adalah satu keperluan asas yang wajib untuk semua warganegara mendapatkannya. Menurut Fatan Hamamah Yahaya (2008), mendapat pendidikan formal atau tidak formal menjadi satu keperluan asas dalam kehidupan manusia. Pendidikan mampu mengubah pemikiran manusia menjadi lebih terbuka dan dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan tinggi serta wujudnya modal insan. Ilmu pengetahuan tentang kehidupan sangat penting untuk dipelajari kerana ia merangkumi semua aspek kehidupan yang diperolehi secara langsung atau tidak langsung. Sebagai contoh, pengetahuan tentang penjagaan kesihatan dan kebersihan bagi mengurangkan masalah kesihatan yang berlaku. Selain itu juga, pendidikan dapat membawa manusia mengecapi tamadun hidup yang tinggi dan menikmati proses kehidupan yang bersistematik.

Keciciran anak Orang Asli dalam pelajaran masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum majoriti di Malaysia. Namun, kehebatan dalam pengetahuan berkaitan dengan alam sekitar mereka berada tahap tinggi. Di samping itu juga, pengetahuan mereka tentang perubatan tradisional berkenaan dengan ubat-ubatan berkaitan akar kayu berada pada tahap yang baik. Hal ini kerana, majoriti masyarakat Orang Asli sangat mengamalkan perubatan tradisional untuk kesembuhan penyakit dan mengekalkan kesihatan (Aniza Ismail et.al ,2018). Oleh itu, setiap sesuatu itu mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing yang boleh dipelajari. Dunia pendidikan melahirkan sosiobudaya masyarakat yang berbeza mengikut keperluan semasa.

Aksesibiliti pelajar Orang Asli juga menjadi salah satu faktor keciciran dalam pendidikan. Kajian ini dibuat oleh Mazdi Marzuki et.al (2014), mengatakan bahawa operasi pengangkutan awam yang disediakan kepada pelajar Orang Asli seperti bas dan trak masih kurang memuaskan dari segi kualiti, bilangan dan perkhidmatan. Hal ini kerana. Secara puratanya, pelajar Orang Asli terpaksa berjalan kaki untuk ke sekolah iaitu ke SMK Seri Tapah dan SMK Tapah melebihi 15 KM yang mengambil masa selama 45 minit. Ketidakhadiran pelajar Orang Asli ke sekolah adalah disebabkan jarak antara perkampungan Orang Asli dengan sekolah jauh dan kesediaan dalam pengangkutan yang sangat terhad.

### **c. Masalah ancaman sekuriti makanan**

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan masih mengamalkan hidup secara nomad seperti kaum Negrito dan Senoi lazimnya makanan utama mereka adalah ubi kayu. Sumber

karbohidrat yang mereka peroleh adalah kurang daripada jumlah sepatutnya menyebabkan berlakunya kekurangan zat dalam badan. Keadaan ini dapat dilihat melalui kajian yang dibuat oleh Nor Haidanadia et.al (2016), kesihatan masyarakat Lanoh mula terjejas apabila berlakunya perubahan persekitaran dan status sosio-ekonomi yang rendah telah mendedahkan mereka kepada ancaman sekuriti makanan kerana kesukaran akses untuk mendapatkan makanan berkhasiat dan mencukupi. Makanan merupakan elemen utama dalam kehidupan untuk meneruskan kelangsungan hidup tanpa pemakanan yang sihat akan menyebabkan berlakunya masalah kesihatan. Masalah obesiti berlaku apabila pengambilan makanan secara berlebihan dan tidak sihat seterusnya akan menyebabkan penyakit diabetes. Kekurangan nutrisi pula akan menyebabkan berlakunya anemia, kekurangan zat iodin dan vitamin A serta jangkitan dari bawaan cacing.

Selain itu juga, melalui pemakanan juga setiap kaum Orang Asli mempunyai pantang larang mereka yang tersendiri untuk tidak memakan sesuatu makanan itu. Menurut Bolton (Osman Ali, 2005) antara pantang larang lazim dan mempengaruhi tabiat pemakanan mereka adalah seperti :

- i) Tidak memakan harimau kerana memiliki semangat manusia dan memakan manusia
- ii) Tidak makan haiwan peliharaan kerana percaya bahawa haiwan tersebut memberi sepenuh kepercayaan kepada tuannya. Mereka akan menjual ayam dan kambing untuk dapatkan wang dan tidak akan memakannya.
- iii) Haiwan seperti cicak yang kecil tidak dimakan kerana kotor. Orang Asli Jahut tidak makan tikus dan Orang Asli Bateq tidak memakan haiwan menyusur seperti ular, lipan dan cicak.
- iv) Katak puru dan burung gagak tidak dimakan kerana dianggap beracun
- v) Rusa tidak akan dimakan semasa hamil kerana dipercayai akan menyukarkan proses kelahiran bayi. Semasa mengandung banyak haiwan seperti haiwan liar yang besar tidak dapat dimakan kerana percaya akan mendapat sawan akibat semangat haiwan tersebut.

#### **d. Kekurangan Iodin**

Iodin merupakan suatu unsur kimia yang penting dalam makanan manusia dan haiwan untuk menghasilkan hormone tiroid yang diperlukan oleh kelenjar tiroid (Zaleha Md Isa, 2005). Iodin merupakan nutrien yang penting bagi fungsi normal tiroid, tumbesaran dan perkembangan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Keperluan iodin sangat penting untuk kesihatan manusia bagi mengelakkan wujudnya penyakit disebabkan kekurangan iodin seperti pembentukan goiter atau beguk, penurunan kadar kecerdasan, kadar kematian fetus meningkat dan memperlahankan kadar tumbesaran. Kajian yang dibuat oleh Osman Ali (2000), mengatakan bahawa pemakanan Orang Asli masih tidak banyak berubah walaupun sumber makanan yang kaya dengan iodin mula diperolehi. Hal ini kerana, adalah disebabkan oleh faktor kewangan dan habit pemakanan mereka yang lebih gemar mengambil makanan yang mempunyai unsur goitrogen seperti ubi kayu dan pucuk ubi. Secara puratanya kadar prevalens goiter melebihi 50% walaupun mereka tinggal berhampiran kawasan bandar. Selain itu juga, masalah utama kekurangan iodin yang menyebabkan penyakit goiter ini juga wujud dalam kalangan masyarakat arus perdana. Menurut Nor Hayati Otman (2018), terdapat 7 buah negeri yang mempunyai peratusan yang tinggi

dalam penyakit goiter iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis dan Kedah seperti Sarawak (99.5 %) dan Kelantan (45%). Justeru itu, ini membuktikan bahawa masalah goiter ini perlu dipandang serius kerana bukan sahaja Orang Asli yang akan peroleh masalah ini malah masyarakat luar juga.

#### **e. Gaya Hidup**

Pengetahuan mereka tentang penjagaan kesihatan berkenaan dengan kencing manis kurang dititiberatkan oleh Orang Asli kerana amalan pemakanan yang tidak sihat (Badariah Ahmad et.al, 2013). Hal ini kerana mungkin mereka kurang diberi pendedahan tentang penyakit ini. Satu kajian dibuat oleh Liyanatul Najwa Zakaria dan Halimatus Sakdiah Minhat (2020) mengenai pengasuh Orang Asli yang menjaga kanak-kanak di bawah umur 3 tahun yang mempunyai amalan penjagaan kebersihan yang baik. Mereka mengamalkan membasuh tangan dengan sabun, penggunaan tandas dengan baik dan menggunakan pampers kepada kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, kebanyakan mereka mempunyai pendapatan yang baik dan tinggal di kawasan bandar menyebabkan mereka lebih terdedah dengan pengetahuan kebersihan. Penjagaan kebersihan diri dan kemudahan sanitasi yang kurang dipraktikkan dalam kehidupan akan memudahkan penularan masalah cacing terhadap kanak-kanak (Martial, Samuel Sandy dan Nopita Paembonan, 2015).

Penjagaan kebersihan diri ini adalah untuk memelihara kebersihan dan kesihatan seseorang untuk mendapatkan kehidupan yang baik bebas daripada penyakit. Gaya hidup tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli Temiar yang menggunakan sumber alam semulajadi memberikan keselesaan kepada mereka untuk menjalani kehidupan seharian mereka yang akan membawa kepada keamanan, kesejahteraan dan keharmonian (Anidah Alias, 2012). Pengetahuan tentang demam denggi adalah rendah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Persekitaran yang tidak bersih menyebabkan wujudnya tempat pembiakan nyamuk. Menurut Josephine Rebecca (2016) mengatakan bahawa, Suku Kaum Temuan dan Suku Kaum Jakun menunjukkan kurang berminat untuk melaksanakan amalan-amalan pencegahan denggi kerana kemungkinan budaya gotong-royong dalam kehidupan mereka kurang diterapkan menyebabkan amalan ini tidak dilakukan secara bersama bagi mencegah penularannya. Pengetahuan tentang pemakanan yang perlu diambil dalam jumlah yang sedikit dan banyak adalah kurang menyebabkan berlakunya masalah kesihatan. Gaya hidup dalam habit pemakanan menentukan masalah kesihatan yang akan mereka peroleh seperti penyakit tiga serangkai. Status pengetahuan amalan pemakanan, sikap terhadap amalan makanan adalah rendah dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya warga tua (Norimah Karim et.al, 2008).

Kediaman mereka di hutan telah mendedahkan dengan pelbagai penyakit yang datang daripada bawaan haiwan dan keadaan sekeliling. Masyarakat Orang Asli sangat terkenal dengan perubatan tradisional dalam merawat penyakit. Kaedah tradisional yang digunakan oleh mereka adalah khidmat bomoh atau pawang (Abdul Ghafar Don, 2018). Perkhidmatan bomoh ini masih digunakan oleh masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman kerana kesukaran akses untuk mendapatkan rawatan di klinik. Perubahan dalam pembangunan yang berlaku telah menukarkan gaya hidup Orang Asli ke arah lebih moden dalam mendapatkan perawatan di klinik-klinik kerajaan.

## **2. Kesan**

#### a. Penyakit bawaan daripada cacing (infeksi parasit)

Terdapat beberapa kajian lalu yang memfokuskan masalah kesihatan yang berlaku dalam komuniti Orang Asli adalah melalui jangkitan parasit usus. Tengku S.A dan Norhayati M (2011) dalam kajiannya mengatakan jangkitan ini boleh didapati melalui sisa kumbahan dan air tercemar. Pengambilan air atau makanan yang tercemar oleh kuman *E. histolytica* cysts. Kajian Sinniah et al. (2012) yang mengatakan bahawa jangkitan parasit usus ini adalah disebabkan oleh sikap Orang Asli yang tidak mementingkan kebersihan dan terbiasa dengan cara tradisional yang tidak begitu mementingkan aspek kebersihan dan keselamatan mereka seperti tidak memakai selipar, memakan makanan yang tidak dibasuh dan dimasak serta minum air sungai yang tidak dirawat. Keadaan ini juga dapat dilihat melalui perlakuan Orang Asli yang tidak menghargai usaha kerajaan yang menyediakan perumahan dan kesihatan yang baik. Mereka tidak memahami penjagaan kesihatan dan kebersihan dengan penggunaan tandas yang betul untuk mencegah jangkitan.

Kajian seterusnya ialah miskin kesedaran dan kesihatan, kekurangan kemudahan asas, masalah kemiskinan dan pencapaian pendidikan rendah merupakan faktor jangkitan parasit usus meningkat. Kajian ini juga mengatakan bahawa berlaku sedikit pengurangan masalah jangkitan parasit usus dalam komuniti lain apabila berlaku peningkatan status ekonomi di Malaysia namun kurang ketara dalam komuniti Orang Asli (Lim, Y. A et. al, 2009). Menurut Azlin Mohd Yasin dan Anisah Nordin (2018) mengatakan bahawa jangkitan parasit mempunyai 2 kumpulan iaitu agen penyebab penyakitnya iaitu jangkitan protozoa (organisme unisel) dan juga helmin (multisel).

Tambahan pula kajian yang dibuat oleh Mohamed Kamel Ghani dan Anisah Musa (2018) mengatakan faktor menyumbang peningkatan prevalens infeksi adalah rendahnya sanitasi persekitaran dan pengetahuan tentang kebersihan dan kesihatan serta miskin. Kemudahan air paip yang menyalurkan air bukit disediakan oleh kerajaan juga tidak mesra iaitu terhad dan tidak dirawat. Selain itu dalam kajian Hartini Yusof dan Mohamed Kamel Ghani. (2009) mengatakan bahawa sifat semula jadi Orang Asli yang menggunakan sungai untuk melakukan aktiviti harian seperti membasuh, mandi, bermain, memasak dan minum serta semak dijadikan tempat untuk membuang air besar. Status ekonomi yang rendah, budaya kehidupan mereka, kekurangan kemudahan asas dan tahap penjagaan kesihatan dan kebersihan yang rendah menjadi punca wujudnya masalah ini.

Pengawasan ibu bapa terhadap kanak-kanak yang bermain diluar kurang ketat menyebabkan belakunya prevelens infeksi giardiasis kerana disebabkan oleh kawasan semak atau luar rumah telah dikontaminasi dengan najis manusia (Hartini Yusof dan Mohamed Kamel Ghani, 2009). Seterusnya kajian dibuat oleh Hartinie Yusof et. al (2013) mengatakan bahawa pengurusan sampah yang tidak efisien, amalan minum dan makan yang tidak dimasak, ketidakselesaian menggunakan tandas menjadi punca adanya ifeksi. Masalah kemiskinan, tidak tahu tentang kebersihan diri menjadi penyumbang peningkatan kes infeksi parasit usus kepada kanak-kanak. Kajian lain yang dibuat oleh Hartini Yusof dan Mohamed Kamel Ghani (2018) mengatakan infeksi usus disebarkan melalui air dan makanan yang tidak bersih iaitu apabila adanya lipas dan lalat yang merayap dari tempat kotor dan hinggap pada makanan dan seterusnya dimakan. Kajian yang dibuat oleh pengkaji yang sama iaitu Hartini Yusof dan Mohamed Kamel Ghani (2012), mengatakan kanak-kanak cenderung untuk tidak menjaga kebersihan diri dan mudah untuk mendapat jangkitan *thichuis*.

Selain itu, jangkitan ini juga boleh didapati apabila Orang Asli melakukan aktiviti bercucuk tanam tidak menggunakan sarung tangan untuk mengambil tanah yang menyebabkan bakteria masuk melalui kuku (Nisha . M et al, 2019). Menurut Wong. W.K et al (2016), mengatakan bahawa jangkitan parasit usus dalam kalangan Orang Asli masih tinggi walaupun telah diedarkan antibodi untuk anti-amoeba kepada mereka. Hal ini kerana, tabiat mereka yang tidak menjaga kebersihan diri. Keseluruhan kajian mengenai masalah kesihatan yang disebabkan oleh bawaan bakteria mengakibatkan jangkitan parasit usus mendapati bahawa perempuan lebih tinggi daripada lelaki peratus jangkitan. Selain itu, masalah kemiskinan yang menjadi punca kemudahan asas tidak dapat diakses dengan baik.

### **b. Kekurangan Nutrisi**

Masalah kekurangan nutrisi dalam kalangan komuniti Orang Asli sudah menjadi satu perkara normal kepada mereka. Satu kajian telah dibuat oleh Ali Osman et.al (1992) mendapati bahawa kekurangan zat makanan oleh Orang Asli lebih tinggi daripada Orang Melayu. Perbandingan ini dibuat adalah berdasarkan jumlah pendapatan isi rumah. Osman Ali dan Zaleha Md Isa (1995) mengatakan bayi Orang Asli yang menyusu tidak mendapat kalsium yang secukupnya kerana ibu mereka tidak mendapatkan zat makanan yang mencukupi diperlukan oleh badan seorang ibu. Karya Osman Ali & Zaleha Md Isa (2005) yang berkaitan dengan kehidupan dan kesihatan Orang Asli di Malaysia boleh dijadikan panduan kerana penulisan buku ini telah mengupas keadaan kesihatan Orang Asli yang meliputi aspek kesihatan, pemakanan, program penambahbaikan kepada Orang Asli.

Menurut Khor L. G dan Zalilah Sharief (2008), Orang Asli bukan sahaja terlibat dengan masalah kekurangan makanan sahaja, malah terdedah dengan pelbagai penyakit terutamanya penyakit berjangkit, parasit, malaria, batuk kering, kusta, filariasis, pernafasan dan masalah kulit dan kebanyakannya mereka dirawat di Hospital Gombak. Seterusnya kajian tahap status nutrisi dan kesihatan reproduktif wanita Orang Asli di Pahang menunjukkan min nutrisi yang diambil adalah tidak mencukupi dengan tahap yang diperlukan oleh seseorang wanita berbanding penjagaan kesihatan wanita yang memuaskan (Lim & Chee, 1998). Pengambilan nutrisi yang tidak mencukupi akan menjejaskan tahap kesihatan dan akan cepat terdedah kepada penyakit yang kronik. Kekurangan zat makanan adalah disebabkan oleh kekurangan pendapatan isi rumah, amalan pemakanan yang tidak sihat dan persekitaran yang tidak bersih serta perkhidmatan kesihatan masyarakat dan hospital kurang diakses (Ajiia Rasid et.al, 2019). Pemberiaan susu ibu dan makanan yang sihat serta mengawal portion makanan untuk diberikan kepada anak-anak mampu meningkatkan status gizi anak (Agustina dan Irna Hamisah, 2019).

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan oleh Nor Haidanadia Husni, Mustaffa Omar et al,(2016) mengenai ancaman sekuriti makanan terhadap komuniti Lanoh di Lenggong, Perak. Kajian ini membincangkan faktor yang menyumbang kepada keterancaman sekuriti makanan komuniti Lanoh daripada aspek ketersediaan makanan, kebolehcapaian makanan, penggunaan makanan dan kestabilan bekalan makanan. Aspek kesihatan Orang Asli yang dikira sangat rendah dalam sudut pandang sains perubatan seperti dalam kajian KL Phua (2015) iaitu mengenai keadaan kesihatan Orang Asli dengan melihat bukti saintifik terhadap nutrisi dan parasite infestations serta implikasi terhadap amalan klinikal yang dijalankan. Kajian ini mendapati bahawa Orang Asli mudah untuk mendapat penyakit sejenis yang parasit seperti

malaria, mikrosporida dan cryptosporidium. Penyakit ini mudah dijangkiti kepada Orang Asli adalah disebabkan oleh kekurangan zat makanan. Pengamalan perubatan tradisional dalam kalangan Orang Asli juga menjadi satu amalan penjagaan kesihatan. Menurut Emelia Osman et. al (2018), malaria merupakan penyakit berjangkit yang melibatkan sel darah berlaku disebabkan oleh parasit protozoa yang dibawa oleh gigitan nyamuk.

### **3. Usaha-usaha Menangani Permasalahan**

#### **a. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)**

Kesejahteraan hidup boleh dicapai apabila sesebuah masyarakat itu mencapai apa yang mereka hendaki dalam kehidupan mereka seperti ekonomi yang kukuh, kesihatan yang baik dan kebahagiaan dengan cara mereka sendiri. Satu kajian dijalankan oleh Siti Nor Awang et al. (2012) mengatakan bahawa walaupun pelbagai pembangunan yang dibuat oleh kerajaan dalam Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) terhadap Orang Asli bagi meningkatkan status ekonomi. Namun, RPS ini tidak banyak membawa perubahan kepada masyarakat Orang Asli kerana Orang Asli lebih cenderung untuk menjalankan kegiatan tradisi mereka seperti sebelum ini. Ini menunjukkan perubahan yang ingin dilakukan oleh pihak kerajaan tidak membawa satu penerimaan oleh sesetengah daripada mereka. Taraf kesihatan Orang Asli Jahai di Air Banun, Perak menjadi lebih baik apabila wujudnya RPS namun taraf kemiskinan mereka masih lagi sama iaitu pendapatan bulanan RM 500 ke bawah. Hal ini kerana, perubahan yang berlaku di sekeliling menyebabkan mereka tidak dapat membiasakan diri dengan adanya kemudahan infrastruktur (Ronzi Mohd Yusoff et al, 2019). Kekurangan sumber hutan akibat kepesatan pembangunan menyebabkan Orang Asli kehilangan sumber untuk membuat kraftangan yang dijadikan sebagai sumber pendapatan.

Dalam kajian Zanisah Man et al (2009) yang bertajuk kesan ekonomi pelancongan terhadap komoniti Batek memberi kesan terhadap kesejahteraan mereka. Walaupun mereka mendapat pendapatan melalui aktiviti pelancongan tersebut iaitu hasil daripada jualan kraftangan dan sebagai pemandu pelancong namun ia mengganggu hak peribadi mereka apabila terlalu kerap adanya kedatangan pelancong asing. Pergerakan untuk mereka meneruskan kehidupan seharian menjadi terhad apabila laluan utama mereka untuk berburu menjadi laluan untuk pelancong lalu dan peningkatan anacaman kesihatan daripada jangkitan luar.

Program pembangunan yang diadakan oleh kerajaan mampu meningkatkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli seperti Program Bimbingan Keusahawanan, Pembinaan Ruang Niaga dan sebagainya yang dibuat oleh JAKOA (Mohd Nur Syufaat Jamiran dan Seow T. W, 2013). Program-program yang diadakan ini telah memberikan masyarakat Orang Asli peluang untuk belajar dalam bidang keusahawanan seterusnya mampu mewujudkan bisnes sendiri melalui pendidikan ekonomi. Program pembangunan dalam aspek sosioekonomi yang dibuat oleh kerajaan sedikit sebanyak banyak membantu masyarakat Orang Asli dalam meningkatkan taraf hidup mereka ke arah lebih baik (Seow T.W et.al, 2013). Kemahiran mereka dalam membuat kraftangan hasil daripada bahan semulajadi dapat memberikan mereka satu pendapatan dan juga dapat menjadikan satu tarikan pelancongan dalam usaha pembinaan keupayaan mereka dalam menangani isu kemiskinan (Rohayu Roddin, 2013).

## **b. Meningkatkan kualiti pendidikan**

Kemajuan sesuatu kaum juga dapat dilihat melalui pendidikan, apabila Orang Asli mendapat pendidikan yang baik mereka juga akan maju setanding dengan kaum-kaum utama di Malaysia (Afizi Hanafi et. al 2014). Kesejahteraan hidup tidak dapat dicapai apabila mereka tidak dapat meneruskan kelangsungan hidup dan perubahan kawasan tempat tinggal mereka untuk dipertontonkan kepada generasi akan datang (Noraini Mohd Shah et.al, 2018). Penguasaan dalam pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli adalah kurang disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Pemahaman mereka terhadap sekolah adalah sebagai tempat untuk bermain sahaja. Perubahan dalam pembangunan negara telah berlaku menyebabkan persepsi mereka terhadap pendidikan mula berubah dan sesetengah masyarakat Orang Asli telah menganggap bahawa sekolah itu mampu mengubah kehidupan mereka dalam mendapatkan kerja. Menurut Muizzudin Nor et.al (2018), mengatakan bahawa anak-anak Orang Asli mula sedar akan pendidikan itu penting untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Hasil kajian ini memberikan jawapan yang positif apabila melibatkan minat terhadap kerjaya untuk kehidupan mereka akan datang dan memerlukan untuk mereka mempunyai pendidikan yang baik.

Selain itu juga, dalam bidang pendidikan ini untuk menarik minat pelajar guru-guru perlu kreatif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan agar pelajar tertarik untuk mendengarnya. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ramlee Abdullah et.al (2013) mengenai pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan kepada pelajar Orang Asli menunjukkan hasil yang negatif. Kajian ini dilakukan melalui pandangan pelajar daripada masyarakat Orang Asli itu sendiri. Hasil kajian yang diperolehi ini adalah pelajar kurang minat akan kaedah yang digunakan oleh guru-guru di sekolah dalam menyampaikan ilmu. Hal ini kerana, kaedah yang digunakan oleh guru adalah cara tradisional menyebabkan anak-anak Orang Asli tidak berminat untuk ke sekolah menyebabkan mereka keciciran. Penerapan Sekolah Rimba di Malaysia untuk anak-anak Orang Asli adalah satu inisiatif yang baik untuk menarik minat mereka pergi ke sekolah. Kajian ini dibuat oleh Bahiyah Wahab et.al (2013), sekolah rimba ini adalah merupakan satu pendekatan pembelajaran di luar bilik darjah yang lebih bersifat mesra alam dan praktikal untuk anak-anak Orang Asli dengan persekitaran kehidupan mereka berkisar dengan alam sekitar.

## **c. Meningkatkan kualiti hidup**

Persekitaran yang baik mampu mempengaruhi kualiti hidup dalam pelbagai aspek dalam hidup seseorang individu. Menurut Asmawi Desa, Asmah Ahmad dan Zaini Sharkawi (2009), mengatakan bahawa konsep kualiti hidup adalah merujuk kepada pengumpulan indikator yang menerangkan tentang kesejahteraan individu. Konsep kualiti hidup adalah melibatkan keseluruhan masyarakat dari sistem sosial berubah daripada suatu keadaan kehidupan yang biasa kepada kehidupan yang lebih baik. Sesuatu perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat perlulah mengikut kesesuaian dan kemahuan berdasarkan pihak yang perlu dibangunkan iaitu Orang Asli. Hal ini kerana, mereka yang ingin menjalani kehidupan mereka dalam keadaan itu, jadi pembangunan yang ingin dilakukan perlulah mengikut citarasa mereka agar kelestarian asal habitat mereka terjaga (Mohd Nur Syafaat Jamiran dan Seow T. W, 2013).



Kualiti hidup Orang Asli diukur menggunakan Indeks Kualiti Hidup Orang Asli berwajaran dikaji oleh Fauzi Harun dan Aini Idris (2012) mengatakan bahawa kualiti hidup mereka berada pada tahap yang memuaskan, mereka dapat menjalani kehidupan mereka dengan baik. Namun, kemudahan infrastruktur seperti bekalan air bersih dan elektrik kebolehcapaian belum sepenuhnya. Kesejahteraan hidup tidak dapat dicapai apabila mereka tidak dapat meneruskan kelangsungan hidup dan perubahan kawasan tempat tinggal mereka untuk dipertontonkan kepada generasi akan datang (Noraini Mohd Shah et.al, 2018). Keselesaan hidup masyarakat Orang Asli adalah apabila mereka lakukan segala kerja harian mereka berdasarkan apa yang telah diajar oleh nenek moyang mereka dan diteruskan oleh generasi seterusnya. Kajian yang dibuat oleh Vivien W.C et.al (2019), mengatakan bahawa keselesaan tempat tinggal mereka adalah diperbuat daripada buluh dan kayu kerana aliran pengudaraan yang baik yang mampu menjadikan kediaman mereka lebih sejuk berbanding rumah yang diperbuat daripada batu. Hal ini kerana, dapat dilihat walaupun kerajaan telah menyediakan rumah yang selesa kepada mereka namun disebelahnya akan dibina juga rumah yang diperbuat daripada buluh.

#### **d. Menyediakan kemudahan perkhidmatan kesihatan**

Perkhidmatan kesihatan di Malaysia bermula semenjak abad ke 19, perkhidmatan ini diwujudkan pada awalnya adalah bertujuan untuk memberi rawatan kepada pekerja industri perlombongan bijih timah. Bayaran yang dikenakan adalah sebanyak 50 sen untuk tempoh setahun (Santo Faskafri, 2020). Penjagaan kesihatan di Malaysia dilaksanakan secara bersama dalam sektor kerajaan dan swasta. Kerajaan menanggung sepenuhnya pembiayaan perkhidmatan penjagaan kesihatan sejak merdeka lagi. Manakala, bagi sektor swasta berada di bawah tanggungjawab majikan.

Bagi masyarakat Orang Asli, kerajaan telah menubuhkan satu jabatan khas untuk komuniti Orang Asli iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sekarang telah ditukar kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) . Penubuhan JAKOA adalah sejak dari zaman kolonial lagi pada tahun 1954 yang pada awalnya dikenali dengan Jabatan Orang Asli. Tujuan utama penubuhan jabatan ini adalah bermotifkan faktor keselamatan kerana untuk meraih sokongan masyarakat Orang Asli daripada fahaman dan anasir negatif serta ancaman pihak komunis (Zainal Abidin, 2008). Penubuhan Jabatan Orang Asli 1954 berada di bawah undang-undang yang dinamakan *Aboriginal Peoples Ordinance No.3 1954* dan termaktubnya Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Pembangunan masyarakat Orang Asli ini adalah berfokuskan kepada usaha untuk melindungi Orang Asli dan cara hidup mereka daripada kepesatan perkembangan tamadun dan eksploitasi (Chin Mei Kian dalam Zainal Abidin,2008). Di samping itu juga, menyediakan kemudahan untuk pendidikan, kemudahan kesihatan dan pembangunan yang sesuai untuk bagi mereka. Dengan adanya JHEOA ini, hal ehwal kesihatan Orang Asli sedikit sebanyak membawa perubahan terhadap isu kesihatan yang dihadapi oleh Orang Asli.

Kerajaan telah membina 20 balai rawatan, 4 buah pusat transit, sebuah hospital dan 2 buah klinik desa di Kampung Orang Asli untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan kesihatan. Selain itu juga, bagi kawasan pedalaman pula kerajaan menyediakan doktor udara (flying doctor), klinik bergerak, rawatan pergigian dan kursus kesihatan kepada masyarakat Orang Asli ( Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015). Usaha yang dilaksanakan ini adalah untuk meningkatkan kualiti kesihatan bagi masyarakat Orang Asli.

## **Pengetahuan amalan penjagaan kesihatan**

### **a) Penjagaan Kesihatan Wanita**

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang amalan penjagaan kesihatan. Antaranya kajian yang dibuat oleh Mohamad Adeen et.al (2016) berkenaan pengetahuan Orang Asli terhadap bayi yang ada kuning kebanyakan wanita Orang Asli yang berumur lebih terdorong untuk merawat bayi mereka sendiri secara alami dan wanita Orang Asli modern lebih memilih untuk membawa ke hospital. Selain itu juga, dalam kajian Fadillah Mohamed dan Selvaratnam P.D (2018) mengenai amalan kesihatan wanita Orang Asli Temuan di Kampung Kachau Luar, Semenyih, Selangor yang mengatakan bahawa tahap penjagaan kesihatan dalam kalangan wanita Orang Asli adalah tinggi dan selari dengan peratusan majoriti yang prihatin terhadap peranan penjagaan kesihatan dan peranan vaksin. Kajian ini menunjukkan pengetahuan Orang Asli dalam penjagaan kesihatan adalah tinggi walaupun mereka lebih tertumpu kepada amalan perubatan tradisional dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, wanita Orang Asli selepas melahirkan anak mereka diwajibkan untuk berpantang dengan melarang memakan minyak, garam, monosodium glutamate(MSG), gula dan daging binatang peliharaan (Sharifah Abdullah et al, 2016). Pengetahuan penjagaan kesihatan wanita yang berpantang bagi komuniti Orang Asli adalah tahap tinggi bagi menjaga kitaran pembiakan wanita selepas bersalin.

Mengikuti kajian oleh Wan Afizi Wan Hanafi et al. (2015) menyatakan walaupun kaum wanita Orang Asli di Cameron Highland, tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi, namun mereka mempunyai pengetahuan mengenai kesihatan. Hal ini mungkin kerana penyampaian maklumat serta beberapa penjelasan berkenaan latar belakang penyakit dan rawatan mengenai kesihatan oleh pihak kesihatan sendiri telah menyebabkan kaum wanita Orang Asli di percaya dan menggunakan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan. Penjagaan kesihatan melalui perancangan keluarga bagi wanita Orang Asli di Sepang adalah hampir sama dengan wanita Melayu (Hasneezah Hassan, 2019). Hal ini mungkin kerana disebabkan lokasi yang mereka tinggal tidak bukan pendalaman dan mudah untuk mereka pergi hospital kerajaan dan mendapatkan nasihat untuk perancangan keluarga. Pengetahuan mereka terhadap perancangan keluarga agak memuaskan walaupun latar belakang pendidikan mereka tidak tinggi.

Chandra et al (2016) yang telah mengkaji tentang pengalaman wanita Orang Asli dalam putus haid (*monopause*). Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk menyelidiki sejauh mana dan ruang lingkup literature semasa dalam menggambarkan pengalaman menopause wanita Orang Asli. Kajian ini mendapati bahawa wanita orang Asli mudah mendapat putus haid pada umur yang awal disebabkan mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat dan kekurangan nutrisi.

### **b) Kebergantungan Kepada Amalan Perubatan Tradisional**

Pengamalan perubatan tradisional Orang Asli di Lembah Belum ini adalah tinggi kerana ia merupakan tradisi turun-temurun dan pengetahuan mereka terhadap penyakit berjangkit adalah memuaskan. Jika mempunyai masalah kesihatan mereka lebih mengutamakan perubatan tradisional dan tidak menolak untuk pergi ke hospital (Vivien W.C. et.al, 2017). Kekurangan pengetahuan dalam penjagaan kesihatan akan memberikan kesan negatif terhadap anak-anak Orang Asli. Kajian ini dibuat oleh W. Zarimah Zalam (2016) iaitu pengetahuan tradisi perubatan

dan potensi keusahawanan dalam kajian kes wanita Orang Asli Batek di Kelantan. Kajian ini telah mendapati bahawa kaum wanita komuniti Batek mengetahui fungsi akar-akar kayu di hutan sebagai ubat-ubatan bagi merawat penyakit. Ini menunjukkan pengetahuan mereka dalam perubatan tradisional adalah tinggi. Pengetahuan masyarakat Orang Asli mengenai tumbuhan tempatan bagi tujuan perubatan adalah tinggi dan mereka pengguna tegar tumbuhan sebagai kaedah rawatan tradisional mereka. Menurut Izalihar Ismail et.al (2014), mengatakan bahawa Orang Asli menggunakan tumbuhan tempatan sebagai kaedah rawatan mereka adalah berkesan dan menjimatkan kos serta mudah untuk didapati. Selain itu juga, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat tumbuhan yang mampu merawat penyakit malaria iaitu terdapat 10 spesies tumbuhan daripada 9 famili berbeza boleh digunakan untuk malaria. Penggunaan haiwan dalam perubatan juga merupakan salah satu kaedah perubatan bagi masyarakat Orang Asli. Penggunaan haiwan dalam perubatan bagi masyarakat pribumi adalah berdasarkan kepercayaan mereka terhadap binatang tersebut yang mampu memberi kesembuhan kepada mereka (Siti Zubaidah et.al, 2012).

### **Sosiobudaya Masyarakat Orang Asli**

Sosiobudaya dapat didefinisikan sebagai hubungan masyarakat dengan budaya seperti cara hidup dan adat istiadat (Kamus Dewan Bahasa edisi keempat). 'Sosiobudaya' dapat diandaikan sebagai 'kacamata' atau adat dan tatasusila kehidupan yang diwarisi sejak zaman-berzaman di mana seseorang individu melihat dan memahami dunia dan persekitarannya dengan kehidupan seharian (Aniza Ismail et.al, 2018). Sosiobudaya juga dapat dilihat melalui kepercayaan dan tingkahlaku yang diturunkan oleh nenek moyang dan dipelajari serta diamalkan dalam kelompok masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli yang tinggal di hutan kebanyakan mereka masih lagi mengamalkan gaya hidup tradisional iaitu masyarakat tani dan masyarakat desa. Penempatan mereka di persekitaran hutan telah banyak mempunyai pengaruh sosiobudaya Orang Asli sama ada berkaitan dengan aktiviti ekonomi harian, sistem kemasyarakatan, kepercayaan dan ritual, sistem norma, kesenian, sistem simbol yang digunakan, adat dan pantang larang, bahasa dan sistem komunikasi (Ramlee Abdullah, 2014).

Selain itu juga, cara hidup mereka di hutan telah menyebabkan wujudnya kepercayaan mereka terhadap alam sekitar yang memberi pertolongan terhadap kehidupan mereka. Menurut Ramlee Abdullah (2008), penempatan mereka yang sebahagian besarnya tinggal di kawasan pedalaman dapat digeneralisasikan bahawa kehidupan mereka mempunyai perkaitan secara langsung dengan persekitaran semula jadi seperti gunung, bukit, rimba, tasik dan sungai.

Anggota masyarakat Orang Asli telah terbiasa dengan alam sekitar yang sedia ada sehinggakan mereka selesa untuk tinggal di persekitaran hutan dan hidup secara nomad atau mempunyai penempatan kekal. Masyarakat Orang Asli ini akan beradaptasi dengan persekitaran dan seterusnya dapat membentuk tingkah laku, pemikiran, nilai dan aktiviti masyarakat akan selari dengan persekitaran ekologi tempatan (Ramlee Abdullah, 2014). Menurut Ramlee Abdullah (2008) bentuk tingkah laku harian atau norma sosial termasuk penghormatan kepada orang tua adalah bentuk pemikiran (*worldview*) yang dimiliki. Menurut Haliza Rahman (2018), '*worldview*' boleh diertikan sebagai perspektif hidup merangkumi vii, prinsip, sistem nilai, cita-cita atau ideologi. '*Worldview*', adalah satu bentuk pemikiran seseorang yang memberikan panduan bagi melihat sesuatu yang wujud. Masyarakat Orang Asli mempunyai kepercayaan, adat dan budaya

serta cara hidup yang unik dalam berinteraksi dengan alam sekitar mengikut sudut pandang 'worldview'. Unsur penting dalam kehidupan Orang Asli adalah alam sekitar, manusia dan *supernatural* (Haliza Rahman, 2018).

Sosiobudaya masyarakat Orang Asli yang akan dibincangkan dalam penulisan ini adalah meliputi beberapa elemen budaya mereka seperti kepercayaan dan pegangan hidup, organisasi sosial dan sistem kekeluargaan, sikap dan gaya hidup, ekonomi serta pendidikan dan kesihatan.

### **1) Kepercayaan dan pegangan hidup masyarakat Orang Asli**

Setiap komuniti atau sesebuah kelompok masyarakat mempunyai kepercayaan dan pegangan hidup yang tersendiri menjadi panduan dalam kehidupan mereka. Kepercayaan pada umumnya adalah bermaksud akuan akan kebenaran sesuatu perkara iaitu keyakinan terhadap tuhan, roh, perkara ghaib atau suci yang menghasilkan suatu bentuk penyembahan (Nor Azrina Rahman et al. 2018). Kepercayaan adalah satu pengharapan setiap individu terhadap sesuatu yang dijadikan bentuk penyembahan. Setiap penganut agama di dunia ini mempunyai pegangan dan kepercayaan masing-masing mengikut keperluan mereka. Aspek kepercayaan mengikut masyarakat Orang Asli mempunyai adat resam dan kepercayaan tertentu iaitu berpegang kepada animisme (Abdul Ghafar Don, 2018). Animisme secara umumnya adalah kepercayaan terhadap segala benda mempunyai semangat, dewa-dewa, roh, keramat dan sebagainya yang menjadikan sebagai sistem kepercayaan mereka.

Menurut Abdul Ghafar Don (2018), pegangan hidup mereka banyak dipengaruhi dengan alam sekeliling dan dijadikan sebagai pandangan hidup (*world view*). Setiap suku kaum masyarakat Orang Asli mempunyai kepercayaan masing-masing namun ketiga-tiga kaum Orang Asli ini percaya bahawa adanya kuasa *supernatural* dalam kehidupan manusia. Suku kaum Negrito mempercayai bahawa dunia ini didiami oleh pelbagai jenis dewa dan makhluk 'supernatural' ataupun 'orang hidup'. Kaum Senoi pula mempercayai bahawa terdapat seorang dewata yang Maha Kuasa. Manakala, kaum Melayu-Proto pula percaya bahawa wujudnya dua tuhan iaitu 'tuhan di atas' dan 'tuhan di bawah' (Fauzi Harun dan Nor Aini Idris, 2009)..

Menurut Ramlee Abdullah (2014), hubungan manusia dengan alam sekitar saling bergantung yang dapat dilihat melalui kuasa *supernatural* yang wujud dipercayai sebagai pencipta alam yang mewujudkan bumi dan adanya gunung, bukit, hutan rimba, tasik dan sungai. Selain itu juga, kuasa *supernatural* ini berfungsi untuk menjaga kebajikan manusia dan mengawal tingkah laku manusia dalam hubungan alam, tumbuhan dan binatang melalui peraturan-peraturan tertentu. Masyarakat Orang Asli juga percaya bahawa adanya pembalasan terhadap individu yang menderhakai peraturan-peraturan alam yang akan berdepan dengan hukuman bencana alam. Kepercayaan yang wujud dalam masyarakat mereka ini adalah tinggalan daripada nenek moyang yang perlu dipatuhi dengan hukum-hukum yang dibuat agar kehidupan yang mereka jalani dapat berjalan dengan lancar.

### **2) Organisasi Sosial dan sistem kekeluargaan masyarakat Orang Asli**

Masyarakat Orang Asli mempunyai organisasi sosial yang tersendiri mengikut kaum masing-masing. Organisasi sosial adalah satu ikatan sosial yang membentuk sesebuah masyarakat untuk tinggal secara bersama dalam satu komuniti atau kediaman yang mempunyai pertalian darah. Menurut Fatimah Abdullah et al (2009), organisasi sosial adalah pola perhubungan yang agak stabil antara individu dan kelompok dalam masyarakat. Organisasi sosial dalam kelompok yang

besar iaitu komoniti Orang Asli dipimpin oleh Tok Batin. Pemilihan Tok Batin adalah berdasarkan lantikan atau pewarisan (Abdul Ghafar Don, 2018). JAKOA juga terlibat secara langsung dalam pemilihan dan perantikan Tok Batin. Akta Orang Asli (Akta 134), Bab 16 (1) dan 19 (1)b (c), menyatakan bahawa menteri mempunyai kuasa melantik atau menamatkan perkhidmatan tok batin sama ada mereka dilantik melalui sistem pewarisan atau pemilihan.

Sistem kekeluargaan yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli adalah berbentuk *bilateral* iaitu mengambil kira nasab ibu dan nasab bapa. Kelompok kekeluargaan (kinship Group) adalah anggota yang mempunyai pertalian darah (Ramlee Abdullah, 2014). Sistem eksogami pula diguna pakai dalam perkahwinan iaitu larangan berkahwin dengan sesama keluarga yang ada pertalian darah. Bagi seorang lelaki ingin berkahwin perlu memilih pasangan hidupnya yang berada di luar kelompok kekeluargaan (Ramlee Abdullah, 2014). Larangan yang dibuat ini adalah untuk mengelakkan adanya zuriat dalam keturunan yang sama malah apabila berkahwin dengan pasangan yang luar daripada kelompok kekeluargaan akan mengembangkan nasab keturunan. Selain itu juga, ikatan kekeluargaan yang dibina ini adalah untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturahim seperti mengambil berat akan kesihatan keluarga dan mengamalkan budaya ziarah orang sakit sama seperti budaya orang Melayu.

Istilah *nuclear family* dalam suku kaum Negrito bagi organisasi sosial mereka yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak yang tinggal dalam satu rumah berbentuk pisang sesikat '*wind screen*' diketuai oleh bapa (Ramlee Abdullah, 2014). Sarjana barat iaitu Carey mengistilahkan puak adalah *band* yang dianggotai oleh 3 generasi yang mempunyai pertalian darah dan diketuai oleh orang yang paling tua. Petempatan suatu *band* mengandungi 5-10 *wind-screen* dan dikenali sebagai '*camp*'. Kumpulan yang lebih besar (*horde*) adalah dianggotai oleh beberapa *band*.

Organisasi sosial kaum Senoi adalah diasaskan dengan tinggal di rumah panjang sebagai tempat kediaman. Kaum Senoi juga menggunakan istilah *nuclear family* yang tinggal dalam satu bilik kecil (*yulog*) dalam rumah panjang dan membentuk satu *band* (Ramlee Abdullah, 2014). Setiap anggota yang tinggal dalam satu *yulog* ini mempunyai pertalian darah iaitu *extended family* dan akan diketuai oleh anggota yang paling tua dikenali dengan *tongkok*. Bagi kaum Senoi, terdapat juga suku etnik mereka yang tidak tinggal di rumah panjang malah memilih untuk tinggal di kediaman milik sendiri iaitu suku Semai. Menurut Ramlee Abdullah (2014), *band* yang dianggotai oleh suku Semai adalah antara 40-100 orang dan diketuai oleh lelaki tertua.

Carey (1976) mengatakan bahawa organisasi sosial kaum Melayu Proto adalah lebih hampir sama dengan masyarakat Melayu. Unit asas organisasi sosial mereka adalah keluarga iaitu adanya ibu bapa dan anak yang tinggal dalam satu rumah dan ketua keluarga adalah bapa. Seterusnya, wujudnya sebuah kampung apabila adanya 10 hingga 12 keluarga dan diketuai oleh Tok Batin.

### 3) Sikap dan Gaya hidup masyarakat Orang Asli

Masyarakat Orang Asli merupakan penduduk asal di Semenanjung Malaysia yang mendiami kawasan hutan kaya dengan khazanah alam. Penempatan masyarakat Orang Asli yang majoritinya tinggal di hutan telah menjadikan mereka masyarakat yang menjalani kehidupan secara tradisional dan mengamalkan gaya hidup tradisi mereka. Berdasarkan WHO, gaya hidup bermaksud cara kehidupan berasaskan pola tingkah laku tertentu yang ditentukan berdasarkan hubungan antara ciri personal individu, interaksi sosial dengan keadaan sosioekonomi dan persekitaran tempat tinggal. Menurut Doris P. S et al (2018) mengatakan bahawa kesejahteraan masyarakat Orang Asli menjalani

kehidupan mereka di kawasan sendiri secara langsung telah mengekalkan gaya hidup tradisi mereka. Sesetengah sikap Orang Asli yang tidak menginginkan perubahan yang berlaku dalam kehidupan mereka telah menyebabkan mereka sedikit terpinggir daripada arus pemodenan yang berlaku. Selain itu juga, masyarakat Orang Asli tidak mampu untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pembangunan yang berlaku dalam perkampungan mereka (Doris P. S et al ,2018).

Sikap dan gaya hidup masyarakat Orang Asli ini adalah ditentukan oleh persekitaran tempat tinggal mereka. Bagi masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman mereka mengamalkan kehidupan secara tradisi dan hal ehwal perubatan mereka juga berkait rapat dengan alam semula jadi. Manakala, bagi masyarakat Orang Asli yang telah moden mereka mengamalkan kehidupan seperti masyarakat arus perdana dan taraf kesihatan mereka lebih terjamin apabila mereka memperolehi rawatan di hospital (Hanina Hamsan dan Asnarulkhadi Samah, 2008). Amalan gaya hidup yang diamalkan adalah hasil daripada asuhan nenek moyang mereka yang memberikan pengetahuan dalam segenap aspek kehidupan yang melahirkan identiti mereka sendiri.

#### **4) Ekonomi masyarakat Orang Asli**

Masyarakat Orang Asli terkenal dengan sistem ekonomi tradisional iaitu menggunakan sistem barter atau pertukaran barang dan perkhidmatan. Sistem yang digunakan ini adalah satu sistem yang digunakan tanpa menggunakan wang malah pertukaran yang dibuat adalah berasaskan kehendak antara dua individu yang suka sama suka. Menurut Ma'rof Redzuan dan Taufiq Mahmud (2008) mengatakan bahawa sistem yang tidak menggunakan wang ini melibatkan interaksi antara mereka yang terlibat dalam pertukaran, sama ada pertukaran barang atau perkhidmatan yang tidak melibatkan penindasan walaupun pertukaran tidak mempunyai nilai yang sama.

Sumber pendapatan dan kegiatan masyarakat Orang Asli adalah berlegar di sekitar alam persekitaran mereka di hutan (Abdul Ghafar Don, 2018). Mereka menjalankan sistem ekonomi tradisi iaitu pertanian yang dibuat secara skala kecil. Menurut Ramlee Abdullah (2014), masyarakat Orang Asli menjalankan aktiviti ekonomi seperti pertanian, aktiviti mengumpul hasil hutan dan pemburuan serta pembuatan kraftangan. Hasil daripada pekerjaan yang dilakukan oleh mereka sedikit sebanyak membantu mereka untuk mendapatkan sumber pendapatan apabila mereka menjualnya. Secara umumnya, aktiviti ekonomi mereka adalah berbentuk sara diri. Aktiviti ekonomi yang mereka ceburi iaitu sara diri yang tidak dikembangkan menyebabkan mereka tidak mempunyai pendapatan yang tinggi dan telah menyumbang kepada masalah kemiskinan. Isu kemiskinan masyarakat Orang Asli masih tidak dapat diatasi namun dapat dikurangkan dengan wujudnya usaha-usaha kerajaan dalam membantu kehidupan mereka.

## **Kesimpulan**

Masyarakat asli adalah entiti yang membentuk sebahagian daripada semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli adalah kaum minoriti yang dianggap ketinggalan dalam pelbagai lapangan kehidupan seperti politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, sosial dan lain-lain berbanding dengan kaum-kaum yang berada di arus perdana. Isu dan cabaran yang mereka hadapi ini telah menyumbang kepada wujudnya masalah kesihatan yang menjadi cabaran utama. Kepercayaan dan pegangan yang ada dalam diri Orang Asli serta nilai budaya yang dikongsi secara bersama

merupakan faktor yang mempengaruhi dan boleh menentukan taraf kualiti kesihatan. Selain itu juga, elemen sosiobudaya telah memberi sumbangan yang besar dalam menentukan kualiti hidup berdasarkan aspek kesihatan. Oleh itu, keperluan kerjasama dengan semua pihak yang mempunyai matlamat yang sama untuk membantu golongan minoriti ini amat diperlukan agar masalah yang dihadapi mereka dapat diringankan.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Don. (2018). Komuniti Asli di Malaysia. Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini (Eds.), *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia* (pp. 19-28). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, S. Z. S., Nilan, P., & Germov, J. (2016). Postpartum dietary restrictions and taboos among indigenous Temiar women in Peninsular Malaysia: A qualitative study. *Malaysian Journal of Nutrition*, 22(2), 207–218.
- Agustina dan Irma Hamisah. (2019). Hubungan Pemberian Asi Eksklusif, Berat Bayi Lahir dan Pola Asuh dengan Kejadian stunting di Wilayah Kerja Puskesmas Reubee Kabupaten Pidie. *Journal Healthcare Technology and Medicine*. Vol 5 No 2. Universitas Ubudiyah Indonesia.
- Ahmad, B., Khalid, B. A. K., Quek, K. F., Zaini, A., & Phipps, M. E. (2013). Knowledge of diabetes and lifestyle behaviour amongst indigenous population in peninsular Malaysia. *Medical Journal of Malaysia*, 68(4), 309–314.
- Ajlal A Rasid, Tang Swee Fong, Izandis Mohamad Sayed, Mohd Shazuan IrwanMohd Shuhaimi, Norazlina Mohd Noh, Sameeha Mohd Jamil & Poh Bee Koon. (2019). Challenges In A Refeeding Programme: Case Report Of An Orang Asli Boy At Household Level. *Malaysian Journal Of Nutrition*. 25 (3): 405-411.
- Ali Osman, Bak Khalid, Tan. T.T, Wu. L.L, ML.NG (1992). Protein energy malnutrition, thyroid hormones & goitre among Malaysian Aborigines and Malays. *Asia Pacific Journal of Clinical Nutrition*, 1: 13-20.
- Ali, O., & Isa, Z. M. (1995). Nutritional status of women and children in Malaysian rural populations. *Asia Pacific Journal of Clinical Nutrition*, 4(3), 319–31924.
- Aniza Ismail, Norhayati Mokhtar dan Norfazilah Ahmad (2018). Sosiobudaya Orang Asli : Implikasi Terhadap Kualiti Kesihatan. Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini (Eds.), *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia* (pp. 147-158). Universiti Kebangsaan Malaysia..

- Anidah Alias. (2012). Pada Suatu Masa di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang : Nilai Kehidupan Tradisi Masyarakat Orang Asli Temiar. *Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH)*. Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota, Kota Bharu, 2-3 Disember 2012.
- Asmawi Desa, Asmah Ahmad dan Zaini Sharkawi. (2009). Kesejahteraan Psikologikal Orang Asli di Pertak dan Gerachi Jaya. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 23, 19-25.
- Azizah Md Yusof; Jamal Ali dan Roslina Kamaruddin. (2014). Kesejahteraan Hidup Subjektif: Pengaruh Elemen Ekonomi dan Bukan Ekonomi. *Prosiding PERKEM Ke-9*, 9(2014), 719–727. Retrieved from [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM\\_2014\\_4D4.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM_2014_4D4.pdf)
- Azlin Mohd Yasin dan Anisah Nordin.(2018).Infeksi Parasit Usus dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli dan Cabaran Menanganinya di Abad 21. Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini (Eds.), *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia* (pp. 159-180). Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bahiyah Wahab, Maryati Mohamed, Azman Hassan dan Najib Haron. (2013). Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia dalam Kalangan Murid Orang Asli. *2<sup>nd</sup> International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE, 2013)*.
- Chadha, N., Chadha, V., Ross, S., & Sydora, B.C. (2016). Experience of menopause in aboriginal women: A systematic review. *Climacteric*, 19(1), 17-26.
- Chaira .M . (2020). Hubungan Perilaku Pemeliharaan Gigi Tiruan Sebagian Lepas pada Lansia di Wilayah Kerja Puskesmas Umburharjo 1. *Jurnal Kesehatan*. 8-26
- Chantella A.M.R dan Catherine C. (2016). Creating Conditions for Canadian Aboriginal health Equity : The Promise of Healthy Public Policy. *Richmond and Cook Public Health Reviews*. 37: 2. DOI 10.1186/s40985-016-0016-5
- Emelia Osman, Aishah Hani Azil, Syamsa Rizal Abdullah dan Noor Hayati Mohd Isa. (2018). Menangani Malaria dalam kalangan Orang Asli. Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini (Eds.), *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia* (pp.180-201). Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fadillah Mohamed & Selvaratnam, P.D (2018). Amalan kesihatan wanita Orang Asli Temuan di Kampung Kachau Luar, Semenyih, Selangor. *Malaysian Journal of society and space*, 14(4), 89-101. <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-08>
- Fatan Hamamah Yahaya. (2008). Pendidikan Masyarakat Orang Asli. Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. G(Eds.), *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*. (pp 162-177). Universiti Putra Malaysia



- Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain (2009). Struktur Organisasi Sosial Orang Cam di Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*. 14 : 133-144
- Fauzi Harun dan Aini Idris. (2009). *Pembangunan Masyarakat Orang Asli Dilema Miskin dan Terpinggir*. Universiti Teknologi Mara.
- Haliza Rahman. (2018). World View Masyarakat Orang Asli dan Perlestarian Alam Sekitar. *Persidangan Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM) ke-7, 28-29 Julai 2018, Jayakarta, Indonesia*.
- Hanina Hamsan & Asnarulkhadi Abu Samah. (2008). Kesihatan dan Perubatan Masyarakat Orang Asli. Ma'rof Redzuan & Sarjit S.G. (Ed.), *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran* (pp 113-142). Universiti Putra Malaysia.
- Hartini Yusof dan Mohamed Kamel Ghani (2009). Infeksi Entamoeba Histolytica di kalangan kanak-kanak Orang Asli di Pos Lenjang. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 7(1) : 59-64
- Hartini Yusof dan Mohamed Kamel Ghani (2009). Giardiasis di kalangan kanak-kanak orang asli di Pos Lenjang, Pahang. (2009). *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 7(2), 97–102.
- Hartini Yusof dan Mohamed Kamel Ghani (2012) Trichuriasis among Orang Asli Children at Pos Lenjang, Pahang, Malaysia. (2012). *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 10(1), 49–52.
- Hartini, Y., Geishamimi, G., Mariam, A. Z., Mohamed-Kamel, A. G., Hidayatul, F. O., & Ismarul, Y. I. (2013). Distribution of intestinal parasitic infections amongst aborigine children at Post Sungai Rual, Kelantan, Malaysia. *Tropical Biomedicine*, 30(4), 596–601.
- Hassan, H., Manaf, R. A., & Ismail, S. (2019). Family Planning Practice Among Married Orang Asli Women in Sepang District and Its Associated Factors. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* (Vol. 15, pp. 2636–9346).
- Izalihar Ismail, Alona C.L, Maryati Mohamed dan Lili Tokiman. (2014). Documentation of Medical Plants Traditionallly Used by The Jakun People of Endau-Rompin (PETA) for Treaments of Malaria – Like Symptoms. *Jurnal teknologi*.
- Josephine Rebecca. (2016). Knowledge, Attitudes and Practices of Dengue Fever Among the Orang Asli in Peninsular Malaysia. [Unpublished Master's Thesis]. Universiti Malaya.
- Kelly Jaunding dan Colonius Atang. (2020). Pengaruh Sosiobudaya Orang Asli Terhadap Tingkah Laku Penjagaan Kesihatan : Suatu Sorotan Litertur. *Journal of Borneo Social Transformation Studied (JOBSTS)*. Vol 6, No 1.

- Khor L.G dan Zalilah Shariff (2008). The Ecology of Health and Nutrition of ‘Orang Asli’(Indegenous People) women and children in Peninsular Malaysia. *Journal ecology and health*, 2: 66-77
- KL Phua. (2015). The Health Of Malaysia’s “Orang Asli” Peoples: A Review Of The Scientific Evidence On Nutritional Outcome,Parasite Infestations, And Discussion On Implications For Clinical Practice, *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, Vol. 15 (1): 83- 90.
- J.C Brand dan V. Cherkoff .(2006). The Nutritional Composition of Australian Aboriginal Food Plants of the Desert Regions. *Human Nutrition Unit and Commonwealth of Health. University of Sydney*.
- Lim, Y. A. L., Romano, N., Colin, N., Chow, S. C., & Smith, H. V. (2009). Intestinal parasitic infections amongst orang asli (indigenous) in malaysia: Has socioeconomic development alleviated the problem?. *Jurnal Tropical Biomedicine*, 26(2), 110–122.
- Liyanatul Najwa Zakaria dan Halimatus Sakdiah Minhat (2020). Sociodemographic Determinants of Good Hygiene Practices Among the Indigenous Primary Caregivers of Under Three Children in Malaysia. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*. 16(1) : 215-220
- Ma’rof Redzuan dan Sarjit S. G (2008). *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*. Universiti Putra Malaysia.
- Ma’rof Redzuan dan Mohd Taufiq Mahmud (2008). Orang Asli : Ekonomi Pasaran dan Konsumerisme. Ma’rof Redzuan dan Sarjit S. G(Eds.), *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*. (pp 222-251). Universiti Putra Malaysia
- Matila, Samuel Sandy dan Nopita Paembonan. (2015). Hubungan Higine Perorangan dengan Kejadian Kecacingan pada murid SD Negeri Abe Pantai Jayapura. *Jurnal PLASMA*. Vol 1, No. 2, 87-96
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil dan Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli di Malaysia : Suatu Tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Journal of Society and Space*. 10(2), 189-198.
- Mohamed Kamel Ghani dan Anisah Musa Giardiasis dalam kalangan kanak-kanak Sekolah Orang Asli di Pos Titom,Pahang, Malaysia. (2018). *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 16(SI), 89–93.
- Mohd Nur Syufaat, J dan Seow T. W (2013). Kelestarian Transformasi Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Geografi Dan Alam Sekitar Kali Ke 4, 5-6 Mac 2013, UPSI*, 5–6.

- Mohd Shah, N., Che' Rus, R., Mustapha, R., Mohammad Hussain, M. A., & Abdul Wahab, N. (2018). Kekurangan Sumber Hasil Hutan bagi Kelestarian Pelancongan Mampan Masyarakat Orang Asli Mah Meri: Satu Kajian Kes di Pulau Carey Selangor. *Sains Humanika*, 10(3-3). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-3.1509>
- Mohd Fauzi Mohd Harun, Noraini Hj Idris, Madeline Berma dan Faridah Shahadan. (2006). Kemiskinan di kalangan Masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 40 (95-101).
- Muizzudin Nor, Mohamad Fauzi Sukimi dan Nasaruddin Nor. (2018). Kesedaran Pendidikan dan Minat Kerja Pelajar Orang Asli Suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*. 14(1), 72-86.
- Muhammad Adeeb, Kumarasamy. K, Sabariah Hamid, Nur Ain Mahat, Arumugam. K & Syasya Shukor. (2016). Knowledge and Attitude of Neonatal Jaundice – Orang Asli Perspective. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 14(2) 2016: 65-68 DOI : <http://dx.doi.org./10.17576/JSKM-2016-1402-08>
- Mustaffa Omar dan Nor hafizah Mohd Fizer. (2015). Kelestarian Hidup Ekonomi Komuniti Orang Kanaq dan Orang Kuala, Johor : Suatu Penelitian dari Aspek Penguasaan ke atas Modal Kewangan. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol 10, No. 2, 118-133.
- Nisha, M., Amira, N. A., Nadiah, N., & Davamani, F. (2019). Detection of ascaris lumbricoides and trichuris trichiura in various soil types from from an indigenous village in malaysia. *Tropical Biomedicine*, 36(1), 201-208.
- Nor Haidanadia Hasni, Mustaffa Omar, Sharina Abdul Halim & Nurasyikin Ghazali. (2016). Ancaman sekuriti makanan terhadap komuniti Lanoh: Kajian kes di Kampungan Air Bah, Lenggong Perak. *Journal of Social Science and Humanities Special Issue*, 2, 143-159.
- Norimah Karim, Nik Shanita Safii, Safiah Mohd Yusof, Norazliana Mohd Noor, Zawiah Ahmad dan Tee E.S. (2008). Tahap Pengetahuan Pemakanan di Kalangan Warga Tua di Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*. 6(2), 43-54.
- Osman Ali. (2005). Orang Asli -Pengenalan dan Sejarah. Osman Ali & Zaleha Md.Isa (Ed.), *Kehidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia* (pp. 1-16). Universiti Malaysia Sabah
- Rabiatu Adawiah Saat, Iqlima Ibrahim, Nur 'Izzati binti Mohd Salleh dan Nurul Aida Zuber. (2019). Maqasid Syariah dalam Urus Tadbir. *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-20.pdf>

- Ramle Abdullah. (2014). *Orang Asli Pembangunan dan Transformasi*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ramle Abdullah (2008). Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu. Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. G(Eds.), *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*. (pp 43-68). Universiti Putra Malaysia
- Ramlee Abdullah, Hasmah Mamat. W.A. Amir Zal dan Asmwi Mohamad Ibrahim. (2013). Teaching and Learning Problems of The Orang Asli Education : Student' Perspective. *Journal Asian Social Science*. Vol 9, No. 12.
- Ronzi Mohd Yusoff, Sharina Abdul Halim, & Pereira, J. J. (2019). Impak rancangan pengumpulan semula (RPS) ke atas komuniti Orang Asli Jahai di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(1), 175–182.
- Rohayu Roddin. (2013). Pembinaan Keupayaan dalam Pelancongan Orang Asli : Satu Kajian Kes dalam Komuniti Mah Meri. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*, 4-5 june 2013.
- Santo Faskafri. (2020). Bab 1 pendahuluan. *Jurnal Pelayanan Kesehatan*, (2015), 3–13. Retrieved from <http://repository.usu.ac.id/bitstream/123456789/23790/4/Chapter I.pdf>
- Seow T.W, Maryati Mohamed dan Mohd Nur Syufaat Jamiran. (2013). Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali ke-4*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sinniah, B., Sabaridah, I., Soe, M. M., Sabitha, P., Awang, I. P. R., Ong, G. P., & Hassan, A. K. R. (2012). Determining the prevalence of intestinal parasites in three orang asli (aborigines) communities in Perak, Malaysia. *Tropical Biomedicine*, 29(2), 200–206.
- Siti Nor Awang, Kamal Solhaimi Fadzil, Juli Edo, Rosilawati Zainol, & Firuza Begham Mustafa. (2012). 50 Tahun Berlalu Ke Mana Jahai dan Temiar di Hutan Hujan Belum-Temenggor, (January).
- Siti Zubaidah, Nornasuha AH dan Fatan Hamamah Y. (2012). Penggunaan Haiwan bagi Perubatan Tradisional dalam Kalangan Masyarakat Pribumi di Asia : Satu Ulasan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 8(3), 52-80.00.
- Tengku, S. A., & Norhayati, M. (2011). Public health and clinical importance of amoebiasis in Malaysia: A review. *Tropical Biomedicine*.
- Vivien W.C. Yew, Wan Muhammad Haziq Sidqie W. Husin, Nur Addynna Majnon, Nurshazwani Sofi, Siti Fashihah Mohd Salleh, Herman Hj Kayae, Mohammad Kyaizul Arrifin, Farah Dina Yusof, Nur Shahira Ibrahim, Nurrul Alifah Awg Norjalim, Adib Afiqa Mansor, Shanta

- Kumari Ramdass, Haslinda Ab Halim, Riduan Ramli, Mohd Yusman Yusoff, Nurlinda Uzalli, Hafizzaira Abdullah & Heday Idang. (2017). Tahap Pengetahuan Dan Kaedah Rawatan Bagi Penyakit Tidak Berjangkit Di Kampung Orang Asli Chuweh 2, Lembah Belum, Perak. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 12, No. 3 (2017), 028 ISSN: 1823-884x
- Vivien W.C.Y, Saiful Farisin Ramlan dan Rusydi Ahmad. (2019). Pendekatan Kualitatif untuk Memahami Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli di Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*. 15(4), 191-205.
- Zarimah Zalam. (2016). Pengetahuan tradisi perubatan dan potensi keusahawanan : kajian kes wanita Orang Asli Batek di Kelantan. *Journal of Geography*. Diperolehi daripada : <https://www.ukm.my/lestari/wp-content/uploads/2016/11/PA3.pdf>
- Wan Afizi Wan Hanafi, Halida Baharuldin, Hanifah Mahat; Noraziah Ali; .(2015) Taraf Kesihatan Wanita Orang Asli di Tanah Tinggi Cameron : Kajian Kes di Kem Brinchang. *Jurnal Geografi*.Vol(3), 1–13.
- Wong, W. K., Lim, B. H., Hamid Jan, J. M., Foo, P. C., Dony, J. F., Zeehaida, M., & Noordin, R. (2016). Prevalence and distribution of anti-amoebic IgG antibody among orang asli (Aborigines) in Peninsular Malaysia. *Tropical Biomedicine*, 33(4), 739–745.
- W. Afizi Hanafi, Shahrudin Ahmad dan Noraziah Ali. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak orang asli Malaysia: kajian kes di Kelantan. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107–122.
- Yusof, H., & Ghani, M. (2018). Infeksi Parasit dalam Kalangan Penerima Transplan Renal di Hospital Kuala Lumpur. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 16(1), 57–61.
- Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari & Mustaffa Omar (2009). Kesan Ekonomi Pelancongan Terhadap Komuniti Batek Di Kuala Tahan, Pahang. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 4(1), 1–12.
- Zainal Abidin (2008). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli. Ma'arof Redzuan dan Sarjit S.G (Eds.), *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran* (pp 1-24). Universiti Putra Malaysia
- Othman NH. Multi-Nodular Thyroid Goitre Over a 10-Year Period in Hospital Universiti Sains Malaysia; Is Iodine Deficiency Addressed Adequately in Kelantan, Malaysia? *Clin Med*. 2018; 1(1): 1001.

**PROSES SEKURITISASI DALAM ISU KESIHATAN DI MALAYSIA  
*SECURITISATION OF HEALTH THREATS IN MALAYSIA***

<sup>1</sup>Siti Nursyazwani Ishar, <sup>2</sup>Nadirah Mohd Azmi

<sup>12</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Abstrak**

*Tamatnya Perang Dingin mengakibatkan konsep keselamatan mengalami perubahan. Ancaman keselamatan bukan sahaja melibatkan isu-isu ketenteraan tetapi turut melibatkan isu-isu bukan ketenteraan seperti keganasan, pemerdagangan manusia dan alam sekitar. Kemunculan isu-isu ini membawa kepada tindakan sekuritisasi, satu tindakan untuk melegitimasikan penambahan sumber-sumber dan perhatian oleh kerajaan. Proses sekuritisasi ini dapat dilihat melalui pengiktirafan kerajaan ke atas beberapa isu-isu bukan ketenteraan dalam Dasar Keselamatan Negara (DKN). Walaubagaimanapun, jika dibandingkan dengan ancaman-ancaman keselamatan yang lain, kajian mengenai punca wabak penyakit disekuritisasikan oleh kerajaan kurang dijalankan. Justeru, dengan mengaplikasikan teori sekuritisasi melalui pembolehubah seperti 'securitizing actor', 'speech act', 'existential threat', 'referent object', 'audience' dan 'extraordinary measures', objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan proses sekuritisasi isu kesihatan sehingga ia diangkat sebagai ancaman terhadap keselamatan negara dalam Dasar Keselamatan Negara (DKN). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui metod analisis dokumen yang diperolehi daripada dokumen rasmi kerajaan, surat khabar, jurnal dan tesis. Hasil kajian mendapati bahawa penyakit berjangkit yang mempunyai potensi pandemik lebih mudah untuk disekuritisasikan. Selain itu, proses sekuritisasi isu kesihatan sebagai ancaman keselamatan negara juga telah memberikan impak positif kepada kerajaan untuk membuat persediaan negara bagi menghadapi ancaman wabak penyakit berjangkit di masa akan datang.*

**Kata Kunci:** *Wabak berjangkit, keselamatan, sekuritisasi, ancaman, Dasar Keselamatan Negara (DKN)*

### **Abstract**

*The end of the Cold War resulted in the concept of safety changing. Security threats not only involve military issues but also involve non-military issues such as terrorism, human trafficking and the environment. The emergence of these issues led to security action, an action to legitimize the addition of resources and attention by the government. This security process can be seen through the government's recognition of several non-military issues in the National Security Policy (DKN). However, compared to other security threats, studies on the causes of disease outbreaks are being injected by the government. Hence, by applying the theory of securitisation through variables such as securitizing actor, 'speech act', 'existential threat', referent object, audience and 'extraordinary measures, the objective of this study is to clarify the health issues security process until it is lifted as a threat to national security in the National Security Policy (DKN). This study uses a qualitative approach through document analysis methods obtained from official government documents, newspapers, journals and thesis. The results showed that infectious diseases with pandemic potential are easier to emulate. In addition, the security process of health issues as a national security threat has also had a positive impact on the government in preparing the country for the threat of infectious diseases in the future.*

**Keywords:** *Causes of disease, security, securitisation, threat, National Security Policy (DKN)*

## Pengenalan

Semasa era Perang Dingin, konsep keselamatan dalam bidang Hubungan Antarabangsa adalah lebih tertumpu kepada peranan ketenteraan untuk melindungi negara. Namun, fungsi dan peranan tentera dalam menjaga keselamatan negara mula dipersoalkan sejak akhir 1980-an sehinggalah tamatnya Perang Dingin pada tahun 1990-an (Ramli Dollah, 2018). Pada era pasca Perang Dingin, konsep keselamatan didefinisikan sebagai ketiadaan ancaman ketenteraan yang mana fokus keselamatan tidak lagi tertumpu kepada isu ketenteraan semata-mata malah turut meliputi isu bukan ketenteraan seperti isu kesihatan, penyalahgunaan dadah dan ekonomi (Walt, 1991, p213). Meskipun isu-isu bukan ketenteraan telah wujud dalam era Perang Dingin, namun ia mula mendapat perhatian negara selepas berakhirnya Perang Dingin. Sebagai contoh, di Malaysia, terdapat pelbagai ancaman keselamatan telah berlaku sejak era pasca Perang Dingin misalnya Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), pertikaian tuntutan wilayah dan jenayah rentas sempadan sehingga menyebabkan isu-isu ini diangkat sebagai isu dalam Dasar Keselamatan Negara (Majlis Keselamatan Negara, 2019, p3-5).

Bukan itu sahaja, ancaman kesihatan juga turut mendapat perhatian selepas tamatnya Perang Dingin. Hal ini kerana Malaysia pernah diancam pelbagai jenis wabak penyakit berjangkit atau serangan virus yang bukan sahaja boleh mengancam keselamatan masyarakat malah turut mengancam keselamatan negara. Keadaan ini telah menyumbang kepada usaha sekuritisasi oleh kerajaan ke atas ancaman isu kesihatan kepada keselamatan negara. Buktinya, pandemik dan wabak penyakit telah disenaraikan dalam Dasar Keselamatan Negara (DKN) sebagai salah satu ancaman yang boleh menghalang usaha Malaysia untuk memastikan keselamatan negara dan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat (Majlis Keselamatan Negara, 2019).

Jika dibandingkan dgn isu-isu bukan ketenteraan yang lain, wabak penyakit merupakan isu yang kurang dibincangkan dalam sudut keselamatan negara jika dibandingkan dgn isu lain misalnya pekerja asing dan pemerdagangan manusia (Satria Putra Fajar, 2016; Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah, 2018). Di peringkat antarabangsa, sudah banyak kajian tentang bagaimana wabak penyakit memberikan ancaman kepada keselamatan negara. Meskipun terdapat kajian mengenai sekuritisasi penyakit berjangkit di Malaysia, namun kajian tersebut hanyalah memfokuskan kepada negara Asia seperti Singapura, Vietnam, Thailand dan negara-negara ASEAN yang lain. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh Curley dan Herington (2011) iaitu *The securitisation of avian influenza: International discourses and domestic politics in Asia* yang hanya memfokuskan kepada proses sekuritisasi wabak H5N1 di negara Vietnam dan Indonesia sahaja sedangkan Malaysia juga turut mempunyai kes jangkitan H5N1. Di sini jelas menunjukkan bahawa terdapat kelompangan-kelompangan mengenai kajian proses sekuritisasi isu kesihatan di Malaysia.


Walaubagaimanapun, berlaku kejutan apabila melihat senarai ancaman-ancaman dalam Dasar Keselamatan Negara adalah termasuk wabak penyakit berjangkit. Keadaan ini menimbulkan persoalan bagaimana isu yang selama ini dianggap sebaga '*low politics*' ataupun isu sosial boleh menjadi isu keselamatan negara iaitu '*high politics*'. Justeru, menggunakan teori sekuritisasi yang menerangkan bagaimana satu isu yang pada awalnya dianngap sebagai '*low politics*' diangkat menjadi '*high politics*', kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana proses wabak penyakit diangkat sebagai ancaman kepada keselamatan negara. Kajian ini juga menggunakan analisis



dokumen seperti buku, akhbar, jurnal, laman sesawang yang sah dan diiktiraf, dokumen kerajaan dan tesis untuk mendapatkan maklumat kajian.

## Teori Sekuritisasi

Rajah 1 menggambarkan satu rangka yang diadaptasikan daripada teori sekuritisasi Buzan et al. (1998) dan akan digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan secara menyeluruh berkenaan proses sekuritisasi.



Rajah 1: Kerangka Teoritik Buzan et al. (1998)

Buzan et al. (1998, p23-27) mendefinisikan sekuritisasi sebagai satu proses yang dilakukan oleh aktor berkepentingan dalam membendung sesuatu isu yang memberi ancaman keselamatan negara. Sekuritisasi juga boleh didefinisikan sebagai satu tindakan komunikasi yang berkesan dengan membenarkan kedua-dua pihak untuk mencapai kata sepakat bagi melaksanakan tindakan kecemasan dalam menyelesaikan sesuatu isu yang mampu mengancam keselamatan (Floyd & Croft, 2011). Berdasarkan Rajah 1, untuk menjadikan sesuatu isu itu disekuritisasi, ia perlulah menjalani beberapa proses. Pertama ialah *speech act* iaitu mengidentifikasi kemunculan sesuatu isu yang membawa kepada *existential threat* iaitu ancaman. Selepas mengidentifikasi isu tersebut, *securitising actor* yang kebiasaannya diwakili kerajaan atau individu yang mempunyai

kepentingan akan menilai sama ada isu tersebut memberi ancaman atau tidak kepada *referent object* iaitu objek yang terancam yang mewakili masyarakat atau negara. Contohnya, penularan Covid-19 telah memberikan ancaman kepada keselamatan masyarakat dan keselamatan negara. Sekiranya isu tersebut memberi ancaman, *exceptional measures* iaitu tindakan luar biasa akan diambil oleh aktor dalam menangani isu tersebut. Contohnya, pertambahan dana atau belanjawan terhadap sektor kesihatan atau perubahan dasar kerajaan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam masa yang singkat bagi menangani ancaman. Terakhir ialah *audience*. *Audience* ini mewakili aktor bukan negara seperti komuniti, badan-badan bukan kerajaan (NGO), tokoh-tokoh atau pemimpin yang bukan terdiri daripada kerajaan. *Audience* turut memainkan peranan penting dalam menjayakan sekuritisasi. Namun begitu, peranan *audience* juga boleh diketepikan sekiranya *exceptional measures* yang dilakukan oleh aktor negara dianggap kukuh untuk mengelakkan negara daripada terus terancam akibat penularan wabak. Oleh itu, indikator-indikator ini akan digunapakai dalam kajian bagi menentukan sama ada proses sekuritisasi ini berjaya atau tidak

## Dapatan Kajian

### *Japanese Encephalitis (JE)*

JE merupakan penyakit bawaan vektor yang disebabkan oleh flavivirus sehingga mengakibatkan gejala “*viral encephalitis*” berlaku di kebanyakan negara Asia seperti India, Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam termasuk Malaysia sendiri (Mohd Husni Mohd Noor, Julai 2019). Virus JE ini akan menjangkiti haiwan seperti khinzir dan pelbagai burung liar terlebih dahulu dan akan menjangkiti manusia melalui gigitan nyamuk (Nur Izati Mustapa et al., 2016, p759). Di Malaysia, virus JE pernah direkodkan pada sebelum tahun 1990-an sebelum tersebar dengan lebih meluas selepas tahun 1990-an. Jangkitan ini terus tersebar ke beberapa negeri di Malaysia misalnya tahun 1988 di Pulau Pinang, tahun 1922 di Selangor, tahun 1992 di Sarawak, tahun 1998 di Perak dan tahun 2006 di Kelantan (Kumar et al., 2018, p220-223). Kesannya, sebanyak 154 kes telah direkodkan dan mencapai sebanyak 50 kematian pada tahun 1999 akibat dijangkiti oleh virus tersebut (Easton, 1999; Hidayah, 2018). Walaupun begitu, Menteri Kesihatan iaitu Datuk Chua Jui Meng menyatakan bahawa rakyat tidak perlu bimbang dengan ancaman JE yang melanda negara pada waktu itu (Mai, Januari 1999).

Meskipun tidak ada sebarang kenyataan yang mewakili *speech act* dikeluarkan tentang bahayanya JE, namun tindakan kecemasan tindakan kecemasan yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa JE merupakan ancaman iaitu *existential threat* kepada negara selaku *referent object* apabila berlaku kerahan tentera dalam menghapuskan punca jangkitan. Buktinya, seramai 700 tentera telah dikerahkan ke tiga perkampungan di Negeri Sembilan untuk menghapuskan sebanyak 300 000 babi di ladang penternakan yang dijangkiti oleh virus JE (Easton, 1999). Bukan itu sahaja, kerajaan juga turut mengadakan pemberian vaksin kepada rakyat dan haiwan ternakan untuk menangani penularan JE. Meskipun begitu, suntikan vaksin tersebut hanyalah diberikan kepada penduduk yang tinggi di lokaliti yang mempunyai risiko tinggi berlakunya wabak dan negeri Sarawak sahaja (Norhayati Rusli, 2013). Bagi haiwan ternakan pula, vaksinasi akan dilakukan kepada haiwan babi yang berada di kawasan yang dijangkiti sahaja bagi mengurangkan perebakan

virus ke haiwan lain dan mencegah risiko jangkitan kepada manusia (Jabatan Perkhidmatan Veteriner Malaysia, 2011). Proses sekuritisasi ini berjaya kerana telah mendapat persetujuan *audience* iaitu rakyat untuk menerima tindakan yang dilakukan oleh kerajaan untuk menangani JE. Buktinya, wabak rakyat tidak menolak untuk menghapuskan haiwan penternakan mereka yang telah dijangkiti oleh wabak JE sekaligus rakyat yang tinggal di lokaliti berisiko telah menerima cadangan kerajaan untuk menerima suntikan vaksin.

## Virus Nipah

Selepas kemunculan JE, satu virus telah ditemukan oleh kerajaan iaitu dikenali sebagai Virus Nipah. Virus Nipah ini turut mengalami proses sekuritisasi untuk mengawal perebakan virus dari terus berleluasa. Virus Nipah telah muncul di Malaysia pada tahun 1998 di Bandaraya Ipoh, Perak yang manai pada awalnya dianggap sebagai bawaan virus JE dan tidak dapat dikenalpasti kerana kadar jangkitan dan kematian babi tidak jauh berbeza dengan penyakit babi lain di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, penyakit ini kelihatan berkait rapat dengan wabak encephalitis virus di kalangan pekerja ladang babi sehingga mendorong Menteri Kesihatan pada tahun 1999 untuk mengeluarkan kenyataan bahawa virus Nipah merupakan satu virus pembunuh yang baharu selepas JE (The Sun Daily, April 1999; Sittamparam, April 1999; Mohd Nor et al., 2000, p160). Di sini jelas menunjukkan bahawa proses sekuritisasi iaitu *speech act* dan *existential threat* telah berlaku apabila aktor negara telah menyatakan tentang kemunculan virus baru dalam negara yang mampu memberi ancaman kesihatan.

Serangan virus ini merupakan satu *existential threat* iaitu satu ancaman terhadap *referent object* yang mewakili rakyat. Hal ini kerana, pada mulanya virus ini dianggap sebagai jangkitan JE dan telah menyebabkan sebanyak lima kematian dan 13 lagi pesakit telah dimasukkan ke hospital. Kesemua pesakit ini adalah pembeli haiwan tersebut, pekerja di pusat penternakan babi dan ahli keluarga (Nasron Sira Rahim, November 2007). Oleh itu, satu *exceptional measures* atau tindakan luar biasa telah diambil oleh kerajaan untuk menangani wabak tersebut dengan melaksanakan vaksinasi dan pelbagai langkah misalnya menggalakkan pihak yang berurusan dengan haiwan ternakan babi iaitu *audience* untuk memakai baju berlengan dan berseluar panjang, pelitup muka dan sarung tangan industri. Namun begitu, usaha yang dilakukan oleh kerajaan tidak berhasil disebabkan oleh sikap penternak yang tidak mengikut saranan kerajaan (Ziauddin Sharuddin, April 1999). Ia juga ditambah dengan pertambahan kluster jangkitan di beberapa bandar Negeri Sembilan. Perkara ini menambahkan lagi kegusaran disebabkan oleh ketiadaan jangkitan di perkampungan Melayu meskipun ladang babi yang diusahakan oleh warga Cina adalah bersebelahan dengan perkampungan Melayu (Sharma et al., 2019, p2; Ang et al., 2018, p1). Kemunculan kes baru ini menunjukkan bahawa proses sekuritisasi yang dilakukan oleh kerajaan pada awalnya tidak berjaya kerana tidak mendapat persetujuan *audience*.

Proses sekuritisasi ini sekali lagi dijalankan dengan melaksanakan operasi pemusnahan babi di semua ladang yang dijangkiti oleh virus Nipah. Tindakan yang dilakukan oleh kerajaan ini telah membawa kepada satu pencapaian yang positif kerana terdapat penurunan kadar jangkitan virus Nipah pada ketika itu. Pada 27 Mei 1999, Malaysia telah mencatatkan kes kematian manusia yang terakhir disebabkan oleh virus Nipah sekaligus mencatatkan sebanyak 265 dengan 105 kematian telah direkodkan di Malaysia akibat virus ini (Ang et al., 2018, p2; Epstein et al., 2006, p59-60; Looi & Chua, 2007, p64). Namun begitu, sekali lagi proses sekuritisasi ini tidak mendapat

persetujuan *audience* berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan sehingga menyebabkan seramai 180 penternak babi dan waris terdekat yang meninggal dunia akibat dijangkiti virus Nipah (Chelsea, Mei 2002).

### **Human Immunodeficiency Virus (HIV/AIDS)**

HIV/AIDS telah diiktiraf sebagai krisis global disebabkan oleh kadar jangkitannya tersebar ke seluruh dunia sehingga mendorong penyakit ini untuk disekuritisasikan di peringkat antarabangsa (MNI & M, 2013). Pada tahun 2003, terdapat satu laporan menyatakan bahawa Malaysia berada pada kedudukan kelima sebagai sebuah negara yang mempunyai kadar jangkitan HIV/AIDS yang cepat di rantau Asia Pasifik sekaligus didorong dengan pertambahan kes dua kali ganda setiap tiga tahun (Tee et al., 2009, p311). Tambahan pula penerimaan pekerja asing yang semakin meningkat di Malaysia telah mendorong kepada peningkatan kes peningkatan kes HIV/AIDS di Malaysia.

Meskipun tiada kenyataan rasmi dikeluarkan pada awalnya oleh kerajaan yang melambangkan *speech act* berkaitan dengan virus ini, namun beberapa tindakan atau *exceptional measures* telah dilakukan oleh kerajaan yang melambangkan bahawa virus ini merupakan satu ancaman iaitu *existential threat* kepada keselamatan negara atau rakyat selaku *referent object*. Antara tindakan yang dilakukan adalah dengan menubuhkan satu Pasukan Petugas AIDS Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1985 untuk merangka dasar dan menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan AIDS. Beberapa jawatankuasa juga turut ditubuhkan dibawah pasukan ini untuk meningkatkan lagi kualiti penjagaan pesakit, pencegahan dan kawalan, pengawasan, perkhidmatan makmal dan latihan. Antaranya ialah Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan dan Jawatankuasa Penyelaran Kebangsaan. Bukan itu sahaja, kerajaan turut berkerjasama dengan aktor bukan negara iaitu pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dengan menubuhkan Majlis AIDS Malaysia (MAC) untuk bersama-sama membantu dalam mencegah penularan wabak ini. Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan HIV/AIDS turut dibangunkan dengan menggariskan aktiviti kawalan dan pencegahan (Rozaidah Talib, 2006, p196-197). Bukan itu sahaja, dana perubatan turut diperuntukkan untuk menangani penularan HIV/AIDS iaitu sebanyak RM20 juta bagi perlaksanaan program HIV/AIDS pada tahun 2000 dengan kerjasama MAC (New Straits Times, April 1997).

Pada tahun 2003, Datuk Chua Jui Meng selaku Menteri Kesihatan baru mengeluarkan kenyataan atau *speech act* yang menyatakan bahawa penyakit ini lebih berbahaya daripada peperangan mahu pun tindakan keganasan yang berlaku kerana boleh mengorbankan banyak nyawa sekiranya tiada langkah pencegahan yang diambil (Hafifi Hafidz, September 2003). Kesannya, dana perubatan terus dipertingkatkan misalnya sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan pada tahun 2007 untuk menghentikan perebakan HIV/AIDS pada tiga tahun akan datang yang mana dana tersebut dilaburkan di bawah Program Pengurangan Kemudaratan yang melibatkan seramai 20,000 penagih dadah intravena. Program ini turut mendapat kerjasama aktor bukan negara iaitu NGO dalam menjayakan lagi pelaksanaan program (New Straits Times, Mei 2007). Pada tahun 2018, Malaysia telah menerima peruntukkan dana sebanyak RM5.8 juta bagi mencegah penularan HIV/AIDS. Dana ini diperolehi dari Institut Kesihatan Kebangsaan (NIH)

Amerika Syarikat untuk mempertingkatkan lagi kaedah perubatan kepada pesakit HIV/AIDS (Mohd Khuzairi Ismail, Oktober 2018). Sekali lagi, kerajaan telah membangunkan Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV dan AIDS 2016-2030 yang mendapat kerjasama dengan aktor bukan negara seperti NGO, pakar-pakar bukan kerajaan dan wakil-wakil masyarakat sivil. Pelan ini ditubuhkan dengan matlamat untuk mengenalpasti cabaran, jurang dan keperluan untuk membina kapasiti dan input kewangan sekaligus membincangkan dan mengesyorkan langkah yang sesuai untuk mengakhiri AIDS pada tahun 2030 (Ministry of Health Malaysia, 2015, p8).

Meskipun *speech act* dilakukan selepas sahaja *exceptional measures* diambil, namun proses sekuritisasi yang dilakukan oleh kerajaan ini berjaya kerana mendapat persetujuan *audience* yang mewakili rakyat dan aktor bukan negara yang lain dengan *exceptional measures* yang dilakukan oleh kerajaan dalam membendung penularan HIV/AIDS. Buktinya, jumlah penghidap HIV telah menurun sejak tahun 2002 (Utusan Malaysia, Disember 2013). Bukan itu sahaja, usaha kerajaan dalam mewajibkan saringan HIV kepada bakal pengantin di seluruh negara turut mendapat persetujuan rakyat untuk melaksanakan saringan tersebut bagi menurunkan penularan wabak tersebut (MalaysiaKini, Disember 2008).

### ***Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS)***

Isu kesihatan yang seterusnya menjadi ancaman kepada Malaysia dan antarabangsa ialah *Severe Acute Respiratory Syndrome* atau lebih dikenali sebagai SARS. SARS ialah penyakit pernafasan berjangkit berpunca daripada virus coronavirus dan boleh mengakibatkan kematian akibat radang paru-paru. SARS diisytiharkan sebagai ancaman keselamatan kesihatan awam global disebabkan oleh kadar jangkitannya yang cepat dan berlaku secara senyap dari tubuh manusia ke tubuh manusia yang lain (Anthony, 2017, p36). Ia selaras dengan konsep keselamatan negara tentang kebebasan daripada sebarang ancaman luar atau dalam negara yang membawa maksud sekiranya rakyat tidak selamat, negara juga turut tidak selamat (Majlis Keselamatan Negara, 2019, p1). Pada tahun 2003, WHO telah mengeluarkan amaran kesihatan global kepada seluruh dunia mengenai penularan wabak SARS. Namun, selepas sahaja tiga hari amaran tersebut dikeluarkan, SARS telah didapati merebak ke negara-negara Asia seperti China, Hong Kong, Singapura dan Vietnam (Caballero-Anthony, 2005, p479). Malaysia juga tidak terkecuali daripada terkena jangkitan SARS.

Malaysia telah mengambil langkah awal dengan mensekuritisasikan wabak SARS agar tidak merebak dengan serius dalam negara. Pada 16 Mac 2003, Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengarahkan agar mesyuarat tergepar diadakan bagi menangani penularan wabak ini. Bukan itu sahaja, kenyataan akhbar juga telah dibuat untuk mendedahkan kepada rakyat mengenai bahayanya penularan wabak SARS yang sedang berlaku sekaligus memberi taklimat ringkas kepada aktor-aktor kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dengan penjagaan kesihatan agar lebih bersedia untuk bekerjasama dalam menangani penularan SARS (Irwan Mohd Subri et al., 2015, p. 330-331). Menteri Kesihatan Malaysia juga turut menyatakan bahawa SARS bukan sekadar isu kesihatan awam malah merupakan satu isu yang memberi ancaman kepada keselamatan negara (Bernama, April 2003). Bukan itu sahaja, penularan SARS juga dikatakan boleh memberi kesan terhadap ekonomi Asia terutamanya industri

pelancongan di Malaysia (Bernama, April 2003). Di sini menunjukkan bahawa proses sekuritisasi iaitu *speech act* telah berlaku dengan menganggap bahawa SARS merupakan satu *existential threat* yang memberikan ancaman terhadap keselamatan rakyat dan negara sebagai *referent object*.

Untuk menjayakan lagi proses sekuritisasi sekaligus menangani penularan wabak, *exceptional measures* perlu dilakukan oleh aktor negara. Bilik Gerakan SARS ditubuhkan sebagai tindakan menangani penularan wabak. Bilik Gerakan ini ditubuhkan sebagai satu platform yang boleh digunakan oleh aktor yang terlibat untuk berbincang dan mengatasi masalah secara bersama. Bukan itu sahaja, kerajaan turut bekerjasama dengan pihak media dalam memberi maklumat kepada orang awam mengenai penularan wabak SARS. Bukan itu sahaja, satu organisasi turut berjaya diwujudkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dikenali sebagai *Rapid Response Team* (TRT). TRT ini memainkan peranan untuk memaklumkan kepada pihak kerajaan sekiranya wujud tanda-tanda wabak baru agar pihak kerajaan dapat mengambil tindakan yang pantas dalam menangani wabak peyngkit di negara ini (Shahrul Nazmi Sannusi & Kamaliah Siarap, 2014, p. 130).

Seterusnya ialah kerjasama dua hala yang dijalinan oleh Malaysia dan Singapura dalam membendung wabak SARS. Kesan daripada jalinan kerjasama ini, satu jawatankuasa dan kumpulan eksekutif akan ditubuhkan untuk melaksanakan pelan yang meliputi pekerja asing di Singapura serta sektor seperti pengangkutan, kerajaan, perniagaan, pelancongan dan pendidikan (Bernama, April 2003). Antara mekanisme yang dilakukan adalah mengadakan saringan kesihatan kepada individu yang merentas sempadan Malaysia dan Singapura misalnya memasang kamera pengimejan haba di pusat pemeriksaan darat dan laut serta memperkenalkan kad pengisytiharan kesihatan kepada orang yang dijangkiti SARS dengan lebih baik (Bernama, April 2003). Pengimbas suhu juga bukan hanya ditempatkan di susur keluar Johor Baharu iaitu lapangan terbang, tambak dan laluan Kedua, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (Bernama, Mei 2003).

Selain itu, dana kesihatan untuk memerangi SARS juga turut dipertingkatkan sebanyak RM30 juta. Peruntukan yang diperuntukkan kerajaan ini adalah untuk melengkapkan lagi keperluan peralatan hospital yang sesuai serta melaksanakan langkah-langkah pencegahan (Mad, April 2003). Aktor bukan negara juga turut memainkan peranan dalam membantu rakyat yang dijangkiti oleh wabak SARS. Buktinya, Hong Leong Assurance Bhd (HLA) telah menubuhkan tabung bantuan sebanyak RM1 juta bagi para pemegang polisi hayatnya yang didiagnosis SARS. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pesakit tersebut untuk mengurangkan beban dari segi kos perubatan, ekonomi dan sebagainya (Bernama, Mei 2003).

Kementerian Pengangkutan turut melaksanakan tindakan dengan bekerjasama dengan Malaysian Airline System Bhd (MAS) bagi melakukan pemeriksaan kesihatan kepada setiap penumpang yang keluar masuk Malaysia. Bukan itu sahaja, MAS juga memainkan peranan untuk mengurangkan laluan penerbangan ke sesuatu kawasan yang sama dengan penerbangan antarabangsa yang lain sekaligus membatalkan penerbangan ke destinasi yang dilanda oleh wabak SARS (Sho, April 2003). Kementerian pengangkutan juga turut bekerjasama dengan *Malaysia Airport Holdings Bhd* (MAHB) untuk memasang skrin pengimbas suhu di beberapa lapangan yang mempunyai jumlah aliran keluar masuk pelancong yang ramai bagi mengesan wabak SARS

dengan lebih berkesan misalnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) (Bernama, April 2003). Tindakan yang dilakukan oleh Kementerian Penerangan pula ialah memberikan pendidikan kepada komuniti melalui pelbagai platform mengenai penularan SARS dari semasa ke semasa. Pendidikan ini adalah disampaikan oleh golongan pakar kesihatan untuk menimbulkan kesedaran kepada komuniti tentang bahayanya wabak tersebut. Penyampaian maklumat ini adalah melibatkan kerjasama aktor bukan negara misalnya pihak media seperti program Selamat Pagi Malaysia untuk sama-sama membantu dalam menyiarkan maklumat tersebut (RON, April 2003).

Proses sekuritisasi ini berjaya dilaksanakan kerana telah mendapat persetujuan *audience* iaitu masyarakat dan aktor bukan negara dalam bersama-sama membendung penularan wabak ini. Buktinya, pelbagai aktor bukan negara seperti MAS dan pihak telah bekerjasama dengan kerajaan dalam memberi pendidikan kepada rakyat sekaligus membantu mengurangkan lagi penularan SARS dari terus merebak ke seluruh negara. Kesannya, tiada lagi jangkitan wabak SARS di Malaysia dilaporkan pada Disember 2003 meskipun gelombang kedua telah berlaku sekitar bulan September 2003 (Utusan Malaysia, Julai 2003). Di sini jelas menunjukkan bahawa kerajaan bukan sahaja berjaya membendung wabak SARS di Malaysia malah turut dapat mensekuritisasikan wabak tersebut dengan mendapat persetujuan bersama dari aktor bukan negara dan rakyat di Malaysia.

### **Selsema Burung (H5N1)**

Selesema burung patogenik tinggi atau lebih dikenali sebagai H5N1 juga merupakan salah satu isu yang bukan sahaja memberi ancaman kesihatan kepada Malaysia, malah beberapa negara di rantau Asia, Eropah dan Afrika. Sejak tahun 2003, wabak H5N1 mula dikesan di beberapa negara Asia seperti China, Korea Selatan, Jepun, Thailand, Vietnam, Indonesia, Malaysia, Kemboja dan Laos (Nur Adibah Mohidem et al., 2017, p2-5). Malaysia telah mencatatkan kes pertama H5N1 pada tahun 2004 yang memberi kesan kepada itik komersial dan burung. Ia disebabkan oleh jangkitan rentas sempadan yang berlaku di sempadan Kelantan yang berpunca daripada virus yang merebak di Thailand dan Vietnam (Tee et al., 2009, p313).

Tun Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu telah menyatakan bahawa meskipun wabak ini tidak menjangkiti manusia, Malaysia masih lagi mengambil langkah berjaga-jaga dalam membendung penularan wabak ini agar tidak bertambah buruk (Bernama, Mac 2006). Ia ditambah lagi dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian Epidemiologi dan Perubatan Veteriner (EPV) iaitu Dr. Kamarudin Md. Isa yang menyatakan bahawa penularan wabak ini berlaku dengan cepat kerana kedudukan geografi Malaysia serta perhubungan jalan darat dengan negara-negara jiran yang memudahkan wabak tersebut untuk merebak (Utusan Malaysia, Februari 2007). Selain kebimbangan wabak menjangkiti manusia, penularan wabak ini juga turut menjejaskan beberapa sektor dalam negara misalnya penternakan ayam, pelancongan dan pengangkutan. Hal ini disebabkan oleh penghentian semula eksport haiwan ternakan ke luar negara. Buktinya, prestasi Perak sebagai pengeksport utama itik ke Singapura iaitu sebanyak 450,000 itik sebulan yang bernilai sebanyak RM4.5 juta terjejas berikutan dengan penghentian eksport haiwan ternakan (Berita Harian, Februari 2006).

Melalui kenyataan yang dikeluarkan ini, jelas menunjukkan bahawa *speech act* yang merupakan salah satu proses sekuritisasi telah berlaku yang mana melalui *speech act* yang dilakukan oleh kerajaan telah mengidentifikasikan wabak H5N1 sebagai satu *existential threat* iaitu ancaman terhadap *referent object* iaitu keselamatan negara.

Oleh itu, proses *exceptional measures* iaitu tindakan luar biasa perlu diambil oleh aktor negara bagi menghadapi penularan wabak tersebut dari terus mengancam *referent object* iaitu keselamatan negara. Antara tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) menggunakan Manual untuk kawalan Avian Influenza Pategonik Tinggi yang mana manual termasuk mempunyai pelan kesiapsiagaan, pengurusan pusat operasi dan komunikasi awam, pemusnahan dan pelupusan burung, pampasan dan penilaian, penyiasatan dan persampelan, pengujian dan pengesahan, perundangan dan penguatkuasaan, keselamatan kakitangan dan pekerja (Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2011, p9&17). Melalui panduan manual ini, JPH negeri Terengganu telah melakukan sebanyak 358 ujian sampel terhadap ayam kampung, itik, puyuh, ayam daging serta unggas lain bagi mengesan virus H5N1. Pengambilan sampel ini juga dilaksanakan di beberapa negeri yang lain (Berita Harian, Mac 2006). Pada Februari 2006, sebanyak 3,125 ayam, 134 itik dan 159 unggas lain telah dimusnahkan di kawasan dalam lengkungan satu kilometer dari lokasi penyakit itu dikesan, yang merupakan kira-kira 96 peratus dari jumlah ayam dan burung di situ. Lebih 1,400 telur juga turut dimusnahkan. Bukan itu sahaja, kawalan sempadan turut diperketatkan bagi mengelakkan penyeludupan unggas secara haram ke negara Malaysia (Bernama, Februari 2006). Kesannya, Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara yang bebas wabak H5N1 pada Jun 2006 (Berita Harian, April 2006).

Namun begitu, proses sekuritisasi tidak berjaya dilakukan kerana tidak mendapat persetujuan *audience* iaitu mewakili rakyat Malaysia. Hal ini kerana wabak H5N1 tersebut kembali mengancam negara pada tahun 2007 disebabkan oleh sikap segelintir rakyat yang menyeludup masuk ternakan seperti ayam untuk kegiatan sabung ayam dan pengimportan burung secara haram sehingga menyebabkan wabak tersebut kembali menular ke seluruh negara (Sazarina Shahrim, Jun 2007). Oleh itu, sekali lagi *exceptional measures* telah dilaksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kerajaan negeri dalam membendung penularan wabak ini (Utusan Malaysia, Jun 2007). Antara tindakan yang dilakukan oleh kerajaan ialah memperketatkan lagi langkah dalam membendung penularan wabak H5N1 misalnya mengambil tindakan tegas sekiranya mendapati penduduk masih lagi membawa masuk atau membawa keluar unggas dari kawasan yang disyaki dan melanggar perintah kuarantin, pelupusan unggas yang dijangkiti, memperketatkan kawalan sempadan, dan mewujudkan zon pemantauan (Berita Harian, Disember 2008; Harian Metro, Mac 2017). Bukan itu sahaja, pampasan turut diberikan kepada penternak yang mana haiwan ternakan mereka telah dimusnahkan oleh JPH bagi membendung penularan wabak H5N1. Buktinya, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyatakan bahawa kerajaan telah menyediakan sebanyak RM80,000 untuk diberikan kepada penternak haiwan yang telah dimusnahkan (Nizam Yatim Muhyiddin Yassin, Jun 2007; Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2011, p19). Tindakan ini telah mendapat persetujuan *audience* sehingga mencatatkan penurunan kes H5N1 di Malaysia. Kesannya, Malaysia telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) sebagai sebuah negara yang bebas ancaman wabak H5N1 pada tahun 2017 (Bernama, Julai 2017).



## Influenza A (H1N1)

Isu kesihatan yang seterusnya berlaku di Malaysia ialah virus influenza A atau lebih dikenali sebagai H1N1. H1N1 merupakan penyakit pernafasan yang disebabkan oleh jangkitan daripada babi. Pandemik berlaku disebabkan oleh strain influenza mula dikesan dalam tubuh manusia dan merebak dengan cepat melalui tubuh badan manusia (Sasidharan et al., 2012, p502). WHO telah mengisytiharkan H1N1 sebagai pandemik kerana bukan sahaja mampu mengancam kesejahteraan rakyat disebabkan oleh jumlah kematian yang semakin meningkat, malah turut mengancam keselamatan negara (Fisher et al., 2011, p876). Pakar Pengimunan Malaysia, Ketua Pengarah Kesihatan dan Menteri Kesihatan Malaysia turut mengeluarkan kenyataan tentang bahayanya ancaman H1N1 sekiranya tersebar dengan meluas di seluruh negara kerana bukan sahaja boleh mengancam keselamatan rakyat malah turut mengancam keselamatan negara dan dunia (Arshad Khan, Julai 2009). Hal ini kerana, jumlah kematian rakyat Malaysia yang dijangkiti oleh H1N1 dilaporkan semakin meningkat iaitu sebanyak 77 kematian direkodkan pada tahun 2009 dan mencatatkan jumlah kes sebanyak 5876 kes (Sasidharan et al., 2012, p. 502-503). Melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh WHO, Menteri Kesihatan Malaysia dan Pakar Pengimunan, jelas menunjukkan bahawa *speech act* yang merupakan satu proses sekuritisasi telah berlaku yang mana melalui *speech act* tersebut, wabak H1N1 telah diidentifikasi oleh kerajaan sebagai satu *existential threat* iaitu ancaman terhadap *referent object* yang mewakili keselamatan rakyat dan negara.

Oleh itu, untuk menjayakan lagi proses sekuritisasi sekaligus menangani wabak dari terus tersebar dengan lebih ganas, satu *exceptional measures* iaitu tindakan yang luar biasa perlu diambil oleh aktor negara bagi mengekang penularan wabak. Antaranya ialah dana perubatan telah ditingkatkan iaitu sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan pada awalnya oleh Kementerian Kesihatan dan ditambah sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi menambah stok bekalan antiviral Tamiflu dan Relenza sebagai langkah segera bagi mengawal penularan wabak Influenza A (H1N1). Dana ini ditambah lagi sebanyak RM14 juta untuk membeli 400,000 dos vaksin influenza A(H1N1) yang akan diberikan kepada rakyat (Sazarina Sharim, Ogos 2009; The Star, Oktober 2009; Sazarina Shahrin & Norliza Wasilan, Mei 2009). Jawatankuasa Kebangsaan turut diaktifkan semula dengan bekerjasama dengan beberapa kementerian yang lain seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain- lain untuk menggubal dasar baru bagi menangani penularan H1N1. Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut diaktifkan untuk memainkan peranan dalam menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan H1N1 dari terus berleluasa (Utusan Malaysia, Jun 2009). Bukan itu sahaja, kerajaan turut bekerjasama dengan aktor bukan negara iaitu dengan menubuhkan Jawatankuasa Perumahan untuk membantu dalam mengawal penularan wabak di peringkat komuniti. Jawatankuasa tersebut memainkan peranan untuk sentiasa berhubung dengan pihak hospital bagi memaklumkan mana-mana anggota masyarakat yang mempunyai masalah kesihatan supaya pemeriksaan dapat dilakukan segera. Kesannya, ia dapat mempercepatkan langkah-langkah kawalan wabak itu daripada terus menular (Utusan Malaysia, September 2009).

Selain itu, pelbagai inisiatif lain turut dilaksanakan oleh kerajaan dengan bekerjasama dengan aktor bukan negara dan masyarakat untuk bersama-sama dalam menjayakan lagi usaha

kerajaan dalam mengekang penularan H1N1 misalnya mengawal pegerakan masuk dan ke luar negara, pemeriksaan kesihatan pelancong di pintu antarabangsa, pelaksanaan kuarantin selama 10 hari bagi kontak rapat H1N1 dan yang bergejala, memberi pendidikan melalui kempen kesedaran kepada rakyat tentang bahayanya penularan wabak H1N1 sekaligus megesyorkan rakyat agar memakai pelitup muka, menjaga kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan dan yang terakhir membatalkan perhimpunan atau acara awam untuk mengurangkan risiko jangkitan H1N1 (Sasidharan et al., 2012, p. 502-503).

Kesannya, proses sekuritisasi ini berjaya dilakukan. Hal ini kerana, proses sekuritisasi ini telah mendapat persetujuan *audience* iaitu rakyat terhadap tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dalam mensekuritisasikan wabak. Buktinya, rakyat telah bekerjasama dengan kerajaan melalui penyertaan Jawatankuasa Perumahan untuk bersama-sama mengekang penularan wabak. Kesannya, kes H1N1 di Malaysia telah mencatatkan penurunan pada Julai 2009 yang secara tidak langsung menggambarkan bahawa proses sekuritisasi yang dilakukan oleh Malaysia telah berjaya (Siti Maisarah Sheikh Abdul Rahim, Julai 2009).

## Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa tidak semua penyakit berjangkit yang berlaku berjaya disekuritisasikan di Malaysia meskipun penyakit tersebut berjaya disekuritisasikan di peringkat antarabangsa. Jika kita lihat virus H5N1 misalnya, virus ini berjaya disekuritisasikan di Vietnam dengan melibatkan pelbagai aktor dalam negara untuk bekerjasama membanteras wabak tersebut (Curley & Herington, 2011, p151-155). Namun, proses sekuritisasi virus H5N1 ini tidak berjaya dilakukan di Malaysia disebabkan tidak mendapat persetujuan rakyat meskipun pelbagai tindakan yang diambil oleh aktor negara dalam membanteras wabak ini. Jika kita lihat, walaupun kerajaan tidak berjaya mensekuritisasikan H5N1 pada awalnya, namun kerajaan selaku aktor negara sentiasa menambahbaik tindakan yang dilakukan dalam mensekuritisasikan wabak ini agar tidak mengancam keselamatan negara.

Seterusnya ialah virus HIV/AIDS. Meskipun virus HIV/AIDS di Malaysia telah berjaya disekuritisasikan, namun jumlah kes jangkitan masih lagi meningkat walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan untuk mencegah penularan virus ini. Hal ini mungkin didorong oleh faktor keluar masuk pekerja asing di Malaysia seperti Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan Rohingya yang menggunakan bahan-bahan terlarang dan kurang pendidikan tentang bahayanya HIV/AIDS (M et al. (2020, p1). Bukan itu sahaja, kegiatan aktiviti seks tidak selamat dalam kalangan penduduk juga turut mendorong kepada peningkatan kes meskipun pelbagai tindakan telah dilakukan oleh kerajaan (Wan Zahiruddin Wan Mohammad, April 2012).

Kesan daripada peristiwa-peristiwa ini, kerajaan telah mensekuritisasikan penyakit berjangkit. Walaupun wabak JE dan NIPAH bersifat endemik yang mana wabak tersebut hanya berlaku dalam negara Malaysia sahaja, ia turut membantu kepada pengiktirafan kerajaan dalam membasmi wabak penyakit berjangkit. Sebenarnya, kesemua isu-isu ini telah berjaya disekuritisasikan oleh kerajaan Meskipun ada sebahagian penyakit bersifat endemik dan sebahagian lagi bersifat pandemik. Namun, impak daripada penyakit tersebut bukan sahaja boleh memberi kesan kepada keselamatan ekonomi, keselamatan nyawa dan keselamatan insan, malah keselamatan negara dari sudut ekonomi.

Jelaslah, negara Malaysia sering diancam oleh bawaan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh faktor kedudukan geografi Malaysia yang merupakan sebuah negara tropika, faktor globalisasi dan revolusi pengangkutan yang mendorong penularan penyakit tersebut tersebar dengan lebih cepat. Oleh itu, ia telah mendorong kerajaan selaku aktor negara untuk mengambil tindakan pantas dalam mensekuritisasikan penyakit-berjangkit yang mengancam keselamatan negara seperti JE, virus Nipah, HIV/AIDS, H5N1 dan H1N1. Kebolehpayaan negara dalam menurunkan kadar jangkitan wabak jelas menunjukkan bahawa proses sekuritisasi isu kesihatan yang bersifat pandemik seperti yang dilakukan oleh aktor negara merupakan satu tindakan yang terbaik dalam menangani wabak tersebut dari terus tersebar dengan mengganas. Proses sekuritisasi ini juga menggambarkan bahawa tindakan yang dilakukan oleh aktor negara bukan hanya bersifat satu hala sahaja malah ia melibatkan tindakan secara dua hala. Hal ini kerana, proses sekuritisasi ini perlu untuk mendapat persetujuan *audience* untuk memastikan sesuatu wabak itu berjaya untuk disekuritisasikan. Bukan itu sahaja, artikel ini juga diharapkan dapat menarik minat pengkaji akan datang untuk melaksanakan kajian berkaitan dengan proses sekuritisasi penyakit berjangkit misalnya pandemik Coronavirus 2019 (Covid-19) yang dihadapi di seluruh dunia termasuk Malaysia.

## Rujukan

- Ang, B. S. P., Lim, T. C. C., & Wang, L. (2018). Nipah Virus Infection. *Journal of Clinical Microbiology*, 56(6), 1–10.
- Anthony, M. C. (2017). Infectious Diseases and Pandemics in Asia: Waiting for the Next Shoe to Drop. *CSCAP Regional Security Outlook 2007*, 88(10), 35–44. <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=ufh&AN=123121615&site=ehost-live>.
- Arshad Khan. (Julai 2009). Bimbang H1N1 jadi pandemik. *Utusan Malaysia*.
- Buzan, B., Wæver, O. & Wilde, J. D. (1998) *Security: A New Framework for Analysis*. United States: Lynne Rienner Publisher.
- Bernamea. (Jun 2003). SARS jejas teruk industri pelancongan. *Bernamea*.
- Bernamea. (April 2003). SARS akan rendahkan pertumbuhan ekonomi Asia, kata S&P. *Bernamea*.
- Bernamea. (April 2003). Malaysia dan singapura bentuk j/kuasa untuk perangi SARS. *Bernamea*.
- Bernamea. (April 2003). Chua umum langkah pencegahan terhadap SARS. *Bernamea*.
- Bernamea. (Mei 2003). SARS : HLA tabung bantuan SARS RM1 juta. *Bernamea*.
- Bernamea. (April 2003). Skrin pengimbas suhu di lapangan terbang untuk kesan SARS. *Bernamea*.
- Berita Harian. (Februari 2006). H5N1 boleh jejas sektor berkaitan. *Berita Harian*.
- Berita Harian. (Mac 2006). Pemantauan virus H5N1 dipertingkat. *Berita Harian*.

- Bernamea. (Februari 2006). Virus H5N1 kita serupa dengan di Indonesia, kata Muhyiddin. *Bernamea*.
- Bernamea. (Julai 2017). Malaysia bebas penyakit selesema burung. *Astro Awani*. Diperoleh dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-bebas-penyakit-selesema-burung-148171>.
- Berita Harian. (Disember 2008). Perketat kawalan pintu masuk elak ancaman H5N1. *Berita Harian*.
- Berita Harian. (April 2006). Malaysia bebas H5N1 Jun. *Berita Harian*.
- Cook, A. (2017). Non-traditional Security and World Politics. *Issues in 21st Century World Politics, January 2017*. <https://doi.org/10.1057/978-1-137-58900-2>.
- Caballero-Anthony, M., & Effenberger, F. (2005). SARS in Asia: Crisis, vulnerabilities, and regional responses. *Asian Survey, 45*(3), 475–495.
- Curley, M. G., & Herington, J. (2011). The securitisation of avian influenza: International discourses and domestic politics in Asia. *Review of International Studies, 37*(1), 141–166. <https://doi.org/10.1017/S0260210510000537>.
- Chelsea L.Y. NG. ( Mei 2002). Pig farmers sue Govt over Nipah virus outbreak. *The Star*.
- Easton, A. (1999). Outbreak of Japanese Encephalitis hits Malaysia. *British Medical Journal, 318*(7188), 893. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC1115327/>.
- Epstein, J. H., Field, H. E., Luby, S., Pulliam, J. R. C., & Daszak, P. (2006). Nipah virus: Impact, origins, and causes of emergence. In *Tropical and Travel Medicine* (pp. 59–65). papers3://publication/uuid/E2EF0804-12C8-42CD-9117-0E868D8C99AF.
- Floyd, R. & Croft, S. (2011). European non-traditional security theory: From theory to practice. *Geopolitics, History, and International Relations, 3*(2), 152-179. Diperoleh dari <https://cris.unu.edu/sites/cris.unu.edu/files/European%20non-traditional%20security%20theory%20Stuart%20Croft.pdf>.
- Fatan Hamamah Yahaya. (2005). Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Kesannya Terhadap Manusia di Malaysia. *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu, 23*(2005), 153–168. Diperoleh dari [http://journalarticle.ukm.my/1066/1/Laporan\\_Penyelidikan-Kemunculan\\_Penyakit\\_berjangkit.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1066/1/Laporan_Penyelidikan-Kemunculan_Penyakit_berjangkit.pdf).
- Fisher, D., Hui, D. S., Gao, Z., Lee, C., Oh, M. D., Cao, B., Hien, T. T., Patlovich, K., & Farrar, J. (2011). Pandemic response lessons from influenza H1N1 2009 in Asia. *Journal of the Asian Pasific Society of Respirology, 16*(6), 876–882. <https://doi.org/10.1111/j.1440-1843.2011.02003.x>.
- Hidayah. (2018). Jangkitan Japanese Encephalitis (JE): Sejarah yang kian berulang!. *The Malaysian Medical Gazette*. Diperoleh dari <https://www.mm Gazette.com/jangkitan-japanese-encephalitis-je-sejarah-yang-kian-berulang-dr-shaiful-ehsan/>.

- Harian Metro. (Mac 2017). Pantas kekang penularan H5N1. *Harian Metro*.
- Hafifi Hafidz. (September 2003). HIV/Aids lebih bahaya daripada perang : Chua. *Berita Harian*.
- Irwan Mohd Subri, Abdul Manan Ismail, Arif Fahmi Md Yusof, Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, & Mohd Fauzi Mohd Amin. (2015). Langkah Pencegahan Sars. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 4(1), 325–338. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol4no1.105>.
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar. (2011). Selesema burung (Avian Influenza). *Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia*, 1–23. Diperoleh dari <http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/auto%20download%20images/560cae0c3f658.pdf>.
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. (2011). Japanese Encephalitis (JE). *Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani*. Diperoleh dari <http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/auto%20download%20images/560cae14bb5ee.pdf>.
- Kumar, K., Siti Suri Arshad, Selvarajah, G. T., Jalila Abu, Toung, O. P., Yusuf Abba, Yasmin, A. R., Bande, F., Sharma, R., & Ong, B. L. (2018). Japanese encephalitis in Malaysia: An overview and timeline. *Acta Tropica*, 185, 219–229. <https://doi.org/10.1016/j.actatropica.2018.05.017>.
- Looi, L. M., & Chua, K. B. (2007). Lessons from the Nipah virus outbreak in Malaysia. *The Malaysian Journal of Pathology*, 29(2), 63–67.
- M, N., Myint, M. H., Cho Win, M. M., & Akter, M. (2020). HIV/AIDS among Migrant Workers in Malaysia. *Scholars International Journal of Obstetrics and Gynecology*, 03(01), 1–3. <https://doi.org/10.36348/sijog.2020.v03i01.001>.
- Mai, H. L. (1999). Virus JE: Jangan panik, kata Chua. *Bernama*
- MalaysiaKini. (Disember 2008). Bakal pengantin diwajibkan ujian HIV. *MalaysiaKini*. Diperoleh dari <https://www.malaysiakini.com/news/95081>.
- Mad, M. (April 2003). Govt spends RM30 mln so far to fight SARS, says Chua. *Bernama*.
- Majlis Keselamatan Negara (MKN). (2019). Dasar Keselamatan Negara. Diperoleh dari [https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Bahasa\\_Melayu-DASAR\\_KESELAMATAN\\_NEGARA.pdf](https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Bahasa_Melayu-DASAR_KESELAMATAN_NEGARA.pdf).
- Mohd Nor, M. N., Gan, C. H., & Ong, B. L. (2000). Nipah virus infection of pigs in peninsular Malaysia. *Rev Sci Tech*, 19(1), 160–165. Diperoleh dari <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/11189713/>.
- MNI, M., & M, S. (2013). Factors affecting the HIV/AIDS epidemic: An ecological analysis of global data. *African Health Sciences*, 13(2), 301–310. <https://doi.org/10.4314/ahs.v13i2.15>.
- Mohd Khuzairi Ismail. (Oktober 2018). RM5.8j peringkat perubatan HIV / AIDS. *Utusan Malaysia*.

- Mohd Husni Mohd Noor. (Julai, 2019). JE bukan wabak. *BH online*. Diperoleh dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/586064/je-bukan-wabak>.
- Ministry of Health Malaysia. (2015). Malaysia National Strategic Plan for Ending AIDS 2016-2030. *HIV/STI Section*, 1–48. [https://www.moh.gov.my/moh/resources/auto\\_download\\_images/589d6c1097220.pdf](https://www.moh.gov.my/moh/resources/auto_download_images/589d6c1097220.pdf).
- Nizam Yatim Muhyiddin Yassin. (Jun 2007). H5N1: Pampasan RM80,000 kepada penduduk kampung. *Utusan Malaysia*.
- New Straits Times. (1997). RM20m annual effort to contain HIV/AIDS spread. *New Straits Times*.
- New Straits Times. (Mei 2007). RM300m to fight HIV / AIDS. *New Straits Times*.
- Nur Izati Mustapa, Saraswathy Subramaniam, T. S., Nurul Asshikin Mohd Ruslan, Fauziah Md Kassim, & Zainah Saat. (2016). Japanese encephalitis in Malaysia: Review of laboratory data from 2006 to 2013. *Southeast Asian Journal of Tropical Medicine and Public Health*, 47(4), 759–765. Diperoleh dari <https://www.tn.mahidol.ac.th/seameo/2016-47-4/20-IMR0923p759.pdf>.
- Nasron Sira Rahim. (November 2007). JE , Nipah virus maut daripada babi. *Berita Harian*.
- Nur Adibah Mohidem, Zailina, H., & Arshad, S. (2017). Avian influenza outbreaks in Malaysia , 1980 – 2017. *Asia Pacific Environmental and Occupational Health Journal*, 3(2), 1–14.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. (2018). The securitization of migrant workers in Sabah, Malaysia. *Journal of International Migration & Integration (JIMI)*, 19(3), 17–735.
- Rozaidah Talib. (2006). The State of the Epidemic in Malaysia. *Japan Center for International Exchange*, 195–206.
- RON, S. (April 2003). Kementerian penerangan sebar maklumat terkini SARS. *Bernama*.
- Satria Putra Fajar. (2016). Upaya sekuritisasi pemerintah Malaysia dalam menangani masalah perdagangan manusia di kawasan asia tenggara tahun 2010-2014. *JOM FISIP*, 3(1), 1-15. <https://media.neliti.com/media/publications/33133-ID-upaya-sekuritisasi-pemerintah-malaysia-dalam-menangani-masalah-perdagangan-manus.pdf>.
- Stovea, P. (2020). Dimension of health security- A concept analysis. Diperoleh dari <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/epdf/10.1002/gch2.201700003>.
- Sittamparam, R. (April 1999). Killer virus named after Kampung Baru Sungai Nipah. *New Straits Times*.
- Sasidharan, S., Parthiban, S. G., Jothy, S. L., & Latha, L. Y. (2012). Ethical issues in the prevention of H1N1: the Malaysian experience. *Asian Pasific Journal of Tropical Disease*, 2(6), 502–504. <http://oaji.net/articles/2016/3556-1469492735.pdf>.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Kamaliah Siarap. (2014). Peranan Perhubungan Awam Dan Komunikasi Krisis: Kajian Terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia Dalam Penanganan

- Wabak Sars. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), 125–134. Diperoleh dari <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/11095>.
- Sharma, V., Kaushik, S., Kumar, R., Yadav, J. P., & Kaushik, S. (2019). Emerging trends of Nipah virus: A review. *Reviews in Medical Virology*, 29(1), 1–6. <https://doi.org/10.1002/rmv.2010>.
- Sho, S, N. (April 2003). Mas batal penerbangan ke beberapa destinasi yang dilanda wabak SARS. *Bernamea*.
- Sazarina Shahrim. (Jun 2007). Virus H5N1 kembali ancam negara. *Berita Harian*.
- Sazarina Sharim. (Ogos 2009). Bekalan vaksin H1N1 ditambah (HL). *Berita Harian*.
- Sazarina Shahrim, & Norliza Wasilan. (Mei 2009). RM10j peruntukan kekang wabak H1N1. *Berita Harian*.
- Siti Maisarah Sheikh Abdul Rahim. (Julai 2009). Kes baru H1N1 menurun. *Utusan Malaysia*.
- The Star. (Oktober 2009). RM14mil for A ( HINI ) vaccine. *The Star*.
- The Sun Daily. (April 1999). New virus named Nipah. *The Sun Daily*. <https://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=n5h&AN=BKM2DTP20201224.18.353.00015&site=ehost-live>.
- Tee, K. K., Takebe, Y., & Adeeba Kamarulzaman. (2009). Emerging and re-emerging viruses in Malaysia, 1997-2007. *International Journal of Infectious Diseases*, 13(3), 307–318. <https://doi.org/10.1016/j.ijid.2008.09.005>.
- Utusan Malaysia. (Disember 2013). 3,500 pesakit hidap HIV/AIDS setiap tahun. *Utusan Malaysia*.
- Utusan Malaysia. (Julai 2003). Langkah pengawasan wabak SARS diteruskan. *Utusan Malaysia*.
- Utusan Malaysia. (Jun 2007). Tidak panik , tapi pandang serius virus H5N1. *Utusan Malaysia*.
- Utusan Malaysia. (Jun 2009). Jawatankuasa tangani virus H1N1 diaktifkan. *Utusan Malaysia*.
- Utusan Malaysia. (September 2009). H1N1: Tubuh jawatankuasa perumahan. *Utusan Malaysia*.
- Walt, S. M. (1991). The renaissance of security studies. *International Studies Quarterly*, 35(2), 211-239. Diperoleh dari [https://www.jstor.org/stable/2600471?read-now=1&refreqid=excelsior%3A4478e11d297f181b25a25af26d29a4dc&seq=2#page\\_scan\\_t ab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/2600471?read-now=1&refreqid=excelsior%3A4478e11d297f181b25a25af26d29a4dc&seq=2#page_scan_t ab_contents).
- Wan Zahiruddin Wan Mohammad. (April 2012). HIV/AIDS. *MyHealth*. Diperoleh dari <http://www.myhealth.gov.my/hiv-aids/>.
- Ziauddin Sharuddin. (April 1999). Nipah nama baru virus seakan Hendra. *Berita Harian*.

## **TINGKAH LAKU BELIA MALAYSIA TERHADAP PENGAWASAN DAN PENAPISAN SIBER KERAJAAN: SATU KAJIAN LITERATUR**

### *The Attitudes of Young Malaysians towards Cyber Surveillance and Cyber Censorship: A Literature Review*

Aprina Oskar & Norhafiza Mohd Hed

Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti  
Pendidikan Sultan Idris.

[aprina969@gmail.com](mailto:aprina969@gmail.com), [norhafiza@fsk.upsi.edu.my](mailto:norhafiza@fsk.upsi.edu.my)

#### **Abstrak**

Keselamatan siber telah menjadi komponen penting dalam strategi pertahanan banyak negara termasuklah Malaysia. Salah satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan keselamatan siber adalah dengan meningkatkan pengawasan dan penapisan internet dengan cara menyekat laman sesawang kritikal, memantau akaun-akaun media sosial dan mengenakan penalti jenayah terhadap mereka yang mengganggu atau memberi ancaman kepada pengguna lain dalam talian. Namun, usaha ini sebenarnya mewujudkan kontroversi dan ketegangan antara masyarakat dengan kerajaan apabila tindakan-tindakan ini dilihat seperti mencerooboh hak privasi individu.



Oleh itu, kajian ini menyorot kajian-kajian literatur sedia ada mengenai tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan dengan membandingkannya dengan literatur yang ada di negara demokrasi liberal, di negara bukan demokrasi liberal dan di Malaysia sendiri. Dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis lapan belas kajian-kajian literatur, hasil penelitian menunjukkan telah banyak kajian literatur tentang tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber di negara-negara demokrasi dan bukan demokrasi. Namun, kajian ini masih lagi amat terhad di Malaysia kerana kebanyakan literatur lebih memfokuskan kepada perkembangan internet, isu kebebasan internet dan penapisan kandungan media perdana. Kekurangan kajian empirikal mengenai tingkah laku masyarakat, khususnya belia terhadap pengawasan dan penapisan siber ini akan menyukarkan usaha kerajaan untuk menghalang daripada berlakunya jenayah siber. Ini kerana inisiatif kerajaan untuk memperkukuh keselamatan negara akan diberikan tanggapan yang negatif oleh rakyat yang melihat tindakan ini sebagai penganiayaan terhadap hak asasi manusia. Oleh itu, penyelidikan komprehensif berserta bukti empirikal diperlukan khususnya dalam konteks negara Malaysia.

**Kata Kunci:** tingkah laku, belia, Malaysia, pengawasan siber, penapisan siber,

### **Abstract**

Cyber security has become an important component in the defense strategies of many countries, including Malaysia. One of the mechanisms used by the government to ensure cyber security is to increase internet surveillance and censorship by blocking critical websites, monitoring social media accounts, and imposing criminal penalties on those who harass or threaten other online users. Yet, these efforts have created controversy and tension between people and the government when these actions are seen as trespassing on the privacy rights of individuals. Therefore, this study reviews the existing literature on the attitudes of young Malaysians towards government's cyber surveillance and censorship by comparing them with the existing literature in liberal democracies, non-liberal democracies and in Malaysia itself. By using qualitative method through the analysis of eighteen literature reviews, the results show that there have been many literature review on public attitudes towards cyber surveillance and cyber censorship in democratic and non-democratic countries. However, this study is very limited in Malaysia because most of the literature focuses more on the development of the internet, the issue of internet freedom and censorship of the content of mainstream media. The lack of empirical studies on public attitudes, particularly young people, towards cyber surveillance and cyber censorship may complicate government's efforts to prevent the occurrence of cybercrime. This is because the government's initiative to strengthen national security will be given a negative perception by the people who see

this action as a discrimination of human rights. Therefore, comprehensive research with empirical evidence is needed, mainly in the context of Malaysia.

**Keywords:** attitudes, youth, Malaysia, cyber surveillance, cyber censorship,

## **1.0 Pengenalan**

Perkembangan teknologi maklumat pada masa kini telah meletakkan dunia tanpa sempadan. Kewujudan alam siber banyak mendatangkan faedah bagi membantu pembangunan sesebuah negara terutama dalam aspek penyampaian maklumat dan komunikasi. Namun, perkembangan teknologi ini turut memberikan impak yang negatif terhadap negara dan masyarakat menerusi jenayah siber. Oleh itu, bagi membendung ancaman jenayah siber, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah dalam menerapkan amalan keselamatan siber. Menurut Lewis (2006), keselamatan siber ialah perlindungan rangkaian komputer dan maklumat dari sebarang kerosakan atau gangguan yang boleh membahayakan. Keselamatan siber telah menjadi komponen yang penting dalam strategi pertahanan banyak negara termasuklah negara Malaysia. Salah satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan keselamatan siber adalah dengan meningkatkan pengawasan dan penapisan internet dengan cara menyekat laman sesawang kritikal dan mengenakan penalti jenayah terhadap mereka yang mengganggu atau memberi ancaman kepada pengguna lain dalam talian. Menurut Shukla dan Moosavi (2013), penapisan internet boleh didefinisikan sebagai kawalan atau penindasan dari apa yang boleh diakses, dilihat dan diterbitkan di internet. Manakala, pengawasan siber pula merujuk kepada pemerhatian yang berfokus, sistematik dan rutin ke atas maklumat peribadi secara maya untuk tujuan meningkatkan pengaruh, pengurusan, perlindungan atau pengesanan (Lyon, 2007).

Pengawasan dan penapisan siber ini dikuatkuasakan mengikut negara masing-masing. Misalnya, di Malaysia, kerajaan bertindak untuk menggubal akta-akta seperti Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 yang bertujuan untuk menjaga keselamatan siber dan menjaga keharmonian masyarakat. Namun, usaha ini sebenarnya mewujudkan kontroversi dan ketegangan antara masyarakat dengan kerajaan apabila tindakan-tindakan ini dilihat seperti mencerooboh hak privasi individu (Watson & Wright, 2013). Namun, dalam masa yang sama, akta-akta ini adalah penting bagi melindungi dan mengatasi ancaman terhadap keselamatan nasional dan kepentingan awam. Banyak negara, sama ada negara demokrasi atau tidak, bertindak untuk melakukan pengawasan dan penapisan siber untuk mengekalkan keamanan negara. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk menyorot kajian-kajian literatur sedia ada mengenai tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan dengan membandingkannya dengan literatur yang ada di negara demokrasi liberal, di negara bukan demokrasi liberal dan di Malaysia sendiri.

## **2.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif menerusi instrumen analisis dokumen. Antara sumber rujukan yang digunakan adalah berbentuk sumber sekunder seperti buku, tesis dan artikel akademik. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu atau masalah yang dikaji.

### 3.0 Perbincangan

Sumber literatur dipilih secara selektif dari sumber yang autoritatif seperti buku, jurnal akademik, tesis disertasi mengenai pengawasan dan penapisan siber. Bagi memantapkan lagi kajian literatur, maka sorotannya dibahagikan kepada tiga tema utama. Pertama, kajian lepas berkaitan pengawasan dan penapisan siber di negara demokrasi. Kedua, pengawasan dan penapisan siber di negara bukan demokrasi liberal. Ketiga, pengawasan dan penapisan siber di Malaysia.

#### 3.1. Pengawasan dan Penapisan Siber di Negara Demokrasi Liberal

Kajian tentang isu pengawasan dan penapisan siber dalam negara demokrasi telah lama diperdebatkan oleh para sarjana. Perhatian yang serius diberikan kepada peningkatan pengawasan kerajaan terhadap rakyat dan juga isu privasi rakyat. Sejak serangan '9/11' ke atas *World Trade Centre* di New York, kerajaan merancang untuk mempertingkatkan tahap keselamatan dan pengawasan negara sebagai tindak balas terhadap ancaman keganasan yang berterusan. Salah satu mekanisme yang digunakan kerajaan adalah dengan menguatkuasakan pengawasan dan penapisan internet. Namun begitu, terdapat negara yang menggunakan penapisan dan pengawasan internet ini sebagai instrumen untuk mengekalkan kekuasaan mereka dengan cara mengawasi aktiviti pengguna internet melalui sekatan kepada pandangan yang kritikal dalam talian mengenai dasar atau tindakan kerajaan. Kajian oleh sarjana tentang pengawasan dan penapisan siber di negara demokrasi adalah sangat terhad kerana kebanyakan negara demokrasi baharu sahaja mengenakan pengawasan dan penapisan ke atas siber bagi memastikan keselamatan negara, berbanding dengan negara autoritarian yang telah lama mengaplikasikannya.

Selain dari negara US dan UK, negara demokrasi yang maju seperti Norway juga dilihat menggunakan kawalan terhadap kebebasan dalam media massa bagi tujuan keselamatan. Artikel Rolland (2008) mengkaji bagaimana Akta Pemilikan Media Norway yang digubal kerajaan menyekat kebebasan bersuara dan berpolitik rakyat. Artikel ini memfokuskan kepada peranan kerajaan yang penting dalam mengawal isu kebebasan dalam sistem demokrasi yang diamalkan di Norway. Menurut Rolland (2008), Norway membuat kawalan dengan mengenakan hukuman penjara di bawah Artikel 100 kepada mana-mana individu atau pihak yang mengeluarkan fitnah, khabar angin dan menyebarkan sentimen kebencian di media massa. Artikel Rolland (2008) ini dilihat menarik apabila memberikan contoh kes seperti kes yang melibatkan pengasas kumpulan pelampau *Phophet's Ummah* yang telah bertindak menghina bangsa Yahudi sebagai bangsa tidak bertamadun melalui media. Ubaydullah Hussein yang merupakan pengasas kumpulan tersebut telah dijatuhkan hukuman penjara 120 hari oleh Mahkamah Tinggi Norway. Dapatan kajian juga turut menjelaskan bahawa sekatan dan kawalan yang dilakukan bukanlah menyekat hak asasi rakyat untuk bersuara tapi hanyalah bertujuan untuk menjaga keharmonian dan keselamatan negara. Kekuatan kajian ini dapat dilihat dari aspek perbincangan yang kukuh dengan memaparkan

bukti melalui contoh-contoh kajian kes yang berlaku di Norway. Namun begitu, terdapat beberapa kekurangan dalam analisis Rolland (2008). Satu yang ketara adalah kajiannya tidak menjelaskan dengan terperinci metodologi kajian yang digunakan. Ketiadaan metodologi yang sistematik menyebabkan kajian ini kekurangan data empirikal untuk menyokong hujah yang diberikan. Selain itu, kajian ini juga tidak memfokuskan kepada reaksi atau tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber yang dikuatkuasakan kerajaan.

Kajian Rolland (2008) adalah berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Uimone (2015). Perbezaannya terletak kepada perbincangan mengenai negara Finland yang dikenali sebagai salah satu negara yang terbaik dalam kebebasan media. Menurut Uimone (2015), Finland merupakan negara yang berada ditangga teratas dalam kebebasan media, baik media siber mahupun media konvensional. Tiada sebarang sekatan yang dikenakan ke atas mana-mana media dalam menyampaikan maklumat dan menyuarakan pandangan mereka. Rakyat diberikan satu kebebasan yang mutlak dalam memberikan kritikan kepada apa jua perkara atau isu yang timbul dalam negara. Malah, Finland mempunyai satu sistem pengawalseliaan sendiri yang efektif dikenali sebagai *Council for Mass Media in Finland* (CMM). Tugas dan fungsi utama CMM ialah untuk menafsirkan amalan profesional yang baik dan mempertahankan kebebasan bersuara dan penerbitan. Satu undang-undang yang dikenali sebagai *Finland Press Law* 1984 menyatakan bahawa setiap kandungan maklumat di media tidak boleh disekat oleh negara. Perkara ini jelas menunjukkan keterbukaan kerajaan Finland dalam sistem politik. Finland dilihat sebagai sebuah negara maju yang mempunyai sistem ekonomi yang cukup baik meskipun mengamalkan kebebasan bersuara. Perkara ini turut memperlihatkan bahawa sistem keterbukaan hak asasi tidak menjejaskan pembangunan negara dan sistem politik. Kajian ini menyediakan latar yang terperinci tentang amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara Finland dalam mengawasi kebebasan bersuara dalam kalangan rakyatnya tanpa menggunakan apa-apa mekanisme kawalan. Meskipun kajian ini membincangkan tentang praktis terbaik negara demokrasi seperti Finland dalam mengawal kebebasan dan hak asasi rakyat, namun kekurangan yang paling jelas dalam kajian Uimonen (2015) ini adalah ketiadaan data empirikal yang menyokong hujah dan dapatannya. Selain itu, kajian ini juga tidak menganalisis aspek-aspek lain seperti bagaimanakah keselamatan negara apabila tiada kawalan sistematik ke atas kebebasan bersuara rakyat.

Hal yang sama turut berlaku di negara demokrasi lain iaitu *Netherlands*. Slootweg & Aasman (2015) melalui artikel yang bertajuk *Democratic Television in the Netherlands* turut membincangkan mengenai kebebasan terhadap media dengan memfokuskan kepada dua kes *non-conformist television* yang merupakan kes penting dalam kebebasan media di Netherlands. Secara khususnya, Slootweg & Aasman (2015) menyelidik mengenai sejarah televisyen sehingga wujud kebebasan media pada waktu itu. Kajian ini merupakan kajian sejarah yang banyak menggunakan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati bahawa media di Netherland mempunyai kebebasan untuk melaporkan berita-berita yang berkaitan dengan kepentingan kerajaan dan rakyat. Media dan televisyen mendapat kebebasan khususnya dalam memberitakan informasi yang berkait dengan politik. Rakyat di Netherlands mendapat maklumat secara adil dan seimbang mengenai isu politik. Parti-parti politik diberikan kebebasan untuk berkempen melalui media tanpa sebarang sekatan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Netherland mengamalkan sistem demokrasi yang baik tanpa wujud sebarang diskriminasi atau penindasan dalam hak bersuara. Rakyat juga bebas untuk

menulis pandangan mereka di media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan pelbagai lagi. Seperti kajian Uimonen (2015), kekuatan kajian Sloomweg & Aasman (2015) ini juga menyediakan latar yang terperinci berkaitan tentang praktis terbaik dalam menjamin kebebasan rakyat tanpa menggunakan sebarang pengawasan dan penapisan kerajaan. Malah kajian ini juga memberikan contoh-contoh kes yang sesuai dalam menyokong hujah yang diberikan. Kajian Sloomweg & Aasman (2015) dilihat relevan dengan kajian ini kerana kebebasan media di Netherlands dijadikan contoh atau penyelesaian dalam konteks kawalan siber di Malaysia. Namun, ada beberapa kekurangan yang ketara dalam kajian ini. Pertama, kajian ini hanya menumpukan kepada kebebasan media dan kebebasan bersuara masyarakat tanpa memfokuskan secara terperinci kepada kebebasan bersuara di ruangan siber, khususnya dalam menangani berita-berita palsu, fitnah dan hasutan.

Kesemua kajian di atas tentang pengawasan dan penapisan kerajaan di negara demokrasi lebih kurang sama sahaja. Analisisnya dilihat kabur dan tidak berkembang kerana terlalu menumpukan perbincangan kajian kepada dua aspek, iaitu: Pertama, amalan negara-negara demokrasi dalam memastikan kebebasan dan hak asasi manusia sentiasa diperjuangkan dan dipertahankan. Kedua, kebanyakan negara-negara demokrasi walaupun mereka juga menyekat dan menapis maklumat yang ada dalam Internet, namun kegiatan mereka ini tidak ditunjukkan dengan jelas kerana pemerintah terpaksa bergantung kepada aktor swasta untuk mengawal akses masyarakat kepada kandungan internet (Adler, 2011). Perenggan-perenggan sebelum ini telah pun menjelaskan dengan ringkas tema-tema utama kajian yang berkaitan dengan pengawasan dan penapisan siber di negara-negara demokrasi barat. Namun, bagaimanakah kajian tentang pengawasan dan penapisan siber di negara bukan demokratik terutamanya Malaysia boleh dibandingkan dengan perbincangan di atas? Terdapat beberapa penemuan penting yang boleh diketengahkan dalam kajian empirikal berkaitan sikap rakyat terhadap pengawasan dan penapisan siber di negara-negara bukan demokratik. Pertama, ramai yang berpendapat bahawa konteks sosio-politik tertentu dapat memberi kesan terhadap sikap dan juga pelaksanaan penapisan dan pengawasan internet. Sebagai contoh, sesetengah kajian mendapati negara-negara demokrasi kurang terdedah kepada penapisan dan pengawasan internet berbanding rejim autoritarian kerana mereka membolehkan kebebasan bersuara dan hak untuk mengakses setiap saluran komunikasi (Wang & Mark, 2015).

### **3.2 Pengawasan dan Penapisan Siber di Negara Bukan Demokrasi Liberal**

Amalan pengawasan dan penapisan siber di negara demokrasi liberal berbeza dengan negara-negara autoritarian, kerana kuasa terletak di tangan pemerintah. Kebebasan awam seperti kebebasan bersuara adalah sangat terhad dan hak asasi manusia juga seringkali disalahgunakan. Walau bagaimanapun, Dick et al. (2012) mendedahkan bahawa negara-negara demokrasi adalah lebih terdedah kepada penapisan dan pengawasan internet kerana kerajaan perlu menghadkan kebebasan internet disebabkan oleh ancaman globalisasi seperti keganasan, perubahan iklim dan penghematan ekonomi. Penapisan dan pengawasan internet di bawah rejim autoritarian adalah lebih rapuh atau lemah kerana kerajaan perlu bergantung pada penapisan sendiri yang akan menyebabkan sistem kawalan lebih terdedah kepada tersetusnya *cyberspeech cascades* (Druzin

& Gordon, 2017) yang tidak dijangka. *Cyberspeech cascades* ini berlaku apabila perbezaan pendapat dalam ruangan siber berupaya menghasilkan pergeseran yang besar dalam masyarakat.

Kawalan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam sesebuah negara dilihat sebagai satu tindakan yang menyekat kebebasan rakyat. Misalnya, Iran yang dilihat sebagai negara autoritarian juga merupakan negara yang banyak membuat sekatan dan penapisan terhadap media. Iran merupakan negara autoritarian yang turut mempunyai campur tangan kerajaan yang banyak dalam kebebasan media. Kajian yang dibuat oleh Bagheri & Halili (2010) yang bertajuk "*Press legal regime in Iran*" membincangkan mengenai isu ini. Menurut Bagheri & Halili (2010), semua stesen televisyen di Iran dan akhbar tertakluk kepada polisi yang ditetapkan oleh kerajaan. Media komunikasi tersebut dilarang oleh pihak kerajaan untuk membuat liputan atau menyampaikan maklumat yang bertentangan dengan kerajaan. Perkara ini dilihat sebagai satu langkah untuk mengekalkan kuasa pemerintah dan menyekat kebebasan suara rakyat. Kesan daripada itu, rakyat dilihat mula takut untuk menyuarakan pandangan atau membuat sebarang kritikan terhadap kerajaan. Namun demikian, dalam dasar Perlembagaan Iran, Artikel 1(2) menyatakan bahawa sebarang suara rakyat yang disebarkan di media perdana dan media baru tidak boleh dihalang pemerintah. Selain itu, artikel 3 (6) turut menyokong dan menyatakan bahawa kebebasan media adalah hak yang perlu diberikan kepada rakyat. Perkara ini menunjukkan bahawa kebebasan yang dimaksudkan hanya terletak pada perlembagaan sahaja dan tidak aplikasikan. Media tetap perlu mengikuti apa yang dikehendaki oleh kerajaan dan jelas memperlihatkan bahawa tidak wujud kebebasan yang mutlak. Hasil dapatan kajian juga hak asasi rakyat ditindas dan suara rakyat tidak didengari. Kekuatan kajian ini terletak kepada fakta yang kukuh seperti perlembagaan untuk menunjukkan bahawa kebebasan di Iran bersifat tidak mutlak.

Selain Iran, Singapura juga dilihat sebagai sebuah negara bukan demokrasi liberal yang turut membuat beberapa pengawasan dan penapisan siber melalui undang-undang. Kajian Yahya (2017) adalah tentang bagaimana kerajaan Singapura mengawal kebebasan media massa, khususnya bagaimana institusi pemerintah menggunakan kuasa mereka untuk mengawal kebebasan media di Singapura. Menurut George (2012), hukuman penjara akan dikenakan kepada media yang mengkritik kepimpinan dan memburukkan pihak pemerintah. Contohnya, Mahkamah Tinggi Singapura pernah menjatuhkan hukuman denda kepada *The Wall Street Journal Asia* atas kesalahan menghina mahkamah. Kesannya, rakyat tidak mempunyai keberanian untuk memberikan pandangan atau melaporkan berita yang berlawanan dengan kehendak pemerintah. Namun rakyatnya masih dalam keadaan yang baik tanpa sebarang protes atau pemberontakan kepada kerajaan. Ini bermaksud rakyatnya menerima pengawasan dan penapisan siber yang dibuat oleh kerajaan dalam mengawal kebebasan bersuara rakyat dan media. Ini kerana, Singapura adalah antara negara yang mempunyai ekonomi yang sangat stabil dan kekal maju di peringkat asia. Oleh itu, pengukuhan ekonomi juga menjadi satu faktor yang menentukan sama ada rakyat akan bertingkah laku positif atau negatif terhadap kawalan kerajaan ke atas kebebasan bersuara dan media. Ini bermaksud konteks sosioekonomi dan politik sesebuah negara dapat memberi kesan terhadap sikap dan juga pelaksanaan penapisan dan pengawasan internet.

Kajian Yahya (2017) ini dilihat bertentangan dengan hujah Ang & Nadarjan (1996). Ang dan Nadarjan menyatakan bahawa pengawasan dan penapisan siber di Singapura adalah sangat

sukar untuk dilaksanakan kerana ia akan mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem itu sendiri. Dalam kes negara Singapura ini, kerajaannya cuba untuk mengawal maklumat di internet dan dalam masa yang sama mahukan masyarakatnya mendapat faedah dari maklumat terkini di internet. Di Malaysia, situasi yang sama turut berlaku di mana kerajaan mengenakan pelbagai sekatan akta dalam memastikan keselamatan negara. Namun bezanya, di Malaysia, berlaku gerakan protes untuk menghapuskan akta-akta ini, namun ianya tidak berskala besar dan melibatkan keseluruhan masyarakat. Persoalannya, adakah faktor sosioekonomi atau pun sikap apati masyarakat mempengaruhi tingkah laku mereka terhadap pengawasan dan penapisan siber? Di sebalik kekuatan, wujud juga kekurangan dalam kedua-dua kajian ini iaitu para sarjana gagal membincangkan dengan lebih komprehensif tentang strategi penyelesaian yang efektif bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap amalan pengawasan dan penapisan siber kerajaan.

Sementara itu, Muhammad Yusrizal (2014) pula mengkaji tentang kawalan rejim pemerintah China di alam siber, khususnya ke atas aktiviti *Google Inc.* Enjin pencarian yang popular di China adalah seperti *Google, MSN Search, Yahoo, Baidu* dan *Bing*. Apa jua yang boleh mengganggu kepentingan awam dan budaya masyarakat China akan disekat. Antara aspek utama yang disekat ialah yang berkaitan dengan gerakan politik, keagamaan, pornografi dan sebagainya. Ini kerana kerajaan China tidak mahu rakyatnya mengambil tahu mengenai keadaan politik dalam struktur pemerintahan komunis. Kajian Yusrizal (2014) ini juga menyatakan mengenai langkah yang diambil oleh China dalam membuat pengawasan dan penapisan siber iaitu *The Great Firewall*. Kebebasan siber akan membuat rakyat bebas untuk bersuara dan mengeluarkan pandangan mereka, khususnya di media sosial. Bukan hanya itu, China juga tidak ingin kejadian pemberontakan yang berlaku di Mesir dan Libya turut berlaku di negara mereka. Selain itu, kerajaan China turut menguatkuasakan undang-undang internet untuk isu pengawasan dan penapisan siber ini. Tujuan utama undang-undang tersebut ialah untuk mencegah rakyat untuk mengakses berita yang dilarang terutama pornografi dan aktiviti penyebaran berita palsu yang berbaur hasutan. Antara perbuatan yang dianggap sebagai jenayah siber di China ialah mengakses secara tidak sah ke sistem informasi yang berkaitan dengan pentadbiran negara, mencuri atau membocorkan maklumat negara, menyebarkan virus komputer dan menyebarkan fitnah atau berita palsu yang berkaitan dengan politik negara, Langkah ini merupakan satu sekatan kepada semua laman sesawang dan enjin pencarian termasuk *Google*.

Kajian Yusrizal (2014) ini diperkukuhkan lagi dengan kajian Wang & Mark (2015) yang bertajuk "*Internet Censorship in China: Examining User Awareness and Attitudes*". Kajian ini bertujuan untuk melihat maklum balas masyarakat kesan daripada pengawasan dan penapisan siber di China. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat pengalaman pengguna internet di China. Dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan dalam skala yang besar, dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri demografi seperti pendidikan tinggi, penempatan di kawasan bandar dan pendapatan yang tinggi adalah berkait rapat dengan tahap kesedaran yang tinggi terhadap pelaksanaan penapisan internet di negara China. Kajian ini juga mendapati bahawa ciri autoritarian yang ada di negara China ini seperti sekatan terhadap kebebasan bersuara dan kebebasan media cenderung menjadikan masyarakatnya menyokong pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Ini kerana masyarakat China merasakan penapisan siber kerajaan merupakan sesuatu yang normal dan tidak

bertentangan dengan budaya atau sistem politik mereka. Kedua-dua kajian ini perlu diberi perhatian serius kerana ia berkait rapat dengan penyelidikan ini dalam beberapa aspek: Pertama, kajian-kajian ini menggunakan data empirikal dalam membincangkan tentang amalan pengawasan dan penapisan siber oleh rejim pemerintah termasuklah tingkah laku masyarakat dalam mendepani kawalan ini. Kedua, kajian-kajian ini juga menjelaskan tentang bagaimana amalan ini telah dikonstruksikan dalam masyarakat sehingga menjadikan ianya amalan yang normal untuk dipraktikkan. Walau bagaimanapun, masih ada kelemahan yang tidak boleh ditutupi, iaitu kajian ini gagal mengaitkan teori-teori dalam menjelaskan tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber.

Selain China dan Singapura, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Budak et al. (2011) yang menyelidik sikap masyarakat terhadap pengawasan dan privasi di negara Croatia dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan. Data-data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Kajian mendapati bahawa maklumat mengenai keberkesanan pengawasan kesedaran mengenai pengawasan, kepercayaan terhadap perlindungan privasi, keprihatinan mengenai privasi CCTV, keprihatinan tentang manipulasi data peribadi dan juga keperluan pengawasan adalah berada pada tahap sederhana. Namun, perbezaan ketara dapat dilihat apabila membandingkan dapatan mengikut faktor usia dan pendidikan. Manakala tiada perbezaan yang signifikan dalam jantina, pekerjaan dan pendapatan isi rumah. Kajian yang dijalankan oleh Budak et al. (2011) turut mendapati bahawa tahap pendidikan dan umur mempengaruhi sikap pengguna terhadap pengawasan dan penapisan di Croatia. Dapatan menunjukkan masyarakat yang berpendidikan tinggi lebih mengambil berat tentang perlindungan data dan privasi. Kajian ini juga mendapati bahawa golongan muda cenderung untuk lebih prihatin tentang isu pengawasan berbanding generasi yang lebih berusia yang dilihat lebih menyokong tindakan pengawasan yang diambil kerajaan.

Dapatan kajian Budak et al. (2011) ini dilihat tidak selari dengan kajian Friedewald & Lieshout (2015). Kajian Friedewald & Lieshout melihat kepada hubungan antara privasi dan keselamatan serta melihat kepada penerimaan masyarakat terhadap pengawasan kerajaan. Dengan menemubual seramai 1,000 orang responden melalui panggilan telefon selama 30 minit di semua negara Kesatuan Eropah kecuali Croatia, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap masyarakat terhadap pengawasan siber adalah beragam. Dari satu sisi, terdapat masyarakat yang beranggapan bahawa pengawasan merupakan langkah yang tidak berguna untuk meningkatkan keselamatan. Malah, pengawasan hanya mengganggu privasi mereka. Dari sisi lain, terdapat juga masyarakat yang menganggap tindakan pengawasan berguna dari segi keselamatan tetapi turut merasakan bahawa privasi mereka terganggu. Ini bermaksud pengawasan yang dilakukan kerajaan untuk meningkatkan keselamatan akan memberikan risiko kepada privasi. Setiap peningkatan dalam aspek keselamatan pasti akan berlaku pengurangan privasi yang dinikmati oleh masyarakat. Teknologi yang digunakan dalam pengawasan adalah baik untuk keselamatan tetapi berpotensi tinggi untuk mengancam privasi.

Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa keselamatan hanya akan dicapai apabila mengorbankan privasi. Friedewald & Lieshout (2015) juga membuat penelitian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi orang ramai terhadap privasi dan keselamatan dalam konteks



amalan pengawasan berorientasikan keselamatan di mana dapatan kajian mereka menunjukkan faktor-faktor struktur seperti kepercayaan pada institusi yang melaksanakan pengawasan adalah amat penting. Manakala faktor-faktor lain seperti usia, jantina atau wilayah adalah faktor yang kurang penting dalam mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap pengawasan kerajaan. Kekuatan kajian ini ialah metodologi kajian yang melibatkan ramai responden dari pelbagai negara dalam Kesatuan Eropah. Perkara tersebut akan menghasilkan pandangan dan persepsi yang pelbagai dari setiap warganegara. Kajian ini turut menyatakan mengenai hubungan antara keselamatan dan privasi yang membantu penyelidik untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih jelas.

Kajian Budak et al. (2011) dan Friedewald & Lieshout (2015) ini menarik kerana beberapa faktor. Pertama, mereka membincangkan tentang hubung kait diantara faktor demografi seperti umur, tahap pendidikan, status ekonomi dan sebagainya dalam mempengaruhi tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber di negara-negara Eropah termasuk Croatia. Kedua, metodologi yang digunakan adalah komprehensif meliputi kajian lapangan dengan jumlah sampel yang ramai. Oleh itu, kajian empirikal ini mempunyai kesahan data yang tinggi dan memberikan dapatan yang lebih meyakinkan. Begitupun, masih ada kekurangan dalam kajian Budak et al. (2011) dan Friedewald dan Lieshout (2015). Pertama, mereka gagal menjelaskan dengan lebih terperinci tentang faktor sosialisasi seperti pengaruh keluarga, institusi pendidikan, media, rakan sebaya dan kerajaan sendiri dalam menentukan tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber. Kedua, mereka tidak cuba membandingkan fenomena yang berlaku di negara-negara bukan demokrasi lain seperti China dalam mengkaji tentang amalan pengawasan dan penapisan siber kerajaan.

Seterusnya, kajian Shishkina dan Issaev (2018) mengkaji hubungan agama dan nilai moral dalam mempengaruhi penapisan internet di negara Arab, khususnya tentang bagaimana kerajaan menggunakan agama dan nilai moral dalam mempraktikkan amalan penapisan dan pengawasan siber. Dengan menggunakan analisis dokumen, dapatan kajian mendapati bahawa faktor utama yang mendorong kepada penapisan siber di negara-negara arab adalah bagi memastikan keselamatan rejim pemerintah, usaha untuk mengatasi gerakan penentangan dan perlindungan norma-norma agama dan moral masyarakat. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat tiga syarat asas dalam penapisan internet iaitu untuk mengekalkan kestabilan politik (Libya dan Jordan), untuk mengukuhkan keselamatan negara (Maghribi) dan untuk mengekalkan nilai sosial tradisional (Oman). Ketiga-tiga syarat asas ini juga relevan di negara-negara Arab seperti Arab Saudi, Syria, Tunisia dan Emiriah Arab Bersatu. Faktor kerohanian adalah antara faktor yang menyebabkan institusi pemerintahan melaksanakan penapisan dan pengawasan siber khususnya ke atas perkara yang bertentangan dengan agama dan norma moral.

Hukuman akan dikenakan kepada mana-mana individu yang membuat kritikan terhadap agama dan cara hidup umat Islam secara terbuka dan individu yang terlibat dengan kegiatan pornografi, homoseksual dan ketagihan dadah. Namun, menurut Shishkina dan Issaev (2018), niat baik untuk melindungi masyarakat Arab dari keruntuhan moral ini dengan melaksanakan pengawasan dan penapisan siber sebenarnya menutup tujuan asal kerajaan iaitu mengukuhkan kekuasaan rejim pemerintah. Di samping itu, banyak laman web yang dikenakan penapisan dan

pemantauan berterusan atas alasan keselamatan, misalnya, laman web yang berkaitan dengan pengganas dan kumpulan pelampau. Kekuatan kajian ini terletak kepada analisis perbandingan tentang amalan pengawasan dan penapisan siber di negara-negara arab di mana persamaan ketara dalam praktik pengawasan dan penapisan siber ini adalah faktor agama dan nilai moral yang mendasari tujuan kerajaan melaksanakannya. Namun, kajian ini kurang dari aspek data, kajian kes dan bukti empirikal bagi menyokong hujah-hujah mereka.

Merujuk kepada sorotan kajian di atas, maka boleh dirumuskan bahawa terdapat banyak kajian di negara bukan demokrasi berkaitan dengan pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan, namun dilihat selari dan sama saja. Mereka hanya menyentuh beberapa aspek, iaitu tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber serta faktor-faktor demografi seperti umur, tahap pendidikan, tahap kepercayaan dan faktor agama yang mempengaruhinya. Tetapi, kajian mereka tidak mengkaji beberapa aspek penting seperti: Adakah faktor sosialisasi seperti pengaruh keluarga, media dan institusi pendidikan mempunyai hubung kait dengan tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber? Apakah strategi yang sesuai bagi memperbaiki persepsi negatif masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan?

### **3.3 Pengawasan dan Penapisan Siber di Malaysia**

Di Malaysia, pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan tidak jauh berbeza dengan amalan di negara bukan demokrasi liberal yang lain. Ini kerana Malaysia boleh dilabel sebagai negara quasi-demokrasi (Zakaria Ahmad, 1989), semi-demokrasi (Crouch, 1996) atau demokrasi autoritarian (Case, 2002) yang menguatkuasakan undang-undang bagi menyekat kebebasan bersuara dan berpolitik masyarakat. Kawalan akta dan peraturan yang dikenakan ini dilihat mencacatkan demokrasi kerana menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara dan juga mengurangkan peranan semak dan imbang masyarakat terhadapnya (Yahya, 2017). Oleh itu, dalam konteks Malaysia terdapat kemungkinan bahawa sistem, institusi dan sosiopolitik ini mempengaruhi sikap belia Malaysia terhadap penapisan dan pengawasan siber. Perkara ini masih lagi belum dibincangkan dalam kajian-kajian yang lalu, khususnya di Malaysia.

Kajian Zakiah Saizan dan Dalbir Singh (2018) mengkaji mengenai kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber. Kajian ini adalah untuk mengukur tahap kesedaran pengguna media sosial dan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesedaran pengguna media sosial. Tambahan pula, kajian ini turut membangunkan model cadangan berdasarkan faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran serta mengesahkan dan memurnikan penambahbaikan terhadap model yang dicadang. Pengumpulan data dalam kajian ini ialah menggunakan soal selidik secara dalam talian kepada 231 orang pelajar German-Malaysian Institute yang dianalisis menggunakan SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang sederhana terhadap keselamatan siber. Faktor yang dibincangkan dalam kajian ini ialah faktor pengetahuan, faktor persekitaran dan faktor sikap. Setiap faktor tersebut mempunyai hubung kait antara satu sama yang lain. Kajian ini turut memberi manfaat kepada pengguna media sosial dan organisasi bagi membina mekanisme atau strategi yang efektif dalam mempertingkatkan lagi kesedaran pelajar dalam keselamatan siber. Kelemahan dalam kajian ini ialah gagal mengaitkan

teori-teori dalam menjelaskan kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber. Namun, kekuatan kajian ini ialah mempunyai aspek pengesahan secara empirikal dengan memberi perspektif terhadap faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber. Malah, kajian ini mempunyai cadangan model yang dibentuk berdasarkan faktor tersebut dan menjadikan pelajar iaitu golongan muda sebagai responden.

Media pada hari ini bukan hanya memfokuskan kepada media tradisional tetapi juga media siber. Kajian Mohd Azizuddin (2005) yang bertajuk "*Media Freedom in Malaysia*" menyatakan bahawa media di Malaysia dikawal oleh kerajaan. Terdapat akta-akta seperti Akta Keselamatan dalam Negeri 1960, Akta Komunikasi dan Multimedia 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan lain-lain akta yang dibentuk bertujuan untuk mengawal kebebasan rakyat dan menjaga keharmonian dan keamanan kaum di Malaysia. Tujuan lain ialah untuk menyekat anasir-anasir luar yang cuba mempengaruhi rakyat dalam bertindak negatif kepada kerajaan. Selain itu kajian ini turut menyatakan tentang tindak balas rakyat kepada tindakan kerajaan ini dengan membuat demonstrasi secara besar-besaran. Kesannya, demokrasi di Malaysia ini dilihat sedikit terbuka apabila masyarakat telah mula menuntut sistem pemerintahan yang lebih demokratik, adil dan bebas. Dapatan kajian ini menyokong hujah Yahya (2017). Menurut Yahya (2017), media merupakan agen penyampaian maklumat yang cukup berpengaruh dalam membawa perubahan politik sesebuah negara. Kebebasan media dalam sesebuah negara akan memberikan kesan kepada negara iaitu kerajaan yang memerintah. Negara dilihat perlu membuat kawalan dan sekatan bagi menjaga keselamatan negara dan kepentingan politik. Dapatan kajian Yahya (2017) juga mendapati bahawa faktor utama yang menyebabkan kerajaan Malaysia melaksanakan kawalan dan sekatan terhadap media adalah kerana kemajmukan masyarakat Malaysia. Faktor lain ialah struktur masyarakat yang mempunyai kepelbagaian agama, nilai hidup yang berbeza, sikap prejudis dan sentimen perkauman serta demi menjaga keselamatan negara. Dalam pada itu, penggubalan Akta Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 dilihat relevan dalam mengawal dan melarang sebarang penyebaran berita tidak sah dan maklumat penting yang boleh mengancam keselamatan negara.

Dapatan Yahya (2017) turut menyimpulkan impak kawalan kerajaan terhadap kebebasan media iaitu kesan terhadap ketelusan media. Pertama, kawalan akan menjejaskan ketepatan berita yang disiarkan dan juga kredibiliti wartawan. Kedua, boleh menyempitkan pemikiran masyarakat kerana maklumat yang disampaikan kepada rakyat adalah terhad. Ketiga, kawalan media turut menyebabkan tertutupnya ruang demokrasi untuk rakyat berpartisipasi dalam politik. Sekali gus, tindakan negara ini dilihat mencacatkan demokrasi kerana menyekat hak bersuara rakyat dan mengurangkan peranan semak dan imbang masyarakat terhadapnya. Kesemua impak ini akan membawa kepada meningkatnya pengguna media sosial. Ini kerana rakyat mula meragui kebenaran berita yang dibawa oleh media arus perdana dan beralih dari media tradisional kepada media sosial. Yahya (2017) menegaskan bahawa peningkatan media sosial akan menyebabkan masyarakat terutama anak muda mula menolak kerajaan. Penglibatan rakyat juga akan semakin meningkat dalam isu-isu politik negara. Ahli-ahli parlimen juga akan mula berhati-hati kerana setiap perbuatan mereka kerana akan lebih cepat tersebar di media sosial. Peningkatan penggunaan media sosial akan memberi ruang kepada ahli politik menyiarkan perkembangan terkini mereka kepada rakyat. Secara keseluruhan, analisis kajian ini menunjukkan kawalan negara memberikan kesan bukan hanya kepada rakyat tetapi kerajaan itu sendiri. Di sebalik kekuatan, wujud juga

kekurangan dalam kedua-dua kajian ini iaitu para sarjana gagal menunjukkan data empirikal yang komprehensif menerusi penggunaan metodologi yang sistematik bagi menyokong hujah kajian. Oleh itu, kajian ini berbeza dengan kajian Mohd Azizuddin (2005) dan Yahya (2017) di mana kajian ini akan menunjukkan data empirikal yang sistematik dalam melihat kepada tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. Tambahan pula, kajian Mohd Azizuddin (2005) dan Yahya (2017) menjurus kepada faktor yang mendorong kepada kawalan kerajaan ke atas kebebasan media dan impaknya kepada masyarakat dan negara. Namun, kajian tersebut tidak menjelaskan mengenai mekanisme penyelesaian dalam memastikan rakyat mempunyai tingkah laku yang positif terhadap pengawasan dan penapisan siber.

Selain dari kajian berkaitan dengan kebebasan media di Malaysia, terdapat juga sarjana yang memfokuskan kepada pengalaman dan kesedaran golongan dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial, iaitu Mohd Azrul & Nurul Madiha (2017). Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual secara mendalam dan kumpulan fokus, dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan responden menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* setiap hari. Kesannya, penggunaan media sosial telah banyak membawa perubahan kepada cara hidup masyarakat. Selain itu, hasil temubual juga menunjukkan bahawa media sosial membantu mereka dalam ekonomi seperti menjadikan media sosial sebagai platform menjual barangan atau membeli barang yang mereka perlukan. Dari aspek pengawasan, kebanyakan responden mempunyai kesedaran terhadap isu pengawasan oleh pihak lain melalui aplikasi media sosial yang digunakan. Penggunaan media sosial tanpa batasan sebenarnya membawa kepada kesan negatif khususnya aspek keselamatan. Ancaman keselamatan mengenai maklumat peribadi adalah satu isu yang besar apabila pengguna tidak peka terhadap aktiviti di media sosial. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden berhati-hati dalam berkongsi maklumat di media sosial kerana mereka sedar ada pihak lain yang memerhati. Ini menunjukkan bahawa masyarakat mengambil berat tentang isu pengawasan dalam penggunaan aplikasi media sosial, termasuk keselamatan internet, privasi maklumat, kepentingan literasi media dan teknologi baru dalam kalangan pengguna.

Kajian Mohd Azrul & Nurul Madiha (2017) dilihat selari dengan kajian Haslina & Mohd Mahzan (2018). Bezanya, kajian Haslina & Mohd Mahzan ini mengkaji tentang isu kesedaran dan pengawasan media sosial dalam kalangan belia luar bandar. Selain itu, kajian ini juga adalah berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk melihat sejauh mana pemilihan jenis media sosial serta kesedaran dan keselamatan belia luar bandar. Namun, lokasi kajian ini hanya tertumpu kepada belia di Daerah Daro, Sarawak yang merupakan kawasan luar bandar. Kajian ini memfokuskan kepada dua isu iaitu kesedaran privasi dan pengawasan keselamatan. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian sehingga melebihi 7 jam dalam sehari dan gemar berkongsi gaya hidup mereka di media sosial. Namun, disebabkan faktor capaian internet yang terhad, penggunaan media sosial dalam kalangan belia luar bandar juga adalah terhad. Kebanyakan dari belia luar bandar ini menggunakan media sosial untuk tujuan hiburan, menambah kenalan, pendidikan dan perniagaan. Oleh kerana pengguna belia sering terdedah kepada ancaman keselamatan dalam media sosial, maka mereka perlu mempunyai kesedaran yang tinggi tentang keselamatan dan privasi serta terhindar dari jenayah siber. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa

kesedaran tentang pengawasan dan keselamatan media sosial dalam kalangan belia luar bandar di Daro berada pada tahap yang tinggi. Golongan belia yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar kolej dan universiti mengetahui bahawa mereka diawasi dan peka dengan isu keselamatan mereka melalui pembacaan dan pengetahuan mereka tentang isu semasa. Namun, terdapat juga responden yang tidak menyedari tentang pengawasan di media sosial.

Dapatan ini juga sejajar dengan hujah Mohd Azul et. al. (2017). Menurut Mohd Azul et al. (2017), kesedaran dan pengetahuan belia terhadap keselamatan dan privasi di media sosial adalah sangat penting. Dengan menggunakan kaedah campuran (*Mixed-Method*) menerusi pendekatan kuantitatif (soal selidik) dan pendekatan kualitatif (temu bual mendalam) ke atas belia yang berumur dari 15 hingga 30 tahun, dapatan kajian ini mendapati bahawa belia mempunyai pengetahuan dan kesedaran dalam pengawasan aktiviti mereka di media sosial. Namun, sesetengah pengguna media sosial tidak memikirkan mengenai aspek keselamatan dan privasi sewaktu menggunakan media sosial. Terdapat juga belia yang tidak memahami secara mendalam mengenai konsep dan kepentingan privasi atau keselamatan dalam penggunaan media sosial kerana ia bergantung kepada cara belia menggunakan sesuatu aplikasi media sosial. Namun, majoriti belia mempunyai kefahaman, pengetahuan dan kesedaran yang tinggi tentang kesan privasi dan keselamatan media sosial.

Kesemua kajian di atas menarik sekali disoroti kerana ia memberi gambaran tentang kesedaran dan pengetahuan masyarakat, khususnya golongan belia dan dewasa tentang isu privasi dan keselamatan di media sosial. Meskipun, kajian yang dilakukan tidak menumpukan kepada konsep atau teori pengawasan, namun tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat dilihat relevan dalam memperjelaskan tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber di Malaysia. Ini kerana perkembangan bidang teknologi digital di Malaysia merupakan salah satu faktor yang telah mendorong kerajaan untuk memperketatkan kawalan terhadap media siber bagi menjamin keselamatan negara. Ada beberapa kekurangan yang ketara dalam kajian Mohd Azrul & Nurul Madiha (2017), Haslina & Mohd Mahzan (2018) dan Mohd Azul (2017). Pertama, mereka tidak membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat tentang privasi dan keselamatan di media sosial. Kedua, mereka juga tidak menghujahkan dengan jelas bagaimanakah tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat tentang pengawasan boleh diperbaiki.

#### 4.0 Penutup

Fokus kajian lepas dari semua sarjana di atas menganalisis mengenai amalan dan tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan secara umum sahaja tanpa memberi penjelasan terperinci mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku masyarakat khususnya belia terhadap pengawasan dan penapisan siber. Walaupun terdapat hujah yang menunjukkan ciri demografi seperti umur dan tahap pendidikan, serta konteks sosiopolitik mempengaruhi sikap rakyat terhadap pengawasan dan penapisan siber yang dilakukan oleh

kerajaan, namun lebih banyak bukti empirikal yang diperlukan khususnya dalam konteks negara Malaysia. Kajian-kajian lepas adalah sangat terhad di Malaysia sedangkan amalan pengawasan dan penapisan siber ini telah lama dilaksanakan. Oleh itu, penyelidikan komprehensif berserta bukti empirikal diperlukan khususnya dalam konteks negara Malaysia.

## Rujukan

- Adler, J. (2011). The public's burden in a digital age: Pressures on intermediaries and the privatization of Internet censorship. *JL & Pol'y*, 20, 231. <https://heinonline.org/HOL/LandingPage?handle=hein.journals/jlawp20&div=11&id=&page=>
- Ang, P. H., & Nadarajan, B. (1996). Censorship and the Internet: A Singapore perspective. *Communications of the ACM*, 39(6), 72-78. [https://dl.acm.org/doi/abs/10.1145/228503.228520?casa\\_token=CedwO0xNNhAAAAAA:ipIFZWK0kLIAX3wo\\_OOUlpf\\_G3w56Nujmu3dK7-DmU1PvbGtA6WFYfHSM0\\_-wvh9AicgYlqGRGg008c](https://dl.acm.org/doi/abs/10.1145/228503.228520?casa_token=CedwO0xNNhAAAAAA:ipIFZWK0kLIAX3wo_OOUlpf_G3w56Nujmu3dK7-DmU1PvbGtA6WFYfHSM0_-wvh9AicgYlqGRGg008c)
- Bagheri, P. & Halili, H.K. (2010). Press legal regime in Iran: Flexibility and coordination with new communication technologies. *Journal of Politics and Law* 9(7): 133-141
- Budak, J., Anić, I. D., & Rajh, E. (2011). Public attitudes towards surveillance and privacy in Croatia. *Radni materijali EIZ-a*, (1), 5-24. [https://hrcak.srce.hr/index.php?show=clanak&id\\_clanak\\_jezik=106614](https://hrcak.srce.hr/index.php?show=clanak&id_clanak_jezik=106614)
- Case, W. (2002). *Malaysia: Semi-democracy with strain points*. Politics in South East Asia. Richmond: Curzon.
- Crouch, H. A. (1996). *Government and society in Malaysia*. Cornell University Press. [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=HNEGtjlwMpEC&oi=fnd&pg=PR7&dq=crouch+1996+semi+democracy&ots=mm0UHgdEZ3&sig=eyFWSb8F-nbZb6dC6WDHFi35U6M&redir\\_esc=y#v=onepage&q=crouch%201996%20semi%20democracy&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=HNEGtjlwMpEC&oi=fnd&pg=PR7&dq=crouch+1996+semi+democracy&ots=mm0UHgdEZ3&sig=eyFWSb8F-nbZb6dC6WDHFi35U6M&redir_esc=y#v=onepage&q=crouch%201996%20semi%20democracy&f=false)
- Dick, A. L., Oyieke, L. I., & Bothma, T. J. (2012). Are established democracies less vulnerable to internet censorship than authoritarian regimes? The social media test. *FAIFE spotlight*. <https://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.259.1985&rep=rep1&type=pdf>
- Druzin, B., & Gordon, G. S. (2018). Authoritarianism and the internet. *Law & Social Inquiry*, 43(4), 1427-1457.
- Friedewald, M., Van Lieshout, M., & Rung, S. (2015, August). Modelling the relationship between privacy and security perceptions and the acceptance of surveillance practices. In *IFIP International Summer School on Privacy and Identity Management* (pp. 1-18). Springer, Cham. [https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-41763-9\\_1](https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-41763-9_1)
- George, C. (2012). *Freedom from the press: Journalism and state power in Singapore*. NUS Press.

- Haslinda, A. B., & Mohd, Mahzan, A. (2019). Prosiding seminar antarabangsa pendidikan bahasa, sastera dan budaya melayu kedua. "Media sosial dan isu kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan belia luar bandar di daerah Daro. <https://sted18.files.wordpress.com/2018/12/1-5-haslina-abu-bakar-mohd-mahzan-awang.pdf>
- Lewis, J. A. (2006). Cybersecurity and critical infrastructure protection. Center for Strategic and International Studies.
- Lyon D. (2007). Surveillance Studies: An Overview. Polity Press.
- Mohd Azizuddin, M, S. (2005). Media freedom in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 35(3), 341-367. [https://www.researchgate.net/publication/249041624\\_Media\\_freedom\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/249041624_Media_freedom_in_Malaysia)
- Mohd Azul, M, S. Mohd Yusof, A., & Ahmad Sauffiyan, A, H. (2017). Kesedaran dan pengetahuan terhadap keselamatan dan privasi melalui media sosial dalam kalangan belia (Awareness and knowledge of safety and privacy through social media among youth). *e-Bangi*, 14(3). <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22475>
- Mohd Azul, M, S., & Nurul Madiha, M, I. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1). <http://journalarticle.ukm.my/10562/1/17010-49263-2-PB.pdf>
- Muhammad Yusrizal. (2014). Dampak implementasi kebijakan The Great Firewall oleh pemerintah China terhadap aktivitas Google Inc di China (2006 2012) (Doctoral dissertation, Riau University). <https://www.neliti.com/publications/31837/dampak-implementasi-kebijakan-the-great-firewall-oleh-pemerintah-china-terhadap>
- Rolland, A. (2008). The Norwegian media ownership act and the freedom of expression. *International Journal of Media & Cultural Politics*, 4(3), 313-330.
- Shishkina, A., & Issaev, L. (2018). Internet censorship in Arab countries: Religious and moral aspects. *Religions*, 9(11), 358. <https://www.mdpi.com/2077-1444/9/11/358>
- Shukla, V. K., & Moosavi, S. (2013). Role of censorship, privacy, and laws in internet. [https://www.researchgate.net/publication/315669405\\_Role\\_of\\_Censorship\\_Privacy\\_and\\_Laws\\_in\\_INTERNET](https://www.researchgate.net/publication/315669405_Role_of_Censorship_Privacy_and_Laws_in_INTERNET)
- Slotweg, T., & Aasman, S. (2015). Democratic television in the Netherlands: Two curious cases of alternative media as counter-technologies. *VIEW Journal of European Television History and Culture*, 4(7), 21-37. <https://mediarep.org/handle/doc/15082>
- Uimonen, R. (2015). Finland of the free: Why the Finns always top media freedom indexes. *Index on Censorship*, 44(1), 107-111. <https://ijoc.org>
- Wang, D., & Mark, G. (2015). Internet censorship in China: Examining user awareness and attitudes. *ACM Transactions on Computer-Human Interaction (TOCHI)*, 22(6), 1-22. <https://escholarship.org/uc/item/48x7k7j2>
- Watson, H., and D. Wright, eds. (2013). Report on Existing Surveys. Deliverable 7.1, PRISMS Project. Karlsruhe: Fraunhofer Institute for Systems and Innovation Research ISI

- Yahya, A, R. (2017). Impak kawalan state terhadap kebebasan media di Malaysia (Impact of state control on media freedom in Malaysia). *e-Bangi*, 14(7).  
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22741>
- Zakaria Ahmad. (1989). Malaysia: Quasi democracy in a divided society. dlm. *Democracy in developing countries: Asia*, disunting oleh Diamond L. J., Linz, J. J., & Lipset, S. M. (Eds.).
- Zakiah. S, & Dalbir.S. (2018). Cyber security awareness among social media users: Case study in German-Malaysian Institute (GMI). *Asia Pac. J. Inf. Technol. Multimed*, 7, 111-127.

## **POLITIK CYBERTROOPERS DI MALAYSIA: SATU KAJIAN LITERATUR**

### ***CYBERTROOPERS POLITICS IN MALAYSIA: A REVIEW***



Nurul Iwan & Norhafiza Mohd Hed

Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

### ABSTRAK

Kebangkitan laskar siber, *keyboard warrior*, netizen atau *Cybertroopers* ini tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, tetapi ianya adalah suatu fenomena global yang terjadi di seluruh negara. Di Malaysia, kemunculan gerakan *Cybertroopers* ini dilihat signifikan pada Pilihan Raya Umum ke-12 dan berkembang pada Pilihan Raya ke-14. Sejalan dengan perkembangan ini, isu politik *cybertroopers* ini mula mendapat perhatian ramai sarjana yang cuba mengkaji tentang perkembangan dan peranannya dalam konteks politik di Malaysia. Oleh itu, kajian ini menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan politik *Cybertroopers* di Malaysia dengan memfokuskan perbincangannya kepada definisi dan tipologi yang sesuai digunakan dalam konteks Malaysia, ancaman terhadap keselamatan negara oleh gerakan *Cybertroopers* dan mekanisme yang diambil oleh kerajaan menerusi penapisan dan pengawasan siber untuk mengawal kegiatan *Cybertroopers* ini. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif menerusi instrumen 20 analisis kajian-kajian lepas, dapatan analisis kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa kelompangan dalam literatur sedia ada berkaitan politik *Cybertroopers* di Malaysia iaitu tiada satu pendefinisan yang jelas untuk memahami istilah sebenar *cybertroopers* di Malaysia. Ketiadaan definisi dan tipologi yang sesuai bagi menggambarkan *Cybertroopers* di Malaysia ini menyebabkan penggunaan mekanisme penapisan dan pengawasan siber tidak dapat dilaksanakan dengan baik bagi mengawal kegiatan mereka, sekali gus menyebabkan gerakan ini terus memberi ancaman terhadap persekitaran keselamatan negara. Oleh itu, penyelidikan yang komprehensif tentang politik *Cybertroopers* di Malaysia ini adalah sangat penting dan diperlukan.

**Kata Kunci:** *Cybertroopers*, Malaysia, keselamatan, penapisan siber, pengawasan siber.

### Pengenalan

Kepesatan teknologi pada hari ini telah berjaya mewujudkan 'media sosial' yang dilihat sebagai satu transformasi yang sangat berjaya dalam dunia teknologi. Kemunculan laman Web 2.0 ini membolehkan pengguna berinteraksi dan berkolaborasi 2 antara satu sama lain sebagai pencipta kandungan dalam komuniti maya seperti *Facebook*, *YouTube*, *Flickr* dan sebagainya, berbanding dengan generasi pertama laman web 1.0 di mana individu hanya terhad melihat kandungan secara pasif (Blank & Reisdorf, 2012). Ramai sarjana yang menyatakan bahawa parti atau pemimpin politik yang menguasai media akan mempunyai kelebihan memenangi pilihan raya (McCombs & Shaw, 1972; Kahn & Kenney, 1999; Downey & Fenton, 2003; Kenski & Stroud, 2006). Oleh itu, parti-parti politik mula menumpukan kepada kempen siber atau menggunakan platform media sosial untuk berkomunikasi dan menyalurkan maklumat kepada masyarakat, khususnya pengundi.

Aktivisme siber yang meluas ini akhirnya telah memunculkan amalan ‘political astroturfing’ atau lebih dikenali sebagai laskar siber, *keyboard warrior*, netizen atau *Cybertroopers* di Malaysia. Kebangkitan laskar siber, *keyboard warrior*, netizen atau *Cybertroopers* ini tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, tetapi ianya adalah suatu fenomena global, termasuklah negara-negara maju. Misalnya, Twitter telah mengenal pasti seramai 1.4 juta pengguna yang berpengkalan di Amerika telah berkomunikasi dengan akaun ‘sock puppet’ iaitu akaun palsu yang digunakan untuk tujuan penipuan pada waktu pilihan raya Presiden 2016. Disebabkan oleh kempen yang meluas dari astroturfing ini pada pilihan raya ini, AS terpaksa mewujudkan unit ketenteraan untuk mempertahankan diri daripada ancaman tersebut (Hart & Klink, 2017). Selain itu, ancaman political astroturfing juga berlaku di negara lain seperti pilihan raya Perancis 2017 (Ferrara, 2017), pilihan raya Brexit 2016 di United Kingdom (Bastos & Mercea, 2017) dan di China (King et al., 2017). Di Malaysia, sejarah awal kemunculan gerakan *Cybertroopers*, laskar siber, *keyboard warriors* atau netizen ini tidak dapat diketahui dengan jelas, namun ianya dilihat berkembang sekitar pilihan raya 2008 di mana pada pilihan raya tersebut, media sosial menjadi platform alternatif yang digunakan oleh pembangkang dalam usaha menentang kerajaan. Penggunaan media sosial dalam pilihan raya 2018 ini dilihat berhasil kepada pembangkang apabila berjaya menafikan kemenangan dua pertiga majoriti BN dalam Parlimen yang telah dikuasai selama lebih 53 tahun, dan memonopoli lima buah negeri termasuk Kelantan.

## Permasalahan Kajian

Jika dilihat fenomena di Malaysia pada hari ini, semua informasi diletakkan diujung jari hingga menyebabkan kebergantungan manusia kepada internet meningkat. Hal ini jelas terbukti apabila kadar penggunaan internet meningkat dari 0.1% pada tahun 1995 sehingga mencecah 87.4% pada tahun 2018 (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2018). Dunia tanpa sempadan pada hari ini telah menjadikan pengguna siber terutamanya golongan belia menjadikan media massa seperti *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* sebagai platform untuk mereka mengisi masa lapang yang ada, di mana kadar penggunaan bagi *facebook* adalah sebanyak 91.7% diikuti *Instagram* sebanyak 80.67% (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020). Hari ini, kebanyakan *Cybertroopers*, laskar siber, *keyboard warrior*, netizen menggunakan foto palsu pada profil mereka dan menyebarkan propaganda dengan kandungan politik yang lebih asli melalui akaun yang lebih meyakinkan (Harris, 2020).

Oleh sebab itu, kajian ini mempunyai beberapa permasalahan yang hendak diselidiki berkaitan dengan gerakan *Cybertroopers* dan ancamannya ke atas keselamatan negara dan politik Malaysia. Pertama, apakah definisi dan tipologi *Cybertroopers* dalam konteks Malaysia? Jika dalam konteks negara luar, *Political astroturfing* adalah istilah yang digunakan bagi merujuk kepada individu yang diupah oleh golongan politik untuk menyebarkan propaganda atau sesuatu berita yang benar ataupun sebaliknya di alam maya. Golongan ini juga menjadikan media sebagai platform bagi mereka menonjolkan diri dengan menggunakan akaun palsu agar tidak dikenali oleh masyarakat. Selain itu juga, golongan ini bermatlamatkan politik semata-mata yang mana aktor politik yang terlibat dalam *political astroturfing* mengejar tujuan tertentu dalam melakukannya.

Muncul persoalan lain yang juga mesti dibahas dalam tesis ini iaitu adakah gerakan *Cybertroopers* ini memberi ancaman terhadap persekitaran keselamatan negara?.

Secara umumnya, gerakan *Cybertroopers* ini boleh memberi ancaman positif dan negatif kepada keselamatan siber dan negara. Dari satu sisi, gerakan *Cybertroopers* ini memainkan peranan untuk mengubah landskap politik Malaysia dan menjatuhkan rejim BN pada pilihan raya umum ke-14 (Haspaizi & Yasmin, 2019). Namun, dari sisi lain, *Cybertroopers* ini memberikan ancaman negatif kepada persekitaran keselamatan negara terutamanya dalam meningkatkan politik kebencian dalam kalangan masyarakat (Chinnasamy & Norain, 2018). Isu ketiga yang hendak diteliti dalam tesis ini ialah bagaimanakah mekanisme pengawasan dan penapisan siber kerajaan berupaya menyekat gerakan *Cybertroopers* di Malaysia? Jika dilihat dalam konteks Malaysia, kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan untuk mengekang penularan maklumat politik palsu seperti memperkenalkan Akta Anti-Berita Tidak Benar 2018 (Anti-Fake News Act 2018), Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) 1998, iaitu seksyen 233 (1) dan Akta Hasutan 1948. Namun begitu, mekanisme-mekanisme yang diambil oleh kerajaan ini dilihat tidak berkesan dalam membendung ancaman *Cybertroopers* ini yang dilihat semakin hari semakin aktif dalam kegiatan mereka.

### **Persoalan Kajian**

Secara lebih khusus, seperti dihuraikan sebelumnya, terdapat tiga persoalan penelitian yang diselidiki dalam tesis ini, iaitu:

- i. Apakah definisi dan tipologi *Cybertroopers* dalam konteks Malaysia?
- ii. Adakah *Cybertroopers* memberi ancaman terhadap keselamatan negara?
- iii. Bagaimanakah mekanisme pengawasan dan penapisan siber kerajaan berupaya menyekat gerakan *Cybertroopers* di Malaysia?

### **Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti definisi dan tipologi *Cybertroopers* dalam konteks Malaysia
2. Menganalisis ancaman *Cybertroopers* terhadap keselamatan siber dan keselamatan negara.
3. Menilai kaedah Pengawasan dan Penapisan siber kerajaan untuk menyekat gerakan *Cybertroopers* di Malaysia.

### **Kepentingan Kajian**

Secara khususnya, kajian ini memberi implikasi yang besar dalam mencadangkan penyelesaian bagi sesuatu fenomena sosial yang dikaji. Kepentingan pertama, penambahbaikan terhadap kajian-kajian lepas yang kurang menyentuh secara terperinci mengenai *Cybertroopers*, kajian mereka tidak menganalisis aspek-aspek lain dengan lebih terperinci seperti apakah definisi sebenar *Cybertroopers*?, siapakah *Cybertroopers* sebenarnya? Serta apakah bentukbentuk *Cybertroopers*.

Seterusnya, memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kewujudan golongan *Cybertroopers* di Malaysia supaya masyarakat awam lebih jelas dengan kewujudan golongan *Cybertroopers*. Selain itu, menjadi sumber rujukan kepada badan kerajaan dan bukan kerajaan. Dengan kajian yang dijalankan ini akan membantu pihak kerajaan untuk mengenal pasti ciri-ciri golongan *Cybertroopers* dalam kalangan belia di samping dapat melakukan penapisan dan pengawasan siber secara lebih mendalam.

## **Skop Kajian**

Skop kajian lebih terarah kepada bidang keselamatan siber dalam negara, hal ini kerana keselamatan siber merupakan isu yang hangat diperkatakan melibatkan keselamatan negara dan merupakan satu bentuk ancaman moden alaf baru ibarat ‘senapang tanpa bunyi’. Keselamatan siber perlu di teliti lebih mendalam sejauh mana pihak kerajaan atau ‘government of the day’ melakukan pengawasan terhadap siber negara dan sejauh mana keberkesanannya tahap penapisan tersebut. Namun, tanggungjawab ini tidak hanya disandarkan kepada kerajaan sahaja. Sebaliknya semua pihak, terutamanya badan bukan kerajaan perlu berganding bahu untuk mengatasi masalah siber dalam negara agar kegiatan jenayah siber terutama dalam kalangan belia dapat diatasi.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi analisis kajian-kajian lepas, bagi mendapatkan maklumat mengenai *Cybertroopers* pengkaji melakukan pencarian maklumat dengan menggunakan data sekunder yang ada. Data-data sekunder diperolehi daripada buku, jurnal dan tesis yang diperolehi dari pelbagai carian dalam dan luar negara. Melalui kajian ini, pengkaji mendapat gambaran awal tentang *Cybertroopers*. Selain itu, pengkaji juga turut memanfaatkan maklumat terkini dengan mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan di internet terutamanya melalui akhbar online dan blog.

## **Dapatan Kajian**

### **Definisi dan Tipologi *Cybertroopers***

Pada hari ini aktiviti siber dilihat semakin rancak di mana kegiatan siber atau aktivisme siber yang meluas ini akhirnya telah memunculkan amalan *Cybertroopers* dalam konteks Malaysia. Pada hari ini aktiviti siber dilihat semakin rancak di mana kegiatan siber atau aktivisme siber yang meluas ini akhirnya telah memunculkan amalan *Cybertroopers* dalam konteks Malaysia. Dalam kajian Amelia Johns & Niki Cheong (2019), membincangkan mengenai pilihanraya yang bersih dan adil yang mana dalam kajian ini melihat kebangkitan anak muda yang terlibat dengan perhimpunan Bersih yang diadakan antara tahun 2011 dan 2016 akibat berlakunya ketidakseimbangan ekonomi, sosial dan politik. kajian ini melihat gerakan ini bukan sahaja berlaku dalam bentuk fizikal malah

gerakan ini berjaya mendapat sambutan dengan adanya pergerakan atas talian yang memarakan lagi api kemarahan golongan belia terhadap pihak kerajaan.

Selain itu, Tiung, Rizal Zamani & Rafiq (2018) turut menyentuh secara ringkas tentang golongan *Cybertroopers* dalam kajian mereka, di mana kajian ini menumpukan kepada peranan dan perkembangan media sosial di Malaysia yang bermula sekitar lewat 1990an sebagai saluran alternatif kepada rakyat. Fokus utama kajian ini tertumpu kepada penyebaran berita-berita palsu secara berleluasa dalam kempen pilihan raya 2018. Dalam kajian ini juga membuktikan bahawa kuasa media yang digunakan semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke 14 membuktikan bahawa kuasa media ataupun siber yang digunakan oleh parti-parti politik yang menggunakan khidmat ‘tentera *Cybertrooper*’ menyebabkan buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia berlakunya pertukaran kerajaan setelah kemerdekaan di capai.

Keadaan ini turut berlaku di negara luar misalnya, Presiden Amerika Syarikat iaitu Barack Obama buat pertama kalinya dilantik sebagai Presiden Amerika Syarikat dalam kalangan pemimpin kulit hitam. Kemenangan Barack Obama pada ketika itu adalah disebabkan oleh kempen pilihan raya secara besar-besaran menggunakan media 37 massa dan ternyata ianya berhasil. Menurut Hong (2013) mendapati bahawa hampir semua ahli politik utama Amerika Syarikat mempunyai akaun Twitter sebagai satu kaedah perundingan. Namun begitu, kajian ini tidak memperincikan tentang siapakah golongan *Cybertroopers* yang dibincangkan dalam kajian ini. Kajian ini banyak menyentuh mengenai penggunaan media sosial dalam arena politik di Malaysia. Kajian ini sangat relevan dengan tesis ini kerana secara tidak langsung ia memudahkan pengkaji untuk melihat peranan yang cuba dimainkan oleh aktor politik dan ‘tentera upahan’ mereka.

Kajian Johns & Cheong (2019) ini diperkembangkan oleh kajian Lee & Kerr (2020) dengan melihat konteks yang berbeza iaitu amalan troll politik di internet sepanjang May 2018 hingga Februari 2020. Konsep *Cybertroopers* adalah berbeza dengan *astroturfing* di mana *Cybertroopers* adalah penggunaan individu atau kumpulan dari pemerintah atau parti politik untuk memanipulasi pendapat awam dalam talian. Manakala, *astroturfing* bermaksud penciptaan laman-laman-laman web yang dianggap neutral oleh partisan. Walaupun konsep-konsep ini berbeza, namun matlamat mereka adalah sama iaitu mempengaruhi persepsi politik masyarakat. Malah, kedua-dua kumpulan ini menggunakan praktis atau mekanisme yang sama iaitu penggunaan amalan troll politik dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Menurut Freedom House (2014) *Cybertroopers* atau Pasukan siber merupakan pengulas yang dibayar oleh parti politik untuk menyerang pihak lawan baik pihak kerajaan mahupun pembangkang.

Keadaan ini terjadi sebelum proses pengundian berlangsung. The Global Disinformation Order (2019), menjelaskan bahawa *Cybertroopers* merupakan individu yang diupah oleh parti politik untuk memanipulasikan pendapat awam secara dalam talian (Bradshaw & Howard, 2017). Hal ini menjelaskan bahawa, individu yang diupah ini akan menyebarkan propaganda yang berunsur politik di laman sosial untuk memburukkan sebelah pihak. Keadaan ini berlaku dengan pelbagai cara dan teknik iaitu penggunaan alat dan teknik serta strategi dalam perkembangan teknologi pada hari ini.

Kesemua kajian di atas tentang konsep *Cybertroopers* dan *political astroturfing* adalah lebih kurang sama sahaja. Analisisnya dilihat kabur dan tidak berkembang kerana terlalu

menumpukan perbincangan kajian kepada dua aspek iaitu kewujudan *Cybertroopers* di Malaysia dan amalannya di negara ini. Walaubagaimanapun, kajian-kajian mereka tidak menganalisis aspek-aspek lain seperti definisi dan tipologi yang dibina berdasarkan daripada perspektif masyarakat dan impak serta ancaman gerakan *Cybertroopers* ini kepada keselamatan siber dan negara. Oleh itu, tesis ini mengkaji dengan lebih terperinci lagi mengenai beberapa perkara yang belum sempat dikupas oleh sarjana-sarjana lepas.

Secara kesimpulannya, terdapat banyak kajian-kajian lepas yang memberikan takrifan mengenai istilah *Cybertrooper*, *Political astroturfing* dan netizen yang diguna pakai di pelbagai negara. Kajian-kajian lepas yang disorot ini secara tidak langsung telah memberi gambaran awal mengenai kajian tentang *Cybertroopers* dan membantu pengkaji memahami konsep *Cybertroopers* dalam konteks yang umum. Namun begitu, tiada kajian empirikal yang menjelaskan dengan terperinci tentang definisi dan tipologi istilah *Cybertroopers* dalam konteks negara Malaysia, sebagaimana yang akan dilaksanakan oleh kajian ini. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompongan dalam kajian-kajian lepas seperti pendefinisian dan tipologi istilah *Cybertroopers*. Selain itu, kajian ini juga melihat kepada matlamat penubuhan 'tentera siber' ini.

Berdasarkan analisis yang dilakukan menjelaskan bahawa golongan *Cybertroopers* ialah satu kumpulan yang diupah oleh mana-mana pihak yang berkepentingan, bergerak secara individu dan berkumpul serta matlamat mereka juga adalah untuk menyebarkan propaganda pro-kerajaan atau proparti, menyerang atau mengemukakan kempen memburukkan pihak lawan, mengalih/mengubah kritikan dari isu sebenar yang penting, memandu pembahagian dan polarisasi dan akhir sekali tekanan melalui serangan peribadi atau gangguan dan menjadikan media sosial sebagai platform utama mereka untuk beraksi.

### **Ancaman Terhadap Keselamatan Negara**

Dalam era globalisasi dengan kepesatan teknologi pada hari ini banyak mendatangkan manfaat dalam urusan seharian. Namun begitu, keburukan dan tingkat bahaya juga tidak dapat dielakkan. Hal ini terjadi kerana ada pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyalahgunakan kecanggihan teknologi demi kepentingan diri sendiri. Berdasarkan analisis dari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan ancaman *Cybertroopers* atau *political astroturfing* ke atas keselamatan siber dan negara. Kajian Henrie & Gilde (2019) mengkaji tentang kesan *political astroturfing* kepada semangat nasionalisme. Kajian ini melihat sama ada *astroturfing* iaitu kempen politik akar umbi palsu yang bertujuan memanipulasi khalayak tertentu dapat meningkatkan keyakinan dan semangat nasionalisme masyarakat. Namun, ianya lebih bersifat individu bukan dalam aspek negara begitu juga dengan *Cybertroopers*. tindakan *astroturfing* ini perlu dikawal kerana ianya akan memberikan ancaman yang merbahaya kepada komunikasi persuasif.

Walaupun kajian ini tidak menumpukan kepada ancaman *political astroturfing* terhadap keselamatan negara, namun kajian ini adalah relevan dalam melihat impak atau kesan *astroturfing* kepada masyarakat. Dari satu sisi, kegiatan *political astroturfing* ini dilihat memberi kebaikan kepada masyarakat, khususnya dalam menyampaikan maklumat secara langsung kepada masyarakat. Dari sisi lain, penyebaran maklumat politik yang tidak sahih dari *political astroturfing* ini berupaya mempengaruhi keyakinan rakyat dan menggugat kestabilan politik negara. Kajian ini

kekurangan analisis tentang impak political astroturfing kepada politik dan keselamatan negara, kerana ia hanya menumpukan kepada kesan di peringkat individu.

Selain itu, Oemar & Abd Manaf (2015) menyatakan bahawa ancaman siber sering kali berlaku apabila media dan ICT disalahgunakan sebagai platform sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk melakukan sesuatu aktiviti di laman sesawang yang boleh menyebabkan kerosakan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja (Haryani, 2006). Ini menunjukkan bahawa ancaman siber berlaku apabila penggunaan internet telah disalahgunakan untuk kepentingan sendiri secara sengaja di mana ianya menyebabkan ancaman dalaman seperti aktiviti penggodaman, hacking dan penjualan maklumat. Walaupun kajian ini hanya menumpukan kepada ancaman dalaman seperti aktiviti penggodaman, hacking dan penjualan maklumat, namun ia memberi kesan kepada pengguna siber, sekali gus membantu pengkaji untuk memahami bentukbentuk ancaman yang sering dihadapi oleh pengguna siber. Tesis ini sedikit berbeza dengan kajian Oemar & Abd Manaf (2015) ini di mana tesis ini melihat ancaman dalam konteks yang lebih luas iaitu ancaman yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan negara, khususnya demokrasi di Malaysia yang akhirnya meninggalkan impak yang besar kepada negara, masyarakat dan individu.

Kajian Irwan (2016), menyatakan bahawa serangan siber yang biasanya dilakukan oleh ‘pelaku’ adalah menggunakan teknik ‘Social engineering’ dan Malware untuk mendapatkan informasi penting. Bukan setakat berlakunya pembocoran data, malah ancaman siber terus meningkat di Filipina, misalnya pada tahun 2013 sebanyak 288 kes dilaporkan dan ianya meningkat kepada 614 pada tahun 2014. Peningkatan saban tahun dalam kegiatan jenayah siber telah meningkatkan ancaman siber kepada masyarakat, khususnya golongan muda yang merupakan pengguna tegar internet. Oleh itu, Republik Filipina telah menjalankan pelbagai inisiatif dalam membendung ancaman siber. Antara usaha yang dijalankan bagi mengatasi ancaman siber di Filipina ialah dengan mengadakan Cyber Wellness Philippines iaitu dengan menerapkan tentang tindakan proaktif dan positif dalam penggunaan internet, media sosial dan aplikasi telefon bimbit. Selain itu juga, Filipina turut membentuk Philippine Cable Television Association (PCTA) yang bekerjasama dengan DOST-ICTO dalam beberapa program ICT. Kajian ini banyak membincangkan tentang ancaman siber yang bersifat berskala kecil tetapi berupaya menjadi ancaman yang lebih besar.

Siti Zobaidah, Jusong Bolong & Akmar Hayati (2017), membincangkan bahawa ancaman keselamatan siber sangat memberi kesan kepada semua pihak kerana jenayah siber lebih sukar dibendung berbanding dengan jenayah yang bersifat fizikal. Kajian Muhammad Asyraf et al (2013) lebih kurang sama dengan kajian Siti Zobaidah et al. (2017). Beliau menyatakan bahawa, kemajuan teknologi yang terlalu pesat mendorong kepada berlakunya penyalahgunaan media oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kesemua jenayah ini dikelaskan mengikut kategori-kategori jenayah dalam islam. Terdapat beberapa jenayah siber yang sangat popular di Malaysia dan tidak asing lagi pada hari ini iaitu *Hacking*, pemindahan wang secara haram, *Phishing* dan *Internet Fraud* (penipuan Siber). Jenayah-jenayah yang dilakukan ini misalnya, penggodaman segala data kerajaan di Malaysia. Keadaan ini telah mewujudkan kebimbangan masyarakat Malaysia lebih-lebih lagi kerajaan kerana data yang digodam merupakan perkara sulit negara. Kajian ini

membincangkan bahawa ancaman keselamatan siber sangat memberi kesan kepada semua pihak kerana jenayah siber lebih sukar dibendung berbanding dengan jenayah yang bersifat fizikal.

Merujuk kepada sorotan kajian di atas, maka boleh dirumuskan kajian mereka dilihat selari dan sama. Tiada kajian yang mengkaji dengan mendalam tentang kesan atau ancaman dari kegiatan political astroturfing atau cybertroopers ke atas keselamatan negara. Namun, kajian mereka adalah relevan dalam melihat bentuk-bentuk ancaman yang ada dalam dunia siber. Mereka hanya menyentuh beberapa aspek, iaitu ancaman siber kepada individu dan faktor-faktor yang mempengaruhinya serta ancaman siber yang berskala besar iaitu ancaman teroris siber. Secara tuntasnya, *Cybertroopers* dalam konteks Malaysia lebih kurang sama dengan *political astroturfing* di mana kedua-dua kumpulan ini memberi ancaman kepada keselamatan negara sekiranya mereka tidak dibendung hal ini kerana, matlamat mereka adalah untuk menyebarkan propaganda dalam kalangan masyarakat, memanipulasi berita, menyerang sesuatu *page*, individu dan sesebuah parti tanpa sedar akan menyebabkan huru hara dalam kalangan masyarakat yang berpihak pada individu atau parti dan akhirnya timbul ketidakpuasan hati yang menyebabkan pertelingkahan bukan sahaja di laman sosial malah boleh menyebabkan pergaduhan dalam bentuk fizikal di mana ianya boleh mengganggu-gugat keselamatan negara.

### **Pengawasan dan Penapisan Siber**

Kawalan media ialah cara untuk mencegah segala bentuk penularan berita atau informasi yang kurang tepat kepada masyarakat serta berita tersebut dimanipulasi sama ada untuk keharmonian sejagat atau kepentingan sesetengah pihak. Kawalan media ditakrifkan sebagai kaedah yang digunakan secara sengaja untuk menyekat, menapis, membatalkan dan mengharamkan sebarang maklumat yang ingin disampaikan oleh sesuatu organisasi media kepada orang ramai (Wan Amizah, 2008). Kajian Mohd Azul dan Nurul Madiha (2017) berkisar tentang pengalaman kesedaran dan pengetahuan pengguna terhadap isu pengawasan ketika menggunakan media sosial. Kajian ini mendapati pengguna mempunyai pengalaman, kesedaran, serta kefahaman terhadap isu pengawasan ketika menggunakan aplikasi media sosial. Kajian ini memberi implikasi terhadap kepentingan memahami pengawasan media sosial, keselamatan dan privasi maklumat peribadi ketika berkongsi melalui internet.

Kajian Muhammad Adnan (2017), menganalisis konsep kawalan dan kebebasan media baharu berdasarkan kepada empat kes penghinaan raja-raja di laman blog, Twitter dan Facebook. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun undang-undang sudah ditetapkan namun, masih terdapat segelintir rakyat yang menyalahi peraturan. Walaupun terdapat kawalan dan penguatkuasaan dari kerajaan, namun ianya tidak berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap institusi penting negara. Kebebasan bersuara di Malaysia sering disalah takrifkan oleh sesetengah masyarakat kerana jelas dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia fasal 2,3 dan 4 perkara 10 memperuntukkan bahawa kebebasan bersuara tersebut ada sekatan sekiranya menjejaskan kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam. Namun begitu, hasil kajian mendapati kaedah yang dilakukan seperti tidak membuahkan hasil kerana sampai ke hari ini isu penghinaan terhadap golongan pemerintah masih berleluasa. Oleh itu, pengkaji merasakan kajian ini perlu di isi dengan



melihat cara keberkesanan pengawasan dan penapisan yang dilakukan oleh pihak kerajaan malah sekaligus mengenalpasti apakah motif ‘pelaku’ melakukan hal sedemikian di mana hal ini dapat mengisi kelompangan sedia ada sekaligus membantu pengkaji menjawab persoalan yang timbul dalam kajian pengkaji.

Haslina Abu Bakar & Mohd Mahzan (2018), mengenal pasti isu kesedaran pengawasan dan penapisan dalam penggunaan media sosial dalam kalangan belia di Daerah Daro. Hasil kajian ini menunjukkan tahap kesedaran dan pengawasan dalam kalangan belia tinggi. Pew Research Centre (2013) menyebut bahawa pengguna laman sosial cenderung untuk berkongsi maklumat peribadi secara dalam talian. Misalnya, pada hari ini jika dilihat di laman sosial terutamanya Facebook terlalu banyak ‘posting’ yang mendedahkan maklumat peribadi sehingga menarik minat orang lain ataupun ‘mata-mata’ tanpa disedari dan hal ini sekaligus menimbulkan ancaman seperti penipuan yang seringkali di sebut sebagai ‘scammer’. Kajian ini memperlihatkan bahawa, kesedaran golongan belia terhadap penggunaan internet secara berleluasa serta mereka sedar bahawa penapisan dan pengawasan siber penting dalam memelihara kesejahteraan semua pihak bukan sahaja dari segi individu malah kepada masyarakat dan negara.

Dalam kajian Soycheff, Burgess & Martucci (2018) mengenai *Online censorship and digital surveillance: The relationship between suppression technologies and democratization across countries*, menyentuh mengenai bagaimana penapisan dan pengawasan internet menghalang pendemokrasian. Hasil kajian ini mendapati bahawa keterlibatan pemerintah tidak memberi perubahan kepada tahap penapisan internet selain itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa perlunya pengawasan yang lebih besar terhadap pengawasan yang lebih besar terhadap negara-negara yang menggunakan teknologi sebagai medium penindasan. Keterlibatan pemerintah untuk mengawal penggunaan internet menyebabkan masyarakat merasakan bahawa hak mereka terbatas dan penindasan yang berlaku ini menyebabkan wujudnya peluang politik daripada masyarakat terhadap ketidakpuasan hati mereka terhadap golongan pemerintah.

Secara umumnya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah menilai tahap kesedaran belia mengenai penggunaan internet dan kajian ini mendapati bahawa kesedaran dalam kalangan belia sangat tinggi. Namun begitu, kajian ini tidak memasukkan elemen ancaman sebaliknya jika golongan ini tidak mempunyai kesedaran mengenai media sosial dan apakah impak yang terpaksa mereka hadapi. Justeru itu, bagi mengisi kelompangan yang wujud melalui kaedah yang dipilih oleh pengkaji dalam mendapatkan hasil dapatan yang mampu mengisi kelompangan yang wujud dari kajian-kajian lepas. Fokus kajian lepas dari semua sarjana di atas menganalisis mengenai pengawasan dan penapisan siber umum sahaja tanpa memberi penjelasan terperinci mengenai kesannya ke atas kegiatan *Cybertroopers*.

Di samping itu, kekurangan analisis daripada kajian-kajian lepas dapat dilihat apabila sarjana hanya melihat kepada pelaksanaan pengawasan dan penapisan siber dalam meningkatkan kesedaran dan memperbaiki tingkah laku masyarakat. Kajian ini tidak mengurangi kelebihan kajian terdahulu, sebaliknya hanya menambah dan mengisi kekurangan yang tidak dibincangkan oleh para sarjana di atas. Antara yang dibincangkan dalam tesis ini adalah sejauhmanakah mekanisme pengawasan dan penapisan siber kerajaan menerusi penggubalan akta-akta seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Media dan Komunikasi berupaya mengawal kegiatan

*Cybertroopers* ini. Jika tidak, apakah solusi lain yang boleh digunakan bagi membendung masalah ini agar keselamatan negara dan masyarakat dapat terjamin.

Seterusnya, kajian yang bertajuk ‘Ancaman Keselamatan Internet Sebagai Isu Utama Negara: Isu-Isu Kontemporari, Pendekatan dan Penyelesaian oleh Oemar Hamdan dan Abd. Manaf, (2015) menyentuh secara umum mengenai ancaman keselamatan internet kepada negara dan peranan pihak kerajaan, swasta dan persendirian untuk melakukan penapisan dalam internet agar tidak berlakunya ‘ledakan’ internet yang berbahaya dan serius sekali gus mengganggu gugat keamanan dan keselamatan negara terutamanya dalam kalangan belia ataupun pengguna internet atau lebih sinonim dengan gelaran ‘warganet’. Pada April 2001, Malaysia telah membentuk sebuah agensi pemantauan keselamatan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menangani masalah insiden-insiden keselamatan ICT negara. Justeru itu, jelas kelihatan pihak kerajaan bersungguh-sungguh dalam melakukan penapisan internet agar segala bentuk aktiviti di alam maya dapat ditapis dengan sebaiknya. Kajian ini melihat ancaman keselamatan internet sangat berbahaya jika tidak dibendung dengan baik justeru itu, semua pihak harus berganding bahu untuk sama-sama mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah penggunaan internet yang dilihat semakin berleluasa pada hari ini.

## **Kesimpulan**

Secara ringkasnya, berdasarkan dari analisis dokumen yang dijalankan *Cybertroopers* merupakan ialah satu kumpulan yang diupah oleh mana-mana pihak yang berkepentingan, bergerak secara individu dan berkumpulan serta matlamat mereka juga adalah untuk menyebarkan propaganda pro-kerajaan atau pro-parti, menyerang atau mengemukakan kempen memburukkan pihak lawan, mengalih/mengubah kritikan dari isu sebenar yang penting, memandu pembahagian dan polarisasi dan akhir sekali tekanan melalui serangan peribadi atau gangguan dan menjadikan media sosial sebagai platform utama mereka untuk beraksi. Bentuk dan tipologi *Cybertroopers* yang ada di Malaysia juga lebih kurang sama dengan dengan *Political astroturfing* yang ada di negara luar. Selain itu, penelitian mengenai ancaman terhadap keselamatan negara juga mendapati bahawa penggunaan internet jika disalahguna akan membawa impak yang serius kepada sesebuah negara yang merangkumi pelbagai sudut pandang sosial dan ekonomi sesebuah negara. Medium yang diambil oleh pihak sewajarnya seperti badan kerajaan dengan melakukan penapisan dan pengawasan juga dilihat dapat membantu sedikit sebanyak membendung kegiatan ini melalui pengenalan undang-undang yang berkaitan seperti Akta Komunikasi dan Multimedia di bawah Seksyen 211 dan 233, Akta Hasutan 1948 serta Akta Rahsia Rasmi 1972 yang mana melalui pengenalan undang-undang yang diperkenalkan mudah bagi pihak yang bertanggungjawab mengenakan tindakan kepada pelaku ke atas jenis kesalahan yang dilakukan seperti menyebarkan berita tidak benar, fitnah serta boleh mengganggu keselamatan individu yang terlibat.

## **Rujukan**

- Blank, G., & Reisdorf, B. C. (2012) The participatory web. *Information, Communication & Society*, 15(4), 537-554, DOI:<http://doi:10.1080/1369118X.2012.665935>
- Bastos, M.T., & Mercea, D. (2017). The Brexit botnet and user-generated hyperpartisan news. *Social Science Computer Review*. Advanced online publication, 1–18. <http://doi:10.1177/0894439317734157>
- Chinnasamy, S., & Norain, A. M. (2018). Social media as political hatred mode in Malaysia's 2018 general election. DOI:<https://doi.org/10.1051/shsconf/20185302005>
- Freedom House. (2014). Freedom on the internet 2014. DOI: <https://refworld.org/pdfid/549026060.pdf>
- Hart, S.W., & Klink, M.C. (2017). 1st Troll Battalion: Influencing military and strategic operations through cyber-personas. In 2017 International Conference on Cyber Conflict (CyCon U.S.) (pp. 97–104). DOI:<https://doi/10.1109/CYCONUS.2017.8167503>.
- Haslina, A. B., & Mohd, M, A. (2018). Media sosial dan isu kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan belia luar bandar di daerah daro. <https://sted18.files.wordpress.com/2018/12/1-5-haslina-abu-bakar-mohd-mahzan-awang.pdf>.
- Haspaizi, Z., & Yasmin, R. (2019, Mac 24). Laskar siber kerjaya lumayan, tapi mencabar. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/469316>.
- Henrie, & Gilde (2019). An examination of the impact of astroturfing on nationalism: a persuasion knowledge perspective. DOI:[https://doi.org/10.3390/socsci8020038:Soc.Sci.2019,8\(2\),38](https://doi.org/10.3390/socsci8020038:Soc.Sci.2019,8(2),38)
- Irwan. (2016). Inisiatif siber dalam konteks keamanan siber di Filipina. *Jurnal peperangan Asimetris*. Vol 3 No 2. DOI: [jurnalprodi.idu.ac.id/index.php/PA/article/view/99/83](http://jurnalprodi.idu.ac.id/index.php/PA/article/view/99/83)
- Johns. A & Cheong. N. (2019). Feeling the Chill: Bersih 2.0, state censorship, and “networked affect” on malaysian social media 2012–2018. <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/2056305118821801>
- Lee, Rizal, & Rafiq (2018). Propaganda dan Disinformasi : Politik Persepsi dalam Pilihan Raya Umum ke -14 (PRU-14) Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/332321218\\_Propaganda\\_dan\\_Disinformasi\\_Politik\\_Persepsi\\_dalam\\_Pilihan\\_Raya\\_ke-14\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/332321218_Propaganda_dan_Disinformasi_Politik_Persepsi_dalam_Pilihan_Raya_ke-14_Malaysia)
- King, G., Pan, J., & Roberts, M.E. (2017). How the Chinese government fabricates social media posts for strategic Distraction, not engaged argument. *American Political Science Review*, 111(3), 484–501. DOI:<https://doi:10.1017/S0003055417000144>.
- McCombs, M.E. & Shaw, D. L. (1972). The Agenda-setting function of mass media. *Public Opinion Quarterly*, 36 (2), 176–187

- Mohd Azrul, M, S., & Nurul Madiha, M, I. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan media sosial. *Jurnal komunikasi Malaysian journal of communication* jilid 33 (1) 2017 : 502-514. <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/17010>
- Muhammad Adnan. (2017). Kesedaran dan Amalan Siber dalam Kalangan Pengguna internet di Malaysia. Universiti Putra Malaysia : Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68481/1/FBMK%202018%2016%201R.pdf>.
- Muhammad Adnan, Siti Zobidah, O., Jusang, B., & Akmar, H, A, G. (2017). Analisis keselamatan siber dari perspektif persekitaran sosial: kajian terhadap pengguna internet di Lembah Klang. (2017). Vol. 12, No. 2. *Jurnal sains dan kemanusiaan* . DOI:<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/20382/6430>
- Oemar Hamdan, Abd.Manaf Ismail. (2015) . Ancaman keselamatan internet sebagai isu utama negara: isu-isu kontemporari, pendekatan, dan penyelesaian kolej undang-undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia. (2015), Vol.13 No.2. [https://www.research.net/publication/332964639\\_ANCAMAN\\_KESELAMATAN\\_INTERNET\\_SEBAGAI\\_ISU\\_UTAMA\\_NEGARA\\_ISU-ISU\\_KONTEMPORARI\\_DAN\\_PENYELESAIANNYA](https://www.research.net/publication/332964639_ANCAMAN_KESELAMATAN_INTERNET_SEBAGAI_ISU_UTAMA_NEGARA_ISU-ISU_KONTEMPORARI_DAN_PENYELESAIANNYA)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ( 2020). Peraturan penggunaan aplikasi internet di malaysia , 2018-2020. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-infographic.pdf>
- Samantha, B., Philip N, H. (2019). The global disinformation order 2019 global inventory of organized social media manipulation. DOI: <https://demtech.oii.ox.ac.uk/wp-content/uploads/sites/93/2019/09/CyberTroop-Report19.pdf>
- Soycheff, Burgess, & Martucci. (2018). Online censorship and digital surveillance: The relationship between suppression technologies and democratization across countries. Published by Routledge
- Wan Amizah (2008). Perkembangan dan pembangunan sistem dan dasar penapisan filem di malaysia. *Jurnal komunikasi* jilid 27(1): 34-52, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. UKM. DOI:[http://journalarticle.ukm.my/2210/1/V27\\_1\\_3.pdf](http://journalarticle.ukm.my/2210/1/V27_1_3.pdf)
- Wan Amizah & Muhammad Adnan (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia : Kes Penghinaan Raja-raja di media sosial. *Jurnal komunikasi*, jilid 33(1)2017 : 406-422. DOI:<https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/17014>.

## AMALAN PENILAIAN AUTENTIK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN GURU GEOGRAFI

Hanifah Mahat<sup>1</sup>, Muhammad Ridzwan Bakri<sup>1</sup>, Yazid Saleh<sup>1</sup>, Mohmadisa Hashim<sup>1</sup>, Nasir  
Nayan<sup>1</sup>

JJabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan  
Idris, 35900 Tanjong Malim, 35900 Tanjong Malim, Perak  
e-mail: [hanifah.mahat@fsk.upsi.edu.my](mailto:hanifah.mahat@fsk.upsi.edu.my)

## AMALAN PENILAIAN AUTENTIK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN GURU GEOGRAFI

**Abstrak.** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan tanggungjawab profesional dalam pelaksanaan penilaian autentik dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru Geografi sekolah menengah di Malaysia. Tiga objektif kajian ditetapkan (i) mengenal pasti kaedah pentaksiran autentik guru Geografi (ii) menganalisis tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional guru Geografi dalam melaksanakan penilaian autentik dan (iii) meneliti perbezaan pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional guru Geografi mengikut pengalaman mengajar guru. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan melalui instrumen soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 379 orang guru Geografi. Pemilihan sampel adalah menggunakan persampelan rawak mudah. Analisis deskriptif (kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai) dan analisis ANOVA) digunakan untuk menjawab setiap persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan pilihan kaedah penilaian guru masih menggunakan kaedah konvensional (buku skrap, modul dan peta minda). Namun kaedah penilaian atas talian juga digunakan tetapi peratusan yang rendah. Analisis tahap bagi setiap pemboleh ubah iaitu tahap pengetahuan ( $M=4.16$ ,  $SP=0.62$ ), kemahiran

( $M=4.16$ ,  $SP=0.51$ ) dan amalan tanggungjawab profesional ( $M=4.17$ ,  $SP=0.32$ ) berada pada tahap tinggi. Analisis dari segi pemboleh ubah kajian dan pengalaman kerja guru mendapati terdapat perbezaan nilai signifikan pengetahuan ( $F=23.236$  dengan  $p<0.05$ ), kemahiran ( $F=22.005$  dengan  $p<0.05$ ) dan amalan tanggungjawab profesional ( $F=1.758$  dengan  $p<0.05$ ) terhadap pengalaman mengajar guru Geografi. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional dalam pelaksanaan penilaian autentik dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi namun kurang penggunaannya di beberapa jenis penilaian atas talian. Ini menunjukkan pendedahan penggunaan pelbagai platform penilaian secara atas talian menerusi pendidikan peringkat sekolah menengah perlu diberi pendedahan. Implikasi kajian membantu bakal guru geografi dan guru geografi khususnya memahami dan bersedia untuk melaksanakan kaedah pentaksiran autentik.

**Katakunci:** amalan, guru geografi, mata pelajaran geografi, penilaian autentik

### **Pengenalan**

Keberhasilan sistem pendidikan merupakan tunjang utama dalam menentukan kemakmuran dan kemajuan negara. Dalam proses peralihan ke arah dunia globalisasi abad ke-21, pendidikan berperanan melahirkan modal insan berkualiti tinggi yang berpengetahuan, berfikiran rasional dan berperibadi mulia. Dalam memastikan usaha tersebut tercapai, kurikulum yang dilaksanakan meliputi tiga dimensi utama iaitu bertulis (pengetahuan yang diperolehi, kemahiran yang dibangunkan, nilai yang diterapkan kepada murid) dan taksir pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diuji, dalam peperiksaan sumatif dan formatif, penilaian bilik berasaskan sumber (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pentaksiran merupakan aspek yang penting yang bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran murid dan bukan untuk melabel dan membandingkan dengan murid yang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Hasil daripada pentaksiran, guru akan dapat mengenal pasti perkembangan pengetahuan, kemahiran, nilai, sikap dan pencapaian murid.

Pentaksiran merupakan aspek yang penting yang bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran murid dan bukan untuk melabel dan membandingkan murid dengan murid yang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Proses pentaksiran merupakan satu kaedah yang dilaksanakan semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang bertujuan untuk meningkatkan mutu penilaian atau penghakiman dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Hanifah et al., 2017) . Hal ini kerana, pentaksiran dapat digunakan untuk membantu murid merancang pembelajaran mereka, mengenal pasti kelebihan dan kelemahan dan seterusnya menjadikan hasil pentaksiran sebagai satu refleksi. Sebagai guru, pentaksiran adalah penting untuk mengetahui tahap kefahaman murid dan menambah baik gaya pengajaran. Penilaian autentik merupakan salah satu jenis penilaian yang sesuai untuk digunakan dalam proses PdP atas talian. Penggunaan teknologi dalam PdP mula dilaksanakan secara meluas sama ada di peringkat sekolah, mahupun di peringkat pengajian tinggi. Bertepatan dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia

(KPM) agar dibudayakan penggunaan teknologi dalam PdP peringkat sekolah. Kaedah pembelajaran atas talian menjadi satu keperluan apabila kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan jangkitan COVID-19. Sepanjang pelaksanaan PKP, guru hendaklah bekerja dari rumah supaya akses kepada PdP dapat diteruskan dalam tempoh PKP dilaksanakan. Perkara ini selaras dengan memo Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan bertarikh 17 Mac 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan guru dan murid melanjutkan PdP secara atas talian dan guru boleh menggunakan pelbagai platform dalam talian serta media sosial bersesuaian untuk merancang, memberi arahan, tugas dan kerja rumah setiap murid dalam tempoh PKP. Justeru kaedah penilaian autentik boleh digunakan. Pentaksiran autentik adalah salah satu bentuk pentaksiran secara formatif kerana pentaksiran ini bersifat secara berkala dan dilakukan di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Penilaian untuk mengukur tahap pencapaian murid juga boleh dilaksanakan melalui atas talian (Nor Fauzianah, 2020). Penilaian adalah lebih senang dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan pelbagai aplikasi sedia ada seperti Kahoot, Quizziz, Google form dan pembentangan video (Natasya, 2020; Salleh, 2020) dan penyediaan rubrik membantu guru menilai dan mengukur tahap pencapaian murid. Melalui penilaian pelaksanaan melalui aplikasi-aplikasi web 2.0 membuka ruang yang luas dalam meningkatkan penglibatan murid sama ada di dalam mahupun di luar kelas iaitu secara dalam talian atau melalui aplikasi teknologi mudah alih tanpa mengira masa dan tempat (Ahmad Fkrudin et al., 2019) dan guru juga perlu kreatif dalam memilih kaedah pentaksiran yang sesuai (Abdul Halim, 2021). Kaedah ini sesuai dijalankan khususnya dalam penilaian autentik dan juga proses PdP secara atas talian ditambah lagi dengan tahap murid sekolah pada masa kini merupakan generasi Z yang mana sekurang-kurangnya telah biasa dengan penggunaan aplikasi web 2.0. Penilaian autentik merupakan salah satu jenis penilaian yang sesuai digunakan khususnya dalam pembelajaran atas talian disebabkan penilaian ini mempunyai pelbagai instrumen dan kaedah boleh diaplikasikan oleh murid yang terlibat dalam proses pentaksiran autentik. Kompetensi guru geografi juga perlu sentiasa dipertingkatkan agar pelaksanaan pentaksiran lebih difahami konteksnya (Hanifah et al., 2021). Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti amalan tanggungjawab profesional dalam pelaksanaan penilaian autentik dalam proses PdP atas talian guru geografi yang melibatkan (i) penelitian tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab penilaian autentik guru geografi (ii) meneliti perbezaan pengetahuan, kemahiran dan amalan penilaian autentik dari segi pengalaman mengajar (iii) menganalisis hubungan pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab penilaian autentik guru geografi.

### **Pengetahuan Penilaian Autentik**

Penilaian autentik ialah suatu penilaian yang dilakukan terhadap murid yang melaksanakan aktiviti dan tugas yang merujuk kepada situasi kehidupan sebenar murid. Penilaian autentik dapat dilakukan melalui penilaian prestasi, portfolio, tugas projek dan penilaian sendiri (Winarso, 2018). Penilaian autentik juga merujuk kepada satu bentuk penilaian di mana pelajar diminta untuk melakukan tugas di dunia nyata yang menunjukkan penerapan pengetahuan dan kemahiran penting yang bermakna (Mueller, 2011).

Hal ini kerana, ianya merupakan kaedah yang menggantikan pentaksiran secara tradisional yang menggunakan peralatan seperti pensel dan kertas. Penilaian autentik menyediakan ruang dan peluang untuk murid mengekspresikan diri mereka melalui tugas yang telah diberikan oleh guru. Murid juga boleh bertindak secara kreatif dan tidak terikat kepada mana-mana format pentaksiran seperti ujian dan peperiksaan. Penilaian autentik juga memerlukan murid mencipta dan memikirkan penyelesaian terhadap sesuatu tugas seperti projek, pembentangan, esei, lukisan, persembahan, pameran, portfolio dan juga penilaian prestasi. Jelasnya bahawa penilaian autentik berbeza dengan gaya pembelajaran tradisional di mana penilaian autentik lebih mengharapkan kepelbagaian kemahiran yang akan diaplikasikan oleh murid sewaktu penilaian dijalankan. Faridah (2013) menyatakan bahawa pentaksiran autentik ini memerlukan pendidik sebagai pemudah cara untuk merealisasikannya supaya murid dapat melaksanakannya.

### **Kemahiran Kaedah Penilaian**

Dalam melaksanakan kemahiran penilaian aspek pertimbangan profesional guru perlu ada yang perlu menggunakan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman berdasarkan Standard Prestasi (Masfarizan & Mohammed Yusof, 2020). Kesediaan yang tinggi dalam melakukan pentaksiran secara langsung membantu guru membuat penambahbaikan bagi tujuan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (Fakhri & Mohd Isha, 2016). Sehubungan dengan itu, guru seharusnya memiliki kemahiran dalam semua bidang yang dinyatakan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan kualiti penilaian. Pelaksanaan penilaian secara atas talian memerlukan kemahiran profesional keguruan dalam menjalankan proses pengajaran, pembelajaran dan penilaian. Guru perlu berkemahiran dalam pengurusan masa dan merancang setiap pengajaran agar ianya berjalan lancar dan mencapai objektif yang disasarkan serta sentiasa mahir menjalankan penilaian yang digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Hasil kajian Nordin dan Ismail, (2014) penilaian atau pentaksiran dapat digunakan untuk membantu pelajar untuk belajar dan memperkayakan pembelajaran apabila bentuk dan isi kandungannya mestilah berubah untuk menggambarkan kepentingan pemikiran yang lebih baik dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam setiap disiplin. Ini bermakna menilai pembelajaran yang berasaskan pemerhatian, soalan, tugas, projek, demonstrasi, pengumpulan hasil kerja dan penilaian sendiri mewajibkan guru terlibat dalam analisis sistematik terhadap bukti-bukti yang didapati. Apabila penilaian dilaksanakan untuk pembelajaran, seseorang guru perlu memahami dan menjelaskan tentang target pencapaian dalam pengajaran yang murid perlu penuhi. Guru perlulah membantu murid menambah baik pembelajaran mereka di samping guru sendiri



memperbaiki pengajaran mereka secara berterusan berdasarkan hasil penilaian pencapaian semasa murid.

Hal ini kerana, ianya merupakan kaedah yang menggantikan pentaksiran secara tradisional yang menggunakan peralatan seperti pensel dan kertas. Penilaian autentik menyediakan ruang dan peluang untuk murid mengekspresikan diri mereka melalui tugas yang telah diberikan oleh guru. Murid juga boleh bertindak secara kreatif dan tidak terikat kepada mana-mana format pentaksiran seperti ujian dan peperiksaan. Penilaian autentik juga memerlukan murid mencipta dan memikirkan penyelesaian terhadap sesuatu tugas seperti projek, pembentangan, esei, lukisan, persembahan, pameran, portfolio dan juga penilaian prestasi. Jelasnya bahawa penilaian autentik berbeza dengan gaya pembelajaran tradisional di mana penilaian autentik lebih mengharapkan kepelbagaian kemahiran yang akan diaplikasikan oleh murid sewaktu penilaian dijalankan. Faridah (2013) menyatakan bahawa pentaksiran autentik ini memerlukan pendidik sebagai pemudah cara untuk merealisasikannya supaya murid dapat melaksanakannya.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-1015 dirancang untuk memfokuskan kepada kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Untuk meningkatkan kualiti pendidikan, peperiksaan dan penilaian direka semula untuk memberi tumpuan kepada KBAT. Antara faktor yang mempengaruhi kemampuan murid dalam KBAT adalah keberkesanan amalan penilaian (Razmawaty & Othman, 2021). Amalan penilaian merangkumi bentuk penilaian, item yang digunakan, teknik penyoalan dan rubrik pemarkahan. Hasil kajian Suan et al, (2010) menunjukkan bahawa guru sekolah kebanyakan menggunakan soalan pilihan ganda dalam penilaian bilik darjah. Kelemahan item pilihan ganda adalah membeza-bezakan jawapan murid sama ada jawapan yang dipilih memberi gambaran bahawa murid mempunyai maklumat separa, maklumat yang tidak lengkap atau maklumat yang salah. Item pelbagai pilihan tidak merangsang pemikiran murid ketika mereka meneka jawapan tanpa berfikir. Namun begitu, bentuk penilaian yang dilaksanakan dan item yang digunakan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemampuan murid dalam KBAT. Kekuatan dan kelemahan item yang digunakan harus dikenal pasti sesuai dengan objektif pengajaran dan pembelajaran dan merangsang KBAT dalam kalangan murid. Oleh itu, kemahiran guru adalah penting dalam melaksanakan kaedah penilaian yang sesuai untuk meningkatkan kemampuan KBAT murid.

Penilaian pembelajaran merangkumi pelbagai maklum balas daripada murid serta perbincangan untuk mengukur dan menilai kualiti pembelajaran. Pentaksiran yang berkesan dapat membantu guru mengetahui tahap pembelajaran murid serta keberkesanan pengajaran guru (Afinde, 2016). Pelaksanaan PdP atas talian di Malaysia menyebabkan penilaian perlu dilaksanakan secara atas talian. Melalui kemahiran guru dalam melaksanakan penilaian secara atas talian akan dapat meningkatkan kemahiran berfikir kritis pelajar. Thomas et al., (2014) dalam kajian mereka mengatakan bahawa teknologi, khususnya alat pembelajaran bermanfaat untuk meningkatkan kemahiran berfikir kritis pelajar. Alat pembelajaran ini berguna dalam pembelajaran dan pengajaran kerana alat ini mengekalkan tumpuan pelajar yang terlibat dalam aktiviti bilik darjah dan juga meningkatkan kemahiran berfikir kritis.

### **Amalan Tanggungjawab Profesional**

Nilai profesionalisme keguruan bukan sahaja dinilai melalui proses PdP. Malahan, guru yang profesional adalah guru yang dapat mengamalkan pelbagai kemahiran profesionalisme yang dipelajari semasa di dalam program ikhtisas. Perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem pendidikan negara adalah untuk memenuhi keperluan sistem pendidikan kini terutama dari aspek profesionalisme guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Perkembangan sistem pendidikan dan latihan di Malaysia cenderung ke arah kepada pembangunan sumber manusia yang mahir dalam bidang sains dan teknologi.

Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang telah diperkenalkan pada tahun 1982 merupakan lanjutan daripada Falsafah Pendidikan Negara yang berfokus kepada ciri-ciri mulia, progresif dan saintifik. Di samping itu, guru perlu beriltizam untuk meningkatkan aspirasi kebangsaan dan mengiktiraf penerapan budaya kebangsaan untuk memastikan perkembangan setiap murid supaya melestarikan perpaduan, demokrasi dan masyarakat yang berdisiplin. Guru juga memainkan peranan sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai contoh yang boleh diteladani oleh murid. Oleh itu, Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) telah menyenaraikan beberapa domain di bawah Standard Amalan Nilai Profesionalisme yang terdiri daripada domain diri, domain profesion dan domain sosial.

### **Metodologi**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul maklumat mengenai pemboleh ubah pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional guru terhadap penilaian autentik dalam proses PdP atas talian. Instrumen soal selidik digunakan sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat. Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru Geografi sekolah menengah yang berkhidmat di Malaysia. Ini adalah penting bagi kerana dalam persampelan, menentukan populasi seolah-olah menjadi perkara yang perlu dilakukan. Berdasarkan Data Terbuka Sektor Awam, (2020) bilangan guru Geografi di Malaysia adalah seramai 24945 orang. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel adalah seramai 379 responden daripada bilangan populasi seramai 24945 orang. Persampelan rawak mudah secara atas talian digunakan untuk memilih 379 orang guru geografi yang mengajar di Malaysia. Kaedah ini dipilih kerana situasi pandemik covid-19 yang melanda menyebabkan sekolah di tutup. Tempoh kutipan data secara atas talian dilaksanakan pada bulan Mac hingga April 2021.

Pemilihan kaedah soal selidik adalah berdasarkan kajian penilaian menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan sampel yang besar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan tanggungjawab profesional dalam penilaian autentik proses PdP atas talian guru Geografi sekolah menengah di Malaysia. Set borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian yang terdiri daripada bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian C, D dan E borang soal selidik ini menggunakan kaedah Likert Skala yang terdiri daripada lima tahap. Penggunaan Likert Scale digunakan bagi memudahkan responden untuk menjawab dengan lebih cepat dan teratur. Lima tahap yang digunakan adalah untuk melihat persetujuan responden iaitu satu mewakili tidak setuju sehingga lima mewakili sangat setuju. Kesemua item bagi setiap pemboleh ubah dibina pengkaji bersesuaian konteks kajian. Kajian rintis dijalankan ke atas sekumpulan responden yang merupakan

sebahagian daripada populasi tetapi tidak termasuk dalam sampel kajian. Pekali kebolehpercayaan dianggap diterima jika  $>0.6$  sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 3.2 (Hair et al., 2003). Berdasarkan Jadual 1, nilai Alpha Cronbach adalah antara 0.7-0.8 yang bermakna boleh diterima. Maklumat berhubung soal selidik seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Maklumat Soal Selidik.

Bhg	Pemboleh ubah	Maklumat Item	Bil Item	Nilai Alpha Cronbach
A	Latar Belakang Responden	Item dibina merujuk kepada lokasi, jantina,	7	-
B	Kaedah Penilaian	Menyenaraikan 11 item kaedah penilaian	12	-
C	Pengetahuan Penilaian Autentik	Pengetahuan penilaian guru sewaktu PdP	9	0.859
D	Kemahiran Kaedah Penilaian	Kemahiran melaksanakan penilaian		0.824
E	Amalan Tanggungjawab profesional	Pelaksanaan penilaian melibatkan amalan profesional dan amalan sosial	17	0.838

Kajian yang dijalankan telah menggunakan kaedah analisis kuantitatif yang mana data adalah berbentuk angka. Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan bagi menganalisis data adalah berdasarkan analisis statistik deskriptif dan analisis inferensi dengan menggunakan perisian SPSS. Bagi analisis tahap setiap pemboleh ubah, penetapan nilai tahap adalah merujuk kepada Best (1997) di Jadual 2.

Jadual 2 Nilai Tahap bagi setiap Pemboleh ubah.

Skala	Tahap
Skor 1.00 – 2.33	Rendah
Skor 2.34 – 3.66	Sederhana
Skor 3.67 – 5.00	Tinggi

## Dapatan Kajian

Keseluruhan kajian melibatkan 379 guru Geografi sekolah menengah di Malaysia. Responden kajian adalah dari seluruh negeri di Malaysia dan tiada penetapan negeri kerana soal selidik di edar secara atas talian. Berdasarkan Jadual 3, taburan kekerapan lokasi responden iaitu lokasi di bandar

seramai 185 orang (48.8%) dan luar bandar seramai 194 orang (51.2%). Seterusnya, taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur iaitu seramai 379 orang, 30 tahun ke bawah seramai 52 orang (13.7%) diikuti dengan 31-40 tahun seramai 127 orang (33.5%). Manakala bagi 41-50 tahun seramai 95 orang (25%) dan 51 tahun ke atas seramai 105 orang (27.7%). Secara keseluruhan, taburan kekerapan paling tinggi bagi lokasi adalah luar bandar manakala bagi taburan kekerapan paling tinggi mengikut umur adalah 31-40 tahun. Seterusnya dari segi jantina, didapati seramai 142 orang (37.5%) adalah guru lelaki manakala 237 orang (62.5%) adalah guru perempuan. Seterusnya, taburan bilangan kaum dan peratusan responden mengikut kaum menunjukkan majoriti responden adalah kaum Melayu iaitu seramai 287 orang (75%) diikuti dengan responden kaum Cina dan Bumiputera Sabah masing-masing mempunyai jumlah responden yang sama bilangan iaitu seramai 34 orang (9.0%). Kaum India pula adalah seramai 20 orang (5.3%) dan akhir sekali ialah kaum Bumiputera Sarawak yang mempunyai responden paling sedikit dalam kajian ini iaitu seramai 4 orang (1.1%). Secara keseluruhan, guru Geografi terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Akhir sekali item tahap pendidikan, seramai 334 orang (88.1%) adalah guru yang mempunyai tahap pendidikan ijazah sarjana muda diikuti dengan tahap pendidikan sarjana seramai 45 orang (11.9%). Secara keseluruhan, majoriti guru Geografi dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan ijazah sarjana muda. Akhir sekali, bagi pengalaman mengajar yang dicatatkan dalam Jadual 4.1 menunjukkan 5 tahun ke bawah seramai 81 orang (21%) diikuti dengan 6-10 tahun seramai 60 orang (15.8%). 11-15 tahun pula seramai 32 orang (8.4%) manakala 16-20 tahun seramai 39 orang (10.3%). Akhir sekali, pengalaman mengajar bagi 21 tahun ke atas seramai 167 orang (44.1%) dan jumlah ini yang paling banyak daripada 379 orang responden.

Jadual 3 Latar Belakang Responden.

Maklumat		N	%
Lokasi Sekolah	Bandar	185	48.8
	Luar Bandar	194	51.2
	<b>Jumlah</b>	<b>379</b>	<b>100.0</b>
Umur	30 tahun ke bawah	52	13.7
	31-40	127	33.5
	41-50	95	25.1
	51 tahun ke atas	105	27.7
	<b>Jumlah</b>	<b>379</b>	<b>100.0</b>
Jantina	Lelaki	142	37.5
	Perempuan	237	62.5
	<b>Jumlah</b>	<b>379</b>	<b>100.0</b>
Kaum	Melayu	287	75.7
	Cina	34	9.0
	India	20	5.3
	Bumiputera Sarawak	4	1.1
	Bumiputera Sabah	34	9.0
	<b>Jumlah</b>	<b>379</b>	<b>100.0</b>


Tahap Pendidikan Tertinggi	Diploma	0	0
	Ijazah Sarjana Muda	334	88.1
	Sarjana	45	11.9
	Kedoktoran (PhD)	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>379</b>	<b>100.0</b>
Pengalaman Mengajar	5 tahun ke bawah	81	21.4
	6-10 tahun	60	15.8
	11-15 tahun	32	8.4
	16-20 tahun	39	10.3
	21 tahun ke atas	167	44.1
		<b>Jumlah</b>	<b>379</b>

### *Kaedah Penilaian Autentik*

Bagi menjawab objektif kajian iaitu mengenal pasti kaedah pentaksiran autentik yang dilaksanakan oleh guru dalam proses PdP, terdapat 12 kaedah pentaksiran autentik yang disenaraikan dan boleh digunakan oleh responden sebagai pentaksiran dalam PdP. Kesemua kaedah tersebut merupakan jenis kaedah yang dapat digunakan oleh guru khususnya dalam mata pelajaran Geografi. Antara kaedah yang disenaraikan ialah Quizziz, Padlet, Kahoot, Google Site, Plickers, Google Classroom, Quizlet, Modul, Lukisan, Peta minda dan Buku Skrap. Namun begitu, terdapat kaedah-kaedah penilaian yang masih kurang diketahui oleh guru kerana terdapat pelbagai jenis aplikasi penilaian atas talian mula muncul untuk memenuhi keperluan PdPR guru pada masa kini.

Bahagian kaedah penilaian autentik dalam kajian ini (Rajah 1) menunjukkan pilihan aplikasi penilaian autentik secara atas talian. Kaedah penilaian autentik yang paling banyak digunakan oleh responden adalah Quizziz, Google Classroom, Modul, Lukisan, Peta Minda dan Buku Skrap yang mana lebih daripada 50 peratus jumlah responden. Bagi kaedah Quizziz, seramai 257 orang (67.8%) guru Geografi yang menggunakan kaedah ini. Seterusnya, kaedah Google Classroom pula seramai 310 orang (81.8%) yang menggunakannya berbanding hanya seramai 69 orang (18.2%) tidak menggunakannya. Bagi Modul seramai 353 orang (93.1%) menggunakannya. Kaedah penilaian autentik secara lukisan seramai 233 orang (61.5%) guru menggunakannya. Akhir sekali bagi kaedah Peta Minda pula seramai 336 orang (88.7%) menggunakan kaedah ini dan diikuti dengan kaedah penilaian Buku Skrap seramai 237 orang (62.5%) menggunakannya dan seramai 142 orang (37.5%) tidak menggunakannya.

Seterusnya, bagi kaedah Padlet, Kahoot, Google Site, Plicker, dan Quizlet merupakan kaedah paling rendah digunakan oleh responden dalam melaksanakan penilaian autentik iaitu lebih daripada 50 peratus responden tidak menggunakan kaedah ini. Kaedah penilaian Padlet, seramai 271 orang (71%) tidak menggunakan kaedah ini. Bagi kaedah Kahoot pula, seramai 230 orang (60.9%) tidak menggunakan kaedah ini. Seterusnya, bagi kaedah Google Site seramai 191 orang (50.4%) tidak menggunakan kaedah ini. Bagi kaedah Plicker pula, hampir 90 peratus responden tidak menggunakan kaedah ini iaitu seramai 330 orang (87.1%). Akhir sekali, kaedah Quizlet juga mempunyai majoriti responden yang tidak menggunakan kaedah ini iaitu seramai 241 orang (63.6%) dan responden yang menggunakannya seramai 138 orang (36.4%).



Rajah 1 Kaedah Penilaian Autentik Pilihan Guru Geografi

### ***Analisis Tahap Setiap Pemboleh Ubah Kajian***

Analisis data bagi tahap pemboleh ubah kajian melibatkan tiga pemboleh ubah yang utama. Pemboleh ubah tersebut ialah pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional terhadap amalan penilaian autentik dalam proses PdP guru Geografi sekolah menengah di Malaysia. Analisis deskriptif (tahap, skor min dan sisihan piawai) digunakan untuk menjawab objektif kedua iaitu menganalisis tahap pengetahuan, kemahiran ke atas amalan tanggungjawab profesional guru Geografi dalam melaksanakan penilaian autentik dalam proses PdP. Dapatan kajian dianalisis menerusi skor min, sisihan piawai dan tahap bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat berdasarkan penilaian guru Geografi. Bagi memudahkan interpretasi tahap setiap konstruk, maka dalam kajian ini telah membahagikan tahap kepada tiga iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi menggunakan cut off point yang disarankan oleh Best (1997) seperti yang dinyatakan di bahagian Metodologi. (Jadual 2).

Dapatan bagi analisis tahap pengetahuan, kemahiran ke atas amalan tanggungjawab profesional guru Geografi dalam melaksanakan penilaian autentik dalam proses PdP di Jadual 4 menunjukkan bahawa pengetahuan penilaian autentik secara keseluruhan berada pada tahap tinggi ( $M=4.16$  dan  $SP=0.62$ ) di mana hanya 48 orang (12.7%) orang berada pada tahap sederhana diikuti dengan tahap rendah hanya 6 orang bersamaan 1.6 peratus sahaja. Oleh itu, secara puratanya tahap pengetahuan penilaian autentik dalam proses PdP atas talian guru Geografi berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan penilaian dalam proses PdP atas talian guru Geografi sekolah menengah di Malaysia adalah sangat baik dan memuaskan. Seterusnya, kemahiran kaedah penilaian autentik dalam kalangan guru Geografi juga berada pada tahap tinggi ( $M=4.16$  dan  $SP=0.50$ ) iaitu seramai 327 guru Geografi (86.3%) berada pada tahap tinggi dan pada tahap sederhana seramai 52 orang (12.7%). Tiada guru Geografi yang dicatatkan

memperoleh tahap yang rendah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kaedah penilaian autentik dalam proses PdP atas talian guru Geografi adalah majoriti mahir dalam melaksanakan pelbagai kaedah.

Analisis tahap pemboleh ubah amalan tanggungjawab profesional secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi ( $M=4.17$  dan  $SP=0.32$ ) iaitu seramai 356 orang (93.9%) berada pada tahap tinggi manakala selebihnya berada pada tahap sederhana iaitu seramai 52 orang (52.7). Akhir sekali analisis amalan tanggungjawab profesional penilaian autentik dalam proses PdP atas talian guru Geografi sekolah menengah di Malaysia dinilai dari segi dua sub pemboleh ubah iaitu domain profesion dan domain sosial. Bagi sub domain profesion berada pada tahap sederhana ( $M=2.97$  dan  $SP=0.16$ ) iaitu seramai 10 orang (2.6%) pada tahap sederhana dan selebihnya pula pada tahap tinggi iaitu seramai 369 orang (97.4%) dan tidak terdapat guru yang berada pada tahap rendah. Bagi amalan tanggungjawab profesional untuk domain sosial pula, keputusan analisis menjelaskan bahawa secara keseluruhannya tahap amalan tanggungjawab sosial sebagai domain sosial berada pada tahap sederhana namun nilai min lebih rendah berbanding domain profesion iaitu ( $M=2.83$  dan  $SP=3.73$ ). Seramai 63 orang (16.6%) berada pada tahap sederhana dan selebihnya berada pada tahap tinggi iaitu seramai 316 orang (83.4%). Ini membuktikan bahawa terdapat guru yang masih berada pada tahap sederhana melalui domain sosial dan secara tidak langsung menjadikan nilai min berada pada tahap sederhana.

Jadual 4 Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Tanggungjawab Profesional.

Konstruk	Tahap Rendah		Tahap Sederhana		Tahap Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
	Pengetahuan	6	1.6	48	12.7	325			
Kemahiran	0	0.0	52	12.7	327	86.3	4.162	0.507	Tinggi
Amalan Tanggungjawab Profesional	0	0.0	23	6.1	356	93.9	4.177	0.324	Tinggi
• Domain Profesion	0	0	10	2.6	369	97.4	2.973	0.160	Sederhana
• Domain Sosial	0	0	63	16.6	316	83.4	2.838	0.373	Sederhana

#### ***Analisis Perbezaan Pemboleh Ubah Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Tanggungjawab Profesional terhadap pengalaman mengajar Guru Geografi***

Analisis seterusnya untuk meneliti perbezaan pemboleh ubah pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional terhadap pengalaman mengajar guru Geografi sekolah menengah. Penggunaan analisis statistik inferensi ANOVA telah digunakan. Dalam ujian ANOVA, statistik

ujian ialah statistik F. Nilai F menunjukkan bahawa perbezaan antara min adalah besar. Sekiranya nilai p yang diperoleh kurang daripada nilai  $\sigma$ , 0.05 ( $p < 0.05$ ) maka terdapat sekurang-kurangnya dua min yang berbeza secara signifikan. Berdasarkan dapatan Jadual 5, didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah pengetahuan dengan pengalaman mengajar iaitu pemboleh ubah pengetahuan ( $F=23.236$  dengan  $p < 0.05$ ). Seterusnya, bagi pemboleh ubah kemahiran juga terdapat perbezaan yang signifikan dengan pengalaman mengajar iaitu pemboleh ubah kemahiran ( $F=22.005$  dengan  $p < 0.05$ ). Begitu juga dengan pemboleh ubah amalan yang mana terdapat perbezaan yang signifikan dengan pengalaman mengajar iaitu ( $F=1.758$  dengan  $p < 0.05$ ). Nilai F pada pemboleh ubah amalan adalah lebih rendah berbanding dengan pemboleh ubah pengetahuan dan kemahiran

Jadual 5 Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Tanggungjawab Profesional Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru Geografi

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Punca Variasi</b>	<b>JKD</b>	<b>dk</b>	<b>MKD</b>	<b>F</b>	<b>P</b>
Pengetahuan	Antara Kumpulan	29.200	4	7.300	23.236	.000
	Dalam Kumpulan	1117.498	375	.314		
	Jumlah	146.698	379			
Kemahiran	Antara Kumpulan	18.511	4	4.628	22.005	.000
	Dalam Kumpulan	78.653	375	.210		
	Jumlah	97.164	379			
Amalan	Antara Kumpulan	.736	4	.184	1.758	.137
	Dalam Kumpulan	39.134	375	.105		
	Jumlah	39.870	379			

### Perbincangan

Hasil analisis kaedah pentaksiran autentik yang dilaksanakan oleh guru dalam proses PdP. Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden masih belum biasa dengan kebanyakan kaedah penilaian autentik yang disenaraikan dalam kajian ini. Hasil analisis menunjukkan kaedah penilaian modul, Google Classroom dan peta minda merupakan kaedah penilaian yang tertinggi yang digunakan oleh guru Geografi dalam melaksanakan proses penilaian yang mana lebih daripada 80 peratus responden menggunakan kaedah ini. Pada tahun 2020 iaitu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bermula, Malaysia menggunakan Google Classroom sebagai medium dalam PdP dalam talian sepanjang tempoh PKP mendahului negara-negara maju (Nurhidayah, 2020). Ini menunjukkan bahawa impak dan kemahiran yang tinggi terhadap usaha golongan pendidik dan murid di negara ini menggunakan



medium perisian tersebut. Google Classroom adalah pembelajaran digital yang tersedia secara percuma yang membolehkan guru berhubung dengan murid secara dalam talian. Sesiapa sahaja yang mempunyai akaun Google boleh menggunakan perkhidmatan ini. Kelebihan Google Classroom ialah satu cabang untuk mengakses bahan sama ada memuat turun atau memuat naik semua dokumen ke platform, di mana ianya dapat menyimpan hasil kerja murid dalam format tanpa kerja dan dapat mengenal pasti akan penilaian dan tugas murid serta mempunyai penggredan yang mudah (Siti Asmah & Maisurah, 2020).

Kaedah penilaian seperti Kahoot dan Padlet merupakan kaedah penilaian yang kurang digunakan oleh guru Geografi. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan penggunaan kaedah penilaian ini memerlukan kemahiran dalam melaksanakan proses penilaian. Daripada hasil dapatan kajian, bilangan responden yang menyatakan 'Tidak Menggunakan' tentang kedua-dua kaedah penilaian ini (Kahoot dan Padlet) ialah seramai 230 orang (60.7%) dan 271 orang (71.5%). Ini bermakna, peratusan agak tinggi responden yang tidak menggunakan kaedah penilaian tersebut. Walhal, kaedah penilaian tersebut boleh dilaksanakan secara dalam talian. Kahoot merupakan kaedah penilaian yang berasaskan permainan yang boleh didapati secara percuma, membolehkan guru membina kuiz secara dalam talian dan markah akan dipaparkan pada akhir setiap soalan dan pada akhir sesi Kahoot dijalankan. Kelebihan utama Kahoot adalah keputusan berserta analisis keseluruhan pencapaian murid dan maklum balas setiap soalan dapat diketahui oleh guru dan disimpan sebagai rujukan (Azmi et al., 2018). Ini memudahkan guru memantau dan mengetahui tahap kemajuan dan penguasaan murid terhadap sesuatu topik dan mengambil tindakan yang progresif bagi membantu murid dengan segera. Begitu juga dengan kaedah penilaian Aplikasi Padlet membolehkan pengajaran dan penilaian dapat dijalankan secara keseluruhan. Malah aplikasi Padlet dapat meningkatkan pencapaian pelajar dan secara tidak langsung menarik minat pelajar dalam pembelajaran (Azmi et al., 2018). Malah guru boleh memuat naik bahan pelajaran dan penilaian seperti nota, video dan soalan (Siti Masrah, 2017).

Dapatan analisis tahap setiap pemboleh ubah pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional guru Geografi. Tahap pengetahuan yang dimiliki oleh guru Geografi sekolah menengah di Malaysia adalah berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini selari dengan kajian Juliana, (2016) menyatakan bahawa kepentingan tahap pengetahuan guru terhadap pembinaan item dalam instrumen pentaksiran pembelajaran. Dalam pelaksanaan penilaian ke atas pencapaian dan kebolehan murid adalah sebahagian daripada tugas yang perlu dilakukan oleh guru melalui penilaian pembelajaran. Seterusnya, hasil analisis yang dijalankan menunjukkan tahap kemahiran dalam melaksanakan penilaian autentik yang dijalankan terhadap 379 orang guru Geografi sekolah menengah di Malaysia mendapati bahawa tahap nilai min untuk kaedah kemahiran adalah pada tahap tinggi. Hasil kajian Ahmad Fkrudin et al., (2019) menyatakan bahawa guru-guru seharusnya mempunyai kemahiran dalam semua bidang iaitu kemahiran belajar, berfikir, merancang, pemudahcaraan, berkomunikasi dan mengurus bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan kualiti penilaian autentik. Pelaksanaan pembelajaran secara atas talian menyebabkan proses penilaian juga dilaksanakan secara atas talian. Hal ini menyebabkan para pendidik memerlukan masa dan latihan yang secukupnya bagi mengendalikan penilaian dalam talian. Persediaan rapi juga perlu dilakukan memandangkan kaedah penilaian ini belum pernah dilaksanakan apatah lagi bagi pendidik yang baru pertama kali

meneroka kecanggihan teknologi (Natasya, 2020). Akhir sekali, hasil analisis menunjukkan tahap amalan tanggungjawab profesional dalam kalangan guru Geografi mendapati bahawa tahap nilai min untuk tahap amalan tanggungjawab profesional juga berada pada tahap tinggi. Kajian ini selari dengan hasil kajian Hassan dan Musa, (2019) yang menyatakan walaupun guru-guru mempunyai amalan profesionalisme yang tinggi, guru-guru hendaklah kekal dinamik bagi memastikan mereka kekal profesional. Ia dapat dilaksanakan dengan mengekalkan ketiga-tiga standard yang telah ditetapkan iaitu nilai profesionalisme guru, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran guru dalam pengajaran dan penilaian.

Dapatan analisis ujian ANOVA perbezaan pengetahuan, kemahiran dan amalan mengikut pengalaman mengajar guru Geografi. Kategori pengalaman mengajar iaitu 5 tahun ke bawah, 6-10 tahun, 11-15 tahun, 16-20 tahun dan 21 tahun ke atas, setiap kategori mempunyai perbezaan yang signifikan. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah pengetahuan dengan pengalaman mengajar iaitu pemboleh ubah pengetahuan ( $F=23.236$  dengan  $p<0.05$ ). Kajian ini juga dilihat selari dengan kajian Juliana, (2016) iaitu terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengetahuan untuk melaksanakan penilaian antara kumpulan responden daripada pengalaman mengajar yang berbeza. Seterusnya, bagi pemboleh ubah kemahiran juga terdapat perbezaan yang signifikan dengan pengalaman mengajar. Hasil kajian Noorleha dan Lilia (2017) menyatakan bahawa faktor pengalaman mengajar merupakan pengetahuan yang dibentuk oleh interaksi antara faktor-faktor persekitaran kerja. Hasil ini membuktikan perbezaan di pengalaman mengajar guru geografi dari segi kemahiran. Melalui kajian Khalid Johari et al., (2009) menyatakan bahawa faktor pengalaman mengajar melalui guru-guru berpengalaman lebih dari tujuh tahun cenderung berkeyakinan yang tinggi dalam penglibatan murid dan perancangan pengajaran dan penilaian. Jika dilihat kekerapan tempoh mengajar guru, purata guru mempunyai pengalaman mengajar 21 tahun ke atas. Melalui kajian Azizi, et al., (2010), mendedahkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang agak lama kebanyakan berumur. Melalui pelaksanaan pembelajaran atas talian menyebabkan guru memerlukan kemahiran dan pengetahuan dalam menentukan kaedah penilaian. Melalui kajian ini juga pengalaman mengajar mempengaruhi kemahiran guru khususnya dalam pengajaran dan penilaian. Jika merujuk kepada kekerapan kaedah kemahiran, kebanyakan guru menggunakan kaedah konvensional dalam melaksanakan penilaian secara atas talian iaitu melalui peta minda, lukisan dan juga modul. Seseorang guru yang berkemahiran iaitu mempunyai pengetahuan khusus dalam mata pelajaran Geografi dan berkemahiran pedagogi akan lebih yakin untuk menyampaikan pengajaran lantas dapat meningkatkan prestasi murid (Naquiah & Jimaain, 2017). Begitu juga dengan pemboleh ubah amalan yang mana terdapat perbezaan yang signifikan dengan pengalaman mengajar. Hasil daripada kajian ini disokong melalui kajian Lovorn, (2017) tempoh pengalaman mengajar guru sepanjang perkhidmatan mereka adalah mempengaruhi keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Hal ini kerana, terdapat perbezaan antara guru yang baru tamat pengajian dengan guru yang telah lama berkhidmat.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan tanggungjawab profesional dalam kalangan guru geografi adalah pada tahap tinggi. Namun begitu, pembelajaran secara atas talian yang masih baru dilaksanakan di Malaysia memerlukan para guru Geografi lebih berusaha untuk meningkat kaedah kemahiran penilaian yang menggunakan platform secara atas talian. Hal ini kerana pelajar masa kini lebih terdedah kepada teknologi menjadikan platform mudah untuk digunakan dan menawarkan banyak maklumat. Justeru keadaan ini memerlukan pihak sekolah bersama-sama membantu guru untuk memastikan penggunaan platform yang terbaik dalam pelaksanaan penilaian secara atas talian. Malah penyelidikan diperlukan untuk mencari cara terbaik untuk meningkatkan aktiviti pengajaran dan penilaian pendidik. Implikasi kajian mendedahkan amalan tanggungjawab profesional dalam penilaian autentik perlu sentiasa di “kemaskini” oleh guru. Walaupun pengetahuan, kemahiran dan amalan dalam kalangan guru Geografi adalah tinggi, namun mereka masih kurang menggunakan platform-platform yang disediakan secara atas talian dan lebih kepada kaedah penilaian konvensional. Sehubungan dengan itu, pendedahan kepelbagaian kaedah penilaian autentik melalui kursus dan sebaran video boleh dilaksanakan untuk menyebarkan penilaian autentik secara atas talian dalam PdP bagi memudahkan proses penilaian dan mengukur perkembangan murid.

### Rujukan

- Abdul Halim, A. 2021. *Guru perlu kreatif taksir murid dalam norma baharu*. Berita Harian. 24 Januari.
- Afinde, O. 2016. *Pengetahuan, kemahiran dan amalan guru membina item KBAT dalam instrumen pentaksiran pembelajaran*. (Tesis Sarjana). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ahmad Fkrudin, M.Y., Wan Norina, W., H. & Nor Khayati, B. (2019). Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) Di Politeknik., e-Bangi. 16(5), 1–13.
- Azmi, N. A., Rasalli, R. I. Z., & Aniah, N. (2018). Penggunaan Aplikasi Kahoot Dalam Pembelajaran Modul Teori Di Kolej Komuniti Ledang Johor. *International Conference On Education, Islamic Studies & Social Sciences Research (ICEISR 2018)*, Universitas Negeri Padang, Indonesia, 22-23 Julai, pp1–9.
- Azizi, Y., Rosnani M.N., Sharifuddin, I. & Amir Hamzah, A. 2010. *The effectiveness of teaching and learning among teachers in technical subjects*. Research Report. Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor.
- Best, J. W. (1977). *Research In Education*. Prentice Hall.
- Faridah, Y. 2013. *Pelaksanaan penaksiran autentik dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak - satu kajian tindakan*. (Tesis Kedoktoran), Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fakhri, A.K. & Mohd Isha, A. 2016. Isu kesediaan guru dalam amalan melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah. *EDUCANTUM*, 2, 1-7.

- Hanifah, M., Nasir, N., Yazid, S., Mohmadisa, H. & Saiyidatina Balkhis, N. 2021. Kompetensi profesionalisme guru geografi di Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 7 (3), 107-122.
- Hanifah, M., Chang, P.L., Nasir, N., Mohmadisa, H. & Yazid, S.. 2017. Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Geografi Sekolah Menengah di Sabah – Analisis Awal. *Sains Humanika*, 9 (2), 1-7.
- Hassan, M. A. A., & Musa, K. 2019. Amalan profesionalisme guru sekolah rendah di semenanjung. *Asia Pacific Conference on Educational Management and Leadership*, Bayview Hotel, Pulau Pinang, Malaysia, December, 182–190.
- Juliana, O. 2016. Penilaian kesediaan pelajar PISMP Institut Pendidikan Guru untuk melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah. *Tanjong Malim*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Khalid, J., Zurida, I., Shuki, O., & Ahmad Tajuddin, O. 2009. Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3–14. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi*. Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses pada 10/11/2020. [https://issuu.com/mhy320/docs/lp\\_buku\\_kbat\\_2014](https://issuu.com/mhy320/docs/lp_buku_kbat_2014)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran*. Diakses pada 10/11/2020 <http://www.moe.gov.my/bpk>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2020. *Surat siaran garis panduan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa perintah kawalan pergerakan disebabkan penularan jangkitan Covid-19*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/3361-surat-siaran-kpm-bilangan-3-tahun-2020-garis-panduan-pelaksanaan-pengajaran-dan-pembelajaran-pdp-semasa-ppk-disebabkan-penularan-jangkitan-covid-19/file>
- Lovorn, M. 2017. Thinking historically, acting locally: Training teachers in historiographical Analysis of local monuments. *Multidisciplinary Academic Conference*, 9 Mac 2017.
- Masfarizan, M. & Mohammed Yusoff, M.N. 2020. Kebolehlaksanaan pentaksiran bilik darjah (pbd) secara atas talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Sentul, Kuala Lumpur. *Prosiding Seminar Nasional FIP 2020*, pp213-218.
- Naquiah, N., & Jimaaain, S. (2017). Penguasaan pengetahuan kandungan (Content Knowledge): Pemangkin keterampilan pedagogi jawi berkesan abad Ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 45–59.

- Nurhidayah, H. 2020. Carian “Google Classroom” di Malaysia tertinggi di dunia. Sinar Harian. Diakses pada <https://www.sinarharian.com.my/article/79328/BERITA/Nasional/Carian-Google-Classroom-di-Malaysia-tertinggi-di-dunia> 17 April.
- Nordin, M. S., & Ismail, N. H. 2014. Kesiapan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. International Seminar on Technical and Vocational Education (TVEIS2014), Skudai, Johor.25-26 August.
- Noorleha, M. Y., & Lilia, H. 2017. Pengaruh Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Dalam Amalan Pengajaran Kemahiran Berfikir. [https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20II/VOL%203/International%20Seminar%20On%20Global%20Education%20II%20\(Volume%20III\)\\_1\\_40.pdf](https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20II/VOL%203/International%20Seminar%20On%20Global%20Education%20II%20(Volume%20III)_1_40.pdf)
- Nor Fauziana, S. (2020). Pandemik coronavirus (covid-19): pembelajaran dan pengajaran secara atas talian suatu keperluan di Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/342886967\\_PANDEMIK\\_CORONAVIRUS\\_COVID-19\\_PEMBELAJARAN\\_DAN\\_PENGAJARAN\\_SECARA\\_ATAS\\_TALIAN\\_SUATU KEPERLUAN\\_DI\\_MALAYSIA/citations#fullTextFileContent](https://www.researchgate.net/publication/342886967_PANDEMIK_CORONAVIRUS_COVID-19_PEMBELAJARAN_DAN_PENGAJARAN_SECARA_ATAS_TALIAN_SUATU KEPERLUAN_DI_MALAYSIA/citations#fullTextFileContent)
- Natasya, A. 2020. *Cabaran pelaksanaan penilaian dalam talian di IPT. Universiti Sains Islam Malaysia.* Diakses pada 28/11/2020. <http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/19799>
- Razmawaty, M. & Othman, L. 2021. Authentic assessment in assessing higher order thinking skills. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7(2), 466–476.
- Siti Asmah, M. & Maisurah, S. 2020. *Google Classroom Sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) Mod Atas Talian Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).* September, 66–75. Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia
- Siti Masrah, S. 2017. *Aplikasi Padlet dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS).* (Tesis Sarjana), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Profesional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Suan, S.L.L & Osman. (2010). Pentaksiran pembelajaran pelajar: Amalan guru-guru di Malaysia. *Malaysian Education Dean’s Council Journal*, 5,1-22.
- Thomas, J. D. E., Morin, D., & Ly, S. (2014). Delivery method and persistence and performance. In *Proceedings of World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications*, Tampere, Finland, 1797–1801.
- Winarso, W. 2018. Authentic assessment for academic performance: study on the attitudes, skills, and knowledge of grade 8 mathematics students. *Malikussaleh Journal of Mathematics*

*Learning* (MJML), 1(1), 1–8. Diakses pada 20/11/2020.  
<https://doi.org/10.29103/mjml.v1i1.579>

## **Pemahaman Pelajar Diploma Pelbagai Etnik Terhadap Kursus Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**

Norshahrul Marzuki Mohd Nor

Jabatan Pengajian Kemasyarakatan Dan Kewarganegaraan: Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, Perak, Malaysia  
norshahrul@fsk.upsi.edu.my

### Abstrak:

Kebelakangan ini sering kali berlaku perselisihan faham berkaitan pemahaman budaya dan amalan dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia sehingga menimbulkan kemarahan. Keadaan ini jika tidak diselesaikan akan menyebabkan ketegangan etnik dan boleh mengganggu gugat keamanan negara. Melalui Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kepada pelajar peringkat Diploma, pengkaji ingin mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap kursus ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan pemahaman pelajar terhadap Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia adalah sangat tinggi dengan purata min 4.21 ke atas. Majoriti memberikan respon sangat setuju bahawa kursus ini dapat memberikan pemahaman yang jelas kepada mereka mengenai kepelbagaian budaya yang ada. Kursus ini juga membantu pelajar mengenali masyarakat pelbagai etnik dengan penuh keyakinan. Berdasarkan dapatan kursus ini juga menjelaskan bahawa pelajar ingin mengetahui atau memahami setiap masyarakat dan budaya yang ada di Malaysia sebagai satu pengalaman yang berharga mereka ketahui dan pelajarinya. Dengan pendedahan yang mereka perolehi dalam kursus menjadi mereka lebih suka untuk mengetahui latar belakang rakan sekelas dan sebaya mereka dan mampu berkomunikasi dengan memberikan pendedahan mengenai budaya Malaysia daripada kursus ini secara formal dan akademik. Keadaan ini secara langsung memberikan satu maklumat bahawa kepelbagaian etnik yang ada mampu di satukan dengan pemahaman yang jelas hasil dari pendedahan secara formal, mengenai kepelbagaian budaya dan masyarakat yang di universiti untuk lebih memahami dan mempelajari budaya yang ada tanpa wujud perasaan yang negatif yang melihat kepelbagai agama, budaya, etnik, dan sebagainya. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia dapat memberikan pemahaman dari segi kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang ada di Malaysia kepada pelajar peringkat Diploma yang mengikuti kursus tersebut. Keadaan tersebut meningkatkan pemahaman pelajar terhadap aspek masyarakat dan budaya sebagai salah satu usaha untuk memastikan keharmonian dapat terus dikekalkan pada masa akan datang. Kursus ini juga ternyata mampu memberikan input berguna dalam memberikan maklumat mengenai kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan Malaysia.

Kata Kunci: Kursus Masyarakat dan Kebudayaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, memahami, formal dan akademik.

## **Pengenalan**

Budaya dan masyarakat merupakan lambang kepada identiti sesebuah negara, lebih-lebih lagi Malaysia yang mempunyai kepelbagaian etnik sehingga menjadikannya sebagai sebuah negara yang unik iaitu bangsa Malaysia. Dalam hal ini, rakyat Malaysia harus menerima kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang wujud di sekeliling untuk sama-sama berjuang memastikan negara dapat berkembang sebagai sebuah negara maju yang dinamik. Dalam konteks ini, masyarakat dan kebudayaan menjadi agenda untuk memupuk semangat kesatuan dalam masyarakat Malaysia bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, progresif, dan dinamik.

Oleh itu pemahaman tentang konsep masyarakat dan kebudayaan ini adalah penting untuk mengekalkan kestabilan negara (Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni, 2010). Dalam kajian ini pengkaji ingin mengenal pasti tahap pemahaman pelajar diploma dalam pelbagai jurusan pengajian terhadap kursus Masyarakat dan Kebudayaan yang telah mereka ikuti, sama ada dapat memberikan kesan yang baik dan memberikan pemahaman yang jelas mengenai kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan di Malaysia atau sebaliknya. Keadaan ini seterusnya memupuk semangat cinta akan negara dan bersikap rasional dalam membentuk hubungan kaum yang ada, dengan nilai-nilai moral, seperti sikap menghormati, keikhlasan dan saling mempercayai antara kaum untuk mengekalkan kesepaduan sosial yang dinikmati sehingga kini (Azat Khairi, 2011). Dengan kajian ini, pengkaji dapat menilai tahap pemahaman pelajar mengenai budaya dan masyarakat juga keperluan-keperluan lain (Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni, 2010) yang boleh ditambah pada masa akan datang untuk kursus ini bagi menjadikannya sebagai satu platform asas kepada pemahaman kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia.

## **Permasalahan Kajian**

Pusat pendidikan tinggi dilihat dapat memainkan peranan penting dalam mendidik pelajar yang menjadi pelapis pemimpin masa hadapan yang terdiri daripada pelbagai kaum yang ada di Malaysia, mengenai kepentingan kursus Masyarakat dan Kebudayaan yang di Malaysia. Terutamanya dalam menggalakkan integrasi pelbagai kaum yang ada (Ezhar Tamam dan Madiha Hashmi, 2015) seterusnya dapat mempersiapkan masyarakat ke arah dasar-dasar terkini kerajaan dengan lebih menyeluruh. Walaupun keadaan ini memerlukan pendekatan pengajaran yang sesuai dalam memastikan pemahaman pelajar menerima kepelbagaian budaya (Mansor Mohd Noor, Azlina Abdullah dan Mohd Mahadee Ismail, 2016) yang ada dan dapat menilai mengenai kepentingan kepada diri mereka dan masyarakat umum.

Seterusnya kepentingan pendidikan dari segi hubungan Etnik, dalam mewujudkan integrasi yang lebih kukuh hasil pemahaman mengenai budaya dan masyarakat mampu bertoleransi bagi memastikan keamanan yang ada kini terus dikekalkan dengan mengambil kira sejarah kemerdekaan lalu sebagai asas dan juga perlembagaan negara. Mampu memberikan kesan yang positif mengenai kepentingsn pengetahuan budaya ini terus dikekalkan sebagai satu kursus wajib universiti harus dipertahankan (Ramlee Mustapha, Norzaini Azman, Faridah Karim, Abdul Razak Ahmad, Maimun Aqsha Lubis, 2009).

Penekanan kepada sistem pendidikan yang dilaksanakan sehingga kini adalah sebagai salah satu usaha kerajaan dan sebagai pendekatan yang penting untuk merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan dan meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini. Pendidikan adalah tunjang kepada perpaduan negara, maka tidak dapat dinafikan bahawa pusat pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembinaan dan pembentukan negara. Seterusnya mampu memberikan

kesan yang besar kepada pembangunan negara ke arah negara yang mampan (Mohd Rizal Mohd Said & Thay Cheow Yin, 2012).

### ***Konsep Masyarakat***

Perkataan “masyarakat” seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Dewan* (2015) ialah satu kumpulan tertentu yang hidup bersama dengan aturan tertentu yang telah dipersetujui oleh mereka. Dalam konteks ini, masyarakat melibatkan individu, keluarga, dan kumpulan yang ada dalam sesebuah masyarakat yang didiami, melalui hubungan bersemuka. Daripada pergaulan ini, terbina pola hubungan sosial yang berulang sifatnya seperti kegiatan gotong-royong, bersama-sama merayakan sesuatu perayaan melalui rumah terbuka, berkumpul menyambut pembesar yang datang berkunjung, menghadiri majlis perkahwinan, membantu golongan yang ditimpa malapetaka, menziarahi jiran yang sakit tenat, atau yang telah meninggal dunia. Pola hubungan sosial ini adalah sebagai satu manifestasi kepada kehidupan yang perlu memerlukan antara sama lain, yang boleh memberikan kebaikan hasil daripada jalinan kerjasama yang wujud dalam masyarakat tersebut. Melaluinya kekerapan pergaulan ini, masyarakat dapat membina satu kesepaduan sebagai satu unit sosial yang utuh. Dalam konteks Malaysia, hubungan harmonis antara pelbagai kumpulan etnik dapat membina sebuah masyarakat Malaysia yang teguh dan mampu untuk mengatasi masalah yang melibatkan kepelbagaian masyarakat.

Dalam konteks ini juga perkataan “masyarakat” yang dalam bahasa Inggerisnya *society* berasal dari bahasa Latin iaitu *societas* yang bererti “perhubungan baik dengan orang lain”. Perkataan *societas* pula dikeluarkan daripada perkataan *socius* yang bererti “teman” atau “kawan” (Mohd Syarifudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & Faridah Binti Che Husain, 2017). Sehubungan itu, kesatuan yang ada dalam masyarakat mampu membentuk kepelbagaian dalam membangunkan sebuah negara bangsa dengan kukuh. Yang jelas ialah konsep masyarakat ini sebenarnya telah membawa penyatuan bangsa kepada kewujudan bangsa baharu yang boleh bertolak ansur dan boleh diklasifikasikan sebagai kesepaduan organik, terutamanya di kawasan bandar atau penempatan tersusun (Tony Blackshaw, 2010).

Para sarjana sains sosial dan kajian kemanusiaan telah menegaskan bahawa kebudayaan tidak wujud jika tidak ada masyarakat. Pendapat ini berasaskan fakta sejagat bahawa manusia sebagai anggota masyarakat telah bertanggungjawab mencipta, mengubah, menokok tambah dan melestarikan budaya, serta telah menurunkannya daripada generasi kepada generasi untuk jutaan tahun dalam peradaban manusia sedunia. Proses mewariskan budaya melibatkan interaksi dua generasi; pertama, generasi yang menurunkan budaya dan kedua, generasi yang menerima budaya (Ezhar Tamam & Madiha Hashmi, 2015).

### ***Konsep Kebudayaan***

Konsep budaya yang perlu difahami ialah perlakuan yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat yang wujud di sesuatu tempat sebagai amalan yang menjadi rutin kepada kehidupan harian mereka. Newmark, P. (1988) mentakrifkan budaya sebagai: “...*the way of life*

*and its manifestations that are peculiar to a community that uses a particular language as its means of expression*”. Hal ini menjelaskan bahawa bahasa merupakan cara berhubung dengan manusia dan kehidupannya ialah budaya. Dalam keadaan ini budaya meliputi cara bercakap, cara makan, cara berpakaian, cara berhubung, adat resam yang diamalkan, agama dan sebagainya sebagai satu kaedah dalam



kehidupan seharian. Oleh itu, jelaslah bahawa budaya merupakan satu kegiatan yang boleh dilakukan, mewakili tempat, agama dan masyarakat yang ada, dan menjadi pegangan kepada sesuatu masyarakat.

### **Konsep Kepelbagaian Budaya**

Konsep kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang ada di Malaysia menjadi tonggak kepada kekuatan negara. Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat pelbagai budaya, maka setiap bangsa atau ras dalam sistem sosial Malaysia pastinya berbeza antara satu sama lain dari segi latar belakangnya. Malah, perbezaan adat dan budaya juga tetap wujud dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana berbeza budaya dan kepercayaan. Dengan perantara bahasa Melayu sebagai penghubung kepada kepelbagaian budaya yang ada, masyarakat berbilang bangsa mampu tinggal dalam satu tempat dengan menjadikan budaya dominan iaitu budaya Melayu sebagai model penghubung kepada kepelbagaian budaya yang ada (Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid, 2016). Perkembangan ini jelas memperlihatkan budaya merupakan satu cara kehidupan yang pelbagai dalam konteks Malaysia, tetapi asasnya ialah penerimaan budaya tersebut dalam masyarakat sebagai satu asas pembinaan negara bangsa (Hamidah Abd Rahman, Norlin Ahmad & Nor Akmar Nordin, 2011).

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk menilai dan mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia berdasarkan pemahaman politik, sosial dan agama. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti keperluan-keperluan lain yang boleh ditambah dalam kursus tersebut supaya menepati kehendak semasa berdasarkan kepada penilaian pelajar dalam usaha membangun rakyat ke arah kesepaduan masyarakat majmuk yang berbilang budaya dan masyarakat, terutama golongan muda yang menjadi pelapis pemimpin negara kelak. Pendedahan awal mengenai masyarakat dan kebudayaan kepada pelajar mampu membantu mereka dalam mengendalikan kehendak kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang ada di Malaysia .

### **Objektif Kajian**

Beberapa objektif telah dikenal pasti dalam melaksanakan kajian ini. Antaranya termasuklah yang berikut:

- i. Untuk mengenal pasti tahap pemahaman pelajar mengenai konsep kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan.
- ii. Untuk mengenal pasti tahap pemahaman pelajar dari segi mengenali secara terbuka masyarakat dan kebudayaan Malaysia.

### **Metodologi**

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif bagi mengetahui tahap pemahaman pelajar peringkat diploma Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia yang mereka ikuti, kebaikan dan pengetahuan hasil daripada pendedahan kursus berkenaan. Bagi mengumpulkan data dalam kajian, instrumen yang digunakan ialah set soal selidik. Satu set soal selidik disediakan mengandungi dua bahagian; Bahagian A yang berkaitan latar belakang responden; dan Bahagian B, yang mengandungi soalan berkaitan pemahaman pelajar mengenai kursus tersebut. Bahagian B ini dibahagikan pula kepada dua bahagian kecil. Setiap satu bahagian mengandungi lima soalan yang dikemukakan dengan kesemuanya mengandungi sepuluh soalan.

Menurut M. Saunders, P. Lewis dan A. Thornhill (2007), metod soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai dalam mengkaji hal-hal berkaitan pengukuran terhadap sesuatu perkara seperti pengetahuan, sikap, kefahaman, penglibatan dan sebagainya. Malah, soal selidik bersifat praktikal dan berkesan dalam mengawal jumlah sampel kajian yang besar. Semua soalan yang dibentuk adalah dengan menggunakan skala pengukuran Likert untuk mengukur tahap pemahaman pelajar UPSI terhadap kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia yang mempunyai lima skala iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju. Daripada jumlah populasi sebanyak 600 orang pelajar diploma yang diedarkan soal selidik secara dalam talian, sebanyak 560 orang, atau 93.3% yang telah menjawab sebagai responden.

## Dapatan Kajian

### *Bahagian A: Latar Belakang*

Dapatan dari bahagian A menunjukkan jumlah pelajar lelaki yang terlibat sebagai responden ialah 139 orang atau 25%, berbanding dengan pelajar perempuan sejumlah 421 orang atau 75%. Berdasarkan jumlah tersebut jumlah pelajar perempuan lebih banyak berbanding pelajar lelaki.

**Jadual 1.1: Jantina**

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	139	25%
Perempuan	421	75%
Jumlah	560	100%

Seterusnya pula dari segi bangsa, majoriti responden terdiri daripada Bumiputera Melayu, iaitu 371 orang atau 66.3%, Bumiputera Sabah 65 orang atau 11.6%, India 49 orang atau 8.8%, Bumiputera 23 orang atau 4.1%, Bumiputera Sarawak 22 orang atau 3.9%, Cina 20 atau 3.6%, dan lain-lain 10 orang atau 1.8%. Dalam konteks ini populasi kajian meliputi tiga wilayah Malaysia, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan kesemua bangsa yang ada di Malaysia.

**Jadual 1.2: Bangsa**

Bangsa	Jumlah	Peratus
Bumiputera Melayu	371	66.3%
Bumiputera	23	4.1%
Bumiputera Sabah	65	11.6%
Bumiputera Sarawak	22	3.9%
Cina	20	3.6%
India	49	8.8%

Lain-lain	10	1.8%
Jumlah	560	100%

Dari segi agama pula sejumlah 430 orang yang beragama Islam atau 76.8%, merupakan populasi agama yang terbesar sekali, diikuti dengan Kristian 71 orang atau 12.7%, agama Buddha 41 orang atau 7.3%, agama Hindu 12 orang atau 2.1% dan agama lain-lain 6 orang atau 1.1%.

### 1.3: Jadual Agama

Agama	Jumlah	Peratus
Islam	430	76.8%
Kristian	71	12.7%
Buddha	41	7.3%
Hindu	12	2.1%
Lain-lain	6	1.1%
Jumlah	560	100%

#### ***Bahagian B: Pemahaman Pelajar Mengenai Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia***

Bahagian ini merupakan isi kepada kajian, iaitu pemahaman pelajar mengenai masyarakat dan kebudayaan Malaysia, hasil daripada mengikut kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Dalam bahagian ini terdapat dua persoalan utama yang menjadi kepada pokok perbincangan kajian ini, iaitu:

- i. Pemahaman dari memahami segi kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan.
- ii. Pemahaman dari segi mengenali secara terbuka masyarakat dan kebudayaan Malaysia.

Di bawah persoalan utama tersebut terdapat lima soalan dikemukakan untuk di nilai oleh pelajar sama ada mereka bersetuju atau tidak, hasil daripada pengalaman mereka mengikuti kursus berkenaan.

**Jadual 1.4: Pemahaman Dari Segi Memahami Kepelbagaian Masyarakat Dan Kebudayaan.**

Bi	Pemahaman dari segi kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan.	STB	TB	TP	S	SS	Mi	Taha
l	memahami kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan.	1`	2	3	4	5	n	p Min
1.	Membantu mengenali budaya dan masyarakat, luar daripada lingkungan masyarakat saya.	1.6 %	0.7 %	3.4 %	55.5 %	38.8 %	4.2 9	Sangat Tinggi
2.	Memberi pendedahan baharu yang lebih sistematik dan terarah kepada kepelbagaian budaya di Malaysia.	1.6 %	0.9 %	3.8 %	52.1 %	41.6 %	4.3 1	Sangat Tinggi

3.	Memperbetulkan salah faham saya mengenai masyarakat dan budaya lain lain.	1.4	0.9	4.6	47.7	45.4	4.3	Sangat Tinggi
		%	%	%	%	%	5	
4.	Dapat bekerjasama menjalankan kegiatan dan tugas yang diberikan secara lebih rapat lagi dalam mengenali budaya dan masyarakat.	1.8	0.7	2.9	45.9	48.8	4.3	Sangat Tinggi
		%	%	%	%	%	9	
5.	Membuka minda mempelajari budaya yang boleh digunakan dalam masyarakat saya.	2.0	0.5	2.5	49.3	45.7	4.3	Sangat Tinggi
		%	%	%	%	%	6	

Jadual 1.4: Pemahaman dari segi memahami kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan, menunjukkan pemahaman pelajar terhadap aspek ini berada dalam tahap min sangat tinggi bagi lima (5) soalan yang dikemukakan. Rekod juga menunjukkan soalan nombor empat (4) mempunyai tahap min yang sangat tinggi iaitu 4.39 dan min yang terendah sekali ialah 4.29 juga berada dalam kategori sangat tinggi.

Dari segi keseluruhan, bagi soalan pertama, jawapan yang diperoleh ialah 55.5%, jawapan paling tinggi iaitu setuju, diikuti 38.8% jawapan kedua tinggi dengan jawapan sangat setuju, selebihnya 3.4% memberikan jawapan tidak pasti, 1.6% atau sangat tidak setuju dan 0.7% tidak bersetuju. Keseluruhan min jawapan yang diberikan untuk soalan satu (1) adalah sangat tinggi atau sangat setuju bahawa kursus ini membantu pelajari memahami budaya dan masyarakat dengan lebih meluas lagi tanpa wujud salah faham mengenai amalan dan perkara-perkara yang mereka lakukan.

Bagi soalan nombor dua (2) pula keseluruhan min iaitu 4.29 iaitu berada pada tahap min sangat tinggi, 52.1% pelajar memberikan jawapan setuju, 41.6% memberikan jawapan sangat setuju, seterusnya 3.8% memberikan jawapan tidak pasti, 1.6% memberikan jawapan tidak setuju, dan 0.9% memberikan jawapan sangat tidak setuju. Jawapan yang diperoleh memberi pendedahan baharu yang lebih sistematik dan terarah kepada kepelbagaian budaya di Malaysia, melalui pendedahan, rujukan dan terlibat dengan kegiatan masyarakat dan kebudayaan.

Bagi soalan nombor tiga (3), memperbetulkan salah faham saya mengenai masyarakat dan budaya lain, min yang diperoleh ialah 4.35, iaitu tahap min sangat tinggi yang menunjukkan bahawa melihat kursus ini boleh memperbetul salah faham pelajar mengenai masyarakat dan budaya dengan lebih jelas dan bersifat lebih akademik, terutama daripada persepektif masyarakatnya sendiri. Dalam hal ini, pelajar-pelajar pelbagai kaum tersebut menjelaskan sebab-sebab mereka melakukan budaya tersebut di dalam masyarakat dan 47.7% memberikan jawapan setuju, dan 45.4% sangat setuju dengan persoalan yang dikemukakan.

Seterusnya, persoalan dapat bekerjasama dalam menjalankan kegiatan dan tugas yang diberikan secara lebih rapat lagi, dalam mengenali budaya dan masyarakat bagi soalan empat (4), menunjukkan min 4.39 berada pada tahap sangat tinggi. Keadaan ini menjelaskan melalui kursus yang mereka ikuti pelajar dapat mengenali budaya lain dengan lebih rapat juga menjelaskan mengenai budaya mereka kepada pelajar-

pelajar lain. Keadaan ini menunjukkan mereka saling memahami dan hormat-menghormati. Peratusan yang diperoleh juga menyokong keadaan ini, iaitu 48.8% memberikan jawapan sangat setuju dan 45.9% lagi memberikan jawapan setuju bahawa kerjasama dapat diwujudkan dengan mengikuti kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia.

Soalan terakhir berkaitan pemahaman dari segi kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan, iaitu membuka minda mempelajari budaya yang boleh digunakan dalam masyarakat saya bagi soalan nombor lima (5), min yang diperoleh ialah 4.36, iaitu sangat tinggi dengan 49.3% pelajar memberikan jawapan setuju dan 45.7% sangat setuju. Keadaan ini menyokong persoalan yang

Jadual 1.4: Pemahaman dari segi memahami kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan, menunjukkan pemahaman pelajar terhadap aspek ini berada dalam tahap min sangat tinggi bagi lima (5) soalan yang dikemukakan. Rekod juga menunjukkan soalan nombor empat (4) mempunyai tahap min yang sangat tinggi iaitu 4.39 dan min yang terendah sekali ialah 4.29 juga berada dalam kategori sangat tinggi.

Dari segi keseluruhan, bagi soalan pertama, jawapan yang diperoleh ialah 55.5%, jawapan paling tinggi iaitu setuju, diikuti 38.8% jawapan kedua tinggi dengan jawapan sangat setuju, selebihnya 3.4% memberikan jawapan tidak pasti, 1.6% atau sangat tidak setuju dan 0.7% tidak bersetuju. Keseluruhan min jawapan yang diberikan untuk soalan satu (1) adalah sangat tinggi atau sangat setuju bahawa kursus ini membantu pelajari memahami budaya dan masyarakat dengan lebih meluas lagi tanpa wujud salah faham mengenai amalan dan perkara-perkara yang mereka lakukan.

Bagi soalan nombor dua (2) pula keseluruhan min iaitu 4.29 iaitu berada pada tahap min sangat tinggi, 52.1% pelajar memberikan jawapan setuju, 41.6% memberikan jawapan sangat setuju, seterusnya 3.8% memberikan jawapan tidak pasti, 1.6% memberikan jawapan tidak setuju, dan 0.9% memberikan jawapan sangat tidak setuju. Jawapan yang diperoleh memberi pendedahan baharu yang lebih sistematik dan terarah kepada kepelbagaian budaya di Malaysia, melalui pendedahan, rujukan dan terlibat dengan kegiatan masyarakat dan kebudayaan.

Bagi soalan nombor tiga (3), memperbetulkan salah faham saya mengenai masyarakat dan budaya lain, min yang diperoleh ialah 4.35, iaitu tahap min sangat tinggi yang menunjukkan bahawa melihat kursus ini boleh memperbetul salah faham pelajar mengenai masyarakat dan budaya dengan lebih jelas dan bersifat lebih akademik, terutama daripada persepektif masyarakatnya sendiri. Dalam hal ini, pelajar-pelajar pelbagai kaum tersebut menjelaskan sebab-sebab mereka melakukan budaya tersebut di dalam masyarakat dan 47.7% memberikan jawapan setuju, dan 45.4% sangat setuju dengan persoalan yang dikemukakan.

Seterusnya, persoalan dapat bekerjasama dalam menjalankan kegiatan dan tugas yang diberikan secara lebih rapat lagi, dalam mengenali budaya dan masyarakat bagi soalan empat (4), menunjukkan min 4.39 berada pada tahap sangat tinggi. Keadaan ini menjelaskan melalui kursus yang mereka ikuti pelajar dapat mengenali budaya lain dengan lebih rapat juga menjelaskan mengenai budaya mereka kepada pelajar-pelajar lain. Keadaan ini menunjukkan mereka saling memahami dan hormat-menghormati. Peratusan yang diperoleh juga menyokong keadaan ini, iaitu 48.8% memberikan jawapan sangat setuju dan 45.9% lagi memberikan jawapan setuju bahawa kerjasama dapat diwujudkan dengan mengikuti kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia.

Soalan terakhir berkaitan pemahaman dari segi kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan, iaitu membuka minda mempelajari budaya yang boleh digunakan dalam masyarakat saya bagi soalan nombor lima (5), min yang diperoleh ialah 4.36, iaitu sangat tinggi dengan 49.3% pelajar memberikan jawapan setuju dan 45.7% sangat setuju. Keadaan ini menyokong persoalan yang

Secara keseluruhannya dapat dijelaskan bahawa tahap pemahaman pelajar adalah sangat tinggi selepas mereka mengikut kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kursus ini mampu memberikan input berguna dalam memberikan maklumat mengenai kepelbagai mengenai masyarakat dan kebudayaan Malaysia. Berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada sepuluh soalan yang dikemukakan berdasar skala Likert majoriti besar pelajar memilih jawapan setuju dan sangat setuju bahawa kursus ini dapat memberikan pemahaman yang jelas mengenai masyarakat dan budaya. Daripada sepuluh soalan yang dikemukakan, lapan soalan minnya berada pada tahap sangat tinggi dan dua lagi berada pada tahap tinggi. Dari segi objektifnya kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti tahap pemahaman dari memahami segi kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan, dapatan menunjukkan pelajar sangat setuju bahawa dengan mengikuti kursus ini, tahap pemahaman mereka lebih tinggi dengan min berada 4.21 ke atas iaitu pada tahap yang sangat tinggi. Bagi objektif kedua untuk mengenal pasti tahap pemahaman dari segi mengenali secara terbuka masyarakat dan kebudayaan Malaysia, dapatan juga menunjukkan majoritinya berada pada tahap sangat tinggi minnya, iaitu 4.21.

### **Perbincangan Kajian**

Kajian ini bertujuan mengkaji pemahaman pelajar pelbagai etnik peringkat diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkaitan kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan dan dari segi mengenali secara terbuka masyarakat dan kebudayaan Malaysia selepas mereka mengikuti kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Secara ringkasnya kajian bertujuan untuk menilai keberkesanan kursus ini dari segi pengisiannya supaya sesuai dengan tahap pelajar diploma dan kesannya kepada pelajar hasil daripada pemahaman yang diperoleh dalam kursus ini. Pemahaman yang jelas tentang masyarakat dan kebudayaan Malaysia dapat menjadikan pelajar lebih matang dalam pergaulan dalam kalangan pelbagai etnik dan budaya yang ada di Malaysia. Di samping itu, pelajar juga dapat memahami cara hidup masyarakat dengan lebih baik dan mampu memberikan maklumat ini kepada keluarga dan masyarakat yang masih tidak jelas mengenai sesuatu budaya yang ada dan Malaysia. Secara tidak langsung keadaan ini dapat menyelesaikan masalah hubungan kaum dan membantu mewujudkan suasana yang harmoni di dalam negara (Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2013).

Kaedah pengajaran baik dan pendedahan dengan pelbagai budaya melalui lawatan, projek anak angkat dan mengadakan seminar yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar dilihat banyak membantu mereka memahami kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan dengan lebih mendalam. Selain itu pihak kerajaan juga perlu menyediakan dana khusus untuk pelajar dalam menganjurkan program bersifat masyarakat dan kebudayaan. Melalui program tersebut, pelajar akan lebih mengenali kepelbagaian budaya dan etnik masyarakat di negara ini dengan meluas lagi dan membuka minda mereka mengenai kepelbagaian masyarakat Malaysia. Berdasarkan kepada pengalaman, kajian ini juga mampu memberikan maklumat berkaitan kehendak dan keperluan golongan muda untuk memahami budaya serta mengembangkannya dalam memastikan penyatuan budaya berkonsep Malaysia, di samping memberikan kesan yang baik kepada keamanan negara serta membangunkannya sebagai sebuah negara maju yang dinamik (Rohaty Mohd. Majzub, Salasiah Hashim & Elis Johannes, H.S., 2011).

## **Penutup**

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa setiap responden memahami kehendak soalan yang diutarakan di dalam soal selidik. Hasil kajian juga menunjukkan maklum balas yang diberikan oleh responden adalah baik dengan kerjasama yang erat. Walau bagaimanapun, beberapa usaha perlu ditingkatkan dan dipergiatkan lagi agar golongan remaja lebih berminat mengikuti kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kursus ini penting dalam usaha memberikan pengetahuan serta pemahaman yang jelas dan betul mengenai kepelbagaian masyarakat di Malaysia dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di Universiti Pendidikan Sultan Idris supaya saling hormat menghormati antara satu sama lain dalam membina negara bangsa Malaysia.

## **Rujukan**

- Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni. (2010). Fostering inter group contacts among multiracial students In Utm. Proceedings International Conference on Learner Diversity, ICELD 2010. Bangi: UKM.
- Azat Khairi. (2011). Konsep 1Malaysia dan Cabaran Pelaksanaannya ke Arah Pemantapan Perpaduan Sebuah Negara Bangsa. Sociohumanika.
- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. Jurnal Melayu, 160-175.
- Ezhar Tamam & Madiha Hashmi. (2015). Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: the role of interethnic interaction and intercultural sensitivity. International Journal of Adolescence and Youth DOI: 10.1080/02673843.2015.1024697.
- Hamidah Abd Rahman, Norlin Ahmad & Nor Akmar Nordin. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). January 2011 Jurnal Teknologi 54(1) DOI:10.11113/jt.v54.99
- Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional (JPNIN). (2013). Kajian Sistem Pemantauan Hubungan Etnik di Malaysia. Bangi: Selangor
- Kamus Dewan (4th. ed). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.Saunders, P.Lewis dan A.Thornhill. (2007). Research methods for business students, 4th edition. London: Prentice Hall.
- Mansor Mohd Noor, Azlina Abdullah dan Mohd Mahadee Ismail. (2016). Mengurus dan Memahami Hubungan Etnik di Universiti Awam Malaysia. Research Journal of Social Sciences (3), 59-65.
- Mohd Rizal Mohd Said & Thay Cheow Yin. (2012). Tahap Hubungan Etnik: Kajian di Kalangan Pelajar yang Mengikuti Kursus Sarjana Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), sesi Pengajian 2007-2008, Semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, 6 (Jun), 59-72.

- Mohd Syariefudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & Faridah Binti Che Husain. (2017). Konsep Komuniti dan Perkembangannya : Satu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya. *Journal of Science Social and Humanities* : Vol. 12, No. 3 (2017), 022 ISSN: 1823-884x.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Londong: Prentice Hall International.
- Ramlee Mustapha, Norzaini Azman, Faridah Karim, Abdul Razak Ahmad, Maimun Aqsha Lubis. (2009). Social Integration among Multiethnic Students at Selected Malaysian Universities in Penisular Malaysia: A Survey of Campus Social Climate. *AJTLHE*, 1(1), 35-44.
- Rohaty Mohd. Majzub, Salasiah Hashim & Elis Johannes, H.S. (2011). Cultural awareness among preschool teachers in Selangor, Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 15, 1573-1579.
- Tony Blackshaw. (2010). *The Concept in Community Studies*. London: Sage Publication.

#### **Ethnomathematics 4.0 : Hypothetical Learning Trajectory in Making Mathematics Learning Videos Based on Indonesian Culture**

Abdul Aziz<sup>1,a)</sup>, Iswahyudi Joko Suprayitno<sup>1,b)</sup>

<sup>1</sup>Mathematics Education, Universitas Muhammadiyah Semarang, Jl.Kedungmundu Raya No.22 Semarang, Central Java 50273, Indonesia

<sup>a)</sup>Corresponding author: [abdulaziz@unimus.ac.id](mailto:abdulaziz@unimus.ac.id)

<sup>b)</sup> [iswahyudi@unimus.ac.id](mailto:iswahyudi@unimus.ac.id)

**Abstract.** Design research has focused on student learning trajectories. This research was conducted to determine the hypothetical learning trajectory in making learning videos with ethnomathematical concepts. The method in this research is design research with preliminary design steps, experimental design and retrospective analysis. The subjects in this study were prospective mathematics teachers who had carried out educational internships and some participated in the campus program teaching the ministry of education and culture of the Republic of Indonesia. The result of this research is a hypothetical learning trajectory



design in making learning videos using ethnomathematical concepts with learning trajectories, namely how prospective teachers produce learning videos using regional cultures that are adopted into mathematical concepts. The activities carried out in this research consist of analysis, designing, testing, and producing. From the four activities, the term ethnomathematics 4.0 appears which represents the use of culture-based mathematics learning media using technology. Through ethnomathematics learning videos, culture-based mathematical concepts can be accessed by anyone and at any time with the digitalization system which is the pillar of the industrial revolution 4.0

## **INTRODUCTION**

Stacey (2011) explains that Indonesian students have not been able to apply mathematical concepts in solving mathematical problems in the form of projects and related to everyday life, even though Indonesia has a diversity of cultures that can be used for project-based learning. One of the causes of the mathematics learning process in schools tends to be taught only practical formulas and has not connected mathematics with culture and daily activities (Arisetyawan, Suryadi, Herman, & Rahmat, 2014; Nurhasanah, Kusumah, & Sabandar, 2017; Widodo, Purnami, , & Prahmana, 2017). The application and development of mathematical concepts based on problems in everyday life is part of the student learning process (Tanujaya, Prahmana, & Mumu, 2017; Wahyu, Amin, & Lukito, 2017) which is rarely done.

Sembiring (2010) explains that the problems of learning mathematics that have not been connected with everyday life have finally motivated Indonesian mathematics educators to find learning methods that are oriented towards technical abilities towards reforming mathematics education based on problem solving in everyday life, especially through culture, because mathematics is seen as a cultural construction, therefore mathematics is a representation of cultural development (Rosa & Orey, 2007). There needs to be a learning method that accommodates this. The intended learning method is Indonesian Realistic Mathematics Education (PMRI) which is the result of adaptation of Realistic Mathematics Education (RME) and has been harmonized with the conditions of culture, geography and the lives of Indonesian people in general (Soedjadi, 2007 ).

Through realistic mathematics education, it can be seen that Mathematics is knowledge that is inherent in life activities, where every activity cannot be separated from mathematical activities (Nurhasanah, Kusumah, & Sabandar, 2017; Prahmana, Zulkardi, & Hartono, 2012), so that the reform of realistic mathematics education implemented on the basis of two components, namely first, the ability of teachers to create a problem-oriented classroom culture and invite students to interactive learning and secondly, to design learning activities that can encourage the rediscovery of mathematics (Gravemeijer, 2010). In addition, the development of PMRI in Indonesia is carried out by conducting research that aims to improve learning practices in the classroom through interactive analysis of what will happen in the classroom and its implementation (Risdiyanti and Prahmana, 2018), the research is design research (Risdiyanti and Prahmana, 2018). Gravemeijer, 1994a; Gravemeijer & Cobb, 2006).

## **INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0 AND EDUCATION**

The Industrial Revolution 4.0 is a phenomenon that combines cyber technology and automation technology. The Industrial Revolution 4.0 is known as the "cyber physical system". The implementation concept is centered on automation assisted by information technology in the application process, so that the involvement of human labor in the process can be reduced. Thus, the effectiveness and efficiency of a work

environment can automatically increase. In education, this has a significant impact on the quality of learning and the time and cost of teaching and learning activities.

There is a shift in the field of education that adapts to the era of the industrial revolution 4.0. Educators in the 4.0 era have the characteristics of directed learning and long life learning (Pratidhina, 2020). Learning resources in the 4.0 era are also very diverse and can be accessed via the internet to facilitate directed learning and long life learning. Not only aspects of directed learning and long life learning. Education in the 4.0 era is also required to adapt from aspects of curriculum construction, improvement of teacher competencies and skills, and involvement of technology into the learning process.

## **RESEARCH METHODS**

The research method used in this research is design research. This study aims to improve learning practices in the classroom through interactive analysis of what will happen in the classroom and its implementation (Gravemeijer, 1994b; Gravemeijer & Cobb, 2006). Prahmana (2017) describes design research as an appropriate method for developing solutions (solutions) based on appropriate research to develop or validate a theory about the learning process and the like.

Design research is also interpreted as a method that aims to develop Local Instructions Theory by collaborating between researchers and teachers in improving the quality of learning (Gravemeijer & Eerde, 2009). The following are the stages of the research carried out, referring to the design research stages proposed by Prahmana (2017):

### **1. Phase I: Preliminary Design**

The preliminary design stage aims to develop a sequence of learning activities and design instruments to evaluate the learning process. In this study, a literature review was conducted on junior and senior high school mathematics, Indonesian Realistic Mathematics Education, and analysis of mathematical material in the Indonesian mathematics curriculum, and studied several regional cultures that have relevance to mathematical concepts so that a conjecture or conjecture can be formed. students think.

In addition, at this stage a Hypothetical Learning Trajectory (HLT) is designed which will be formulated into learning objectives and tools to assist teaching and learning activities. In this case, the conjecture functions as a guide that appears and develops in every learning activity and is flexible and can be revised during the experimental stages.

### **2. Phase II: Design Experiment**

The experimental design stage is to try out the trajectory of making learning videos designed during the lecture process. This stage aims to explore and predict the strategies and thoughts of prospective mathematics teachers during the actual lecture process. The stages in the experimental design are divided into 2 stages, namely the stages of designing and testing.

### **3. Phase III: Retrospective Analysis (Retrospective Analysis)**

At this stage, the conjectures in the HLT are compared with the results from the experimental design stage. The results of this analysis can produce a description of the learning trajectory in the process of making learning videos using ethnomathematical concepts.

## RESULTS AND DISCUSSION


The results obtained in this study are in the form of an HLT design in which there is a learning trajectory in making learning videos using ethnomathematical concepts as the first step in learning in the era of the industrial revolution 4.0 based on regional culture. In this chapter, the researcher explains the data or results obtained from each stage of the research as follows:

### A. Analysis

#### Preliminary Design


In the preliminary design stage, the researcher implemented the initial idea about the use of ethnomathematical contexts in mathematics learning videos at the junior high or high school level. This ethnomathematics was chosen as the learning video content because it is relevant to the goals of realistic mathematics education applied in the era of the industrial revolution 4.0. Ethnomathematical considerations are used as content for learning mathematics because ethnomathematics appears as a result of cultural developments based on the use of mathematical concepts (Barta and Shockey, 2006).

The development of HLT in every video-making activity is the most important part in designing video production activities produced by prospective mathematics teachers. The design is inseparable from the learning trajectory which contains a learning plan from the concepts being taught. In this case, the learning trajectory is a concept map that will be passed by prospective teachers in making ethnomathematical learning videos. The learning trajectory used in this study is an understanding of junior or senior high school mathematics materials using the context of regional culture, then after that, it is further deepened regarding the understanding of the relationship between these cultures and mathematics material as the process of making learning videos using cultural context, after reaching an understanding and knowing the relationship between the culture of the area studied and the mathematics material, the next step is to carry out a pre-production step to finalize the video made by analyzing several research studies on ethnomathematics that are in accordance with the culture used as learning video content. This step needs to be done to emphasize that the culture raised has a correlation with mathematical material.



**Picture 1. Learning Trajectory Pembuatan Video Pembelajaran Etnomatematika**

A collection of activities for making ethnomathematical learning videos based on a learning trajectory and the thinking results of prospective mathematics teachers are hypothesized in HLT. It aims to achieve an understanding of prospective mathematics teachers on the material to be discussed through their local culture. The relationship between learning paths, activities and rotational learning achievements designed to become HLT can be seen in Picture 2.



**Picture 2. HLT Design in Making Ethnomathematical Learning Videos**

Based on the HLT that has been designed, the conjecture of making learning videos can be obtained which can be seen in Table 1.

Stage	Activities	Description	Conjecture
Ethnomathematics Study	1	Examine the meaning of ethnomathematics	Prospective teachers know the ethnomathematical explanation
Knowing the relationship between material and mathematics culture	2	Understand the material in accordance with the local culture	Prospective teachers can bring up mathematical material contained in regional culture
Believing in the relevance of mathematics material to the local culture that is uplifting	3	Reviewing several studies that are relevant to the resulting video	Prospective mathematics teachers know other cultural elements or math materials that are in line with the learning videos that will be produced

## B. Designing

After knowing the idea about the content of the learning video, then the prospective teacher will design the aspects in the learning video. These aspects are related to the preproduction process of learning videos about ethnomathematics, including:

1. An explanation of the regional culture raised in the video
2. Mathematical concepts embedded in the culture
3. Examples of questions and discussion of mathematical material related to culture

### C. Experimenting

#### Design Experiment and Analysis Retrospective (Retrospective Analysis)

At this stage the researcher conducted an experiment on the trajectory of making learning videos that had been designed for several prospective teachers. Then, the researcher conducted a retrospective analysis of the experimental results obtained in the experimental design stage. There are 3 activities that are carried out in the experimental design stage and are classified into several stages, namely activities in the comparison, implementation and development stages as follows:

##### a. Comparison Stage

At this stage, the activities carried out by prospective teachers compare the material and culture that will be used as learning video content with similar studies that have been carried out. From this, prospective teachers can find out the concept of material that is adapted to local culture.

##### b. Implementation Stage

After knowing the concept of video content, a pre-learning video is then made to be tested on junior high or high school students whose material is in accordance with the level students are learning

##### c. Development Stage

From the results of product trials, there were several inputs from students related to the learning videos made. This input is in the form of several explanations from the video that are still difficult for students to understand, because in making learning videos for the material being taught using the point of view of prospective teachers, not students. Therefore, the development and improvement of the content of the learning video is carried out so that it can be understood by students.

### D. Producing

Based on the steps that have been implemented, the next step is to produce an ethnomathematics-based learning video. From the beginning to the end in the form of a video, all stages are carried out using e-learning in Figure 3



Picture 3. E learning video pembelajaran etnomatematika

## CONCLUSIONS AND SUGGESTIONS

The results of this study indicate that in making learning videos, especially using local contexts such as regional culture or traditional games that are easily found in daily activities, so that both prospective teachers and students can teach and understand mathematical concepts easily, fun, close to daily activities. student day and reachable by the student's imagination.

This research is in line with the reform of mathematics education that has been launched by Indonesian mathematics educators through the Indonesian Realistic Mathematics Education (PMRI) to create activity-oriented learning methods that involve active student contributions in the learning process, oriented to problem solving in everyday life. and oriented towards the rediscovery of mathematical concepts (Hadi, 2016; Sembiring et al., 2010; Soedjadi, 2007).

In addition, several researchers have also made mathematics learning designs using the PMRI approach such as reflection learning designs using batik motifs (Novrika, Ilma, & Putri, 2016), number operations learning designs using pictorial pat games (Prahmana, 2012), KPK learning designs using the rotating pat game (Prahmana, 2010), the measurement learning design using the catfish peg game (Wijaya, 2008), the number operation learning design using the one house game (Nasrullah & Zulkardi, 2011). Therefore, the role taken from the results of this study is to add to the study of mathematics learning design, namely the learning design of making learning videos about ethnomathematical concepts.

## REFERENCES

- Arisetyawan, A., Suryadi, D., Herman, T., & Rahmat, C. (2014). Study of Ethnomathematics : A lesson from the Baduy Culture. *International Journal of Education and Research*, 2(10), 681–688.
- Barta, J., & Shockey, T. (2006). The mathematical ways of an aboriginal people. *The Northern Ute. Journal of Mathematics and Culture*, 1(1), 79-89.
- Gravemeijer, K. (1994a). *Developing Realistic Mathematics Education*. Utrecht: Technipress, Culemborg.
- Gravemeijer, K. (1994b). Educational Development and Developmental Research in Mathematics Education. *Journal for Research in Mathematics Education*, 25(5), 443– 471.
- Gravemeijer, K. (2010). Realistic mathematics education theory as a guideline for problem- centered, interactive mathematics education. In *A decade of PMRI in Indonesia*. Bandung, Utrecht: APS International.
- Gravemeijer, K., & Cobb, P. (2006). *Design Research from a Learning Design Perspective*. Educational design research.
- Gravemeijer, K., & Eerde, D. van. (2009). Design Research as a Means for Building a Knowledge Base for Teachers and Teaching in Mathematics Education. *The Elementary School Journal*, 109(5), 510–524.
- Hadi, S. (2016). *Pendidikan Matematika Realistik*. Jakarta: Rajawali Press

- Pratidhina, E. (2020) 'Education 4 . 0 : Pergeseran pendidikan sebagai konsekuensi revolusi industri 4 . 0', 20(1), pp. 1–12. doi: 10.21831/hum.v20i1.29290.1-12.
- Risdiyanti, I. and Prahmana, R. C. I. (2018) 'Desain Hypothetical Learning Trajectory Dalam Pembelajaran Rotasi Menggunakan Motif Batik Kawung', Prima: Jurnal Pendidikan Matematika, 2(1), p. 19. doi: 10.31000/prima.v2i1.411.
- Nasrullah, & Zulkardi. (2011). Building Counting by Traditional Game: A Mathematics Program for Young Children. Indonesian Mathematical Society Journal on Mathematics Education, 2(1), 41–54.
- Novrika, D., Ilma, R., & Putri, I. (2016). Menggunakan Motif Kain Batik untuk Siswa Kelas VII. In Prosiding Seminar Matematika dan Pendidikan Matematika (pp. 607–626). Surakarta.
- Nurhasanah, F., Kusumah, Y. S., & Sabandar, J. (2017). Concept of Triangle : Examples of Mathematical Abstraction in Two Different Contexts. IJEME - International Journal on Emerging Mathematics Education, 1(1), 53–70. <https://doi.org/DOI: http://dx.doi.org/10.12928/ijeme.v1i1.5782>
- Prahmana, R.C.I, Zulkardi, & Hartono, Y. (2012). Learning multiplication using Indonesian traditional game in third grade. Journal on Mathematics Education, 3(2), 115-132.
- Prahmana, R. C. I. (2010). Batu, Permen, dan Berbagi yang Adil. Majalah PMRI, 8(3), 38– 41.
- Prahmana, R. C. I. (2012). Pendesainan pembelajaran operasi bilangan menggunakan permainan tradisional tepuk bergambar untuk siswa Kelas III Sekolah Dasar (SD). Universitas Sriwijaya.
- Prahmana, R. C. I. (2017). Design research (Teori dan implementasinya: Suatu pengantar). Jakarta: Rajawali Press.
- Rosa, M., & Orey, D. C. (2007). Cultural assertions and challenges towards pedagogical action of an ethnomathematics program. For the Learning of Mathematics, 27(1), 10-16.
- Sembiring, R., Hoogland, K., & Dolk, M. (Eds.). (2010). A decade of PMRI in Indonesia. Bandung, Utrecht: APS International.
- Soedjadi, R. (2007). Inti Dasar-dasar Pendidikan Matematika Realistik Indonesia. Jurnal Pendidikan Matematika, 1(2), 1–10.
- Stacey, K. (2011). The PISA view of mathematical literacy in Indonesia. Indonesian Mathematical Society Journal on Mathematics Education, 2(2), 95–126.

- Tanujaya, B., Prahmana, R. C. I., & Mumu, J. (2017). Mathematics instruction, problems, challenges and opportunities: A case study in Manokwari Regency, Indonesia. *World Transactions on Engineering and Technology Education*, 15(3), 287–291.
- Wahyu, K., Amin, S. M., & Lukito, A. (2017). Motivation cards to support students' understanding on fraction division. *International Journal on Emerging Mathematics Education*, 1(1), 99–120. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.12928/ijeme.v1i1.5760>
- Widodo, S. A., Purnami, A. S., & Prahmana, R. C. I. (2017). Team accelerated instruction, initials, and problem-solves ability in junior high school. *International Journal on Emerging Mathematics Education*, 1(2), 193–204. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.12928/ijeme.v1i2.6683>
- Wijaya, A. (2008). *Design Research in Mathematics Education*. Utrecht University.

## **Kepelbagaian Budaya Mahasiswa di Universiti Awam Malaysia: Permasalahan dan Penyesuaian**

Samsudin Suhaili, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Yazid Saleh, Nasir Nayan,  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
[samsudin@fsk.upsi.edu.my](mailto:samsudin@fsk.upsi.edu.my)*

### **Abstrak**

Makalah ini mengetengahkan permasalahan dan penyesuaian kepelbagaian budaya dalam kalangan mahasiswa universiti awam Malaysia (UA). Responden kajian adalah terdiri daripada 330 mahasiswa yang



terdiri daripada pelbagai latar budaya dan berada dalam semester tiga dan ke atas. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik skala Likert 5 mata yang terdiri daripada 30 item soalan berasaskan kriteria kepelbagaian budaya. Didapati nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach item berada pada klasifikasi tinggi iaitu melebihi 0.7. Dalam kriteria kepelbagaian budaya menunjukkan tahap penyesuaian bahasa, gender dan agama pada tahap purata tinggi, kriteria keupayaan mental dan fizikal dan etnik berada pada tahap purata sederhana manakala kriteria status sosio-ekonomi berada pada tahap purata rendah. Bagi permasalahan kepelbagaian budaya pula, keenam-enam kriteria menunjukkan tahap purata rendah. Amnya, kriteria status sosio-ekonomi perlu dititikberatkan memandangkan nilai tahap kriteria masih rendah terutama dalam aktiviti mahasiswa di peringkat UA. Tahap permasalahan adalah rendah iaitu hampir tiada permasalahan kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar UA.

Kata kunci: kepelbagaian budaya, mahasiswa, Universiti Awam, Malaysia

### **Pengenalan**

Kepelbagaian kaum di Malaysia mewujudkan pelbagai corak sosio-budaya iaitu ialah amalan gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat, lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam pelbagai bidang hidup, untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat itu. Kepelbagaian budaya didasari oleh prinsip dan konsep negara bangsa yang menekankan serantau, kesatuan linguistik, dan budaya. Ia telah diterima sebagai respons kepada pengurusan negara dengan memasukkan kepelbagaian budaya dalam masyarakat politik (Journet, 2009; Kastoryano, 2009).

Kepelbagaian budaya merupakan ciri istimewa yang wujud di Malaysia lahir daripada rakyat berbilang agama dan bangsa. Maka, kepelbagaian budaya ini sangat ditekankan apabila menjadi satu daripada enam aspirasi sistem pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Aspirasi sistem ini menyatakan “sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian” (Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025; hlm: 21). Usaha ini bertujuan melahirkan rakyat yang merasa bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia walaupun lahir daripada etnik, agama atau status ekonomi yang berbeza. Pembentukan identiti nasional ini akan mewujudkan masyarakat Malaysia yang saling faham memahami, bersatu padu ke arah masyarakat yang harmoni (Shamsul, 2012).

Kepelbagaian budaya tidak lari dengan perpaduan dan integrasi nasional yang merupakan agenda utama yang menjadi tumpuan kepimpinan negara sejak awal kemerdekaan lagi. Pelbagai slogan, moto dan cogan kata serta program telah dianjurkan bertujuan mengeratkan perpaduan dan hubungan antara kaum melalui pelbagai dasar yang direncana (Sarjit & Charanjit, 2010). Menurut Ding (2005), perpaduan negara yang berkait erat dengan keselamatan dan juga yang boleh menentukan pembangunan negara adalah asas kepada pengekaln kemakmuran kita bersama. Oleh sebab itu, setiap rakyat Malaysia dikehendaki memainkan peranan aktif dan positif sebagai ejen dalam mengurangkan konflik antara kaum di satu pihak dan meningkatkan perpaduan negara di satu pihak yang lain.

Penilaian kepelbagaian budaya secara asasnya dapat dilihat melalui enam kriteria iaitu etnik, agama, bahasa, gender, status sosioekonomi dan keupayaan mental dan fizikal (Banks & Banks, 2016). Setiap kriteria ini mempunyai kumpulan-kumpulan tersendiri seperti kumpulan etnik Melayu, Cina dan India di bawah kriteria etnik dan kumpulan agama Islam, Buddha dan Hindu di bawah kriteria agama yang

kemudiannya membentuk satu masyarakat Malaysia. Dari konteks pendidikan, menurut Riojas et al. (1996) empat peringkat kesedaran mengenai kepelbagaian budaya melalui pendidikan adalah penerokaan identiti etnik, perkembangan pengetahuan dalam penguasaan bahasa dan literasi, penghalusan dalam cara pengajaran dan pembelajaran budaya dan pemilihan gaya mengajar.

Maka, untuk mengkaji kepelbagaian budaya rakyat Malaysia, penelitian yang khusus terhadap kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia itu perlu dilakukan dengan cermat dan mendalam dengan melibatkan semua peringkat umur. Setiap peringkat umur akan memainkan peranan yang berbeza dalam pembinaan negara bangsa. Justeru, penelitian artikel ini lebih tertumpu kepada penelitian kepelbagaian budaya dalam konteks pendidikan dalam kalangan mahasiswa Universiti Awam di Malaysia yang merupakan aset bangsa dan negara.

### **Ruang Budaya dalam Pendidikan Kepelbagaian Budaya di Malaysia**

Pendidikan kepelbagaian budaya adalah merupakan idea, gerakan pembaharuan pendidikan, dan proses yang matlamat utamanya adalah mengubah struktur pendidikan institusi untuk kesamarataan jantina, kelainan upaya, kepelbagaian kaum, etnik, bahasa dan budaya dalam pendidikan (Bank & Bank, 2001). Selain itu, Ladson-Billings (1995) pula mentakrifkan pendidikan kepelbagaian budaya sebagai mengamalkan budaya yang responsif. Nieto (2004) pula mendefinisikan pendidikan kepelbagaian budaya sebagai "antirasisme pendidikan" yang merupakan proses yang penting untuk semua pelajar. Pendidikan ini juga bercirikan pembelajaran melalui pengalaman, aktiviti pengalaman kreatif dan hubungan dengan masyarakat setempat. Setiap individu mempunyai 'ruang budaya' tersendiri di mana ia boleh memahami jejak kehidupan orang sekeliling hasil hubungan antara manusia dan manusia serta persekitaran melalui ekspresi kehidupan (Park, 2012). Selain itu, Choi (2009) mendefinisikan pelbagai ruang budaya sebagai ruang di mana pelbagai budaya bertebaran dan menghasilkan fenomena pelbagai budaya.

Menurut Choi (2009), ciri-ciri ruang budaya adalah yang pertama mempunyai ruang kepelbagaian budaya yang membawa fenomena yang berkaitan dengan pertukaran budaya dan kewujudan bersama. Ruang budaya adalah pentas untuk pertukaran budaya yang dibentuk oleh pergerakan sejarah manusia dan budaya (Keith, 2005). Kedua, ruang budaya berkenaan dengan dasar dan rancangan pertukaran budaya dan pencampuran yang menyebarkan secara global dan tempatan. Ketiga, ruang budaya merangkumi etika normatif dan cita-cita demokrasi yang mengandaikan pengiktirafan kepelbagaian budaya. Ruang kepelbagaian budaya adalah ruang pengiktirafan yang mengiktiraf budaya kepelbagaian anggotanya.

Dalam konteks negara Malaysia yang merupakan sebuah negara yang mana masyarakatnya bersifat majmuk menimbulkan perbezaan antara etnik dari segi budaya dan agama serta mempunyai ruang budaya. Namun, setiap orang diberi kebebasan beragama dan berbudaya (Nazri, Nik Yusri & Ahmad Hidayat, 2011). Dalam politik, pemilihan pemimpin ditentukan oleh pilihan raya yang memberi pengiktirafan keadilan kepada rakyat. Dari segi ekonomi, pengenalan dasar-dasar pembangunan negara seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Negara, Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Kebajikan Negara telah mengambil kira pandangan masyarakat walaupun bangsa Melayu mendapat kedudukan istimewa seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 153 (Syed Othman, 2007).

Pendidikan kepelbagaian budaya dapat dilihat melalui usaha Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kurikulum yang sentiasa menambah baik sukatan pelajaran berkaitan kenegaraan, sivik dan sejarah di sekolah untuk mengukuhkan nilai perpaduan masyarakat dalam kalangan pelajar (Samsudin, 2016). Ini adalah selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bagi melahirkan

masyarakat Malaysia yang mempunyai semangat cintakan negara, perpaduan dan penyayang, pemupukan nilai patriotisme dan kesedaran pelbagai perlulah diterapkan sejak awal persekolahan. Ini kerana patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sendiri. Seseorang itu dianggap berjiwa patriot apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar, 2002).

Di peringkat institusi pengajian tinggi, pada tahun 2007, Kementerian Pendidikan telah mewajibkan semua Universiti Awam dan diikuti dengan Institut Pengajian Tinggi Swasta menjadikan Modul Hubungan Etnik sebagai subjek wajib (Siti Shariyah, Junaidi & Mohd Fuad, 2017). Subjek wajib ini mempunyai nilai tambahnya yang tersendiri kerana bukan sahaja para pelajar dinilai menerusi pengetahuan dalam kelas serta kemahiran dalam isu-isu semasa Malaysia malah ianya merupakan suatu ciri dalam pembinaan warganegara yang ideal (Robiah & Zahara, 1992). Subjek kenegaraan seperti subjek Hubungan Etnik merupakan alat bagi sosialisasi politik kepada pelajar. Sehubungan itu, ia mengutamakan pengetahuan tentang sejarah negara, sistem kerajaan, prinsip asas perlembagaan, prosedur kerajaan dan hal-hal perundangan. Usaha ini adalah bertepatan dengan objektif negara bagi memastikan warganegaranya mempunyai pendidikan politik supaya Malaysia dapat mencapai status negara maju menjelang 2020 dengan peratusan literasi politik yang tinggi.

Justeru dalam usaha mewujudkan masyarakat yang berliterasi politik yang tinggi, usaha dan strategi mendekati fenomena ini perlu sentiasa diperbaharui dan diubahsuai agar menepati isi mahupun keperluan semasa masyarakat pelbagai budaya di negara ini. Kajian mengenai pendidikan kepelbagaian ruang budaya dalam kalangan pelajar Universiti Awam di Malaysia haruslah meliputi elemen kepelbagaian budaya itu sendiri serta mengkaji isu dan permasalahan yang berlaku pada masa kini.

## Metodologi

### Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan melibatkan instrumen soal selidik. Kajian dijalankan ke atas mahasiswa Universiti Awam (UA) Malaysia yang terdiri daripada 20 buah UA seluruh Malaysia di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan secara khususnya menjalankan dasar-dasar yang telah digariskan oleh pihak kementerian. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan dua syarat dalam pemilihan sampel kajian yang telah ditetapkan iaitu perlunya sampel terdiri daripada pelbagai latar budaya dan merupakan mahasiswa semester tiga dan ke atas. Dua syarat ini adalah bagi memastikan kepelbagaian budaya dalam masyarakat Malaysia digambarkan melalui sampel kajian ini di samping perlunya memastikan mahasiswa yang dipilih sudah menyesuaikan diri dengan suasana di universiti. Oleh hal yang demikian, sampel kajian secara langsung dipilih menerusi pelajar-pelajar yang berada dalam Majlis Perwakilan Pelajar UA agar dapat menepati syarat pensampelan ini (Jadual 1).

**Jadual 1. Bilangan Responden Kajian**

Zon	Universiti Awam (UA)	Bilangan Sampel	Peratus
Zon Utara	Universiti Utara Malaysia	19	5.76
	Universiti Malaysia Perlis	22	6.67
	Universiti Sains Malaysia	20	6.06

Zon Tengah	Universiti Pendidikan Sultan Idris	20	6.06
	Universiti Malaya	17	5.15
	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	16	4.85
	Universiti Teknologi Mara	25	7.58
	Universiti Kebangsaan Malaysia	26	7.88
	Universiti Putra Malaysia	16	4.85
	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	17	5.15
	Universiti Sains Islam Malaysia	11	3.33
	Zon Selatan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	14
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia		5	1.52
Universiti Teknologi Malaysia		10	3.03
Zon Pantai Timur	Universiti Malaysia Terengganu	13	3.94
	Universiti Sultan Zainal Abidin	18	5.45
	Universiti Malaysia Kelantan	12	3.64
	Universiti Malaysia Pahang	18	5.45
Zon Borneo	Universiti Malaysia Sarawak	11	3.33
	Universiti Malaysia Sabah	20	6.06
<b>Jumlah</b>		<b>330</b>	<b>100</b>

## Instrumen Kajian

Soal selidik telah dibina dengan membahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, latar belakang responden. Manakala Bahagian B adalah berkenaan dengan soalan berdasarkan enam kriteria pelbagai budaya Banks dan Banks (2016) adalah iaitu etnik, bahasa, agama, gender, status sosio-ekonomi serta keupayaan mental dan fizikal yang mempunyai lima item masing-masing. Bahagian C pula adalah berkenaan dengan soalan permasalahan kepelbagaian budaya iaitu merangkumi masalah dalam etnik, bahasa, agama, gender, status sosio-ekonomi serta keupayaan mental dan fizikal (Jadual 2).

**Jadual 2.** Instrumen Kajian

Bahagian	Huraian	Pemboleh ubah	Bilangan Item	Sumber Item
A	Latar Belakang Responden	Umur	4	Dibina sendiri mengikut keperluan kajian
		Jantina	2	
		Etnik	4	
		Agama	5	
		Program Pengajian	4	
		Bidang Pengajian	8	
		Semester Pengajian	7	

		Pendapatan Isi Rumah	6	
B	Kepelbagaian budaya	Kriteria Bahasa	5	Dibina dan diubah suai daripada Banks dan Banks (2016)
		Kriteria Ekonomi	5	
		Kriteria Keupayaan Mental dan Fizikal	5	
		Kriteria Gender	5	
		Kriteria Agama	5	
		Kriteria Etnik	5	
		Kriteria Bahasa	21	
		Kriteria Ekonomi	21	
C	Permasalahan dalam Kepelbagaian budaya	Kriteria Keupayaan Mental dan Fizikal	21	Dibina dan diubah suai daripada Banks dan Banks (2016)
		Kriteria Gender	20	
		Kriteria Agama	21	
		Kriteria Etnik	21	
		Kriteria Bahasa	21	

### Kebolehpercayaan Instrumen

Jadual 3 menunjukkan kebolehpercayaan elemen bagi pemboleh ubah dan kriteria dengan nilai Alpha Cronbach yang mengukur kekonsistenan dalaman pemboleh ubah. Mengikut Babbie (1992), nilai Alpha Cronbach diklasifikasikan berdasarkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan dimana nilai 0.90-1.00 adalah sangat tinggi, 0.70-0.89 adalah tinggi, 0.30-0.69 adalah sederhana dan 0.00-0.30 adalah rendah. Hasil analisis menunjukkan nilai Alpha Cronbach pada klasifikasi tinggi dan sangat tinggi iaitu melebihi 0.70. Instrumen kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi mengikut klasifikasi Babbie (1992).

**Jadual 3.** Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian

Pemboleh Ubah	Kriteria	Bilangan Item	Alpha Cronbach
Kepelbagaian budaya	Kriteria Bahasa	5	.743
	Kriteria Ekonomi	5	.867
	Kriteria Keupayaan Mental dan Fizikal	5	.787
	Kriteria Gender	5	.889
	Kriteria Agama	5	.826
	Kriteria Etnik	5	.881
	Kriteria Bahasa	21	.977

	Kriteria Ekonomi	21	.985
Permasalahan dalam	Kriteria Keupayaan Mental dan Fizikal	21	.979
Kepelbagaian budaya	Kriteria Gender	20	.977
	Kriteria Agama	21	.983
	Kriteria Etnik	21	.979

## Dapatan Kajian

### Latar Belakang Responden

Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 330 orang mahasiswa yang terdiri daripada 165 orang lelaki dan 165 orang perempuan merangkumi 267 orang etnik Melayu, 26 orang etnik Cina, 11 orang etnik India dan 26 orang etnik Sabah Sarawak. Daripada 330 orang responden itu juga, 287 orang mahasiswa adalah beragama Islam, 19 beragama Buddha, 15 beragama Kristian manakala sembilan orang beragama Hindu. Berdasarkan pecahan pendapatan isi rumah pula, responden kajian adalah terdiri daripada keluarga berpendapatan isi rumah kelas B40 dan M40. Pendapatan isi rumah B40 adalah keluarga berpendapatan RM3000 dan ke bawah manakala M40 adalah keluarga berpendapatan RM6275 dan ke bawah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Pendapatan B40 menunjukkan peratusan lebih 50 peratus daripada keseluruhan responden kajian (Jadual 4).

**Jadual 4.** Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden		N	%
Jantina	Lelaki	165	50.0
	Perempuan	165	50.0
	<b>Jumlah</b>	<b>330</b>	<b>100</b>
Agama	Islam	287	87.0
	Buddha	19	5.8
	Kristian	15	4.5
	Hindu	9	2.7
	<b>Jumlah</b>	<b>330</b>	<b>100</b>
Kaum	Melayu	267	80.9
	Cina	26	7.9
	India	11	3.3
	Etnik Sabah/Sarawak	26	7.9
	<b>Jumlah</b>	<b>330</b>	<b>100</b>
Pendapatan Isi Rumah	B40	179	54.2
	M40	151	45.8
	<b>Jumlah</b>	<b>330</b>	<b>100</b>

### Tahap Kepelbagaian budaya Pelajar Universiti Awam di Malaysia

Tahap kepelbagaian budaya pelajar universiti awam di Malaysia dikenal pasti melalui nilai min, sisihan piawai dan tahap. Pengkategorian tahap dilakukan berdasarkan skala oleh Landell (1997) seperti dalam

Jadual 4. Skor 1.00 – 2.33 berada pada kategori tahap rendah, skor 2.34-3.66 berada pada kategori tahap sederhana dan skor 3.67-5.00 berada pada kategori tinggi (Jadual 5).

**Jadual 5.** Cut Off Point Tahap Setiap Pemboleh Ubah Kajian

Skala	Kategori Tahap
Skor 1.00 – 2.33	Rendah
Skor 2.34-3.66	Sederhana
Skor 3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Landell, 1997

Jadual 6 menunjukkan tahap kepelbagaian budaya pelajar universiti awam di Malaysia yang dipecahkan kepada enam kriteria iaitu bahasa, status sosio ekonomi, keupayaan mental dan fizikal, gender, agama dan etnik. Bagi tahap kepelbagaian budaya pelajar universiti awam di Malaysia secara keseluruhannya menunjukkan pada tahap sederhana dengan nilai  $M=3.55$  dan  $SP=.509$ . Bagi kriteria bahasa ( $M=3.71$ ,  $SP=.682$ ), gender ( $M=3.92$ ,  $SP=.880$ ) dan agama ( $M=4.34$ ,  $SP=.617$ ) menunjukkan tahap purata tinggi bagi ketiga-tiga kriteria manakala bagi kriteria keupayaan mental dan fizikal ( $M=3.33$ ,  $SP=.745$ ) dan etnik ( $M=3.57$ ,  $SP=.885$ ), menunjukkan tahap purata sederhana bagi kedua-dua kriteria. Seterusnya yang terakhir bagi kriteria status sosio ekonomi, dapatan menunjukkan tahap kriteria ini adalah pada tahap rendah dengan nilai  $M=2.44$  dan  $SP=.943$ . Ini menunjukkan bahawa kriteria status sosio ekonomi perlu dititikberatkan di peringkat pendidikan tinggi selaras dengan konsep pembangunan manusia yang menekankan prinsip perkongsian pembangunan dan kesejahteraan manusia (Kiky & Junaenah, 2015).

**Jadual 6.** Tahap Kepelbagaian budaya Pelajar Universiti Awam di Malaysia

Elemen	Tahap Rendah		Tahap Sederhana		Tahap Tinggi		Min	SP	Tahap purata
	N	%	N	%	N	%			
Kepelbagaian budaya Keseluruhan	4	1.2	205	62.1	121	36.7	3.55	.509	Sederhana
• Bahasa	11	3.3	156	47.3	163	49.4	3.71	.682	Tinggi
• Status sosio ekonomi	165	50.0	132	40.0	33	10.0	2.44	.943	Rendah
• Keupayaan mental dan fizikal	26	7.9	203	61.5	101	30.6	3.33	.745	Sederhana
• Gender	15	4.5	105	31.8	210	63.6	3.92	.880	Tinggi
• Agama	1	0.3	49	14.8	280	84.8	4.34	.617	Tinggi
• Etnik	30	9.1	145	43.9	155	47.0	3.57	.885	Sederhana

### Tahap Permasalahan Kepelbagaian budaya Pelajar Universiti Awam di Malaysia

Tahap permasalahan kepelbagaian budaya pelajar universiti awam di Malaysia dikenal pasti melalui nilai min, sisihan piawai dan tahap. Pengkategorian tahap dilakukan berdasarkan skala oleh Landell (1997) seperti dalam Jadual 4 sebelum ini. Jadual 7 menunjukkan tahap kepelbagaian budaya pelajar universiti awam di Malaysia yang dipecahkan kepada enam kriteria iaitu bahasa, status sosio ekonomi, keupayaan mental dan fizikal, gender, agama dan etnik. Bagi tahap permasalahan kepelbagaian budaya pelajar universiti awam di Malaysia secara keseluruhannya menunjukkan pada tahap rendah dengan nilai  $M=1.35$  dan  $SP=.566$ . Dapatan juga menunjukkan bagi keenam-enam kriteria permasalahan menunjukkan tahap purata rendah iaitu permasalahan bahasa ( $M=1.40$ ,  $SP=.633$ ), permasalahan status sosio ekonomi ( $M=1.33$ ,  $SP=.633$ ), permasalahan keupayaan mental dan fizikal ( $M=3.92$ ,  $SP=.880$ ) permasalahan gender ( $M=1.37$ ,  $SP=.617$ ), permasalahan agama ( $M=1.25$ ,  $SP=.572$ ) dan permasalahan etnik ( $M=1.31$ ,  $SP=.592$ ) menunjukkan tahap purata rendah bagi kedua-dua kriteria.

Ini menunjukkan kurang permasalahan kepelbagaian budaya bagi pelajar Universiti Awam di Malaysia bagi keenam-enam kriteria melalui usaha pendidikan. Usaha Kementerian Pendidikan telah mewajibkan semua Universiti Awam dengan menjadikan Modul Hubungan Etnik sebagai subjek wajib dilihat berjaya mengeratkan jurang kepelbagaian etnik dalam kalangan pelajar (Siti Shariyah, Junaidi & Mohd Fuad, 2017). Pendidikan kepelbagaian budaya dapat dilihat melalui usaha Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kurikulum yang sentiasa menambah baik sukatan pelajaran berkaitan kenegaraan, sivik dan sejarah di sekolah untuk mengukuhkan nilai perpaduan masyarakat dalam kalangan pelajar (Samsudin, 2016).

**Jadual 7.** Tahap Permasalahan Kepelbagaian budaya Pelajar Universiti Awam di Malaysia

Elemen	Tahap Rendah		Tahap Sederhana		Tahap Tinggi		Min	SP	Tahap purata
	N	%	N	%	N	%			
Permasalahan Kepelbagaian budaya Keseluruhan	30 6	92.7	24	7.3	0.0	0.0	1.35	.566	Rendah
• Bahasa	23 3	70.6	73	22.1	24	7.3	1.40	.633	Rendah
• Status sosio ekonomi	25 6	77.6	51	15.5	23	7.0	1.33	.633	Rendah
• Keupayaan mental dan fizikal	22 3	67.6	85	25.8	22	6.7	1.41	.631	Rendah
• Gender	23 1	70.0	79	23.9	20	6.1	1.37	.617	Rendah
• Agama	27 2	82.4	40	12.1	18	5.5	1.25	.572	Rendah
• Etnik	25 8	78.2	54	16.4	18	5.5	1.31	.592	Rendah



## Hubungan antara Kepelbagaian budaya dan Permasalahan dalam Kriteria-Kriteria Kepelbagaian budaya

Hubungan kolerasi antara kepelbagaian budaya dan permasalahan dalam kriteria-kriteria kepelbagaian budaya dikelaskan mengikut kekuatan hubungan/korelasi Cohen (1988) yang diinterpretasikan kepada tiga kategori iaitu lemah ( $0.10 < r < 0.29$ ), sederhana ( $0.30 < r < 0.49$ ) dan tinggi ( $0.50 < r < 1.0$ ). (Jadual 8)

**Jadual 8.** Pengelasan Kekuatan Hubungan/Korelasi

Nilai r	Interpretasi Hubungan
0.10 hingga 0.29	Lemah
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.50 hingga 1.0	Kuat

Di mana  $+1.00 < r < -1.00$

Sumber: Cohen (1988)

Jadual 9 menunjukkan hubungan kolerasi antara kepelbagaian budaya dengan permasalahan kriteria-kriteria kepelbagaian budaya iaitu bahasa, status sosio ekonomi, keupayaan mental fizikal, gender dan agama. Secara keseluruhannya jadual menunjukkan setiap permasalahan kriteria-kriteria kepelbagaian budaya mempunyai hubungan signifikan yang lemah dengan kepelbagaian budaya keseluruhan iaitu nilai r yang kurang daripada 0.3,  $p < 0.01$ . Ini menunjukkan bahawa permasalahan dari segi bahasa, status sosio ekonomi, agama dan suku kaum dilihat mempunyai hubungan yang lebih kuat dengan kepelbagaian budaya keseluruhan berbanding gender dan agama selari dengan pendapat Nazri, Nik Yusri & Ahmad Hidayat (2011) yang menyatakan bahawa setiap orang di Malaysia diberi kebebasan beragama dan berbudaya tanpa melihat setiap aspek ini sebagai kekangan dalam kehidupan.

**Jadual 9.** Hubungan Kolerasi antara Kriteria-kriteria Kepelbagaian budaya

Pemboleh ubah	Kepelbagaian budaya Keseluruhan	
	r	p
Permasalahan Bahasa	.247**	.000
Permasalahan Status Sosio Ekonomi	.246**	.000
Permasalahan Keupayaan Mental Fizikal	.196**	.000
Permasalahan Gender	.167**	.000
Permasalahan Agama	.226**	.000
Permasalahan Suku Kaum	.218**	.000

\*\*signifikan pada  $p < 0.01$

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tahap kepelbagaian budaya pelajar Universiti Awam di Malaysia bagi tahap enam kriteria kepelbagaian budaya jelas menunjukkan kriteria bahasa, gender dan agama berada pada tahap purata tinggi manakala kriteria keupayaan mental dan fizikal dan etnik berada pada tahap purata sederhana. Namun begitu bagi kriteria status sosio ekonomi dapatan menunjukkan kriteria ini berada pada tahap purata

rendah dimana elemen ini perlu dititikberatkan dan diambil perhatian dalam meningkatkan kepelbagaian budaya pelajar di peringkat UA. Bagi tahap permasalahan kepelbagaian budaya pula, keenam-enam kriteria berada pada tahap purata rendah. Ini menunjukkan tidak terdapat permasalahan kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar UA. Hasil kajian ini diharap dapat membantu dalam usaha merangka langkah-langkah yang strategik bagi menangani isu-isu permasalahan antara masyarakat pelbagai budaya yang ada di Malaysia dengan bermula daripada peringkat mahasiswa yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi. Bagi meneliti permasalahan kepelbagaian budaya yang berlaku dengan lebih mendalam, adalah dicadangkan supaya kajian lanjut dijalankan dengan melibatkan kumpulan difokuskan iaitu terhadap kelompok minoriti masyarakat Malaysia seperti etnik Cina, India, serta Sabah dan Sarawak. Ini berikutan daripada kajian berfokus terhadap masalah kepelbagaian budaya yang dihadapi oleh kelompok minoriti masyarakat Malaysia adalah kurang di samping perubahan budaya yang berlaku dalam masyarakat Malaysia kini. Oleh itu, dalam menjadikan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai budaya, hidup dengan harmoni dan bersatu-padu, usaha yang berterusan dalam oleh semua pihak, baik dari masyarakat atau kerajaan adalah perlu bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang sejahtera dan aman. Kerjasama antara semua pihak adalah penting bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai cinta yang mendalam kepada negara.

\* Makalah adalah sebahagian daripada hasil penemuan kajian Geran FRGS Top Down UPSI Kod 2016-0237-106-41 Pembentukan Hierarki Multicultural dalam Kalangan Pelajar Di Universiti Awam Malaysia

## Rujukan

- Banks, J. A. & Banks, C. A. M. (2010). *Multicultural education: Issues and perspectives*. (7th ed). United States: John Wiley & Sons, Inc.
- Buang, N. M., Nik Yusri, M. & Ahmad Hidayat. (2011). Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 29(1), 1-28.
- Cohen, L. & Manion, L. (1989). *Research methods in education* (3rd. ed.). London: Routledge.
- Ding, C. M. (2005). *Perpadaun Kaum dan Toleransi Agama di Malaysia*. *Pemikir*, 1, 15-36.
- Gay, G. (2000). *Culturally responsive teaching: Theory research, and practice*. New York: Teachers College Press.
- Hart, K. (2015). Money from a cultural point of view. *Hau: Journal of Ethnographic Theory*, 5(2), 411-416. DOI: 10.14318/hau5.2.026
- Journet, N. (2009). *Evrenselden özele kültür [La Culture: De L'universel au Particulier]*. İstanbul: İz Yayıncılık.
- Kastoryano, R. (2009). *Avrupa'ya kimlik çokkültürlülük sınavı [Quelle Identité Pour L'Europe? Le Multiculturalisme a l'épreuve]*. Ankara: Bağlam Yayıncılık.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Kiky Kirina, A. & Junaenah, S. (2015). Bumiputera di Bandaraya Kuching: Kajian kes di Kampung Kudei Baru dan Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa. *Geografia*, 11(13), 131 – 14.
- Ladson-Billings, G., & Tate, W. F. (1995). Toward a critical race theory of education. *Teachers College Record*, 97(1), 47-68.
- Landell K. (1997). *Management by Menu*. London:Wiley & Sons Inc.
- Muslim, N. & Alias, J. (2004) Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (Unpublished)
- Nazri Muslim<sup>1\*</sup>, Nik Yusri Musa<sup>2</sup> dan Ahmad Hidayat Buang<sup>3</sup>. (2011). Hubungan etnik di Malaysia dari perspektif islam. *Kajian Malaysia*, 29(1), 1–28.
- Nieto, S. (2004). *Affirming diversity: The sociopolitical context of multicultural education* (4th ed.). New York: Longman.
- Riojas, C. E., Johnson, N. N. & Pérez, B. U. R. (1996). *The Urban Review*, 28(2), 185-197.  
<https://doi.org/10.1007/BF02354384>
- Robiah, S. & Zahara, A. (1992). Pendidikan Sivik sejak merdeka – Satu penilaian. Jaffar dan Hazami Habib. *Isu-isu dalam Pendidikan Sivik*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Samsudin, S. (2016). Kepelbagaian budaya dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Dian Bahasa*, 39-55.
- Sarjit, S. G. & Charanjit, K. (2010). Peranan dan cabaran mahasiswa melestarikan Gagasan 1 Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 105-118.
- Shamsul, A. (2012). *Modul hubungan etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Siti Shariyah, S., Junaidi, A. B. & Mohd Fuad, M. J. (2017). Analisis keberkesanan subjek hubungan etnik sebagai pencetus literasi politik: Kajian ke atas mahasiswa UNIKL MIIT. *E-bangi*, 2, 26-33.

## Sistem Patriarki Dalam Konteks Pemeraksanaan Politik Wanita Di Malaysia

Siti Nur Illani Abd Hamid<sup>1</sup>, Zaheruddin Othman<sup>2</sup>

*1Snurillani, snurillani@gmail.com*

*2Zaheruddin, zaher@uum.edu.my*

### Abstrak

Negara memerlukan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita dalam proses pembuatan keputusan atau legislatif negara. Namun, sehingga 2018, iaitu selepas PRU-14, penglibatan wanita dalam proses pembuatan keputusan masih rendah berbanding penglibatan golongan itu dalam sektor swasta. Sebagai contoh, isu perlantikan Menteri Kabinet sehingga 2020 meskipun berlaku pertukaran kerajaan, hanya terdapat 5 orang wanita dilantik daripada 31 orang Menteri Kabinet, manakala exco tertinggi negeri masih tidak mencapai minima 30%. Data ini menunjukkan bahawa isu penglibatan wanita yang rendah dalam politik di Malaysia masih tidak dapat diselesaikan sepenuhnya. Menggunakan kaedah pemerhatian dan sumber kedua, hasil kajian menunjukkan bahawa penyertaan wanita dalam politik Malaysia masih berada di tahap rendah. Malah kedudukan itu sangat rendah jika dibandingkan dengan Negara-negara lain di dunia. Artikel ini membincangkan maksud sistem patriarki dan akibat daripada sistem itu kepada kedudukan wanita dalam sistem politik di Malaysia. Hasil kajian mendapati sistem dan fahaman patriarki masih diamalkan di Malaysia sehingga kini. Ianya dikekalkan menerusi amalan tradisi, tafsiran agama serta latar belakang pembangunan politik Malaysia. Amalan serta fahaman ini ternyata masih didokong oleh parti-parti politik terutamanya UMNO, PAS, BERSATU, AMANAH dan PKR.

**Kata kunci:** Politik Malaysia, Politik Wanita, Sistem Patriarki, Pembuat Keputusan.

### PENGENALAN

Senario kepimpinan dan penglibatan wanita secara aktif dalam politik dan pembuatan keputusan terutama di peringkat antarabangsa telah menjadi salah satu perkembangan politik yang paling penting sejak abad lalu. Fenomena globalisasi misalnya mengembangkan isu-isu wanita di peringkat politik global, daripada isu-isu hak asasi manusia hinggalah kepada kedudukan politik wanita dalam negara. Pada awal abad ke-20, hampir tidak ada golongan wanita memegang jawatan politik di peringkat kebangsaan. Namun pada hari ini, penglibatan dan kepimpinan wanita dalam politik mendapat pujian dan dikagumi di seluruh dunia. Hal ini kerana, wanita mempunyai "*barging power*" yang kuat dalam mencorak kepimpinan masa kini dan perubahan kepimpinan pada masa hadapan (Zaliha Hj Hussin et al., 2012;147).

Melalui keputusan Pilihan raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei 2018 telah menunjukkan satu anjakan paradigma dari rakyat yang inginkan perubahan dalam pentadbiran negara pada masa kini. Malah, keputusan PRU14 merupakan satu pengukuhan kepada wajah politik baru yang lebih menekankan wacana

nasionalisme dan kesejagatan, keadilan sosial, peranan wanita dan pemuda, hak asasi manusia, kesaksamaan ekonomi dan layanan terhadap kelas masyarakat yang berbeza. Walau bagaimanapun, apabila dilihat dari sudut gender, PRU14 masih tidak menunjukkan perubahan yang signifikan dalam menyetengahkan calon dan meningkatkan jumlah wakil rakyat wanita dalam parlimen dan dewan undangan negeri. (Sharifah Syahirah, dalam Astro Awani 2018).


Saranan untuk meletakkan sekurang-kurangnya 30% ini bukanlah satu dasar yang berat sebelah tetapi merupakan dasar afirmatif yang mendukung konsep kesaksamaan substantif berbanding dengan konsep kesaksamaan formal. Konsep ini perlu diketengahkan bagi golongan yang mempunyai bukti latar belakang yang telah dipinggirkan dalam sesuatu aspek kehidupan seperti wanita di Malaysia dalam bidang kepimpinan. Malah, seperti isu pergerakan sosial yang lain, kaum wanita seringkali berhadapan dengan isu ketidakseimbangan layanan sama ada dari segi politik, perniagaan, organisasi dan pendidikan. Malah, huraian terhadap proses pembangunan negara seringkali dikaitkan dari perspektif kaca mata kaum laki-laki (Nik Safiah Karim, hlm. 21; 2016). Ini menunjukkan masih terdapat peminggiran kepimpinan dan representasi wanita meskipun kita sudah berada dalam era Revolusi Perindustrian ke-empat (IR4.0). Di Malaysia, hasil kajian beberapa penyelidik seperti Manderson (1981); Dancz (1984); Rashila Ramli (1999); Maznah Mohamed (2002); Roslina Ismail (2003); Sharifah Syahirah (2013, 2016); dan Ummu Atiyah Ahmad Zakuan (2014), mendapati wanita masih dipinggirkan dalam kepimpinan Malaysia. Ianya menggambarkan bahawa kaum wanita kurang memainkan peranan yang signifikan dalam struktur pemerintahan kerajaan.

Justeru itu, artikel ini akan membahaskan maksud sistem patriaki dan akibat daripada sistem itu kepada kedudukan wanita dalam sistem politik di Malaysia.

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Sistem patriaki dalam era IR4.0 yang masih wujud telah menjadi salah satu faktor utama yang menyekat kepimpinan dan partisipasi wanita dalam politik. Walaupun terdapat peningkatan jumlah pemimpin wanita di peringkat kepimpinan tertinggi, tetapi realitinya ramai wanita menghadapi pelbagai halangan dan rintangan dalam pendakian mereka pada tahap kepimpinan. Antara persoalan yang timbul adalah mengenai status wanita yang tertumpu kepada sistem patriarki yang mengamalkan subordinasi, dominasi dan pergantungan wanita di dalam hubungan antara lelaki dan wanita (Seth, R.M., *Modernisation of working women in development societies*, India, National Publishing House, 1976, m.s 61). Maznah Mohamed; 1998, Couillard; 1990 dan Hutheesing; 1994 juga mengakui bahawa dunia lelaki dan mempunyai struktur yang tersendiri dan berbeza di antara satu sama lain tetapi kaum lelaki sentiasa mendominasi dalam mempengaruhi dan menguasai wanita di dalam dunia mereka sendiri. Oleh demikian, isu diskriminasi bukanlah merupakan satu perkara yang ganjil dalam terus wujud terhadap wanita terutama dalam arena politik. (Utusan Malaysia, 23 April, 1996).

Rajah 1: Prestasi Wanita di Pilihan Raya Umum Malaysia (1995-2018)



Rajah menunjukkan perubahan prestasi Wanita di Pilihan Raya Umum Malaysia. Berdasarkan rajah tersebut, walaupun terdapat sedikit peningkatan dari segi peratusan dari PRU 12 sehingga PRU14, namun jumlah peratusan masih jauh untuk mencapai kuota 30 peratus penglibatan wanita dalam dewan parlimen. Berdasarkan analisis calon wanita semasa pilihan raya ke-14, hanya 10.76% (251) dari 2333 calon berbanding dengan 67% pengundi wanita. Sebanyak 13 parlimen dan 20 dun mempunyai lebih seorang calon wanita, iaitu 30% bertanding sesama sendiri (Sharifah Shahirah, 2018).

Zainah Anwar telah mengenalpasti bahawa, “Sejak kemerdekaan dicapai, jumlah menteri kabinet wanita yang dilantik pada masa yang sama tidak pernah melebihi tiga orang, walaupun jumlah keseluruhan bilangan menteri telah pun meningkat. (Zainah Anwar; 2011). Walaupun Dasar 30% Wanita Di Peringkat Membuat Keputusan telah diperkenalkan pada tahun 2004, dasar ini hanya dilaksanakan di peringkat sektor pentadbiran awam sahaja (Syarifah Syahirah Syed Sheikh 2010; 16).

Menurut laporan indeks Jurang Gender Global 2020, kedudukan Malaysia berada di tangga ke-117 (11 peratus) daripada 153 negara. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan Forum Ekonomi Sedunia (WEF), Malaysia memperoleh 0.676 mata tahun ini berbanding 0.677 mata pada 2020. (Sumber: Laporan Alternatif Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia, 2020). Jika dilihat ranking Malaysia berdasarkan laporan WEF sejak 2006 sehingga 2020, negara berada pada kedudukan ke-90 pada 2006 dan secara berperingkat jatuh pada kedudukan ke 110 hingga 120 dalam tempoh enam tahun. Malaysia terus jatuh pada kedudukan ke-131 pada 2018. Ranking Malaysia mencapai sedikit peningkatan pada 2020, iaitu di kedudukan ke-117.

Walaupun Dasar 30% Wanita Di Peringkat Membuat Keputusan wanita memegang jawatan sebagai pembuat keputusan telah diperkenalkan semenjak Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Namun dalam trend untuk tempoh 15 tahun ini, ketiadaan dasar dan pelan Tindakan yang jelas menyebabkan politik wanita di Malaysia masih menunjukkan jumlah rendah. Kemunduran kaum

wanita dalam representasi politik ini telah dilaporkan dalam Laporan Rasmi CEDAW dan Laporan Shadow CEDAW. Hasil kedua-dua laporan ini bersetuju representasi politik wanita di Malaysia berada di tahap yang tidak membanggakan dan sebab-sebab utama adalah berkaitan dengan sekatan oleh sistem patriaki. (Laporan Rasmi CEDAW dan Laporan *Shadow* CEDAW, 2006).

Dari sudut penglibatan wanita dalam parti politik, peranan wanita seringkali dianggap sebagai aktor zahir atau “tersembunyi” dalam ruang politik dengan memegang status stereotaip sebagai pembantu lelaki dalam pelbagai perkara. Dari segi representasi politik deskriptif, UMNO mempunyai lebih ramai wanita, kedudukan kaum wanita ini masih diletakkan sebagai posisi sayap atau pembantu parti (Dancy 1981) dan subordinat kepada kaum lelaki (Manderson 1980).

Budaya patriarkal telah lama wujud dalam masyarakat, dimana nilai budayanya dikuasai oleh lelaki. Budaya patriarkal mendokong hegemoni lelaki iaitu kekuasaan lelaki dalam pelbagai sisi kehidupan (Dancz, 1984; Manderson, 1981; Rashila Ramli, 1999; dan Maznah Mohamed, 2002; Sharifah Syahirah 2016). Dalam sistem patriarki, kepercayaan dan struktur sosial sesuatu masyarakat seringkali mempengaruhi peranan yang perlu dimainkan oleh kaum wanita dan lelaki yang diwarisi sejak zaman berzaman. Melalui budaya patriarki, kehidupan wanita ditentukan oleh lelaki sehingga wanita terpinggir di dalam merancang dan membuat keputusan termasuklah di dalam bidang politik yang melibatkan kuasa (Rokiah & Nik Safiah, 2005; Azizan Zainuddin ;2015). Contohnya di Tanah Melayu: Khatijah Sidek (Mantan Ketua Wanita UMNO) telah dipecat dari UMNO kerana lantang menyuarakan ketidakadilan yang berlaku terhadap wanita dan peluang untuk memimpin (Sohaimi Abdul Aziz: 2011 dalam Memorial Khadijah Sidek:1995). Oleh demikian, Patriarki seringkali dikaitkan dengan perkara-perkara dengan wanita yang melibatkan institusi kekeluargaan melalui ideologi yang memisahkan kehidupan kaum wanita daripada kehidupan awam. (Pritchard, H.K., Comtemporary Australian Feminism, Melbourne, Longman Cashier, 1994, m.s 93). Malah, bagi ideologi dan persepsi masyarakat melayu, ia turut mempengaruhi kedudukan wanita dalam masyarakat melayu. Oleh demikian, disebabkan masalah perbezaan hubungan gender di dalam bidang-bidang tertentu, maka penglibatan wanita dalam politik adalah penting dalam menangani masalah yang timbul terutama melibatkan isu gender.

## **OBJEKTIF DAN KAEDAH KAJIAN**

Dalam artikel ini, fokus utama diberikan kepada proses Pilihan Raya Umum ke-14 dengan menyelidik sejauhmanakah sistem patriaki mengekalkan peminggiran wanita dalam kepimpinan politik. Oleh itu, tiga objektif utama artikel ini adalah (i) membincangkan latar belakang sistem patriaki di Malaysia, (ii) mengenalpasti amalan sistem patriaki, dan (iii) menganalisis inisiatif yang dijalankan ketika PRU14 yang mencabar sistem ini. Kajian ini di guna secara Kaedah kualitatif dalam menganalisis kenyataan dan perbincangan dalam media serta dokumen rasmi. Aktiviti partisipasi pemerhatian (*participatory observation*) juga telah dijalankan pada pra dan pasca PRU-14.

## **KONSEP PATRIAKI**

Kaum wanita merupakan populasi separuh daripada penduduk dunia. Malah, sumbangan mereka terhadap pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat juga dilihat lebih separuh berbanding

dengan kaum lelaki terutama dalam bidang produktif dan reproduktif. Namun begitu, penyertaan mereka dalam struktur dan proses formal politik, terutama dalam pembuatan keputusan mengenai sumber masyarakat yang yang dihasilkan oleh kaum lelaki dan wanita, masih dianggap tidak penting. Dalam dunia yang moden, kaum wanita masih lagi berhadapan dengan dengan sistem patriarki yang menghalang kaum wanita untuk terus terlibat dan berhadapan dengan masyarakat. Hal ini kerana, melalui institusi patriarki dan sosial mempengaruhi status kaum wanita samada mereka terdiri dari kelas masyarakat rendah atau menengah (Abeda Sultana; 2010, Pinem. 2009. hlm. 42). Dalam konteks persepsi masyarakat, patriarki memberi keutamaan mutlak untuk kaum lelaki dan sedikit sebanyak telah meghadkan hak-hak asasi wanita (Bhasin, 2006:3; Mitchell ,1971; 24; Sylvia Walby, 1990, 176). Oleh demikian, patriarki merujuk kepada penguasaan lelaki dalam kedua-dua sektor iaitu sektor awam dan juga swasta.

Dalam sistem politik, budaya patriarki didominasi oleh kaum lelaki telah membawa kesan negatif yang besar bagi usaha wanita untuk mendapatkan hak dalam penyertaan politiknya. Hubungan patriarki bukan sahaja terjadi dalam lingkup kekeluargaan saja, tetapi juga dalam semua aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial, dan keagamaan, bahkan seksualiti. Akibatnya, kaum wanita selalu berada di bawah kuasa kaum lelaki dalam pembuatan keputusan awam.

## **AMALAN PATRIAKI DI MALAYSIA**

Di Malaysia, pergerakan Wanita bermula berdasarkan kesedaran politik dan semangat nasionalisme yang begitu membara, kerana kaum wanita mengalami pergolakan yang paling hebat sepanjang tahun 70-an dan 80-an. (Rashila Ramli, dlm Rokiah Talib & Shanti Thambiah, 1998). Malah, penglibatan wanita melayu dapat dianggap sebagai contoh penglibatan wanita dalam politik yang terbiak di Asia (Rokaih Talib, 2016, hlm.23). Hal ini kerana, walaupun terdidik dalam masyarakat patriarkal, wanita melayu mengambil manfaat sepenuhnya daripada hakikat bahawa mereka berada di negara sendiri.

Beberapa sarjana seperti Lenore Menderson; 1981, Ramlah Adam; 1980, Hamidah Bakar; 1977, Innubn Rahiman; 1974, Siti Hawa Man; 1984, Couillard; 1990; Hutheesing; 1994; Maznah Mohamed; 1998; Zeenath Kausar; 2006 telah mengakui bahawa dunia lelaki dan wanita mempunyai struktur yang tersendiri dan berbeza di antara satu sama lain tetapi kaum lelaki sentiasa mendominasi dalam mempengaruhi dan menguasai wanita di dalam dunia mereka sendiri.

Peranan wanita Di Malaysia dalam sektor politik dikatakan masih kekal dengan fahaman yang konservatif dan tradisional, dimana ia menambahkan kesulitan dalam meningkatkan penglibatan mereka. Kaum wanita turut terpaksa akur terhadap kekukuhan androcentric atau fahaman patriariki yang menebal membuatkan wanita maju di posisi yang sangat terhad (Bari, 2005; Syarifah Syahirah Syed Sheikh, 2010; Azizan Zainuddin ,2015). Lenore Menderson; 1981, Ramlah Adam; 1980, Hamidah Bakar; 1977, Innubn Rahiman; 1974, Siti Hawa Man; 1984, Couillard; 1990; Hutheesing; 1994; Maznah Mohamed; 1998; Zeenath Kausar; 2006.



Sepanjang Pru-14 berlangsung, amalan system patriarki jelas menunjukkan ia masih di amalkan meskipun kita sudah berada di era revolusi 4.0. Semasa berlangsungnya percalonan pilihan raya, Jika kita hendak mencapai 30% wanita di Parlimen, seharusnya percalonan wanita yang bertanding diperingkat Parlimen perlu diletak sebanyak 30% bagi setiap negeri dan parti. Malah, masalah juga timbul apabila, calon wanita bertanding sesama sendiri di Kawasan yang sama. Ini juga menyebabkan peratusan wanita menang di peringkat Parlimen juga sukar dicapai. Ini menunjukkan pool bagi penglibatan wanita di peringkat Parlimen masih kecil. (Marina Mahathir, Forum #30peratus) Kaum wanita ini mempunyai merit dari segi pendidikan dan ketokohan menjadi pemimpin. Namun, ada juga masih berpendapat mereka lebih sesuai menjadi timbalan menteri. Ini adalah pandangan terkebelakang dan mundur kerana pendapat seperti ini seolah-olah masih berpaksikan merit mengikut piawaian lelaki yang telah ditolak oleh masyarakat di negara-negara maju seperti Sweden, Kanada, Finland, New Zealand dan Nether-land. (Dr Sharifah Syahirah SS; Sinar Harian :14 Jun 2018).

## **INIATIF MENCABAR SISTEM PATRIARKI DALAM PRU-14**

### **I. KERAJAAN**

Keputusan PRU-14, telah menunjukkan satu anjakan paradigma, dimana parti pakatan rakyat telah berjaya memenangi PRU setelah berdekad lamanya dari parti Barisan Nasional. Penyertaan wanita sebagai pengundi telah melebihi 51%, justeru itu, tuntutan 30% perwakilan wanita dalam kabinet bukanlah tuntutan baru. Sejak pemerintahan parti BN, janji untuk mencapai peratusan perwakilan wania telah dibuat sejak tahun 1998 lagi. Malah, melalui kemenangan PKR dalam PRU 14, menunjukkan pengundi telah memberi kepercayaan kepada pakatan harapan untuk memperbetulkan dan kekurangan kerajaan lama, terutamanya masalah kekurangan perwakilan wanita dalam kabinet. Biarpun penglibatan wanita telah lama bermula, jumlah representasi wanita dalam politik formal masih lagi rendah. Malah hingga kini isu ketidaksamaan representasi politik ini sering kali membawa kepada pelbagai cabaran dan permasalahan kepada wanita di Malaysia dan masih tidak dapat diselesaikan. (Rashila Ramli 1998, Maznah Mohammad 2002; Saliha Hassan 2005, Sharifah Syahirah Syed Sheikh 2010). Pihak kerajaan tidak pernah meletakkan lebih dari tiga orang wanita sebagai menteri dalam Kabinet pada sesuatu masa. Sejak tahun 1990, bilangan calon wanita sebagai ahli parlimen hanya berganda kepada 10 peratus pada 1999 berbanding hanya 5 peratus pada tahun 1990. Dan keadaan itu kekal di tahap tersebut selepas pilihanraya umum pada tahun 2004 (Mohamad Razak Idris, 2000).

Selepas PRU ke-14, kempen 30% dilihat lebih menonjol berbanding pru sebelum ini. Ini kerana untuk sekian lama, pengundi telah memberi tanggungjawab dan kepercayaan kepada Pakatan Harapan untuk memperbetulkan pentadbiran dan pengurusan di Malaysia, dan ini termasuklah kekurangan perwakilan wanita dalam kabinet. Namun begitu, melihat kepada isu perlantikan Menteri di kabinet, hanya 3 orang wanita dilantik dari 15 orang Menteri, manakala exco tertinggi negeri masih tidak mencapai minima 30% ini dan menunjukkan masalah ini masih tidak dapat diselesaikan. Malah, dari 15 kementerian yang kerajaan umum, hanya tiga wanita dilantik sebagai menteri iaitu YAB Datuk Seri Wan Azizah (Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga), YB Rina Mohd Harun (Menteri Pembangunan Luar Bandar) dan YB Zuraida Kamarud-din (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) ([karangkraf.com](http://karangkraf.com), 14 Jun 2018).

Menurut Dr Sharifah Syahirah, Pensyarah KUPTM, kita masih lagi dalam persepsi tradisi. Kita ada satu konsep dalam Gender iaitu *Hegemonic masculinity* atau ketuanan lelaki. Konsep ini menerangkan bahawa tahap kaum lelaki lebih tinggi berbanding wanita. Malah, melalui amalan masyarakat kita sekarang ini, iaitu seperti sistem, struktur, agama dan sebagainya, memang berpaksikan pemikiran *Hegemonic masculinity*. Jadi, dalam manifesto Pakatan Harapan, telah membuat ajakan paradigma yang begitu hebat dan ini menunjukkan bahawa paksi ini akan berubah dan membawa kepada negara maju 2020.

## II. PARTI POLITIK

Berdasarkan analisis PRU-14, terdapat peningkatan dari segi rekod jumlah calon wanita yang telah bertanding. Terdapat 210 calon wanita mewakili pelbagai parti politik bertanding di kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia di mana 150 bertanding di peringkat DUN dan 60 calon bertanding di peringkat parlimen (Suruhanjaya Pilihan Raya pru14). Daripada sejumlah itu, 85 calon, iaitu 26 Parlimen dan 59 DUN, adalah daripada Barisan Nasional dan ini merupakan peningkatan sebanyak 1.8% bagi BN dari Pilihanraya Umum ke 13. Malah, parti PAS sendiri yang dianggap konservatif, meletakkan seramai 10 calon wanita untuk Parlimen dan 27 orang bertanding di DUN. Walaupun terdapat peningkatan dalam percalonan wanita bertanding PRU yang lepas, namun jumlah tersebut masih kecil kerana iklim politik Malaysia masih belum terbuka untuk menerima lebih ramai wanita sebagai pembuat keputusan.

Seorang lagi penganalisis politik Prof Dr Sivamurugan Pandian daripada Universiti Sains Malaysia (USM) berpendapat peningkatan jumlah wanita dalam senarai calon BN merupakan testimoni kepada komitmen kerajaan dalam memperkasakan golongan itu. (Utusan Melayu, 28 April 2018). Manakala bagi Parti Pakatan Harapan, calon wanita kebanyakannya terdiri daripada muka lama yang mempunyai kekuatan sendiri dalam kalangan penyokong, seperti Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, penyandang Parlimen Permatang Pauh yang akan bertanding di Parlimen Pandan dan anaknya yang juga penyandang kerusi Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar dan kali ini akan bertanding di Permatang Pauh.

Dalam pemilihan calon pilihan raya, Ho Hui Ling (2011;205), berpendapat bahawa prestasi calon dari parti pembangkang adalah lebih terbuka berbanding prestasi calon wanita dari BN, MCA DAN MIC. Manakala Rashila Ramli, turut menyatakan bahawa antara perkara yang sering menjadi perbincangan utama dalam penglibatan wanita dalam politik adalah melibatkan sistem pilihan raya, parti politik serta kewujudan penubuhan-penubuhan sosial di Malaysia. Beliau turut menyatakan bahawa struktur politik yang mengutamakan kreabiliti parti merupakan antara halangan bagi calon wanita yang harus ditempuh. Secara tidak langsung, kelayakan calon wanita sedikit sebanyak tergugat disebabkan penanda aras yang di tetapkan dan menyebabkan ketidakseimbangan terhadap penyertaan calon wanita sebagai perwakilan dalam pembuatan keputusan.

Pensyarah Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (Kanita) Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Zaireeni Azmi berkata, kebanyakan parti politik agak takut untuk meletakkan calon wanita yang berpotensi di kawasan selamat kerana bimbang mereka tidak dapat memenangi kawasan tersebut. "Sebaliknya calon wanita diletakkan ditempat-tempat kurang popular menyebabkan

mereka terpaksa bekerja keras berbanding calon lelaki untuk mendapat tempat dihati masyarakat atau untuk menang. (Utusan Malaysia, 5 april 2018)

Prof Madya Dr Madeline Berma, berucap dalam Forum Awam: Wanita & Anak Muda - Kebangkitan Kuasa & Kepimpinan Baharu, yang berlangsung di Petaling Jaya, menyentuh isu gender, beliau menegaskan wanita merupakan “main role” dan hakikatnya isu pembangunan wanita ialah isu global dan seiring dengan itu, Malaysia perlu mengikut aliran semasa. Malah, dalam Manifesto Barisan Nasional (BN) juga telah mengutamakan peranan wanita sebagai ibu, isteri dan pekerja, jelas membuktikan kerajaan BN mendengar dan melayan suara wanita di negara ini. Malah, mantan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkata teras pertama manifesto itu adalah antara perkara yang diperjuangkan wanita BN dan UMNO sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Tambahan beliau lagi, "Orang selalu bertanya kepada saya, kenapa wanita? Alasan saya mudah, banyak kajian menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi negara lebih bermakna jika ia dapat dimanfaatkan wanita yang jumlahnya hampir separuh daripada jumlah penduduk negara. Justeru itu, kaum wanita juga berpotensi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, organisasi dan isi rumah. Malah, Banyak kajian membuktikan, syarikat besar yang berjaya dan memperoleh keuntungan tinggi, terdiri daripada organisasi mengamalkan kepelbagaian jantina di tempat kerja. Meskipun golongan wanita telah lama terlibat dalam proses pemilihan calon pilihan raya, hakikatnya isu mengenai pemilihan calon ternyata memberi pengaruh kepada pengundi secara tidak langsung. Antara isu lain yang seringkali timbul adalah berkaitan dengan gender. Persepsi terhadap kehadiran golongan wanita khususnya wanita muslim di dalam bidang-bidang tertentu sememangnya sukar dikikis. Malah,

Dari sudut penglibatan wanita dalam parti politik, peranan wanita seringkali dianggap sebagai aktor zahir atau “tersembunyi” dalam ruang politik dengan memegang status stereotaip sebagai pembantu lelaki dalam pelbagai perkara. Manakala, dari segi representasi politik deskriptif, UMNO mempunyai lebih ramai wanita, kedudukan kaum wanita ini masih diletakkan sebagai posisi sayap atau pembantu parti (Dancy 1981) dan subordinat kepada kaum lelaki (Manderson 1980). Amalan serta fahaman ini ternyata masih didokong oleh parti-parti politik terutamanya UMNO, PAS, BERSATU, AMANAH dan PKR.

Setakat ini, hanya Parti Keadilan Rakyat, salah satu komponen dari parti pembangkang telah mewujudkan kuota penglibatan wanita dalam parti mereka sebanyak 30 peratus sejak tahun 2009. Beberapa sarjana seperti Dancz, 1984; Manderson, 1981; Rashila Ramli, 1999; dan Maznah Mohamed, 2002. Menyatakan bahawa sayap-sayap parti wanita di Malaysia lebih tertumpu sebagai penggerak dan pekerja parti daripada dijadikan pemimpin. Oleh demikian, peranan kaum wanita lebih kepada penggerak dan pekerja parti politik membuatkan kaum wanita tidak berminat untuk menyertainya.

### **III. MASYARKAT SIVIL**

Pergerakan pelbagai NGO, seperti pertubuhan hak asasi wanita seperti JAG dan NCWO, merupakan badan penting dalam inisiatif memncabar system patriarki semasa PRU-14. Terdapat lebih 200 NGO seluruh negara turut yang mempunyai objektif dan tuntutan yang sama, iaitu memperjuangkan #30 peratus wanita dalam pembuatan keputusan. Malah mereka turut

menegaskan bahawa, penyertaan wanita bukan sahaja berperanan sebagai pengundi, malah wanita sepatutnya menyertai system yang lebih substantive, terutama dalam proses pembuatan keputusan. Terdapat pelbagai program berbentuk kempen, forum, demonstrasi, perbincangan dengan ahli kabinet dan dewan rakyat dan banyak lagi.

Selepas PRU-14, EMPOWER (Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor) telah bergerak secara aktif dalam memacu kempen #30peratus. Kempen ini memanggil kerajaan untuk menepati janji meletakkan sekurang-kurangnya 30% wanita di dalam semua bahagian kerajaan. Janji ini termaktub di dalam manifesto Pakatan Harapan, “Buku Harapan”, dalam Iltizam Khas Untuk Wanita, Iltizam 5, “Mendemokrasikan sistem politik agar wujud lebih ramai pemimpin wanita yang tampil ke hadapan”, Janji 2, “Memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pembuat dasar di setiap peringkat adalah wanita” (<https://empowermalaysia.org/30peratus/>).

#### **IV. MEDIA**

Penggunaan media social semakin berleluasa di kalangan masyarakat dunia pada hari ini. Namun, dalam usaha menuju kearah sebuah negara maju, bukan sahaja dari segi inovasi dan teknologi, malah dari segi aspek sosiobudaya, sesetengah masyarakat masih lagi mundur apabila mereka masih mengamalkan budaya patriarki dan merendahkan martabat wanita secara terbuka. Hal ini kerana mereka menjadikan kemudahan teknologi sebagai tempat meluahkan sindiran ekoran ketidakpuasan hati. (Sinar harian, 21 Julai 2017). Apabila berlaku rasa tidak puas hati, pengguna media sosial akan berkongsi dalam grup aplikasi WhatsApp dan menyindir dalam laman sosial, Facebook. Sebagai contoh isu tindakan berunsur seksisme, dimana “pencabulan” terhadap “cut-out board” yang menunjukkan imej wanita di salah sebuah stesen minyak. Malah atlet gimnas negara, Farah Ann Abdul Hadi didiskriminasi dengan cara berpakaian yang kurang senonoh di saat beliau memenangi pingat emas negara di sukan SEA yang lalu.

Sepanjang PRU-14 berlangsung, “cyber wars” dan “cyber trooper” giat dijalankan antara parti yang bertanding. Teknologi baharu dalam platform sosial media seperti penstriman langsung telah membuka peluang kepada ahli politik dan personaliti untuk menyampaikan maklumat dan akses terus kepada orang ramai. Malah, Platform media diguna sepenuhnya seperti wujudnya hashtag seperti #GE14 #PulangMengundi #MalaysiaMemilih di media sosial untuk mengalakkan anak muda untuk mengundi dan berbincang mengenai hal politik. Yang lebih menambat hati, semua calon PRU-14 memuatkan aktiviti mereka, juga secara langsung untuk menyebarkan rakaman ucapan serta keratan kenyataan di Twitter dan aplikasi WhatsApp yang dimuatnaik dalam Facebook serta meraih banyak komen netizen. Jelas, media sosial mempunyai impak amat kuat pada PRU-14 berbanding PRU-13 ketika penggunaan media baharu masih pada peringkat awal dan aplikasinya masih dalam proses adaptasi penggunaan.

#### **KESIMPULAN**

Dalam Era Revolusi Perindustrian Ke-Empat (IR4.0), Wanita Malaysia telah melalui proses pemerksaan dengan baik terutamanya dalam bidang pendidikan, kehidupan & pekerjaan. Namun masih ketinggalan dari segi kepimpinan pelbagai sektor terutamanya politik. Hasil kajian mendapati Interpretasi tradisi & agama masih mempunyai peranan mengekalkan stereotaip &

prejudis terhadap wanita telah menyekat & mendiskriminasi wanita. Ini membuktikan bahawa amalan system patriarki masih berlaku, meskipun kita sedang mengalami negara membangun. Hasil kajian mendapati sistem dan fahaman patriarki masih diamalkan di Malaysia dalam era IR4.0. Ianya dikekalkan menerusi amalan tradisi, tafsiran agama serta latar belakang pembangunan politik Malaysia.

## RUJUKAN

- Aziz, S. A. (2011). Khatijah Sidek: Suara Pejuang Terpinggir yang Dibisukan dalam Sejarah Perkembangan Politik UMNO (Khatijah Sidek: The Silenced Voice of a Freedom Fighter in the UMNO Political Struggle). *Akademika*, 81(3).
- Cecilia Ng, Gender and Rights: Analysis for Action, Persatuan Untuk Tadbir Urus Baik dan Kesaksamaan Gender Pulau Pinang, (3Gs) dan
- Dancz and Virginia, H. (1984). Women and Party Politics in Peninsular Malaysia. New York: Oxford University Press.
- Dancz, V. H., Women and Party Politics in Peninsular Malaysia. Oxford: Oxford University Press, 1987
- Eyben, "Supporting Inclusive and Democratic Ownership. A 'How to Note' for Donors", Prepared for the OECD DAC Working Party on Aid Effectiveness, Cluster A 'Ownership and Accountability', IDS: UK; as cited in Summary of Discussions, "Women's Political Empowerment: The State of Evidence and Future Research", September 11-12, 2012.
- Laporan Forum Ekonomi Sedunia (WEF), [https://www3.weforum.org/docs/WEF\\_GGGR\\_2021.pdf](https://www3.weforum.org/docs/WEF_GGGR_2021.pdf)
- Manderson and Lenore. (1981). Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972. Terj. Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Manderson, L., Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan kaum Ibu UMNO 1945-1975. (terjemahan Samsudin jaapar), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1980
- Maznah Mohammad. (2002). At the Centre and the Periphery: The Contribution of Women's Movements to Democratization. In Francis Loh Kok Wah & Khoo Boo Teik. Democracy in Malaysia: Discourses and Practises. Hlm.216-240. Surrey: CURZON.
- Ramlah Adam, Sejarah Awal pergerakan kaum ibu UMNO", Jurnal Sejarah, penerbitan Universiti Malaya, Jilid XL, 1977
- Rashila Ramli, Lubi, Elisa Tita and Djanaeva, Nurgul. (2005). Seethings and Seatings: Strategies for Women's Political Participation in Asia Pasific. Ching Mai: Asia Pacific Forum on Women, Law and Development (APWLD).
- Rashila Ramli. (1998a). Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dann Strategi bagi calon-calon wanita. In Rokiah Talib & Thambiah, Shanti. Gender, Budaya dan Masyarakat, pp. 152-162. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya Tesis :

- Hamidah Adam, pergerakan wanita UMNO Malaysia 1945-1972, satu analisa, Jurnal Persatuan sejarah malaysia (1980;9)
- Innun Rahiman, pergerakan kaum ibu UMNO Johor Bharu sebelum 1954-1964, (latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM 1974)
- Siti Hawa Man, Sejarah perkembangan politik pergeraskan wanita umno selangor (Latihan Ilmiah, jabatan sejarah ukm 1984).
- Siti Zafrina Mohd Zahari, 2013 ; Analisis pensejarahan penyertaan calon wanita Muslim dalam pilihanraya umum dari tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia. Tesis Sarjana Usuluddin; University Malaya
- Syahirah, S. S. Sharifah. 2010, Pemerkasaan Representasi Politik Wanita di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umumke-12 (PRU12) 2008. *The Journal of Administrative Science*, 7(1), 11-37.
- Ho Hui Ling, “ Prestasi Calon wanita dalam Plihan Raya Umum ke-12’ dalam pilihan raya Umum MalAysia ke-12; Isu dan Pola Pengundian, ed. Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor (Kuala Lumpur; Penerbit Universiti Malaya, 20110, 205.
- Zakuan, U. A. A. (2010). Women in the Malaysian parliament: Do they matter? *Intellectual Discourse*, 18(2), 283.
- Ramlah Adam, ’ pergerakan wanita UMNO malaysia 1945-9720”, Malaysia dari segi sejarah,Part 1,persatuan sejarah malaysia, Kuala Lumpur, 1978;26-54
- Ruzy Suliza Hashim, The Question of Succession; The Role of Women in Traditional Malay Court politics, Deep South, V.2.n.3, 1996, m.s 1
- laman sesawang
- Laman web rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya (<http://www.spr.gov.my/>). Diakses pada 21 November 2018
- Senarai kabinet 2021. <http://www.kabinet.gov.my/bkpp/index.php/anggota-pentadbiran/menteri> Diakses pada 21 Oktober 2021
- CEDAW General Recommendation No 23
- <http://www.un.org/womenwatch/daw/cedaw/recommendations/recomm.htm#recom23>

## EMANSIPASI ISLAM DALAM MENGUBAH PERSEPSI WANITA MELAYU TERHADAP PENDIDIKAN.

Muhammad Khairi Lukiwan<sup>1</sup>, Kalsum Umar<sup>2</sup>, Muhamad Arbaie al-Jiddan<sup>3</sup>,  
<sup>1,3</sup>Pelajar Pascasiswazah Pengajian Malaysia Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI  
<sup>2</sup>Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**  
*[khairy1009@gmail.com](mailto:khairy1009@gmail.com)*

### Abstrak

Sudut pandang masyarakat Melayu tradisional melihat pendidikan formal bukanlah suatu perkara asas yang mesti dimiliki oleh golongan wanita kerana wujudnya faktor-faktor stereotaip yang menetapkan wanita hanya layak menjalankan peranan domestik. Namun, pengaruh agama Islam dikatakan mencorak pandangan serta persepsi sosial yang baharu terhadap kedudukan wanita khususnya di dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana perkembangan agama mengubah persepsi bahawa adat dan kebudayaan tidak memihak kepada mana-mana jantina. Namun begitu, kedudukan wanita yang dikaitkan dengan budaya dan agama Islam sering disalah ertikan dengan merendahkan martabat wanita sehingga dilihat menjadi subordinat daripada lelaki. Ia tanpa mengambil kira bagaimana pembudayaan agama diintegrasikan dalam kepercayaan tradisi yang mengawal moral dan kehidupan seharian masyarakat Melayu. Justeru, Islam membawa emansipasi yang berbeza terhadap status dan kedudukan wanita. Dengan emansipasi tersebut, pengaruh Islam dikatakan dapat mengubah tanggapan tradisional bahawa peranan wanita hanya sekadar melaksanakan pekerjaan domestik semata-mata apabila Islam menegaskan bahawa wanita mempunyai nilai sosial yang sama dengan lelaki dalam perkara-perkara penting seperti pendidikan. Ia kerana pendidikan merupakan wadah bagi menggerakkan kemajuan sesebuah bangsa dan meletakkan kejayaan dalam sebuah peradaban. Kajian ini akan membincangkan pengaruh emansipasi Islam yang dapat meletakkan wanita

sebaris dengan lelaki dan membolehkan tanggapan stereotaip tradisi terhadap wanita khususnya dalam pendidikan telah berubah. Penggunaan kaedah kualitatif menggunakan sumber dokumen dan temu bual diharap akan melihat secara jelas kesan pengaruh emansipasi tersebut dalam pendidikan wanita Melayu moden. Malah kesan tersebut juga dapat melihat wanita Melayu menjalankan dwi kerjaya iaitu melaksanakan tugas-tugas domestik dan publik. Kedudukan wanita Melayu moden yang mendapat pendidikan hari ini membuktikan bagaimana status wanita dan tanggapan stereotaip tradisi terhadap mereka berubah. Sehubungan dengan itu, wanita Melayu moden juga mampu menjadi pengemudi perkembangan negara setelah mendapat pendidikan formal hasil dari emansipasi Islam itu sendiri.

**Kata Kunci :** Melayu tradisional, emansipasi Islam, pendidikan, wanita Melayu moden, perubahan persepsi

## **1.0 Pendahuluan**

Perkembangan pendidikan dapat dilihat dari masa ke semasa. Sistem pendidikan di Malaysia dilaksanakan tanpa sebarang diskriminasi bangsa, agama serta jantina. Wanita Melayu telah diberikan kesamarataan hak dalam mendapatkan pendidikan. Namun terdapat pelbagai kekangan dalam mendapatkan kesamarataan hak dalam pendidikan antara lelaki dan perempuan.

Masyarakat Melayu tradisional secara amnya memandang pendidikan terhadap wanita bukan suatu keutamaan. Masyarakat Melayu tradisional lebih mengutamakan pendidikan kepada lelaki berbanding wanita. Hal ini kerana adanya pandangan stereotaip terhadap wanita yang dianggap tetap duduk di dapur selepas berkahwin. Pandangan ini akhirnya dipercayai secara turun temurun sehingga seolah-olah menjadi batu penghalang kepada wanita untuk mendapatkan hak yang serupa dengan lelaki.

Emansipasi Islam terhadap wanita memberikan nafas baru kepada mereka dalam mendapatkan hak-hak yang selayaknya. Ajaran Islam telah meletakkan wanita berada pada tahap yang selayaknya, tidak menindas golongan wanita serta memperuntukkan peranan dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita secara adil. Melalui peluang pendidikan, wanita juga mempunyai hak dan peluang yang lebih besar dalam mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik dan berdaya saing.

Justeru, emansipasi Islam telah membawa kepada suatu perubahan yang besar dalam kehidupan wanita moden. Wanita telah mendapat kesaksamaan hak dan diberikan peluang yang sama dengan lelaki dalam pelbagai bidang seperti pendidikan dan kerjaya serta berpeluang menceburi bidang politik.

## **2.0 Sorotan Kajian**

### **2.0.1 Wanita dan Pendidikan Sebelum Kemerdekaan.**

Lembaran baharu politik masyarakat Melayu pasca Perang Dunia Kedua menyaksikan penentangan Malayan Union 1946 yang mencetuskan fenomena baharu penyertaan politik wanita Melayu. Wadah politik wanita Melayu ketika itu ialah sayap parti politik berideologikan



nasionalisme iaitu Kaum Ibu UMNO di bawah United Malays National Organization (UMNO) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang dinaungi Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Perjuangan kemerdekaan tanah air secara tidak langsung telah menenggelamkan citra ‘emansipasi wanita’ dalam naratif politik wanita Melayu. Maka, kajian tersebut menyingkap citra emansipasi wanita dalam politik wanita Melayu. Sehubungan itu, memoir yang dikarang oleh Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh dijadikan sebagai sumber utama. Kajian mendapati memoir sebagai sumber sejarah menawarkan sudut pandang emansipasi wanita yang sebelumnya itu kurang jelas dalam dokumen rasmi kerajaan dan parti politik. Berdasarkan memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh, pengalaman peribadi berdimensi gender telah dipolitikkan dalam perjuangan kemerdekaan. Sehubungan itu, ia memperlihatkan hubungan agenda emansipasi wanita dan nasionalisme bersifat dua dimensi iaitu harmoni dan konflik (Muhammad Rahimi Hasan, 2020).

Menurut Muhammad Rahimi Hasan (2017) dalam kajiannya *Perkembangan dan Pencapaian Gerakan Wanita Era Pra Merdeka: Perbandingan Tanah Melayu dan Indonesia*. Pergerakan wanita di Malaysia dan Indonesia berasal dan membangun dalam konteks era pra merdeka iaitu perjuangan kemerdekaan tanah air. Oleh itu, kajian ini melihat perbandingan aspek-aspek gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia berkaitan feminisme dan nasionalisme pada era pra merdeka iaitu kemunculannya, perkembangan dan pencapaiannya pada peringkat kebangsaan. Hal ini memandangkan fasa tersebut ialah dekad-dekad terawal gerakan wanita dalam dua buah komuniti Tanah Melayu dan Indonesia iaitu aktor utama yang boleh mewakili komuniti Nusantara atau Alam Melayu. Gerakan wanita ini dipertalikan melalui persamaan identiti, bahasa dan budaya serta perkongsian pengalaman sejarah sebagai tanah jajahan. Dalam kajian perbandingan ini, didapati bahawa nasionalisme atau semangat kebangsaan semasa era pra merdeka di Tanah Melayu dan Indonesia amat signifikan dalam mencetuskan gerakan wanita, membentuk pola perkembangan dan struktur organisasi serta ideologi gerakan. Berdasarkan perbandingan antara gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia, didapati bahawa aspek cetusan dan perkembangan menunjukkan persamaan, sifat organisasi yang serupa dengan sekelumit perbezaan dan pencapaian gerakan sepanjang era pra merdeka yang menunjukkan perbezaan yang agak ketara daripada segi fokus isu wanita.

Pendidikan orang Melayu sebelum zaman kolonial sangat terikat dengan corak pendidikan tradisional yang berpegang teguh kepada konsep pendidikan yang berbentuk sosialisasi dan pendidikan keagamaan yang menekankan ajaran Islam mengikut al-Quran dan hadis. Sistem pendidikan ini memberi peluang kepada orang Melayu untuk melanjutkan pengajian di Timur Tengah. Namun peluang terbaik ini banyak diberikan kepada lelaki sahaja (Ramli Saadon, Khairi Ariffin, & Ishak Saat, 2017)

Keterlibatan wanita dalam politik dan peluang pendidikan sebelum kemerdekaan tidak secara meluas. Hanya segelintir wanita yang mendapat hak pendidikan dan melibatkan diri di dalam politik. Usaha yang dilakukan dilihat kurang teguh kerana ketiadaan sokongan padu dari golongan wanita itu sendiri yang masih terikat dengan stigma dan stereotaip.

## **2.0.2 Emansipasi Wanita Islam**

Islam membawa satu pandangan yang berbeza terhadap wanita. Islam telah meletakkan kedudukan sesuatu gender sesuai dengan fungsi dan peranannya. Kedudukan lelaki dan wanita dilihat lebih adil dan saksama dan tiada diskriminasi. Malah kedudukan wanita juga diangkat lebih tinggi dan diberikan hak-hak yang hampir sama dengan lelaki dalam pelbagai bidang termasuklah hak mendapatkan pendidikan.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) mendefinisikan emansipasi sebagai pembebasan daripada perhambaan. Tambahan lagi, emansipasi juga diertikan sebagai pemberian hak yang sama dalam hukum iaitu kesamarataan hak antara lelaki dan perempuan. Menurut Achmad Syafi'I Ma'ani (2013) emansipasi ialah istilah yang digunakan untuk menjelaskan usaha dalam mendapatkan hak politik serta kesaksamaan darjat bagi kelompok yang tidak diberikan hak secara spesifik. Oleh yang demikian, emansipasi wanita dapat dedefinisikan sebagai suatu usaha dalam memperjuangkan kesamarataan hak-hak antara wanita dan lelaki.

Baterah Alias dan Che zarrina Sa'ari (2006) menjelaskan bahawa emansipasi adalah keperluan asasi manusia yang terawal dilaksanakan oleh gerakan Islam. Keperluan manusia kepada emansipasi hanya akan tersedar apabila hilang kebebasan atau rasa terkongkong. Keperluan kepada emansipasi adalah berbeza mengikut tahap keperluannya. Hal ini kerana terdapat perbezaan pendidikan, pengalaman, kebudayaan, sturur psikologi, sosial dan ekonomi. Emansipasi amat penting kepada manusia kerana ia adalah ciri istimewa manusia dan sifat kemanusiaan serta ia adalah jalan yang betul ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Tambahan lagi, emansipasi merupakan satu kemestian ke arah kemajuan masyarakat dan kehidupan sejagat.

Islam melihat wanita pada perspektif yang istimewa. Islam meletakkan potensi wanita setaraf dengan lelaki. Malah Islam menyatakan wanita sebagai *multifungsional* kerana mempunyai peranan berganda yang mampu dilaksanakan. Peranan hakiki wanita sebagai pengurus rumah tangga dalam mencipta keluarga yang harmoni dan bahagia. Seterusnya wanita dilihat sebagai egen perubahan kerana wanita dianggap sebagai seorang ibu, isteri, pedagang, tokoh masyarakat dan ibu kepada negara. Hal ini dapat dilihat di berberapa negara seperti Indonesia dan Malaysia. Malah terdapat juga universiti di dunia yang dipelopori oleh wanita dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada umat. Wanita dilihat sebagai golongan yang menyedari bahawa ilmu tidak bermanfaat jika tidak diamalkan dan disebar. (Dra. Zikriati, Nurazan Mohd Rouyan & Rahimah Embong, 2017).

Secara ringkasnya, emansipasi wanita merupakan satu bentuk perjuangan pembebasan yang menuntut hak-hak wanita secara menyeluruh. Emansipasi Islam telah merubah sudut pandang masyarakat Melayu dan golongan wanita sendiri untuk memperjuangkan hak-hak mereka yang telah didiskriminasi oleh perpektif dan stigma tradisional.

### 3.0 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kaedah ini bersesuaian dengan matlamat kajian ini yang ingin melihat kesan emansipasi Islam terhadap pendidikan wanita. Penggunaan reka bentuk kualitatif adalah bertujuan untuk mendapatkan sendiri hasil kajian daripada sumber primer dan sekunder. Kaedah fenomenologi digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti perubahan

fenomena yang berlaku berkaitan emansipasi wanita dalam pendidikan. Penggunaan kaedah ini memudahkan pengkaji untuk melihat perubahan yang berlaku daripada satu fenomena kepada fenomena yang baharu.

Pengumpulan maklumat dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan dan temubual. Bahan skunder yang diperoleh dikumpul dan dianalisis untuk membina sorotan kajian lepas, kerangka teori dan konsep seterusnya menjawab persoalan yang dikemukakan. Penyelidikan perpustakaan merujuk kepada hasil kajian dari perpustakaan kerana ia amat penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat seperti kajian lepas mengenai konsep, bukti, pandangan dan pelbagai maklumat lain yang dapat membantu menjayakan kajian ini. Kaedah seperti ini juga dapat membantu pengkaji mendapatkan gambaran awal tentang bidangbidang kajian yang hendak dikaji. Dengan adanya rujukan yang mencukupi membuatkan pengkaji mudah membuat kesimpulan awal kajian yang telah dijalankan.

Seramai 10 orang informan telah ditemu bual bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan isu yang dikaji. Informan dipilih dari kalangan lelaki dan wanita yang berkerjaya dalam pelbagai bidang di sektor kerajaan dan swasta serta dari kalangan wanita berusia untuk melihat pandangan mereka terhadap pendidikan wanita Melayu. Seterusnya, sumber dokumen digunakan bagi menyokong kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh informan yang menyertai sesi temu bual. Sumber dokumen digunakan untuk menyemak kefahaman informan terhadap isu yang sedang kaji dan mengesahkan maklumat yang diperoleh melalui sesi temu bual.

Berdasarkan temu bual dan penyelidikan kepustakaan, kaedah penjadualan digunakan untuk melihat perubahan wanita dalam mendapatkan emansipasi pendidikan selepas berlakunya kesedaran Islam. Kaedah ini lebih mudah untuk melihat kesan emansipasi pendidikan wanita Melayu dari dahulu hingga kini. Maklumat yang diperoleh melalui sesi temu bual dikukuhkan dengan penemuan oleh penyelidik-penyelidik lain. Seterusnya, penilaian pakar dilakukan bagi memastikan kajian yang dijalankan dapat dinilai dan disahkan maklumat dan sumbernya.

#### **4.0 Pendidikan Wanita Melayu Tradisional**

Wanita Melayu tradisional sering ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan formal. Hal ini kerana stereotaip masyarakat Melayu yang tidak meletakkan keutamaan kepada golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan formal di sekolah. Persepsi masyarakat Melayu lebih mengutamakan pendidikan hanya kepada golongan lelaki. Lelaki dianggap sebagai tulang belakang keluarga yang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang lebih besar dalam menyara keluarga. Selain itu masyarakat Melayu tradisional mempunyai tanggapan bahawa wanita tidak boleh terlalu menonjolkan diri dalam kalangan masyarakat kerana adanya konsep ‘anak dara’ atau perlu menjaga kesucian diri dan maruah mereka (Ku Zam Zam dan Tune Yap Beng Liang, 1996).

Hal ini ditanggapi kerana masyarakat Melayu tradisional umumnya sangat menitikberatkan hal-hal sedemikian terhadap golongan wanita. Wanita tanpa maruah atau yang tidak pandai menjaga kesucian diri dianggap ‘tidak bernilai’ pada waktu tersebut, malah tidak sesuai dijadikan sebagai seorang isteri. Hal ini kerana penilaian gender dalam sistem *world view* tradisional wujud dalam lingkungan konstruksi budaya dan pandangan masyarakat (Wan Abd Kadir, 1998).

Meskipun demikian, perkara ini tidak berlaku pada sesetengah golongan wanita yang mungkin lahir dalam kalangan keluarga bangsawan, golongan berada dan secara umumnya didedahkan dengan sistem pendidikan sekular pada waktu tersebut sejak dari awal dalam keluarganya. Oleh yang demikian, stigma yang wujud dalam pemikiran masyarakat Melayu tradisional telah menyekat golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya.

Tambahan lagi, pandangan masyarakat Melayu tradisional juga melihat wanita hanya perlu menjalankan tugas hakiki mereka iaitu tugas-tugas domestik rumah tangga. Antara tugas domestik yang perlu dikuasai oleh wanita adalah memasak, mengemas, menguruskan rumah tangga dan mendidik anak-anak. Justeru, masyarakat tidak melihat pendidikan formal kepada wanita merupakan satu keperluan kerana wanita Melayu tradisional dapat memperelajari tugas-tugas tersebut di rumah dan diajar secara turun temurun sebagai suatu kewajipan kepada mereka.

Pada zaman kolonial, masyarakat Melayu kurang diberikan hak dalam mendapatkan pendidikan secara formal. Masyarakat Melayu mendapatkan pendidikan secara tidak formal seperti di sekolah pondok. Selain itu, pihak British juga telah membina sekolah Melayu untuk rakyat Tanah Melayu pada ketika itu. Namun, hanya kaum lelaki sahaja yang melanjutkan pengajian di situ dan sukatan pelajaran yang diperkenalkan hanya memfokuskan dalam membaca, menulis, dan mata pelajaran berkaitan adat dan budaya Melayu seperti berpantun, bernyanyi, bersyair dan berlakon. British tidak memperkenalkan bidang yang berdaya saing kepada sekolah Melayu berbanding sekolah Inggeris. Hal ini kerana pihak British ingin mengelak kebangkitan masyarakat Tanah Melayu daripada menentang mereka.

Muhammad Ridzuan Idris & Arba'iyah Mohd Noor (2015) menyatakan pentadbiran dan pengurusan pendidikan wanita Melayu pada zaman kolonial diletakan di bawah pengurusan negeri. Terdapat tiga jenis sekolah yang diperuntukan kepada wanita iaitu Sekolah Convent (Inggeris), Sekolah Vernekular Melayu dan sekolah agama. Data pada tahun 1920 menunjukkan jumlah wanita Melayu yang memasuki Sekolah Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu seramai 44 orang jauh ketinggalan dengan kaum-kaum lain. Hal ini demikian kerana kurang kesedaran pendidikan wanita Melayu pada ketika itu dan syarat-syarat yang ketat yang dikenakan oleh residen British untuk wanita Melayu memasuki sekolah Inggeris.

Masyarakat Melayu zaman dahulu tidak melihat aspek pendidikan kepada wanita sebagai satu keperluan. Wanita telah ditetapkan untuk menjalankan tugas-tugas domestik dalam menguruskan rumah tangga seperti memasak, mengemas dan mendidik anak-anak. Oleh yang demikian, tiada penekanan untuk golongan wanita mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi. Tambahan lagi, kos pengajian yang tinggi dan maslaah kemiskinan masyarakat Melayu menjadi faktor wanita Melayu tidak diberikan keutamaan dalam mendapatkan pendidikan.

#### **4.1 Pendidikan Wanita Moden**

Peredaran zaman telah membawa kepada perubahan corak pemikiran masyarakat. Peningkatan pemahaman terhadap agama Islam telah membawa perubahan dalam pendidikan wanita era moden. Hal ini kerana terdapat usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak dalam memperjuangkan hak wanita dalam mendapatkan pendidikan. Beberapa gerakan telah dilakukan dalam memberi penekanan kepada golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan seperti gerakan Islah. Gerakan Islah telah menjalankan kempen dan dakwah tentang hak wanita untuk mendapatkan pendidikan

melalui beberapa media cetak seperti akhbar dan majalah. Hasnah Hussiin (2017) menyatakan antara majalah yang menekankan pendidikan terhadap wanita ialah majalah al-Ikhwan yang ditulis oleh Syed Sheikh al-Hadi pada tahun 1926 dan majalah al-Imam pada tahun 1906-1908.

Seterusnya, sistem pendidikan di Malaysia yang terbuka dan tiada diskriminasi telah memberi banyak ruang dan peluang kepada wanita Melayu mendapatkan pendidikan secara formal. Dasar pendidikan negara tidak menetapkan atau mengkhususkan mana-mana jantina untuk mendapatkan pendidikan. Malah hak mendapatkan pendidikan merupakan hak asasi kepada setiap warganegara Malaysia yang telah termaktub dalam perkara 12 perlembagaan persekutuan. Tambahan lagi, dasar pendidikan percuma yang dilaksanakan memberi galakan kepada semua rakyat khususnya wanita mendapat pendidikan. Oleh yang demikian, langkah ini telah mengurangkan beban kewangan pendidikan kepada semua rakyat dan meningkatkan kadar literasi negara. Justeru, golongan wanita dapat bersaing dalam bidang pendidikan dan mengenalpasti potensi diri yang boleh diketengahkan.

Keterbukaan ini jelas memperlihatkan dominasi wanita dalam pendidikan pada zaman moden. Pencapaian wanita dalam bidang pendidikan merupakan usaha mereka dalam membebaskan diri dari belenggu kemiskinan. Wanita Melayu telah melihat pendidikan sebagai sebuah medium yang tepat untuk meningkatkan taraf kehidupan kerana mereka mampu mendapatkan pekerjaan yang baik apabila mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Tambahan lagi, wanita juga melihat pendidikan sebagai alat persediaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Kelayakan akademik dan iktisad mampu mengatasi masalah kebergantungan wanita kepada lelaki sekiranya berlaku perpisahan dalam rumah tangga sama ada kematian atau penceraihan. Oleh yang demikian, wanita mampu berdikari untuk kelangsungan hidup.

Wanita Melayu moden juga melihat tahap pendidikan yang mereka kecapai merupakan satu nilai eksklusif dalam diri mereka. Istilah *beauty with brain* menjadi pegangan kepada wanita Melayu moden untuk mereka kelihatan lebih menyerlah dalam sesuatu bidang. Justeru wanita Melayu Moden kini dilihat sering mencabar diri mereka untuk melakukan sesuatu pembaharuan. Mereka melihat bahawa mereka juga mampu melakukan sesuatu yang hebat seperti melaksanakan pekerjaan-pekerjaan yang lazimnya dilakukan oleh lelaki.

## **5.0 Pengaruh Islam Dalam Mengubah Tanggapan Terhadap Pendidikan Wanita**

Kebangkitan Islam secara perlahan telah membawa kepada pembaharuan dalam pemikiran masyarakat Melayu. Persepsi masyarakat mula berubah dengan memandang Islam sebagai cara hidup. Tatacara dan nilai hidup Islam mula diterapkan dalam kehidupan seharian sekali gus mengubah beberapa amalan dan tanggapan masyarakat Melayu seperti tanggapan hak pendidikan hanya kepada lelaki. Seterusnya, membawa kepada gerakan emansipasi wanita yang memperjuangkan hak-hak wanita yang diunjurkan oleh ajaran Islam termasuk dalam bidang pendidikan.

Islam membahagikan ilmu kepada dua cabang utama iaitu ilmu fardhu a'in dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu a'in merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap umat Islam seperti solat, puasa, dan membaca al-Quran. Manakala ilmu fardhu kifayah pula merupakan ilmu-ilmu

lain selain ilmu fardhu a'in seperti ilmu perubatan, undang-undang, pengurusan, matematik, sains dan sebagainya. Setiap umat Islam wajib menguasai ilmu fardhu a'in kerana ia merupakan asas sebagai seorang muslim. Namun, ilmu fardhu kifayah merupakan pilihan kepada sesiapa sahaja untuk mempelajarinya.

Ajaran Islam lebih bersifat adil kepada setiap jantina. Islam tidak menghalang lelaki dan wanita untuk menuntut ilmu pengetahuan. Hal ini demikian kerana hak mendapatkan pendidikan merupakan hak asasi individu dalam ajaran Islam. Setiap individu tidak disekat dalam mencari ilmu pengetahuan dan berhak mendalami sesuatu bidang yang diminati. Keadaan ini telah membuka sudut pandang masyarakat Melayu tentang hak-hak dan potensi pendidikan kepada wanita.

Islam meletakkan lelaki dan perempuan pada tempat yang setara untuk kepentingan dan kebahagiaan mereka. Oleh itu, lelaki dan perempuan mempunyai hak-hak asas dan kewajipan yang sama sebagai hamba Allah, yang membezakan adalah ketaqwaan kepada ilahi. (Mashur Abadi, 1997). Hal ini bertepatan dengan firman Allah di dalam Al-Qur'an dalam surah Al-Hujarat ayat ke 13 yang bermaksud "*wahai seluruh manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu (terdiri) dari laki-laki dan perempuan, dan kami jadikan kamu berbangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia diantara kamu adalah yang paling bertaqwa*". tambahan lagi, Allah S.W.T juga berfirman dalam surah Al-Ahzab ayat ke 35 yang ertinya: "*sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim dan mukmin, yang tetap dalam ketaatannya yang baik, yang sabar, yang khusyu', yang bersedekah, yang berpuasa, yang memelihara kehormatannya, yang banyak menyebutkan nama Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar*".

Tambahan lagi, Islam meletakkan kedudukan wanita pada tempat yang istimewa. Menurut Dra Zikrizti, Nurazan dan Rahimah Embong (2017), wanita memiliki peranan yang sama dengan lelaki kerana Allah menganugerahkan potensi kepada wanita sebagaimana yang diberikan kepada lelaki iaitu potensi akal dan kecergasan serta potensi hati yang *Qalbun Salim* sehingga mampu meniti kehidupan yang selamat di dunia dan akhirat. Wanita yang berakhlak mulia juga digambarkan mampu membangunkan sesebuah negara yang maju.

Hamka Hasan (2009) menyatakan Islam meletakkan wanita di tempat yang sesuai pada tiga bidang. Pertama ialah bidang kemanusiaan, Islam mengiktiraf hak wanita sebagai manusia dengan sempurna sama seperti lelaki. Kedua, bidang sosial terbuka luas bagi wanita di semua disiplin pendidikan. Terdapat wanita yang memiliki tahap pendidikan menepati dalam menjawat jawatan-jawatan penting dalam organisasi kerajaan, organisasi swata dan organisasi masyarakat setempat. Ketiga ialah bidang undang-undang, Islam memberikan hak kepada wanita untuk memiliki harta dengan sempurna dan hak harta tersebut mutlak milik wanita sepanjang hayatnya. Malah, ayah atau suami tiada hak untuk mengambil atau menyentuh harta tersebut.

Sehubungan dengan itu, Islam telah menekankan kepentingan pendidikan dalam memajukan sesebuah masyarakat dan negara. Ilmu merupakan aspek yang amat penting untuk sesebuah tamadun mencapai kemajuan. Oleh yang demikian, perkembangan ilmu pengetahuan telah membawa kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Justeru, emansipasi pendidikan

kepada golongan wanita mampu memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan masyarakat dan negara.

## **6.0 Kesan Pengaruh Emansipasi Islam Dalam Pendidikan Wanita Melayu Moden.**

Peluang yang sama rata untuk wanita mendapat pendidikan memberikan banyak kesan kepada wanita, masyarakat dan negara. Kelayakan pendidikan yang diperoleh sekali gus telah membawa mereka layak memasuki pasaran kerjaya yang pelbagai. Tambahan lagi, kelayakan pendidikan dalam pelbagai bidang telah menaik taraf status wanita dalam pelbagai sudut seperti ekonomi, politik dan sosial.

Tahap pendidikan yang tinggi yang dimiliki oleh wanita membantu mereka memperoleh pendapatan melalui kerjaya yang diceburi. Oleh yang demikian, wanita yang berkerjaya mampu berdikari tanpa memerlukan bantuan kewangan dari pihak lain. Tambahan lagi, wanita kini mampu untuk memiliki aset-aset seperti kenderaan dan hartanah sendiri hasil daripada pendapatan yang diperolehi. Justeru, wanita berkerjaya kini telah kurang kebergantungan mereka terhadap lelaki atau suami. Selain itu, pendapatan yang diperoleh juga telah membantu dalam menaik taraf kehidupan keluarga mereka ke tahap yang lebih baik dan selesa. Wanita juga dilihat mampu menjalankan dwi peranan dengan baik iaitu pembahagian antara tugas di rumah dan tugas kerjaya. Pengurusan masa sangat baik dalam kalangan wanita berkerjaya kerana mereka mampu mengagihkan masa untuk menguruskan rumah tangga dan kerja dalam masa yang sama.

Namun begitu, pencapaian wanita dalam pendidikan yang lebih tinggi dan kerjaya telah mewujudkan fenomena kahwin lewat dalam kalangan wanita. Fenomena ini berlaku kerana beberapa faktor seperti kurang kebergantungan wanita kepada lelaki kerana mereka mampu menjana pendapatan sendiri mampu, memenuhi segala keperluan dan kemahuannya sendiri. Selain itu, beban kerja yang banyak menyebabkan wanita meletakkan kerjaya sebagai fokus utama berbanding perkara lain sehingga melewatkan perkahwinan.

Hasil pendedahan wanita terhadap pendidikan telah menambah keterlibatan wanita dalam kancah politik. Arena politik Malaysia sangat didominasi oleh lelaki sejak awal kemerdekaan. Sehubungan itu, penyertaan wanita dalam bidang politik dilihat dapat mengimbangi pentadbiran negara dan menunjukkan keterbukaan politik yang lebih berdaya saing. Hal ini amat positif kerana wakil wanita berpeluang untuk memperjuangkan hak-hak wanita dan menghapuskan *taboo* yang merendahkan wanita dalam politik.

Penerimaan masyarakat terhadap wanita dalam kancah politik juga telah berubah. Malah kerajaan sendiri telah memperuntukan kouta sebanyak 10 peratus kerusi parlimen kepada wanita bagi memberi galakan kepada wanita menceburi bidang politik. Selain itu, kerajaan juga mewujudkan Dasar Wanita Negara bagi membuka lebih banyak peluang kepada wanita untuk menceburi pelbagai bidang. Malah dasar tersebut juga bertujuan menjaga kepentingan wanita di Malaysia agar hak-hak wanita terpelihara.

Seterusnya, peningkatan tahap pendidikan wanita telah mengubah status sosial wanita. Wanita yang dahulu dianggap lemah juga mampu menyaingi lelaki dalam pelbagai bidang. Malah

masyarakat juga mula memberi kepercayaan kepada wanita dalam mengetahui sesebuah organisasi dan persatuan. Situasi ini secara tidak langsung telah menunjukkan masyarakat Melayu sudah mula membuang stigma dan stereotaip mereka terhadap wanita yang ditanam sejak sekian lama. Hal ini demikian bakal memberikan kesan positif terhadap pembangunan dan kemajuan negara.

Fatimah Ali (2014) menyatakan wanita Melayu yang tamat sekolah dan universiti cenderung untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai, setimpal dengan kelulusan dan pengalaman mereka. Akhirnya dapat dilihat wanita Melayu pada masa kini menjawat pelbagai jawatan. Di samping itu, mereka masih menjalankan peranan mereka dalam rumah tangga sebagai isteri, ibu dan pekerja.

## 7.0 Kesimpulan

Emansipasi Islam telah membuka persepsi masyarakat Melayu terhadap hak-hak wanita khususnya dalam bidang pendidikan. Stereotaip dan stigma yang menjadi *taboo* dalam pemikiran masyarakat sudah mula terhakis melalui emansipasi Islam yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh terdahulu. Kesan-kesan emansipasi Islam kini dapat dilihat dengan keterlibatan wanita dalam pelbagai bidang akibat keterbukaan pendidikan. Fenomena ini amat baik kepada negara Malaysia yang mengalami proses pembangunan yang pesat kerana wanita telah memenuhi kekosongan tenaga kerja yang ada di dalam negara bagi menjadikan negara lebih berdaya saing.

## Rujukan

- Baterah Alias & Che Zarrina Sa'ari. 2006. Islam dan Emansipasi Wanita. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Baterah Alias. 2002. Emansipasi Wanita: Suatu Kajian Terhadap Pandangan Wanita Islam Di Universiti Teknologi Mara (Uitm), Kampus Seksyen 17, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Bahagian Pengajian Usuluddin Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Dra. Zikriati, Nurazan Mohd Rouyan & Rahimah Embong. 2017. Wanita dalam Perspektif Islam. Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Universiti Sultan Zainal Abidin( UniSZA). hlm: 395-400.
- Fatimah Ali. 2014. Pengelibatan Wanita Dalam Bidang Pekerjaan. Jurnal Kias: Jurnal Bilangan IX. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Hamka Hasan. 2009. Tafsir Jender Studi Perbandingan anata Tokoh Indonesia di Mesir. Bidang Lidang dan Diklat: Jakarta.
- Hasnah Hussiin. 2017. Isu Pendidikan Wanita Melayu di dalam Akhbar dan Majalah Melayu 1920-1940. Journal of the Department of History, 19(19).
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. 2007. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.



- Ku Zam Zam & Tune Yap Beng Liang. 1995. Gender Dari Perspektif Masyarakat Melayu: Beberapa Pandangan Umum dalam 100 tahun Za'ba : Za'ba pejuang bangsa, Wan Abdul Kadir (pnyt). Universiti Malaya : Kuala Lumpur, 230-242.
- Ma'ani, Achmad Syafi'I. 2013. Agama Politik Moral. Malang: Anggota IKPI.
- Mashur Abadi. 1997. A'illah, Masa Depan Kaum Wanita. Surabaya: Pustaka Progresif.
- Muhammad Rahimi Hasan. 2017. Perkembangan dan Pencapaian Gerakan Wanita Era Pra Merdeka: Perbandingan Tanah Melayu dan Indonesia. Postgraduate International Seminar (SSPIS). Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Rahimi Hasan. 2020. Emansipasi dan Nasionalisme dalam Politik Wanita Melayu Pra merdeka: Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aiah Ghani dan Shamsiah Fakeh. International Journal of the Malay World and Civilisation 8(1). hlm 17-27.
- Muhammad Ridzuan Idris & Arba'iyah Mohd Noor. 2015. Pentadbiran dan Pengurusan Pendidikan Perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941. Universiti Malaya.
- Ramli saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. 2017. Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaysia sebelum kemunculan Western-Type-Education. Jurnal Perspektif Jil. 8 bil. 2. Universiti Pendidikan Sultan Idris. hlm: 79-96.
- Teks Perlembagaan Persekutuan. Cetakan 2016.
- Wan Abd Kadir W.Y. (1998). Nilai dan World View Orang Melayu Tentang Gender dalam Rokiah Talib dan Shanti Thambiah (pnyt). Gender Budaya dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. pp 1-16.

## PERANAN PASUKAN POLIS WANITA

Izwan Yusuf<sup>1</sup>, Haryati Hasan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, iznysf@gmail.com*

<sup>2</sup>*Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, haryatie@fsk.upsi.edu.my*

### Abstrak:

Penglibatan kaum wanita dalam kerjaya kepolisan telah bermula apabila pasukan Polis Wanita ditubuhkan secara rasmi pada bulan Ogos 1955. Analisis kertas kerja ini berdasarkan sumber primer yang terdiri daripada fail atau dokumen bercetak yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur. Sumber sekunder seperti jurnal, buku dan tesis dirujuk di Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akhbar pula dicapai melalui laman web rasmi National Library Singapore (NLB). Perbincangan kertas kerja ini mengenai peranan pasukan Polis Wanita dari tahun 1955 sehingga 1990. Perbincangan mencerakinkan kepada empat bahagian peranan wanita dalam pasukan polis iaitu wanita sebagai Pegawai Kanan Polis, wanita sebagai mata-mata, wanita sebagai penggiat sukan dan peranan wanita dalam pasukan polis hutan (PPH/ PGA). Penubuhan Pasukan Polis Wanita yang terdiri daripada wanita tempatan ini telah dilaksanakan dengan meminjam khidmat kepakaran daripada polis wanita Inggeris, Penolong Penguasa Polis/ Assistant Superintendent Police (ASP) B.D.R Wentworth dari Hull City Police, Britain. Bertitik tolak daripada sejarah tersebut pasukan polis wanita semakin berkembang maju dan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam mengekalkan kemerdekaan serta keamanan negara sejak penubuhannya dan sehingga kini.

**Kata Kunci:** Peranan, pasukan, polis, wanita, Malaysia

## PENGENALAN

Terdapat empat cabang tugas yang dikenal pasti sangat signifikan dengan peranan wanita dalam pasukan polis. Tugas sebenar mereka di lapangan setelah tamat latihan dari depot telah mencuri perhatian pihak media ketika itu. Dalam sebuah penulisan artikel akhbar *Berita Harian* pada 26 Mac 1958 yang berjudul “Polis Wanita: Mereka baharu-tapi telah membuktikan harga diri mereka” oleh Jeffrey Francis, beliau telah menulis mengenai tugas harian anggota polis wanita. Sebagai seorang anggota atau pegawai dalam pasukan polis, tidak mengira perbezaan bangsa, agama mahupun jantina, sudah pastinya akan berpegang kepada cogan kata keramat pasukan iaitu “Sedia Berkhidmat”. Jeffrey menulis bahawa sekitar 10 hingga 20 tahun terdahulu; merujuk kepada zaman tersebut, untuk melihat wanita bekerja sebagai penjawat awam apatah lagi dalam pasukan keselamatan termasuk polis sememangnya sesuatu yang sangat mustahil. Bahkan, sudah pasti ianya akan dianggap sebagai sesuatu yang “*taboo*” ataupun sesuatu yang dianggap luar biasa daripada norma kehidupan masyarakat. Hal ini menurut beliau pastinya akan menyebabkan berlakunya suatu keadaan yang mungkin kacau bilau serta menjadi buah mulut masyarakat yang tidak enak. Walau bagaimanapun, negara ketika itu sudah mula bergerak ke arah pemodenan dan perkara tersebut sudah dianggap kolot sekiranya masih ada lagi masyarakat yang beranggapan sedemikian rupa. Maka, tidak hairan lagi untuk melihat wanita yang lengkap memakai uniform biru dan bersongkok hitam menjalankan kerja-kerja seperti membantu orang awam melintas jalan, menghalau penjaja tidak berlesen di kaki lima malah mencegah jenayah di ibu kota dan desa-desa dari pagi hingga ke petang kerana itu meruapakan rutin harian lazim atau tugas mereka sebagai seorang polis wanita<sup>1</sup>.

## PERANAN PASUKAN POLIS WANITA

---

<sup>1</sup> Jeffrey Francis. Polis Wanita: Mereka Baharu-Tapi Telah Membuktikan Harga Diri Mereka. *Berita Harian*. (1958, Mac, 26). Hlm 4.

Peranan pasukan polis wanita dicerakinkan kepada empat iaitu wanita sebagai Pegawai Kanan Polis, wanita sebagai Mata-mata, wanita sebagai penggiat sukan dan peranan wanita dalam pasukan Polis Hutan (PPH/ PGA).

### 1. Pegawai Kanan Polis

*“pegawai kanan polis” ertinya seseorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat dan termasuk Ketua Polis Negara ke bawah hingga dan termasuk seseorang Inspektor dalam percubaan;*<sup>2</sup>

Menurut Jadual Pertama [Seksyen 2 dan subseksyen 5(2)] PANGKAT POLIS, 1. PEGAWAI KANAN POLIS, seseorang polis yang bermula dengan pangkat Inspektor sama ada masih lagi dalam peringkat Inspektor Percubaan adalah diklasifikasikan sebagai seorang pegawai kanan. Mengulas penerangan mengenai tugas seorang pegawai kanan, kumpulan ini secara umum dan ringkasnya mempunyai bidang kuasa untuk mengawal mana-mana Polis Diraja Malaysia di kawasan, tempat, formasi, daerah, negeri dan perairan di bawah Seksyen 6 seperti yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara<sup>3</sup>. Justeru, dapat dirumuskan bahawa kumpulan pegawai kanan polis ini mempunyai peranan sebagai ketua bagi pasukan-pasukan polis yang menjalankan tugas atau operasi seperti sekatan jalan raya, rondaan, penangkapan, pendakwaan dan lain-lain lagi termasuk upacara-upacara istiadat perbarisan seperti yang disebutkan juga dalam BAHAGIAN III AKTA 344, AKTA POLIS 1967 (3)<sup>4</sup>.

Mengimbas kembali kisah ASP B.D.R Wentworth dan 7 orang lagi Inspektor pertama polis wanita negara, kumpulan perintis ini diklasifikasikan sebagai pegawai kanan dengan merujuk kepada pangkat yang disandang mereka. Selain Barbara Wentworth; ketua jurulatih Kadet Inspektor Wanita dan ketua polis wanita pertama yang dipinjamkan dari *Hull City Police*, kesemua tujuh orang pegawai ini juga menjadi ketua dalam penugasan masing-masing seperti yang terkadung dalam BAHAGIAN III AKTA 344, AKTA POLIS 1963 (3) yang telah dinyatakan. Umumnya, struktur pentadbiran dalam mana-mana jabatan kerajaan ketika era tersebut; termasuk Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu, sudah pastinya jawatan ketua bagi penugasan yang dinyatakann akan menjadi lazim dengan pegawai berbangsa Inggeris dan diikuti pegawai lelaki tempatan, tetapi sebagai kumpulan perintis atau pertama yang ditubuhkan, kumpulan pegawai kanan wanita ini yang diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan ketua dalam pasukan polis sememangnya suatu perkara yang sangat luar biasa dan wajar dibanggakan. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat besar kepada golongan wanita tempatan.

---

2

Jabatan Peguam Negara. (2016). *Akta Polis 1967, Akta 344*. Hlm 10.

3

*Ibid.*

4

*Ibid*

### **a- Inspektor Irene Saw Leng**

ASP Barbara di Tanah Melayu sebagai ketua polis wanita adalah secara kontrak selama tiga tahun. Pada 21 Ogos 1958, Irene Saw Leng yang juga berpengalaman berlatih di *Kolej Polis Ryton*, Dunsmore selama enam bulan telah mencipta sejarah sebagai Ketua Polis Wanita kedua dan pertama bagi wanita tempatan. Pelantikan Irene ini juga wajar diangkat sebagai salah satu kejayaan bagi negara dalam pengambil-alihan atau pertukaran kuasa antara pegawai Inggeris dengan pegawai tempatan selepas mencapai kemerdekaan pada tahun sebelumnya<sup>5</sup>. Irene juga pernah bertugas sebagai detektif di bawah cawangan SB dan beliau merupakan watak utama dalam kejayaan penangkapan Lee Meng @ “Malayan Matahari”. Kes ini telah diterbitkan juga dalam sebuah penulisan yang berjudul *Hunting Down the Malayan Mata Hari* sebagai salah satu sumbangan terbesar oleh polis wanita terhadap keamanan negara.

### **b- Inspektor Raja Nor Jasmi Raja Shahar Shah**

Pada Selasa 14 Oktober 1959, Yang Mulia Raja Nor Jasmi Raja Shahar Shah telah dilantik sebagai Ketua Polis Wanita yang ketiga dengan memangku pangkat ASP bagi menggantikan ASP Irene yang ditukarkan ke Ipoh. Semasa beliau mengambil alih dan memegang tampuk pentadbiran polis wanita, kekuatan keseluruhan polis wanita termasuk pegawai dan anggota di seluruh negara ketika itu adalah seramai 100 orang. Sebagai ketua polis wanita juga, beliau turut diberikan peranan sebagai Pendakwa di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur dan lantikan ini menjadikan beliau sebagai wanita pertama, bahkan wanita daripada kerabat Diraja Perak yang pertama menjawat jawatan tersebut<sup>6</sup>.

### **c- Inspektor Emily Koshy**

Emily Koshy, salah seorang daripada tujuh Inspektor ambilan pertama tidak dapat dinafikan kredibilitinya sebagai seorang pegawai apabila beliau telah dipilih sebagai Platun Komander Detasmen Polis Wanita dalam perarakan Hari Kemerdekaan Pertama tanah air pada tanggal 31 Ogos 1957<sup>7</sup>. Sudah pastinya, pemilihan beliau ini sebagai platun komander adalah berdasarkan kepada kekemasan, kesegakkan dan disiplin dalam etika pemakaian dan kemahiran kawad. Hal ini dapat memberi gambaran mengenai keperibadian beliau sebagai seorang pegawai polis yang mempunyai karisma yang tinggi.

Selain memainkan peranan sebagai ketua Detasmen Polis Wanita pada hari yang cukup bersejarah tersebut, Emily juga mempamerkan kecekapan beliau dalam menjalankan tugas sebagai seorang pegawai polis di lapangan. Hasil tinjauan dalam akhbar-akhbar dari tahun 1955 hingga pertengahan 1970an, sekurang-kurangnya sembilan buah artikel terdapat menyebut peranan beliau dalam bidang penguatkuasaan undang-undang dibawah kuasa pasukan polis. Sila lihat Jadual 1;

5

Irene Lee-From Housewife to Head of Women Police. *The Straits Times*. (1958, Ogos, 14). Hlm 10.

6

Raja Nor Ketua Polis Wanita. *Berita Harian*. (1959, Oktober, 14). Hlm 5.

7

Meet Emily Koshy, The Country's First Indian Policewoman. *Malay Mail*. (2016, Oktober, 9). Diperoleh daripada <https://malaymail.com/news/malaysia/2016/10/09/meet-emily-koshy-the-countrys-first-indian-policewoman/1223579>.

*Jadual 1: Peranan Terpilih Inspektor Emily Koshy Dalam Akhbar-akhbar.*

Tarikh	Judul Artikel	Akhbar
9 Mac 1967	18 bulan dan 3 kali sebat dengan rotan <sup>8</sup>	<i>Berita Harian</i>
15 Mac 1968	Wanita separoh bogel mati di-bunuh <sup>9</sup>	<i>Berita Harian</i>
30 April 1968	<i>Fugitive Mervin goes back to prison</i> <sup>10</sup>	<i>The Straits Times</i>
30 April 1968	<i>Military trial for murder case soldier</i> <sup>11</sup>	<i>The Strait Times</i>
22 Januari 1969	Jel bagi peon palsukan chek \$425 <sup>12</sup>	<i>Berita Harian</i>
9 Julai 1969	Tukang kayu di-penjara <sup>13</sup>	<i>Berita Harian</i>
31 Mei 1972	Penjara satu tahun kerana tudohan menipu \$100 <sup>14</sup>	<i>Berita Harian</i>
14 Ogos 1974	<i>Police stop student leader's speech</i> <sup>15</sup>	<i>The Straits Times</i>
6 Julai 1975	Seorang isteri dipenjara setahun kerana cederakan suaminya <sup>16</sup>	<i>Berita Harian</i>

Berdasarkan kepada sembilan kes jenayah yang tular dan menjadi tajuk artikel dalam akhbar-akhbar tersebut, secara ringkasnya Emily selaku pegawai polis didapati berperanan sebagai pegawai penyiasat dan bertindak sendiri sebagai pendakwa raya di mahkamah bagi kes-kes tersebut.

8

18 Bulan dan 3 Kali Sebat Dengan Rotan. *Berita Harian*. (1967, Mac, 9). Hlm 8.

9

Wanita Separoh Bogel Mati Di-bunuh. *Berita Harian*. (1968, Mac, 15). Hlm 6.

10

Fugitive Mervin Goes Back to Prison. *The Straits Times*. (1968, April, 30). Hlm 7.

11

Military Trial for Murder Case Soldier. *The Straits Times*. (1968, April, 30). Hlm 11.

12

Jel Bagi Peon Palsukan Chek \$425. *Berita Harian*. (1969, Januari, 22). Hlm 10.

13

Tukang Kayu Di-penjara. *Berita Harian*. (1969, Julai, 9). Hlm 5.

14

Penjara Satu Tahun Kerana Tudohan Menipu \$100. *Berita Harian*. (1972, Mei, 31). Hlm 10.

15

Police Stop Student Leader's Speech. *The Straits Times*. (1974, Ogos, 14). Hlm 14.

16

Seorang Isteri Dipenjara Setahun Kerana Cederakan Suaminya. *Berita Harian*. (1975, Julai, 6). Hlm 14.

#### **d- Inspektor Zakiah**

Inspektor Zakiah atau nama sebenar beliau Zakiah Binti Laidin merupakan pegawai yang berkhidmat dalam Jabatan Penyiasat Jenayah (CID) kontinjen Pulau Pinang. Beliau ialah produk Kadet Inspektor ambilan kedua tanah air dan kecermelangannya telah menjadikan beliau dilantik sebagai Ketua Polis Wanita keempat. Dengan pelantikan sebagai CO baharu, beliau serta merta dinaikkan pangkat ke ASP berkuatkuasa pada 4 Mac 1961 menggantikan ASP Raja Nor Jasmi; alumni ambilan pertama<sup>17</sup>.

## **2. Polis Wanita Sebagai Mata-mata**

*“konstabel” ertinya seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Koperal dan termasuk seseorang Rekrut;*

*“pegawai rendah polis” ertinya seseorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat dari dan termasuk seseorang Sub-Inspektor ke bawah hingga dan termasuk seseorang Koperal;<sup>18</sup>*

Perkataan “mata-mata” menurut definisi yang diterjemahkan dalam *Kamus Pelajar Edisi Kedua* dan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, masing-masing membawa maksud polis. Lazim dalam laras bahasa yang difahami masyarakat, mata-mata ialah anggota dan bukannya pegawai polis. Dalam konteks penulisan ini juga, perkataan mata-mata digunakan untuk merujuk kepada Konstabel dan Pegawai Rendah Polis Wanita.

Seperti yang terkandung dalam BAHAGIAN VII AKTA 344, AKTA POLIS 1963, TUGAS DAN KUASA PEGAWAI POLIS, kelompok mata-mata ini sama seperti kelompok pegawai kanan polis namun penugasan mereka secara umumnya lebih kepada pelaksana operasi di lapangan<sup>19</sup>. Memetik artikel yang ditulis Jeffrey Francis mengenai peranan mata-mata wanita dalam bahagian “Seperti lelaki” hasil daripada lawatan beliau ke *Central Police Station* di Kuala Lumpur<sup>20</sup>:

*Bagaimana chara-nya polis perempuan memulakan kerja-nya sa-tiap hari?... Pada pagi2 lagi mereka melaporkan diri. Mereka memakai uniform biru, songkok hitam, tali pinggang hitam dan stokin biru tua. Mereka membawa bek*

<sup>17</sup> Ketua Baharu Polis Wanita. *Berita Harian*. (1961, Mac, 4). Hlm 1.

<sup>18</sup> Dipetik daripada BAHAGIAN III AKTA 344, AKTA POLIS 1967

<sup>19</sup> Diubah suai daripada Jabatan Peguam Negara. (2016). *Akta Polis 1967, 344*.  
<sup>20</sup>

Jeffrey Francis. Polis Wanita: Mereka Baharu-Tapi Telah Membuktikan Harga Diri Mereka. *Berita Harian*. (1958, Mac, 26). Hlm 4.

*yang di-gantungkan di-bahu, sa-lain dari barang2 kepunyaan sendiri, juga satu buku peringatan dan pencil. Sa-telah menanda tangani buku kedatangan mereka di-pereksa oleh officer-incharge – sa-orang sub-inspektor lelaki. Mereka kemudian-nya di-beritahu tentang kerja2 mereka untok hari tu jalan2 yang harus mereka jaga. Sa-telah itu mereka meninggalkan balai polis mereka dan kembali sa-mula pada tengah hari untok melaporkan kerja2 mereka. Dalam masa kerja mereka menjaga di-jalan2 raya itu mereka mungkin membersehhkan kaki2 lima dari penjaja2 yang menutup jalan, menolong perempuan2 dan anak2 yang hendak meenyeberang jalan2 yang sibuk dan menangkap mereka yang melanggar undang2 lalu lintas. Pada sa-belah petang-nya polis2 perempuan di-beri kerja yang lebih senang. Mereka bersedia menunggu dalam pejabat2 pertanyaan polis kalau2 ada panggilan dan hal2 mustahak. Polis perempuan sedang menjalankan kewajipan yang berguna. Bertambah banyak perempuan2 di-ambil masok ka-dalam Pasokan Polis Persektuan dan di-tempatkan di-bandar2 yang mustahak. Sa-benar-nya polis perempuan akan tetap di-gunakan terus. Dan mereka akan mendapat tempat yang sa-layak-nya dalam negeri Malaya merdeka.*

Tambahan lagi, mata-mata wanita ini turut diberikan latihan tambahan selama sebulan untuk mempelajari hal ehwal undang-undang dan pengurusan yang melibatkan wanita dan kanak-kanak. Silibus ini menggantikan silibus pengendalian senjata api yang dipelajari mata-mata lelaki untuk persediaan mereka ditugaskan ke hutan sekiranya ada keperluan untuk membantu Pasukan Polis Hutan dan pihak Angkatan Tentera Malaysia khususnya dalam membanteras ancaman penganas komunis<sup>21</sup>.

*Perempuan yang 54 orang itu menjalani latehan sama saperti mata2 lelaki, terkechuali mereka berlateh lebeh sa-bulan kerana belajar hal2 mengenai undang2 berkaitan dengan soal perempuan dan anak2. Satu2nya latehan yang tidak di-berikan kapada mereka ia-lah latehan di-padang atau berbaris menggunakan senjata yang mana memang di-khaskan bagi mata2 lelaki yang mungkin pergi-kahutan2 melawan penganas2.*

Pada awalnya tidak dinafikan ada persoalan berkaitan idea menubuhkan Konstabel Polis Wanita memandangkan syarat pengambilannya agak mudah berbanding Kadet Inspektor yang lebih ketat saringannya dalam penilaian fizikal dan akademik khususnya. Sama ada akan ada pengambilan Konstabel Polis Wanita siri kedua juga bergantung kepada sejauhmana prestasi 54 orang perintis tersebut. Walaubagaimanapun, kumpulan pertama ini ternyata telah membuktikan bahawa mereka ialah polis yang sangat bagus sama seperti 7 orang Inspektor sebelumnya dan turut mendapat pujian daripada ASP Barbara sendiri “*Perempuan2 ini sa-sunggoh-*

---

<sup>21</sup> Jeffrey Francis. Polis Wanita: Mereka Baharu-Tapi Telah Membuktikan Harga Diri Mereka. *Berita Harian*. (1958, Mac, 26). Hlm 4.

nya telah menunjukkan apa yang mereka boleh buat. Mereka telah mendapat markah yang baik dalam peperiksaan.” “Saya berbesar hati dengan mereka,”<sup>22</sup>

#### **a- Polis Trafik**

Meninjau beberapa muat naik dalam laman sesawang rasmi Polis Diraja Malaysia, terdapat satu perkongsian berbentuk fotografi atau gambar daripada waris dan ahli keluarga bekas Polis Wanita terawal negara yang bertugas sebagai polis trafik.

Menelusuri perkembangan terkini dalam pasukan polis, anggota dan pegawai polis trafik kini diletakkan di bawah tadbiran Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) yang diketuai oleh seorang pegawai kanan berpangkat *Senior Assistant Commissioner (SAC)*. Walaupun jalan di seluruh negara sudah lazim dengan kelibat polis trafik dengan uniform serba putih dan motosikal berkuasa tinggi mereka, JSPT ini merupakan jabatan yang termuda ditubuhkan daripada kesemua sembilan jabatan dalam PDRM. Bersempena sambutan Hari Polis yang ke-209 pada 25 Mac 2016, kesemua polis trafik telah disatukan dan diselaras bawah JSPT dengan misi memberi perkhidmatan yang cekap, profesional dan berkualiti dalam melindungi serta menjamin persekitaran yang selamat kepada pengguna jalan raya<sup>23</sup>.

---

22

*Ibid.*

23

Polis Diraja Malaysia. (2016). *Jabatan-jabatan*. Diperoleh daripada <https://rmp.gov.my/infor-korporate/jabatan---jabatan>





Gambar 1: Konstabel Robiah Man: Polis Trafik Wanita Pulau Pinang

Sumber: Hairi Abu Bakar. Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). *Down Memory Lane*. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2329557797054514>

Gambar 1 dan 2 Robiah ketika sedang bertugas serta bersama mata-mata dan Gambar 3 setelah bersara. Gambar Robiah Man ini telah dimuat naik dalam album *DOWN MEMORY LANE*, Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police) pada 22 Februari 2019 setelah dikongsikan oleh saudara Hairi Abu Bakar; anak lelaki beliau. Menciap perkongsian tersebut, Robiah memulakan kerjayanya sebagai Konstabel Polis Wanita sejak tahun 1975 pada usia beliau 20 tahun. Selepas menamatkan latihan selama enam bulan di depot polis, Robiah telah ditugaskan ke Cawangan Trafik Georgetown di Pulau Pinang. Sebagai seorang anggota polis trafik, Robiah telah mencipta sejarah apabila beliau dilantik sebagai Penolong Pegawai Penyiasat Trafik yang pertama daripada

kumpulan Polis Wanita. Pelantikan ini sekaligus memberikan beliau kenaikan pangkat kepada Sarjan dan setelah berkhidmat di sana selama tiga tahun bermula dari 1989 hingga 1991<sup>24</sup>.

Robiah kemudiaanya dinaikkan pangkat ke Sarjan Mejar (SM) dan bertugas sebagai Timbalan Ketua Balai Polis Mantin, Negeri Sembilan dari tahun 1991 hingga 1997 serta mengakhiri perkhidmatannya secara wajib dengan pangkat Sub-Inspektor (SI), tahun 2014 setelah bertugas sebagai Penolong Pegawai Siasatan Khas D9 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan<sup>25</sup>.

Dalam satu lagi gambar yang lebih awal dimuat naik dalam album tersebut adalah pada 22 November 2018, dipetik daripada buku *SHE – A Tribute To The Women of Malaysia* yang diterbitkan Kementerian Pembangunan Wanita; memaparkan seramai lima orang anggota polis trafik wanita sedang melakukan rondaan menaiki motosikal<sup>26</sup>.



Gambar 2: Polis Trafik Wanita Pada Tahun 1979

Sumber: Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2018). *Down Memory Lane: Polis trafik wanita pada tahun 1979*. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2190707730939522>

<sup>24</sup> Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). *Down Memory Lane*. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2329557797054514>

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup>

Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2018). *Down Memory Lane: Polis trafik wanita pada tahun 1979*. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2190707730939522>

### **b- Tugas-tugas Am**

Berpandukan Nurul Nadia Saharom, 2019<sup>27</sup>, pasukan Polis Wanita di Kuala Pilah, Negeri Sembilan terdiri daripada seorang Inspektor dan 12 orang mata-mata seperti dalam jadual 2<sup>28</sup>:

*Jadual 2: Tugas-Tugas Am*

Bil	Nama	Umu r	Pangkat/ Jawatan
1.	Auyong Kim Pan	30	Inspektor
2.	Angeline Siow	30	Jurutaip
3.	Van Geyzel	42	Jurutaip
4.	Khoo Teng Wah	31	Jurutaip
5.	Lee Boon Peng	43	Penterjemah
6.	Tang Kow Kee	26	Kerani
7.	Siti Hawa Abdullah	24	Operator Telefon
8.	Iman Salam	43	Bidan
9.	Ong Yoke Cheng	40	Konstabel
10.	Cho Lai Mun	32	Konstabel
11.	Ang Hoi Hong	29	Konstabel
12.	Cheong Soo Lan	44	Konstabel
13.	Fatimah Abdul Rahman	28	Konstabel

Bagi mata-mata wanita di Kuala Pilah, mereka ini telah ditempatkan ke Cawangan Tugas Am dan melakukan tugas-tugas perkeranian pejabat seperti di mahkamah, kaunter pertanyaan, bilik maklumat serta termasuk sebagai anggota polis trafik. Lantaran itu, perjawatan seperti jurutaip, penterjemah, kerani, operator telefon bahkan bidan juga turut diisi mereka. Hal ini memberi nilai tambah pengetahuan bahawa ternyata Polis Wanita merupakan penjawat awam yang serba boleh dan mereka ini menepati cogan kata pasukan iaitu “Sedia Berkhidmat”; berkhidmat terhadap apa jua bidang penugasan yang diamanahkan<sup>29</sup>.

Sementelahan itu, meskipun turut diberi tugas-tugas di pejabat, peranan mereka di lapangan tidak kurang juga hebatnya malah mendapat perhatian pihak media ketika itu. Memetik

<sup>27</sup>

Nurul Nadia Saharom. (2019). *Penglibatan Wanita Dalam Sektor Perkhidmatan Awam di Kuala Pilah*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hlm 29.

<sup>28</sup>

1999/0050310 Royal Federation Of Malaya Police, Annual Report 1961.

<sup>29</sup>

Nurul Nadia Saharom. (2019). *Penglibatan Wanita Dalam Sektor Perkhidmatan Awam di Kuala Pilah*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hlm 34.

dua artikel terbitan daripada akhbar Berita Harian, Polis Wanita di Kuala Pilah telah ditugaskan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak yang cedera parah dalam satu tragedi amukan<sup>30</sup>. Manakala satu lagi kes melibatkan jenayah rogol; mata-mata ini telah ditugaskan untuk mengendalikan tindakan susulan terhadap mangsa rogol yang berusia 15 tahun<sup>31</sup>. Kedua-dua kes yang melibatkan pengurusan undang-undang berkaitan hal ehwal wanita dan kanak-kanak ini sangat bertepatan dengan objektif penubuhan Pasukan Polis Wanita.

### 3. Polis Wanita Sebagai Penggiat Sukan

Sama ada polis wanita negara berpangkat pegawai kanan atau mata-mata biasa, sudah pastinya mereka mempunyai tahap kecergasan fizikal tubuh badan yang tinggi memandangkan penugasan sebagai barisan hadapan di lapangan menuntut kesiapsiagaan jasmani yang utuh. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kejayaan seorang anggota trafik yang menumpaskan penyerang lelaki cuba merabanya<sup>32</sup>. Sebenarnya, sejak di depot lagi ketika mereka dilatih sebagai rekrut yang sedang menjalani latihan asas Konstabel Wanita, telah diajar dengan ilmu seni mempertahankan diri Judo seperti yang dikongsikan oleh ASP Barbara Wentworth, “*mereka ada di-ajar tentang latehan gerak badan dan latehan bagaimana menjaga keselamatan diri. Hari ini kebanyakan mereka itu ahli dalam hal Judo.*”<sup>33</sup>

Sudah diketahui bahawa pada awal siri pengambilan polis wanita tanah air ini adalah di bawah kejurulatihan ASP Barbara namun bagi silibus seni mempertahankan diri yang dipelajari para pelatih di depot, ianya diajar oleh seorang guru Judo wanita yang diimport khas dari Jepun. Ini bermakna kerajaan British dan kerajaan Malaysia yang baharu sahaja mencapai kemerdekaan rupanya ada menjalinkan hubungan dengan kerajaan Jepun walaupun masih baru sahaja melewati pasca Perang Dunia Kedua pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Guru Judo tersebut ialah Miss T.Miyake yang berusia 31 tahun dan beliau telah menghabiskan masa di Kuala Lumpur selama dua bulan sebagai tenaga pengajar di *Federal Police Depot*. Sepanjang keberadaan Miyake di Kuala Lumpur, beliau bukan sahaja menjadi guru di depot polis malah turut menyebarkan seni bela diri Judo hingga mewujudkan penubuhan Kelab Judo Selangor oleh peminat yang mengagumi Judo ini sebagai satu acara sukan. Dianggarkan, ahli kelab ini adalah melebihi 80 orang termasuk polis wanita berdasarkan jumlah hadirin yang menghantar Miyake ke lapangan terbang untuk pulang ke Jepun<sup>34</sup>.

---

30

Lelaki Mengamok: 3 Mati, 4 Parah di Negeri Sembilan. *Berita Harian*. (1967, April, 6). Hlm 1.

31

Di-Penjara Lima Tahun Kerana Merogol Cucu. *Berita Harian*. (1970, Oktober, 14). Hlm 10.

32

Akibat Cuba Pegang Buah Dada Polis. *Berita Harian*. (1974, Julai, 12). Hlm 1.

33

Jeffrey Francis. Polis Wanita: Mereka Baharu-Tapi Telah Membuktikan Harga Diri Mereka. *Berita Harian*. (1958, Mac, 26). Hlm 4.

34

Guru Judo Di-Hantar Balek Dengan Gembira-Nya. *Berita Harian*. (1958, April, 7). Hlm 8.

Selain sukan judo, Polis Wanita lebih awal turut aktif dalam sukan hoki bahkan cemerlang dalam permainannya. Dalam kejohanan hoki Piala Merdeka Wanita Perak, pasukan Polis Wanita Ipoh unggul membenam pasukan Kampong Anglo-Chinese School (perempuan) dengan mata 6 berbalas 0 (6-0)<sup>35</sup>.

Pada tahun 1958, Polis Tapah telah menganjurkan Temasya Sukan Polis Tapah yang turut menyertakan acara bagi kategori wanita. Bagi acara larian pecut 100 meter dan 200 meter wanita, ianya telah dimenangi oleh saudari Zahara dari Pasukan Polis Bidor. Walaubagaimanapun, kuartet Polis Bidor menamatkan keseluruhan pertandingan di tempat ketiga dengan Polis Tapah; tuan rumah dan Polis Temoh masing-masing bergelar johan dan naib-johan keseluruhan temasya<sup>36</sup>.

Dalam satu lagi karnival sukan yang lebih besar dan mengambil tempat di Singapura pada 3 ogos 1959, satu kejayaan manis telah berjaya dilakar oleh Polis Wanita Persekutuan yang menundukkan tuan rumah, Polis Wanita Singapura dalam acara lari berganti 4 x 110 meter di gelanggang lawan<sup>37</sup>.



Gambar 3: Polis Wanita Persekutuan Bergambar Kenangan di Singapura

#### **a- Unit Payung Terjun Wanita**

Meninjau artikel terbitan Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police), 2019<sup>38</sup>, sejarah awal penubuhan Unit Payung Terjun Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah bermula pada 26 Ogos 1978

35

Polis Wanita Jaring 6 Gol. *Berita Harian*. (1957, September, 9). Hlm 8.

36

Temasha Sukan Polis Tapah. *Berita Harian*. (1958, Mac, 18). Hlm 8.

37

Pasokan Polis Yang Berjaya. *Berita Harian*. (1959, Ogos, 8). Hlm 8.

38

apabila seramai 65 anggota termasuk lima wanita telah dihantar ke Pangkalan Latihan Border Patrol Police Air Support Staff Division, Pacyuabkiriham, Thailand untuk mengikuti latihan asas payung terjun.

Pada 3 Februari 1988, pengambilan dibuka kepada anggota-anggota wanita untuk menjalani latihan bagi melayakkan diri sebagai ahli payung terjun PDRM. Seramai tujuh orang termasuk seorang pegawai telah sukarela untuk menyertai latihan tersebut yang diadakan di Sekolah Latihan Polis Hutan, Ulu Kinta Perak. Mereka ini ialah Inspektor Ng Guat Choo, Koperal Jamilah Dahalan, Konstabel Harjinder Kaur, Konstabel Hasmawati Mohamed, Konstabel Rohani Koran Khan, Konstabel Zalilah Abu Yahya dan Konstabel Nurmala Rashid.

Calon ini menjalani latihan selama lima bulan bermula dari 3 Februari 1988 hingga 17 Julai 1988 dengan dikendalikan oleh beberapa jurulatih berpengalaman dari VAT 69 Komando yang diselia oleh Inspektor Mohd Sahid Mohd Noh. Latihan yang diberikan walau bagaimanapun adalah bercorak sukan dan bukannya gempur seperti yang diajarkan kepada operator komando. Setelah berjaya menamatkan latihan, mereka telah ditauliah dan disematkan dengan Sayap Penerjunan oleh Dato' Sri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, iaitu isteri Perdana Menteri pada satu majlis di Taman Tasik Bandar Tun Razak Cheras, Kuala Lumpur pada 17 Julai 1988.

Penerjunan secara rasmi buat pertama kalinya dipertontonkan kepada orang ramai bersempena Ulang Tahun ke-30 Gelaran Diraja kepada PDRM pada 24 Julai 1988 dan kemudiannya mereka membuat lebih daripada 200 aktiviti penerjunan di seluruh Malaysia sempena Persembahan Tatu PDRM.



Gambar 4: Unit Payung Terjun Wanita Pertama PDRM.

Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). *Fakta @ Auta: Unit Payung Terjun Wanita Pertama PDRM*. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2101212326555730/2261986907144937>

Sumber: Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). Fakta @ Auta: Unit Payung Terjun Wanita Pertama PDRM. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2101212326555730/2261986907144937>

#### 4. Polis Wanita Sebagai PPH/ PGA

Pasukan Polis Hutan (PPH) Wanita telah ditubuhkan pada 1 Julai 1974, iaitu bersempena 19 tahun selepas pengambilan pertama wanita dalam pasukan polis. Membentuk kompeni pertama PPH Wanita, ianya telah dianggotai oleh seorang pegawai kanan berpangkat Inspektor, seorang Sarjan, dua Koperal dan 49 mata-mata yang dipilih khas dari kontinjen-kontinjen seluruh Malaysia<sup>39</sup>. Kesemua mereka telah dilatih dengan pelbagai ilmu peperangan hutan termasuk *Counter Insurgency Warfare* (CIW)/ Perang Gerila Hutan dan dilatih dengan kemahiran-kemahiran infantri seperti pengendalian senjata api semasa menjalani Kursus Peralihan PPH selama 7 minggu di Sekolah Latihan PPH (kini dikenali sebagai Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am (PLPGA), Ulu Kinta, Perak. PPH Wanita juga diberikan latihan jasmani, pertolongan cemas, cara-cara menembak, merentas halangan, muslihat peperangan di hutan, serang hendap dan meronda, membuat pangkalan di hutan, penghidupan di hutan, pergerakan serta-merta, kawalan, perjalanan di hutan serta 'field craft'<sup>40</sup>. Setelah menamatkan latihan, mereka telah ditauliahkan pada 16 Ogos 1974 oleh Ketua Polis Negara ke-4, Tun Mohammed Hanif Omar dalam satu perbarisan tamat latihan yang diadakan di Pusat Latihan Sekolah Polis Hutan, Ulu Kinta<sup>41</sup>.

---

<sup>39</sup> Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). *Down Memory Lane: PPH Wanita*. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2548918205118471>

<sup>40</sup> Diubahsuai daripada Selamat Sainayune. (2007). *Polis Wanita: Sejarah Begambar 1955-2007*. Kelana Jaya: Kelana Publication Sdn Bhd.

<sup>41</sup>

*Ibid.*



Gambar 5: PPH Wanita Menjalani Latihan di Ulu Kinta

Sumber: Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). *Down Memory Lane: PPH Wanita*. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2548918205118471>

## KESIMPULAN

Menelusuri peranan-peranan yang telah dipertanggungjawab dan dimainkan dengan sempurna oleh Pasukan Polis Wanita, tidak dapat disangkal lagi kehebatan mereka dan perkara ini bukanlah sebagai wadah untuk memuji semata-mata namun ternyata pasukan yang dianggap sebagai percubaan ini pada awalnya sememangnya telah membuktikan keupayaan mereka. Hasilnya, mereka telah dijadikan contoh kepada negara-negara jiran untuk menstrukturkan pasukan polis wanita negara masing-masing. Pada awal Januari 1969, kerajaan Laos telah menghantar seramai 20 orang polis wanita mereka untuk berlatih di *Federal Police Depot*. Selain itu, polis wanita Laos ini turut dibawa untuk turun ke lapangan sebenar kepolisan negara dengan melawat ke Balai Polis Petaling Jaya dengan tajaan daripada Ketua Polis Daerah Petaling Jaya/ OCPD Petaling Jaya iaitu DSP E. A Fernandez. Mereka telah diberi pendedahan berkenaan sistem Salleh yang dipelopori oleh Ketua Polis Negara ketika itu; Tan Sri Salleh untuk meningkatkan mutu hubungan antara orang awam dengan pihak polis<sup>42</sup>.

<sup>42</sup> Anggota2 Polis Wanita Laos Melawat Balai Polis Petaling Jaya. *Berita Harian*. (1969, Januari, 7). Hlm 8.



## **SUMBER**

- Akta Polis 1967, Akta 344. 2016. Jabatan Peguam Negara.
- Annual Report 1961. Royal Federation Of Malaya Police. (1999/0050310).
- Berita Harian. Polis Wanita Jaring 6 Gol. (1957, September, 9).
- Berita Harian. Temasha Sukan Polis Tapah. (1958, Mac, 18).
- Berita Harian. Guru Judo Di-Hantar Balek Dengan Gembira-Nya. (1958, April, 7).
- Berita Harian. Pasokan Polis Yang Berjaya. (1959, Ogos, 8).
- Berita Harian. Raja Nor Ketua Polis Wanita. (1959, Oktober, 14).
- Berita Harian. Ketua Baharu Polis Wanita. (1961, Mac, 4).
- Berita Harian 18 Bulan dan 3 Kali Sebat Dengan Rotan. (1967, Mac, 9).
- Berita Harian. Lelaki Mengamok: 3 Mati, 4 Parah di Negeri Sembilan.(1967, April, 6).
- Berita Harian Wanita Separoh Bogel Mati Di-bunuh. (1968, Mac, 15).
- Berita Harian. Anggota2 Polis Wanita Laos Melawat Balai Polis Petaling Jaya. (1969, Januari, 7).
- Berita Harian. Jel Bagi Peon Palsukan Chek \$425. (1969, Januari, 22).
- Berita Harian. Tukang Kayu Di-penjara. (1969, Julai, 9).
- Berita Harian. Di-Penjara Lima Tahun Kerana Merogol Cucu. (1970, Oktober, 14).
- Berita Harian. Penjara Satu Tahun Kerana Tuduhan Menipu \$100. (1972, Mei, 31).
- Berita Harian. Akibat Cuba Pegang Buah Dada Polis. (1974, Julai, 12).
- Berita Harian. Seorang Isteri Dipenjara Setahun Kerana Cederakan Suaminya. (1975, Julai, 6).
- Francis, Jeffrey. Berita Harian. Polis Wanita: Mereka Baharu-Tapi Telah Membuktikan Harga Diri Mereka. Berita Harian. (1958, Mac, 26).
- Malay Mail. Meet Emily Koshy, The Country's First Indian Policewoman. (2016, Oktober,9). Diperoleh daripada <https://malaymail.com/news/malaysia/2016/10/09/meet-emily-koshy-the-countrys-first-indian-policewoman/1223579>.
- Nurul Nadia Saharom. (2019). Penglibatan Wanita Dalam Sektor Perkhidmatan Awam di Kuala Pilah. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hlm 29.
- Polis Diraja Malaysia. (2016). Jabatan-jabatan. Diperoleh daripada <https://rmp.gov.my/infor-korporate/jabatan---jabatan>.
- Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2018). Down Memory Lane: Polis trafik wanita pada tahun 1979. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2190707730939522>

Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). Fakta @ Auta: Unit Payung Terjun Wanita Pertama PDRM. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2101212326555730/2261986907144937>

Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2019). Down Memory Lane. Diperoleh daripada <https://PolisDirajaMalaysia/photos/a.2189573277719634/2329557797054514>

Selamat Sainayune. (2007). Polis Wanita: Sejarah Begambar 1955-2007. Kelana Jaya: Kelana Publication Sdn Bhd.

The Straits Times. Irene Lee-From Housewife to Head of Women Police. (1958, Ogos, 14).

The Straits Times. Fugitive Mervin Goes Back to Prison. (1968, April, 30).

The Straits Times. Military Trial for Murder Case Soldier. (1968, April, 30).

The Straits Times. Police Stop Student Leader's Speech. (1974, Ogos, 14).

## **Komunikasi Bimbingan Penyelia Dan Prestasi Tugas Dalam Perindustrian Kecil Dan Sederhana (PKS) Sektor Perkhidmatan**

Marzura Ibrahim<sup>1</sup>, Hasrina Mustafa<sup>2</sup>, Hafizah Zainal<sup>3</sup>

*1Pensyarah, [marzura@uum.edu.my](mailto:marzura@uum.edu.my)*

*2Profesor Madya Dr, [hasrina@usm.edu.my](mailto:hasrina@usm.edu.my)*

*3Dr, [hafizah@zakatkedah.com.my](mailto:hafizah@zakatkedah.com.my)*

**Abstract:** Komunikasi bimbingan penyelia merupakan satu proses interaksi berterusan di antara penyelia dan pekerja terutamanya berkaitan dengan aspek pelaksanaan kerja. Walaubagaimanapun fungsi penyeliaan masih belum jelas peranannya sebagai factor penentu pencapaian produktiviti pekerja khususnya dalam Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) sektor perkhidmatan. Sektor PKS sememangnya antara penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara, namun masih ada jurang bagaimana sebilangan kecil pekerja dapat

berinteraksi dengan penyelia mereka dalam organisasi. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan komunikasi bimbingan penyelia dan melihat sama ada terdapat hubungan di antara amalan komunikasi bimbingan penyelia dengan pencapaian prestasi tugas pekerja Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) khususnya dalam sektor perkhidmatan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan soal selidik bagi pengumpulan data kajian. Kajian ini melibatkan seramai 418 orang sampel pekerja dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap komunikasi bimbingan penyelia berada pada tahap yang tinggi dengan nilai purata  $\text{min}=3.92$  dengan nilai min tertinggi ialah penyelia sentiasa mendapatkan dan memberikan maklumbalas kepada pekerja. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan di antara komunikasi bimbingan penyelia dan pencapaian prestasi tugas pekerja dengan nilai pekali korelasinya ialah  $r=.171$ ,  $P=<.01$ . Ini membuktikan bahawa komunikasi bimbingan penyelia merupakan salah satu faktor peramal prestasi tugas pekerja dalam organisasi. Ini menunjukkan bahawa proses komunikasi antara penyelia dan pekerja bukan sahaja dapat mewujudkan rasa menghormati antara satu sama lain, bekerjasama, saling mempercayai dan berkongsi maklumat antara pekerja dengan pihak pengurusan organisasi tetapi turut menyumbang kepada aspek pencapaian keberkesanan organisasi terutamanya prestasi kerja pekerja. Implikasi penting kajian bahawa komunikasi penyeliaan merupakan peramal penting kepada pencapaian prestasi pekerja sekaligus menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan ekonomi terutamanya dalam khususnya sektor perkhidmatan Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

**Keywords:** Komunikasi Bimbingan Penyelia, Prestasi Tugas, Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS)

### **Pengenalan**

Tidak dapat dipertikaikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berperanan penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia. Laporan Tahunan PKS 2019/20 menunjukkan bahawa PKS merangkumi 98.5% daripada pertumbuhan perniagaan dan menyumbang sebanyak 38.9% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) serta menyumbang sebanyak 48.4% kepada jumlah guna tenaga negara. Dari segi sumbangan mengikut sektor, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK PKS, iaitu merangkumi sebanyak 63.3% (Laporan Tahunan PKS 2019/20).

Namun begitu, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) melaporkan walaupun PKS penyumbang utama kepada ekonomi negara, tetapi peratusan menyumbang kepada KDNK PKS telah mengalami penurunan sebanyak RM 512.8 billion (32%) berbanding sebelumnya iaitu sebanyak RM 553.5 billion (38.9%). Selain itu, PKS juga mengalami penurunan guna tenaga PKS iaitu

sebanyak 7.25 juta pekerja (48%). Dari segi pertumbuhan produktiviti, sektor perkhidmatan di tangga ketiga berbanding sektor-sektor utama yang lain (Laporan PKS 2019/20). Selain itu, Hasil Kaji Selidik (2019), menunjukkan bahawa pekerja PKS diberhentikan adalah disebabkan prestasi dan produktiviti yang rendah (76.3%) dan kemahiran komunikasi yang lemah (26.8%) (Laporan Tahunan PKS 2019/20). Pemberhentian pekerja ini sebahagiannya disebabkan oleh prestasi dan produktiviti pekerja yang rendah, kurang kemahiran serta sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan kos permintaan industri berikutan kekurangan kemahiran teknikal, tidak mampu bekerja tanpa pengawasan dan masalah sikap (Kaji Selidik PKS 2016; 2017; 2018).

Prestasi perniagaan dianggap sebagai pengukur kepada kejayaan sesebuah perniagaan. Dalam konteks PKS, elemen kewangan dan bukan kewangan antara penyumbang kepada kejayaan sesuatu PKS. Walaubagaimanapun, pada masa kini, para pengurus mahupun penyelia organisasi PKS memerlukan tahap kemahiran yang tinggi untuk menguruskan organisasi dan pekerja mereka. Ini kerana tahap kemahiran yang dimiliki oleh pengurus mahupun penyelia dikenalpasti sebagai faktor pengukuran kejayaan sesebuah organisasi (Badariah, Noor Syakirah & Nasir, 2020; Newnam & Goode, 2019; Miao et. al., 2020; Raza et. al., 2017). Terdapat pelbagai kemahiran yang perlu dimiliki oleh pengurus mahupun penyelia seperti kemahiran kognitif, kemahiran konsep dan kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi interpersonal merupakan kemampuan untuk berkomunikasi atau berinteraksi dengan orang lain mahupun pekerja. Ia menyentuh tentang hubungan dengan pekerja, mampu bekerja dalam pasukan secara berkesan, memimpin melalui tauladan, peka kepada permasalahan orang bawahan, berupaya menerima budaya yang pelbagai, boleh menyokong emosi pelbagai seperti galakan, pujian dan fleksibel. Kemahiran yang berupaya menilai keperluan dan kehendak pekerja, berupaya merapatkan jurang sosial antara pekerja dan terbuka dengan situasi menang-menang (Badariah, Noor Syakirah & Nasir, 2020).

Kekurangan dan kelemahan aspek komunikasi dalam organisasi antara punca yang mendorong kepada kegagalan pencapaian kerja yang berkesan dalam kalangan pekerja (Ejimabo, 2015). Selain itu, pengurusan bimbingan penyelia adalah antara strategi dalam pembangunan sumber manusia yang berkesan, namun kajian mengenai keberkesanan dan mekanisme hubungan bimbingan penyelia dan prestasi kerja pekerja adalah masih terhad (Raza et. al., 2017; Newnam & Goode, 2019) dan penting sebagai salah satu faktor penting untuk meningkatkan prestasi kerja pekerja (Pousa & Mathieu, 2015). Selain itu, hubungan yang sukar antara pihak penyelia dengan pekerja dan kurang kemahiran dalam perhubungan dan berkomunikasi antara punca stress yang boleh mengganggu produktiviti pekerja mahupun organisasi (Cyrill Federick, Muhammad Mujahed & Wan Nur Nazihah, 2020).

Menurut Van Fleet (2006), manusia lebih cenderung bersikap biasa dalam menghadapi sesuatu tugas. Setelah mereka menerima beberapa ganjaran berbentuk dalaman dan luaran seperti pengiktirafan, pujian dan lain-lain yang berbentuk penghargaan, keadaan akan berubah. Mereka akan menunjukkan tahap prestasi kerja yang baik terhadap pekerjaan dan organisasinya. Jika sesuatu manfaat yang diberikan kurang daripada yang sepatutnya, maka kepuasan dan juga prestasi pekerjaan tersebut akan menurun. Pekerja akan bertindak negatif kepada organisasi apabila mereka tidak berpuas hati dengan pekerjaannya. Sebagai contoh, tidak puas hati terhadap persekitaran, teman sekerja, penyeliaan, gaji dan sebagainya akan menyebabkan pekerja tersebut tidak

memberikan seratus peratus komitmen terhadap pekerjaannya. Kajian oleh Cyrill Federick, Muhammad Mujaheed & Wan Nur Nazihah (2020) turut mendapati antara punca kemerosotan prestasi dan kualiti kerja pekerja adalah disebabkan oleh tekanan kerja yang tinggi seperti pemikiran negatif dan perasaan tertekan yang berpanjangan akibat dari masalah yang berkaitan serta menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan dan peningkatan kelalaian dalam menjalankan tugas yang membawa kepada ketidakpuasan terhadap kerja. Berdasarkan permasalahan yang dikenalpasti dan melengkapkan kelompangan dalam kajian literatur, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti hubungan antara amalan komunikasi bimbingan penyelia dan prestasi tugas pekerja. Secara khususnya, kajian ini menilai tiga objektif utama: Pertama, mengkaji persepsi pekerja terhadap amalan komunikasi bimbingan penyelia. Kedua, mengkaji persepsi pekerja terhadap tahap pencapaian prestasi tugas mereka dalam organisasi. Ketiga, mengenalpasti hubungan komunikasi bimbingan penyelia dan pencapaian prestasi tugas pekerja PKS khususnya dalam sektor perkhidmatan. Selain itu, kajian ini dilaksanakan bagi memperluaskan sumbangan dalam kesusasteraan dan penyelidikan empirikal mengenai manfaat dan kelebihan serta kebaikan yang diperolehi oleh sesebuah organisasi apabila memanfaatkan aspek komunikasi bimbingan penyelia dalam pencapaian kerja dan pembangunan kerjaya pekerja dalam organisasi PKS khususnya sektor perkhidmatan.

### **Kajian-kajian Lepas Komunikasi Bimbingan Penyelia dan Prestasi Tugas**

Komunikasi bimbingan penyelia merujuk kepada proses interaksi di antara penyelia dan pekerja yang berterusan bagi memudahkan pembelajaran dan peningkatan prestasi kerja yang berterusan (Ellinger, Ellinger & Keller, 2003). Van Scotter (2000) mentakrifkan prestasi tugas dengan merujuk kepada keupayaan pekerja menggunakan kemahiran teknikal untuk mencapai tugas-tugas khusus apabila melaksanakan tanggungjawab kerja hakiki (Chinomona, 2012). Pelbagai kajian lepas mendapati interaksi bimbingan antara penyelia dengan pekerja dalam sesebuah organisasi dapat meningkatkan pencapaian prestasi kerja pekerja.

Menurut Govaerts et al. (2017) dan Kim, Park & Kang (2019) menjelaskan bimbingan penyelia mempunyai dua dimensi penting iaitu tunjuk ajar dan maklum balas. Tunjuk ajar biasanya dikaitkan dengan keupayaan penyelia untuk memberikan pertolongan, membincangkan kaedah kerja, memberi khidmat nasihat dan menyediakan peluang tugas (Govaerts et al., 2017; Kim, Park & Kang 2019). Maklum balas pula kerap kali dirujuk sebagai keupayaan penyelia untuk melaporkan prestasi kerja terkini, memberikan pandangan yang positif dan menyampaikan idea penambahbaikan. Interaksi antara pekerja dalam kedua-dua jenis bimbingan tersebut adalah sangat penting dalam mendorong pekerja untuk mencapai dan mengekalkan prestasi tugas mereka (Kim et al., 2019; Lee et al., 2017; Govaerts et al., 2017). Newnam & Goode (2019) mendapati amalan komunikasi penyelia dengan pekerja berada pada tahap yang tinggi adalah berkaitan dengan dengan produktiviti dan aliran kerja, diikuti dengan kecekapan dan sumber manusia yang mendorong pekerja mencapai hasil kerja yang positif terhadap organisasi.

Selain itu, keyakinan diri yang tinggi dalam diri penyelia antara faktor yang mendorong mereka untuk terus membimbing pekerja bawahan melalui tunjuk ajar (seperti memberikan panduan, berkongsi teknik dalam tugas, memberikan khidmat nasihat) dan menyampaikan maklum balas (seperti melaporkan prestasi, membuat penilaian kompetensi latihan, menilai prestasi dengan adil) dapat mendorong pekerja meningkatkan motivasi ke arah pencapaian prestasi kerja yang lebih baik (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2019).

Kajian NorIzzaty, Azman & Mohd Noor (2019) mendapati beberapa kaedah untuk meningkatkan keberkesanan amalan bimbingan penyeliaan dalam membantu mencapai dan mengekalkan objektif dan strategi organisasi dalam era globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan professional pekerja. Antaranya ialah yang pertama, pihak organisasi perlu menyediakan latihan professional kepada penyelia untuk mendapatkan persijilan profesional sebagai jurulatih, mentor atau/dan kaunselor. Kedua, memberikan galakkan dan dorongan kepada penyelia untuk mengamalkan etika pengurusan yang berlandaskan nilai-nilai murni dalam perhubungan dengan staf pelaksana untuk melaksanakan tugas secara berpasukan. Akhir sekali, melatih penyelia untuk belajar memahami dan mengamalkan sistem interaksi berkualiti dalam penyampaian perkhidmatan, seperti mengambil peduli kebajikan dan masalah pekerja, memberi maklum balas terhadap aduan dan cadangan pekerja dan menunaikan janji dalam memenuhi kehendak dan pengharapan pekerja.

Kajian yang dilakukan oleh (Zajkowska,2012; Gochhayat, Giri & Suar, 2017; Huma & Hukam, 2018) mendapati faktor komunikasi organisasi seperti kejelasan dalam komunikasi, aliran maklumat bebas, hubungan profesional antara anggota di semua peringkat dan iklim komunikasi yang berkesan menyumbang kepada organisasi mahupun pekerja. Implikasinya, faktor komunikasi organisasi yang berkesan merangsang kerja berpasukan dan kerjasama di antara ahli organisasi dengan pengetahuan, struktur dan persekitaran kerja positif dan terbuka mempengaruhi pencapaian prestasi kerja yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja

Beberapa kajian lepas tentang kepimpinan berorientasi pekerja yang diterbitkan dalam abad ke 21 mendedahkan bahawa keupayaan penyelia melaksanakan bimbingan secara teratur dapat meningkatkan motivasi pembelajaran dan prestasi kerja pekerja (Govaerts et al., 2017; Kim et al., 2019; Newnam & Goodie,2019; Miao et. al, 2020; Raza et. al ,2017; Cyrill Federick, Muhammad Majaheed & Wan Nur Nazihah, 2020). Sebagai contoh, kajian lepas banyak mengkaji peranan penyelia dalam pelbagai jenis organisasi, seperti persepsi 111 orang peserta latihan di Belgium (Govaerts et al., 2017) dan persepsi 227 orang pekerja dalam bidang pendidikan di Midwest dan Amerika Syarikat (Park et al., 2018). Dapatan kajian ini mendapati bahawa keupayaan penyelia membimbing pekerja secara teratur melalui tunjuk ajar (seperti menunjukkan garis panduan tugas, memberikan khidmat nasihat) dan maklum balas (seperti menilai prestasi dengan adil, mencatatkan komen yang membina) dapat meningkatkan motivasi pembelajaran dan sekaligus meningkatkan pencapaian prestasi pekerja dalam organisasi berkenaan (Govaerts et al., 2017; Park et al., 2018).

Kajian oleh NurIzzaty, Azman & Mohd Noor (2019) dan Lee & Ding (2020) mendapati bahawa hubungan yang baik dengan penyelia bukan sahaja berupaya meningkatkan tahap motivasi kerja malah ia juga melahirkan rasa tanggungjawab dalam diri mereka untuk membalas budi terhadap

organisasi mereka dengan menunjukkan pencapaian prestasi tugas yang lebih seperti keinginan untuk melaksanakan tugas dengan baik, menunjukkan semangat untuk berkongsi kemahiran sesama rakan sekerja, mempunyai keyakinan menggunakan pengetahuan dan kemahiran baharu bagi mencapai objektif kerja dan mengutamakan keperluan dan pengharapan pelanggan serta menjadi pekerja yang lebih berdisiplin. Dapatan kajian ini menerangkan bahawa keupayaan penyelia mengamalkan bimbingan secara teratur dalam melaksanakan operasi kerja harian dapat membangkitkan motivasi untuk bekerja yang lebih baik dalam diri pekerja. Selain itu, hubungan baik dengan penyelia mempengaruhi pekerja untuk menguruskan tugas secara teratur bagi mencapai sasaran kerja tahunan (Kim & Kuo, 2015; Jones et. al., 2016; Kim et al., 2019).

### Metodologi

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif kerana ianya sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat yang banyak mengenai faktor tekanan kerja berdasarkan demografi dalam masa yang singkat. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Populasi kajian adalah terdiri pekerja pengurusan, sokongan dan pengoperasian PKS sektor perkhidmatan di Utara Semenanjung Malaysia. Populasi kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan berstrata iaitu maklumat secara terus daripada kumpulan sasar berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Selain itu, teknik pensampelan ini dipilih kerana teknik ini menyediakan lebih banyak maklumat mengenai saiz sampel yang diberikan (Sekaran & Bougie, 2009). Kaedah tinjauan dan soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Sebanyak 900 set soal selidik yang diedarkan hanya 718 soal selidik yang dikembalikan semula dan hanya 570 soal selidik yang boleh digunakan untuk dianalisis. Kadar maklum balas kajian ini telah mencapai tahap 79.70 peratus dan dianggap mencukupi untuk kajian ini berdasarkan Baruch & Holtom (2008), Sekaran (2003) dan Hair et al., (2011).

Instrumen utama yang terlibat dalam proses pengumpulan data bagi kajian yang akan dijalankan ini adalah borang soal selidik. Set soal selidik ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian. Bahagian A adalah untuk mengetahui maklumat latar belakang demografi responden. Bahagian B pula, untuk mengetahui persepsi pekerja terhadap tahap komunikasi bimbingan penyelia PKS sektor perkhidmatan. Manakala, bahagian C adalah untuk mengetahui tahap prestasi tugas dalam kalangan pekerja organisasi PKS sektor perkhidmatan. Persepsi pekerja terhadap tahap komunikasi bimbingan penyelia telah diukur dengan menggunakan instrumen yang diadaptasikan daripada kajian Ellinger, Ellinger & Keller (2003) mengandungi 8 item dan kesemua item diukur pada skala Likert lima tahap iaitu 1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju. Manakala tahap prestasi tugas pekerja diukur dengan menggunakan instrument yang diadaptasikan daripada kajian William & Anderson (1993) mengandungi 7 item dan kesemua item diukur pada skala Likert lima tahap iaitu 1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju.

Data yang dikumpulkan melalui borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages For Social Science* versi 20.0 untuk mendapatkan julat data yang diperoleh. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menganalisis data dalam bentuk pendekatan statistik

deskriptif dan inferensi. Seterusnya, analisis min digunakan untuk melihat tahap pandangan responden tentang faktor komunikasi bimbingan penyelia dan prestasi tugas yang dikaji. Pandangan responden terhadap faktor tersebut dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Pandangan responden berdasarkan tahap ini adalah penting untuk dilihat bagi mengenal pasti persepsi mereka terhadap soalan berkaitan dengan komunikasi bimbingan penyelia dan prestasi tugas yang diajukan. Penentuan tahap skor min dalam kajian ini adalah berdasarkan min skala lima Likert mengikut tiga tahap berikut iaitu nilai min=1.00 hingga 2.33 adalah tahap rendah, nilai min=2.34 hingga 3.67 adalah tahap sederhana dan nilai min =3.68 hingga 5.00 adalah tahap tinggi (Ghazali & Sufean, 2016).

Manakala bagi mengukur tahap kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini, nilai alfa Cronbach digunakan. Kebanyakan pengkaji mencadangkan bahawa nilai pekali *Cronbach Alfa* yang melebihi 0.8 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi (Cohen et al. 2000; Bogden & Milken 2003; Sekaran & Bougie 2010). Nilai pekali Cronbach Alfa bagi komunikasi bimbingan penyelia adalah 0.86 manakala nilai pekali Cronbach Alfa bagi prestasi tugas adalah 0.60. Walau bagaimanapun, menurut Mohd Najib (1999) dan Mohd Majid (2000), nilai pekali Cronbach Alfa 0.6 juga sudah memadai bagi instrumen dalam sains sosial.

## Dapatan Kajian

### *Profil demografi responden kajian*

Taburan sampel kajian terdiri daripada 418 pekerja yang terdiri daripada pelbagai peringkat pengurusan. Analisis latar belakang responden melibatkan jantina, tempoh berkhidmat, dan jenis sektor perkhidmatan. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 418 orang. Daripada jumlah tersebut majoriti responden adalah perempuan, 275 orang (65.8%), manakala selebihnya adalah lelaki, 143 orang (34.2%) merupakan responden lelaki. Majoriti responden di dalam kajian ini berbangsa Melayu, iaitu seramai 383(91.6%) orang responden, sejumlah 27(6.5%) orang responden lagi berbangsa Cina, responden berbangsa Siam seramai 3(0.7%) orang dan responden berbangsa India pula seramai 3(0.7%) orang responden. Manakala bagi responden berbangsa Bumiputera Sabah/Sarawak dan lain-lain bangsa pula hanya seorang (0.2%) sahaja yang terlibat di dalam kajian ini. Majoriti responden bekerja dalam bahagian pengoperasian iaitu seramai 207 orang (49.5%). Manakala seramai 150 (35.9%) orang responden bekerja dalam bahagian sokongan dan 61 (14.6%) orang responden bekerja dalam bahagian pengurusan organisasi. Rumusan demografi responden adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1 Analisis Demografi Responden. N=418

Demografi	Kekerapan	Peratus
<b>Jantina</b>		
Lelaki	143	34.2
Perempuan	275	65.8
<b>Bangsa</b>		



Melayu	383	91.6
Cina	272	6.5
India	3	0.7
Siam	3	0.7
Bumiputera Sabah & Sarawak	1	0.2
Lain-lain	1	0.2
<b>Kumpulan Jawatan</b>		
Pengurusan	61	14.6
Sokongan	150	35.9
Pengoperasian	207	49.5

### ***Tahap Komunikasi Bimbingan Penyelia dan Prestasi Tugas***

Pandangan responden berdasarkan tahap ini adalah penting bagi mengenal pasti persepsi responden terhadap soalan berkaitan dengan amalan komunikasi bimbingan penyelia dan prestasi tugas yang diajukan kepada mereka. Jadual 2 menunjukkan hasil kajian bahawa rata-rata responden bersetuju pada tahap tinggi terhadap tahap amalan komunikasi bimbingan yang dilaksanakan oleh penyelia mereka di tempat kerja. Min keseluruhan bagi tahap amalan komunikasi bimbingan penyelia ialah nilai min=3.92 dan sisihan piawai=0.700. Ini bermakna pekerja PKS khususnya dalam sektor perkhidmatan sangat berpuas hati dengan amalan komunikasi bimbingan yang dilaksanakan oleh penyelia mereka terutamanya dalam aspek memberi dan mendapatkan maklum balas daripada pekerja.

Dari segi prestasi tugas pula, Jadual 3 menunjukkan persetujuan responden terhadap tahap pencapaian prestasi tugas mereka adalah pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan = 3.58 dan sisihan piawai = 0.683. Namun begitu, lima item yang mengukur prestasi tugas telah mencatatkan nilai min pada tahap tinggi iaitu "Saya melaksanakan tugas yang diberikan secukupnya" mencatatkan nilai min pada tahap tertinggi=4.21, sisihan piawai= 0.541. Manakala item "Saya memenuhi tanggungjawab yang ditentukan dalam huraian kerja" mencatatkan nilai min kedua tertinggi=4.13, sisihan piawai=0.470. Seterusnya item "Saya melaksanakan tugas seperti yang diharapkan" pula mencatatkan nilai min pada tahap ketiga tinggi=4.08, sisihan piawai=0.426 dan item "Saya memenuhi keperluan kerja formal" mencatatkan nilai min tahap tinggi keempat=4.03, sisihan piawai=0.442. dan terakhir ialah item "Saya terlibat dalam aktiviti secara langsung yang akan memberi kesan kepada penilaian prestasi saya" memberikan nilai min tahap tinggi=3.92, sisihan piawai=0.661. Namun begitu, terdapat dua item pengukuran prestasi tugas telah mencatatkan masing-masing nilai min pada tahap yang rendah iaitu item "Saya mengabaikan tanggungjawab terhadap aspek kerja yang wajib dilaksanakan" dengan nilai min= 2.31, sisihan piawai=1.108 dan item "Saya pernah gagal melaksanakan tugas penting" dengan nilai min =2.44, sisihan piawai=1.131. Ini kemungkinan disebabkan kerana item ini adalah dalam

bentuk negatif dan sukar bagi responden untuk menjawab dengan jujur dan kemungkinan boleh menimbulkan kekeliruan dan salah faham responden tentang soalan yang ditujukan kepada responden.

*Jadual 2: Tahap Komunikasi Bimbingan Penyelia. N=418*

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Penyelia saya menggunakan contoh-contoh dalam membantu kerja saya	3.84	0.619
Penyelia saya membantu meluaskan perspektif dengan memberikan gambaran yang luas.	3.96	0.635
Penyelia saya sentiasa menyediakan maklum balas yang membina.	3.92	0.656
Penyelia saya sentiasa mendapatkan maklum balas daripada saya.	4.01	0.680
Penyelia saya menyediakan pelbagai sumber maklumat bagi membantu saya melaksanakan kerja dengan lebih berkesan	3.93	0.755
Penyelia saya lebih suka bertanya soalan daripada menyediakan penyelesaian dalam membantu saya berfikir mengenai sesuatu isu.	3.75	0.896
Penyelia saya menetapkan jangkaan dan harapan terhadap matlamat organisasi dengan lebih luas.	3.96	0.684
Penyelia saya memainkan peranan bersama-sama dengan saya dalam membantu melihat perspektif berbeza.	3.98	0.676
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.92</b>	<b>0.700</b>

*Jadual 3: Tahap Prestasi Tugas*

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya melaksanakan tugas yang diberikan secukupnya.	4.21	0.541
Saya memenuhi tanggungjawab yang ditentukan dalam huraian kerja.	4.13	0.470
Saya melaksanakan tugas seperti yang diharapkan.	4.08	0.426
Saya memenuhi keperluan kerja formal.	4.03	0.442
Saya terlibat dalam aktiviti secara langsung yang akan memberi kesan kepada penilaian prestasi saya.	3.92	0.661
Saya mengabaikan tanggungjawab terhadap aspek kerja yang wajib dilaksanakan.	2.31	1.108
Saya pernah gagal melaksanakan tugas penting.	2.44	1.131

<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.58</b>	<b>0.683</b>
------------------------	-------------	--------------

### ***Hubungan antara Komunikasi Bimbingan Penyelia dan Prestasi Tugas***

Keputusan dalam Jadual 4 menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara komunikasi bimbingan penyelia dengan prestasi tugas ( $r = .171, p < .01$ ). Maka hipotesis kajian ini diterima, iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan komunikasi bimbingan penyelia dengan pencapaian kerja pekerja terutamanya dalam aspek prestasi tugas dalam kalangan pekerja dalam organisasi PKS khususnya sektor perkhidmatan. Ini bermakna kesan komunikasi bimbingan penyelia terhadap motivasi ke arah pencapaian kerja para pekerja dalam organisasi adalah besar dan memainkan peranan yang sangat penting dalam memotivasikan para pekerja dalam organisasi untuk terus mencapai kepuasan dalam aspek pencapaian kerja terutamanya dalam aspek pencapaian prestasi tugas mereka dalam organisasi PKS.

*Jadual 4: Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan Komunikasi Bimbingan Penyelia Dengan Prestasi Kerja*

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Prestasi Tugas</b>
<b>Komunikasi Bimbingan Penyelia</b>	.171**

\*\**. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).*

### **Perbincangan dan Kesimpulan**

Dalam konteks kajian ini, kebanyakan responden berpendapat bahawa tahap bimbingan penyelia adalah pada tahap tinggi manakala tahap prestasi tugas pekerja adalah pada tahap sederhana. Namun begitu, hasil analisis korelasi antara komunikasi bimbingan penyelia dan prestasi tugas adalah signifikan dan positif. Kajian ini selaras dengan hasil dapatan kajian oleh NorIzzaty, Azman & Mohd Noor (2019) di mana situasi ini menerangkan bahawa keupayaan penyelia mengamalkan tunjuk ajar dan menyampaikan maklum balas secara teratur akan meningkatkan motivasi pekerja untuk menghadiri dan mempelajari pengetahuan yang penting, kemahiran yang terkini, kebolehan kognitif dan emosi yang baharu, sikap yang positif dan kebolehan-kebolehan semasa yang sesuai dengan revolusi industri 4.0. Keadaan ini dilihat boleh mempengaruhi pencapaian pekerja terutamanya dalam aspek prestasi tugas dalam organisasi.

Selain itu, kajian ini turut menyokong hasil dapatan beberapa kajian lepas seperti kajian El Hajjar & Alkhanaizi (2018) dan Turner & Baker (2017) yang melihat amalan komunikasi bimbingan penyelia terhadap pekerja dalam organisasi perniagaan dapat membantu pekerja meningkatkan pengetahuan yang penting, kemahiran yang terkini, kebolehan kognitif dan emosi yang baharu, sikap yang positif dan kompetensi yang sesuai dengan era revolusi industri 4.0. Seterusnya, keadaan ini dapat mencapai dan mengekalkan misi dan wawasan perniagaan organisasi dalam era persaingan global.

Selain itu, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan oleh pengamal atau pihak pengurusan PKS sektor perkhidmatan khususnya untuk memahami dengan lebih jelas tentang kepentingan, amalan dan konsep komunikasi bimbingan penyelia dalam mengatasi masalah

kekurangan kemahiran pengurusan PKS yang sering dinyatakan sebagai kekangan pertumbuhan produktiviti PKS (Laporan Tahunan PKS 2018/19) dan merangka pelan tindakan strategi untuk meningkatkan kemahiran kejurulatihan kepimpinan dan bimbingan dalam kalangan penyelia bagi mencapai dan mengekalkan matlamat dan strategi organisasi dalam era globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan (NurIzzaty, Azman & Mohd Noor, 2019). Selain itu, dapatan kajian ini bukan sahaja dapat membantu pihak pengurusan PKS untuk meningkatkan kecekapan amalan pengurusan yang lebih baik tetapi juga boleh meningkatkan produktiviti bukan sahaja menerusi peningkatan kecekapan operasi dan pengurangan kos, tetapi juga dengan menggunakan teknologi berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0.

Dapatan kajian ini diharap berupaya membantu pihak berkepentingan atau pengamal (pengurusan dan pentadbiran PKS khususnya sektor perkhidmatan) lebih kerap mengamalkan komunikasi terbuka dengan pekerja dalam pelbagai aspek seperti pembuatan keputusan, penyelesaian masalah dan penglibatan pekerja dalam setiap aspek kerja serta membantu merangka pembangunan modal insan berprestasi tinggi dalam usaha mencapai dan mengekalkan misi dan wawasan perniagaan organisasi dalam era globalisasi dan ekonomi yang sukar diramalkan. Amalan komunikasi bimbingan penyelia boleh dikenalpasti sebagai sebahagian aspek kemahiran yang perlu dipelajari dan dimiliki oleh pengurus atau penyelia pengurusan PKS kerana berkait dengan pencapaian prestasi tugas pekerja PKS khususnya sektor perkhidmatan. Hasil dapatan ini selaras dengan strategi RMK-11 dalam merangka strategi-strategi peningkatan produktiviti pekerja PKS dalam memperkukuhkan pembangunan modal insan dan peningkatan kemahiran serta membuka kunci potensi produktiviti pekerja dalam PKS sektor perkhidmatan setanding dengan industri organisasi besar.

Hasil kajian selaras dengan kajian Miao et. al (2020) mendapati hubungan penyelia dan pekerja secara positif dan signifikan dengan prestasi tugas. Pekerja merasakan sokongan yang baik dan positif daripada penyelia cenderung kepada prestasi tugas yang tinggi. Kesan amalan komunikasi antara penyelia dan pekerja mendorong hasil kerja positif dalam kalangan pekerja PKS. Hasil kajian adalah konsisten dengan saranan utama kajian-kajian lepas seperti (Utrilla et al.,2012; Nadeem dan Ahmad, 2017; Park et al.,2018; Govaerts et al.,2017; Schindler & Bukholder,2014; Kim et al.,2019; Miao et. al., 2020) yang memberikan pelbagai pandangan penting yang menerangkan bahawa keupayaan penyelia mengamalkan bimbingan yang baik dalam melatih pekerja semasa melaksanakan tugas harian melalui tunjuk ajar (seperti komunikasi, kerja berpasukan, memberikan peluang) dan maklum balas (seperti memberikan idea, memaklumkan prestasi, memberikan komen membina) akan dapat membantu meningkatkan motivasi pembelajaran pekerja (seperti bersemangat mempelajari kandungan latihan, memberikan tumpuan dalam latihan, komited memperbaharui kemahiran terkini) dan seterusnya mendorong pekerja meningkatkan pencapaian prestasi tugas pekerja dalam organisasi.

Hasil kajian ini menggalakkan pihak pengurusan PKS sektor perkhidmatan khususnya untuk menggalakkan amalan komunikasi bimbingan penyelia dalam organisasi di mana aspek kemahiran bimbingan penyelia perlu dipertingkatkan melalui bengkel atau latihan serta kursus komunikasi berkesan seperti cadangan kajian Balkis et. al (2020). Kajian ini membuktikan apabila pengurus bertindak sebagai jurulatih, berkomunikasi secara terbuka, menerima idea pekerja, maklumbalas

keperluan prestasi pekerja dan menggalakkan penglibatan dan pendekatan pasukan bagi meningkatkan pembelajaran dan pencapaian prestasi kerja pekerja dalam organisasi. Penyelidikan ini memberikan pemahaman mengenai mekanisme komunikasi bimbingan penyelia dan kesannya terhadap pencapaian hasil kerja pekerja dalam organisasi PKS. Selaras dengan pandangan Raza et. al (2017) yang mendapati bahawa apabila pengurus membina hubungan baik, dan menyokong pekerja bawahannya, menilai pekerjaan pekerja mereka, maka tingkah laku ini, membina persekitaran pembelajaran yang positif, maka pekerja secara timbal balik akan merasa perlu meningkatkan mutu kerja yang lebih baik di tempat kerja. Pekerja yang merasa maju di tempat kerja mereka, mereka berprestasi lebih baik dibandingkan dengan mereka yang tidak mendapat bimbingan dan persekitaran kerja yang positif dan membina. Selain itu, komunikasi bimbingan penyelia berupaya memperkasakan keberkesanan kepimpinan dalam pengurusan sesebuah organisasi (Lee & Ding, 2020).

### **Acknowledgements**

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak ICCS2021 kerana sudi memberikan peluang dan kepercayaan untuk menerima dan menerbitkan artikel ini.

### **References**

- Badariah Ab Rahman, Noor Syakirah Zakaria & Nasir Nayan (2020). *Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah Press.
- Baruch, Y. and B. C. Holtom, 2008, "Survey response rate levels and trends in organizational research". *Human Relations*, 61: 1139–1160. DOI: 10.1111/emre.12375
- Bogden R.C. & Miklen S.K. 2003. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Chinomona, R. (2012). The impact of organizational support on work spirituality, organizational citizenship behaviour and job performance: The case of Zimbabwe small and medium enterprises (SME) sector. *African Journal of Business Management*, 6(36), 10003-10014. <http://www.academicjournals.org/AJBM>
- Cohen L., Manion L. & Morrison K. 2000. *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- Cyrill Federick, Muhammad Mujaheed & Wan Nur Nazihah (2020). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tekanan Kerja di kalangan Kakitangan Hospital Kerajaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 151-177. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.522>.
- Ejimabo, N. O. (2015). The influence of decision making in organizational leadership and management activities. *Journal of Entrepreneurship & Organization Management*, 4(2), 2222-2839. <http://dx.doi.org/10.4172/2169-026X.1000138>.

- EL Hajjar, S. T., & Alkhanaizi, M. S. (2018). Exploring the factors that affect employee training effectiveness: A case study in Bahrain. Capaian daripada <https://us.sagepub.com/en-us/nam/openaccess-at-sage>.
- Ellinger, A. D., Ellinger, A. E., & Keller, S. B. (2003). Supervisory coaching behavior, employee satisfaction, and warehouse employee performance: A dyadic perspective in the distribution industry. *Human resource development quarterly*, 14(4), 435-458. <https://doi.org/10.1002/hrdq.1078>.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan. Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Gochhayat, J., Giri, V. N., & Suar, D. (2017). Influence of organizational culture on organizational effectiveness: The mediating role of organizational communication. *Global Business Review*, 18(3), 691-702.
- Govaerts, N., Eva, K., & Filip, D. (2017). The influence of specific supervisor support types on transfer of training: Examining the mediating effect of training retention. *Vocation and Learning*, 11, 265-288.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis (7th Edition)*. New York: Pearson.
- Haroon, H & Malek, D. H. (2018). The Impact of Organizational Communication on Organizational Performance. *Journal of Research in Social Sciences - JRSS* June, 2018 Vol: 6 Number 2 ISSN: (E) 2306-112X (P) 2305- 6533.
- Kim, S., & Kuo, M. H. (2015). Examining the relationships among coaching, trustworthiness, and role behaviors: A social exchange perspective. *The Journal of Applied Behavioral Science* 51(2), 152-176. <https://doi.org/10.1177%2F0021886315574884>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Banci Ekonomi (2016). [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/csearch&search\\_keyword=banci%20ekonomi%202016](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/csearch&search_keyword=banci%20ekonomi%202016). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2019). Dicapai daripada <https://docs.jpa.gov.my/docs/pekeliling/pp05/bil06/PPbil06.pdf>
- Kaji Selidik 2017. Laporan Tahunan PKS 2017/18. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan>. SME Corporation Malaysia.
- Kaji Selidik 2018. Laporan Tahunan PKS 2018/19. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan>. SME Corporation Malaysia.
- Kaji Selidik 2019. Laporan Tahunan PKS 2019/20. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan>. SME Corporation Malaysia.
- Kaji Selidik PKS 2016. Laporan tahunan PKS 2016/17. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan>. SME Corporation Malaysia.

- Kim, E. J., Park, S., & Kang, H. S. (2019). Support, training readiness and learning motivation in determining intention to transfer. *European Journal of Training and Development*, 43(No. 3/4), 306- 321. <https://doi.org/10.1108/EJTD-08-2018-0075>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Laporan Tahunan PKS 2019/20. 2021. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan>. SME Corporation Malaysia.
- Lee, J. Y., Park, S., & Baker, R. (2017). The moderating role of top management support on employees' attitudes in response to human resource development efforts. *Journal of Management & Organization*, 24, 369-387. <https://doi.org/10.1017/jmo.2017.37>.
- Miao, C., Qian, S., Banks, G. C., & Seers, A. (2020). Supervisor-subordinate guanxi: A meta-analytic review and future research agenda. *Human Resource Management Review*, 30(2), 100702. <https://doi.org/10.1016/j.hrmr.2019.100702>
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abd Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Musa, K. (2020). Mantapkan integriti perkhidmatan awam Dicapai daripada <http://www.bhplus.com.my> rencana muka10/2018/11/498223/mantapkan-integriti-perkhidmatanawam
- Nadeem, K., & Ahmad, A. (2017). Impact of work environment factors on employee performance: Empirical evidence from manufacturing industry of Lahore. *Journal of Managerial Sciences*, 11, 422-436. [https://qurtuba.edu.pk/jms/default\\_files/JMS/special\\_edition/3%20FMM/24%20\(AIC-FMM%202017\)%20421-436%20Khawar%20Nadeem%20FMM-850-.pdf](https://qurtuba.edu.pk/jms/default_files/JMS/special_edition/3%20FMM/24%20(AIC-FMM%202017)%20421-436%20Khawar%20Nadeem%20FMM-850-.pdf)
- Newnam, S., & Goode, N. (2019). Communication in the workplace: Defining the conversations of supervisors. *Journal of safety research*, 70, 19-23. <https://doi.org/10.1016/j.jsr.2019.04.009>.
- NorIzzaty Muhammad, Azman Ismail & Mohd Noor Mohd Shariff (2019). Motivasi pembelajaran sebagai pemboleh ubah pengantara dalam perhubungan antara bimbingan penyelia dengan motivasi kerja. *International Journal of Management Studies*, 26(2), 99-124. <https://doi.org/10.32890/ijms.26.2.2019.10521>
- Park, S., Kang, H. S., & Kim, E. J. (2018). Does supervisor support make a difference in employees' training and job performance? An empirical study of a professional development program. *European Journal of Training and Development*, 1-29.
- Pousa, C., & Mathieu, A. (2015). Is managerial coaching a source of competitive advantage? Promoting employee self-regulation through coaching. *Coaching: An International Journal of Theory, Research and Practice*, 8(1), 20-35. <https://doi.org/10.1080/17521882.2015.1009134>

- Raza, B., Ali, M., Ahmed, S., & Moueed, A. (2017). Impact of managerial coaching on employee performance and organizational citizenship behavior: Intervening role of thriving at work. *Pakistan Journal of Commerce and Social Sciences (PJCSS)*, 11(3), 790-813. <http://hdl.handle.net/10419/188317>.
- Sekaran U. 2003. *Research Methods for Business: A skill–building Approach*. Singapore: John Willey & Sons.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2009). *Research methods for business: A skill building approach* (7th ed.). United Kingdom: John Wiley & Sons. (Sekaran & Bougie, 2009).
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach* (7th ed.). United Kingdom: John Wiley & Sons.
- Turner, J. R., & Baker, R. (2017). Pedagogy, leadership, and leadership development. *Performance Improvement*, 56, 5-11. <https://doi.org/10.1002/pfi.21734>
- Utrilla, P. N. C., Grande, F. A., & Lorenzo, D. (2015). The effects of coaching in employees and organizational performance: The Spanish Case. *Intangible Capital*, 11, 166-189. <http://dx.doi.org/10.3926/ic.586>
- Van Fleet, D.D. & Griffin, R.W. (2006). Dysfunctional organization culture: The role of leadership in motivating dysfunctional work behaviors. *Journal of Managerial Psychology*. 21(5): 698-708. DOI 10.1108/02683940610713244
- Williams, L. J., & Anderson, S. E. (1993). Job-satisfaction and organizational commitment as predictors of organizational citizenship and in-role behaviors. *Journal of Management*, 17(3), 601–617. <http://dx.doi.org/10.1177/014920639101700305>
- Zajkowska, M. (2012). EMPLOYEE ENGAGEMENT: HOW TO IMPROVE IT THROUGH INTERNAL COMMUNICATION. *Human resources management & ergonomics*, 6(1). [http://frcatel.fri.uniza.sk/hrme/files/2012/2012\\_1\\_09.pdf](http://frcatel.fri.uniza.sk/hrme/files/2012/2012_1_09.pdf)



## **ANALISIS FAKTOR YANG MEMPENGARUHI DASAR PERTAHANAN MALAYSIA ERA TUN MAHATHIR MOHAMAD 1981-2003**

Rodziah Md Zain, Nor Azura A Rahman, Rusnawati Ismail, Marzura Ibrahim

School of International Studies (SOIS),  
College of Law, Government and International Studies (COLGIS)  
Universiti Utara Malaysia

### **Pengenalan**

Faktor yang Mempengaruhi Pemodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Dasar Pertahanan Negara (DPN) era Mahathir 1981-2003, dapat dilihat dalam tiga faktor yang utama iaitu, faktor luaran (*external factors*) faktor dalaman (*internal factors*), dan faktor idiosinkrasi Tun Mahathir Mohamad yang menjadikan aspek keselamatan dan pertahanan Malaysia bertambah moden dan 'gah' dipersada antarabangsa. Faktor Luaran (*External Factor*) yang akan dianalisis merangkumi faktor seperti faktor persepsi Ancaman Luaran, kedudukan Faktor Dalaman (*internal factors*) dan factor idiosinkrasi. Faktor Luaran (*external factors*) akan menganalisis tentang geostrategik negara di Asia Tenggara, Ekonomi Antarabangsa. Hubungan dengan kuasa besar yang baik, Balance of power (US dan China) dan *New Security Issues*. Manakala Faktor Dalaman (*Internal Factor*) meliputi dan menganalisis tentang Persepsi Ancaman Dalaman aspek penjajahan (kolonialisme), proses kemerdekaan, kedudukan geostrategik negara di Asia Tenggara, sejarah pembinaan masyarakat yang pelbagai kaum. Faktor utama yang ketiga yang akan dianalisis ialah Faktor Idiosinkrasi Tun Mahathir yang merujuk kepada faktor peribadi Tun Mahathir yang memerintah Malaysia paling lama, selama 22 tahun yang mewarnai kegemilangan Malaysia di persada antarabangsa.

### **Analisa Faktor Luaran (*External Factors*)**

Faktor Luaran (*external factors*) akan menganalisis tentang persekitaran geostrategik negara di Asia Tenggara yang sentiasa bergolak, Ekonomi Antarabangsa yang tidak menentu, Hubungan Malaysia dengan kuasa besar, iklim Balance of power (US dan China) dan *New Security Issues* telah mempengaruhi Malaysia untuk memodenkan ATM dan Dasar Pertahanan Negara.

Selepas tamatnya Perang Dingin pada awal 1990-an, dengan kejatuhan Soviet Union telah membawa dimensi baru dalam bidang keselamatan dan pertahanan di rantau Asia Tenggara<sup>43</sup>. Di samping menandakan perpisahan antara dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union yang terlibat secara langsung dalam mempertandingkan kuasa di rantau ini ia telah mempengaruhi negara Asia Tenggara giat membangunkan ekonomi dan ketenteraan masing-masing<sup>44</sup>. Tetapi ia turut membuatkan pihak-pihak kerajaan di rantau Asia Tenggara terpaksa berdepan dengan realiti baru terhadap keselamatan serantau<sup>45</sup>. Dalam era Perang Dingin, rantau Asia Tenggara dilihat mendapat faedah daripada penghujung Perang Dingin yang mana negara-negara di rantau ini menikmati keamanan apabila ASEAN dan negara Indo-China gagal untuk disatukan. Enam ahli ASEAN yang utama iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura<sup>46</sup> dan Thailand semakin stabil apabila rejim sosialis Vietnam mengundurkan tentera Vietnam dari Kemboja yang selama ini disokong oleh Soviet pada tahun 1989 dan penyelesaian politik di peringkat antarabangsa untuk Indo-China berjaya dilakukan melalui Paris Peace Accord di Kemboja pada tahun 1991<sup>47</sup>. Senario ini telah membuka ruang kepada pembangunan ekonomi yang membolehkan kuasa beli negara Asia Tenggara meningkat. Ia turut membolehkan proses pemodenan angkatan tentera yang telah menimbulkan ancaman keselamatan dan dilemma keselamatan<sup>48</sup>.

Dalam masa yang sama, pengakhiran era Perang Dingin turut membawa kepada kemunculan pelbagai kes pertikaian terhadap sempadan perairan dan sempadan wilayah dikalangan negara Asia Tenggara yang mempengaruhi negara berkenaan membangunkan aspek pertahanan dan keselamatan<sup>49</sup>. Ini dapat dibuktikan apabila Malaysia-Indonesia mula mempertikaikan sempadan kawasan perairan Pulau Ligitan dan Sipadan, Singapura-Malaysia mempertikaikan perairan terhadap Pulau Pedra Branca (Pulau Batu Puteh) serta tuntutan Filipina terhadap Sabah. Malangnya perbalahan terhadap gugusan kepulauan Spratlys melibatkan China, Vietnam, Taiwan, Brunei Darussalam, Malaysia dan Filipina tidak dapat diselesaikan selama beberapa dekad kerana

---

<sup>43</sup> Lihat Joel Krieger et.al (1993). Op.cit.hlm820

<sup>44</sup> J. Garnett (1976). Op.cit. hlm 50-66

<sup>45</sup> Kusuma Snitwongse (2003). A New World Order In East Asia? *Asia Pacific Review*. Vol. 10. Bil 2. hlm 41

<sup>46</sup> Chin K.W (1983). Op.cit. Bab 3 dan 4

<sup>47</sup> Op.cit. hlm 41

<sup>48</sup> Sila lihat kenyataan Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohamed Shafie Apdal yang menegaskan pembangunan ketenteraan Malaysia adalah bersifat normal. Lihat Singapura dan ASEAN kesinambungan pembangunan atau perlumbaan senjata? *Perajurit*. 2002.hlm 3-8

<sup>49</sup> Andrew Tan T.H (1998). Op.cit.hlm 458

negara-negara ini masing-masing mengaku bahawa kepulauan Spratlys adalah milik negara masing-masing<sup>50</sup>.

Dalam pertikaian kawasan pula, beberapa pertikaian perairan telah diselesaikan dengan cara lembut. Malaysia-Indonesia contohnya menyelesaikan perbalahan dengan membawa kes pertikaian terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang mana ia dianggap sebagai jalan terakhir bagi menyelesaikan perbalahan yang telah berlanjutan selama 30 tahun ini dan Malaysia telah memenangi tuntutan bertindih tersebut. Begitu juga dalam kes tuntutan terhadap Pulau Batu Puteh, Malaysia dan Singapura telah bersetuju menggunakan pendekatan secara lembut dengan membawanya ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Cara penyelesaian yang digunakan oleh rantau ini untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian adalah merupakan contoh yang terbaik. Tidak seperti negara-negara di rantau lain yang menggunakan kekerasan bagi menyelesaikan sesuatu isu. Pandangan optimistik melihat keadaan yang berlaku di rantau Asia Tenggara selepas era Perang Dingin adalah permulaan bagi menjadi sebuah rantau yang stabil<sup>51</sup>. Semenjak tahun 1991, kebanyakan negara-negara di Asia Tenggara telah meningkatkan lagi keupayaan untuk menjaga, mempertahankan serta mengawal kawasan dan kawasan perairan yang berdekatan<sup>52</sup>. Seseengah negara mula mendapatkan sistem persenjataan dengan tujuan menjaga, mempertahankan serta mengawal kawasan-kawasan serta kawasan perairan yang berdekatan<sup>53</sup>. Di rantau ini negara-negara seperti Malaysia, Singapura, Thailand serta Vietnam telah mula memodenkan kuasa ketenteraan dalam pelbagai sudut bersama-sama projek yang lebih berkeupayaan tinggi. Malaysia dan Thailand mula menekankan bidang ketenteraan apabila masing-masing mendapat ancaman daripada pihak komunis. Untuk mengatasi segala kekurangan dan meningkatkan kapasiti bagi projek-projek besar, negara-negara ini mula melabur di dalam membangunkan keupayaan tentera<sup>54</sup>. Semua aset dan senjata-senjata adalah untuk keperluan pertahanan<sup>55</sup>. Dengan mendapatkan semua jenis-jenis senjata bolehlah dikatakan bahawa negara-negara ini cuba untuk membangunkan keupayaan kepada kuasa ketenteraan yang boleh membawa kepada persengketaan, kewilayahan, pertikaian dalam sesuatu bidang kuasa serta masalah kaum<sup>56</sup>. Pembangunan dan pemodenan kenteraan negara Asia Tenggara yang pesat telah menyebabkan rantau Asia Tenggara muncul sebagai rantau yang menjadi pasaran besar kepada pengeluar senjata antarabangsa yang secara langsung mempengaruhi keselamatan negara Asia Tenggara<sup>57</sup>.

Berakhirnya Perang Dingin, ia secara langsung meletakkan kemenangan demokrasi ke atas komunis dan penerimaan sistem pasaran terbuka berbanding sistem sosialis<sup>58</sup>. Penamatan

---

<sup>50</sup> Tim Huxley (2000). Op.cit. hlm 1-4

<sup>51</sup> Chamil Wariya (1989).Op.cit. hlm 79

<sup>52</sup> Kusuma Snitwongse (2003). Op.cit. hlm 41

<sup>53</sup> Micheal Sheehan (1983).Op.cit.hlm 10

<sup>54</sup> Amitav Acharya (2001). Op.cit hlm136-141

<sup>55</sup> Op.cit

<sup>56</sup> Allan Gyngell (1983). Op.cit.hlm 116

<sup>57</sup> Lihat Kenneth Waltz (1979). Op.cit.hlm131

<sup>58</sup> Colin S. Gray (1971). The Arms Race Phenomenon. *World politics*. Vol. 14. hlm 40-41

persaingan kuasa antara kuasa besar ini telah membuka peluang kepada NAT untuk mengambil langkah membangunkan ekonomi dan sistem pertahanan masing-masing<sup>59</sup>. Justeru itu, negara-negara di rantau Asia Tenggara telah mula mempergiatkan pembangunan ekonomi semenjak era awal 1990-an dan secara langsung kemakmuran ekonomi ini telah membuka peluang bagi NAT memperkukuhkan sistem pertahanan selaras dengan kemajuan ekonomi yang dikecapi. Pembangunan pesat ekonomi ASEAN semenjak 1990-an telah meletakkan rantau Asia Tenggara sebagai rantau yang berdaya saing<sup>60</sup>. Dalam masa yang sama kemajuan dan kemakmuran ekonomi telah mendorong negara-negara Asia Tenggara menyedari mengenai kepentingan melindungi kepentingan nasionalnya dari ancaman-ancaman luar<sup>61</sup>. Justeru itu, NAT mula memberi perhatian dalam membangunkan dan memodenkan sistem pertahanan dalam menjamin keselamatan dan melindungi kepentingan nasional<sup>62</sup>. Semenjak 1990-an, kebanyakan negara-negara di Asia Tenggara telah mengambil langkah meningkatkan keupayaan sistem keselamatan dan pertahanan bagi menjaga, mempertahankan serta mengawal kedaulatan dan keselamatan daripada sebarang bentuk ancaman<sup>63</sup>. Keadaan ini telah mendorong NAT mengambil pendekatan untuk mendapatkan sistem persenjataan yang moden dan sofistikated dengan tujuan memperkukuhkan sistem keselamatan dan kedaulatan negara. NAT seperti Malaysia, Singapura, Thailand serta Vietnam telah mula memodenkan sistem pertahanan dan memperkukuhkan ketenteraan dengan memberi penumpuan kepada pemodenan dan pemilikan persenjataan yang mempunyai keupayaan yang tinggi sejajar dengan perkembangan teknologi semasa<sup>64</sup>.

Persekitaran strategik global dan serantau sentiasa berubah dan tidak menentu, sekaligus membawa pelbagai ancaman, cabaran dan peluang. Selain itu, ketidakstabilan rantau ini juga boleh mengundang kuasa-kuasa besar bertapak semula di rantau ini dan membuka peluang untuk mencampuri hal ehwal dalaman negara-negara ASEAN khususnya Malaysia. Kawasan Asia Pasifik akan terus menjadi kawasan yang mempunyai kepentingan kepada negara Malaysia untuk dekad mendatang<sup>65</sup>. Pada masa ini, kawasan rantau ini adalah aman dan tenteram. Namun begitu, keadaan aman ini berpotensi untuk menjadi tidak stabil kerana isu-isu lama dalam 'sub-regional' yang masih belum selesai seperti isu-isu di Semenanjung Korea, krisis China-Taiwan dan konflik India-Pakistan berkenaan isu Kashmir. Dalam masa yang sama, isu-isu berbentuk '*transnational*' seperti jenayah terancang antarabangsa, terrorisme, pengedaran dadah dan senjata, pergerakan buruh serta pelarian, pelanunan dan sebagainya yang bila-bila masa sahaja boleh menggugat keamanan dan kestabilan rantau ini<sup>66</sup>.

---

<sup>59</sup> Joel Krieger et.al (1993). Op.cit.hlm 820

<sup>60</sup> Amitav Acharya (2001). Op.cit. hlm 136-141

<sup>61</sup> Ibid

<sup>62</sup> Allan Gyngell (1983). Op.cit. hlm 116

<sup>63</sup> Chamil Wariya (1989). Op.cit. hlm 79

<sup>64</sup> Micheal Sheehan (1983). Op.cit.hlm 10

<sup>65</sup> Donald M. Snow (1998). Op.cit.hlm 23

<sup>66</sup> TanTai Yong (2001). Op.cit.hlm 286-288

Menurut Chandran Jeshurun (1994) dalam *Malaysian Defence Policy Revisited: Modernization and Rationalization in the Post—Cold War Era* menyatakan ketegangan yang telah sedia wujud di antara negara maju dengan negara membangun akan menggalakkan berlakunya konflik<sup>67</sup>. Segala isu terkini di rantau Asia Pasifik dan di rantau Asia Tenggara sudah semestinya akan turut memberikan impak kepada pengolahan kepada Dasar Pertahanan Negara (DPN)<sup>68</sup>. Negara Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka sememangnya mempunyai agenda sendiri dalam menjamin kedaulatan dan kepentingan negara. Dasar Pertahanan Negara mencerminkan hasrat negara untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan negara.

Isu keselamatan tradisional kekal sebagai ancaman utama kepada kedaulatan Malaysia. Walau bagaimanapun, ancaman bukan ketenteraan atau asimetris menjadi kebimbangan utama dan mempunyai keupayaan untuk mencabar kuasa kerajaan dan berpotensi untuk melemahkan keselamatan dan kestabilan serantau.

### **Analisa Faktor Dalaman (*internal factors*)**

Faktor Dalaman (*Internal Factor*) meliputi dan menganalisis tentang Persepsi Ancaman Dalaman aspek penjajahan (kolonialisme), proses kemerdekaan, kedudukan geostrategik negara di Asia Tenggara, sejarah pembinaan masyarakat yang pelbagai kaum.

Situasi keselamatan dalaman di keseluruhan Malaysia adalah stabil dan terkawal. Sejak ancaman bersenjata Parti Komunis Malaya berakhir dengan "*Haadyai Peace Accord*" pada tahun 1989 tidak ada lagi ancaman keselamatan dalaman yang serius di Malaysia. Bagaimanapun, Malaysia terus menghadapi kemungkinan ancaman yang boleh ditembusi pada bila-bila masa sahaja dan jika perkara ini tidak dipantau dan ditangani pada peringkat awal, ia berpotensi membahayakan keselamatan dan kemakmuran negara.

Situasi politik semasa di Malaysia menyaksikan peningkatan jurang perkauman. Keadaan politik yang tidak sepakat dapat mengancam kestabilan sosial dan hubungan masyarakat di Malaysia. Dalam keinginan mereka untuk memperluaskan pengaruh mereka ada sesetengah pemimpin yang mengambil kesempatan ke atas isu-isu sensitif ke tahap yang dapat mempengaruhi keselamatan dan keharmonian masyarakat. Keadaan ini bertambah buruk apabila pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan juga mengambil kesempatan terhadap situasi seperti ini untuk membuat tuntutan yang tidak munasabah yang boleh menjejaskan keamanan dan keselamatan negara. Fenomena kebanjiran besar pendatang asing yang sah dan tidak sah ke negara ini juga mempunyai implikasi negatif terhadap keselamatan dalaman Malaysia. Rekod jabatan Imigresen menunjukkan sejumlah

---

<sup>67</sup> M.R Amstutz (1995). Op.cit.hlm 333

<sup>68</sup> Chandran Jeshurun (1994). *Malaysian Defence Policy Revisited: Modernization and Rationalization in the Post—Cold War Era Southeast Asian Affairs*. hlm 194-206

1.85 juta pekerja asing di negara ini sekaligus meletakkan Malaysia di dalam senarai sepuluh diantara negara yang mempunyai pekerja asing paling ramai. Kehadiran mereka di negara ketika ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial termasuk jenayah, penyebaran penyakit berjangkit dan pertembungan budaya.

Pada era Perang Dingin senario acaman lebih tertumpu kepada ancaman tradisonal<sup>69</sup> dan mempengaruhi kerajaan untuk membentuk DPN dalam menjamin keselamatan negara. Pada peringkat awal 1957-1986, DPN adalah condong kepada *dependency* (kebergantungan) kepada Barat dan bergerak seiring dengan dasar luar. Ancaman komunis telah mempengaruhi PDN semenjak 1957-1986 yang mana logistik ATM dibangunkan berdasarkan '*counter*' '*insurgency*'<sup>70</sup>. Ketika ini, logistik ATM adalah bergantung kepada negara Barat seperti AS dan Britain termasuk pembelian aset logistik ATM seperti pesawat pejuang, helikopter, persenjataan darat dan doktrin pertahanan yang tertumpu kepada ancaman dalaman negara serta melawan pemberontakan.

Shaharuddin Bin Othman (2002) dalam *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?* menjelaskan mengenai dalam aspek pembangunan ketenteraan Malaysia, pembangunan dalam memodenkan ATM bermula semenjak tahun 1991 yang mana fokus pembangunan dan pemodenan ATM adalah daripada angkatan pertahanan yang berorientasikan menghadapi ancaman dalam era darurat kepada angkatan pertahanan yang bersifat konvensional. Antara tahun 1948-1989 fokus ATM adalah untuk menghadapi ancaman dalaman Negara iaitu ancaman PKM, namun setelah perjanjian damai dimetrai pada tahun 1989 ia telah berubah kepada ancaman luar sempadan Negara. Usaha ini dapat dilihat dengan tindakan kerajaan yang mengambil keputusan untuk membangunkan dan memodenkan TLDM dengan pembelian dua buah kapal perang termoden di Asia Tenggara pada ketika itu iaitu KD Lekiu dan KD Jebat bagi memastikan Malaysia dapat melindungi perairannya dengan lebih berkesan. Selain itu, Malaysia juga turut membangunkan TUDM agar ia dapat memastikan TUDM dilengkapi dengan kelengkapan pertahana yang seiring dengan kemajuan teknologi semasa pertahanan dan dapat melindungi sempadan dan kedaulatan negara. Pembangunan dan pemodenan ATM ini juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran strategik yang mana persekitaran antarabangsa, rantau dan dalam Negara Malaysia itu sendiri telah mempengaruhi Malaysia untuk menyediakan sistem pertahanan yang terbaik dalam melindungi keselamatan dan kedaulatan negara.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan benteng pertahanan negara yang bertanggungjawab untuk memastikan Malaysia terhindar daripada segala ancaman sama ada daripada daratan, lautan dan udara manakala membantu pihak berkuasa awam didalam menangani ancaman dalaman negara. Bagi menentukan tanggungjawab tersebut sentiasa terjamin terutamanya daripada ancaman daratan, maka Tentera Darat Malaysia (TDM) atau lebih sinonim dengan nama Tentera Darat (TD) sahaja sebagai salah satu cabang di dalam ATM perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia sepanjang masa. Penubuhan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

---

<sup>69</sup> Joel Krieger et.al (1993). *The Oxford Companion To Politics Of The World*. Oxford:Oxford University Press.hlm820

<sup>70</sup> Jasbir Singh (2003). Op.cit. hlm 66-68

pada tahun 1933 telah diwujudkan semua dan keperluan logistik yang diuruskan oleh kerajaan diutamakan<sup>71</sup>. Selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957 sistem pertahanan negara masih di bawah Kerajaan British pada tahun 1970 sehingga pengunduran tenteranya. Akibat daripada keputusan Kerajaan British mengundurkan bala tenteranya dari rantau ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah tertentu menyusun semula Kementerian Pertahanan Malaysia ini (KEMENTAH). Oleh itu sebagai sebuah organisasi yang telah wujud sejak 76 tahun (1933 - 2009) yang lalu, ATM telah melalui pelbagai pembangunan baik dari segi pembangunan manusia, struktur organisasi malah dari segi peralatan dan kelengkapan pertahanan bersesuaian dengan konsep yang telah digariskan. ATM juga sentiasa peka dengan arus pembangunan dari segi peralatan dan teknologi semasa<sup>72</sup>. Selepas tahun 1976, pembangunan infrastrukturnya telah berkembang dengan begitu pesat dalam membeli peralatan pertahanan baru dan membina bangunan-bangunan baru. Untuk mengurangkan beban JKR ketika itu, Angkatan Tentera Malaysia telah menubuhkan Jabatan Perumahan dan Pembinaan (JP&P) untuk membina dan menyelenggara bangunan baru dan lama. Bangunan-bangunan lama keseluruhannya adalah peninggalan kem-kem tentera British. Perkembangan ini menjadi lebih pesat pada 1980 apabila ATM melancarkan rancangan Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera (PERISTA).

Menurut K.S Nathan (1984)<sup>73</sup>, fenomena ancaman keselamatan di rantau AT telah mempengaruhi beberapa buah negara seperti Thailand dan Filipina untuk mengambil pendekatan menyertai kerjasama politik dan pertahanan yang dikenali sebagai *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) pada 6 September 1954 di Manila. Perjanjian ini juga dikenali sebagai *Manila Pact* dan berpusat di Bangkok. SEATO adalah organisasi yang disertai oleh Filipina, Thailand, Pakistan, Australia, New Zealand, Britain, Amerika Syarikat dan Perancis. SEATO berfungsi untuk memastikan keamanan dan keselamatan serantau. Selain itu, perjanjian ini turut bermatlamat untuk membendung perkembangan komunis serantau. Menurut beliau, penglibatan beberapa NAT dalam SEATO adalah didorong oleh ancaman komunis dan ancaman kuasa China serta bagi menjamin keselamatan negara masing-masing. Pergantungan Thailand terhadap bantuan dan sokongan Amerika dalam aspek keselamatan ini ternyata terserlah dengan penerimaan perletakkan angkatan tentera Amerika Syarikat di Thailand. Dalam persidangan kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Belgrade 1961, Thailand dan Filipina menjelaskan bahawa penyertaan mereka di dalam SEATO adalah bertujuan bagi melindungi keselamatan negara di samping mewujudkan hubungan yang baik dengan kuasa-kuasa besar. Menurut pendapat Chamil Wariya (1989) dalam *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan dan Isu Utama Sejak 1945*<sup>74</sup> berikutan ancaman perkembangan komunis.

---

<sup>71</sup> Abdullah Than Abd Rahim (2006) Op.cit. hlm 33-56

<sup>72</sup> Mahathir Mohamad. (1991). Op.cit.hlm 1-23

<sup>73</sup> K.S Nathan (1984). Op.cit.hlm132

<sup>74</sup> Chamil Wariya (1989). *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan dan Isu Utama Sejak 1945*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd.hlm 197

Malaysia telah menghadapi ancaman komunis dari dalam negara dan luar negara. Ancaman dari luar sempadan adalah dipengaruhi oleh faktor Perang Dingin yang telah menjadi aspek yang mempengaruhi dasar luar dan pertahanan Malaysia untuk menentang komunis. Selain itu, Malaysia juga menghadapi konfrantasi dengan Indonesia yang diterajui oleh Sukarno yang dipengaruhi oleh komunis antara 1963-1965. Malaysia telah mengamalkan dasar yang cenderung kepada Barat yang mana Malaysia turut mengamalkan dasar anti-China semenjak 1957 sehingga 1974. Malah Malaysia turut memberi bantuan dan sokongan kepada operasi ketenteraan di Afghanistan antara tahun 1980-1989. Selain itu, dasar luar Malaysia juga memberi sokongan kepada gerakan AS membantu Vietnam Selatan bagi memerangi perluasan kuasa komunis melalui Vietnam Utara. Dasar luar ini yang mengamalkan anti komunis ini telah mempengaruhi prinsip pertahanan Malaysia untuk mengarahkan operasi ketenteraan bagi menentang ancaman komunis. Pengaruh dasar luar ke atas pertahanan Malaysia ini dapat dilihat apabila Malaysia melaksanakan operasi ketenteraan menentang pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) di Malaysia daripada tahun 1957-1989. Malaysia juga turut mengamalkan dasar berkecuali yang mana ia telah menjadi sandaran kepada pertahanan negara. Dasar ini telah diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak yang diamalkan semenjak 1970 dan diperluaskan ke peringkat rantau yang menggesa pertubuhan ASEAN mengamalkan dasar berkecuali bagi menjamin keselamatan setiap negara. Antara tahun 1967-1981, dasar luar Malaysia yang mementingkan kerjasama dan hubungan yang membina di rantau Asia Tenggara telah menjadi sandaran kepada pertahanan negara daripada ancaman keselamatan. Selain itu, hubungan baik Malaysia dengan kuasa Barat khususnya Britain, ia telah membolehkan Malaysia mendapatkan bantuan daripada Britain melalui perjajian dan penubuhan AMDA pada tahun 1957 dan *Five Power Defence Arrangement* pada tahun 1971. Kesan daripada dasar luar yang baik dengan kuasa Britain dan anggota negara Komanwel telah mempengaruhi Malaysia untuk menjadikan FPDA sebagai salah satu aset pertahanan negara.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Nasibah Harun (November 2005) dalam *Batalion Standard Infantri*<sup>75</sup>, telah menyentuh mengenai dasar pertahanan dan sejarah pembangunan ATM. Kajian ni telah menjelaskan mengenai pembangunan kerajaan terhadap Tentera Darat Malaysia bagi membentuk sebuah Batalion Infantri Standard (BIS) ATM adalah lanjutan daripada pembangunan ATM yang banyak dipengaruhi faktor ancaman keselamatan negara. Dalam era 1948-1960, kejayaan komunis melakukan serangan ke atas lokasi strategik kerajaan di Sungai Siput Perak pada 16 Jun 1948 telah membawa kepada pengistiharan darurat. Ini telah menjadi faktor kepada pembangunan ATM khususnya angkatan tentera darat apabila kerajaan (British) mengambil keputusan untuk memperbesar angkatan pertahanan yang mana pada tahun 1948, Rejimen Askar Melayu Diraja yang hanya memiliki 3 buah Batalioun telah ditambah kepada tujuh buah batalion dan diletakan dibawah kawalan operasi tentera darat timur jauh British (*Far East Land Forces*) di Singapura dan *Malaya Command* di Kuala Lumpur.

Dalam era 1960-1989 pula pihak kerajaan terpaksa memberikan fokus dalam menghadapi ancaman PKM yang mana kejayaan komunis Vietcong mengalahkan tentera AS dalam Perang Vietnam (1965-1975) dengan menggunakan taktik gerila telah menjadi keutamaan kepada ATM

---

<sup>75</sup> Nasibah Harun (2005). Batalion Standart Infantri. Perajurit. November. Hlm 3-7



dan kerajaan dalam memastikan pemhapusan gerila dan pemberontakan komunis di Malaysia. Ancaman komunis turut membabitkan Sabah dan Sarawak dengan peranan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) yang telah menubuhkan dua buah unit gerila komunis yang dikenali sebagai iaitu Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) telah memberikan tekanan kepada kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kestabilan politik negara. Bagi memastikan gerakan komunis di Sabah dan Sarawak dapat diatasi, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengadakan kerjasama dengan kerajaan Indonesia pada tahun 1972 dengan menubuhkan Jawatan kuasa Sempadan Am (GBC) yang menggabungkan kerjasama ATM dan TNI dalam membentras gerakan komunis. Usaha kerajaan dan ATM ini telah membawa kejayaan yang mana pada Disember 1989 PKM telah bersetuju untuk mengadakan perjanjian damai dengan kerajaan Malaysia dan diikuti perjanjian damai yang ditandatangani oleh PARAKU pada 17 Oktober 1990<sup>76</sup>. Perletakan senjata oleh PKM telah membolehkan proses pemodenan ATM dilaksanakan yang mana kerajaan menasaskan untuk membentuk sebuah angkatan infantri yang kredibel dan *self contained* dengan memperkenalkan konsep *Batalion Infantri Standard* yang memfokuskan kemampuan dan bukannya kuantiti. Ini bermaksud, kerajaan menasaskan untuk membentuk sebuah pasukan yang kecil dengan mengurangkan daripada jumlah 100,000 orang kepada 85,000 orang dengan meningkatkan keupayaan kuasa tembakan dan kemampuan serta memiliki daya tempur yang tinggi<sup>77</sup>.

Chandra Jeshrun (1980)<sup>78</sup> dalam *Malaysia Defence Policy: A Study In Parliament Attitudes: 1963-1974* menyatakan DPN adalah berlandaskan dasar luar negara selepas kemerdekaan. Ia adalah berasaskan yang diamalkan oleh penjajah (British), anti komunis. Ia adalah selaras dengan dasar yang diamalkan British semenjak 1948-1960 yang mana British telah menumpukan usaha untuk menghapuskan komunis termasuk melaksanakan undang-undang darurat sehingga tahun 1960. Penubuhan AMDA pada tahun 1957 juga adalah satu perjanjian yang menjadi teras sokongan dasar pertahanan British kepada Tanah Melayu. Kemerdekaan negara pada tahun 1957 adalah ketika Malaysia masih di bawah pelaksanaan undang-undang darurat akibat ancaman PKM dan ini telah mempengaruhi kerajaan yang dibentuk yang diketuai Tunku Abdul Rahman meneruskan dasar anti komunis dan berusaha membasmi pemberontakan komunis di Malaysia. Namun pada tahun 1962 iaitu dua tahun selepas penarikan balik undang-undang darurat, parlimen telah mencadangkan untuk menguatkan ATM yang mana peranan ATM perlu diperluaskan untuk membantu pihak polis dalam memelihara dan menjaga keselamatan negara daripada ancaman dalaman dan luaran. Cadangan ini dikenali sebagai *Dynamo Plan* (Pelan Dynamo), namun ia gagal dilaksanakan apabila dikritik oleh British serta melibatkan kos yang besar yang di luar kemampuan Tanah Melayu. Di bawah pelan ini, ia dapat dibahagikan kepada 4 fasa iaitu :-

selepas era kemerdekaan adalah berteraskan kepada dasar luar yang diamalkan dan dipengaruhi oleh British yang mengamalkan anti komunis apabila menghadapi pemberontakan komunis antara

<sup>76</sup> Nasibah Harun (2005). Batalion Standart Infantri. *Perajurit*. November. Hlm 4-5

<sup>77</sup> Nasibah Harun (2005). Batalion Standart Infantri. *Perajurit*. November. Hlm 5-7

<sup>78</sup> Chandra Jeshrun (1980) Dalam *Malaysia Defence Policy: A Study In Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm 11-17

tahun 1948-1960. Pada ketika ini Tanah Melayu telah memberikan penumpuan penghapusan gerakan komunis yang dapat dilihat dengan operasi ketnetraan menentang komunis dan pelaksanaan undang-undang darurat sehingga tahun 1960 serta menolak perebakan komunis di peringkat antarabangs. Pembentukan perjanjian pertahanan AMDA pada tahun 1957 adalah satu perjanjian yang menunjukkan dasar kerajaan Tanah Melayu untuk bekerjasama dengan British bagi menentang gerakan komunis. Peperangan revolusionari adalah peperangan yang dilancarkan oleh golongan yang bukan tentera tetap yang bermatlamatkan untuk mewujudkan sesuatu perubahan terhadap organisasi politik, struktur masyarakat, penguasaan dan pemilikan sumber ekonomi negara serta sistem sosial yang diamalkan oleh masyarakat semasa. Peperangan revolusionari ini merupakan salah satu jenis taktik yang digunakan oleh pihak yang berkepentingan tetapi tidak memegang kuasa politik dan bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan yang telah dipilih oleh sesebuah masyarakat semasa. Pengertian ini telah menjelaskan bahawa terdapat perkaitan di antara peperangan revolusionari dengan peperangan irsujensi. Irsugensi merupakan salah satu cara atau kaedah melaksanakan peperangan revolusionari yang dijalankan oleh golongan yang menentang kerajaan dalam membawa perubahan terhadap 'status quo' sesebuah kerajaan yang telah dipilih oleh sesebuah masyarakat. Sebagai contoh, irsujensi Parti Komunis Malaya (PKM) terhadap pihak kerajaan Malaysia ketika 1948-1989. Manakala peperangan menentang irsujensi (*counter-irsujency*) pula merupakan taktik peperangan yang digunakan oleh kerajaan untuk menentang kegiatan irsugensi. Sebagai contoh, pihak Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan peperangan, diplomasi dan perang psikologi dalam membanteras kegiatan PKM (irsujensi) selepas PKM melancarkan pemberontakan<sup>79</sup>.

Kemerdekaan Tanah Melayu yang dicapai pada tahun 1957 adalah ketika Tanah Melayu sedang menghadapi ancaman komunis dan ketika berada di bawah undang-undang darurat yang akhirnya mempengaruhi kerajaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman untuk memberikan fokus menghapuskan ancaman komunis PKM di Tanah Melayu. Pembangunan pertahanan Tanah Melayu adalah dibantu oleh British yang mana melalui perjanjian pertahanan AMDA, Tanah Melayu telah diberikan jaminan keselamatan sekiranya menghadapi ancaman. Usaha untuk membangunkan pertahanan Tanah Melayu semain berkembang pada tahun 1962 iaitu dua tahun selepas penarikan balik undang-undang darurat yang merancang untuk memperkembangkan peranan ATM bagi membantu pihak polis bagi menjaga dan memelihara keselamatan negara daripada ancaman keselamatan yang dikenali sebagai *Dynamo Plan*. Walau bagaimanapun perancangan ini telah gagal dilaksanakan dan dikritik oleh British kerana *Dynamo Plan* ini mebabitkan kos yang tinggi. Umumnya, pembangunan dasar pertahanan dan ATM ini dapat dilihat dalam empat fasa pembangunan yang masa dalam fasa pertama (1963-1968) selain kenghadapi ancaman komunis, skop penugasan ATM telah berkembang yang bukan hanya mebabitkan keselamatan Semenanjung Tanah Melayu sebaliknya ia turut mebabitkan Sabah dan Sarawak berikutan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. ATM juga turut bertanggungjawab bagi menjaga keselamatan dan pertahanan kawasan perairan yang merangkumi perairan Selat melaka, Laut China Selatan sehingga ke Andaman. Malah dalam fasa

---

<sup>79</sup> Untuk melihat strategi dan taktik PKM menjalankan kegiatan irsujensi dan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan sebagai counter-irsujensi. Sila rujuk Zulhilmi Paidi, 'Propaganda dan perang saraf: Meninjau pengalaman darurat 1948-1960 di Tanah Melayu', dalam Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar (pnyt), *Hubungan luar antarabangsa*, PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2003.hlm 194-221

ini, dasar pertahanan negara juga semakin berkembang apabila teretusnya konflik iaitu Konfrantasi Malaysia-Indonesia (1963-1965) yang mana ia telah memperlihatkan ancaman kekerasan ketenteraan Indonesia ke atas Malaysia. Ancaman dari luar sempadan negara ini telah mempengaruhi kepimpinan negara untuk mengusulkan penambahan budget dan membuat pembelian kelengkapan pertahanan yang lebih baik dalam memastikan keberkesanan ATM melindungi keselamatan negara pada Disember 1964<sup>80</sup>.

Pembangunan dasar pertahanan juga dapat dilihat melalui Pelan Maiden yang mana melalui pelan perancangan ini, persoalan dan tanggungjawab keselamatan negara adalah tanggungjawab kepada semua kementerian dan bukan hanya terletak kepada ATM semata-mata. Ini kerana senario ancaman yang besar yang dihadapi pada tika itu adalah melibatkan ancaman dari dalaman negara iaitu pemberontakan PKM dan ancaman luaran yang melibatkan Konfrantasi Malaysia-Indonesia dan tindakan Singapura yang bertindak keluar dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965. Dasar pertahanan juga turut berkembang apabila kerajaan telah bercadang untuk menghasilkan Kertas Putih Pertahanan (*Defence White Paper*) yang berteraskan untuk memelihara kemakmuran, keamanan, kedaulatan dan berkecuali. Malah dalam aspek penyelesaian konflik, ia perlu berteraskan kepada penyelesaian konflik secara kolektif dan aman. Cadangan ini telah dibentangkan Mesyuarat Kerjasama Asia Pasifik di Seoul pada tahun 1966, namun kedua-dua pelan tersebut gagal menghasilkan Kertas Putih Dasar Pertahanan Negara walaupun telah dibincangkan didalam parlimen. Kegagalan membentuk Kertas Putih Pertahanan ini walaubagaimanapun telah digantikan dengan penubuhan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menyelaraskan dan memastikan soal keselamatan, ancaman keselamatan dan pertahanan dapat diselesaikan. Pembangunan DPN dan ATM telah menghadapi masalah apabila pihak British telah mengambil keputusan untuk menamatkan perjanjian AMDA pada 10 dan 11 Jun 1968 yang secara langsung akan memberikan kesan kepada aset pertahanan dan kekuatan ATM secara amnya dalam melaksanakan tuags keselamatan. Selain itu, keadaan politik dalaman yang tidak stabil akibat daripada berlakunya rusuhan kaum 13 Mei 1969 yang memaksa kerajaan Malaysia melaksanakan undang-undang darurat telah menimbulkan senario baru dalam pembangunan DPN dan ATM. Keadaan ini telah mempengaruhi Malaysia untuk mengambil keputusan untuk mengamalkan strategi pertahanan berdikari dalam DPN kerana pergantungan aspek keselamatan sepenuhnya kepada negara luar iaitu Britain tidak memberikan jaminan kepada Malaysia dalam aspek pertahanan. Menurut Salim Ahmad Bin Miandad (2002):

*“The race riot of May 1969, the British withdrawal from Malaysia which denotes the beginning of self-reliance strategy... Developments during 1968 – 1971, when the British eventually left, and with the no firm commitment in assisting Malaysia’s defence, Malaysia resorted to self-reliance strategy”*<sup>81</sup>

---

<sup>80</sup> Chandra Jeshrun (1980) Dalam *Malaysia Defence Policy: A Study In Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm 11-17

<sup>81</sup> Salim Ahmad Bin Miandad (2002). *Self-Reliance In Malaysian Armed Forces Logistics Sistem: An Essential Element To Enhance Defence Policy*. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 28-31

### **Analisa Faktor Idiosinkrasi Tun Mahathir yang mempengaruhi ATM dan DPN era Mahathir 1981-2003**

Mahathir Mohamad berkhidmat sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun dari 1981 hingga 2003. Untuk membawa pembangunan atau perubahan sosial kepada negara, gaya kepimpinan yang berkesan, komunikasi, dan keputusan membuat kuasa pemimpin adalah penting untuk memastikan para pengikut menerima gagasan pemimpin. Secara umum, terdapat banyak peranan yang diharapkan daripada beliau, antaranya beliau dijangka membimbing rakyat dengan menetapkan dirinya sebagai model peranan. Kepimpinan Mahathir terutama tertumpu untuk meningkatkan orang Melayu.

Di bawah pemerintahan Mahathir Mohamad, Malaysia sangat stabil dalam perspektif urusan politik. Apabila Mahathir Mohamad dipilih sebagai perdana menteri ke-4 banyak faktor telah menyumbang kepada kejayaan pembaharuan menyeluruh di Malaysia sejak tahun 1981. Kepimpinan berperanan untuk membentuk kepercayaan orang, yang mempengaruhi perilaku mereka dan memotivasi keinginan dan ketakutan mereka, dalam mewujudkan ideologi tertentu sebagai akal sehat. Mahathir Mohamad, telah mempengaruhi cara rakyat Malaysia merasakan sendiri dan kumpulan etnik yang lain.

Mahathir Mohamad merupakan seorang pemikir, kreatif, penulis, dan ahli politik yang mempunyai mental yang aktif. Dari tahun 1981 hingga 2003 Mahathir Mohamad terus memperbaiki keadaan dan perkembangan negara sebagai perdana menteri, patriot, dan pemimpin. Di Malaysia, Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang mewakili masyarakat majoriti telah memperkenalkan pelbagai dasar, dan misi untuk negara dan sebagai negara tertinggi selama 22 tahun, beliau membawa banyak perkembangan di Malaysia. Tambahan pula Mahathir Mohamad sekali lagi telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2018, dianggap tulang belakang di dalam kemajuan negara yang luar biasa.

Mahathir Mohamad merupakan contoh terbaik pemimpin yang hebat kepada seluruh dunia. Rakyat Malaysia menyaksikan perubahan radikal yang luar biasa buat kali pertama dalam sejarah politik Malaysia. Di sini terdapat beberapa ciri kepimpinan para pemimpin hebat dan Perdana Menteri besar dunia ketika ia memimpin peralihan negara ke era baru.

Komunikasi dan komunikator adalah perkara yang sangat penting bagi setiap pemimpin politik. Fakta yang paling terkenal ialah komunikasi adalah salah satu kemahiran peribadi beliau sebagai Perdana Menteri, terutamanya kemahirannya yang diperlukan untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan pemimpin dan masyarakat lain yang akan membentuk kuasa dan gaya kepimpinannya. Tambahan pula, Mahathir Mohamad adalah salah satu daripada pemimpin dunia terkenal dalam beberapa cara, yang dapat dilihat dalam usaha, komunikasi, dan motivasi untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara maju. Mahathir Mohamad menyampaikan ideologi kerajaannya yang paling banyak, dan konsepnya berkesan dengan orang ramai untuk mendapat sokongan dan memastikan pelaksanaan rancangannya berjaya

Wawasan yang jelas adalah watak kepimpinan Mahathir Mohamad. Beliau berani untuk memimpin visi tersebut dan memberi perhatian yang jelas tentang apa yang perlu dilakukan untuk mencapai visi itu. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa dengan manifesto 100 hari dan

wawasan jangka pendek ini mampu memberikan harapan kepada rakyat Malaysia tentang apa yang Malaysia boleh lakukan dalam tempoh 5 tahun akan datang jika barisannya mentadbir pentadbiran. Wawasan Malaysia 2020 telah diturunkan oleh Mahathir Mohamad pada mesyuarat pertama Majlis Perniagaan Malaysia pada tahun 1991 dan visi yang jelas ini memberikan tumpuan dan arah kepada pencapaian matlamat pada masa depan. Visi ini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang diguna pakai oleh Mahathir Mohammad.

Pada awalnya Yayasan Mahathir Mohammed telah memperoleh status yang ketat, berdisiplin, dan serius dalam pendidikan dan urusan. Sebagai Perdana Menteri beberapa contoh disiplinnya boleh dilihat dalam keputusannya pada tahun 1988 di mana nasihatnya untuk mengendalikankan tribunal kepada presiden Tuhan Tun Saleh Abbas untuk "salah laku kasar" yang mengakibatkan Raja dipecat, dan dua tertinggi hakim mahkamah juga dibuang kerja. Satu lagi contoh ialah pada tahun 1998, Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim dipecat dan ditangkap kerana rasuah dan salah laku seksual, dan dipenjarakan selama 15 tahun. Sebagai seorang yang berdisiplin ketat, beliau tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang diperlukan kepada pengkritik dasar pendidikan.

Mahathir telah membangun dan memperkenalkan konsep "Bangsa Malaysia" untuk mewujudkan identiti untuk rakyat Malaysia dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Beliau menyatukan 4 parti yang diwakili sebagai 1 gabungan gabungan untuk Pilihan Raya Umum Ke-14. Jadi, pengundi tidak perlu membuat keputusan di antara 4, mereka hanya perlu memilih 1 parti bersatu. Sebagai jawatan Perdana Menteri pertama, Mahathir Mohamad mengambil berat tentang orang Melayu, etnik Cina dan India di Malaysia yang mempromosikan status Melayu. Kemudian dia secara paksa bersatu dengan orang Melayu, Cina dan India dan membawanya bersama untuk bekerja untuk pembangunan Malaysia dan mempromosikan status Melayu.

Kemahiran Ucapan Mahathir Mohamad di semua peringkat memberi pengaruh positif kepada rakyat. Dalam ucapannya, Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Malaysia perlu berkembang dalam semua aspek dari segi ekonomi, politik, sosial, psikologi, kultur dan rohani. Mahathir Mohamad adalah salah seorang daripada beberapa pemimpin yang mempunyai keupayaan untuk menangkap fikiran orang apabila bercakap dan dia berbicara dengan tenang, berani dan dengan kebajikan dalam kata-kata dan fikiran. Dalam musim kempen, Mahathir Mohamad melintasi Prominent Malaysia untuk perhimpunan dan ucapan. Dikenali dengan kecerdasan dan humornya dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, beliau secara konsisten membawa pulang mesej pembaharuan dan menggambarkan harapannya untuk Malaysia. Sebelum malam hari pilihan raya semua rakyat Malaysia menyaksikan ketika dia bercakap tentang harapannya kepada Malaysia yang baru, kuat dan patriotik tidak diragukan lagi dimana terbukti dalam hari pemilihan.

Mahathir Mohamad membangunkan Malaysia daripada negara ketiga dengan pantas (Hays 2008b). Dengan sokongan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), beliau telah memenangi kerusi di dalam dewan rakyat pada tahun 1964. Beliau telah dipilih semula ke dalam parlimen pada tahun 1973 dan dinaikkan pangkat ke Kabinet pada tahun 1974 dan kemudiannya menjadi timbalan perdana menteri dan pada tahun 1978 beliau berpindah dari kementerian pendidikan ke kementerian perdagangan dan industri. Di sini beliau telah memimpin beberapa misi di luar negara untuk menggalakkan pelaburan di Malaysia (Institut 2018). Pada tahun 1978, beliau

dipilih sebagai timbalan presiden UMNO dan kemudiannya pada tahun 1981, beliau dilantik sebagai presiden UMNO. Tun Mahathir menjadi perdana menteri lima tahun kemudian pada tahun 1981 selepas Tun Hussein Onn bersara (Kes 1991)

Pendidikan ialah langkah pertama dalam rancangan Tun Mahathir untuk mengubah rakyat dan negara. Sebagai pemimpin utama, keazamannya adalah untuk menghapuskan kemiskinan dan mewujudkan keadilan untuk semua, dan melihatnya bahawa setiap orang diberi peluang untuk meningkatkan taraf hidupnya (Elias 2003). Beliau juga meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, yang ditentang oleh ahli akademik dan mereka yang terlibat dalam pendidikan (Elias 2003). Selepas menjadi Perdana Menteri, pentadbiran Mahathir Mohamad menyasarkan kepada semua rakyat Malaysia, untuk mengubah pemikiran mereka dan mempengaruhi mereka untuk menjadi progresif, rajin, produktif, dan cekap dan pelbagai program yang telah diperkenalkan untuk menaik taraf penjawat awam Malaysia (Atory dan Hussain 1997). Pentadbiran Mahathir Mohamad juga menyediakan peluang latihan untuk semua peringkat kakitangan awam. Perubahan yang drastik ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam dan sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus sektor awam (Atory dan Hussain 1997).

Sebagai perdana menteri, Mahathir Mohamad aktif dalam hal ehwal antarabangsa, terutama di Malaysia iaitu Persatuan Bangsa-bangsa Asia Tenggara (ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) (Terma 1986). Sebagai seorang pemimpin, Mahathir Mohamad menggunakan kuasa dan bertindak tegas menguatkuasakan dasar atau rancangan yang beliau telah putuskan untuk mencapai objektif tertentu yang bertujuan untuk kebajikan dan pembangunan negara (Rahim, Croissant, dan Malley 2006). Projek beliau berbentuk jangka masa panjang bertujuan untuk memproses ekonomi dengan pesat dan memupuk semangat politik dalam pengusaha Melayu (Case 1991). Sepanjang perjalanannya beliau menghadapi pelbagai cabaran dalam meneruskan kerjaya politiknya, dan berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai ekonomi perindustrian (Beng 2003). Dari tahun 1988, Mahathir Mohamad dapat meluaskan pandangannya. Secara amnya, pesaing Tun Mahathir dalam UMNO telah dikalahkan, dan cengkamannya pada semua fasa negara institusi, termasuk badan kehakiman, telah ditubuhkan (Nossal dan Stubbs 1997).

Semasa pentadbiran Tun Mahathir, beliau telah membina lapangan terbang antarabangsa di bahagian selatan dan Cyberjaya di bahagian Utara. Beliau juga membina Putrajaya sebagai kawasan pentadbiran Malaysia yang baru (Hays 2008b). Mahathir Mohamad merupakan pemimpin yang luar biasa yang berpandangan jauh, bersikap transformasi, moden dan mengukuhkan ekonomi negara. Beliau mempunyai cita-cita, inisiatif dan rancangan untuk melancarkan projek yang dapat meningkatkan ekonomi negara (Jomo 2003). Pada tahun 1981, semasa pemerintahannya beliau telah melancarkan banyak dasar inovatif dan telah berusaha keras untuk meningkatkan ekonomi negara. Beliau juga ingin teknologi Malaysia berdiri setanding dengan negara membangun di dunia supaya Malaysia menjadi negara perindustrian yang baru (Overtoom 2014). Dasar "Pandang ke Timur" yang diperkenalkan beliau adalah dasar berwawasan untuk membangunkan rangkain Asia Timur terutama sekali negara Jepun (Azizuddin and Sani 2010; Nossal and Stubbs 1997).

Di bawah pentadbiran Tun Mahathir, Taiwan, Korea Selatan, Jepun dan China merupakan pelabur asing yang membantu dalam transformasi struktur dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia (Jomo 2003). Antara penyebab tarikan masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia ialah kerana pertumbuhan ekonomi yang luar biasa dan stabil di bawah kepimpinan Tun Mahathir. (Nossal dan Stubbs 1997). Purata kadar pertumbuhan dalam KDNK sebenar adalah 6 peratus semasa tahun 1960-an, 6.8 peratus pada tahun 1970-an dan hanya di bawah 5 peratus dalam tempoh 1980-87. Sejak tahun 1988 kadar pertumbuhan berada dalam lingkungan 8 hingga 9 peratus, menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi terpantas (Nossal dan Stubbs 1997). Mahathir Mohamad telah diiktiraf kerana mewujudkan program perindustrian yang mendorong aktiviti eksport. Mahathir Mohamad telah membantu mengubah asas ekonomi negara dan pendapatan per kapita negara meningkat dua kali ganda dari tahun 1990 hingga 1996, dan negara mencapai matlamat serta ekonomi kekal stabil (Institut 2018). Faktor idiosinkrasi (peribadi) Tun itu sendiri mencorakkan dan menentukan pemodenan dan pembangunan dasar pertahanan Malaysia ketika era Tun Mahathir Mohamad pada tahun 1981-2003.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor utama ini penting dalam menentukan faktor pemodenan dan pembangunan dasar pertahanan Malaysia ketika era Tun Mahathir Mohamad pada tahun 1981-2003 yang menjadikan aspek keselamatan dan pertahanan Malaysia bertambah moden dan 'gah' dipersada antarabangsa.

**KELESUAN PANDEMIK: REMAJA DAN KESIHATAN MENTAL IMPAKNYA  
TERHADAP PENDIDIKAN  
PANDEMIC FATIGUE: ADOLESCENTS AND MENTAL HEALTH IMPACT ON  
EDUCATION**

Siti Aisyah Mohamad Zin<sup>82</sup>

Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan (JPKK),  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
email: [aisyah.zin@fsk.upsi.edu.my](mailto:aisyah.zin@fsk.upsi.edu.my)

**Abstrak:** Pandemik COVID-19 merupakan isu utama yang menjadi perhatian masyarakat dunia pada masa ini dan *World Health Organization* (WHO) mencatatkan jumlah kes melebihi 200 juta orang diseluruh dunia. Penularan wabak COVID-19 memberikan impak yang besar dalam kalangan masyarakat dunia khususnya di Malaysia, dari aspek sosioekonomi sehinggalah membawa kepada isu kesihatan mental. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada rakyat Malaysia adalah bertujuan untuk memutuskan rantai wabak dengan membuat penjarakan sosial yang bermula 18 Mac 2020 telah mengubah corak kehidupan rakyat terutamanya remaja. Jika tidak diurus dengan baik, ia boleh membawa kepada konflik emosi seperti kemurungan, punca stres, kebimbangan dan serangan panik jika dibiarkan berlarutan bahkan boleh mempengaruhi kesihatan mental remaja. Terdapat banyak kajian-kajian terkini berkenaan pandemik COVID-19 telah dijalankan oleh pengkaji dari seluruh dunia. Wabak COVID-19 juga turut memberi kesan kepada sektor pendidikan di negara ini. Pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dijalankan seperti biasa sehingga memerlukan belajar dari rumah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan satu platform baru untuk membantu para pelajar bagi meneruskan sistem pembelajaran melalui pembelajaran secara atas talian. Pembelajaran secara atas talian mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri. Pada zaman yang mencabar ini, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah yang lebih maju dan bersistematik. Oleh kerana itu, pembelajaran atas talian merupakan jalan yang terbaik bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran mereka walaupun mereka berada di rumah masing-masing. Namun begitu, pelaksanaan pembelajaran secara atas talian berpotensi untuk menjejaskan kesihatan mental pelajar seperti rasa tertekan, takut, cemas, bimbang dan murung akibat tidak dapat mengimbangi penggunaan komputer semasa pembelajaran dan untuk menyiapkan tugas serta masalah data internet. Hasil kajian *World Health Organization* (WHO) mendapati jumlah mangsa yang mengalami penyakit kemurungan di serata dunia dianggarkan mencecah 300 juta orang dan rata-rata adalah remaja. Perkara ini adalah pembunuh senyap pada generasi ini yang merupakan tonggak dan harapan negara, maka sewajarnya perlu diberikan perhatian dan rawatan. Kajian kepustakaan melalui kaedah analisis kandungan digunapakai dalam penulisan ini bagi melihat cabaran dan solusi kepada pemulihan konflik emosi dan

---

<sup>82</sup> Corresponding Author: Siti Aisyah binti Mohamad Zin: Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan (JPKK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia. Email: [aisyah.zin@fsk.upsi.edu.my](mailto:aisyah.zin@fsk.upsi.edu.my).



kesihatan mental. Justeru penulisan ini bertujuan untuk melihat cabaran dari wabak ini meneroka secara ilmiah tentang impak COVID-19 terutamanya dari sudut emosi dan kesihatan mental serta impak terhadap sistem pendidikan negara. Sikap “cegah sebelum parah” adalah amat kritikal dan perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat ketika berhadapan dengan cabaran yang semakin hebat ketika COVID-19 ini. Melalui pemahaman terhadap kesan emosi, langkah pencegahan dan pendekatan yang bersesuaian dapat dilaksanakan agar konflik emosi dapat dirawat bagi menyelamatkan remaja dan seterusnya dapat menjamin kesejahteraan individu yang terkesan akibat wabak COVID-19.

**Kata kunci:** COVID-19, Konflik Emosi, Kesihatan Mental, Stres, Pendidikan

**Abstract :** *The COVID-19 pandemic is a major concern to the community around the globe at the moment and the World Health Organization (WHO) records a total of more than 200 million cases worldwide. The spread of the COVID-19 pandemic has had a huge impact on the world community, especially in Malaysia, from the socio-economic aspect that leads to mental health issues. The implementation of the Movement Control Order (MCO) to Malaysians is aimed at breaking the chain of pandemics by making social distancing which began on March 18, 2020, has changed the societal life pattern, especially for adolescents. If it is not managed properly, emotional conflicts such as depression, stress, anxiety and untreated panic attacks can even affect the mental health of adolescents. There are numerous recent studies on the COVID-19 pandemic have been conducted by researchers from around the world. The COVID-19 outbreak has also affected the education sector in the country. Face-to-face learning cannot be conducted, hence, requires students to learn from home. The Ministry of Education in Malaysia has introduced a new platform to help students to continue the learning through online learning system. Online learning has its own pros and cons. In these challenging times, the field of education is not fall behind in undergoing a transformation towards a more advanced and systematic learning process. Therefore, online learning is the best way to ensure that students do not fall behind in their studies even when they are at home. However, the implementation of online learning has the potential to affect the mental health of students such as feelings of stress, fear, anxiety, worry and depression due to not being able to balance the use of computers during learning and to complete assignments as well as internet data problems. A study by the World Health Organization (WHO) found that the number of victims of depression worldwide is estimated to reach 300 million people and the average is of adolescents. This is the silent killer of this generation which is the pillar and hope of the country, therefore it should be given attention and proper treatment. A literature review through content analysis method is used in this paper to look at the challenges and solutions to the recovery of emotional conflict and mental health. Thus, this paper aims to look at the challenges of this pandemic exploring scientifically about the impact of COVID-19 especially in terms of emotional and mental health as well as the impact on the national education system. The attitude of "prevent before it*

*gets worse" is very critical and needs to be given serious attention by the community in facing the escalating challenges during this COVID-19. An understanding of the effects of emotions could generate appropriate prevention measures and approaches that can be implemented to ensure that emotional conflicts can be treated to save those adolescents and inevitably to ensure the well-being of individuals affected by the COVID-19 outbreak.*

**Keywords:** COVID-19, Emotional Conflicts, Mental Health, Stress, Education

## **Pengenalan**

Pada Mac 2020 yang lalu, *World Health Organization* (WHO) telah mengisytiharkan bahawa novel coronavirus atau dikenali sebagai COVID-19 sebagai satu pandemik yang melanda dunia (WHO, 2020). Setakat 20 Ogos 2021, sebanyak 209,876,613 kes penularan telah dilaporkan di seluruh dunia dan telah melibatkan 4,400,284 kematian dalam kalangan 210 buah Negara (WHO). Menurut CPKC Kebangsaan 20 Ogos 2021, negara Malaysia telah mencatatkan kes sebanyak 1,513,024 dan sebanyak 13,713 kes kematian berikutan pandemik yang melanda. Seperti yang sedia maklum, pandemik ini berasal daripada negara China yang mencatatkan kes pertama pada Disember 2019 dan telah menular ke serata dunia.

Susulan daripada kes yang semakin menular pada Mac 2020 di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 bagi mengekang penularan virus ini dengan sokongan dan cadangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak lima fasa PKP telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bermula 18 Mac 2020 sehingga fasa PKP Pemulihan pada 31 Ogos 2020 (Elengoe, 2020). Keadaan ini mewujudkan norma baharu dalam kalangan masyarakat dan pentingnya penjarakan sosial serta rutin penjagaan kebersihan bagi mengelakkan penularan wabak. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga menunjukkan satu trend yang positif kerana ianya mampu mengurangkan jumlah keberjangkitan semasa (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Prosedur Standard Nasional (SOP) mengenai pengurusan krisis sepanjang PKP ditambah baik dari aspek kesediaan fizikal seperti struktur organisasi, rangkaian komunikasi, bekalan makanan dan alat logistik yang lain, namun kurangnya perhatian dari sudut psikologi, emosi dan aspek kerohanian terutamanya bagi petugas dibarisan hadapan (Abu Yazid dan S.Ramli, 2020). Oleh yang demikian, satu tinjauan literatur dilakukan bagi melihat impak penularan pandemik COVID-19 terhadap emosi dan kesihatan mental masyarakat.

## **Metodologi**

Artikel yang ditulis adalah berdasarkan penyelidikan perpustakaan secara deskriptif yang membincangkan tentang penularan novel coronavirus atau dikenali sebagai COVID-19 serta impak wabak terhadap isu kesihatan mental dan tekanan emosi. Tinjauan literatur ini adalah berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan pada Januari 2020 hingga terkini memandangkan

wabak ini masih berlangsung dan terus menjadi kajian oleh para pengkaji diseluruh dunia. Carian artikel adalah melalui *Google Scholar*, *Scopus*, *Elsevier*, *Science Direct* dan beberapa sumber lain. Terdapat beberapa kata kunci yang digunakan dalam proses pencarian artikel iaitu 'covid-19', 'impact of covid19 on mental health', 'kesan penularan wabak covid 19 dalam pendidikan' dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi dikumpul dan disaring serta dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan.

## Sorotan Literatur

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia adalah untuk memutuskan rangkaian wabak COVID-19. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam mengatasi masalah kesihatan mental dan emosi warga kerja dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) (Abdul Rashid, Nurhafizah & Nor Hamizah, 2020). Penting untuk kita menyadari tentang impak psikologi atau kesihatan mental terhadap wabak COVID-19. Dengan peningkatan bilangan pesakit yang dijangkiti wabak ini saban hari, secara tidak lansung turut memberi kesan kepada masyarakat dan individu secara psikologi sehingga menimbulkan gangguan dalam kehidupan seharian. Antara impak psikologi yang dikenalpasti termasuklah stress, kemurungan dan gemuruh. Perasaan yang dicituskan ini memberi kesan yang lebih teruk kepada individu yang mengalami masalah kesihatan mental sebelum ini (Abdul Rashid, Nurhafizah & Nor Hamizah, 2020).

Menurut Norwardatun dan Siti Mardhiyah (2020), antara implikasi COVID-19 dari sudut emosi adalah berpunca daripada sektor ekonomi yang tidak dibenarkan dibuka. Ini menyebabkan ramai pekerja terpaksa diberhentikan dan banyak syarikat terpaksa ditutup. Sumber pendapatan keluarga terjejas apabila pekerja diberhentikan. Ini mengakibatkan kesan emosi kepada pekerja yang memikirkan sumber kewangan bagi keluarga. Kehilangan pekerjaan yang berkait rapat dengan keretakan hubungan kekeluargaan. Kes keganasan rumah tangga juga semakin meningkat sepanjang PKP. Panggilan ke talian Kasih bertambah sebanyak 57 peratus sejak PKP (Norwardatun & Siti Mardhiyah, 2020). Terlihat betapa kebimbangan tersebut mendorong pelbagai jenis tingkah laku yang tidak sepatutnya berlaku, ada juga kesihatan turut terjejas dan mula mengalami gejala gemuruh, stress, cemas dan sukar tidur.

Penularan wabak COVID-19 turut memberi kesan terhadap perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Mereka terpaksa melalui perubahan drastik dan terpaksa tinggal di rumah untuk jangka masa yang lama. Hal ini melanggar fitrah kanak-kanak yang suka bermain, bersama rakan-rakan di sekolah dan meneroka pelbagai perkara. Gangguan terhadap perkembangan sosial dan emosi boleh menjeruuskan kepada isu permasalahan yang lebih serius (Nor Hamizah & Abdul Rashid, 2020).

Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan kepada sektor ekonomi, bahkan memberi kesan kepada sektor pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Walaupun semua sekolah dan institusi pengajian diarahkan tutup, namun proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dilaksanakan dari rumah. Kajian awal yang dijalankan untuk

melihat kesediaan dan cabaran yang dialami oleh pelajar ketika berhadapan dengan norma baharu mencetuskan tekanan akademik (Abdul Rashid et al., 2020) Keadaan yang membimbangkan dan tidak menggembirakan pelajar rentetan daripada tuntutan yang perlu dipenuhi mencetuskan tekanan yang dialami oleh pelajar terutamanya di peringkat institusi pengajian tinggi. Ramai dalam kalangan pelajar yang murung dan kurang bersedia menghadapi norma baharu seperti pembelajaran dalam talian. Ini memberi kesan yang buruk terhadap aspek psikologikal terhadap pelajar jika gagal membuat penyesuaian sendiri terhadap perubahan norma baharu (Abdul Rashid et al., 2020).

Kita sedang berada dalam musim wabak COVID-19 yang sangat merbahaya. Pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dijalankan seperti biasa sehingga memerlukan belajar dari rumah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan satu platform baru untuk membantu para pelajar bagi meneruskan sistem pembelajaran melalui pembelajaran secara atas talian. Pembelajaran secara atas talian mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri. Pada zaman yang mencabar ini, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah yang lebih maju dan bersistematik. Oleh kerana itu, pembelajaran atas talian merupakan jalan yang terbaik bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran mereka walaupun mereka berada di rumah masing-masing. Untuk mencapai proses pendidikan yang berkualiti, proses pengajaran dan pembelajaran perlulah seimbang dan berkesan. Ini bermakna, ada interaksi dua hala diantara pelajar dan guru.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu didapati bahawa keresahan, kesedihan, kemurungan, ketidakketentuan dan tekanan bagi setiap individu, masing-masing ada cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi. Namun, cabaran dan tekanan emosi ini dapat diatasi dan ditangani dengan rasional positif ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19.

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**


Untuk mengatasi stres, kemurungan dan gelisah seseorang perlu mengenal pasti potensi, kemahiran untuk mengatasi, berusaha untuk kekal aktif dan memberi manfaat dan sumbangan kepada masyarakat. Justifikasi pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan empat aspek utama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual sebagai salah satu peranan sebagai tumpuan kepada segala idea, dan pemikiran tentang pendidikan, sedikit sebanyak mampu memberikan impak yang besar dalam membangun identiti masyarakat Malaysia.

### ***Impak COVID-19 Dalam Masyarakat***

Pandemik novel coronavirus (COVID-19) memberi impak dalam beberapa aspek merangkumi tingkah laku, ekonomi dan juga psikososial dalam masyarakat. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Koh et al. (2020), pandemik COVID-19 yang melanda negara ini telah menyebabkan satu perubahan berlaku dalam kalangan masyarakat dari segi tingkah laku iaitu berlakunya pembelian panik, perjalanan besar-besaran semasa sekatan pergerakan dan juga berlakunya kes-kes seperti

melarikan diri daripada pusat rawatan bagi individu yang disahkan positif atau individu dalam siasatan (PUI). Ia adalah tingkah laku yang lazimnya akan berlaku pada seseorang individu atau kumpulan kerana umumnya orang ramai akan bertindak balas terhadap bencana (Koh et al., 2020). Selain itu, ekonomi negara juga terjejas susulan PKP dilaksanakan yang merangkumi sektor pelancongan, usahawan, industri kreatif, pendidikan, pertanian, perkhidmatan professional, sumber manusia dan pelbagai lagi (Berita Harian, 2 Jun 2020). Keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam negara Malaysia, malah turut berlaku di negara-negara lain.

Krisis kesihatan yang berterusan menyebabkan negara masih memerangi peningkatan kes baharu harian COVID-19. Ini menyebabkan ekonomi dan pasaran buruh terus mengalami momentum pemulihan yang tidak menentu. Pelbagai inisiatif yang dilakukan bagi menyokong kelangsungan perniagaan melalui Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Melalui program ini, aktiviti ekonomi dan pasaran buruh akan pulih, tidak mengambil kira situasi jangkitan varian baharu COVID-19 yang lebih berbahaya (Jabatan Perangkaan Malaysia 2021).



**Rajah 1: Statistik Tenaga Buruh Malaysia pada Jun dan suku kedua tahun 2021.** Sumber: (Jabatan Perangkaan Negara 2021)

Merujuk Rajah 1, berdasarkan sumber Jabatan Perangkaan Negara (DOSM) melaporkan seramai 768,700 orang menganggur dengan kadar pengangguran juga dicatatkan meningkat kepada 4.8 peratus pada Jun berbanding 4.5 peratus pada Mei tahun ini. Laporan yang dibuat berdasarkan keluaran Statistik Tenaga Buruh Malaysia pada Jun dan suku kedua tahun 2021 itu menunjukkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh. Bilangan penduduk bekerja menurun sebanyak 0.5 peratus kepada 15.30 juta orang (Mei 2021: 15.37 juta orang) dengan

nisbah guna tenaga kepada penduduk jatuh sebanyak 0.4 mata peratus kepada 65 peratus (Sinar Harian, 2021)

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labor Organization, 2020) menyatakan bahawa wabak COVID-19 telah menyebabkan pengenalan langkah-langkah sekatan yang ketat yang memberi kesan kepada ekonomi global termasuklah peningkatan kadar pengangguran di seluruh dunia (Abdul Rashid, 2020).

Disamping itu, masyarakat begitu terkesan dengan perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti tidak dapat menjalani sesi persekolahan atau pembelajaran bagi pelajar di institut pengajian tinggi; terhalang daripada aktiviti sosial; beban tugas atau kerja petugas barisan hadapan (Eikhwan dan Mahirah, 2020). Situasi ini boleh menyebabkan berlakunya trauma yang boleh mempengaruhi seseorang tahap kesihatan mental secara individu atau kolektif (Otu, Charles dan Yaya, 2020).

### ***Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kesihatan Mental***

Wabak yang melanda di seluruh dunia ini telah menimbulkan ketakutan dan kebimbangan yang ketara terhadap populasi yang besar atau kumpulan-kumpulan tertentu seperti golongan tua, dewasa dan juga kanak-kanak. Hal ini membawa kesan terhadap kesihatan mental dan menyebabkan berlakunya peningkatan tahap tekanan atau kebimbangan (WHO, 2020). Perintah kawalan pergerakan secara tidak langsung memberi kesan terhadap peningkatan tahap kesihatan mental kerana berlakunya penjarakan sosial dan perubahan norma baharu secara mendadak. Kesan daripada penjarakan sosial ini juga disebut sebagai *hikikomori* dalam masyarakat Jepun iaitu pengasingan sosial yang teruk dalam tempoh masa 6 bulan, menyebabkan tercetusnya isu terhadap kesihatan mental (Kato, Sartorius dan Shinfuku, 2020).

Dalam satu kajian yang dijalankan di Jepun untuk mengukur tahap kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan masyarakat mendapati sepanjang krisis COVID-19 ini berlaku, individu yang mempunyai pekerjaan tidak tetap (separuh masa atau sambilan) menunjukkan tahap kesihatan mental yang teruk (Ueda, Stickle, Sueki dan Matsubayashi, 2020). Hal ini bertepatan dengan kajian terkini bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan yang signifikan terhadap kesihatan mental diseluruh dunia (Cosic, Popovic, Sarlija & Kesedzic, 2020; Sritharan & Sritharan, 2020; Li, Wang, Xue, Zhou & Zhu, 2020; Zhang & Ma, 2020; Kar, Yasir Arafat, Kabir, Sharma & Saxena, 2020).

Menurut Wang et al. (2020), penyelidikan berkaitan dengan wabak-wabak jangkitan sebelum ini mendedahkan kesan psikososial yang mendalam dan meluas tidak kira sama ada peringkat individu, komuniti mahupun antarabangsa. Pesakit yang disahkan positif atau disyaki COVID-19 mungkin mengalami perasaan ketakutan yang melampau akibat jangkitan oleh virus baru serta mengalami kebosanan, kesunyian dan rasa marah sepanjang tempoh kuarantin (Xiang et al., 2020). Keadaan ini bukan sahaja berlaku diluar negara bahkan masalah emosi telah dikenal pasti menjadi isu utama kesihatan mental rakyat selepas negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di Malaysia, pihak perkhidmatan kaunseling menerima 20% panggilan menyatakan

keimbangan terhadap wabak, masalah psikiatri (kemurungan dan keresahan) mencatatkan jumlah 2.4%, penderaan kanak-kanak 0.2% dan masalah keganasan rumah tangga dan perhubungan 6% (Noor Hisham Abdullah, 2020).

Menurut *American Psychological Association* wabak memberikan kesan kepada tahap kesihatan mental manusia. COVID-19 telah mencetuskan perasaan takut, cemas, bimbang dan tertekan (Abdul Rashid, Nurhafizah & Nor Hamizah, 2020).

### **COVID-19 dan Isu Kemurungan (Depresi)**

Proses kuarantin yang terlalu lama juga merupakan salah satu faktor penyebab berlakunya peningkatan tahap kemurungan semasa pandemik berlaku, sama ada bagi pesakit mahupun petugas-petugas kesihatan barisan hadapan (Liu et al., 2012). Tempoh masa kuarantin, kebingungan terhadap jangkitan dan kekurangan maklumat mengenai sesuatu wabak dilihat sebagai salah satu punca utama berlakunya masalah kemurungan (Brooks et al., 2020). Petugas barisan hadapan yang merangkumi para doktor, jururawat dan anggota kesihatan yang lain adalah antara golongan yang terlibat secara langsung dalam menangani wabak ini.

Menurut Jianbo et al. (2020), sebanyak 634 (50.4%) daripada responden yang menyertai kajian tersebut mengalami simptom kemurungan. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan sahaja telah menghadkan pergerakan bahkan telah menjejaskan ekonomi rakyat terutamanya bagi mereka yang mengalami masalah kewangan akibat pandemik ini. Kehilangan kerja menimbulkan rasa ketidakpastian dan rasa tidak selamat seterusnya menyebabkan berlakunya peningkatan kes kemurungan dan isu kesihatan mental yang lain (Shanmugam, Johan Ariff, Nair, Chow dan Ng, 2020).

Tekanan semasa wabak COVID-19 mengakibatkan gangguan fizikal, mental dan emosi (Abdul Rashid Aziz 2020). Data Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes bunuh diri pada 2019 adalah sebanyak 609 manakala tahun 2020 sebanyak 631 kes. Bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini pula sebanyak 468 kes dilaporkan. Itu yang diketahui atau mungkin lebih lagi. Keadaan ini amat membimbangkan dan wajar diberikan perhatian serius. Fakta ini lebih menggerunkan. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan, secara purata dua kes dilaporkan berlaku setiap hari sejak 2019 hingga Mei 2021 (Sinar Harian, 2021).

**Jadual 1: Kes Bunuh Diri Setiap Hari Di Malaysia dalam tahun 2019 hingga Mei 2021**

Bil	Kes Bunuh Diri Dicatatkan Mengikut Tahun	Jumlah Kes
1.	2019	609
2.	2020	631
3.	2021	468

(Bagi Tempoh Januari Sehingga Mei)

Source: Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia

Merujuk Jadual 1, sumber daripada Polis Diraja Malaysia turut mendapati tiga punca utama yang menyebabkan kejadian bunuh diri ini, iaitu mangsa menghadapi masalah keluarga, tekanan perasaan dan kewangan. Cara membunuh diri yang kerap berlaku berdasarkan statistik adalah gantung diri (75.1%), terjun bangunan (13.6%) dan minum racun (5.7%) (Berita Harian, 2021)

Wabak COVID-19 yang berleluasa telah mengganggu emosi semua pihak, masyarakat harus memainkan peranan penting bagi membendung gejala bunuh diri. Individu yang mengalami masalah seperti kewangan, kesihatan, tekanan perasaan, kemurungan, masalah keluarga dan sebagainya haruslah diberi bantuan serta sokongan daripada pihak keluarga dan rakan-rakan terdekat dan juga pihak-pihak yang menyediakan khidmat nasihat.

Pihak Kementerian Kesihatan (KKM) juga menasihati masyarakat untuk lebih cakna dan prihatin kepada ahli keluarga dan orang sekeliling dalam mengenal pasti simptom-simptom awal kemurungan yang boleh menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri seperti perubahan tingkah laku kepada individu, menyatakan perasaan hilang harapan atau bosan untuk hidup dan kehadirannya membebankan ahli keluarga serta menyatakan keinginan untuk menamatkan riwayat hidup secara verbal atau penulisan. (Noor Hisham Abdullah, 2021)

### ***COVID-19 dan Isu Kebimbangan (Anxiety)***

Masyarakat diburu dengan rasa bimbang dan ketakutan yang melampau sekiranya tidak diatasi dengan baik, tambahan pula dengan penjarakan sosial yang perlu dipatuhi bagi mengekang penularan wabak COVID-19 (Shanmugam et al., 2020; Kar, Yasir Arafat, Kabir, Sharma dan Saxena, 2020). *World Health Organization* (WHO) telah mengeluarkan satu nota panduan menyatakan kesan utama psikologi akibat pandemik COVID-19 ini adalah peningkatan tahap tekanan atau kegelisahan akibat norma baharu yang harus diamalkan oleh seluruh masyarakat dunia (WHO, 2020). Sritharan dan Sritharan (2020) menyatakan ketegangan emosi yang disebabkan oleh pengasingan sosial dan kuarantin akan meningkatkan tahap kebimbangan kerana ketidakpastian tentang situasi pandemik pada masa akan datang.

Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Li et al., (2020) melalui penggunaan aplikasi Weibo di China menunjukkan terdapat peningkatan ketara terhadap penunjuk sifat psikologi (*indicators of psychological traits*) dari aspek kebimbangan. Situasi ini sinonim dengan kajian yang dijalankan terhadap pengguna WeChat dalam kalangan remaja menunjukkan 19% daripada 9744 responden kajian menunjukkan simptom kebimbangan terhadap wabak COVID-19 (Qi et al., 2020). Kepercayaan terhadap berita palsu atau maklumat yang tidak tepat mengenai jangkitan wabak COVID-19 juga merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat (Rathakrishnan, Mohammad Rahim dan Singh, 2020). Tekanan psikologi yang dialami oleh penjaga (*caregivers*) bagi ahli keluarga yang mempunyai masalah kesihatan atau menjaga warga tua juga adalah perkara penting yang perlu diambil kira dalam situasi pandemik ini (Sritharan dan Sritharan, 2020).



### ***Impak COVID-19 Terhadap Bidang Pendidikan***

Bidang pendidikan merupakan salah satu faktor penting dalam pembangunan sesebuah negara. Pandemik COVID-19 ini bukan sahaja memberi impak terhadap keadaan sosioekonomi dan kesihatan mental masyarakat bahkan ia memberi kesan terhadap bidang pendidikan. Seperti di Malaysia, sesi persekolahan ditangguh sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan (Mohd Iskandar dan Latifah, 2020). Menurut Mohamad Kadim (2020), terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia seperti kelestarian kewangan institusi pendidikan, perubahan dalam penyampaian kurikulum (iaitu melalui atas talian) dan gabungan antara penyelidikan dan pengajaran yang harus dilaksanakan dalam norma baharu. Pendidikan secara alam maya telah diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa yang menuntut agar guru-guru atau pensyarah melengkapkan diri dengan kemampuan menguasai ilmu berkaitan 'e-learning' agar proses pendidikan dapat terus dilaksanakan (Berita Harian, 16 Mei 2020).

Namun menurut Mohd Izani (2020), kekangan yang terpaksa dihadapi ketika melaksanakan proses PdP atas talian adalah akses kepada internet atas faktor jurang digital. Bukan sahaja ia menjadi satu cabaran buat guru bahkan cabaran besar yang dihadapi oleh para pelajar atas faktor peralatan yang tidak mencukupi dan persekitaran yang tidak kondusif untuk menjalani pembelajaran atas talian (Hawati dan Jarud Romadan, 2020). Pelajar-pelajar yang berdepan dengan cabaran PdP atas talian tidak terkecuali berdepan dengan isu kesihatan mental (Cao et al., 2020). Impak COVID-19 mendorong para pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling atas talian (Li dan Leung, 2020). Menurut Grubic, Badovinac dan Amer (2020), penjarakan fizikal yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa rentetan penularan wabak COVID-19 ini menyebabkan institusi pengajian tinggi beralih kepada format pembelajaran atas talian yang memburukkan lagi tekanan akademik dalam kalangan pelajar.

Pendidikan atau pembelajaran melalui skrin komputer yang terlalu lama akan memberi kesan terhadap kesihatan mental, fizikal, emosi dan juga sosial. Menurut Pakar Psikologi Klinikal International University of Malaya-Wales, Dr Mimi Fitriana Zain (2020) apabila seseorang itu khususnya pelajar tidak dapat menyeimbangkan penggunaan komputer, maka ia tidak akan dapat membantu mereka melihat fenomena pembelajaran itu sebagai sesuatu yang positif. Ibu bapa dan pendidik haruslah memberikan penjelasan dan menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai satu interaksi yang sangat bermanfaat di mana guru ataupun pensyarah boleh melakukan pelbagai aktiviti yang boleh mengelakkan pelajar mereka stres ataupun kemurungan (Sinar Harian, 2020)

Menurut Abdul Rashid et al., (2021) cabaran utama PdP dalam talian ialah pembinaan aspek pembangunan insaniah yang bukan sahaja mementingkan aspek teori dan pembelajaran di kelas bahkan mampu membina keyakinan diri, komunikasi dan sikap para pelajar. Pelajar perlu kreatif dan bijak dalam mengadaptasi maklumat berkaitan dengan pembelajaran dalam talian dan perlu bijak dalam aspek pengurusan masa berkaitan aktiviti pembelajaran dan tugas yang diberikan.

Tahap kesihatan mental pelajar merupakan isu penting kerana ia berkait rapat dengan prestasi akademik dan juga kebajikan mereka secara keseluruhan. Prestasi akademik merupakan salah satu

signal kepada produktiviti seseorang pelajar dan individu yang berproduktiviti tinggi adalah aset penting kepada pembangunan negara (Sohana, 2019).

Berdasarkan pendidikan di Malaysia yang berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ia memberi penekanan kepada pembinaan yang seimbang dari sudut pengetahuan, emosi, jasmani dan rohani. Ini adalah selari dengan Wawasan 2020 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membangunkan negara menurut acuan sendiri. Masyarakat yang berfikir adalah masyarakat yang produktif, berwibawa, berfikiran jauh dan optimis kepada perubahan. Dengan pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berkaitan dengan kemahiran berfikir dalam pengajaran, memudahkan hasrat melahirkan pelajar yang seimbang dan sejahtera, baik dari jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pembangunan kemahiran berfikir adalah pembangunan yang sangat penting bagi sesebuah organisasi, terutamanya dalam bidang pendidikan. Melalui falsafah, seorang pelajar mampu untuk mengaturlcara pola fikiran serta membangun sebuah tamadun dengan pemikiran yang kreatif dan kritis. Cara berfikir dan bertindak seseorang mampu menjadi motivasi untuk melakukan sesuatu. Jika kemahiran berfikir tiada panduan yang khusus, sesebuah masyarakat akan berkembang tanpa peranan dan fungsi yang jelas, yang menyebabkan berlaku pembaziran dari sudut penggunaan modal insan. Justifikasi pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai salah satu peranan sebagai tumpuan kepada segala idea, dan pemikiran tentang pendidikan, sedikit sebanyak mampu memberikan impak yang besar dalam membangun identiti dalam kalangan mahasiswa yang akan berperanan sebagai peneraju transformasi Malaysia.

## **Kesimpulan**

Penularan wabak COVID-19 yang bermula di Wuhan, China ini memberikan impak yang besar dalam kalangan masyarakat dunia, dari aspek sosioekonomi sehinggalah membawa kepada isu kesihatan mental. Jika tidak diurus dengan baik, ia boleh membawa kepada kemurungan, punca stres, kebimbangan dan serangan panik jika dibiarkan berlarutan. Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, asas pembinaan manusia adalah terdiri daripada empat unsur iaitu Jasmani (fizikal), Emosi (perasaan), Rohani (spiritual), dan Intelektual (ilmu pengetahuan). Masalah mental ini boleh di tafsirkan sebagai penyakit rohani. Dalam dunia moden ia dikenali sebagai Penyakit Mental atau Psikiatri. Justeru semua pihak haruslah menggembelng tenaga dan berupaya memberikan khidmat yang terbaik untuk melawan wabak COVID-19.

## **Rujukan**

Abdul Rashid Abdul Aziz@Dorashid. (2020). Pengangguran Dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 11, (page 1-9), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>

Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Zuraina Ali, Noor Dahiah SulhanaDzainal. (2020). Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-

19. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 12, (page 31 - 44), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.593>
- Abdul Rashid Abdul Aziz , Nurhafizah Mohd Sukor, Nor Hamizah Ab Razak. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. International Journal of Social Science Research ISSN: 2710-6276 | Vol. 2, No. 4, 156-174, 2020 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>
- Bakar, A.Y.A. & Ramli, S. (2020). Psychosocial support for healthcare frontliners during COVID-19 pandemic in Malaysia. Asin Journal of Psychiatry. 54. <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2020.102272>
- Berita Harian (2020). 1,099 Bunuh Diri Sejak 2020 Hingga Mei 2021. 15 Ogos 2021. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834248/1099-bunuh-diri-sejak-2020-hingga-mei-2021>
- Brooks, S.K., Webster, R.K., Smith, L.E., Woodland, L., Wessely, S., Greenberg, N., & Rubin, G.J. (2020). The psychological impact of quarantine and how to reduce it: rapid review of the evidence. Lancet. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(20\)30460-8](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30460-8)
- Cao, W., Fang, Z., Hou, G., Han, M., Xu, X., Dong, J., & Zheng, J. (2020). The psychological impact of the COVID-19 epidemic on college students in China. Psychiatry Research. <https://doi.org/10.1016/j.psychres.2020.112934>
- Cosic, K., Popovic, S., Sarlija, M., & Kesedzic, I. (2020). Impact of human disasters and COVID-19 pandemic on mental health: potential of digital psychiatry. Psychiatria Danubina. 32(1), 25-31. <https://doi.org/10.24869/psyd.2020.25>
- COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru. Berita Harian. 16 Mei 2020. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19\\_pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19_pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru)
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia. Osong Public Health and Research Perspectives. 11(3):93-100. <https://doi.org/10.24171/j.phrp.2020.11.3.08>
- Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid. (2020). Pandemik COVID-19: mendepani impak psikososial. Perspektif. 11/20
- Grubic, N., Badovinac, S., & Amer M Johri. (2020). Student mental health in the midst of the COVID-19 pandemic: A call for further research and immediate solutions. International Journal of Social Psychiatry. Doi: 10.1177/0020764020925108
- Hawati Abdul Hamid & Jarud Ramadan Khalidi. (2020). Covid-19 and unequal learning. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- Kar, S.K., Yasir Arafat, S.M., Kabir, R., Sharma, P., & Saxena, S.K. (2020). Coping with mental health challenges during COVID-19. Coronavirus Disease 2019 (COVID019). Springer. [https://doi.org/10.1007/978-981-15-4814-7\\_16](https://doi.org/10.1007/978-981-15-4814-7_16)

- Kato, T.A., Sortorius, N., & Shinfukku, N. (2020). Forces social isolation due to COVID-19 and consequent mental health problems: lessons from hikikomori. *Psychiatry and Clinical Neurosciences*. doi:10.1111/pcn.13112
- Koh, E.B.Y., Pang, N.T.P., Shoesmith, W.D., James, S., Nor Hadi M.N., & Loo, J.L. (2020). The behaviour changes in response to COVID-19 pandemic within Malaysia. *Malays J Med Sci*. 27(2): 45-50. <https://doi.org/10.21315/mjms2020.27.2.5>
- Jianbo, L. et al. (2020). Factors associated with mental health outcomes among health care workers exposed to coronavirus diseases 2019. *JAMA Network Open*. 3(3):e203976. doi:10.1001/jamanetworkopen.2020.3976
- Li, S., Wang, Y., Zhao, N., & Zhu, T. (2020). The impact of COVID-19 epidemic declaration on psychological consequences: a study on active Weibo users. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 17, 2032. doi:10.3390/ijerph17062032
- Li, T.M.H., & Leung, C.S.Y. (2020). Exploring student mental health and intention to use online counselling in Hong Kong during the COVID-19 pandemic. Doi:10.1111/pcn.13117
- Liu, X., Kakade, M., Fuller, C.J., Fan, B., Fang, Y., Kong, J., Guan, Z., & Wu, P. (2012). Depression after exposure to stressful events: lessons learned from the severe acute respiratory syndrome epidemic. *Comprehensive Psychiatry*. 53: 15-23. Doi:10.1016/j.comppsy.2011.02.003
- Mohamad Kadim Suaidi. (12 Jun 2020). Pendidikan tinggi pasca-COVID-19: Antara norma baharu dan hala tuju. *Bernama*. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1850425>
- Mohd Iskandar Ibrahim & Latifah Arifin. (10 April 2020). Sesi sekolah tangguh hingga Malaysia pulih COVID-19. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675497/sesi-sekolah-tangguh-hingga-malaysia-pulih-covid-19>
- Mohd Izani Mohd Zain. (7 Mei 2020). Pendidikan tinggi di Malaysia pasca COVID-19: Perubahan dalam kesinambungan. *Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendidikan-tinggi-di-malaysia-pasca-covid-19-perubahan-dalam-kesinambungan-241929>
- Noor Hisham Abdullah. (2020). COVID-19: Masalah emosi isu utama kesihatan mental rakyat. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/690727/covid-19-masalah-emosi-isu-utama-kesihatan-mental-rakyat>
- Nor Hamidah bt Ab Razaki & Abdul Rashid Aziz@ Dorashidi. (2020). Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak: Kesan Penjarakan Sosial Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dan Pendekatan Dalam Membantu. 10 Ogos 2021. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6841>
- Out, A., Charles, C.H., & Yaya, S. (2020). Mental health and psychosocial well-being during the COVID-19 pandemic: the invisible elephant in the room. *International Journal of Mental Health Systems*. 14: 38. <https://doi.org/10.1186/s13033-020-00371-w>

- Pejabat Perdana Menteri (2021). Teks Ucapan Perbentangan Rancangan Malaysia ke-12, 2021 – 2025 (RMKe-12). 27 September 2021. <https://www.pmo.gov.my/2021/09/teks-ucapan-perbentangan-rancangan-malaysia-ke-12-2021-2025-rmke-12/>
- Qi, H., Liu, R., Chen, X., Yuan, X.F., Li, Y.Q., Huang, H.H., Zheng, Y., & Wang, G. (2020). Prevalence of anxiety and associated factors for Chinese adolescents during the COVID-19 outbreak. Doi:10.1111/pcn.13102
- Rathakrishnan, B., Mohammad Rahim Kamaluddin., & Sing, S.S.B. (2020). Mental health issues during COVID-19 pandemic: treatment and how to overcome. *MJP Online Early*.
- Sinar Harian (2021). 768,700 Orang Menganggur Pada Jun 2021. 15 Ogos 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/154639/BERITA/Nasional/768700-orang-menganggur-pada-Jun-2021>
- Shanmugam, H., Johan Ariff Juhari, Nair, P., Chow, S.K., & Ng, C.G. (2020). Impacts of COVID-19 pandemic on mental health in Malaysia: a single thread of hope. *MJP Online Early*.
- Sritharan, J & Sritharan, A. (2020). Emerging mental health issues from the novel coronavirus (COVID-19) pandemic. *Journal of Health and Medical Sciences*. 3(2), 157-162. Doi: 10.31014/aior.1994.03.02.109
- Wang, C., Pan, R., Wan, X., Tan, Y., Xu, L., Ho, C.S., & Ho, R.C. (2020). Immediate psychological responses and associated factors during the initial stage of the 2019 coronavirus disease (COVID-19) epidemic among the general population in China. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 17, 1729. Doi:10.3390/ijerph17051729
- World Health Organization. (2020). Mental health and psychosocial considerations during the COVID-19 outbreak.
- Xiang, Y.T., Yang, Y., Zhang, L., Zhang, Q., Cheung, T., & Ng, C.H. (2020). Timely mental health care for the 2019 novel coronavirus outbreak is urgently needed. *The Lancet Psychiatry*. 7. [https://doi.org/10.1016/S2215-0366\(20\)30046-8](https://doi.org/10.1016/S2215-0366(20)30046-8)
- Zhang, Y., & Ma, Z.F. (2020). Impact of the COVID-19 pandemic on mental health and quality of life among local residents in Liaoning Province, China: A cross-sectional study. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 17, 2381. doi:10.3390/ijerph17072381

## **COVID-19 DAN PROGRAM VAKSINASI BERGERAK DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Junaidi Abu Bakar, Intan Suria Hamzah

jun@upsi.edu.my  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### **Abstrak**

Memasuki Februari 2021, Malaysia telah diuji dengan peningkatan jangkitan COVID-19 dan begitu juga dengan angka kematian. Situasi ini sedang berlaku sehingga kini, kerajaan Malaysia dan masyarakat negara telah berusaha menentang COVID-19 dengan pelbagai cara seperti mengaplikasikan norma baharu dalam kehidupan seharian, sekatan Perintah Kawalan Pergerakan dan Program Imunisasi Kebangsaan. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di Malaysia ialah sebuah kempen vaksinasi kebangsaan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sebagai satu pendekatan untuk membendung penularan penyakit Koronavirus 2019, menamatkan pandemik COVID-19 serta mencapai imuniti kelompok masyarakat di dalam negara Malaysia menjelang akhir tahun 2021. Program vaksinasi ini merupakan program imunisasi terbesar yang pernah dilaksanakan dalam sejarah Malaysia dan ianya sedang diuruskan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sejak awal tahun 2021. Demikian itu, kajian ini akan memfokuskan program Pusat Pemberian Vaksin Secara Bergerak di Wilayah Persekutuan Lumpur yang mana merupakan salah satu strategi kerajaan Malaysia untuk mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada masyarakat. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu membincangkan pandemik COVID-19 sebagai wabak penyakit berbahaya, menganalisis fungsi Pusat Pemberian Vaksin Bergerak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan cabaran dalam mengendalikan Pusat Pemberian Vaksin Bergerak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa vaksin merupakan salah satu kaedah untuk mengawal pandemik ini serta merupakan cara terbaik dan selamat untuk melindungi manusia daripada ancaman COVID-19.

Pelbagai usaha telah dijalankan di seluruh dunia untuk menentang COVID-19 dan salah satunya adalah membangunkan vaksin COVID-19 untuk melindungi kesihatan awam.

**Kata kunci:** COVID-19, vaksin, Pusat Pemberian Vaksin Bergerak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kesihatan awam

### **COVID-19 AND MOBILE VACCINATION PROGRAMME IN FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR**

#### Abstract

*Effective from February 2021, Malaysia has been tested with an increase in COVID-19 infections and mortality rate. This situation is happening until now, the Malaysian government and the nation have worked against COVID-19 in various ways such as applying the new norm in daily life, restrictions on the Movement Control Order and the National Immunization Program. The National COVID-19 Immunization Program (PICK) in Malaysia is a national vaccination campaign being implemented by the Malaysian government as an approach to curb the spread of Coronavirus 2019, end the COVID-19 pandemic and achieve herd immunity in Malaysia by the end of 2021. This vaccination program is the largest immunization program ever implemented in the history of Malaysia and it is being managed by the Special Committee of COVID-19 Vaccine Supply Access Assurance since early 2021. As such, this study will focus on the program of Mobile Vaccination Centre in The Federal Territory of Kuala Lumpur which is one of the Malaysian government's strategies to speed up the vaccination process to the community. This study has three objectives, namely to discuss the COVID-19 pandemic as a dangerous disease epidemic, to analyse the function of the Mobile Vaccination Center in the Federal Territory of Kuala Lumpur and the challenges in operating the Mobile Vaccine Center in the Federal Territory of Kuala Lumpur. This study uses qualitative methods namely field research and literature review. The study found that the vaccine is one of the methods to control this pandemic as well as the best and safest way to protect humans from the threat of COVID-19. Various efforts have been undertaken in worldwide to combat COVID-19 and one of them is to develop the COVID-19 vaccine to protect public health.*

**Keywords:** COVID-19, vaccine, Mobile Vaccination Center, Federal Territory of Kuala Lumpur, public health

## **PENGENALAN**

COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap tahap kesihatan manusia dan perkembangan ekonomi seluruh dunia. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP fasa 1-4) mulai 18 Mac sehingga 12 Mei 2020 dan PKP Bersyarat (PKPB fasa 5) bermula 13 Mei sehingga 9 Jun 2020. Manakala PKP 3.0 pula telah mula berkuatkuasa mulai 28 Mei hingga 7 Jun 2021 dan disambung sehingga Julai 2021. Langkah ini bertujuan mencegah penularan jangkitan COVID-19 dan usaha kerajaan dalam memulihkan negara dengan segera. Seterusnya usaha menentang COVID-19 diteruskan dengan Strategi Pelan Pemulihan Negara yang bermula pada 10 Ogos 2021 dengan menetapkan empat fasa dan melibatkan pelan peralihan fasa PKP secara berperingkat.

Situasi COVID-19 di Malaysia sehingga Jun 2021 adalah semakin meruncing dari hari ke hari sehingga terpaksa melakukan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0). Beberapa masalah dan kekangan telah mengheret negara ke tahap yang semakin serius. Satu-satunya harapan untuk kembali kepada tahap wabak terkawal adalah melalui program vaksinasi yang cekap diurus dan mempercepatkan kadar pelaksanaannya (Jemilah, 2021). Namun begitu Malaysia turut menghadapi cabaran kerana bekalan vaksin yang diterima adalah dalam jumlah yang agak kecil. Secara beransur-ansur, Malaysia akan menerima bekalan vaksin yang lebih banyak dan akan dapat meningkatkan pemberian vaksin dengan lebih cepat. Ini kerana permintaan vaksin di seluruh dunia adalah sangat tinggi terhadap negara pengeluar vaksin seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, China, Russia dan sebagainya. Sehubungan itu, pada peringkat awal terdapat isu keraguan dan penolakan terhadap vaksin merupakan masalah utama yang berlaku di Malaysia dan vaksin juga dianggap sebagai fenomena global. Malangnya semasa jumlah kes dalam negara masih rendah, golongan anti vaksin ketika itu sangat lantang dan aktif menyebarkan berita palsu mengenai vaksin. Padahal di negara Barat yang menghadapi kemuncak jumlah kes jangkitan COVID-19 telah lebih awal dari Malaysia memulakan program pemberian vaksin berskala besar secara terancang, cepat dan berjaya menurunkan jumlah kes dengan sangat pantas, misalnya negara United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Sehingga 18 Ogos 2021, jumlah jangkitan keseluruhan COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 1,466,512 orang dan jumlah kematian sebanyak 13,302 orang telah dicatatkan dari tahun 2020. Manakala jumlah kes aktif masih tinggi iaitu 254,484 kes. Namun begitu trend kemasukan harian pesakit COVID-19 untuk menerima rawatan telah memperlihatkan jumlah penurunan misalnya di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang berkurangan lebih 50 peratus sejak seminggu yang lalu (Bernama, 2021. Ogos 17). Menurut Pengarah HTAR Dr Zulkarnain Mohd Rawi menyatakan pihak HTAR telah menerima kira-kira 400 kes harian bagi pesakit COVID-19 untuk menerima rawatan, namun jumlahnya menurun kepada sekitar 170 pesakit sejak kebelakangan ini. Pesakit COVID-19 yang kini menerima rawatan di hospital berkurangan daripada lebih 1,000 pesakit dengan kemuncaknya pada Julai 2021. 'Gelombang' kemasukan pesakit di HTAR ini berlaku pada awal Julai sehingga pertengahan bulan Ogos 2021. Susulan keadaan ini secara tidak langsung berlaku penurunan kepada pesakit kategori tiga ke atas untuk dimasukkan ke dalam wad dan begitu juga trend ketara di Hospital Kuala Lumpur. Menurut Dr Zulkarnain menjelaskan trend penurunan kes kemasukan pesakit itu membuktikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) mula membuahkan hasil dan keadaan di hospital berkenaan juga dalam situasi terkawal. Kajian ini membincangkan fungsi vaksin dan



kepentingannya dalam melawan pandemik COVID-19 yang telah menjadi ancaman nyawa dan kesihatan manusia.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kebimbangan dan keterancaman sedang menyelubungi manusia dan dunia. Penularan wabak COVID-19 telah menjadikan masyarakat dunia berada dalam ketakutan dan berjaga-jaga. Nyawa dan keselamatan kesihatan merupakan prioriti utama yang perlu dipelihara. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengenalpasti tujuh kategori keselamatan insan yang mendasari kehidupan manusia iaitu merangkumi keselamatan ekonomi, keselamatan makanan, keselamatan kesihatan, keselamatan persekitaran, keselamatan peribadi, keselamatan masyarakat dan keselamatan politik (UNDP, 1994). Jika salah satu kategori ini telah terancam maka keselamatan individu atau manusia juga adalah terancam. Definisi ini amat bertepatan dengan apa yang berlaku sekarang dimana dunia dan begitu juga negara Malaysia sedang menghadapi ancaman keselamatan kesihatan kesan daripada penularan wabak COVID-19. Ancaman telah mula dilihat melalui ancaman kesihatan seperti jangkitan positif COVID-19 dan kematian yang terus meningkat, ancaman ekonomi seperti sektor pekerjaan di tutup dan ramai pekerja telah kehilangan pendapatan atau pekerjaan, politik negara terjejas seperti proses pentadbiran dan pembangunan negara terganggu, ancaman masyarakat atau komuniti seperti masyarakat tidak dapat bebas bergerak, bekerja dan melakukan aktiviti seharian seperti biasa kerana sekatan pergerakan dalam dan luar negara, melibatkan. Ancaman ini melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum atau budaya dan manusia berisiko dijangkiti jika tidak mengikut langkah-langkah pencegahan semasa.

Usaha menentang COVID-19 diteruskan dengan Strategi Pelan Pemulihan Negara yang berkuatkuasa pada 10 Ogos 2021 dengan menetapkan empat fasa dan melibatkan pelan peralihan fasa PKP secara berperingkat. Setiap fasa pelan pemulihan ini berpaksikan kepada data yang bersandarkan tiga indikator utama untuk beralih dari satu fasa ke fasa seterusnya. Indikator pertama ialah keadaan penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan bilangan kes jangkitan harian, indikator kedua ialah keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan kadar penggunaan katil di wad ICU dan indikator ketiga ialah tahap populasi yang dilindungi berdasarkan peratusan yang telah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin. Kajian ini menganalisis kesan COVID-19 keatas kesihatan awam dan pemberian vaksin dalam menentang wabak COVID-19.

## **Pandemik dan COVID-19**

Wabak pandemik merupakan salah satu malapetaka terbesar yang pernah terjadi dalam sejarah umat manusia seperti Black Death yang berlaku pada abad ke 14, Spanish Flu pada tahun 1918, dan wabak abad ke-21 seperti SARS, Ebola, and Zika (Damir, 2019). Sepanjang sejarah, wabak pandemik telah merosakkan masyarakat, kesan daripada perang dan mengorbankan banyak nyawa manusia. Namun begitu kesannya juga telah membuka jalan untuk inovasi dan kemajuan dalam sains seperti penciptaan vaksin dalam perubatan, penambahbaikan dalam sistem kesihatan awam, ekonomi dan sistem politik (Scheidel, 2017).

Pada Disember 2019, kerajaan China telah melaporkan mengenai satu kejadian kluster radang paru-paru (pneumonia) yang tidak diketahui punca jangkitan, ianya melibatkan masyarakat

setempat di Wuhan, China. Kerajaan China telah melaporkan kepada WHO pada 5 Januari 2020 bahawa jangkitan tersebut bukanlah jangkitan influenza, avian flu, adenovirus, *Middle East Respiratory Syndrome coronavirus* (MERS-CoV) ataupun Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan Covid-19 di China sebagai kecemasan kesihatan awam dengan kebimbangan antarabangsa. Coronavirus 2019 (Covid-19) atau Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2 (SARS-CoV-2) ini telah membangkitkan kebimbangan dan mengancam keselamatan manusia.

Virus ini kebanyakannya menular menjangkiti manusia dengan cara yang serupa dengan jangkitan penyakit influenza iaitu melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin (*Centers for Disease Control & Prevention [CDCP], 2020*). Ia dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda-tanda gejala tersebut. Masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin akan bermula antara dua hingga empat belas hari (*CDCP, 2020; Rothan & Byrareddy, 2020*). Gejala umum seperti demam, batuk, sesak nafas dan seterusnya membawa kepada komplikasi radang paru-paru dan sindrom kesukaran pernafasan akut. Pada masa ini masih belum ditemui vaksin atau rawatan antivirus Covid-19, namun rawatan pesakit terus diusahakan oleh pihak perubatan melalui kaedah-kaedah pengurangan simptom dan terapi sokongan. WHO juga telah memberikan saranan langkah-langkah pencegahan untuk menjadi panduan masyarakat dunia seperti saranan kerap kali membasuh tangan, menutup mulut apabila batuk, memakai *mask*, mengekalkan jarak dari orang lain (terutamanya mereka yang tidak sihat), pemantauan dan pengasingan diri '*self-isolation*' selama 14 hari bagi mereka yang disyaki dijangkiti atau pulang dari wilayah atau negara lain.

Usaha untuk mencegah penyebaran wabak ini termasuk sekatan perjalanan, kuarantin, pengasingan diri/isolasi, penangguhan acara dan pembatalan aktiviti yang melibatkan berkumpul secara ramai dan penutupan kemudahan-kemudahan awam seperti sekolah, universiti, kedai, taman rekreasi, sektor pekerjaan dan sebagainya (*Intan, 2020*).

## **Vaksin sebagai penentang wabak**

Terdapat empat kandungan asas dalam vaksin iaitu antigen, *adjuvants*, pengawet 'preservatives' dan penstabil 'stabilisers' (*WHO, 2020*). Semua ramuan vaksin memainkan peranan penting dalam memastikan vaksin selamat dan berkesan. Misalnya, antigen adalah bentuk virus atau bakteria mati atau lemah yang melatih tubuh manusia untuk mengenali dan melawan penyakit jika mengalaminya pada masa akan datang. Manakala *adjuvants* membantu meningkatkan tindak balas imun badan manusia dan membantu vaksin untuk berfungsi dengan lebih baik. Pengawet digunakan untuk memastikan vaksin tetap berkesan dan penstabil membantu melindungi vaksin semasa proses penyimpanan dan pengangkutan.

Jika dilihat sejarah wabak cacar yang berlaku di Yugoslavia pada tahun 1972 ianya adalah penyakit yang menular dengan besar dan selama berabad-abad, cacar telah menghancurkan manusia. Namun di zaman moden ini, masyarakat tidak lagi perlu terlalu risau dengan wabak cacar kerana dengan terhasilnya kajian Edward Jenner yang luar biasa dan penemuan vaksin telah memudahkan perubatan masakini menggunakan hasil kajian beliau dalam merawat penyakit cacar.

Edward Jenner terkenal di seluruh dunia kerana sumbangannya yang inovatif terhadap imunisasi dan pembasmian cacar serta dianggap sebagai asas kepada ilmu imunologi (Lakhani, 1992).

Sejak zaman pertengahan, vaksin telah mendorong tindak balas imun terhadap penyakit berjangkit dengan cara vaksinasi untuk menjaga kesihatan manusia (Streefland et al., 1999). Di seluruh dunia, liputan penduduk terhadap program vaksinasi telah berkembang sehingga imunisasi berfungsi untuk membasmi penyakit yang berpotensi membawa maut seperti cacar. Menurut kajian Filia et al., (2008) vaksin telah terus mengurangkan tahap kesakitan dan kematian akibat penyakit berjangkit pada kanak-kanak seperti pertusis dan campak di negara maju. Misalnya, di Itali, program vaksinasi pertusis adalah percuma kepada kanak-kanak berusia 3 bulan dan dos penggalak kepada kanak-kanak berumur 5-6 tahun (tetanus dan difteria). Begitu juga dengan vaksin campak-mumps-rubella turut diberikan secara percuma dalam program imunisasi rutin dua dos pada usia 12-15 bulan dan pada usia 5-6 tahun. Oleh itu, untuk mengelakkan peredaran penyakit berjangkit, imunisasi kanak-kanak harus dianggap sebagai strategi utama kesihatan dalam pencegahan penyakit berjangkit terutamanya untuk melindungi bayi bagi mengurangkan kadar kemasukan ke hospital dan komplikasi.

Dari tahun 1980 sehingga 1990, banyak usaha telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia untuk mencegah dan mengawal penyakit berjangkit. Antaranya ialah program imunisasi dan vaksinasi. Program yang bersifat pencegahan dan kawalan ini lazimnya dilakukan melalui pendidikan di sekolah, klinik serta hospital (kerajaan dan swasta). Hasilnya, penyakit berjangkit yang dibawa air dan makanan telah dapat dikawal dengan berkesan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, misalnya dalam konteks bekalan air yang bersih kepada penduduk dan penyeliaan.

Menurut Suhazeli (2021), vaksin tidak mengandungi bahan-bahan yang boleh merosakkan tubuh manusia. Ia mengandungi bahan aktif dari bakteria atau virus iaitu antigen yang membantu tubuh manusia menghasilkan antibodi untuk melawan penyakit apabila dijangkiti. Kesan sampingan akibat imunisasi selalunya adalah ringan dan tidak berbahaya berbanding dengan kesan jangkitan penyakit itu sendiri. Dari aspek pandangan syarak pula, imunisasi merupakan satu jalan pencegahan. Manakala pencegahan adalah perkara yang amat dituntut dalam Islam sesuai dengan kaedah Usul Fiqh. Vaksin adalah tonggak pengurusan wabak penyakit berjangkit dan merupakan kaedah paling pasti untuk mengurangkan risiko wabak dan meredakan wabak (Excler et al., 2021). Semakin cepat vaksin digunakan, semakin cepat wabak dapat dikawal. Dua jenis vaksin COVID-19 yang dikembangkan menggunakan teknologi mRNA iaitu Pfizer-BioNTech35 dan Moderna36. Kedua-dua vaksin ini menunjukkan tahap keselamatan dan keberkesanan yang tinggi dalam melawan wabak COVID-19.

### **Program Vaksinasi Bergerak (Mobile)**

Pelaksanaan Vaksinasi COVID-19 secara bergerak atau mobile bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat yang telah lebih awal mengamalkannya. Misalnya, program "*Get Out The Vaccine*" atau GOTVax dijalankan bertujuan untuk mengurangkan jurang akses ini dengan menggerakkan klinik secara mobile untuk komuniti-komuniti tertentu di wilayah metropolitan Boston seperti komuniti berpendapatan rendah, masyarakat asing dan "masyarakat berkulit hitam". Mereka ini sering mendapat akses rawatan kesihatan yang tidak memuaskan kerana mereka tinggal lebih jauh dari klinik vaksinasi, kurang fleksibiliti untuk mengambil cuti kerja dan terdapat sebilangan masyarakat yang tidak mempercayai sistem

penjagaan kesihatan (David et al., 2021). Banyak kempen vaksinasi gagal melibatkan kumpulan-kumpulan ini. Justeru, di bawah program GOTVax adalah inisiatif perintis ditugaskan untuk membawa vaksin COVID-19 kepada masyarakat yang terpinggir. GOTVax adalah gabungan antara penyelenggara masyarakat, perbandaran setempat, pihak berkuasa perumahan awam, profesional kesihatan dan pelatih, klinik kesihatan tempatan, pembekal vaksin serta perkhidmatan perubatan kecemasan.

Usaha ini melibatkan pemeriksaan pintu ke pintu, panggilan telefon, mesej dan pengorganisasian hubungan. Pendekatan pemberian vaksin secara bergerak telah disesuaikan mengikut keperluan masyarakat seperti melakukannya di tempat terbuka, tempat tinggal dan berdekatan gereja. Terdapat beberapa aspek penting dalam program klinik bergerak ini iaitu pengurusan pemberian vaksin dari pintu ke pintu, data dan maklumat penerima, pengurus barisan, dan pemberi vaksin. Proses pemberian vaksin di Amerika turut menggunakan klinik bergerak di kawasan-kawasan yang mempunyai pengambilan vaksin rendah, terpinggir dan memerlukan.

Di England, untuk sebilangan kecil komuniti luar bandar telah disediakan unit vaksin bergerak atau mobile untuk memberikan suntikan vaksin kepada kumpulan sasaran (Department of Health and Social Care, 2021). Pada Januari 2021, England telah menetapkan sasaran negara memberikan vaksin sebanyak 2 juta orang setiap minggu dengan penubuhan 206 tapak hab hospital yang aktif, sekitar 1, 200 pusat perkhidmatan vaksinasi tempatan termasuk rangkaian penjagaan primer, farmasi komuniti dan kemampuan untuk melakukan perjalanan kepada komuniti yang tidak boleh datang ke pusat vaksinasi dengan menyediakan klinik bergerak seperti St John Ambulance dan bas serta menyediakan 50 pusat vaksinasi berskala besar di seluruh wilayah dengan 80 ribu tenaga yang telah dikerahkan. Setiap wilayah di United Kingdom seperti Scotland, Ireland Utara, Wales dan England yang mempunyai rancangan untuk meningkatkan pemberian vaksin. Misalnya, campuran model penghantaran yang merangkumi pasukan bergerak untuk mengunjungi rumah-rumah penjagaan orang tua dan OKU, penggunaan tapak di luar hospital dan pemberian vaksin berasaskan penjagaan kesihatan terbaik. Model klinik bergerak ini di sertai oleh pasukan vaksinansi secara langsung kepada individu penghuni rumah pekerja/buruh, komuniti rumah perlindungan, golongan tidak berumah seperti gelandangan, mereka yang kehilangan tempat tinggal. Model pemberian vaksinasi secara mobile ini telah membantu komuniti luar bandar dan terencil serta komuniti yang menghadapi akses pengangkutan awam yang terhad untuk segera mendapatkan vaksin dan dilindungi.

Manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Program Rintis Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah telah ditubuhkan melalui kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Program ini merupakan antara inisiatif Wilayah Cakna 5.0 untuk memastikan 80% warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selesai divaksinasi pada penghujung bulan Ogos 2021 (MKN, 2021). Menerusi laporan daripada Israr (2021), kekuatan skuad vaksinasi bergerak dipertingkatkan dengan penambahan trak secara berperingkat, di samping penambahan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) statik. MyMedic@Wilayah menasaskan penggunaan 40 trak menjelang 2021 untuk mempercepatkan pemberian vaksinasi ke seluruh pelusuk Wilayah Persekutuan terutamanya kepada golongan rentan seperti OKU, warga emas, rumah perlindungan orang-orang tua, gelandangan dan rumah kebajikan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu menjalankan kajian lapangan dan pemerhatian turut serta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini juga menggunakan sumber sekunder yang diperolehi daripada laporan-laporan yang diterbitkan oleh kerajaan Malaysia seperti statistik Perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dari Portal Rasmi Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKAV), Statistik harian jangkitan dan kematian COVID-19 di Malaysia dari Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan laporan tindakan kerajaan Malaysia dalam pengurusan COVID-19 dari Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri dan Majlis Keselamatan Negara.

Pemfokusan kajian ini adalah terhadap program Vaksinasi Bergerak (Mobile) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah bermula pada bulan Jun hingga September 2021. Antara lokasi utama penyelidikan dan pemerhatian turut kajian ini adalah di Rumah Prihatin@GrandSeasons Kuala Lumpur, kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Semarak dan Seputih serta sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehubungan itu, penyelidik juga merupakan ahli sukarelawan PPV yang aktif membantu masyarakat dalam urusan pemberian vaksin di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penyelidik juga merupakan Pengarah Eksekutif, Rumah Prihatin@GrandSeasons Kuala Lumpur (Dato Sri Dr. Junaidi Bin Abu Bakar) dan telah turut bersama mengendalikan proses pemberian vaksin harian kepada golongan sasaran.

Selain itu, kajian ini telah menganalisis laporan, statistik dan maklumat berkenaan COVID-19 serta isu vaksin dari seluruh dunia melalui portal rasmi *World Health Organization*, *WHO Coronavirus (COVID-19)*, *WHO Coronavirus (COVID-19) Dashboard*, *Canadian Government Covid-19 Data Platform*, *Our World in Data: Statistics and Research Coronavirus (COVID-19) Vaccination*, *French Government Covid-19 Data Platform*. Kajian ini turut mendapatkan maklumat daripada akhbar-akhbar atas talian dari dalam dan luar negara bagi mendapatkan data yang tepat dan maklumat terkini seperti BHarian, Astro Awani, Malaysiakini dan *BBC News*.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mempercepatkan proses pemberian vaksin secara menyeluruh dengan melibatkan melebihi 15 PPV berskala besar, puluhan klinik swasta, hospital swasta, Pusat Pemberian Vaksin Industri untuk pekerja pelbagai sektor, Program Mobil Vaksinasi (pusat pemberian vaksin secara bergerak/ pandu lalu), Program Vaksin Mobil (bas, trak sebagai klinik bergerak) yang menasarkankan kawasan terpencil, komuniti OKU, rumah orang tua dan sebagainya. Begitu juga di semua negeri dan wilayah persekutuan, dapat dilihat bahawa telah terdapat kerjasama menyeluruh antara kerajaan, kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), swasta serta anggota masyarakat bersama dalam menguruskan dan mempercepatkan pemberian vaksin di setiap negeri masing-masing

Sehubungan itu di Kuala Lumpur telah memperkenalkan sembilan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) terpilih untuk menjalankan operasi vaksinasi jumpa terus atau 'walk-in' atau tanpa janji temu bagi penduduk di Lembah Klang bermula 2 Ogos 2021. Manakala untuk bukan warganegara Malaysia (pekerja asing & PATI) di Lembah Klang, pendekatan 'jumpa terus' bermula pada 9 Ogos dan hanya dijalankan di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil. Bagi golongan umur 40 tahun ke atas atau golongan komorbid di Lembah Klang, 'jumpa terus' bermula 9 Ogos hingga 11 Ogos, manakala 12 hingga 22 Ogos bagi semua bukan warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas.

Namun begitu pelaksanaan vaksinasi secara jumpa terus ini adalah berdasarkan "siapa dahulu, dia dapat" bergantung kepada kapasiti bekalan di PPV dengan individu jumpa terus akan diletakkan di bawah senarai menunggu untuk hadir semula pada keesokan hari sekiranya bekalan vaksin pada hari berkenaan telah habis (Astro Awani, 2021).

Seperti yang sedia maklum, Selangor dan Kuala Lumpur merupakan kawasan yang menghadapi jumlah jangkitan dan kematian COVID-19 yang tinggi hampir setiap hari bermula Mac yang lalu. Kuala Lumpur memperlihatkan jumlah pendaftar yang ramai dan begitu juga dengan jumlah yang telah mendapatkan vaksin di wilayah tersebut. Kuala Lumpur berjaya melepasi sasaran 80 peratus penduduk lengkap divaksinasi apabila 85 peratus penduduk dewasanya menerima dua dos vaksin sehingga 15 Ogos 2021 (Rahimah, 2021). Kejayaan itu dicapai selepas Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) mempercepat vaksinasi kepada penduduk Kuala Lumpur kerana kawasan berisiko tinggi dan telah melalui kapasiti harian 53,000 dos di 196 pusat pemberian vaksin (PPV). Kerajaan meletakkan sasaran 80 peratus untuk penerima dua dos di Kuala Lumpur menjelang akhir Ogos, namun dengan kerjasama semua pihak, sasaran ini telah berjaya mencapai 85 peratus sebelum berakhir bulan Ogos. Begitu juga, di Wilayah Persekutuan Labuan telah mencapai 80 peratus imuniti kelompok daripada jumlah penduduk dewasa iaitu pemberian vaksin dua dos.

Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah turut menjadi antara penyumbang utama pencapaian imuniti kelompok dewasa di Kuala Lumpur. Melalui program ini suntikan vaksin kepada penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kampung tradisi, gelandangan, peniaga pasar awam dan pekerja tapak binaan serta kawasan industri dengan mudah, tanpa perlu keluar dari kawasan masing-masing (Muhammad Yusri, 2021). Begitu juga bagi golongan berisiko tinggi turut mendapat keutamaan bagi membolehkan kawalan penularan COVID-19 dalam kalangan komuniti dan mengekang jangkitan di tempat kerja. Melalui kejayaan ini, Kuala Lumpur boleh membuat persiapan untuk beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara supaya kegiatan ekonomi boleh kembali beroperasi seperti sedia kala, secara berperingkat dan selaras dengan lebih daripada 40 peratus penduduknya lengkap divaksinasi.

Melalui hasil kajian lapangan adalah diakui bahawa Program Pemberian Vaksinasi Bergerak/Mobile ini telah berjaya membantu mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada golongan rentan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kaedah ini dilihat adalah sesuai dan relevan dengan situasi semasa dalam negara yang mana sedang bergelut dengan jumlah peningkatan jangkitan harian dan kematian akibat COVID-19 serta kerajaan berusaha mempertingkatkan jumlah pemberian vaksin setiap hari. Misalnya, pada pertengahan Julai 2021, permulaan Program Vaksinasi Bergerak ini hanya melibatkan 600 dos sehari dan seterusnya telah mencapai pemberian dos harian yang tinggi pada Ogos 2021 iaitu sehingga 2400 dos sehari. Mereka yang terlibat dalam penerimaan vaksin secara bergerak ini adalah golongan orang tua, orang kurang upaya, pesakit kritikal, golongan terpinggir seperti pekerja seks wanita, "pondan" dan gelandangan. Disamping itu, golongan penjaja yang tidak mendaftar dalam MySejahtera kerana faktor kurang kesedaran, kefahaman, masalah teknikal dan tiada kemudahan telekomunikasi telah dapat dibantu dengan sewajarnya dibawah program PPV Bergerak ini.

Selain itu, pihak Rumah Prihatin telah bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta sukarelawan PPV dalam pengurusan logistik dan juga pendaftaran penerima vaksin bagi golongan penjaja. Manakala pihak pengurusan vaksin pula diuruskan oleh syarikat Optimax

yang dilantik oleh pihak kerajaan. Disini dapat dilihat gabungan usaha kerajaan, NGO, syarikat dan pihak berkepentingan bersama-sama berganding mahu dalam urusan pemberian vaksin kepada masyarakat tanpa mengira kaum, pangkat dan latar belakang seseorang. Misi utamanya adalah mempercepatkan proses pemberian vaksin, menguatkan sistem imunisasi masyarakat, memperkukuhkan kesihatan awam dan menjamin kestabilan dalam negara. Pada bulan Julai 2021, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menggunakan vaksin jenis Sinovac dan mulai Ogos telah beralih kepada penggunaan vaksin jenis Pfizer.

Selain itu, penyelidik turut terlibat dalam pengurusan PPV Bergerak di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Semarak dan Seputih Kuala Lumpur dengan mengendalikan dua trak vaksinasi mobile di kawasan tersebut. PPR Seputih melibatkan 7 buah blok penghuni yang masih belum menerima vaksin. Mereka ini telah dikenalpasti dan dikumpul data butiran diri masing-masing. Seterusnya diberikan kad jemputan oleh pihak DBKL untuk mengambil vaksin di khemah-khemah yang telah disediakan di kawasan PPR. Fokus vaksinasi ini hanya tertumpu di kawasan PPR Seputih sahaja dengan kapasiti 1200 dos sehari. Pada kelazimnya jumlah seperti tersebut memerlukan masa selama 3 hari untuk melakukan proses pemberian vaksin di PPV setempat.

Manakala kawasan PPR Semarak pula melibatkan 9 buah bangunan penempatan masyarakat. Proses pemberian vaksinasi dimulakan dengan memanggil seluruh penghuni dan dibantu oleh persatuan penduduk serta Majlis Perwakilan Penduduk Zon. Dapat dilihat betapa pentingnya kerjasama antara pihak kerajaan dan persatuan penduduk untuk melancarkan urusan pemberian vaksin kepada masyarakat PPR Semarak melalui PPV Bergerak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Langkah ini memberikan kemudahan kepada penghuni yang rata-rata terdiri daripada kumpulan B40 untuk mengambil vaksin. Mereka tidak perlu pergi ke PPV Mega yang jauh dari rumah dan memerlukan kos pengangkutan.

### **Cabaran Vaksinasi Bergerak**

Melalui hasil kajian telah mengesan beberapa halangan atau cabaran di bawah program Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak ini. Antaranya ialah ramai penduduk di PPR tidak mendaftar di dalam MySejahtera. Maka detail maklumat penting individu tidak dapat diperolehi sepenuhnya seperti makluman pengistiharan gejala penyakit, kontak rapat, pengakuan pengunjungan luar kawasan dalam tempoh 14 hari dan akuan sebagai sukarelawan KKM tidak dapat dicatatkan. Selain itu, apabila sekretariat dan sukarelawan PPV Bergerak memberi fokus kepada sesebuah kawasan PPR, maka mereka ini perlu mengharungi cabaran kekuatan fizikal dan mental untuk melakukan bancian bermula dari tingkat satu hingga tingkat terakhir bangunan penempatan PPR tersebut bagi mendapatkan maklumat penghuni yang akan divaksinasi. Bagi mereka yang tidak mendaftar di dalam MySejahtera, pihak sukarelawan terpaksa mendaftarkan mereka dalam MySejahtera sebelum urusan pemberian vaksin dilakukan.

Selain itu, biasanya setiap hari akan ada lebih dos vaksin sebanyak 50-150 dos daripada 1200 dos setiap hari. Pihak sekretariat akan membuka pendaftaran secara walk in diakhir waktu bagi memanfaatkan sebaiknya vaksin yang telah sedia ada pada hari tersebut daripada pembaziran. Justeru keadaan ini menyebabkan banyak PPV Bergerak di kawasan PPR mendapat kedatangan penduduk dari kawasan lain yang ingin mengambil vaksin. Situasi telah menyebabkan kawasan PPR menjadi padat dan tidak terkawal dengan berlakunya pelanggaran Prosedur

Operasi Standard (SOP) seperti jarak 1 meter dan sembang dekat. Pihak polis terpaksa dipanggil bagi menyelesaikan masalah ini untuk mengarahkan mereka segera beredar dan menghindari situasi padat sesama manusia bagi mengelak berlakunya kebolehhangkitan COVID-19.

Sehubungan itu, dari aspek pengurusan, terdapat kontraktor yang tidak bertanggung jawab dalam menguruskan PPV Bergerak ini dan kurang berpengalaman. Biasanya diuruskan oleh pihak Optimax, namun apabila ada melibatkan kontraktor lain dalam urusan vaksinasi ini dengan tujuan mempercepatkan urusan penghantaran vaksin, terdapat sebilangan mereka tidak mengikut jadual yang ditetapkan seperti tidak menepati masa operasi bermula dari 9.00 pagi dan tamat pada 6.30 petang. Terdapat juga kejadian yang tidak sepatutnya berlaku seperti di PPV Bergerak di Gombak Setia yang memulakan operasi pada jam 3.00 petang kerana masalah pengambilan stok vaksin, kekurangan doktor perunding dan kekurangan vaccinators. Kontraktor menguruskan 2 tempat serentak dengan tiada pengalaman pengurusan yang baik telah menyebabkan penduduk terpaksa menunggu sehingga 6 jam sebelum divaksinasi dan pada hari tersebut proses pemberian vaksin tamat pada jam 1.00 pagi. Pusat penyimpanan vaksin juga menjadi masalah kepada kontraktor yang kurang berpengalaman dan lemah dalam pengendalian penghantaran vaksin sepatutnya mengikut jadual yang ditetapkan.

Di pertengahan bulan Ogos PPV Bergerak mengalami kekurangan penduduk untuk divaksinasi. Kuota diberikan 1200 dos sehari, tetapi yang hadir hanyalah 600 orang sahaja kerana hampir separuh lagi penduduk telah mendapat vaksin daripada PPV Mega di seluruh Lembah Kelang setelah kerajaan memberi kebenaran kepada masyarakat awam untuk vaksin secara walk in di PPV PWTC, PPV Sunway, PPV KLCC, PPV Bukit Jalil, PPV The Mines dan lain-lain yang mampu menampung vaksinasi hingga 10,000 orang sehari.

Dari aspek seketriat dan para sukarelawan, tenaga serta kesabaran adalah teruji dalam menguruskan orang-orang yang akan divaksinasi. Misalnya, kepenatan para sukarelawan kerana jadual yang padat, menghadapi pelbagai ragam manusia, kemarahan, perubahan cuaca dan sebagainya. Terdapat lebih 4000 orang ahli sukarelawan Privo atau Prihatin *Volunteer* dibawah pengelolaan Yayasan Wilayah Persekutuan yang bertugas tanpa henti di Pusat Pemberian Vaksin Bergerak dan pusat ujian saringan atau swab test COVID-19. Terdapat juga isu dalam kalangan pengunjung yang positif COVID-19 telah menyelinap masuk di kawasan PPV Bergerak tanpa pengetahuan petugas. Apabila ianya dikesan, hal ini akan menyebabkan PPV terpaksa ditutup sementara dalam tempoh 3 jam untuk disanitasi serta semua petugas akan perlu membuat swab test. Perkara ini merupakan cabaran bagi para petugas barisan hadapan seperti doktor, *vaccinators*, jururawat dan sukarelawan dalam menjalankan tugas mereka. Apabila *swab test* dilakukan, lazimnya sudah pasti akan ada 1 hingga 3 kes positif COVID dikesan

## KESIMPULAN

Walaupun jumlah jangkitan harian masih tinggi namun menerusi hasil data vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah menunjukkan bahawa sehingga pertengahan Ogos 2021 dengan usaha pemberian vaksin berjaya menurunkan jumlah kes COVID-19 yang serius dengan ketara. Contohnya, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 di Jabatan Kecemasan Hospital Kuala Lumpur semakin berkurangan berbanding pada bulan Jun dan Julai 2021. Begitu juga dengan kemasukan warga emas di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang bagi kes positif kategori tiga hingga lima telah mencatatkan penurunan



sehingga 50 peratus dalam tempoh yang sama dan dua peratus daripada keseluruhan kes harian yang dilaporkan. Warga emas merupakan antara golongan sasaran yang diberi perhatian kritikal dalam Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Malaysia telah menjalankan Program Imunisasi Kebangsaan secara menyeluruh bermula Februari 2021. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Malaysia merupakan program pemvaksinan terbesar yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai satu pendekatan untuk membendung penularan COVID-19 serta usaha mencapai imuniti kelompok dalam kalangan masyarakat negara sebelum berakhir tahun 2021. Sebanyak 80 peratus atau 2,568,340 penduduk dewasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berjaya mencapai imuniti kelompok pada 15 Ogos 2021. Mankala Malaysia telah berjaya mencapai imuniti kelompok dengan pemberian vaksin kepada masyarakat dewasa sekurang-kurangnya 1 dos vaksin telah diterima oleh 66.5% populasi di Malaysia sehingga 16 September 2021.

Vaksin bukanlah jaminan untuk terhindar sepenuhnya daripada jangkitan dan kematian COVID-19, namun vaksin adalah satu usaha yang dilihat terbaik dan digunapakai oleh seluruh dunia untuk menguatkan sistem pertahanan kesihatan awam dan melindungi masyarakat daripada pandemik ini. Jadilah masyarakat yang prihatin, ambil vaksin dan jalani kehidupan dengan norma baharu.

## Rujukan

- Astro Awani. 2021. Bukan semua PPV di Lembah Klang terima 'walk-in' Isnin ini – Khairy. Retrieved 31 Julai 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukan-semua-ppv-di-lembah-klang-terima-walk-isnin-ini-khairy-311512>.
- Bernama. 2021, Ogos 17. Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke HTAR menurun lebih 50 peratus. Retrieved 3 September 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-kemasukan-pesakit-covid19-ke-htar-menurun-lebih-50-peratus-314551>
- Bernama, 2021. 51.1% populasi Malaysia kini lengkap vaksin Covid-19. Retrieved 17 September 2021. <https://www.malaysianow.com/berita/2021/09/10/51-1-populasi-malaysia-kini-lengkap-vaksin-covid-19/>.
- Damir Huremović. 2019. Brief History of Pandemics (Pandemics Throughout History). *Psychiatry of Pandemics*. Vol. 16, 7-35. doi: 10.1007/978-3-030-15346-5\_2
- David Velasquez, Suhas Gondi, Richard Lu, Adam Pissaris, Alister Martin. 2021. GOTVax: A Novel Mobile Covid-19 Vaccine Program. *NEJM Catalyst*. doi: 10.1056/CAT.21.0174
- Centers for Disease Control & Prevention. 2020. Prevention & Treatment. Retrieved 17 April 2020. <https://web.archive.org/web/20200226145347/https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/about/prevention-treatment.html>.
- Department of Health and Social Care. 2021. UK COVID-19 vaccines delivery plan. United Kingdom.
- Excler, J. L, Saville, Berkley. M & Kim J.H. 2021. Vaccine development for emerging infectious diseases. *Nature Medicine*. Vol. 27,591-600.

- Filia A, De Crescenzo M, Seyler T, Bella A, Ciofi Degli Atti M L, Nicoletti L, Magurano F, Salmaso S. 2008. Measles resurges in Italy: preliminary data from September 2007 to May 2008. *Euro Surveill*. Vol. 13(29),18928. <https://doi.org/10.2807/ese.13.29.18928-en>.
- Intan Suria Hamzah. 2020. Covid -19 dan Keterancaman Keselamatan Insan di Seluruh Dunia: Suatu Tinjauan Awal. Universiti Kebangsaan Malaysia: Prosiding Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia XVI.
- Israr Khalid. 2021. 40 trak vaksinasi bergerak sekitar Wilayah Persekutuan menjelang Julai - Annuar Musa. Retrieved 19 Julai 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/40-trak-vaksinasi-bergerak-sekitar-wilayah-persekutuan-menjelang-julai-annuar-musa-303913>
- Jemilah Mahmood. 2021. Mei 31. Astro Awani. COVID-19 dan kepentingan vaksinasi. Retrieved 12 Ogos 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-dan-kepentingan-vaksinasi-dr-jemilah-300746>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2016. Imunisasi. Retrieved 7 Jun 2021. <https://fh.moh.gov.my/v3/index.php/imunisasi>.
- Muhammad Yusri Muzamir. 2021. BH Online. Kuala Lumpur capai imuniti kelompok hari ini. Retrieved 15 Ogos 2021. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/08/851534/kuala-lumpur-capai-imuniti-kelompok-hari-ini>
- Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. 2021. COVID-19 Malaysia. <https://covid-19.moh.gov.my/>
- Portal Rasmi Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKAV). 2021. Retrieved Jun-September 2021. <https://www.vaksinocovid.gov.my/>.
- Lakhani, S. 1992. Early clinical pathologists: Edward Jenner (1749–1823). *Journal Clin Pathol*. Vol. 45, 756-758.
- Majlis Keselamatan Negara. 2021. Program Rintis Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah. Retrieved 19 Jun 2021. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2021/06/19/program-rintis-vaksin-bergerak-mymedicwilayah/>
- Rahimah Abdullah. 2021. Kuala Lumpur capai imunisasi kelompok. Astro Awani. Retrieved 16 Ogos 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kuala-lumpur-capai-imuniti-kelompok-siapsedia-beralih-ke-fasa-3-ppn-annuar-314171>.
- Rothan, H. A & Byrareddy, S. N. 2020. The epidemiology and pathogenesis of coronavirus disease (COVID-19) outbreak. *Journal Autoimmun*. Vol 109, 1-4. doi: 10.1016/j.jaut.2020.102433.
- Suhazeli Abdullah. 2021. Vaksin untuk bayi anda: mitos vs realiti. Selangor: Amal Medik Malaysia.
- Scheidel, W. 2017. The great leveler: violence and the history of inequality from the stone age to the twenty-first century. Chapter 10: the black death. Princeton: Princeton University Press, 291–313.

- Streefland P, Chowdhury AMR & Ramos-Jimenez P. 1999. Patterns of vaccination acceptance. *Social Science and Medicine*. Vol. 49,(12), 1705–1716.
- UNDP. 1994. Human Development Report. 1994. New York & Oxford: Oxford University Press
- WHO. 2020. Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS). Retrieved 16 Ogos 2020. [https://www.who.int/health-topics/severe-acute-respiratory-syndrome#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/severe-acute-respiratory-syndrome#tab=tab_1)
- WHO. Coronavirus COVID-19 Dashboard. 2021. Situation by Region, Country, Territory & Area. Retrieved 16 Jun 2021. <https://covid19.who.int/table>
- WHO. 2020. Vaccines and immunization: What is vaccination?. Retrieved 8 Jun 2020. <https://www.who.int/news-room/q-a-detail/vaccines-and-immunization-what-is-vaccination?adgroupsurvey={adgroupsurvey}&gclid=>

## **KURSUS PENGAJIAN KENEGARAAN DI IPTA: KESAN KE ATAS PARTISIPASI POLITIK MAHASISWA MALAYSIA**

Norhafiza Mohd Hed, Winarno<sup>2</sup>, Anis Suryaningsih<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

<sup>2,3</sup> Prodi PPKn FKIP UNS Surakarta

**Abstrak**

Artikel ini mengkaji kesan pembelajaran kursus Pengajian Kenegaraan ke atas partisipasi politik mahasiswa di Malaysia dengan memfokuskan analisisnya kepada kesan terhadap literasi politik, tingkah laku politik dan aktivisme politik mahasiswa dengan andaian bahawa mahasiswa yang mengikuti kursus ini mempunyai tahap partisipasi politik yang tinggi berbanding dengan yang belum mengikutinya. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 384 pelajar, kajian ini menguji sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam literasi politik, sikap politik, dan partisipasi politik mahasiswa yang telah mengikuti dan tidak mengikuti kursus ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti kursus ini di universiti memiliki tahap literasi politik dan nilai politik yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak mengikuti kursus ini. Namun, penglibatan mahasiswa dalam aktivisme politik berada pada tahap rendah. Secara keseluruhannya, kursus Pengajian Kenegaraan relevan untuk anak muda di Malaysia, tetapi penambahbaikan diperlukan khususnya pada kandungan kursus, strategi pengajaran dan pembelajaran kursus agar dapat melahirkan warganegara yang lebih aktif dalam menyumbang kepada pendemokrasian Malaysia.

**Kata Kunci:** Pengajian Kenegaraan, IPTA, partisipasi politik, mahasiswa, Malaysia

#### **Abstract**

This article examines the impacts of the Nationhood course on students' political engagement in Malaysia by focusing its analyses on the impacts towards political literacy, political attitudes, and political activism with the assumption that students who have taken this course are more likely to have higher levels of political engagement than those who have not. By using a quantitative approach through distribution of survey to 384 students, the study tests whether the Nationhood course is making a difference in political knowledge, political attitude and political engagement of Malaysian undergraduate students. The findings show that students who studied in the Nationhood course, as a compulsory subject at the university possessed higher levels of political knowledge and political values compared to students who did not take this course. However, the political engagement of the students is at a low level. Overall, the Nationhood course is relevant for young people in Malaysia, but improvements are needed particularly in terms of the course content, teaching strategies and course learning outcomes to produce more active citizens in contributing to the democratization of Malaysia.

Keywords— The Nationhood course, IPTA, political engagement, students, Malaysia.

## **PENGENALAN**

Proses awal kehidupan yang diperolehi melalui sosialisasi adalah penting dalam membentuk tingkah laku dan penglibatan politik anak muda. Sosialisasi politik, didefinisikan sebagai proses penyebaran budaya politik dan nilai dari generasi ke generasi dalam masyarakat tertentu (Almond & Verba, 1963), oleh pelbagai agen sosialisasi politik termasuk keluarga, institusi pendidikan, kumpulan rakan sebaya, media massa, dan kerajaan (Niemi & Junn, 1998; Galston, 2001; Quientelier, 2013). Daripada literatur sosialisasi politik yang semakin berkembang ini, banyak kajian menunjukkan bahawa institusi pendidikan, khususnya sekolah memainkan peranan yang diperlukan dalam menyediakan pengetahuan demokratik dan kemahiran literasi politik kepada anak muda untuk mewujudkan warganegara yang lebih bertanggungjawab dan berpengetahuan terlibat dalam kegiatan demokratik (Kisby & Sloam, 2014, Pontes, Henn & Griffiths, 2019). Terdapat banyak literatur yang menunjukkan bahawa penyertaan anak muda dalam kursus pendidikan formal seperti kursus pendidikan kewarganegaraan atau kenegaraan akan membantu mempersiapkan anak muda untuk mengundi dan terlibat dalam demokrasi (Niemi & Junn, 1998) kerana nilai-nilai sivik dan politik yang dikembangkan di sekolah dikekalkan hingga dewasa (Torney-Purta, 2004; Hooghe & Wilkenfeld, 2007).

Pendidikan kewarganegaraan di negara demokrasi Barat yang telah lama dikaji oleh para sarjana dan muncul sebagai tema utama dalam wacana politik yang berkaitan tentang penurunan penglibatan politik anak muda (Tonge, Mycock & Jeffery, 2012). Berikutan daripada kebimbangan penurunan penyertaan politik belia, banyak negara demokrasi Barat telah mula menerapkan pendidikan politik formal dalam kurikulum sekolah iaitu melalui subjek pendidikan Sivik atau Kewarganegaraan. Misalnya, di Britain, pendidikan kewarganegaraan telah dilaksanakan di sekolah buat pertama kalinya sebagai kurikulum nasional yang berkanun pada tahun 2002, khusus untuk semua pelajar yang berumur 11 hingga 16 tahun berdasarkan cadangan Laporan Crick (Tonge, Mycock & Jeffery, 2012). Di Perancis, pendidikan sivik juga diperkenalkan dalam kurikulum sekolah menengah sebagai mata pelajaran khas pada tahun 1999. Walaupun nama dan kandungan mata pelajaran ini berbeza, tetapi mereka mempunyai matlamat utama yang sama iaitu memupuk semangat patriotisme dan mempromosikan kewarganegaraan aktif dalam kalangan golongan muda (Marquette & Mineshima, 2002). Pendidikan sivik, menurut Dahl (2002), adalah subjek penting yang membantu dalam memupuk sikap demokratik, memberikan kemahiran dan pengetahuan kepada anak muda untuk terlibat dalam isu-isu dan masalah masyarakat. Banyak kajian empirikal mendapati bahawa pendidikan sivik dan politik mempunyai korelasi atau hubungan yang kuat dan menegaskan bahawa pendidikan kewarganegaraan atau pengajian kenegaraan berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dan tingkah laku politik anak muda (Contohnya: Verba et al., 1995; DelliCarpini & Keeter, 1996). Walau bagaimanapun, beberapa kajian berpendapat bahawa pendidikan sivik gagal memupuk penyertaan politik yang lebih besar (Galston, 2001; Manning & Edwards, 2014).

Seperti di negara-negara demokrasi Barat, Malaysia juga tidak terkecuali dalam usaha menerapkan pendidikan formal yang berorientasikan kepada nilai patriotisme kepada masyarakat. Oleh itu, kerajaan telah mengambil langkah dengan memperkenalkan elemen kewarganegaraan yang diterapkan dalam pelbagai sukatan pelajaran di sekolah seperti Sejarah, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Bahasa Melayu, agar ianya selari dengan salah satu daripada enam tonggak yang merupakan asas kemanusiaan dalam kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Bandu et al., 2017). Walau bagaimanapun, konsep kewarganegaraan di sekolah di

Malaysia ini tidak diajar secara terperinci dan komprehensif kerana digabungkan dan diterapkan dalam pelbagai mata pelajaran. Contohnya, subjek Sejarah menekankan pada sejarah negara dan pengamalan nilai-nilai patriotik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004). Begitu juga, kurikulum Pendidikan Moral juga menekan

kepada nilai-nilai yang berkaitan dengan patriotisme dan demokrasi. Di peringkat universiti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil inisiatif untuk memperkenalkan beberapa kursus yang dikenali sebagai *General Studies* (Mata Pelajaran Umum (MPU), termasuk Pengajian Malaysia, Hubungan Etnik, TITAS dan Kesukarelawanan. Pelajar dikehendaki mengambil dan menyempurnakan beberapa kursus MPU yang ditawarkan oleh universiti sebagai prasyarat untuk penganugerahan ijazah. Salah satu kursus yang ada dalam MPU ini adalah kursus Kenegaraan atau dikenal juga sebagai 'Pengajian Kenegaraan' atau 'Pengajian Malaysia' yang telah diperkenalkan sejak tahun 1980-an (Zaid Ahmad et al., 2010) sebagai kursus wajib di kebanyakan universiti awam, dan institusi pengajian tinggi swasta. Tujuan kursus ini diwujudkan adalah untuk menerapkan nilai-nilai patriotisme dan melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dalam kalangan pelajar dengan mempelajari aspek asas pembentukan negara, sejarah, perpaduan nasional dan hal ehwal negara. Menerusi pendidikan formal ini diharapkan anak muda Malaysia, terutamanya para pelajar dapat menghadapi pelbagai cabaran, dari transformasi politik dan ekonomi kepada identiti nasional, sehingga menjadikan mereka warganegara yang dapat memikul tanggungjawab sosial. Oleh kerana kursus ini telah lama diperkenalkan di dalam kurikulum universiti, dan telah ramai pelajar yang didedahkan kepadanya, oleh itu, kajian ini menjangkakan bahawa akan lebih ramai anak muda Malaysia yang mempunyai tahap literasi politik dan terlibat aktif dalam aktiviti politik.

Walau bagaimanapun, Indeks Belia Malaysia 2019 menunjukkan bahawa domain sosialisasi politik yang digunakan untuk mengukur penyertaan politik menunjukkan bahawa domain sosialisasi politik yang digunakan untuk mengukur penyertaan politik, termasuklah mengikuti dan berbincang tentang politik, dalam kalangan anak muda adalah yang terendah dalam 12 domain, dengan skor 29.03, termasuk dalam kategori 'sangat tidak memuaskan'. Ini menunjukkan bahawa penglibatan politik orang muda Malaysia berada pada tahap yang rendah dan membimbangkan kerana mereka kurang terlibat dalam kegiatan politik, terutamanya politik konvensional dan kurang membincangkan politik. Terbaru, kajian yang dilakukan oleh Mohd Hed & Grasso (2019) menunjukkan bahawa anak muda Malaysia kurang cenderung untuk mengambil bahagian dalam politik konvensional, terutama mengundi dan menjadi anggota parti politik berbanding dengan generasi tua. Malah, kajian ini juga mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara golongan muda dan tua dalam aktivisme politik bukan konvensional seperti protes, boikot dan menandatangani petisyen. Persoalannya adakah kursus Kenegaraan tidak memberi apa-apa impak dalam meningkatkan pengetahuan politik mahasiswa dan memperbaiki tingkah politik serta penglibatan politik mahasiswa secara umum? Adakah tidak tepat untuk menyimpulkan bahawa kursus Kenegaraan tidak memberi kesan positif terhadap penglibatan politik mahasiswa tanpa memberikan bukti empirikal.

Oleh itu, kajian ini mempunyai dua tujuan utama dalam mengisi jurang literatur yang sedia ada. Pertama, artikel ini mengkaji secara kritis pelaksanaan pendidikan kewarganegaraan di sekolah dan universiti. Kedua, kajian ini akan memberikan analisis berdasarkan bukti empirikal mengenai kesan kursus Kenegaraan terhadap penglibatan politik mahasiswa di peringkat sarjana muda, terutamanya dalam aspek tahap pengetahuan politik, tingkah laku

politik dan aktivisme politik mereka. Oleh itu, kami mengandaikan bahawa pelajar yang mengikuti kursus Kenegaraan ini lebih cenderung mempunyai tahap pengetahuan politik, tingkah laku politik dan penyertaan politik yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak mengikutinya. Oleh itu, kajian ini ingin menguji beberapa hipotesis seperti:

H1= Mahasiswa yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini mempunyai tahap pengetahuan politik yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak mengikutinya.

H2= Mahasiswa yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini mempunyai tahap tingkah laku politik yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak mengikutinya.

H3= Mahasiswa yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini mempunyai tahap penglibatan politik yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak mengikutinya.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pendidikan kewarganegaraan dan pendidikan politik adalah masalah utama dan telah lama diperdebatkan oleh para sarjana di negara demokrasi Barat, terutama mengenai keberkesanan kursus-kursus ini. Namun, kebanyakan literatur sarjana-sarjana ini lebih berorientasi Barat, maka kurikulum dan perlaksanaanya lebih tertumpu pada konteks sosio-politik negara Barat. Contohnya, Dassonneville et al. (2012) mengkaji hubungan antara Pendidikan Sivik dan Sikap Politik di Belgium dengan menganggap bahawa pendidikan sivik akan memberi kesan positif terhadap sikap politik orang dewasa muda. Dengan menggunakan kajian panel dua tahun dari tinjauan data yang ada dari The Belgian Political Panel Survey (BPPS), hasil kajian menunjukkan bahawa pendidikan sivik formal yang diajarkan di dalam kelas dan strategi pembelajaran aktif mempunyai kesan positif terhadap sikap politik belia. Begitu juga, Youniss, McLellan dan Yates (1997) juga berpendapat bahawa penglibatan pelajar dalam khidmat masyarakat meningkatkan tahap kesukarelawanan mereka. Hasil yang serupa telah dijumpai di negara lain, termasuk United Kingdom (Henn et al., 2007; Kerr, 2014), Amerika Syarikat (Patterson et al., 2012) dan Australia (Lindström, 2010). Walau bagaimanapun, Manning & Edwards (2014) menyimpulkan bahawa pendidikan sivik sahaja tidak boleh dianggap sebagai formula untuk meningkatkan penyertaan politik normatif orang muda. Sebaliknya, dasar pemerintah mesti mengambil kira bahawa orang muda mengambil bahagian dalam kegiatan politik bukan arus perdana yang lebih dekat dengan kehidupan seharian mereka, seperti mengitar semula, menyumbangkan wang untuk tujuan politik, dan membincangkan masalah sosial atau politik. Banyak sarjana di negara-negara membangun juga telah membincangkan mengenai kesan pendidikan politik formal terhadap orang muda. Sebagai contoh, Finkel (2003) mendapati bahawa pendidikan sivik dalam membangun demokrasi dapat mendorong kesan yang bermakna dan berpanjangan dari segi pengetahuan politik, pemberdayaan dan menggerakkan individu untuk lebih aktif dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, kesan pendidikan sivik bergantung pada reka bentuk kurikulumnya, kaedah pedagogi, kualiti pelatih dan sumber sosioekonomi pelajar yang membolehkan mereka mengambil bahagian dalam politik. Oleh itu, kami menyimpulkan bahawa pendidikan politik formal dapat membawa kesan positif dan negatif

terhadap penglibatan individu dalam politik, khususnya para pelajar.

Kajian mengenai kesan kursus atau mata pelajaran tertentu ke atas sikap pelajar (Ku Samsu & Sulaiman, 2012) telah mula berkembang di Malaysia tetapi kajian mengenai keberkesanan kursus Kenegaraan adalah sangat terhad. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa kajian yang dikembangkan oleh sarjana Malaysia mengenai kursus Kenegaraan (Ku Samsu & Sulaiman, 2012; Ku Samsu et al., 2017). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini mengkaji aspek-aspek seperti tahap patriotisme dan pencapaian pelajar, berbanding dengan tingkah laku dan penglibatan politik pelajar. Sebagai contoh, kajian oleh Ku Samsu & Sulaiman (2012) membandingkan tahap kesedaran patriotisme dalam kalangan pelajar dari IPTA dan swasta melalui pengedaran soal selidik. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan pada semangat patriotisme para pelajar dan bukannya penglibatan politik, seperti tahap pengetahuan, tingkah laku dan penyertaan pelajar terhadap politik. Sebaliknya, Rambely (2006) mengkaji hubungan antara demografi pelajar dan pencapaian mereka dalam Pengajian Kenegaraan dengan menggunakan tinjauan terhadap 314 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara demografi pelajar dengan pencapaian mereka dalam kursus Kenegaraan. Walau bagaimanapun, pencapaian mereka dalam kursus Sejarah semasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membantu pelajar untuk lebih memahami kursus Kenegaraan ini. Begitu juga, artikel oleh Awang et al., (2013) mengenai sikap pelajar dan prestasi akademik mereka dalam pendidikan Nationhood menyimpulkan bahawa pencapaian pelajar dalam subjek ini bergantung pada peranan yang dimainkan oleh pensyarah melalui mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan. Dalam hal ini, kebanyakan sastera mementingkan patriotisme, sikap pelajar terhadap mata pelajaran itu dan prestasi akademik mereka. Baik sastera atau penyelidikan empirikal mengkaji secara komprehensif kesan subjek Nationhood terhadap penglibatan politik pelajar yang akan dibahas dalam kajian ini. Selain itu, terdapat sastera yang sangat besar mengenai penglibatan pelajar Malaysia dalam politik, seperti kajian oleh Taib & Yaakop (2017) dan Samsi, Ab. Rahman & Ku Samsu, (2013). Semua kajian ini memberi nilai tambah pada sastera politik mahasiswa, khususnya dalam menyimpulkan bahawa penglibatan pelajar dalam politik masih pada tahap yang rendah. Walau bagaimanapun, tidak ada literatur yang mengkaji hubungan antara kursus berasaskan patriotisme seperti pendidikan Nationhood dengan penglibatan politik pelajar Malaysia. Dari segi pendekatan metodologi, kebanyakan literatur yang ada menggunakan data kualitatif atau kuantitatif, dan bukannya menggunakan pendekatan kaedah campuran dalam memahami keberkesanan

## **METODOLOGI**

### **Data**

Artikel ini adalah kajian kuantitatif menerusi kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengkaji keberkesanan kursus Kenegaraan terhadap penglibatan politik pelajar. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam artikel ini kerana beberapa faktor. Pertama, data yang diperolehi menerusi kaedah kuantitatif adalah tepat kerana bersandarkan kepada analisis statistik. Kedua, instrumen soal selidik ini membolehkan kajian ini dilaksanakan ke atas jumlah responden yang besar iaitu seramai 384 pelajar. Ketiga, kajian ini hanya memfokuskan kepada



penglibatan politik mahasiswa di Malaysia, dengan menggunakan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai lokasi kajian. UPSI dipilih sebagai lokasi kajian ini berdasarkan UPSI adalah sebuah universiti pendidikan di Malaysia dan salah satu universiti awam yang menawarkan kursus Pengajian Kenegaraan untuk semua pelajar Malaysia sebagai prasyarat penganugerahan ijazah sarjana muda. Di UPSI, kursus ini diletakkan di bawah Jabatan Pengajian Kemsyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Manusia, dan umumnya kursus ini ditawarkan kepada pelajar sarjana muda tahun satu. Dari segi pelaksanaannya, kursus ini diajar secara ‘mass lecturer’ dengan kapasiti pelajar melebihi 100 orang bagi setiap kumpulan. Walaupun kajian ini hanya dilakukan di sebuah universiti di IPTA sahaja, namun isu generalisasi dapatan boleh diatasi kerana responden yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang sama seperti populasi sebenar, jumlah responden adalah berdasarkan kepada 95% *level of confidence* serta dapatannya adalah menyeluruh merangkumi gambaran sebenar mengenai keberkesanan kursus Kenegaraan terhadap penglibatan politik mahasiswa. Misalnya, dalam artikel ini, data kuantitatif memberikan analisis statistik mengenai tahap penglibatan politik, termasuk tahap pengetahuan politik, sikap politik dan penyertaan politik mahasiswa.

### Sampel

Seramai 384 pelajar sarjana muda UPSI yang telah mengambil (N: 199) dan tidak mengambil (N: 185) kursus Pengajian Kenegaraan dari pelbagai fakulti, program dan latar belakang etnik menyertai kajian ini. Penentuan bilangan responden adalah berdasarkan ukuran sampel standard seperti yang disarankan oleh Krejcie & Morgan (1970). Peserta terdiri daripada sedikit wanita (56.6%) berbanding lelaki (43.4%) dengan usia min 21 tahun (SD = 0.50). Ringkasan pemboleh ubah sosio-demografi utama boleh didapati dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Ciri-ciri Sosio-demografi Responden

	%	%	%	%	%
Jantina (N=84)	Lelaki (47.5)	Perempuan (52.5)			
Umur	19 (1.8)	20 (30.2)	21 (40.8)	22 (18.4)	23 (8.8)
Etnik	Melayu (89)	Cina (4.5)	India (3.8)	Lain-lain (2.7)	
Program	Sains dan teknikal (18.6)	Sains Sosial (12.3)	Seni & Kemanusiaan (69.1)		
Tahun	1 (62.3)	2 (36.2)	3 (0.9)	4 (0.6)	
Mengikuti / tidak mengikuti kursus ini	Ya (57.6)	Tidak (42.4)			

### Pengukuran

Dari segi demografi, terdapat beberapa aspek demografi yang dilihat iaitu jantina, etnik, program,

umur dan penglibatan mahasiswa dalam kursus Kenegaraan ini. Pengukuran pengetahuan politik bergantung kepada jawapan responden dari 10 soalan mengenai politik Malaysia yang dikodkan berdasarkan skala Cemerlang (7-10 jawapan betul), Sederhana (4-6 jawapan betul) dan Lemah (1-3 jawapan betul). Bagi pengukuran tingkah laku politik, ia berdasarkan pernyataan responden mengenai 10 item soal selidik seperti 'Saya mempunyai tahap patriotisme yang lebih tinggi', 'Saya merasakan bahawa Malaysia adalah tempat terbaik untuk saya tinggal' dan 'Saya tahu hak dan tanggungjawab sebagai warganegara' menggunakan skala Likert Lima Mata. Ukuran penyertaan politik bergantung pada pernyataan responden mengenai penglibatan mereka dalam sepuluh aktiviti politik dalam kegiatan konvensional dan bukan konvensional yang dikodkan berdasarkan item soal selidik seperti 'Saya suka menghadiri ceramah atau kempen politik', 'Saya ingin turut serta sebarang bantahan politik' dan 'Saya sangat suka membincangkan isu politik ketika bergaul dengan rakan-rakan saya' menggunakan skala Likert Lima Mata. Analisis deskriptif seperti peratusan dan min digunakan dalam setiap item. Analisis min pula diukur mengikut nilai skor min yang dicadangkan oleh Landell (1977) (Rujuk Jadual 2). Selain itu, analisis ujian-t digunakan untuk menentukan sama ada perbezaan min antara dua kumpulan (yang telah mengambil) dan (yang belum mengambil) mempunyai perbezaan signifikan berkenaan dengan item soal selidik ini.

**Jadual 2:** Interpretasi Skor Min

Nilai Min	Huraian
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Landell (1977)

## DAPATAN KAJIAN

Pengetahuan politik, seperti yang ditakrifkan oleh Delli Carpini dan Keeter (1996), adalah pengetahuan atau fakta mengenai isu semasa, pemimpin atau parti politik. Dalam hal ini, individu yang memiliki pengetahuan politik yang tinggi dapat mengenali institusi dan pemimpin politik, ciri-ciri pekerjaan mereka, peranan yang mereka laksanakan dan status di antara mereka (Al-Abdali, 2007). Jadual 3 membandingkan tahap pengetahuan politik diantara pelajar yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini dengan mereka yang belum mengambalnya, berdasarkan kepada jawapan mereka dalam 10 soalan mengenai politik Malaysia, terutamanya mengenai institusi politik, proses politik, pemimpin dan pengetahuan sejarah. Pengetahuan politik pelajar ditentukan pada tiga tahap, iaitu: Cemerlang (7-10 jawapan betul), Sederhana (4-6 jawapan betul) dan Lemah (1-3 jawapan betul). Seperti yang dijangkakan, dapatan kajian ini menyokong hujah Verba et al. (1995) dan Finkel & Smith (2011) bahawa individu yang mendapat pendidikan politik formal mempunyai pengetahuan politik yang tinggi.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan politik dalam tiga tahap, di mana mereka yang mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini mempunyai tahap pengetahuan politik yang cemerlang (38.4%) berbanding dengan mereka yang tidak mengikuti kursus ini (12.0%). Terdapat perbezaan signifikan

( $p=0.000$ ) dengan jurang peratus sebanyak 26.7 peratus antara pelajar yang telah mengikuti kursus ini dengan pelajar yang tidak mengikutinya, pada tahap cemerlang. Bagi tahap sederhana, pengetahuan politik pelajar yang tidak mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini sedikit tinggi (0.8%) tetapi masih signifikan daripada pelajar yang telah mengikuti kursus ini. Seperti yang dijangkakan, terdapat perbezaan signifikan ( $p=0.000$ ) bagi tahap pengetahuan politik dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus ini dengan yang belum mengikutinya di mana tiada pelajar yang telah mengikuti kursus ini mempunyai tahap pengetahuan politik yang lemah (0.0%) berbanding dengan mereka yang belum mengikuti kursus ini (6.3%). Oleh itu, secara keseluruhan, pelajar yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan lebih cenderung memiliki pengetahuan politik yang tinggi berbanding dengan yang belum mengikutinya. Ini kerana topik-topik yang dipelajari dalam kursus Pengajian Kenegaraan ini merangkumi banyak aspek mengenai politik dan pemerintahan seperti pengetahuan umum, institusi politik dan proses politik.

**Jadual 3:** Perbezaan Tahap Pengetahuan Politik diantara Pelajar yang Telah Mengikuti dan Belum Mengikuti Kursus Pengajian Kenegaraan

Pengetahuan Politik	Mengikuti Kursus % (Nilai Min) (N:222)	Tidak Mengikuti Kursus % (Nilai Min) (N:162)	<i>t</i>	<i>df</i>	CI Lower	CI Upper	Nilai-P
Cemerlang	<b>39.7%</b> (.63)	13.0% (.29)	-6.68	285.90 2	-0.438	-0.232	<b>0.000</b>
Sederhana	19.7% (.35)	<b>20.5%</b> (.54)	3.72	267.28 7	0.87	0.331	<b>0.000</b>
Lemah	0.0% (.00)	<b>6.3%</b> (.15)	4.72	135.00	0.091	0.212	<b>0.000</b>

Note: Figures in bold are statistically significant ( $p < 0.05$ )

Jadual 4 membandingkan tingkah laku politik mahasiswa yang telah mengikuti dan tidak mengikuti kursus ini berdasarkan 10 item mengenai semangat patriotisme, tingkah laku terhadap politik dan negara. Istilah 'tingkah laku' politik seperti yang ditakrifkan oleh Rosenberg (1942) merujuk kepada 'mental atau emosi seseorang terhadap isu atau masalah politik dan yang menentukan tingkah lakunya terhadap masalah tersebut.' Ini bermaksud bahawa tingkah laku politik adalah nilai, emosi atau kepercayaan yang dipegang oleh individu mengenai isu atau sistem politik. Terdapat banyak faktor yang membentuk tingkah laku politik seseorang. Antara faktor utama yang menyumbang kepada tingkah laku politik ialah persekitaran, pengalaman politik, dan yang paling penting, pendidikan formal.

**Jadual 4:** Analisis Min dan Ujian-T bagi Membandingkan Tingkah Laku Politik Mahasiswa

yang Telah Mengikuti dan Tidak Mengikuti Kursus Pengajian Kenegaraan

No	Tingkah Laku Politik Pernyataan	Mengikuti Kursus % (Nilai Min) (N:222)			Tidak Mengikuti Kursus % (Nilai Min) (N:162)			Nilai -P
		Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap	
1	Saya sayang Malaysia	<b>4.87</b>	0.332	Tinggi	4.78	0.431	Tinggi	<b>0.031</b>
2	Saya mempunyai tahap patriotisme yang tinggi	<b>4.43</b>	0.572	Tinggi	4.23	0.682	Tinggi	<b>0.005</b>
3	Saya menyedari betapa pentingnya penglibatan dalam aktiviti politik	<b>4.05</b>	0.744	Tinggi	3.86	0.796	Tinggi	<b>0.025</b>
4	Saya teruja untuk menyertai politik	<b>3.69</b>	0.848	Tinggi	3.42	0.843	Sederhana	<b>0.004</b>
5	Saya bijak menilai apa sahaja keputusan politik yang diambil oleh kerajaan	3.78	0.809	Tinggi	3.64	0.760	Sederhana	0.108
6	Saya merasakan bahawa Malaysia adalah tempat terbaik untuk saya tinggal	4.68	0.548	Tinggi	4.58	0.664	Tinggi	0.150
7	Sekiranya Malaysia diserang oleh musuh, saya rela mati untuk mempertahankan negara ini	4.29	0.749	Tinggi	4.24	0.806	Tinggi	0.542
8	Saya tahu hak dan tanggungjawab saya sebagai warganegara	<b>4.58</b>	0.543	Tinggi	4.43	0.606	Tinggi	<b>0.019</b>
9	Saya menyedari isu politik semasa yang berlaku di dalam dan luar negara	3.97	0.771	Tinggi	3.89	0.772	Tinggi	0.344
10	Saya bersedia untuk melayani agama, bangsa dan negara	4.62	0.535	Tinggi	4.59	0.538	Tinggi	0.576
	Nilai Keseluruhan Min	4.27		Tinggi	3.73		Sederhana	<b>0.005</b>

Note: Figures in bold are statistically significant ( $p < 0.05$ )

Seperti yang dijangkakan, secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa mahasiswa yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini mempunyai tingkah laku politik yang tinggi dan positif apabila kesemua item mencapai nilai skor min pada tahap yang tinggi. Manakala, mahasiswa yang belum mengikuti kursus ini mempunyai tingkah laku politik pada

tahap yang sederhana, Namun, terdapat juga pernyataan yang menunjukkan tingkah laku positif yang tinggi dalam kalangan mahasiswa yang belum mengikuti kursus ini kecuali dalam item 'Saya teruja untuk menyertai politik' dan 'Saya bijak menilai apa sahaja keputusan politik yang diambil oleh kerajaan'. Apabila dibandingkan tingkah laku antara mahasiswa yang telah mengikuti dan belum mengikuti kursus ini dalam konteks tingkah laku politik mereka, terdapat perbezaan signifikan dalam tingkah laku politik antara pelajar yang mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini dengan pelajar yang tidak mengikutinya dalam lima pernyataan iaitu: 'Saya cinta Malaysia' ( $p=0.031$ ), 'Saya mempunyai tahap patriotisme yang tinggi' ( $p=0.005$ ), 'Saya menyedari betapa pentingnya penglibatan dalam aktiviti politik' ( $p=0.025$ ), 'Saya teruja untuk menyertai politik' ( $p=0.004$ ) dan 'Saya tahu hak dan tanggungjawab saya sebagai warganegara' ( $p=0.019$ ). Oleh itu, dapatan kajian ini mengukuhkan literatur bahawa pendidikan formal diharapkan dapat mengembangkan tingkah laku politik seseorang individu (Rosenberg, 1942; Connell, 1967).

**Jadual 5:** Analisis Min dan Ujian-T bagi Membandingkan Penglibatan Politik Mahasiswa yang Telah Mengikuti dan Tidak Mengikuti Kursus Pengajian Kenegaraan

No	Penglibatan Politik Pernyataan	Mengikuti Kursus % (Nilai Min) (N:222)			Tidak Mengikuti Kursus % (Nilai Min) (N:162)			Nilai -P
		Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap	
1	Saya ingin mendaftar sebagai pemilih	4.53	0.566	Tinggi	4.53	0.571	Tinggi	0.965
2	Saya mahu mengambil bahagian dalam sebarang demonstrasi politik.	3.12	0.940	Sederhana	3.02	0.992	Sederhana	0.361
3	Saya suka menghadiri ceramah atau kempen politik	3.13	1.010	Sederhana	2.98	0.938	Sederhana	0.178
4	Saya ingin mendaftar sebagai ahli parti politik	3.22	1.026	Sederhana	3.04	1.047	Sederhana	0.128
5	Saya mahu turut serta dalam gerakan pelajar.	3.60	0.995	Sederhana	3.44	0.970	Sederhana	0.153
6	Saya suka membaca mengenai isu politik di media.	3.79	1.001	Tinggi	3.66	0.909	Sederhana	0.230
7	Saya suka menyertai khidmat masyarakat dan aktiviti kesukarelaan.	<b>4.56</b>	0.590	Tinggi	4.39	0.714	Tinggi	<b>0.016</b>
8	Saya sering memberikan komen politik di media sosial	2.43	1.156	Sederhana	2.34	1.111	Sederhana	0.510

	seperti Facebook, Twitter dll.							
9	Saya akan memboikot barang dan perkhidmatan.	3.52	1.053	Sederhana	3.54	1.115	Sederhana	<b>0.000</b>
10	Saya sangat suka membincangkan masalah politik ketika bergaul dengan rakan-rakan saya.	3.12	1.186	Sederhana	2.98	1.964	Sederhana	0.425
11	Saya suka memakai lenca, baju atau topi politik.	2.21	1.098	Rendah	2.13	0.999	Rendah	0.504
12	Sekiranya diberi peluang, saya ingin menandatangani petisyen	3.07	1.101	Sederhana	2.81	1.022	Sederhana	<b>0.031</b>
13	Saya akan mengambil bahagian dalam aktiviti politik	2.80	1.054	Sederhana	2.70	1.062	Sederhana	0.410
	Nilai Keseluruhan Min	3.62		Sederhana	3.44		Sederhana	<b>0.001</b>

Note: Figures in bold are statistically significant ( $p < 0.05$ )

Berdasarkan Jadual 5, dapat dilihat bahawa secara keseluruhannya, tahap penglibatan politik mahasiswa dalam politik berada pada tahap sederhana sama ada bagi mahasiswa yang telah mengikuti kursus ini atau yang tidak mengikutinya. Namun, terdapat perbezaan signifikan dalam nilai skor min antara kedua-duanya dalam konteks penglibatan politik ini. Bagi penglibatan politik mahasiswa yang mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini, aktiviti politik yang banyak disertai mereka dan berada pada tahap yang tinggi adalah mendaftar sebagai pemilih pada pilihan raya (min=4.53), membaca isu atau berita berkaitan politik (min=3.79), menyertai khidmat masyarakat dan aktiviti kesukarelawanan (min=4.56). Manakala, aktiviti politik yang disertai oleh mahasiswa yang tidak mengikuti kursus ini dan mendapat skor min yang tinggi ialah aktiviti pengundian (min=4.53) dan kegiatan khidmat masyarakat atau kesukarelawanan (min=4.39). Jika dibandingkan sampel yang mengikuti kursus ini dengan sampel yang tidak hadir, jurang perbezaan ketara dan sangat signifikan dapat dilihat dalam aktivisme politik seperti khidmat komuniti atau kesukarelawanan dengan perbezaan nilai min sebanyak min=0.17. Selain itu, perbezaan signifikan diantara pelajar yang mengikuti kursus ini dengan yang tidak mengikutinya dapat dilihat dalam aktiviti seperti menandatangani petisyen. Ini bermaksud, mahasiswa yang mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini cenderung terlibat secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan yang mampu mengukuhkan rangkaian sosial seperti khidmat masyarakat. Begitu juga, untuk menandatangani petisyen, aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh mereka yang telah mengikuti kursus ini daripada mereka yang tidak mengikutinya di mana terdapat perbezaan min sebanyak 0.26. Menariknya, apabila dibandingkan aktivisme politik antara mereka yang mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan dengan mereka yang tidak, perlu diperhatikan bahawa mereka yang tidak mengikuti kursus ini memiliki minat yang lebih tinggi untuk memboikot barang dan perkhidmatan daripada kerana terdapat perbezaan signifikan sebanyak min=0.2 antara kedua-dua kumpulan. Berkemungkinan, antara sebab mengapa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh mereka yang tidak mengikuti kursus ini adalah kerana aktiviti memboikot adalah manifestasi daripada protes atau ketidakpuasan hati kepada sesuatu produk atau perkhidmatan yang berlaku atas sebab moral,

sosial, dan persekitaran, dan bukannya bersandarkan kepada motif politik semata-mata.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kursus Pengajian Kenegaraan ini tidak memberi kesan yang signifikan terhadap penglibatan politik mahasiswa kerana aktivisme politik mereka masih pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti kursus ini menunjukkan tahap penglibatan yang lebih tinggi dalam aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan. Oleh itu, kajian ini mermuskan bahawa kursus Pengajian Kenegaraan ini mungkin mempunyai kesan positif dari segi modal sosial (social capital) mereka. Dapatan ini selari dengan hujah Campbell (2000) yang menyatakan bahawa penglibatan belia dalam khidmat masyarakat adalah salah satu medium yang dapat meningkatkan modal sosial, dan seterusnya meningkatkan penglibatan sivik mereka (Campbell, 2000).

## **ANALISIS KAJIAN**

Berdasarkan dapatan di atas, terdapat beberapa rumusan yang boleh dikemukakan, iaitu: Pertama, H1 boleh diterima kerana dapatan menunjukkan bahawa peratusan mahasiswa yang telah mengikuti kursus ini dan mempunyai tahap pengetahuan politik yang cemerlang adalah lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan mereka yang tidak mengikutinya. Ini kerana kursus Pengajian Kenegaraan ini dapat membantu memperluaskan pengetahuan politik mahasiswa dari aspek sejarah, pembangunan nasional dan sosioekonomi, serta isu-isu politik kontemporari lain di seluruh dunia. Walaupun kebanyakan dari mahasiswa ini telah mempelajari mengenai asas politik dan kenegaraan dalam beberapa mata pelajaran sewaktu di sekolah, namun kursus Pengajian Kenegaraan yang dipelajari di universiti lebih luas dan komprehensif, merangkumi banyak aspek termasuk isu politik dan sosioekonomi (Ku Samsu et al, 2017). Kedua, dapatan kajian menunjukkan mahasiswa yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini mempunyai tingkah laku politik positif yang tinggi berbanding dengan mahasiswa yang tidak mengikutinya. Ini bermaksud, H2 adalah benar dan boleh diterima. Dapatan ini menyokong hasil kajian Ku Samsu dan Sulaiman, (2012) yang mendapati bahawa mahasiswa yang mengambil kursus Kenegaraan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi berbanding dengan pelajar lain. Jika dilihat, kebanyakan mahasiswa yang telah mengikuti kursus Kenegaraan ini akan mempunyai nilai patriotisme yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak mengikutinya. Ini kerana salah satu hasil pembelajaran yang ingin dicapai oleh kursus ini adalah untuk memupuk semangat cintakan tanah air menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilakukan seperti kuliah interaktif, tayangan video, simulasi, main peranan dan perbincangan. Antara kaedah pentaksiran yang selalunya digunakan dalam kursus ini ialah eksperimen sosial, poster, portfolio dan projek berkumpulan. Menerusi kaedah PdP ini, pelajar digalakkan untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang topik-topik yang berkaitan dengan kenegaraan dan isu-isu semasa. Bagi H3 iaitu mahasiswa yang telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan ini mempunyai tahap penglibatan politik yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak mengikutinya, hipotesis ini berada pada tahap sederhana apabila tidak semua aktivisme politik disertai secara aktif oleh mahasiswa UPSI. Secara khususnya, mahasiswa UPSI sama ada yang telah mengambil atau belum mengambil kursus Pengajian Kenegaraan, cenderung untuk terlibat dalam kegiatan mengundi dalam pilihan raya dan kegiatan kesukarelawanan kerana aktiviti ini adalah tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh setiap warganegara.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis data soal selidik, hasil kajian menunjukkan bahawa kursus Kenegaraan ini sangat relevan dalam meningkatkan pengetahuan politik pelajar kerana mereka yang mengikuti kursus ini mempunyai tahap pengetahuan politik yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak mengikutinya. Di samping itu, kursus ini juga berjaya menanamkan nilai-nilai patriotisme dan sikap politik yang positif kepada mahasiswa yang telah mengikuti kursus ini berbanding dengan yang belum mengambilnya. Walaupun kursus ini tidak menggalakkan penglibatan politik yang aktif dalam kalangan mahasiswa kerana penglibatan mereka dalam aktivisme politik adalah sederhana, namun mereka yang mengikuti kursus ini mempunyai tahap modal sosial yang lebih tinggi kerana mereka lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan. Oleh itu, kursus Pengajian Kenegaraan ini perlu dilaksanakan, terutama di peringkat sekolah untuk mendedahkan belia dengan pengetahuan politik, seperti proses politik, institusi politik, dan etika politik serta mempersiapkan mereka menyertai aktivisme politik dengan lebih aktif. Walau bagaimanapun, kursus ini perlu dipertingkatkan dari segi strategi pengajaran dan pembelajarannya (PdP) dan tenaga pengajar untuk menjadikannya lebih efektif dan berkesan. Strategi Pdp yang sesuai, seperti yang disarankan oleh Kerr (2000) dan Jones (2007) adalah kaedah pembelajaran berdasarkan pengalaman di luar kelas dan penglibatan aktif dengan masyarakat. Di samping itu, tenaga pengajar yang mengajar kursus ini mestilah pakar dalam bidang ini untuk menyampaikan isi kandungannya dengan lebih bermakna, supaya para pelajar dapat memahaminya dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diambil kira. Pertama, kajian ini hanya menggunakan pelajar sarjana muda dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai sampel, dan ini membatasi kemampuan kajian ini untuk digeneralisasikan dapatannya ke seluruh populasi mahasiswa di Malaysia. Oleh itu, penyelidikan lanjut perlu dilakukan untuk meneroka lebih mendalam mengenai kesan kandungan kursus dan penyampaian pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan sampel pelajar yang lebih besar dari pelbagai universiti di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Al Abdali, S. (2007). *Culture of democracy in the political life of the Yemen tribes*. Yemen: Arab Unity Studies Center.
- Almond, G. & Verba, S. (1963). *The civic culture*. New Jersey: Princeton University Press.
- Awang, M.M., Ahmad, A.R., Abu Bakar, N., Abd Ghani, S., Mohd Yunus, A.N., Ibrahim, M. A. H., Ramalu, J.C., Saad, C.P., Abd Rahman, M. J. (2013). Students' attitudes and their academic performance in Nationhood Education. *International Education Studies*, 6(11), 21-28.
- Bandu, S.H., Awang, M.M., & Ahmad, A.R. (2017). Element of citizenship in education system in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7 (3), 836-841.
- Campbell, D. E. (2000). Social capital and service learning. *Political Science and Politics*, 33 (3), 641-645.



- Chang, L. H. (2005). Approach to civic and citizenship education in the new millennium. *Masalah Pendidikan*, 28, 195–204.
- Connell, R. W. (1967). The origins of political attitudes: An introduction. *Politics*, 2(2), 141-156.
- Dahl, D.R. (2002). Civic education: The problems and possibilities of a democratic public life in Nepal. *Society for the Promotion of Civic Education in Nepal*.
- Dassonneville, R, Quintelier, E, Hooghe, M. (2012) The relation between civic education and political attitudes and behavior: A two-year panel study among Belgian late adolescents. *Applied Developmental Science*, 16, 140–150.
- Delli Carpini, M. X., & Keeter, S. (1996). What Americans know about politics and why it matters. New Haven: Yale University Press.
- Finkel, S. E., & Smith, A. E. (2011). Civic Education, political discussion, and the social transmission of democratic knowledge and values in a new democracy: Kenya 2002. *American Journal of Political Science*, 55(2), 417–435.
- Finkel, S.E. (2003). Civic education and the mobilization of political participation in developing democracies. *The Journal of Politics*, 64 (4), 994-1020.
- Galston, W.A. (2001). Political knowledge, political engagement, and Civic Education. *Annual Review of Political Science*, 4, 217-34.
- Henn, M., Weinstein, M., & Hodgkinson, S. (2007). Social capital and political participation: Understanding the dynamics of young people’s political disengagement in contemporary Britain. *Social Policy and Society* 6, 467–479.
- Jones, A. (2007). Teaching citizenship? *Teaching Public Administration*, 27, 1–13.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). Huraian sukatan pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kerr, D. (2000), Citizenship education: An international comparison. In: Lawton, D., Cairns, J., & Gardner, R. (eds). *Education for Citizenship*. London: Continuum.
- Kerr, D. (2014). Enhancing the political literacy of young people: A shared responsibility. In: Mycock, A, Tonge, J. (eds). *Beyond the Youth Citizenship Commission: Young People and Politics*. London: Political Studies Association, 44–47.
- Kisby, B., & Sloam, J. (2014). Promoting youth participation in democracy: The role of higher education. In: Mycock, A, Tonge, J (eds) *Beyond the Youth Citizenship Commission: Young People and Politics*. London: Political Studies Association, 52–56.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Ku Samsu, Ku Hasnita., Zatul Himmah., Mohd Mahadee., Lee Yok Fee., Arfah Ab. Majid., Ratna Roshida. (2017). Kaedah menangani kebosanan mahasiswa terhadap subjek Kenegaraan Malaysia. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*.

- Ku Samsu, Ku Hasnita., & Sulaiman, Mohd Hafiz. (2012). The effectiveness of the Malaysian studies course in fostering patriotism among students in institutions of higher education. In Florence Multidisciplinary Conference 2012, 19-22 June 2012, Florence, Italy.
- Lindström, L (2010) Youth citizenship and the Millennium generation. *Citizenship, Social and Economics Education*, 9, 48–59.
- Manning, N., & Edwards, K. (2014). Does civic education for young people increase political participation? A systematic review. *Educational Review*, 66 (1), 22-45.
- Marquette, H., & Mineshima, D. (2002). Civic education in the United States: Lessons for the UK. *Parliamentary Affairs*, 55 (3), 539-555.
- Mohd Hed, Norhafiza., & Grasso, M. (2019). Age group differences in political activism in Malaysia. *Journal of Youth Studies*, DOI: [10.1080/13676261.2019.1636948](https://doi.org/10.1080/13676261.2019.1636948).
- Niemi, R.G., & Junn, J. (1998). *Civic Education: What makes students learn*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Patterson, N., Doppen, F., & Misco, T. (2012). Beyond personally responsible: A study of teacher conceptualizations of citizenship education. *Education, Citizenship and Social Justice*, 7, 191–206.
- Pontes, A.I., Henn, M., & Griffiths, M. D. (2019). Youth political (dis)engagement and the need for citizenship education: Encouraging young people’s civic and political participation through the curriculum. *Education, Citizenship and Social Justice*, 14(1), 3-21.
- Quientelier, E. (2013). Engaging adolescents in politics: The longitudinal effect of political socialization agents. *Youth & Society*, 47(1), 51–69.
- Rambely, Nor Azlah Sham. (2006). Kaitan antara pencapaian pelajar dalam Kursus Kenegaraan Malaysia dengan faktor demografi. In National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rosenberg, M. (1942). Analyzing political attitudes. *The Social Studies*, 33(2), 68-70.
- Samsi, A.H., Ab. Rahman, A., & Ku Samsu, K.H. (2013). Persepsi belia terhadap parti politik dan tahap penglibatan politik di Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 9: 107-120.
- Taib, Roslizawati., & Yaakop, Mohd Rizal. (2017). Penglibatan mahasiswa dalam protes politik di IPTA PRK 2016. *Journal of Social Sciences & Humanities*, Special Issue 2, 104-115.
- Tonge, J., Mycock, A., & Jeffery, B. (2012). Does citizenship education make young people better-engaged citizens? *Political Studies*, 60 (3), 578-602.
- Torney-Purta, J. (2004). Adolescents’ political socialization in changing contexts: An international study in the spirit of Nevitt Sanford. *Political Psychology*, 25: 465–478.
- Verba, S., Schlozman K. & Brady, H. (1995). *Voice and equality. Civic voluntarism in American politics*. Cambridge: Harvard University Press
- Youniss, J., McLellan, J. A., & Yates, M. (1997) What we know About Engendering Civic Identity. *American Behavioral Scientist*, 40 (5), 620-631.

Zaid Ahmad., Sri Rahayu., & Ahmad Tarmizi. (2010). Pengajian umum: Pengalaman Universiti Putra Malaysia. *SEA Journal of General Studies*, 11, 131-145.

**KONSEP KELUARGA MALAYSIA MENDASARI ASAS MEMPERKUKUHKAN  
NEGARA BANGSA DALAM MENDEPANI FASA ENDEMIK COVID-19**

***THE CONCEPT OF 'KELUARGA MALAYSIA' UNDERLYING THE BASIS OF  
STRENGTHENING THE NATION STATE IN FACING THE ENDEMIC PHASE OF  
COVID-19***

Khairul Ghufrun Kaspin<sup>1</sup>, Mohd Samsudin<sup>2</sup> & Azlizan Mat Enh<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Kewarganegaraan & Kemasyarakatan,  
Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup> & <sup>3</sup> Pusat Kajian Sejarah, Politik & Strategi,  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),  
Bangi, Selangor, Malaysia.

Emel: [ghufran@fsk.upsi.edu.my](mailto:ghufran@fsk.upsi.edu.my), [moss@ukm.edu.my](mailto:moss@ukm.edu.my) & [azlizan@ukm.edu.my](mailto:azlizan@ukm.edu.my)

## Abstrak

Keluarga Malaysia merupakan sebuah dasar negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia kesembilan pada 22 Ogos 2021 melalui ucapan beliau yang pertama sebagai perdana menteri. Keluarga Malaysia menerapkan falsafah dengan ikatan semua rakyat Malaysia sebagai sebuah keluarga tanpa mengira keturunan dan agama. Konsep tersebut ibarat sebuah entiti yang saling melengkapi antara satu sama lain dan umpama tubuh yang saling memerlukan. Penulisan ini memberi fokus kepada konsep Keluarga Malaysia dalam memperkukuhkan pembentukan negara bangsa di Malaysia pada fasa endemik Covid-19. Kaedah kajian yang digunakan adalah analisis isi kandungan melalui sumber-sumber yang berautoriti. Penulisan ini mendapati bahawa terdapat tiga elemen yang mendasari asas dalam memperkukuhkan pembinaan negara bangsa dalam mendepani fasa endemik Covid-19 di Malaysia. Yang pertama ialah sifat asas yang diterapkan dalam Keluarga Malaysia. Sifat asas tersebut termasuklah cinta dan kasih yang disemai dan diterapkan melalui konsep tersebut merentasi segala aspek seperti agama, keturunan, warna kulit dan sempadan negeri. Yang kedua ialah memperbaiki kembali ketidakstabilan politik negara dengan cara membawa ahli-ahli politik yang secara asasnya mempunyai latar belakang keturunan yang berbeza untuk bekerjasama dalam menangani masalah yang sedang dihadapi oleh negara dan rakyat. Dan yang terakhir ialah merencanakan kembali ekonomi negara dengan mengutamakan bantuan kepada rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang keturunan dan agama. Kesemua hasil dapatan kajian tersebut secara jelasnya memperkukuhkan pembinaan negara bangsa di Malaysia.

**Kata kunci:** Keluarga Malaysia, negara bangsa, dasar negara, fasa endemik & Covid-1

### *Abstract*

*Keluarga Malaysia is a national policy launched by the ninth Prime Minister of Malaysia on August 22, 2021 through his first speech as prime minister. Keluarga Malaysia applies the philosophy to the bond of all Malaysians as a family regardless of race and religion. The concept is like an entity that complements each other and is like a body that needs one another. This paper focuses on the concept of the Keluarga Malaysia in strengthening the formation of the nation state in Malaysia in the endemic phase of Covid-19. The research method used is content analysis through authoritative sources. This paper finds that there are three basic elements in strengthening the nation state building in facing of the endemic phase of Covid-19 in Malaysia. The first is the basic elements that applied in the Keluarga Malaysia concept. The basic elements include the love and affection that is sown and applied through the concept across all aspects such as religion, ethnicity, skin color and state boundaries. The second is to rectify the political instability of the country by bringing in the politicians who basically come from the different ethnic backgrounds to work together in addressing the problems currently facing by the country and the people. And the last is to revitalize the country's economy by prioritizing assistance to Malaysians regardless of race and religion. All the findings of the study are clearly strengthen the nation state building in Malaysia.*

**Key words:** *Keluarga Malaysia, nation state, national policy, endemic phase & Covid-19*

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang dikenali di mata dunia atas faktor masyarakatnya yang berbilang etnik. Kemajmukan yang berlaku dalam kalangan masyarakat dan budaya menyebabkan wujudnya fenomena dalam bentuk agama, budaya, bahasa, jenis pekerjaan dan sebagainya. Hal tersebut sering mendapat perhatian daripada pengkaji pelbagai disiplin ilmu pengetahuan seperti Sejarah, Sosiologi, mahu pun Sains Politik. Justeru, kepelbagaian dari segi aspek kemajmukan masyarakat di Malaysia ini banyak disentuh dalam penulisan-penulisan akademik. Sebagai contoh, penulisan akademik dalam disiplin Sejarah yang penulisannya banyak menyentuh mengenai perkara berkaitan pembentukan masyarakat pasca kemerdekaan. Dalam masa yang sama, terdapat juga beberapa penulisan sejarah yang cenderung terhadap fenomena kepelbagaian etnik yang berlaku di negara ini dengan menyentuh mengenai hal-hal berkaitan masyarakat Malaysia dari segenap sudut, tidak kira sebelum atau selepas kemerdekaan. Di sudut yang lain pula, fenomena kepelbagaian etnik tersebut telah merintis jalan kepada pembinaan negara bangsa di negara ini. Hal tersebut yang kini diistilahkan sebagai 'Bangsa Malaysia' adalah merupakan satu usaha berterusan yang telah dilakukan oleh pihak pemerintah sejak dulu lagi hinggalah ke hari ini. (Mohd Ashraf, 2010).

Negara bangsa atau *nation state* merupakan kesinambungan sejarah untuk sesuatu bangsa. Bahkan, ia merupakan perkara pokok dalam sesebuah negara dalam membentuk hala tuju pembangunan negara tersebut, sama ada pada masa kini atau pada masa yang akan datang. Dalam hal ini, negara bangsa merupakan satu fenomena sosio-politik. Dalam kebanyakan tamadun yang wujud di dunia, konsep negara bangsa diguna pakai dalam membincangkan mengenai sosio-politik tamadun tersebut. Jika dilihat dari segi sejarah, Malaysia tidak terkecuali dari membincangkan mengenai persoalan negara bangsa khususnya setelah bebas dari cengkaman penjajah (Hasnah, 2010). Manakala dalam konteks Malaysia pula, proses pembentukan sebuah negara bangsa adalah proses yang berterusan (*ongoing process*). Proses tersebut masih lagi berjalan hingga ke hari ini. (Abdul, 2006). Sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pelbagai usaha dan dasar-dasar telah diwujudkan oleh pihak pemerintah bagi memastikan pembinaan negara bangsa di Malaysia berada di landasan yang betul. Hal tersebut bagi memastikan impian untuk mewujudkan 'Bangsa Malaysia' berjaya direalisasikan.

Namun dewasa ini, sejak negara digemparkan dengan penularan wabak maut Covid-19, banyak dasar-dasar dan usaha kerajaan dalam membangunkan ekonomi dan memperkukuhkan negara bangsa terhenti seketika. Hal tersebut terhenti oleh kerana pihak kerajaan terpaksa memberi keutamaan terhadap usaha untuk membendung wabak Covid-19 dari terus menular. Untuk rekod, kes pertama Covid-19 yang dicatatkan di Malaysia berlaku pada 23 Januari 2020. Walaupun kes pertama tersebut tidak melibatkan warganegara Malaysia, namun kerajaan tidak memandang ringan terhadap kes tersebut kerana ianya dikesan di negara ini. Justeru, dalam usaha untuk membendung wabak Covid-19 yang kian menular ketika itu, pihak kerajaan Malaysia terpaksa mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk kali pertama yang berkuatkuasa pada

18 Mac 2020 di seluruh negara (Kronologi Covid-19 di Malaysia, 2020). Sejak itu, kes Covid-19 yang dicatatkan di Malaysia terus menunjukkan situasi pasang surut dan keadaan tersebut berturutan hingga ke tahun 2021.

Kini, setelah hampir dua tahun negara bergelut dengan wabak Covid-19, situasi Covid-19 di Malaysia dijangka bakal beralih ke fasa endemik pada suku keempat tahun 2021. Fasa endemik merupakan fasa di mana penyakit Covid-19 masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat, namun kes yang dicatat tidak banyak, jumlah kemasukan di ICU rendah, jumlah korban akibat dari Covid-19 juga rendah dan jumlah jangkitan baru adalah terkawal. Secara mudah, apabila Malaysia memasuki fasa endemik kelak, wabak Covid-19 masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat namun, terpulanglah kepada individu untuk menjaga diri sendiri dari tidak dijangkiti wabak tersebut (Nazarali, 2021). Dari sudut yang lain pula, fasa endemik tersebut bakal merencanakan kembali pembangunan negara dari pelbagai sudut seperti ekonomi, politik dan sosial. (Sri, 2021). Dalam usaha melestarikan keterangkuman pembangunan negara dari pelbagai sudut tersebut, pihak kerajaan telah mempersiapkan sebuah konsep pembangunan yang bersifat kekeluargaan dan lebih inklusif. Ia bagi memastikan negara mampu untuk terus bertahan di era pasca Covid-19 kelak. Konsep tersebut ialah 'Keluarga Malaysia.

## **PEMBINAAN NEGARA BANGSA DI MALAYSIA PRA-KEMERDEKAAN: SOROTAN DARI SUDUT SEJARAH**

Secara umum, dalam konteks sejarah negara, penghujung era penjajahan dan pada tahun-tahun awal kemerdekaan telah wujud tiga bentuk idea negara bangsa idaman di Tanah Melayu. Idea negara bangsa idaman yang pertama dibentuk oleh parti politik berideologi Islam yang bercita-cita untuk mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan mewujudkan sebuah bangsa Islam. Oleh itu, sejak awal penubuhannya sehingga kini, parti tersebut terus berjuang dengan berpaksikan kepada cita-cita bangsa dan negara Islam. Walaubagaimanapun, usaha mereka masih belum tercapai. Hal ini kerana beberapa faktor kekangan daripada perlembagaan negara. Idea negara bangsa idaman yang kedua pula cuba dibentuk oleh kelompok elit Melayu yang berhaluan kiri dan diwakili oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang bercita-cita mewujudkan 'Melayu Raya' yang merentasi sempadan negara termasuk wilayah Indonesia. Cita-cita besar ini tidak berjaya kerana ia melibatkan dua kuasa besar yang penjajah iaitu British dan Belanda yang menjajah wilayah-wilayah tertentu ketika zaman penjajahan. Idea negara bangsa idaman yang ketiga pula cuba diwujudkan oleh segolongan elit aristokrat yang mahukan sebuah masyarakat majmuk (*plural society*). Dalam gagasan utama bangsa idaman yang ketiga ini, etnik Melayu-Muslim akan menjadi teras. Bangsa idaman jenis ini dibentuk oleh ahli-ahli United Malays National Organization (UMNO) sehingga kini, walaubagaimanapun wujud rintangan dan kesukaran untuk dilaksanakan kerana perbezaan antara etnik dan kepelbagaian budaya dan agama yang wujud di negara ini (Shamsul, 2006).

Idea negara bangsa Melayu Raya merupakan idea terawal muncul dalam usaha masyarakat di Tanah Melayu mengagaskan sebuah negara bangsa idaman mereka. Konsep tersebut merupakan sebuah gagasan konsep yang luas, merangkumi hampir sebahagian besar wilayah Nusantara. Di zaman moden hari ini, konsep Melayu Raya merangkumi negara seperti Malaysia, Indonesia dan

Filipina. Walaupun nama yang digunakan adalah berlainan seperti ‘Malaysia Irrendenta’ di Filipina, ‘Indonesia Raya’ di Indonesia dan ‘Melayu Raya’ di Malaysia, kesemuanya mempunyai satu maksud, iaitu gagasan bagi pembentukan kelompok-kelompok dalam rumpun Melayu menjadi sebuah negara bangsa besar di Nusantara. Gagasan ‘Maphilindo’ yang diajukan oleh Diosado Macapagal pada awal 1960-an dalam usaha beliau mengatasi konfrontasi Malaysia-Indonesia ketika itu juga mempunyai maksud yang sama, iaitu menghidupkan kembali cita-cita pembentukan negara bangsa Melayu yang digagaskan pada awal abad ke-20 (Abdul, 2006).

Bagi Ibrahim Yaakob, ‘Melayu Raya’ adalah istilah yang biasa digunakan oleh masyarakat di Tanah Melayu, manakala bagi masyarakat yang tinggal di Indonesia pula, mereka menggunakan istilah ‘Indonesia Raya’. Namun beliau lebih cenderung untuk menggunakan istilah Indonesia Raya (Iskandar, 1951). Begitu juga dengan Ahmad Boestamam yang kuat dipengaruhi oleh semangat kemerdekaan Indonesia melawan penjajah melalui peranan yang dimainkan oleh Bung Tomo. Hal ini diutarakan oleh beliau melalui Testamen politik A.P.I yang disusun olehnya. Beliau menyatakan, jiwa, semangat dan kemahuan untuk merdeka yang ditunjukkan oleh Bung Tomo adalah semangat A.P.I. (Ahmad, 1946). Selain itu, memetik pendapat Burhanuddin (1962) yang berhujah mengenai konsep Melayu Raya di Dewan Rakyat pada 1 Mei 1962:

...bahawa dewan ini mengambil ketetapan oleh kerana Melayu Raya itu pada dasar-nya ialah Gugusan Pulau<sup>2</sup> Melayu, hendak-lah di-masokkan di-dalam Rancangan Melayu Raya itu, daerah<sup>2</sup> Indonesia dan Pilipina dan hendak-lah Perdana Menteri membuat rundingan<sup>2</sup> awal dengan pehak<sup>2</sup> negara<sup>2</sup> Indonesia dan Pilipina bagi mengujudkan Kesatuan Melayu Raya itu...

Selain itu, di akhir era penjajahan British di Tanah Melayu, pihak penjajah pada waktu itu juga pernah mencuba untuk membentuk sebuah negara bangsa di Tanah Melayu mengikut acuan mereka melalui idea Malayan Union. Namun menemui kegagalan. Tetapi, jika diteliti, gagasan Malayan Union yang cuba diketengahkan oleh British tersebut, usaha untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang mengikut acuan British itu bersifat lebih terbuka dan mempunyai agenda politik penjajah. Gagasan Malayan Union terbuka kepada sesiapa sahaja yang memperakui Tanah Melayu sebagai tanah air mereka tanpa mengira keturunan (Mohd Ashraf, 2004). Kewarganegaraannya pula bersifat *common citizenship* atau *jus soli* yang dibukakan kepada sesiapa, tanpa mengira ras, yang menganggap Malaya sebagai tempat kediaman mereka yang sebenar dan sebagai objek kesetiaan mereka (Hickling, 1960). Namun, jika gagasan Malayan Union berjaya dibentuk oleh British pada tahun 1946, maka negara bangsa yang bakal wujud pada waktu itu di Tanah Melayu adalah lebih bersifat ‘Malaya’ berbanding bersifat ‘Melayu’ (Cheah, 2002).

Justeru, kegagalan gagasan Malayan Union tersebut telah mendorong kepada kewujudan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Malayan Union ditentang keras terutamanya oleh masyarakat Melayu. Hal tersebut telah mendorong British untuk kembali berunding dan wujudlah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Rundingan berlaku antara golongan elit Melayu dan penjajah British. Masyarakat Cina dan India tidak terlibat, terutama ketika rundingan dan proses draf perlembagaan. Apabila perlembagaan dan pemerintahan terbentuk pada tahun 1948, ia

masih bersifat memihak kepada penjajah British. Pesuruhjaya Tinggi British masih lagi memegang tampuk pemerintahan (Fernando, 2007). Begitu juga kuasa Residen British untuk peringkat negeri masih seperti biasa. Namun, perlembagaan tersebut secara asasnya merupakan penanda aras kepada kewujudan sebuah negara bangsa yang bakal diwujudkan di Tanah Melayu kelak kerana perkara utama yang menjadi perbincangan perlembagaan tersebut adalah hal berkaitan kewarganegaraan.

Sehinggalah Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, asas-asas negara bangsa moden itu semakin terbentuk. Asas negara bangsa moden yang dapat dilihat ketika negara hampir mencapai kemerdekaan termasuklah perkara berkaitan kewarganegaraan. Dalam hal ini, perkara berkaitan kewarganegaraan merupakan elemen penting dalam pembentukan negara bangsa moden. Perkara berkaitan kewarganegaraan telah diteliti semula dan hal tersebut telah membuka ruang kepada pembentukan awal bangsa Tanah Melayu apabila mencapai kemerdekaan kelak. Yang jelas, perkara berkaitan kewarganegaraan tersebut merupakan kontrak sosial dalam kalangan masyarakat yang tinggal di Tanah Melayu ketika itu. Sehubungan itu, kewarganegaraan negara ketika itu adalah cerminan bangsa Tanah Melayu yang bakal terbentuk berdasarkan masyarakat pelbagai keturunan dan agama (Mohd Rizal & Shamrahayu, 2015).

## **DASAR-DASAR NEGARA YANG MENDASARI ASAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA PASCA-KEMERDEKAAN**

Apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, terdapat beberapa dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan yang mana ianya secara jelas mempunyai objektif yang signifikan dalam usaha membangunkan negara. Dari sudut yang lain, dasar-dasar tersebut sebenarnya secara tidak langsung telah membuka jalan yang lebih luas kepada pembentukan sebuah negara bangsa moden di Malaysia pasca kemerdekaan. Antara dasar-dasar tersebut termasuklah Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971), Dasar Ekonomi Baru (1971), Wawasan 2020 (1991) dan 1Malaysia (2009).

Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) diperkenalkan pada tahun 1971. Fokus utama pembentukan dasar tersebut adalah kelak ia akan menjadi garis panduan dalam membentuk, mewujudkan dan mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa. Ia digubal dengan mempertimbangkan fakta-fakta perkembangan sejarah serantau dan kedudukan negara ini sebagai pusat pertemuan serta pusat tamadun dan perdagangan sejak dua ribu tahun yang lalu. Perannya sebagai sebuah pusat pertemuan, telah melahirkan proses interaksi, pengenalan, penyerapan dan penerimaan pelbagai unsur-unsur yang sesuai kepada kebudayaan asas rantau ini dari unsur-unsur kebudayaan dunia. Oleh yang demikian, DKK ditetapkan oleh kerajaan ketika itu berdasarkan tiga prinsip utama. Prinsip yang pertama, berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Kedua, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai wajar diterima seperti unsur-unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain. Ketiga, Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan (Dasar Kebudayaan Kebangsaan, 1971). Dari sudut pembinaan negara bangsa, DKK jelas berusaha membentuk Bangsa Malaysia dari sudut budaya. Asasnya adalah Islam, kemudian diikuti dengan kebudayaan rakyat asal rantau ini dan diperkukuhkan oleh unsur-



unsur luar yang sesuai dan wajar diterima seperti budaya Cina, India, Arab dan Barat. Itulah kekuatan DKK dalam membentuk negara Bangsa Malaysia moden.

Dasar seterusnya ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB juga diperkenalkan pada tahun 1971. Pelaksanaan DEB mempunyai akar dari permasalahan yang berlaku bermula di zaman penjajahan British. Perkara tersebut berkait rapat dengan dasar yang dilaksanakan British ketika itu yang menyebabkan masyarakat yang tinggal di Tanah Melayu terasing dari segi tempat tinggal dan jenis pekerjaan yang dilakukan. Perkara tersebut telah menjadi sebab utama berlakunya jurang kemiskinan antara kaum terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan. Lebih memburukkan keadaan, masalah jurang kemiskinan antara kaum tersebut telah mewujudkan hubungan antara kaum menjadi semakin buruk dan telah mencetuskan tragedi rusuhan perkauman 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Justeru, tragedi tersebut telah memaksa kerajaan untuk mewujudkan satu dasar yang bersepadu. Maka lahirlah DEB pada tahun 1971 dengan menetapkan strategi pelaksanaan serampang dua mata. Strategi yang pertama ialah mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum. Strategi yang kedua pula ialah menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi (Dasar Ekonomi Baru, 1971). Dari sudut pembinaan negara bangsa, DEB jelas berusaha membentuk bangsa Malaysia dengan menyusun semula ekonomi negara agar kemakmuran ekonomi negara dapat dinikmati bersama tanpa mengira keturunan. Asas DEB adalah jelas, pembentukan bangsa Malaysia dari sudut ekonomi tidak akan mengambil kira keturunan sebagai keutamaan.

Dasar seterusnya adalah Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991. Wawasan 2020 merupakan kesinambungan kepada DEB yang berakhir pada tahun tersebut kerana tempoh masa perlaksanaannya adalah selama 20 tahun. Tidak seperti dasar-dasar sebelum ini, Wawasan 2020 dengan jelas menyatakan bahawa adalah penting bagi Malaysia untuk mewujudkan Bangsa Malaysia mengikut acuan Malaysia sendiri (Mohamad Rodzi, 2009). Perdana Menteri ketika itu berpendapat bahawa Wawasan 2020 adalah sebuah cita-cita yang berhasrat membentuk Malaysia menjadi negara yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 mengikut acuannya sendiri. Bagi beliau, kemajuan yang ingin ditekankan dalam pembentukan negara bangsa di Malaysia bukan sahaja terdiri daripada kemajuan dari sudut ekonomi, tetapi juga merangkumi aspek-aspek lain seperti kerohanian dan spiritual. Selain itu, Wawasan 2020 juga boleh dianggap sebagai satu idea atau matlamat yang sangat bermanfaat untuk dicapai. Ia memberikan suatu panduan dan pedoman kepada hala tuju yang ingin dicapai oleh negara. Bagi merealisasikan Wawasan 2020, Perdana Menteri ketika itu telah menyenaraikan sembilan cabaran yang perlu dihadapi oleh negara. Dari Sembilan cabaran tersebut, cabaran yang pertama ialah mewujudkan Bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama, wujud integrasi diperingkat wilayah dan wujud hubungan antara kaum berasaskan hak dan keadilan (Mahathir, 1992).

Dasar yang terakhir ialah 1Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri ke-6 pada tahun 2009. Gagasan 1Malaysia merupakan pelengkap kepada pendekatan sedia ada ketika itu untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan ke arah mencapai kemajuan dan pembanguna yang lebih tinggi. Selain itu, gagasan 1Malaysia juga adalah bertujuan memupuk

perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Dengan mengetengahkan slogan ‘rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan’ jelas menunjukkan gagasan 1Malaysia menekankan bahawa setiap rakyat Malaysia yang berkelayakan dan memerlukan bantuan serta pertolongan akan dibantu kerana setiap anak Malaysia adalah potensi modal insan yang penting kepada Malaysia. Gagasan 1Malaysia akan memastikan tiada rakyat Malaysia yang terpinggir. Dasar tersebut mengengahkan tiga teras utama termasuklah penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial (1Malaysia: Satu Perspektif Psikologi, 2010). Dari sudut pembinaan negara bangsa, gagasan 1Malaysia dilaksanakan seiring dengan peredaran zaman dan situasi masyarakat Malaysia ketika itu. Penggunaan istilah ‘1Malaysia’ juga jelas menggambarkan masyarakat Malaysia yang berbeza dari sudut keturunan dan agama dibentuk menjadi satu masyarakat atau dengan erti kata mudahnya, sebuah Bangsa Malaysia.

Sebagai penggulungan, secara tersuratnya, keempat-empat dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan tersebut jelas mempunyai objektif yang berbeza-beza, seiring dengan keadaan masyarakat ketika itu dan memberi keutamaan terhadap perpaduan rakyat dari segenap sudut. Namun secara tersiratnya pula, kesemua dasar tersebut sebenarnya ke arah membentuk sebuah masyarakat Malaysia sebagai satu unit masyarakat yang bersatu. Atau dalam istilah mudah, Bangsa Malaysia yang bersatu. Secara perbandingan pula, Wawasan 2020 merupakan dasar yang secara jelas menyebut mengenai pembentukan Bangsa Malaysia. Wawasan 2020 juga menyatakan bahawa negara perlu menghadapi dan menangani cabaran untuk membentuk sebuah Bangsa Malaysia yang bersatu.

## **KONSEP KELUARGA MALAYSIA**

Konsep Keluarga Malaysia telah dicetuskan oleh YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, pada 22 Ogos 2021 dalam ucapan sulung beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kesembilan. Secara umum, konsep Keluarga Malaysia merupakan semangat yang akan diterapkan oleh kerajaan dalam pentadbiran negara, yang mana kepentingan dan kesejahteraan rakyat akan terus dipelihara sama seperti menjaga sebuah keluarga. Sebagai contoh mudah dalam sebuah keluarga, andai kata ada dalam kalangan anak yang lemah dari sudut pembelajaran, sudah tentu keutamaan dan tumpuan akan lebih diberikan kepada anak tersebut. Apatah lagi jika ada ahli keluarga yang kurang bernasib baik dalam kehidupan, pasti bantuan akan dighulurkan dan tidak membiarkan anak tersebut bersendirian. Begitulah juga dalam pentadbiran kerajaan yang bakal dipacu melalui konsep Keluarga Malaysia. Golongan B40 dan M40 yang terkesan akibat pandemik Covid-19 akan diberi fokus dan keutamaan dalam mendapat manfaat dan bantuan kerajaan. Di samping itu, dalam usaha memberi keutamaan terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, negeri-negeri yang kurang membangun akan terus diberi keutamaan. Terdapat enam negeri-negeri yang bakal diberi keutamaan khusus dalam usaha pembangunan ini. Negeri-negeri tersebut termasuklah Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Perkara utama yang akan diberi tumpuan khusus di negeri-negeri tersebut adalah merapatkan jurang pembangunan ekonomi antara negeri, wilayah, bandar dan luar bandar, agar kemakmuran ekonomi dapat dinikmati secara adil dan saksama (Teks Ucapan Sempena Pelancaran Keluarga Malaysia, 2021).

Secara rasionalnya, pendekatan Keluarga Malaysia adalah lebih bersifat inklusif. Dari sudut istilah, inklusif membawa maksud merangkumi segala perkara dan ianya tidak terkecuali. Selain itu, istilah inklusif juga membawa maksud pembangunan dan pertumbuhan negara yang merangkumi segenap lapisan masyarakat secara adil. Ia merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum. Tanpa mengira lapisan usia, konsep Keluarga Malaysia merangkumi sama ada anak muda, mahupun yang telah berusia. Dalam hal ini, penggunaan konsep tersebut adalah kerana keutuhan negara yang terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna yang sudah sedia wujud di Malaysia sejak dulu lagi. Secara mudah, Keluarga Malaysia ialah sebuah entiti yang saling melengkapi. Ia umpama anggota tubuh yang saling memerlukan. Dengan menerapkan nilai kekeluargaan, konsep Keluarga Malaysia telah mengikat semua anggota masyarakat dengan nilai keluarga yang kukuh (Keluarga Malaysia, 2021).

Dari sudut pelan komunikasi, Keluarga Malaysia diinterpretasikan sebagai sephohon pokok yang rendah. Pokok tersebut mempunyai akar, batang dan daun. Bermula dari akar yang menjadi asas konsep Keluarga Malaysia. Justeru, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara merupakan akar yang kukuh kepada asas konsep tersebut. Seterusnya, batang pohon Keluarga Malaysia adalah nilai-nilai dan ciri-ciri yang terdapat dalam elemen konsep Keluarga Malaysia itu sendiri. Dan bahagian yang terakhir ialah daun. Daun diinterpretasikan sebagai pelaksanaan untuk merealisasikan konsep Keluarga Malaysia itu sendiri (Keluarga Malaysia, 2021).

Lanjutan daripada itu, nilai dan ciri-ciri dalam konsep Keluarga Malaysia juga mempunyai *messaging house* yang tersendiri. Ia diibaratkan seperti sebuah rumah. Bermula dari visi Malaysia, diikuti dengan matlamat, seterusnya hala tuju strategik, diikuti dengan bidang tumpuan utama dan akhir sekali mesej keseluruhan. Bagi visi Malaysia, ia bertujuan untuk memulihkan negara, mencapai status negara maju untuk Malaysia dan menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Seterusnya untuk matlamat, Keluarga Malaysia sebagai aspirasi jangka masa panjang yang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi berlandaskan keberhasilan kebahagiaan. Manakala bagi hala tuju strategik pula, konsep Keluarga Malaysia akan memastikan rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan berganding bahu untuk memulihkan negara daripada impak-impak negatif akibat pandemik Covid-19. Dari sudut bidang tumpuan utama pula, terdapat tiga bidang yang diberi keutamaan. Bidang yang pertama ialah memulih semula dan merapatkan jurang ekonomi. Yang kedua ialah menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia di bawah naungan Keluarga Malaysia. dan yang terakhir ialah mengetepikan perbezaan politik untuk mencapai kestabilan (Keluarga Malaysia, 2021).

Selaras dengan nilai dan ciri-ciri yang terdapat dalam konsep Keluarga Malaysia itu, ia telah melahirkan tiga nilai pelan komunikasi. Tiga pelan tersebut termasuklah keterangkuman (*inclusivity*), kebersamaan (*common ground*) dan kesyukuran (*contentment*). Bagi nilai pelan komunikasi keterangkuman (*inclusivity*), ia dipetik dari ucapan sulung perdana menteri pada 22 Ogos 2021. Ucapan tersebut menyebut mengenai saling menghormati dan mengasihi sesama ahli keluarga. Dalam hal ini, terdapat tujuh pengkayaan nilai yang diwujudkan dari nilai keterangkuman tersebut. Nilai yang pertama tersebut termasuklah menyemai budaya integriti dalam keluarga. Diikuti nilai yang kedua untuk menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga. Seterusnya nilai yang ketiga, menjadikan prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan

keluarga. Lanjutan dari itu, nilai keempat adalah menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga. Ditambah lagi dengan nilai kelima, menerapkan budaya ilmu dalam masyarakat dan keluarga. Seperkara lagi, nilai keenam adalah memberi fokus kepada penyuburan budaya komunikasi berhemah dalam kalangan keluarga dan masyarakat. Dan nilai yang terakhir ialah membina akhlak mulia dalam seluruh anggota keluarga. Ringkasnya, keterangkuman adalah asas utama dalam nilai pelan komunikasi ini (Keluarga Malaysia, 2021).

Dari sudut nilai pelan komunikasi yang kedua pula, ia merujuk kepada nilai kebersamaan (*common ground*). Nilai yang kedua ini juga dipetik dari ucapan sulung perdana menteri pada 22 Ogos 2021. Dalam ucapan yang sama, perdana menteri menyentuh mengenai hal berkaitan sentiasa mencari titik persamaan dalam segenap perkara. Selain itu, rakyat harus memiliki pemikiran yang terbuka dan senang bekerjasama. Dalam masa yang sama, toleransi adalah penting terhadap sebarang perbezaan secara berprinsip dan rakyat harus bersepakat dan bersatu dalam menghadapi cabaran. Dalam hal ini, terdapat lapan pengkayaan nilai yang diwujudkan dari nilai kebersamaan tersebut. Nilai yang pertama termasuklah kebergantungan terhadap keluarga. Diikuti nilai kedua, membudayakan amalan uhsan dalam memupuk semangat kebersamaan keluarga. Hal ini diikuti dengan nilai yang ketiga yang memastikan suasana harmoni dapat dikecapi seluruh ahli keluarga. Selain itu, nilai yang keempat pula memberi fokus kepada menyemai budaya khidmat dalam keluarga bagi membantu ahli yang memerlukan bantuan. Bagi nilai yang kelima, maruah dan kehormatan keluarga harus dijaga. Sehubungan dengan itu, nilai yang keenam menerapkan budaya kesabaran dalam mengekalkan keharmonian keluarga. Dan nilai yang terakhir ialah menyemai semangat keamanan dan kesejahteraan dalam diri ahli keluarga. Oleh hal yang demikian, nilai pelan komunikasi yang kedua ini mengetengahkan perkara seperti bersatu padu, prihatin dan transformasi politik (Keluarga Malaysia, 2021).

Dari sudut nilai pelan komunikasi yang ketiga, ia merujuk kepada nilai kesyukuran (*contentment*). Seperti juga nilai yang pertama dan kedua, nilai yang ketiga ini juga dipetik dari ucapan sulung perdana menteri pada 22 Ogos 2021. Dalam ucapan yang sama, perdana menteri menyentuh mengenai hal berkaitan sentiasa bersyukur, berterima kasih dan menghargai dan memahami sejarah negara. Dalam hal ini, terdapat lima pengkayaan nilai yang diwujudkan dari nilai kebersamaan tersebut. Nilai yang pertama ialah beriman. Diikuti dengan nilai yang kedua mengenai membudayakan amalan sihat fizikal dan mental. Selain itu, nilai yang ketiga pula ialah mengenai pengekalan tradisi dan adat kekeluargaan. Bagi nilai keempat, kasih sayang amat diutamakan. Dan nilai yang terakhir adalah mengenai hormat dan taat. Tuntasnya, nilai pelan komunikasi yang ketiga ini sangat mementingkan keharmonian dan kecintaan (Keluarga Malaysia, 2021).

Secara tuntas mengenai konsep Keluarga Malaysia, konsep tersebut telah dicetuskan ideanya oleh YAB Dato' Ismail Sabri Yaakob, pada 22 Ogos 2021 dalam ucapan sulung beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9. Konsep Keluarga Malaysia adalah semangat yang akan diterapkan oleh kerajaan dalam pentadbiran negara, yang mana kepentingan dan kesejahteraan rakyat akan terus dipelihara sama seperti menjaga sebuah keluarga. Dan yang lebih penting, ia bagi memastikan negara mampu untuk terus bertahan di fasa endemik Covid-19.

## **KONSEP KELUARGA MALAYSIA DAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA: KETERIKATAN YANG INKLUSIF**

Bagi dasar-dasar negara sebelum ini, setiap satunya mempunyai kekuatan dan objektifnya yang tersendiri dan ia dapat dikaitkan dengan usaha ke arah pembinaan negara bangsa. Begitu juga halnya dengan konsep Keluarga Malaysia. Secara umum, konsep tersebut dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-9. Yang mana beliau menjawat jawatan tersebut ketika negara tiba ke fasa endemik Covid-19 setelah hampir dua tahun negara bergelut dengan wabak maut tersebut. Sepanjang dua tahun bergelut dengan Covid-19, segala urusan dan dasar negara terpaksa diketepikan terlebih dahulu untuk memberi fokus dalam menangani Covid-19. Pada fasa endemik Covid-19, sedikit demi sedikit perkara-perkara berkaitan negara yang tertunda akan disambung kembali termasuklah hal berkaitan pembinaan negara bangsa.

Keterikatan pertama mengenai konsep Keluarga Malaysia dalam membina negara bangsa adalah dari sudut sifat asas konsep tersebut. Secara asas, keluarga Malaysia bersifat penglibatan rakyat bermula dari bawah. Sifat cinta dan kasih yang disemai dan diterapkan melalui konsep tersebut merentasi segala aspek. Aspek-aspek tersebut termasuklah agama, keturunan, warna kulit dan sempadan negeri (Al-Azhari, 2021). Justeru, jika sifat asas dalam konsep Keluarga Malaysia itu dibincangkan, ia sangat bertepatan dengan konsep asas pembinaan negara bangsa moden. Dari sudut merentasi dari segala aspek, ia sebenarnya sedang dalam proses membentuk persamaan antara masyarakat. Persamaan itulah sifat asas dalam membentuk negara bangsa dalam kalangan masyarakatnya.

Keterikatan yang kedua mengenai konsep Keluarga Malaysia dalam membina negara bangsa adalah dari sudut politik dan kestabilan negara. Secara umum, Malaysia telah melalui fasa pertukaran perdana menteri sebanyak tiga kali dalam tempoh tiga tahun. Perkara tersebut menunjukkan keadaan politik dan kestabilan negara yang agak tidak kukuh. Dalam hal ini, konsep Keluarga Malaysia mendasarkan usaha untuk memberi ruang kepada semua parti politik tanpa mengira kerajaan atau pembangkang untuk sama-sama berganding bahu dalam membina negara. Hal tersebut tidak hanya cakap kosong kerana ia diterjemahkan ke dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik yang ditandatangani oleh pihak kerajaan dan parti pembangkang pada 13 September 2021. Hal tersebut dilakukan demi kepentingan rakyat dan negara khususnya dalam menangani Covid-19 (Mohd Iskandar, 2021). Justeru, jika sudut politik dan kestabilan negara dalam konsep Keluarga Malaysia itu dibincangkan, ia juga boleh dirujuk sebagai salah satu elemen yang terdapat dalam konsep pembinaan negara bangsa moden. Hal ini kerana Malaysia terkenal dengan masyarakatnya yang berbilang kaum, begitu juga halnya dengan perkara-perkara yang melibatkan parti politik dan perjuangannya yang juga melibatkan perkara berkaitan kepelbagaian kaum. Maka, jika konsep Keluarga Malaysia berjaya membawa ahli-ahli politik dari latar belakang keturunan yang berbeza untuk bersama-sama berkerja, ia adalah satu usaha yang jelas ke arah membina negara bangsa.

Keterikatan yang ketiga mengenai konsep Keluarga Malaysia dalam membina negara bangsa adalah dari sudut ekonomi. Setelah hampir dua tahun bergelut dengan Covid-19, antara perkara yang terkesan dalam kalangan rakyat dan juga urusan negara adalah hal berkaitan

ekonomi. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan telah menyebabkan pergerakan rakyat terbatas. Apabila pergerakan terbatas, maka ekonomi negara menjadi perlahan. Dan yang lebih menyedihkan, PKP tersebut telah menimbulkan masalah yang terkait dengan ekonomi. Antaranya termasuklah hilang mata pencarian, norma kehidupan dan ekonomi berubah kerana terperap begitu lama di rumah, terpaksa menyisihkan dari masyarakat akibat PKP, kadar masalah mental yang semakin tinggi dan masalah yang timbul dari proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR). Justeru, negara dan rakyat memerlukan perubahan dan pembaharuan model ekonomi negara yang dapat menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi (Irwan, 2021). Justeru, jika masalah dari sudut ekonomi itu dibincangkan, konsep Keluarga Malaysia adalah sebuah konsep yang inklusif, yang merangkumi segenap aspek kehidupan rakyat tanpa mengira keturunan dan kepercayaan. Selagi seseorang individu adalah rakyat Malaysia, individu tersebutlah yang akan dibantu. Merujuk asas Keluarga Malaysia yang bersifat inklusif, merentasi sempadan kaum dan agama, rakyat diikat nilai kekeluargaan dan ia disemai oleh nilai-nilai yang sempurna ibarat dalam sebuah keluarga. Namun hal yang lebih jelas, bantuan ekonomi kepada rakyat diberikan atas nilai kebersamaan sebagai rakyat Malaysia. Itulah elemen asas pembinaan negara bangsa.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, Keluarga Malaysia adalah sebuah dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam usaha mendepani fasa endemik Covid-19 dari segenap sudut. Setelah hampir dua tahun bergelut dengan wabak Covid-19, negara dan rakyat terkesan dari segenap sudut seperti politik, ekonomi dan sosial. Maka, negara dan rakyat memerlukan perubahan dan pembaharuan yang dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Bermula dengan kes Covid-19 pertama yang dicatatkan di Malaysia pada Januari 2020 dan pelaksanaan PKP pada 18 Mac 2020, segala urusan kerajaan terpaksa diketepikan terlebih dahulu untuk membendung wabak Covid-19 yang melanda negara ketika itu. Kini negara bakal memasuki fasa endemik Covid-19 pada suku keempat 2021. Justeru, segala urusan negara dan kehidupan rakyat akan kembali seperti biasa sedikit demi sedikit. Begitu juga dengan konsep Keluarga Malaysia yang dilaksanakan, yang mana secara tersiratnya ke arah pembentukan negara bangsa yang dipanggil Bangsa Malaysia.

Secara umum, terdapat beberapa konsep negara bangsa yang telah muncul pada era pra-kemerdekaan. Terdapat tiga idea asas pembentukan negara bangsa yang wujud pada era pra-kemerdekaan. Antaranya termasuklah negara bangsa berkonsepkan Islam. Kedua, negara bangsa berkonsepkan Nusantara dan yang ketiga negara bangsa berkonsepkan majmuk berteraskan etnik Melayu/Islam. Bagi idea negara bangsa pula, telah wujud beberapa bentuk idea seperti Melayu Raya, Malayan Union dan sehinggalah terbentuknya negara bangsa Persekutuan Tanah Melayu ketika negara mencapai kemerdekaan. Manakala terbentuknya gagasan Malaysia selepas itu telah mengukuhkan lagi pembentukan negara bangsa.

Pada era pasca kemerdekaan juga telah menyaksikan kerajaan berusaha untuk mengetengahkan beberapa dasar untuk mengukuhkan lagi pembinaan negara bangsa di Malaysia. Antara dasar-dasar tersebut termasuklah Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Ekonomi baru,

Wawasan 2020, 1Malaysia dan yang terkini ialah Keluarga Malaysia. Keluarga Malaysia yang muncul di era endemik Covid-19 merupakan penyelesaian dari pihak kerajaan dalam menangani masalah yang timbul akibat dari wabak tersebut. Yang lebih jelas, Keluarga Malaysia cuba menjadi dasar yang tersendiri berbanding dasar sebelumnya seiring dengan situasi semasa negara masa kini. Namun, dari semua dasar yang dibincangkan, Wawasan 2020 merupakan dasar yang secara jelas menyatakan mengenai pembentukan Bangsa Malaysia berbanding dasar yang lain.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa konsep Keluarga Malaysia merupakan sebuah dasar yang memperkukuhkan pembinaan negara bangsa di Malaysia. Ia dibuktikan berdasarkan tiga elemen yang mendasari asas dalam memperkukuhkan pembinaan negara bangsa dalam mendepani fasa endemik Covid-19 di Malaysia. Yang pertama ialah sifat asas yang diterapkan dalam Keluarga Malaysia. Sifat asas tersebut termasuklah cinta dan kasih yang disemai dan diterapkan melalui konsep tersebut merentasi segala aspek seperti agama, keturunan, warna kulit dan sempadan negeri. Yang kedua ialah memperbaiki kembali ketidakstabilan politik negara dengan cara membawa ahli-ahli politik yang secara asasnya mempunyai latar belakang keturunan yang berbeza untuk bekerjasama dalam menangani masalah yang sedang dihadapi oleh negara dan rakyat. Dan yang terakhir ialah merencanakan kembali ekonomi negara dengan mengutamakan bantuan kepada rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang keturunan dan agama. Kesemua hasil dapatan kajian tersebut secara jelasnya memperkukuhkan pembinaan negara bangsa di Malaysia.

## RUJUKAN

- 1Malaysia: Satu Perspektif Psikologi. (2010). Putrajaya: Jabatan Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2006). Negara-Bangsa Proses dan Perbahasan. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Boestamam. (1946). Testament Politik A.P.I. Kuala Lumpur: The Malayan Printers.
- Al-Azhari Siddiq Kamunri. (2021, 24 Ogos). Apa dia 'Keluarga Malaysia'? Malaysiakini. Diakses pada 25 Nov 2021 dari <https://www.malaysiakini.com/letters/588404>
- Burhanuddin bin Mohd. Noor. (1962, 1 Mei). Melayu Raya. Perbahasan Parlimen. Diakses pada 23 Nov 2021 dari <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR01051962.pdf#page=66&zoom=100&search=burhanuddin%20helmi>
- Cheah, B. K. (2002). Malaysia the Making of a Nation. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Dasar Ekonomi Baru. (1971). Laman Sesawang Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Diakses pada 24 Nov 2021 dari [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR\\_EKONOMI\\_BARU.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf)

- Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (1971). Laman Sesawang Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Diakses pada 23 Nov 2021 dari <https://www.pmo.gov.my/ms/2019/07/dasar-kebudayaan-kebangsaan/>
- Fernando, J. M. (2007). Federal Constitutions, A comparative study of Malaysia and the United States. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Hasnah Hussiin. (2010). Isu-isu Negara Bangsa Abad Ke-21. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Hickling, R. H. (1960). An introduction to the Federal Constitutional. Kuala Lumpur: Federation of Malay information services, Kuala Lumpur.
- Irwan Shah Zainal Abidin. (2021, 17 Sept). Lensa Baharu Ekonomi Berteras Konsep Keluarga Malaysia. Berita Harian. Diakses pada 25 Nov 2021 dari <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/09/865122/lensa-baharu-ekonomi-berteras-konsep-keluarga-malaysia>
- Iskandar Kamel Agastya. (1951). Sedjarah perjuangannya di Malaya. Jogjakarta: Penerbit Nusantara.
- Keluarga Malaysia. (2021). Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri.
- Kronologi Covid-19 di Malaysia. (2020, 17 Mac). Berita Harian. Diakses pada 23 Nov 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>.
- Mahathir Mohamad. (1992). Towards a United Malaysian Nation. Ucapan pada makan malam United Malaysian Nation by the year 2020. Kuala Lumpur. 31 Januari.
- Mohamad Rodzi Abdul Razak. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Jebat. (36): 90-106.
- Mohd Ashraf Ibrahim. (2004). Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Ashraf Ibrahim. (2010). Pembentukan Negara Bangsa di Malaysia 1945-1974. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Iskandar Ibrahim. (2021, 3 Oktober). RMK-12 Dirangka Berdasarkan Penyatuan, Semangat Rakyat. Berita Harian. Diakses pada 25 Nov 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/871967/rmk-12-dirangka-berdasarkan-penyatuan-semangat-rakyat>
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz. (2015). Kontrak sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati diri Bangsa Malaysia Merdeka. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nazarali Saeril. (2021, 5 September). Endemik, Epidemik dan Pandemi. Harian Metro. Diakses pada 23 Nov 2021 dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/09/751083/endemik-epidemik-dan-pandemik>.



Shamsul Amri Baharuddin. (2006). Kertas Kerja Ucapama Seminar Kebangsaan Pengajian Umum. Anjuran Universiti Teknologi Malaysia. 13-14 Jun.

Sri Ayu Kartika Amri. (2021, 6 September). Suku Keempat Dijangka Rancak. Harian Metro. Diakses pada 23 Nov 2021 dari <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/751412/suku-keempat-dijangka-rancak>.

Teks Ucapan Sempena Pelancaran Keluarga Malaysia. (2021, 23 Oktober). Laman Sesawang Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Diakses pada 7 November 2021 dari

<https://www.pmo.gov.my/2021/10/teks-ucapan-sempena-pelancaran-keluarga-malaysia/>.

## ECONOMIC TRANSFORMATION: A STUDY OF THE MAH MERI ORANG ASLI COMMUNITY OF SUNGAI BUMBUN VILLAGE IN CAREY ISLAND, BANTING

Mohamad Basri Jamal, Nurul Sayang Abd. Rashid, Norshahrul Marzuki Mohd Nor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

*This study was conducted to examine the economic transformation of the Mah Meri Orang Asli community, the majority ethnic grouping in Sungai Bumbun Village in Carey Island. The objectives of the study were to analyse the economic development of the community, identify the factors that facilitated this economic progress, and ascertain the effects of economic transformation on the present day Mah Meri people. Handicraft and culture were the two main economic sources of the community for their livelihood. Natural resources from the forest such as kayu nyireh provided the Mah Meri with the raw materials to produce unique carvings. Transformation initiatives implemented by the government brought positive impact to the economic development of the community especially in securing economic resources for the villagers. The factors that led to economic change for the Mah Meri were assistance from the Malaysian government channelled through the Department of Orang Asli Development (JAKOA), their suburban location, the self-reliant and independent nature of the community, and aid from non-governmental organisations (NGOs) such as Badan Insaf Malaysia and independent bodies. The economic transformation of the Mah Meri was reflected in an increased income level, improvement of facilities and environment, creation of social interaction, and eco-tourism.*

**Keywords:** *Economic resources, economic transformation, economic development, Mah Meri, handicraft and culture.*

### Introduction

Transformation involves a process of change towards something that is better. Noor Yazlind (2012) proposes transformation as leaping, moving, changing or shifting from a place, condition or situation towards a new destination. At the same time, transformation affects the shape, structure and operational mode in the management of needs of self, society and nation. Transformation is a change process related to human life that consists of social, cultural, political and economic changes (Yahaya Ibrahim, 2009).

Economy is a term derived from the Greek “oikou” (house) and “nomos” (law) (Emmanuel Gerrit Singgih, 2000). It is important in the daily life of individuals, groups, firms and industry. According to Mazdan (2016), economy is a form of social science study that emphasises research related to the manner in which society utilises limited production resources such as worker, land, capital and entrepreneur to fulfil unlimited society needs. In Malaysia’s economic transformation process, the population is encouraged to participate in entrepreneurship activities. The Orang Asli

are among the those involved in the development process of the country with the focus on transitioning from a traditional form of economy to one that is current or modern. Many in the Orang Asli community in Malaysia are involved in entrepreneurship with their products mostly carving handicraft. The Orang Asli, an indigenous population found in Peninsular Malaysia, practise their own particular lifestyle based on their local surroundings (Ramle Abdullah, 2014) and are often perceived as the country's original inhabitants. Population statistics in 2011 estimated the Orang Asli population to be 178,197 with a 6.4% poverty incidence which was higher than the targeted 2.8% poverty rate in December 2010 (Razalee Sedek & Oui Pek Gee; Abdul Ghafar et al., 2018).

In Peninsular Malaysia, three Orang Asli ethnic groupings predominate: the Negrito (comprising the Kintak, Kensiu, Jahai, Mendrik, Bateq and Lanoh sub-groups), Senoi (Temiar, Semai, Chewong, Jah-Het, Semaq Beri and Mah Meri (Ma'Batisek) sub-groups), and Proto-Malay (Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar and Orang Kuala sub-groups) (Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini, 2018). In terms of administration, the management of Orang Asli affairs fall under the purview and jurisdiction of the Department of Orang Asli Development (JAKOA).

According to Mohamad Anis, Rohayu and Tun Ili Ayuni (2018), the Orang Asli are more prone towards self-sustaining and not-for-profit economic activities, a practice which oftentimes invariably keeps the community in the grips of poverty. The Senoi Mah Meri is however an exception to this norm: although this sub-group practises a similar self-sustaining economic outlook (Ramle Abdullah, 2014), they are receptive to the notion of economic activities that provide economic gains (Mohamad Anis, Rohayu & Tun Ili Ayuni, 2018). From a self-sustaining economic outlook as their mainstay, the Mah Meri has progressed to second and third sector economic levels. Rohayu, Yusmarwati, Halizah and Sarebah (2017) reported that the Mah Meri as renown and popular with their carvings and cultural dances among tourists; the community's handicraft has in fact paved the way for their inclusion and participation in the tourism industry and entrepreneurship with the sale of their products expanding beyond their villages into towns or developed areas (Mohamad Anis Mohamad Asri, Rohayu Roddin, & Tun Ili Ayuni Ahmad Asri, 2018).

### **Statement of Problem And Research Objectives**

The Mah Meri is perceived as an Orang Asli community more open or receptive to economic change compared to the Negrito ethnic sub-groups such as the Bateq (Ramle Abdullah, 2014). This receptiveness could be attributed to a higher awareness among the Mah Meri to view every development plan and programme positively and their readiness at being self-reliant (Rohayu, Yusmarwati, Halizah & Sarebah, 2017).

The Mah Meri has been receptive to the transformation of their economic activities from being merely self-sustaining endeavours to becoming international market level enterprises (Mohamad Anis, Rohayu, & Tun Ili Ayuni, 2018). The economic development demonstrated by the Mah Meri of Sungau Bumbun could be attributed to the government implementation of the One District One Industry (SDSI) initiative through exhibitions and demonstrations. The Mah Meri here are comparatively more developed economically than their counterparts in other Selangor villages such as Jugra, Bukit Mangkok and Tanjong Sepat.

At the beginning stage of the transformation, the Mah Meri people had depended wholly on assistance provided by the government. This assistance helped pave the way for the community to become more independent and able to diversify their income resources. The Mah Meri were able to form networks between their community and other communities in their locality to conduct face-to-face buying and selling activities. In addition, they became adept at conducting online marketing and business transactions to further increase their sales and subsequent profits (Rohayu, Yusmarwati, Halizah & Sarebah, 2017).

The economic transformation that was embarked on successfully attracted both local and international visitors to earmark Sungai Bumbun Village as a tourist destination. This positioning in the tourism map created a cascade of benefits for the Orang Asli not only in terms of economic profit and gain but also job opportunity and the subsequent positive impacts to Malaysia's economy in the tourism and entrepreneurship sectors. Ramlee Abdullah (in Ma'Rof Redzuan & Sarjit S. Gill, 2008) suggested that the government had had an integral role in this economic transformation through provisions or policies in the New Economic Policy (NEP) which were translated into various development programmes such as land development, agricultural machinery assistance and entrepreneurship training and guidance. Ramle Abdullah (2014) contended that the collaborative initiatives between JAKOA and other government agencies such as FELDA and FELCRA helped facilitate the economic progress of the Orang Asli.

The Mah Meri is among the Orang Asli groupings who openly embrace economic transformation. According to Rohayu Roddin et. al (2017), the economic change process experienced by the Mah Meri could be attributed to JAKOA, government agencies, NGOs and the community's own readiness to adapt and fully maximise the available change opportunities presented to them. Doris Padmini Selvaratnam, Norlaila Abu Bakar and Nor Aini Idris (2012) contended that economic development, specifically in the tourism sector, was a major contributing factor to overcoming the issue of poverty among the Orang Asli. Economic transformation through various business activities such as handicraft products, diversified business practices and tourism enables the community to shift from a self-sustaining type of practice to one that is profit-focused or income generation.

This economic transformation however has brought both positive and negative impacts in the daily life of the Orang Asli. Among these effects are increased income lines and with it a decrease in poverty rate (Ramle Abdullah, Ma'Rof Redzuan, & Sarjit S. Gill, 2008). Orang Asli settlements in suburban areas would invariably be subject to impacts and benefits of development earlier compared to their counterparts residing in rural or remote localities (Doris Padmini Selvaratnam, Norlaila Abu Bakar, & Nor Aini Idris, 2012). While economic development hastens the economic transformation of the community, it at the same time in many instances would lead to the destruction of forest resources which are the mainstay of Orang Asli livelihood (Lee Hou Zei, Vivien W.C. Yew, Azima A.M, Mal Kong Sia, & Geraldine K.L. Chan, 2018).

In a review of past researches, this study found a lack of investigation related to the aspect of the Mah Meri Orang Asli economic transformation in Sungai Bumbun Village. The available researches had mostly focused on ethnography-related aspects of the Mah Meri namely background, lifestyle, social interaction and culture. This study therefore was aimed at identifying the extent at which economic transformation had occurred in this particular Orang Asli community in Carey Island's Sungai Bumbun Village.

## Literature Review

A study by Lee Hou Zeil, Vivien W.C. Yew, Azima A.M., Mal Kong Sia and Geraldine K.L. Chan (2018) investigated the socio-economic change of the Jakun Orang Asli in RPS Runchang in the Malaysian state of Pahang as a result of the Orang Asli Resettlement Plan. The villagers agreed that RPS had indeed impacted their lives by transforming them from a community that was dependent on forest resources for their livelihood to a group that had embarked on industrial and restaurant sectors work. The RPS had significantly impacted the income level of households, the number of people with access to healthcare and literacy acquisition.

Rohayu, Yusmarwati, Halizah and Sarebah (2017) investigated the transformation value of the Mah Meri Orang Asli in the aspect of indigenous tourism. This transformation was found to positively impact life in terms of economy, social, physical surroundings and mindset development. The introduction of the programme “One District One Industry” by JAKOA encouraged the Sungai Bumbun Mah Meri community to expand and diversify their handicraft and cultural-based products which subsequently led to the introduction of indigenous tourism. This business venture created a positive impact on the mindset of the people whereby they became more receptive to change.

In terms of the sustainability of the socio-economic development transformation of the Orang Asli, Mohd Nur Syufaat Jamiran and Seow Ta Wee (2017) reported that many programmes implemented by the government, JAKOA and NGOs gave rise to issues such as decreasing land area owned by the community and adulteration or erosion of traditional culture due to cultural intermingling. To create a sustainable socio-economic development transformation for the Orang Asli, various initiatives were implemented; among these were the Payment for Environmental Services (PES) system, integration of communication networks, entrepreneurship and skills courses, and Jungle School. To ensure the rights of the Orang Asli were protected and upheld, the government introduced the Orang Asli Act 1954<sup>83</sup>, Orang Asli Administrative Policy 1974, *Rancangan Pengumpulan Semula* (RPS) and *Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli dalam Masyarakat Modern 1978*.

## Economic Development

A study by Doris Padmini Selvaratnam et.al (in Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail, & Zulkefli Aini, 2018) which focused on the factors of socio-cultural and economic well-being of the Orang Asli in the village of Kachau Luar in Semenyih found the community still reliant on forest and natural resources. This poverty and backward conditions were attributed to children dropping out of the education system, attitude, conflict between the *Tok Batin* and villagers, and the manner in which the Orang Asli were more keen on preserving their traditions and in the process rejecting change. As a solution, the PES theory was implemented to increase income and

---

<sup>83</sup>. Under Act 134 Amendment 1974, an Orang Asli is defined as someone whose father is from the Orang Asli ethnic, is able to speak the Orang Asli language and practises the Orang Asli lifestyle and beliefs, including as descendants of this male line. Anyone from other ethnic or race who is adopted from young by an Orang Asli and educated as an Orang Asli, practises the lifestyle of the Orang Asli and upholds the traditions and beliefs of the Orang Asli is considered a member of the Orang Asli community.

enhance unity and common purpose.

Asnarulkhadi Abu Samah and Hanina H. Hamsan (in Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill, 2008) examined the approach and Orang Asli development model for the purpose of discussing the means employed by the government in the administration and management of development for minority groups. The Paternistic Development Policy, introduced and controlled by the government, was aimed at accelerating the development of minority groups through the assimilation of the Orang Asli community into Malay Orang Asli. The Agriculture Modernisation Model was used as an attempt to eradicate poverty and uplift the economic strata of the Orang Asli. Under the New Economic Policy, the government was able to integrate the Orang Asli community in poverty eradication and community resettlement processes. The government cleared new tracts of land for cash crop planting by the Orang Asli who were also encouraged to venture into craft activities.

### **Mah Meri Orang Asli Community**

A study by Choi Kim Yok, Kamila Ghazali and Siti Ikbah Sheikh Salleh (in Asmah Omar, 2006) was embarked on to identify the ethnography of the Mah Meri Orang Asli community in Bukit Bangkong village in Sepang. The name "Mah Meri" actually means "forest people". In Selangor, the Mah Meri community is found only in coastal areas such as Tanjung Sepat, Bukit Bangkong, Morib, Ketam Island, Indah Island, Banting Island, Port of Klang and Carey Island; of these, four are located by the sea. In the community, those aged 50 years and above had never received any form of formal education. The theory of assimilation was used in the study whereby mixed marriages between the Temuan and Mah Meri sub-groups were examined.

### **Analysing the Economic Development of the Mah Meri Community**

Malaysia's rapid progress has impacted the economic development of many communities including the Mah Meri. The Orang Asli community is oftentimes a contributor to the issues of backwardness and poverty (Rohayu & Noor Sharipah, 2013). According to Pn. Aishah<sup>84</sup>, the percentage of Mah Meri still categorised as poor stood at 20%. In terms of jobs, 80% of the Mah Meri were self-employed while the remaining 20% worked in the private sector. A study by Ramlee Abdullah (2014) found that the Mah Meri, a Senoi sub-group, prioritised profit in their daily needs. They preferred to work on their own since this work mode was perceived as more beneficial compared to working for an employer. In addition, their low education level (primary school and secondary school levels) did not enable them to find jobs.

The Mah Meri is receptive to change in their daily lives especially in diversifying their income sources. The community is very open and courageous in seizing opportunities; they would often participate in various entrepreneurship programmes in order to improve their earning capacity. In

---

<sup>84</sup>. The Department of Orang Asli Development Officer in Kuala Langat District. Interview conducted on 4<sup>th</sup> November 2019 at the Kuala Langat District Orang Asli Development Office in Telok Datuk, Banting.

an interview with En. Daiman<sup>85</sup>, the researchers found that after taking part in such a programme, he managed to turn his wood carving skills into an income generating venture to supplement his earnings from his main work as a fisherman. The *nyireh* wood sourced from the forests became works of art adapted from nature which found a demand from discerning buyers.

In terms of agricultural progress, most Orang Asli communities are engaged in agriculture activities especially the older generation. Prior to the economic transformation, they would plant only one crop and sell this to buyers in their locality or engage in barter trade with other villagers. Among the common crops were cocoa, coffee, durian, coconut, mango and guava. Government programmes and assistance channelled through JAKOA enabled the Orang Asli to diversify their crops instead of merely focused on any single produce. According to En. Sharin<sup>86</sup>, vast tracts of Mah Meri land had been lost as a result of the economic development activities by the Selangor Foundation and Sime Darby Corporation, so much so that the community had to practise rotation planting i.e. after each harvest, a different crop would be planted on the same tract of land.

The Tok Batin reported that the Selangor Foundation and Sime Darby Corporation did not take into consideration the views of the local population before embarking on their land development programme in that area. Their very act of implementing such a programme had negatively affected the economic resources of the Orang Asli community who were dependent on forest produce for their income. In addition, several members of the Mah Meri community were involved in commercial crop planting namely oil palm and employed in plantations owned by Sime Darby Corporation. This segment viewed commercial crops as more beneficial financially. The palm oil commodity crisis however badly affected their earnings. JAKOA had implemented 171 Orang Asli agricultural projects such as Agriculture Development Project, Commercial Crop Project and Community Farm Project which invariably initiated a transformation from single crop agriculture to a rotation system and commercial crop type of venture.

Although the distance between the Mah Meri settlement in Sungai Bumbun Village and the sea was only one kilometre, fishing was not a main source of income for the community. According to Tok Batin Sidin Bujang<sup>87</sup>, in the olden days before economic development was implemented, the Mah Meri could easily go to sea since it was at the back of their houses and they could straightway launch their sampan to the waves. Back then they could even just fish in the rivers and the catch would be plentiful and big-sized.

The economic development programme introduced by the Selangor Foundation and Sime Darby Corporation at Sungai Bumbun witnessed the establishment of oil palm plantations which invariably led to the closure of many river paths and consequently the loss of fish in the rivers.

---

<sup>85</sup>. En. Daiman was involved in the economic activities of fishing and wood carving. Interview conducted on 4<sup>th</sup> November 2019 at Sungai Bumbun Village.

<sup>86</sup>. En. Sharin Anak Lelaki Kikeng was the Chairman of the Mah Meri Orang Asli MPKK. Interview was conducted on 4<sup>th</sup> November 2019 at the Sungai Bumbun Village Community Hall in Pulau Carey.

<sup>87</sup>. En. Sidin Anak Bujang was the *Tok Batin* of Sungai Bumbun Village. He was 68 years old. Interview conducted on 4<sup>th</sup> November 2019 at Sungai Bumbun Village.

This then meant that the Mah Meri had to venture out to the big sea to catch a similar harvest and size of fish that they could previously get from the surrounding rivers. Due to this, some of the villagers turned to wood carving instead as a source of income. There were however still a small number who remained as fishermen and sold their catch to Chinese *towkays* to fulfil external demands.

The Mah Meri of Sungai Bumbun Village were renown for their unique and creative handicrafts. The Malaysian Ministry of Information, Communication and Culture (KPKK) in 2011 reported that the Mah Meri Orang Asli were industrious and worked hard to promote the handicrafts and culture of Sungai Bumbun so much so that they were able to generate interest in their creativity from both domestic and foreign parties. According to En. Sharin, before the economic transformation process took hold in Sungai Bumbun, it was easy to acquire quality *nyireh* wood to produce equally quality carvings.

In terms of equipment, the Mah Meri carvers lacked adequate tools due to having insufficient capital to purchase these. The shy retreating nature of the Sungai Bumbun villagers posed difficulties for them to come face-to-face and promote their handicraft products to others outside their community; as such the products were mostly sold to buyers from their own locality. The handicrafts the Mah Meri produced were designs or carvings that had been passed down from their ancestors, usually *harimau berantai*, masks and others.

En. Sharin further added that the clearing of land as oil palm plantations and golf courses had contributed to the scarcity of the *nyireh* tree. Toxic waste pollution from the Sime Darby Corporation palm oil mills had also affected the quality of the *nyireh* that could still be found. Carvers faced difficulties in obtaining quality *nyireh* from the Sungai Bumbun area and had to venture into other villages or forests to acquire this raw material. Since many of the carvers depended on motorcycles as their mode of transport, transporting the tree trunks found in other villages to Sungai Bumbun was not an easy task. As a solution, the carvers would cut these trunks into small pieces which were then brought back to their village on their motorcycles, the whole procedure necessitating several trips altogether. The creativity and quality of the Mah Meri wood carvings are well-known internationally and have been acknowledged by the United Nations' Education, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO).

In addition to handicrafts, the Mah Meri also engaged in weaving activities. After economic development was implemented, the community marketed these products on a wider scale and not merely sold to the local population. Entrepreneurship programmes organised by JAKOA were successful in equipping the Mah Meri with the necessary skills to embark on online marketing namely on Facebook to a wider reach of potential buyers outside of their own locality. Their previous focus on producing items namely food utensils and mats was expanded to include woven products such as mobile phone casings, earrings, baskets and bangles. In 2011, the Orang Asli Cultural Village Project in the form of the Mah Meri Orang Asli Cultural Complex and Orang Asli



Craft Centre in Sungai Bumbun was established for the purpose of providing the community with an avenue to exhibit and promote their products (Kementerian Penerangan dan Komunikasi, 2011).

### **Contributing Factors in the Economic Change of the Mah Meri Community**

Several factors have contributed to the economic change of the Mah Meri community. According to Pn. Aishah, JAKOA together with MARA would invite Orang Asli entrepreneurs from all over Malaysia to participate in entrepreneurship programmes and training aimed at developing and honing their business skills. Among these programmes were tailoring, poultry rearing, carving and car mechanics courses. Participation in these was open to any interested community member with certificates presented upon successful completion of the courses. However, post-programme, no assistance was provided in terms of determining the next steps forward; the participant on their own would have to plan on how best to utilise the knowledge and skills acquired in their courses.

Participants could however apply for business capital assistance from the Orang Asli Welfare Fund instituted by JAKOA. According to En. Sidin Bujang, this could be done by submitting the capital assistance application form to him which he would then forward to JAKOA. The establishment of the JAKOA Craft Centre by the Ministry of Rural and Regional Development was another form of assistance for the Orang Asli community with this centre managed by the community itself under the Selangor Orang Asli Cooperative.

Carey Island is strategically located within easy access to the towns of Klang, Banting and Telok Panglima Garang, all three with more rapid economic development with the main economic activity focused on the industrial sector. The development enjoyed by these towns has invariably created an advantage for the Orang Asli people of Carey Island especially the Mah Meri in Sungai Bumbun to further accelerate their own economic transformation. The existing tarred roads enabled the Mah Meri to reach the town centres easily. Carey Island is also within close proximity of the Klang Valley-South Expressway, and the Elite Expressway located between the town centres provides easy access for tourists to visit the Mah Meri village and see their handicraft and culture.

The Mah Meri is receptive to economic change introduced by the government in its effort to uplift the welfare of the community. Their inherent self-reliance or independence has pushed the Mah Meri of Sungai Bumbun to the forefront and resulted in the village becoming better known compared to other villages. According to En. Sharin, the Mah Meri was driven by self-effort to improve their livelihood and income sources since not all carvers, weavers, farmers and fishermen were recipients of JAKOA aid. As such, those without assistance would depend on their own means to develop and sell their products. This group would be willing to work two jobs to ensure their needs and desires were sufficiently met. Their talent and interest honed since young were also push factors for their venture into handicraft and culture (Sidin Bujang, 2019).

En. Sidin Bujang added that the aid from JAKOA actually was insufficient to meet the daily needs of the villagers due to their activities being heavily reliant on the weather. Taking note of their situation, various NGOs had mobilised aid to alleviate the villagers' plight. Any NGO wishing to channel donations would first meet with JAKOA to identify the issues and problems faced by the Sungai Bumbun Orang Asli community. The Mah Meri Council in Sungai

Bumbun reported that the inefficiency of JAKOA aid and contributions had led to difficulty in addressing issues and finding solutions to the problems faced by the community. NGOs such as Insaf Malaysia had in the past extended assistance in the form of housing, daily essentials, and other necessities to uplift the economic state of the Mah Meri. In addition, corporate companies had also donated construction materials to the community to build houses and workshops.

### **Current-day Effects of the Economic Transformation of the Mah Meri Community**

Among the focus to uplift the Orang Asli from base poverty line was by helping the community increase their earning levels (JAKOA, 2016). The economic transformation of the Mah Meri Orang Asli have had positive impact on their earning power. According to Razree (2019), the assistance provided by JAKOA helped in this aspect; the machinery made available to the community was able to produce various products every month based on the size and type of order received. Before the economic transformation, fulfilling any order took longer periods due to lack of equipment with the lag in time consequently adversely affecting production volume and end profit.

According to Pn. Tijah<sup>88</sup>, weaving activities also saw an upsurge in interest since the implementation of economic development. Entrepreneurship courses helped the weavers diversify their product marketing strategies whether by physical face-to-face sales, online selling, or handed over to NGOs which promoted and sold the products in the outside market on behalf of the community. For arts and cultural activities, a charge system was implemented for both local and foreign tourists to witness their dance performances such as the *Tarian Jo'oh* and *Tarian Selamat Datang* since cost would have been incurred in the procurement of the musical instruments and woven decorations in addition to the time and effort of the performers.

En. Sidin Bujang shared that in the period before economic development in the village, the Mah Meri who worked as fishermen could only generate profits of RM500 and below. However, with the assistance provided by JAKOA, some of the Mah Meri fishermen upgraded from *sampan* to boats which enabled them to venture further out to sea and greatly boosted their ability to net better harvests. This led to an increase in earnings with daily profits of between RM30 to RM50. This translated into a monthly nett income of between RM1300 to RM1500, depending on weather and individual effort.

According to Rohayu and Noor Sharipah (2013), Sungai Bumbun Village, a participant of the One District One Industry (SDSI) programme, was introduced to the international level through exhibitions, demonstrations and visits during the One Village One Product (OVOP) Indonesia event. Among the categories presented were weaving, carving and cultural troupe. The Mah Meri community often participated in local and international exhibitions; among these were carnivals organised by both government or private agencies, the Shanghai China Tourism (Shanghai World Expo 2010) with the Perbadanan Kraftangan Malaysia, and those held by UNESCO.

The economic transformation successfully introduced eco-tourism to the Mah Meri community. Eco-tourism is a form of environmental journey and visitation aimed at raising

---

<sup>88</sup>. Pn. Tijah was a weaver in Sungai Bumbun Village. Active in producing woven products. Interview conducted at her house in Sungai Bumbun Village on 4<sup>th</sup> November 2019.

awareness of the natural surroundings (Ceballos-Lascuiran, 1993). The Mah Meri benefitted from the eco-tourism; not only did this concept helped boost their own earnings but it also positively impacted Malaysia's annual revenue by way of increased arrivals, exhibitions and promotion of woven handicraft and carvings, and cultural dance performances. The Mah Meri's involvement in eco-tourism however did not deter them from constantly prioritising environmental sustainability.<sup>89</sup>

---

<sup>89</sup>. According to Karim (1977), forest resources were considered as gifts from ancestors to current and future generations. Any exploitation of forest resources would lead to destruction and for man to become maimed or die.

## References

- Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini. (Eds.) (2018). *Pemeriksaan Kesejahteraan hidup Orang Asli di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Omar. (Ed) (2006). *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Doris Padmini Selvaratnam, Norlaila Abu Bakar & Nor Aini Idris. (2012). Kesan Pembangunan Pelancongan Terhadap Kelestarian Kehidupan Orang Asli Orang Asli Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands. Dalam *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*, Universiti Sains Malaysia, (p.p 1200-1214). Retrieved from [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012\\_4D2.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_4D2.pdf)
- Er Ah Choy & Nurul Bariah. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan Orang Asli lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space* 9, (2), 27 – 34. Retrieved from [http://journalarticle.ukm.my/6238/1/er\\_ah\\_choy-edkatam1.pdf](http://journalarticle.ukm.my/6238/1/er_ah_choy-edkatam1.pdf)
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini. (2014). Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran Dan Permasalahan. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor. Retrieved from <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/17-Dakwah-Orang-Asli-Pulau-Carey.pdf>
- Haliza Abdul Rahman. (2010). Penglibatan masyarakat peribumi dalam isu berkaitan persekitaran: tinjauan terhadap suku Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *The Asian Journal of Humanities*. 17, 111-134. Retrieved from <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=14902>
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2018). *Data asas KPLB (Suku Kedua)*. Retrieved from [https://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2018/10/DATA-ASAS-2018-SUKU-2\\_opt.pdf](https://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2018/10/DATA-ASAS-2018-SUKU-2_opt.pdf)
- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. (2011). Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri. *Buletin Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan*, Julai-Ogos 2011, 6. Retrieved from [https://www.kkmm.gov.my/pdf/buletin/buletin%20bil%204\\_2011.pdf](https://www.kkmm.gov.my/pdf/buletin/buletin%20bil%204_2011.pdf)
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Laman Web Koperasi Orang Asli Selangor Berhad. (2019). Retrieved from <http://www.kopasli.com/>
- Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). <http://www.jakoa.gov.my/>
- Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2019). <http://www.jakoa.gov.my/>
- Lee Hou Zei, Vivien W.C. Yew, Azima A.M, Mal Kong Sia, & Geraldine K.L. Chan. (2018). Perubahan sosioekonomi Orang Asli orang Asli Jakun akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu kajian kes di RPS Runchang, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (4), 127-141. Retrieved from <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-11>
- Ma' Rof Redzuan & Sarjit S. Gill (Eds.). (2008). *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Mazdan Ali Amar. (2016). *Mikroekonomi dalam industri seni*. Sarawak: Universiti Sarawak Malaysia.
- Mohamad Anis, Rohayu Roddin & Tun Ili Ayuni. (2018). Kejayaan penglibatan golongan wanita Orang Asli Orang Asli Suku Kaum Mah Meri di dalam bidang keusahawanan. *Journal for TVET Practioners*. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4807>

Apart from this, the community also had facilities established in their locality as a result of the economic transformation. With economic development, wide tarred roads were constructed which enabled the easy access and movement of vehicles into Sungai Bumbun Village and with it the ensuing tourists into the various villages on Carey Island. According to En. Sharin, the original wooden structure of Sungai Bumbun Primary School, built in the 1970s, was subsequently replaced with more permanent concrete on the same site with the addition of other facilities. The Sungai Bumbun Village itself was provided with a community hall, KEMAS kindergarten, health clinic, water tanks and an open field. A Medical Officer would visit and provide healthcare and medical treatment once a month.

The Mah Meri were also recipients of housing aid through *the Program Perumahan Rakyat Termiskin* (PPRT), a government housing scheme for the poor (Khairul Hisyam Kamarudin &

- 
- Mohd Fauzi & Nor Aini. (2009). *Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Dilema Miskin dan Terpinggir*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)
- Mohd Fauzi, Nor Aini, Madeline, & Faridah. (2006). Kemiskinan dalam kalangan Masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 40, 95-101. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/7802/1/1632-3082-1-SM.pdf>
- Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah. (2010). *Isu pembangunan pelancongan ekologi di Malaysia: Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nasuha Badrul Huzaini. (2018). Harga sawit rendah, pengusaha ladang dijangka rugi. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2018/12/510058/harga-sawit-rendah-pengusaha-ladangdijangka-rugi>
- Noraini, Ridzwan, Ramlee, Mohd Azlan & Norwaliza. (2018). Kekurangan Sumber Hasil Hutan bagi Kelestarian Pelancongan Mampan Masyarakat Orang Asli Mah Meri: Satu Kajian Kes di Pulau Carey Selangor. *Jurnal Sains Humanika*, 10. Retrieved from [www.sainshumanika.utm.my](http://www.sainshumanika.utm.my)
- Ramle Abdullah. (1993). *Semaq Beri: Orang Asli Orang Asli di Terengganu*. Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ramle Abdullah. (2014). *Orang Asli: Pembangunan dan transformasi*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin
- Rohayu Roddin & Noor Sharipah Sultan Sidi. (2013) Pembinaan keupayaan dalam pelancongan Orang Asli: Satu Kajian Kes dalam Orang Asli Mah Meri. In: *Proceeding of the International Conference on Social Science Research 2013, 4-6 Jun 2013*, Pulau Pinang, Malaysia. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/3985/>
- Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Halizah Awang & Sarebah Warman. (2017). Nilai Transformasi Orang Asli Mah Meri dalam Pelancongan Peribumi. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3 (6), 47-57. Retrieved from <http://gbse.com.my/v3no6may17/Paper-100-.pdf>
- Tarmiji Masron, Fujimaki Masami, & Norhasimah Ismail. (2013). Orang Asli in Peninsular Malaysia : Population, Spatial Distribution and Socio-Economic Condition. *Journal Ritsumeikan Soc. Sci. Humanit*, 6 (7), 75-115. Retrieved from [http://www.ritsumeikan.ac.jp/acd/re/k-rsc/hss/book/pdf/vol06\\_07.pdf](http://www.ritsumeikan.ac.jp/acd/re/k-rsc/hss/book/pdf/vol06_07.pdf)
- World Wide Fund of Nature Malaysia. (1996). *Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia*. Petaling Jaya: World Wide Fund of Nature Malaysia. Retrieved from [http://repository.wwf.org.my/technical\\_reports/P/PelanEkopelanconganKebangsaanMalaysiaRingkasanEksekutif.pdf](http://repository.wwf.org.my/technical_reports/P/PelanEkopelanconganKebangsaanMalaysiaRingkasanEksekutif.pdf)
- Zainal Abidin Ali. (2008). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam Pembangunan: In: Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill (pnyt) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari, & Mustaffa Omar. (2009). Kesan ekonomi pelancongan terhadap komuniti Batek di Kuala Tahan, Pahang. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4 (1), 1-12. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/1589/>

Ibrahim Ngah, 2007). As shared by Mr. Sharin, the PPRT units made available to deserving Orang Asli were equipped with basic facilities such as electricity, water, toilet, living room, bedroom and bathroom. The objective of PPRT was to alleviate the burden of families without income and the financial capacity to build their own houses. Housing aid for the Mah Meri was also provided by other agencies such as Insaf Malaysia. Corporate bodies would also channel assistance in the form of construction materials to NGOs to be distributed to those in need from among the community. This aid from NGOs and corporate bodies was able to help those who might otherwise be unable to build houses since the available government aid was limited.

The economic transformation also made possible an enhanced social interaction between the Mah Meri with other communities. Although the Orang Asli had since long ago socialised with others outside their community especially the Malays, this interaction was economic-based in nature for the purpose of acquiring goods such as salt, tobacco, cooking utensils and clothing (Ramle. 1993). The Mah Meri as a people were reserved and humble, and this had made it difficult for them to interact with others outside of their own group. Their receptiveness to change however had created more opportunities for external social interaction and establishing positive relationships. This very openness also became a drawing point for tourists and eco-tourism to flourish for the village of Sungai Bumbun.

The post-economic development process witnessed the Mah Meri Orang Asli becoming more friendly and welcoming in receiving tourists to their village. En. Sidin Bujang attributed this to the community feeling more appreciated when tourists come to learn their art and culture. The social interaction that occurred was not confined to face-to-face interaction but extended to mobile telephone communication whereby the process of buying and selling would be conducted virtually. Online demonstration, promotion and selling of products were conducted via Facebook and Instagram. Good communication therefore enables an upward progression in the livelihood of the Mah Meri Orang Asli especially in terms of acquiring potential buyers for their products.

## **Conclusion**

The Mah Meri Orang Asli in Carey Island's Sungai Bumbun Village as a whole have been involved in the economic development process with this participation creating a very significant impact and transformation on the community. The aspect of economic resources was a main emphasis in this study. The diversity of resources made possible improvement in the income of the Mah Meri with almost all in the community engaged in two jobs: the menfolk as fishermen to generate the necessary capital for carvings and woodwork while the women tilled their land for profit which in turn was used to acquire materials for their woven handicrafts. Among factors that influenced the economic development of the Mah Meri were the assistance provided by JAKOA, NGOs, the community's own determination and resilience, and their proximity to town centres. For the Mah Meri of today, this economic development has translated into increased income, improved facilities, emergence of social interaction, and eco-tourism.

**FAKTOR SOSIAL YANG MEMPENGARUHI MOMPREENEUR TERLIBAT DALAM  
BIDANG KEUSAHAWANAN: KAJIAN DI DAERAH TAMANTIRTO, BANTUL,  
YOGJAKARTA, INDONESIA**

*Social Factor that Influence the Mompreneur to Involve in the Field of Entrepreneurship: Study  
in Tamantiro District, Bantul, Yogyakarta, Indonesia*

Anik Widiastuti<sup>1</sup>, Dita Istika Rohmah<sup>2</sup> dan Norazlan Hadi Yaacob<sup>3</sup>

1. Mahasiswa Program Doktor (S3), Program Pendidikan IPS, Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), email: anikwidiastuti@uny.ac.id
2. Mahasiswa Program Program Pendidikan IPS, Fakultas Ilmu Sosial, UNY, Yogyakarta.
3. Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. email: norazlan@fsk.upsi.edu.my

**Abstrak**

Suri Rumah memiliki tugas utama untuk mengurus rumah tangga. Seiring dengan kemajuan zaman, berkembangnya emansipasi wanita dan kesetaraan gender. Suri rumah mula bekerja atau terlibat dalam bidang keusahawanan. Istilah yang sedang populer saat ini iaitu *mompreneur* atau usahawan wanita. Terdapat beberapa faktor yang melatarbelakangi seseorang terlibat dalam bidang keusahawanan iaitu faktor sosial ekonomi, pelayanan, dan faktor pemenuhan diri. Penelitian ini hanya dibatasi untuk mengetahui faktor sosial yang melatarbelakangi *mompreneur* terlibat dalam dunia perniagaan. Selain mengurus rumah tangga seorang *mompreneur* juga terlibat dalam kehidupan bermasyarakat atau lingkungan sosial sehingga perlu diketahui faktor sosial

seseorang menjadi *momprenneur*. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan jenis penelitian deskriptif. Penelitian ini dilakukan di Desa Tamantirto, Bantul, Yogyakarta, Indonesia. Pengumpulan data dilakukan dengan kaedah wawancara dan observasi. Subjek penelitian iaitu suri rumah yang memiliki perniagaan atau *momprenneur* dengan usaha berskala mikro iaitu berjumlah 6 orang. Hasil penelitian menunjukkan bahwa faktor sosial yang melatarbelakangi suri rumah menjadi *momprenneur* adalah untuk membantu jiran tetangga yang mengalami kesusahan, menjadi terkenal di masyarakat, meningkatkan status sosial, dan berinteraksi dengan orang lain. Rekomendasi yang dapat diberikan kepada para *momprenneur* adalah agar dapat menyeimbangkan peranannya di keluarga sebagai suri rumah dan peranannya sebagai anggota masyarakat.

**Kata kunci:** *suri rumah, momprenneur, usahawan, Bantul*

### ***Abstract***

*Housewives must have the main task of taking care of the household. Along with the changing times, the woman emancipation, and the development of gender equality, many housewives also work or become entrepreneurs. The term that is currently popular is momprenneur or entrepreneurial housewife. There are several reasons behind a person's entrepreneurship, such as economic reasons, social reasons, service reasons, and self-fulfillment reasons. This research is only limited to find out the social reasons behind momprenneur. In addition to being active in the household, a momprenneur is also inseparable from social life or the social environment, so it is necessary to investigate the social reasons to be a momprenneur. The study used qualitative descriptive research. This research was conducted in the village of Tamantirto, Bantul, Yogyakarta, Indonesia. Data collection was done by interview and observation methods. Research subjects are housewives who have a business or entrepreneur with a micro-scale business which consisted of 6 people. The results showed that the social reasons behind housewives to be a momprenneur were to help neighbors who have degrees, become famous in the community, gain status, and help with others. Recommendations that can be given to entrepreneurs are to be able to balance their role in the family as housewives and their role as community members.*

**Keywords:** *Housewife, momprenneur, entrepreneurship, Bantul*

### **Pengenalan**

Pada zaman dahulu di Indonesia, perempuan setelah mendirikan rumahtangga hanya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Suri rumah tangga merupakan sosok yang bertanggung jawab dalam mengurus rumah tangga. Walaupun tugas seorang suri rumah tangga sebenarnya tidaklah mudah, akan tetapi sering dipandang rendah. Menurut Mappiare (1983: 47), suri rumah tangga merupakan wanita yang memperuntukan waktunya untuk mengurus dan mengasuh anak menurut pola-pola yang dibenarkan oleh masyarakat sekitarnya. Suri rumah tangga bertugas di sektor domestik iaitu mengurus rumah tangga, mendidik anak, melayani suami, memasak untuk keluarga, dan membersihkan rumah. Walaubagaimanapun seiring dengan perkembangan zaman, hak perempuan dalam beraktiviti baik di dalam rumah tangga maupun di luar rumah tangga semakin meningkat.

Emansipasi wanita dan kesetaraan gender memperluas ruang gerak wanita melampaui sektor domestik yang menyebabkan munculnya kepelbagaian peranan perempuan terutama yang telah berkeluarga atau disebut sebagai wanita berkarier.

Suri rumah tangga dikatakan memiliki pelbagai peranan apabila menjalankan dua peranan atau lebih dalam waktu yang bersamaan. Dalam hal ini peranan yang dimaksud adalah peranan sebagai isteri bagi suaminya, ibu bagi anak-anaknya, dan peranan sebagai perempuan yang memiliki karier di luar rumah. Peranan ini dijalani bersamaan dengan peranan kaum perempuan sebagai isteri dan ibu dalam keluarga, seperti membantu suami dalam membina rumah tangga, menyediakan keperluan rumah tangga, serta mengasuh dan mendidik anak-anak (Tumbage & Tumengkol, 2017: 7). Ramadani (2016: 2) menyatakan bahwa seorang perempuan atau isteri yang bekerja di luar rumah boleh disebut dengan perempuan berkarier. Perempuan berkarier merupakan perempuan yang mempunyai dua pekerjaan yang dilakukan dengan satu waktu iaitu bekerja di rumah dan di luar rumah. Ia dapat dikategorikan menjadi dua iaitu peranan domestik dimana perempuan berperanan sebagai isteri dan sebagai ibu yang mengurus rumah tangga serta peranan umum iaitu sebagai perempuan dalam masyarakat atau di luar urusan rumah tangga. Oleh itu perempuan tidak hanya sebagai suri rumah tangga tetapi juga sebagai wanita karier (Triana & Krisnani, 2018: 190).

Pada waktu ini jumlah perempuan di Indonesia yang terlibat dalam bidang keusahawanan sangatlah banyak dan mengalami perkembangan yang cukup drastis dari tahun ke tahun. Sama halnya dengan di Korea. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Park (2018) bahwa "*Korean female entrepreneurs have shown a dramatic increase from both quantity and quality perspectives.*" Hal tersebut diperkuat pula oleh pernyataan Daulerio (2018) bahwa "*In the last two decades the growth in female-owned entrepreneurial ventures has accelerated dramatically.*" Tinaprilla dalam Hapsari (2017) mengutip hasil penelitian Industri Kecil dan Kerajinan Rumah Tangga (IKKRT) menyebutkan bahwa 43% dari 2,351 juta ahli perniagaan Indonesia merupakan wanita. Hal tersebut diperkuat dengan data dari Komunitas Indonesia Mompreneur yang dikutip oleh Saningputro, Yuniawan & Rahardja, (2019: 2) bahwa komuniti Indonesia mompreneur beranggota 6005 orang pada tahun 2015 yang mengalami perkembangan pesat hingga 2000 orang per tahun. Di Indonesia pada waktu ini banyak komuniti sebagai wadah mompreneur antara lain Komunitas Indonesia Mompreneur (Id Mompreneur) dan Komunitas Bunda Online (KBO). Komuniti ini menyelenggarakan pelatihan, *workshop*, *booth camp* dan dapat dijadikan sebagai sarana *sharing* dan bertukar fikiran dan pengalaman oleh suri rumah yang akan terlibat ke dunia usaha atau ibu rumah tangga yang telah memutuskan menjadi *mompreneur*.

Kemampuan *mompreneur* dalam menyeimbangkan antara aktiviti sebagai ibu dan ahli perniagaan dianggap mampu menjadi cabaran bagi perkembangan ideologi keusahawanan yang menyakini bahwa tujuan keusahawanan adalah memperoleh keuntungan (Koorsgard, 2007). Kajian yang dilakukan oleh Truant, Broccardo, & Ratten (2019) di Itali terhadap perniagaan keluarga menunjukkan bahwa peranan perempuan dalam mengurus perusahaan keluarga memberikan dampak yang signifikan sebagai berikut: "*gender diversity in top managerial positions can benefit strategic orientation, as FFs are more likely to formulate and implement strategy through advanced management control tools.*" Hal inilah yang dapat memperkuat alasan



mengapa perempuan termasuk suri rumah bekerja di luar rumah atau di suatu syarikat perniagaan.

### **Permasalahan dan Objektif kajian**

Suri rumah melakukan pekerjaan di luar rumah biasanya didasari oleh beberapa faktor yang melatarbelakanginya. Faktor utama biasanya karena permasalahan ekonomi dalam keluarga. Menurut Anandari, Sekarini, & Widiastuti (2018: 52), faktor ekonomi sangat menyumbang terhadap timbulnya masalah di dalam rumah tangga. Untuk mengatasi permasalahan perekonomian yang dapat menyumbang terhadap retaknya sebuah rumah tangga maka diharapkan para suri rumah juga berperanan sebagai pencari nafkah untuk keluarganya. Hal tersebut tentunya tidaklah mudah bagi seorang perempuan, akan tetapi demi kestabilan ekonomi keluarga, suri rumah melakukan hal tersebut dengan pelbagai faktor yang melatarbelakanginya. Faktor ekonomi juga menjadi alasan utama seseorang terlibat dalam bidang keusahawanan sebagaimana dikemukakan oleh Daryanto (2012: 12) yang menyebutkan alasan seseorang untuk menjadi usahawan: 1) *Alasan kewangan*, untuk mencari nafkah, kaya, pendapatan tambahan; 2) *Alasan sosial*, untuk memperoleh status sosial untuk dikenal orang, dihormati dan bertemu banyak orang; 3) *Alasan pelayanan*, memberi pekerjaan kepada masyarakat, untuk menatar masyarakat, untuk membantu ekonomi masyarakat dan demi masa depan keluarga. 4) *Alasan pemenuhan diri*, untuk menjadi berdikari, lebih produktif, untuk mencapai sesuatu yang diinginkan, untuk menghindari ketergantungan terhadap orang lain, untuk menjadi lebih produktif dan untuk menggunakan kemampuan peribadi.

Terdapat beberapa pandangan tentang faktor yang berpengaruh terhadap seseorang untuk menjadi seorang usahawan. Saningputro, Yuniawan & Rahardja, (2019: 2) menyebutkan bahwa motivasi yang melatarbelakangi seorang suri rumah terlibat untuk menjadi pengusaha antara lain: menambah pendapatan untuk membantu ekonomi keluarga, mengisi waktu luang, menyalurkan hobi, menghilangkan kebosanan, keinginan berprestasi. Terdapat juga pandangan lain seperti yang dikemukakan berdasar hasil penelitian yang dilakukan oleh Daulerio 2018 menunjukkan bahwa “*key intrinsic entrepreneurial motivation factors consist of 1) challenge and achievement focus; 2) acceptance, appreciation, and self-esteem; 3) self-fulfilment and creative outlet are stronger for female entrepreneurs than male entrepreneurs.*” Samsudin, et all (2016) dalam penelitiannya menemukan bahwa “*The finding also showed a significant positive correlation between motivation level, attitude, and readiness to participate in entrepreneurship.*” Apabila *momprenneur* ingin memiliki usaha yang sukses tentunya harus memperhatikan faktor motivasi, sikap dan kesiapan dalam berniaga sebagaimana dinyatakan oleh Samsudin di atas.

Othman *et al.* (2016) menyatakan bahwa “*The entrepreneur’s prior knowledge can decrease the amount of uncertainty and it can give motivation or encourage them to bear uncertainty. Through the education, it can enhance an entrepreneur’s psychological confidence, knowledge and skills. Entrepreneurs with past experience make entrepreneurs matured in their business and increases successful probability of the business.*” Berdasarkan pandangan Othman tersebut dapat disimpulkan bahwa kesuksesan perniagaan yang dilakukan oleh *momprenneur* juga dapat dipengaruhi oleh faktor pengetahuan, pendidikan dan pengalaman yang dimiliki sebelumnya. Oleh karena itu *momprenneur* sebaiknya dalam menjalankan usaha juga

mempertimbangkan pengetahuan atau pendidikan yang dimilikinya serta pengalaman dalam perniagaan tersebut, sehingga faktor yang dipilih oleh mompreneur dalam lebih tepat tidak hanya sekedar dikarenakan faktor ekonomi saja.

Faktor ekonomi atau kewangan sudah sangat jelas dan telah banyak dibahas oleh peneliti lain. Oleh karena itu penelitian ini akan menumpukan penglibatan suri rumah yang menjadi *mompreneur* kerana faktor sosial yang melatarbelakanginya. Penelitian dilakukan di Yogyakarta kerana Yogyakarta merupakan salah satu bandar yang menjadi tujuan masyarakat dari pelbagai daerah lain untuk datang dan menetap, baik untuk menyambung pendidikan, mencari pekerjaan, maupun melancong. Sebagai sebuah bandar yang menjadi tumpuan pelajar, dikenali sebagai bandar budaya dan perlancongan, suasana di Yogyakarta sangat menyumbang terhadap berkembangnya sektor perniagaan bahkan usaha yang dilakukan oleh suri rumah atau yang disebut dengan *mompreneur*.

Manakala objektif kajian ini pula hanya untuk mengetahui faktor sosial yang melatarbelakangi *mompreneur* terlibat dalam dunia perniagaan. Selain mengurus rumah tangga seorang *mompreneur* juga terlibat dalam kehidupan bermasyarakat atau lingkungan sosial sehingga perlu diketahui faktor sosial seseorang menjadi *mompreneur*.

## Sorotan Kajian Lepas

Pada waktu ini terdapat ramai wanita yang menjalani peranan sebagai Wanita yang berkarier, baik bekerja di sektor formal, maupun terlibat dalam bidang keusahawanan. *Mompreneur* adalah istilah yang ditujukan bagi para suri rumah yang terlibat dalam bidang keusahawanan. *Mompreneur* berasal dari dua kata iaitu *mommy* yang ertinya ibu dan *entrepreneur* (Kusuma, 2018: 3). Menurut Kusuma (2018: 3) *mompreneur* merupakan suatu istilah yang dirujuk kepada seorang suri rumah yang memiliki dan mampu mengelola perkerjaannya sendiri. Menurut Malahayati (2009: 10) *mompreneur* merupakan gabungan dari dua kata iaitu *mommy* (ibu) dan *entreprenur* (usahawan) dengan demikian *mompreneur* adalah istilah untuk suri rumah yang memiliki dan mengelola usahanya sendiri. *Mompreneur* adalah istilah yang digunakan oleh majalah *entrepreneur* di Amerika Syarikat untuk menggambarkan perniagaan yang dijalankan oleh para wanita di negeri tersebut. Hal yang membezakan antara *mompreneur* dengan *entreprenur* adalah bahwa *mompreneur* merupakan usahawan yang dilakukan oleh para suri rumah di rumah. Mereka boleh mempunyai usaha mereka sendiri dengan tidak melupakan status mereka sebagai suri rumah (Saningputro, Yuniawan & Rahardja: 2019: 1-2).

*Mompreneur* dapat didefinisikan sebagai seorang wanita yang berupaya untuk mengintegrasikan tuntutan sebagai seorang ibu dan usahawan (Krueger, 2015). Maritz & Thongprovati (2010: 7) menambahkan bahwa *Mumpreneurs add a whole new dimension to entrepreneurship that is motherhood, whereby these women business owners balance the role of mother and the role of entrepreneurship to create a better environment for their family and overall community*. *Mompreneur* umumnya memulai usaha dari kecil dengan bermodalkan keterampilan dan modal yang terbatas. Hapsari (2017: 10) menyatakan bahawa apabila seorang

*momprenneur* memiliki *adversity quotient* yang rendah, kemungkinan untuk mereka menjadi usahawan juga berada dalam tahap yang rendah. Begitu pula sebaliknya, apabila seorang *momprenneur* memiliki *adversity quotient* yang tinggi maka dia akan mengalami peningkatan kemampuan sebagai usahawan atau niat terlibat dalam bidang keusahawan, sehingga kemampuan usahawan menjadi tinggi. *Adversity Quotient* adalah kemampuan seseorang untuk mengatasi cabaran. Apabila seorang *momprenneur* memiliki *self efficacy* (keyakinan diri) yang rendah maka dia akan berpotensi menjadi usahawan yang tidak efisien dalam pekerjaannya. Begitupun sebaliknya, apabila seorang *momprenneur* memiliki *self efficacy* yang tinggi maka dia akan mengalami peningkatan kemampuan sebagai usahawan.

Hasil penelitian yang dilakukan oleh Aina, Suwarsinah & Burhanuddin (2018: 32) menunjukkan bahwa faktor-faktor yang mempengaruhi perilaku yang terlibat menjadi usahawan wanita atau *momprenneur* terdiri dari 2 faktor utama iaitu faktor individu dan faktor eksternal. Faktor individu direfleksikan oleh kursus dan latihan yang diikuti, dukungan suami dan keluarga, keperluan untuk bersaing dan motivasi menjadi usahawan. Faktor eksternal pula direfleksikan oleh peranan komuniti, berkembangnya faktor pendukung dan meluasnya penggunaan *e-commerce*. Baik faktor individu maupun faktor eksternal diharapkan memberikan peranan dan dampak yang positif dalam perilaku usahawan *momprenneur* kerana kesuksesan *momprenneur* juga akan meningkatkan perekonomian keluarga dan juga berimpak pada perekonomian suatu negara.

Menjadi seorang *momprenneur* tentunya memiliki kelebihan serta keuntungan untuk dijadikan sebagai alasan untuk terlibat dalam dunia perniagaan. Kelebihan menjadi *momprenneur* menurut Kusuma (2018: 7) iaitu; a) seorang *momprenneur* dapat membantu kewangan keluarga dan meningkat status keluarga dengan kesuksesannya. b) Seorang *momprenneur* dapat membantu menambah pendapatan untuk mencukupi kekurangan keperluan keluarga. c) Seorang *momprenneur* tidak bergantung pada gaji suami sebab mempunyai penghasilan sendiri untuk memenuhi beberapa keperluan di dalam keluarga. d) Seorang *momprenneur* dapat membantu menyejahterakan keluarga dan membahagiakan anak-anak dengan keuntungan luar biasa yang didapatkannya. e) Seorang *momprenneur* boleh jadi terkenal melebihi wanita karier yang berkerja di perusahaan. f) Seorang *momprenneur* memiliki pergaulan yang lebih luas dan komuniti setempat.

Manakala Malahayati (2009: 10) menjelaskan tentang keuntungan serta kelebihan yang didapat ketika menjadi *momprenneur* iaitu; a) menutupi kekurangan dalam perekonomian keluarga b) mempunyai penghasilan sendiri sehingga tidak tergantung dengan suami dalam membeli peralatan rumah tangga atau suatu barang tertentu c) menambah pendapatan keluarga d) meringankan pengeluaran biaya untuk anak e) membuat diri lebih popular f) memperluas pergaulan g) menambah ilmu yang sebelumnya tidak pernah diketahui. Menjadi *momprenneur* tampak fleksibel untuk dijalankan oleh seorang suri rumah, asalkan dapat mengurus diri dan waktu dengan baik agar keduanya dapat berjalan beriringan. *Momprenneur* yang berhasil dapat meningkatkan kepercayaan diri dan memperluas pergaulan seorang suri rumah, bahkan dapat juga meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Kerugian menjadi *mompreneur* akan didapatkan jika salah langkah dalam melakukan persiapan dan mengurus waktu. Kusuma (2018: 8) menjelaskan kerugian menjadi *mompreneur* iaitu; 1) tidak mampu membagi waktu antara mengelola perniagaan dan keluarga sehingga menjadi masalah dan ada salah satu yang harus ditinggalkan; 2) adanya perselisihan atau perbezaan pendapat dengan suami mengenai suatu hal sehingga harus bijaksana dalam memutuskan sesuatu terkait perniagaan yang dikelola.

Pendapat lain tentang kerugian menjadi *mompreneur* dikemukakan oleh Malahayati (2009: 11) iaitu; 1) memerlukan pengorbanan ekstra seperti banyak mengeluarkan tenaga, fikiran, kesabaran dan tentu saja pengorbanan waktu, 2) menambah kesibukan suri rumah karena harus membagi perhatian mengurus anak dan mengelola perniagaan. Bukan tidak mungkin berlaku masalah ketika aktiviti berniaga dan mengurus anak saling berbenturan, 3) menimbulkan perselisihan dan perbezaan pendapat dengan suami atau anggota keluarga lainnya apabila tidak mendapat izin melakukan aktiviti perniagaan.

Kerugian-kerugian di atas tentunya akan dialami oleh *mompreneur* apabila *mompreneur* tidak dapat mengurus diri dan waktu yang baik. Sebelum memutuskan menjadi *mompreneur* lebih baik jika segalanya telah dikomunikasikan dengan keluarga sehingga tidak menyebabkan perselisihan dalam rumah tangga karena kegiatan keusahawan yang dijalankan *mompreneur*. Manakala Ermadi (2018) menyatakan bahwa menjadi ibu sekaligus *entrepreneur* atau *mompreneur* bukanlah hal yang mudah. Agar keduanya berjalan lancar harus bijak mengurus urusan perniagaan dan rumah tangga kerana terdapat beberapa perkara yang harus dikorbankan ketika seorang *mompreneur* memilih menjadi seorang usahawan (Pancasasti, 2017: 118).

## Metodologi Kajian

Penelitian ini termasuk dalam jenis penelitian deskriptif kualitatif. Subjek penelitian ditentukan dengan *purposive* iaitu dipilih dengan pertimbangan dan tujuan tertentu. Pada penelitian ini yang menjadi sampel penelitian adalah suri rumah yang merupakan penduduk tempatan dan bukan pendatang yang tinggal di Desa Tamantirto, Yogyakarta, Indonesia yang memiliki perniagaan dengan berskala mikro yang berjumlah enam orang suri rumah yang terlibat dalam bidang keusahawan. Teknik pengumpulan data dilakukan dengan observasi dan wawancara. Observasi yang dilakukan adalah observasi non partisipan karena dalam penelitian ini peneliti tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti sumber data, melainkan hanya mengamati sumber data saja. Teknik wawancara yang digunakan adalah wawancara semi-struktur (*semistructure interview*) karena bertujuan untuk menemukan permasalahan secara lebih terbuka, wawancara dilaksanakan secara langsung oleh peneliti kepada para suri rumah yang memiliki bidang usaha untuk meneliti lebih mendalam terkait faktor sosial yang melatarbelakangi *mompreneur* atau suri rumah di Desa Tamantirto dalam bidang keusahawanan. Analisis data dalam penelitian ini menggunakan teknik analisis interaktif model Miles & Huberman (2014: 16) yang meliputi: (1) reduksi data, (2) display/penyajian data, (3) mengambil kesimpulan lalu diverifikasi. Data yang telah terkumpul dianalisis, apabila ada yang tidak sesuai dengan tujuan penelitian maka dilakukan pengulangan

pengesahan data, karena data yang terkumpul sering keluar dari topik perbincangan. Kemudian data yang telah disahkan ditulis dalam bentuk laporan. Apabila masih terdapat data yang dirasa kurang peneliti mengumpulkan data kembali, dilanjutkan dengan mengesahkan dan menyajikan data. Hal ini dilakukan secara berulang-ulang sesuai keperluan penelitian sehingga dapat di buat kesimpulan.

## Dapatan Kajian Dan Hasil Perbincangan

Penelitian ini dilakukan terhadap *momprenneur* di Desa Tamantirto Kasihan, Bantul, Yogyakarta, Indonesia dengan responden berjumlah enam orang *momprenneur* yang merupakan penduduk tempatan dan bukan pendatang serta memiliki perniagaan yang berskala mikro. Responden memiliki kedai dobi, toko kelontong, warung makan, dan salon. Pada umumnya faktor ekonomi menjadikan faktor utama seorang suri rumah menjadi *momprenneur*. Keadaan ekonomi yang mapan tentunya merupakan impian sebuah keluarga, akan tetapi tidak semua keluarga mendapatkan keberuntungan tersebut. Seorang ayah yang bertugas mencari nafkah mungkin belum mampu memenuhi seluruh keperluan keluarga secara cukup, sehingga seorang suri rumah berusaha memperoleh penghasilan sebagai tambahan keluarga agar mampu hidup secara normal dengan melakukan perniagaan.

Seseorang terlibat dalam perniagaan bukan hanya dipengaruhi oleh faktor ekonomi saja, melainkan masih ada faktor yang lain terutama ketika seseorang hidup bermasyarakat. Dalam hidup bermasyarakat seseorang tidak lepas dari tanggung jawab sosial, saling tolong menolong dan mengikuti aktiviti sosial yang berkembang di lingkungan masyarakat setempat. Para suri rumah juga memiliki tanggungan pengeluaran kewangan untuk hidup bermasyarakat. Oleh karena itu terdapat alasan sosial yang juga menjadi faktor yang melatarbelakangi suri rumah terlibat dalam bidang keusahawan. Merujuk teori yang dikemukakan Daryanto (2012: 12), bahwa alasan sosial seseorang untuk menjadi usahawan iaitu untuk mempertingkatkan status sosial, ingin dikenali dan dihormati, serta menjadi contoh bagi orang lain dan agar boleh bertemu dengan banyak orang. Teori ini akan menjadi bahan analisis kesesuaian dengan hasil penelitian yang diperoleh.

Hasil penelitian pada *momprenneur* di Desa Tamantirto Kasihan, Bantul, Yogyakarta, Indonesia, membuktikan bahawa suri rumah yang menjadi usahawan atau memilih menjadi *momprenneur* disebabkan beberapa faktor sosial iaitu:

### 1. Membantu jiran yang memerlukan bantuan.

Hidup bermasyarakat sudah pasti harus saling membantu dalam segala hal termasuk saat jiran sedang kesusahan atau kesenangan. Dalam kehidupan, manusia memiliki peranan sebagai makhluk individu dan sekaligus sebagai makhluk sosial. Sebagai makhluk sosial manusia memiliki sifat saling memerlukan. Memberi dan menerima adalah hal yang wajar terjadi dalam hidup dalam lingkungan sosial. Hidup dalam masyarakat, manusia dituntut untuk melakukan kegiatan yang memberi manfaat bagi orang lain, menyesuaikan dengan lingkungan tempat tinggal, bergotong royong, saling membantu meringankan beban bagi anggota masyarakat lain yang sedang tertimpa musibah. Di dalam masyarakat manusia hidup berdampingan dengan

tetangga, sehingga harus sedia memberikan bantuan. Bentuk bantuan itu biasanya dengan memberi sumbangan berupa tenaga, harta atau pemikiran kepada tetangga.

Setiap masyarakat memiliki adat istiadat atau kebiasaan yang tumbuh dan berkembang. Adat istiadat atau kebiasaan di masing-masing masyarakat bersifat unik dan tentunya berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Berkaitan dengan adat istiadat yang masih berjalan di Yogyakarta iaitu terdapat suatu kebiasaan yang disebut dengan “nyumbang” (menyumbang). “Nyumbang” adalah bentuk bantuan yang diberikan kepada keluarga, kerabat atau tetangga berupa sejumlah wang agar dapat digunakan sebagai pembiayaan tertentu. Contohnya yang dilakukan oleh masyarakat Yogyakarta adalah pernikahan, kelahiran anak, khitanan, dan juga kematian. Saat salah satu anggota masyarakat membuat dan terlibat dalam acara tersebut, tumbuhlah kewajiban bagi masyarakat yang lain untuk “nyumbang”. Sehingga “nyumbang” menjadi suatu keperluan yang perlu dianggarkan dalam pengurusan kewangan dalam keluarga. Keperluan untuk “nyumbang” tidaklah sedikit, karena masyarakat Yogyakarta yang memegang tradisi Jawa mempercayai bahawa terdapat bulan-bulan baik untuk melaksanakan pelbagai program, sehingga pada bulan-bulan tertentu pengeluaran untuk “nyumbang” menjadi sangat banyak. Di saat seperti inilah diperlukan tambahan pendapatan dalam keluarga untuk membiayai pengeluaran tersebut. Penghasilan suri rumah digunakan untuk melakukan kegiatan sosial karena gaji suami terkadang diperoleh dalam sebulan sekali. Sehingga tidak jarang suri rumah menggunakan wang dari penghasilannya sendiri. Selain itu suri rumah juga menganggap kegiatan sosial tersebut penting untuk diikuti karena keadaan ini bersifat saling bergantian. Saat ini membantu tetangga yang memiliki keperluan suatu ketika saat diri sendiri mempunyai keperluan, maka juga akan mendapat bantuan jiran tetangga. Maka dari itu alasan suri rumah mendirikan usaha juga salah satunya untuk keperluan sosial di masyarakat, karena sudah sewajarnya hidup bermasyarakat harus saling membantu.

## 2. *Agar menjadi terkenal di masyarakat.*

Kebanyakan kegiatan perniagaan yang ditekuni oleh *momprenneur* di Desa Tamantirto, Bantul, Yogyakarta, Indonesia diberi nama dengan cara menggunakan nama *momprenneur* sendiri atau nama anggota keluarganya. Papan nama yang ada pada setiap perniagaan terlihat menggunakan nama depan atau singkatan nama, dan ada juga yang menggunakan nama anak *momprenneur* tersebut. Hal tersebut dilakukan agar usaha suri rumah tersebut dikenali banyak orang. *Momprenneur* beranggapan bahawa dengan memberikan nama perniagaan dengan namanya atau anggota keluarganya akan membuat masyarakat lebih mengenal setiap usaha mereka. Dengan mendirikan perniagaan, suri rumah ingin dikenal oleh masyarakat dengan usaha ini. Hal ini sesuai dengan teori yang dikemukakan Daryanto bahawa alasan sosial menjadi usahawan adalah untuk dapat dikenal. Alasan menjadi terkenal juga sesuai dengan teori yang dikemukakan oleh Malahayati bahawa menjadi *momprenneur* memiliki keuntungan membuat diri popular, serta relevan dengan apa yang dikemukakan oleh Kusuma bahawa menjadi *momprenneur* menyebabkan mereka menjadi terkenal melebihi wanita karier. Hal ini tentunya terjadi apabila usaha yang dilakukan *momprenneur* berjalan dengan baik dan mencapai kesuksesan terutama dari segi pendapatan usaha yang diperoleh dari perniagaan. Saat *momprenneur* menjadi terkenal kerana usahanya maka *momprenneur* harus menjaga kualiti perniagaannya dan dapat meningkatkan kualiti produk ataupun pelayanannya sehingga akan terus menjadi terkenal.

3. *Untuk mempertingkatkan status sosial*

Bagi suri rumah memiliki usaha sendiri merupakan suatu kebanggaan. Di saat usaha yang dijalankannya dikenal banyak orang maka mereka juga boleh memperoleh status di lingkungannya bahwa mereka memiliki perniagaan. Status tersebut sangat berharga bagi seorang *momprenneur* karena status tak terpisahkan dengan kepopuleran di kalangan masyarakat. Hal ini juga sesuai dengan teori yang dikemukakan Daryanto bahwa alasan sosial menjadi usahawan adalah untuk mempertingkatkan status.

4. *Berinteraksi dengan orang lain.*

Seperti yang dilakukan para suri rumah yang mendirikan perniagaan, dengan menjadi usahawan mereka juga dapat saling berinteraksi atau bertemu dengan masyarakat lain. Interaksi tersebut terjadi saat *momprenneur* melayani pelanggan yang mendatangi tempat usahanya. Dapat berinteraksi atau bertemu dengan orang lain merupakan salah satu keperluan sosial sebagai manusia. Berinteraksi dengan orang lain dapat saling bertukar pengalaman yang dapat mempererat hubungan dalam masyarakat. Hal ini sesuai dengan yang dikemukakan Daryanto bahwa alasan seseorang menjadi usahawan salah satunya iaitu bertemu dengan banyak orang, serta relevan dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Kusuma dan Malahayati bahwa menjadi *momprenneur* dapat memiliki keuntungan iaitu mempunyai pergaulan yang luas. Saat *momprenneur* memiliki kesempatan berinteraksi dengan orang lain berarti terdapat kesempatan bagi *momprenneur* untuk memperluas pergaulan. Kesempatan berinteraksi dan bergaul dapat digunakan *momprenneur* untuk selalu menambah ilmu dan kemahiran terutama di bidang keusahawan yang ditekuninya sehingga dapat bermanfaat dalam mengembangkan perniagaanya.

## Kesimpulan

Faktor sosial yang melatarbelakangi suri rumah menjadi *momprenneur* adalah untuk membantu jiran tetangga yang memerlukan bantuan, menjadi terkenal di masyarakat, mempertingkatkan status sosial, dan agar dapat berinteraksi dengan orang lain. Hal ini erat kaitannya dengan teori yang menyatakan bahwa manusia sebagai makhluk sosial selalu memerlukan orang lain. Ternyata sebagai makhluk sosial juga tak dapat dilepaskan dari peranannya sebagai makhluk ekonomi. *Momprenneur* menjalankan suatu usaha adalah bentuk dari pelaksanaan peranan manusia sebagai makhluk ekonomi (memenuhi keperluan keluarga) dan manusia sebagai makhluk sosial (saling membantu dan berinteraksi). Suri rumah yang menjadi *momprenneur* disebut sebagai wanita karier, sehingga perlu mengurus diri yang baik sebagaimana seorang *momprenneur* dapat menjalankan peranannya di sektor domestik iaitu sebagai suri rumah dan peranannya di sektor publik iaitu sebagai pekerja. Selain itu *momprenneur* sebagai anggota masyarakat harus dapat menjaga keharmonian dengan anggota masyarakat lain dan tetap menjalankan kewajibannya sebagai anggota masyarakat. Dalam menjalankan perniagaan jangan hanya berorientasi pada faktor ekonomi saja tetapi faktor sosial juga perlu dipertimbangkan karena manusia merupakan bagian dari suatu sistem sosial iaitu masyarakat.

## Rujukan

- Aina, A.Q., Suwarsinah, H.K., & Burhanuddin. (2018). "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Perilaku Wirausaha Mompreneur: Studi Kasus Komunitas Bunda Online." *Forum Agribisnis*, 8 (1), 17-34.
- Anandari, Y.O., Sekarini, O., & Widiastuti, A. (2018). "Keadaan Sosiologis mantan Buruh Migran Korban Trafficking di Desa Nomporejo Galur Kulonprogo." *JIPSINDO*, 5 (1), 52.
- Daryanto. (2012). *Pendidikan Kewirausahaan*. Yogyakarta: Gava Media
- Daulerio, P.P., (2018). Intrinsic Entrepreneurial Motivation Factors: Gender Differences. *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, 34 (3), 362-380. DOI: [10.1504/IJESB.2018.092751](https://doi.org/10.1504/IJESB.2018.092751)
- Ermadi, A.A., (2018). Mau Jadi Mompreneur? Ini Tipsnya. Diakses dari <https://www.digination.id/read/013152/> [1 September 2019].
- Hapsari, D.W. (2017). Hubungan Antara Adversity Quotient Dan Self Efficacy Dengan Intensi Berwirausaha Pada Mompreneur. Diakses dari <http://eprints.ums.ac.id/57298/3/BAB%2520I.pdf>
- Korsgaard, S. (2007). "Mompreneurship as a Challenge to the Growth Ideology of Entrepreneurship". *Kontur*, 16 (1) Akses dari <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.627.5357&rep=rep1 &type=pdf>. [23 November 2016]
- Krueger, Meredith Johnson. (2015). "Care and capitalist crisis in anglophone digital landscapes: the case of the mompreneur." Thesis pada University of Washington tidak dipublikasikan.
- Kusuma. (2018). *Mompreneurship*. Yogyakarta: Charissa Publisher.
- Malahayati. (2009). *99 Bisnis Ibu Rumah Tangga*. Jakarta: Penebar Plus
- Mappiare, Andi. (1983). *Psikologi Orang Dewasa*. Surabaya: Usaha Nasional
- Maritz, A. & Thongprovati, O. (2010). "Motherhood and Entrepreneurship: The Mumpreneur Phenomenon." *International Journal of Organizational Innovation*, 3(1), 6-34.
- Miles & Huberman. (2014). *Analisis Data Kualitatif: Buku Sumber Tentang Metode-metode Baru*. Jakarta: Universitas Indonesia (UI-Press)
- Othman, Nor Hafiza. (2016). "Influence of Work Experience and Education towards Business Performance among Entrepreneurs". *International Business Education Journal*, 9(1), 78-87.
- Pancasasti, Ranthy. (2017). Mengelola Perilaku Kewirausahaan Mompreneur Berbasis Teknologi Informasi dan Komunikasi di Kota Tangerang Selatan. *Ekonomika* 12(2), 113-122.
- Park, Tae-Young. (2018). "Research on Korean Female Entrepreneurss for The Last Two Decades: Past Trends and Future Opportunities." *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, 35(3), 327-355. DOI: [10.1504/IJESB.2018.095905](https://doi.org/10.1504/IJESB.2018.095905).



- Ramadani, Ninin. (2016). Implikasi peran ganda perempuan dalam kehidupan keluarga dan lingkungan masyarakat. *Sosietas*, 2 (6), 2-3.
- Samsudin, Noorsamsinar. (2016). "Students' Readiness, Motivation, and Attitude Toward Entrepreneurship." *International Business Education Journal*, 9(1), 50-57.
- Saningputro, G.P.; Yuniawan, A. & Rahardja, E. (2019). Motivasi Momprenneur untuk Terlibat dalam Komunitas Indonesia Momprenneur. Diakses dari [http://eprints.undip.ac.id/48619/1/JURNAL\\_MOTIVASI\\_MOMPREENEUR\\_UNTUK\\_TERLIBAT\\_DALAM\\_KOMUNITAS\\_INDONESIA\\_MOMPREENEUR.pdf](http://eprints.undip.ac.id/48619/1/JURNAL_MOTIVASI_MOMPREENEUR_UNTUK_TERLIBAT_DALAM_KOMUNITAS_INDONESIA_MOMPREENEUR.pdf). [27 Ogos 2019].
- Triana, A. & Krisnani, H. (2018). "Peran Ganda Ibu Rumah Tangga Pekerja K3L UNPAD dalam Rangka Menunjang Perekonomian Keluarga." *Prosiding Penelitian dan Pengabdian Kepada Masyarakat*, 5(2), 188-197.
- Truant, E., Broccardo, L., & Ratten, V., (2019). "Management control systems in family businesses: do women matter? Evidence from the Italian food sector". *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, 37(1),54-70. DOI: [10.1504/IJESB.2019.099881](https://doi.org/10.1504/IJESB.2019.099881).
- Tumbage, Tasik & Tumengkol. (2017). Peran ganda ibu rumah tangga dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga di desa allude kecamatan kolongan kabupaten talaud. *Jurnal Acta Diurna*, 2 (4), 7.

## **PENERIMAAN BELIA TERHADAP BERITA DALAM TALIAN (ONLINE): KAJIAN DI KENINGAU, SABAH**

### ***YOUTH ACCEPTANCE OF ONLINE NEWS: A STUDY IN KENINGAU, SABAH***

Arlyn Matutis @ Matulis<sup>1</sup> dan Norazlan Hadi Yaacob<sup>2</sup>

1. Mahasiswa tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), email: [arlynmatutis@gmail.com](mailto:arlynmatutis@gmail.com)
2. Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), email: [norazlan@fsk.upsi.edu.my](mailto:norazlan@fsk.upsi.edu.my)

### **ABSTRAK**

Proses globalisasi yang semakin berkembang telah menggalakkan penerbitan berita dalam talian. Berita dalam talian adalah jenis berita yang disebarkan secara *online* dalam bentuk teks, audio, video, dan live streaming. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui jenis-jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan belia, mengenalpasti kekerapan masa yang diluangkan belia untuk membaca berita dalam talian dan menganalisis faktor-faktor yang mendorong belia untuk mengakses berita dalam talian. Kaedah tinjauan (Survey) telah digunakan dalam kajian ini dimana seramai 100 orang belia yang berumur antara 15 tahun hingga 30 tahun telah dipilih sebagai sampel kajian di daerah Keningau, Sabah dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Data-data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan SPSS versi 26. Hasil kajian mendapati jenis berita kesihatan merupakan berita yang paling banyak dipilih dalam kalangan belia. Data juga menunjukkan majoriti belia kerap membaca berita dalam talian pada setiap hari, tetapi hanya memperuntukkan masa kurang daripada 30 minit setiap kali membaca berita dalam talian. Sementara itu, faktor yang paling tinggi yang mendorong belia mengakses berita dalam talian adalah faktor “Saya boleh mendapatkan maklumat pada bila-bila masa sahaja dengan menggunakan telefon pintar, tablet atau komputer riba”. Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa dengan kewujudan pelbagai media pada hari ini, sumber berita dalam talian sentiasa memainkan peranan penting dan diterima dengan baik dalam kalangan belia yang berumur 15 tahun hingga 30 tahun di Keningau khususnya.

**Kata kunci:** penerimaan, belia, berita dalam talian (online), Keningau.

#### **ABSTRACT**

The emerging process of globalization has encouraged the publishing of online news. Online news is information that are being distributed via internet in the form of text, audio, video, and live steaming. The objective of this study was to determine which type of online news are preferred by youth, identifying the frequency of time spent by them with which they read online news, and analyzing the variables that encourage them to access online news. This research implemented the survey method, with a total of 100 youths aged from 15 to 30 years old selected as the study sample in the district of Keningau, Sabah, by using simple random sampling. The data was descriptively analyzed using SPSS version 26. According to the findings of the study, health news is the most selected news among youths. The data also shows that majority of the youth regularly read online news on a daily basis, but only allocate less than 30 minutes each time they read. Meanwhile, the highest factor that drives youth to access online news is the factor of “I can get information at any time using a smartphone, tablet or laptop. To conclude the study, in today’s enviroment that is fully equip with media shows that online news sources have always played an important role and have been well received among youths aged from 15 to 30 years old in Keningau in particular.

**Keywords:** acceptance, youth, online news, Keningau,

#### **PENGENALAN**

Dari awal pengenalan persuratkhabaran di Malaysia sehinggalah kini, sumber berita sememangnya boleh dikatakan penting dalam bidang kewartawanan apatah lagi dengan kemunculan berita dalam talian di internet telah menyaksikan mediaskap di Malaysia mengalami perubahan yang cepat. Akhbar dalam konteks masyarakat Malaysia sememangnya telah berjaya melepasi sekurang-kurangnya dua evolusi media massa di Malaysia. Ini dapat dilihat pertamanya dengan kehadiran media elektronik iaitu radio serta televisyen. Kedua pula apabila internet mula masuk di Malaysia pada pertengahan 1990-an. Saluran berita yang dahulunya bergantung dengan akhbar bercetak ini telah menyaksikan pertukaran kepada secara elektronik yang mana internet dipilih sebagai saluran pengantara. Menurut Tiung dan Mohd Safar (2016), kumpulan *News Straits Times Press* (NSTP) dan *Media Chinese International Limited* (MCIL) adalah antara pemain utama dalam industri media cetak di Malaysia. Kedua-dua kumpulan tersebut telah aktif mengeluarkan berita versi dalam talian dalam bahasa lain untuk menyasarkan khalayak di seluruh dunia. Sebagai contoh, *The Star* mempunyai pelancaran laman bahasa Melayu iaitu *mstar.com.my*, manakala *The Sin Chew Daily* memperkenalkan *mysinchew.com* dengan menyediakan berita dalam bahasa Inggeris. Selain itu, seiring dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), semakin banyak kumpulan akhbar bercetak telah mengambil langkah untuk mewujudkan portal berita masing-masing seperti *Berita Harian online*, *Bernamea.com*, *AstroAwani online* dan sebagainya. Peningkatan akhbar *online* atau berita dalam talian ini memperlihatkan telah berjaya menarik perhatian orang ramai untuk memilih pelbagai platform dalam internet untuk mengakses berita pada bila-bila masa sahaja.

Chamil (2008) berpendapat berita merupakan laporan yang berasaskan fakta (mempunyai fakta; bukan rekaan atau dongengan), baharu dan menarik minat khalayak untuk membaca, mendengar dan menontonnya. Mansor (1986) turut mendefinisikan berita sebagai laporan tentang isu semasa yang tepat, penting, ganjil dan menarik, serta idea dan pendapat yang menarik perhatian pembaca. Manakala, istilah 'dalam talian' atau *online* digunakan untuk menggambarkan akses kepada maklumat digital, pemerolehan dan penyebaran maklumat (Ward 2002). Berdasarkan definisi-definisi yang dinyatakan, berita dalam talian merujuk kepada akhbar cetak dalam talian yang boleh diakses menggunakan internet. Internet sebagai media baharu memainkan peranan penting dalam bidang komunikasi. Penggunaannya mempunyai implikasi yang sangat luas ke atas aktiviti pencarian, pemprosesan dan penyebaran maklumat.

Juliana (2012) menyatakan internet menjadi sumber utama berita kerana boleh diakses 24 jam sehari dan pembaca tidak perlu menunggu seperti dalam akhbar bercetak untuk mencari berita yang menarik minat mereka. Melalui internet, maklumat dapat diperolehi dan dibaca di mana-mana sahaja dengan menggunakan peranti pintar seperti telefon pintar, komputer riba dan tablet. Chamil (2012) turut menyatakan sifat internet yang mudah diakses pada setiap masa dan di mana-mana sahaja telah menjadi pilihan masyarakat. Kebergantungan masyarakat terhadap internet telah menyebabkan pembaca beralih arah daripada membaca akhbar bercetak kepada portal berita dalam talian (Shahrul & Normah, 2016). Media dalam talian membolehkan pembaca menikmati pencarian kandungan atau maklumat mereka dan menawarkan bukan sahaja teks tetapi juga gambar digital. Media dalam talian juga dapat menyampaikan maklumat dan pautan terkini untuk artikel berita yang berkaitan dari topik tempatan sehingga antarabangsa (Yoshiko Nozato, 2002).

Kemunculan internet sememangnya telah mengubah mediaskap Malaysia terutamanya mengubah cara para pengguna berurusan dengan berita akhbar kerana mereka boleh memperolehi berita melalui versi *online*. Ini berkait rapat dengan populariti telefon pintar dalam kalangan rakyat Malaysia dan kemudahan akses internet yang mudah diperolehi (Tiung & Mohd Safar, 2016). Bagi generasi dewasa, kemudahan internet mungkin tidak memberi impak yang ketara kepada aktiviti harian mereka. Namun begitu, bagi generasi muda kemudahan internet merupakan satu revolusi dalam konteks kehidupan mereka. Ini kerana mereka mampu memperluaskan jaringan komunikasi mereka serta dapat mencari maklumat dengan lebih pantas. Kemunculan saluran media alternatif ini bukan sahaja mengubah corak penghantaran dan pengaliran maklumat, malah mencetuskan penyebaran pendapat awam secara meluas.

Melalui laporan Tinjauan Pengguna Internet 2020 yang diperolehi daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, pengguna internet di Malaysia pada tahun 2020 meningkat sebanyak 1.3% iaitu daripada 87.4% pada tahun 2018 kepada 88.7% pengguna internet pada tahun 2020. Melalui laporan tersebut juga menyatakan data terbaru dari Reuters Institute menunjukkan bahawa sumber berita di Malaysia melalui internet adalah yang paling banyak diakses (akses 86.0% berita dalam talian dan 70.0% mengakses berita dari media sosial), berbanding sumber berita tradisional (50.0% dan 30.0% masing-masing mengakses berita dari televisyen dan akhbar bercetak). Sifat internet telah membolehkan berita dalam talian beroperasi dengan lebih mudah kerana tidak banyak wang yang diperlukan. Lebih-lebih lagi, rakyat Malaysia pada amnya mahu sesuatu yang berbeza, rupa yang lebih segar dan perspektif yang berbeza.

Mengikut statistik Reuters Institute Digital News Report 2020 menunjukkan purata pengunjung meletakkan portal berita dalam talian yang paling popular di Malaysia adalah Malaysiakini diikuti AstroAwani *online* dan kemudian The Star *online*.

**Jadual 1: Berita online paling popular di Malaysia tahun 2020  
Reuters Digital News Report 2020**

---

1.	Malaysiakini
2.	AstroAwani online
3.	The Star online
4.	Berita Harian online
5.	Harian Metro online
6.	Sinar Harian
7.	Malaysia Today
8.	Yahoo!News
9.	Free Malaysia Today

10. Bernama.com
11. CNN.com
12. BBC News Online
13. The Malaysian Insight
14. NST online
15. Malay Mail online
16. BuzzFeed News

---

Sumber: Reuters Digital News Report 2020

Sebahagian besar daripada laman berita tersebut merupakan saluran media tradisional yang memutuskan untuk memperkenalkan versi online ekoran perkembangan semasa penggunaan internet dalam kalangan rakyat Malaysia. Kebanyakan belia juga lebih selesa mendapat maklumat atau mengikuti perkembangan semasa melalui media baharu. Mereka akui lebih mudah dapat maklumat melalui internet sama ada menerusi komputer atau telefon pintar. Akmar Hayati dan Siti Zobidah (2015), juga menyatakan bahawa antara faktor yang mendorong pembaca untuk membaca secara dalam talian adalah kerana senang untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Ini bermakna pembaca tidak perlu keluar untuk membeli akhbar.


Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat bagaimana penerimaan belia terhadap berita dalam talian kerana rata-rata masyarakat khususnya belia kini sudah tidak berminat untuk membeli walaupun senaskhah akhbar. Walaupun mereka menyedari bahawa maklumat yang diperoleh daripada berita dalam talian mempunyai keraguan akan kesahihannya. Penilaian ke atas penerimaan masyarakat terhadap berita dalam talian amat penting bagi memastikan berita yang disiarkan dan dibaca oleh pembaca adalah berita yang benar berdasarkan sumber yang sah.

## **PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Satu isu yang muncul hasil ledakan teknologi digital ialah persoalan kebolehpercayaan media baru dan berita yang disalurkan menerusi media baru seperti internet. Sejak berkembangnya teknologi digital, pelbagai fenomena seperti fitnah, laporan palsu, berita yang negatif telah berlaku. Menurut Rani Ann dan Faridah (2013), berita yang dipaparkan menerusi dalam talian kebanyakannya di tulis oleh wartawan yang tidak melalui latihan kewartawaan yang formal. Malahan, sebelum sesuatu berita dikeluarkan untuk tatapan masyarakat, berita dalam talian tidak melalui proses editorial dan 'gatekeeping' yang ketat seperti mana yang dilalui oleh media konvensional (Flanagin & Metzger, 2000). Maka, kebolehpercayaan internet menjadi perhatian utama kerana pencarian maklumat adalah salah satu tujuan utama penggunaan internet. Pengguna dalam talian mempunyai akses mudah ke sumber yang banyak tetapi juga berisiko mendapat maklumat palsu. Nampaknya, terdapat sedikit kawalan dan penjaga pintu di laman web dalam talian daripada penerbitan cetak.

Perkongsian kandungan dalam talian telah menjadi isu penting kerana kes berita palsu, kegiatan buli siber dan aktiviti jenayah dalam talian yang semakin meningkat seluruh dunia. Malaysia juga tidak lepas dari menghadapi isu-isu seperti itu. Merujuk kepada Laporan Tinjauan Pengguna Internet 2020 berkaitan perkongsian kandungan dalam talian, sumber berita (66.9%) dan pengumuman perkhidmatan awam (60.9%) pada tahun 2020 adalah yang paling banyak berkongsi kandungan dalam talian. Terdapat sedikit peningkatan dalam peratusan berita dikongsi dalam talian dari 63.9% pada tahun 2018. Dapatan ini sesuai dengan hasil kajian Reuters Institute yang menyatakan bahawa berita dalam talian menjadi sumber berita yang paling dominan. Peningkatan ini juga berkemungkinan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertepatan dengan tinjauan kerja lapangan. Pengguna internet sangat bergantung kepada maklumat terkini kes COVID-19 yang diberikan oleh pihak berkaitan dalam talian untuk mengetahui arahan rasmi mengenai status harian kes tersebut.

**Rajah 1: Jenis kandungan yang dikongsi dalam talian pada tahun 2018 & 2020**



Sumber: Laporan Tinjauan Internet Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020 Merujuk sumber Kementerian Komunikasi dan Multimedia tahun 2020, susulan daripada isu penularan wabak COVID-19 dan Perintah Pengawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan menyatakan bahawa sebanyak 255 kes berita palsu telah dilaporkan dan telah dinafikan serta diperjelaskan kepada orang ramai melalui Pasukan Respond Pantas (PRP). Antara berita palsu yang telah tersebar luas adalah mengenai isu kekurangan bekalan makanan sepanjang tempoh PKP yang dijalankan (Nuramaliya & Rosmawati, 2020). Menurut Ika Rusdiana (2018) pula berita palsu mudah tersebar dengan lebih luas, cepat dan pantas berbanding dengan berita benar terutama

hal yang berkaitan dengan isu politik, kesihatan, keselamatan dan bencana alam. Hal ini menunjukkan bahawa penularan berita palsu yang tidak terkawal mampu memberi kesan yang negatif terhadap kesejahteraan dan keharmonian masyarakat secara umumnya. Oleh sebab itu, kredibiliti berita dalam talian sering dipersoalkan.

Tambahan lagi, masyarakat masa kini lebih cenderung untuk menggunakan media sosial bagi membincangkan isu-isu terkini di samping mengeluarkan pendapat masing-masing berkenaan dengan isu-isu tersebut. Platform yang paling popular pada masa kini yang sering menjadi tempat penyebaran berita palsu ialah Facebook, Twitter, Whatsapp dan lain-lain medium media sosial. Ini ditambah pula dengan penggunaan telefon pintar yang memudahkan masyarakat untuk memperoleh maklumat dengan cepat. Perkara ini boleh dikatakan salah satu cabaran yang dihadapi untuk memastikan ketulenan atau kesahihan sesuatu berita yang dibaca di media sosial. Masyarakat khususnya para belia akan terdedah dengan pelbagai bentuk berita atau maklumat yang palsu dengan informasi di hujung jari sahaja. Perkongsian berita atau maklumat palsu ini sedikit sebanyak akan menjejaskan pihak yang terlibat dengan penularan berita atau maklumat tersebut.

Akhirnya, timbul persoalan mengapa berita dalam talian menjadi pilihan pembaca sedangkan wujud keraguan tentang kredibilitinya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui penerimaan belia khususnya terhadap berita dalam talian (online news).

Manakala objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui jenis-jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan belia di Keningau.
- ii. Mengenalpasti kekerapan masa yang diluangkan belia untuk membaca berita dalam talian.
- iii. Menganalisis faktor-faktor yang mendorong belia untuk mengakses berita dalam talian

## **SOROTAN LITERATUR**

Berita dalam talian ditakrifkan sebagai media yang memiliki kemampuan untuk menawarkan berita siaran langsung, audio dan video berdasarkan teknologi *hipermedia* dan *hiperteks* yang berkembang pesat merangkumi suara dan grafik. Lidwina Galih (2012) menyatakan berita dalam talian sememangnya masih mempunyai hubungan dengan surat khabar bercetak tradisional (teks dan foto), tetapi berita dalam talian berpotensi untuk memanfaatkan ciri-ciri baru melalui teknologi media digital yang meliputi audio, video, animasi, dan pengguna kawalan. Kelebihan berita dalam talian ini adalah berita sentiasa dikemas kini, mempunyai interaktiviti, hiperteks, dan multimedia.

Terdapat kajian berkaitan kebolehpercayaan berita dalam talian seperti kajian Mohd. Baharudin Othman et al. (2005) dalam kajian bertajuk *Penerimaan dan Kebolehpercayaan Berita dalam Talian (online)* mengkaji dan menganalisis tahap kebolehpercayaan berita dalam talian (online) yang melibatkan sejumlah 600 pelajar institusi pengajian tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa perolehan berita secara online dalam kalangan pelajar adalah ditahap rendah. Walaubagaimanapun dari segi tahap kepercayaan terhadap berita online dapat disimpulkan sebagai sederhana. Selain itu

faktor-faktor demografi juga didapati tidak menunjukkan nilai yang signifikan dengan kebolehpercayaan berita online.

Kajian yang bertajuk *Penerimaan Belia Terhadap Portal Berita dalam Talian* yang ditulis oleh Rahmawati Nurdin et al. (2018) pula bertujuan untuk mengetahui jenis-jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan belia dan mengenal pasti perkaitan faktor dominan dengan penerimaan belia terhadap berita dalam talian. Teori yang menjadi asas dalam penyelidikan ini ialah Teori Prominen-Interpretasi. Hasil kajian menunjukkan maklumat yang kerap dibaca oleh responden adalah berita jenayah, hiburan dan politik. Analisis menunjukkan bahawa sekiranya belia mempunyai pengalaman dengan portal berita dalam talian dan dalam masa yang sama perlu menyiapkan tugas yang memerlukan mereka mencari berita melalui portal, maka mereka akan menerima portal berita dalam talian.

Normah Mustaffa et al. (2017) dalam artikel yang bertajuk *Persepsi Khayalak Terhadap Kredibiliti Media di Malaysia* pula menganalisis komponen kredibiliti berita dalam akhbar, televisyen dan dalam talian (online). Instrumen kajian ini adalah soal selidik yang mengandungi skala kredibiliti yang diadaptasi daripada Gaziano dan McGrath (1986) iaitu amanah, semasa, berat sebelah, adil, lengkap, objektif, jujur, terkini, percaya atau yakin, seimbang, ketepatan dan tepat pada masa. Hasil kajian menunjukkan bahawa kredibiliti berita dalam akhbar dan televisyen mempunyai persamaan tetapi tidak kepada kredibiliti berita internet.

Yoshiko Nozato (2002) dalam kajian yang bertajuk *Credibility of Online Newspapers* juga mengkaji kredibiliti berita dalam talian. Kajian ini mendapati terdapat hubungan langsung antara kredibiliti media dan pengalaman responden menggunakan internet, berita *online* dan kekerapan mereka menggunakan media tersebut. Responden yang berpengalaman menggunakan internet bagi tujuan mendapatkan maklumat amat mementingkan kesesuaian masa, kandungan maklumat yang terperinci, reputasi media dan ketepatan berita tersebut. Tahap kredibiliti pengguna terhadap berita *online* adalah tinggi. Namun begitu, kelemahan paling nyata dalam mendapatkan maklumat *online* adalah pengguna gagal mengesan sesuatu artikel melalui browser yang sama pada masa yang berlainan. Kredibiliti berita dalam talian dinilai tinggi dan dianggap sebagai media yang boleh dipercayai.

Selain itu, kajian Akhmar Hayati Ahmad Ghazali et al. (2016) dalam artikel yang bertajuk *Credible Online News? Yes or No* dijalankan untuk menentukan kredibiliti berita dalam talian dan untuk mengenal pasti hubungan antara kredibiliti berita dalam talian dan penerimaan belia. Kajian ini menunjukkan bahawa sekumpulan belia wanita adalah kumpulan biasa yang mencari dan membaca dalam talian maklumat. Berdasarkan hasil kajian, berita dalam talian di Malaysia kurang dipercayai. Walaupun berita dalam talian kurang dipercayai, hasilnya menunjukkan bahawa belia membaca berita dalam talian kerana kandungannya terkini. Selanjutnya, hasil ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa semakin banyak unsur yang boleh dipercayai dalam berita dalam talian, semakin banyak medium diterima oleh belia.

Bentley, Quehl, Wirfs-Brock dan Bica (2019) dalam kajian mereka yang bertajuk *Understanding Online News Behaviors* menjelaskan pada masa kini orang ramai dapat mencari berita dari ribuan laman berita dalam talian melalui pelbagai saluran seperti carian web atau portal berita, media sosial, buletin e-mel, atau laman-laman lain. Kajian ini mendapati bahawa 20% daripada semua



responden mencari berita dengan carian web, manakala 16% melalui media sosial, 61% sesi berita hanya melibatkan satu berita domain, dan 47% responden membaca berita dari kedua-dua platform. Ini dapat disimpulkan kunci implikasi untuk berita dalam talian adalah melalui media sosial dan laman web.

Vermeer, Trilling, Kruikemeier dan Vreese (2020) dalam kajian bertajuk *Online News User Journeys: The Role of Social Media, News Websites, and Topics* menunjukkan bahawa pengguna berita sering secara langsung mengunjungi laman web berita kegemaran mereka (typically mainstream) dan terus-menerus melayari laman web tersebut. Kajian ini juga mendapati berita hiburan merupakan berita yang terutama daripada berita lain. Media sosial merupakan platform yang sering sering menawarkan berita hiburan.

Fletcher and Sora Park (2017) pula telah membuat kajian yang bertajuk *The Impact of Trust in the News Media on Online News Consumption and Participation* dengan menggunakan Laporan Berita Digital Institut Reuters data tinjauan (N = 21,524) daripada 11 negara di dunia. Kajian ini mengkaji kesan kepercayaan individu terhadap media berita pada pilihan sumber dan tingkah laku menggunakan berita dalam talian, khususnya dalam perkongsian dan pandangan mengenai sesuatu berita. Hasilnya menunjukkan bahawa mereka mempunyai tahap kepercayaan yang rendah dimana cenderung memilih sumber berita bukan arus perdana seperti media sosial, blog dan laman web serta lebih cenderung untuk merujuk pelbagai bentuk jenis berita dalam talian.

Terdapat juga kajian yang melihat dari sudut faktor yang mendorong untuk membaca berita seperti kajian Akmar Hayati (2012) yang bertajuk *Perkaitan Faktor Keperluan Dan Kepercayaan Terhadap Akhbar dengan Penerimaan Remaja* menunjukkan kepercayaan adalah faktor utama yang menyumbang kepada penerimaan akhbar oleh remaja. Akhbar diterima oleh remaja kerana akhbar mementingkan faktor kepercayaan dalam penulisan. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja cenderung membaca berita hiburan dan berita kesihatan yang dikategorikan sebagai berita ringan (soft news).

Di samping itu, Aisah Meri dan Lee Kuok Tiung (2020) dalam artikel mereka mengkaji berkaitan kegunaan dan kepuasan portal berita yang bertajuk *Eksplorasi Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dalam kalangan Remaja di Sabah*. Hasil dapatan kajian mendapati keperluan kognitif dan keperluan penyepaduan diri merupakan keperluan utama yang mendorong remaja menggunakan portal berita. Responden yang terdiri daripada remaja Sabah paling banyak menggunakan portal berita bagi tujuan pencarian maklumat dan pembelajaran. Jenis kepuasan yang paling tinggi diperoleh oleh mereka ialah ciri interaktif dan sifat mudah dibawa yang ada pada portal berita itu sendiri.

Lee Kuok Tiung et.al (2016) turut mengkaji berkaitan dengan kegunaan dan kepuasan portal berita didalam kajiannya yang bertajuk *Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dalam Kalangan Belia Malaysia*. Dapatan kajian mendedahkan peningkatan populariti telefon pintar merupakan penyumbang utama belia memilih untuk mengakses kepada berita dalam portal berita berbanding saluran lain seperti televisyen, akhbar dan radio. Faktor utama yang dikenalpasti mendorong belia menggunakan portal berita adalah mudah, pantas, menjimatkan kos, fleksibel, mudah diakses, mengisi masa lapang, pembelajaran, mengetahui isu-isu semasa, dan keunikan portal berita itu

sendiri. Bagi belia yang telah bekerja pula kekangan masa menjadi pendorong utama mereka memilih portal berita.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Rahmawati Nurdin (2017) yang bertajuk *Perkaitan Faktor Menonjol dan Interpretasi dengan Penerimaan Kredibiliti Portal Berita dalam Talian* mengkaji perkaitan antara faktor menonjol dan interpretasi terhadap penerimaan kredibiliti portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden gemar membaca berita yang berbentuk jenayah, hiburan dan politik yang bersifat “hard news” dan “soft news”. Faktor menonjol terdiri daripada penglibatan, topik, tugas, pengalaman dan reka bentuk terdapat penerimaan portal berita dalam talian, manakala faktor interpretasi pula iaitu andaian, kemahiran atau pengetahuan dan konteks terhadap penerimaan portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam. Analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa dimensi tugas adalah merupakan penyumbang tertinggi dan diikuti oleh dimensi konteks, penglibatan dan pengetahuan atau kemahiran dalam mempengaruhi pelajar universiti awam untuk menerima kredibiliti portal berita dalam talian.

## KERANGKA TEORI

Terdapat satu teori utama yang diadaptasikan dalam kajian ini bagi menjelaskan situasi pemilihan dan kebergantungan terhadap media *online* ialah Teori Kegunaan dan Kepuasan oleh Katz, Gurevitch & Hass (Humaizi, 2018). Teori kegunaan dan kepuasan merujuk kepada cara bagaimana seseorang individu menggunakan media bagi memenuhi keperluan yang akhirnya memberi kepuasan kepada mereka. Walaupun kewujudan media memenuhi sebahagian kehidupan masyarakat hari ini, tetapi masyarakat tidak memikirkan mengapa mereka menggunakan media yang tertentu dan apakah kesan media kepada mereka. Dalam teori kegunaan dan kepuasan, khalayak dilihat sebagai individu aktif dan mempunyai tujuan yang mana mereka bertanggungjawab dalam pemilihan media yang akan mereka gunakan untuk memenuhi keperluan mereka. Menurut teori ini, individu menyedari keperluan mereka dan bagaimana untuk memenuhi keperluan tersebut (Humaizi, 2018). Oleh yang demikian, dalam memenuhi keperluan tersebut maka terdapat dua sumber iaitu media dan bukan media. Sumber media yang dimaksudkan ialah seperti berita, drama, *soap opera* dan lain-lain, manakala bagi sumber bukan media pula ialah seperti keluarga, rakan-rakan dan hubungan interpersonal yang melibatkan hobi-hobi tertentu.

Oleh itu, teori ini menjelaskan bagaimana media berupaya memenuhi keperluan manusia. Manakala keupayaan media memenuhi keperluan tersebut pula bergantung kepada kandungan, jenis, pendedahan dan ciri media itu dalam konteks masyarakat (Mohd. Khairie Ahmad et al., 2005). Aisah Meri et al. (2020), menyatakan sejarah awal kajian komunikasi melihat teori ini dibangunkan bertujuan mengkaji kepuasan yang diperoleh khalayak yang menggunakan pelbagai jenis media yang mana kandungannya mampu memenuhi keperluan sosial dan psikologi mereka. Para penyelidik dalam bidang komunikasi berpendapat bahawa fenomena ‘new media’ telah memberikan khalayak masa kini penggunaan dan kepuasan media yang baharu. Khalayak membuat keputusan untuk menerima dan menggunakan sesuatu media berdasarkan perkiraan-perkiraan tertentu yang dihubungkan dengan persekitaran sosial mereka. Jelaslah bahawa

media baru adalah media yang merupakan salah satu bentuk interaksi antara manusia dengan internet yang melibatkan laman web, blog, rangkaian media sosial dan lain-lain.

Rajah 2 di bawah dapat memberi gambaran tentang idea-idea tentang teori ini. Keperluan khalayak berpunca dari persekitaran sosial iaitu ciri demografi dan ciri personaliti. Ini akan menyebabkan wujudnya keperluan individu terhadap media atau sumber bukan media bagi memuaskan keperluan tersebut. Keperluan-keperluan ini terdiri daripada keperluan kognitif, afektif dan sosial. Keperluan kognitif ini merujuk kepada keperluan maklumat, pengetahuan dan memahami persekitaran bagi memuaskan sifat ingin tahu. Keperluan afektif pula berkaitan dengan perasaan dan emosi iaitu usaha untuk mengejar hiburan serta untuk melepaskan tekanan dan keinginan untuk mengalihkan perhatian (diversion). Seterusnya, keperluan sosial, merujuk kepada keteguhan hubungan dengan keluarga, rakan, masyarakat dan seluruh dunia. Melalui keperluan-keperluan tersebut maka pendedahan kepada bahan media dan sumber bukan media akan memberikan kepuasan terhadap keperluan individu seperti informasi, hiburan dan sosial.

**Rajah 2: Model Teori Kegunaan dan Kepuasan**



Sumber: Humaizi (2018)

Kebergantungan di antara pengguna dan khalayak secara langsung dapat menjelaskan penerimaan dan kredibiliti media serta kandungannya. Melihat kepada kerangka teoretikal yang digunakan dalam kajian ini, secara asasnya Teori Kegunaan dan Kepuasan jelas boleh diguna pakai untuk menjelaskan penggunaan media baharu. Dengan kecanggihan teknologi, manusia boleh


mendapatkan maklumat dengan pelbagai cara. Oleh itu, pendekatan kegunaan dan kepuasan adalah sesuai untuk mengkaji mengenai berita dalam talian sebagai media baru.

## METODOLOGI KAJIAN

Mohd Majid (2009) menyatakan reka bentuk kajian ialah rangka projek penyelidikan yang akan menyatakan corak kajian, jenis maklumat, sumber maklumat dan kaedah memperoleh maklumat. Secara umumnya, kajian ini adalah kajian kuantitatif yang berbentuk deskriptif yang mana bertujuan untuk mengenalpasti dan mengkaji secara sistematik berkaitan penerimaan belia terhadap berita dalam talian. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (survey) yang melibatkan kerja peninjauan kuantitatif dan penafsiran kualitatif.

Kaedah tinjauan ini melibatkan tinjauan soal selidik. Tinjau selidik didefinisikan sebagai cara menghasilkan maklumat untuk menghurai, membanding dan meramal sikap, pendapat, nilai dan perilaku responden berdasarkan apa yang terkandung dalam rekod dan kegiatan mereka (Fink, 1995). Kaedah ini dipilih oleh pengkaji kerana mudah dijalankan jika melibatkan sampel kajian yang besar dan perolehan maklumat-maklumat daripada borang soal selidik kemudiannya dapat dirumuskan untuk mewakili satu keadaan dalam satu kelompok yang besar. Dalam kajian ini, tinjauan soal selidik dipilih untuk memperolehi data-data tentang penerimaan responden terhadap berita dalam talian seperti jenis-jenis berita yang menjadi pilihan mereka, tempoh masa yang diperuntukkan untuk membaca atau melayari berita dalam talian serta faktor yang menyebabkan mereka mengakses berita dalam talian. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik kemudiannya dianalisis dan dipersembahkan dengan statistik perihalan. Keputusan ujian-ujian statistik seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi yang dikaji. Berikut merupakan rajah bagi reka bentuk kajian yang dijalankan dalam kajian ini:

**Rajah 3: Reka bentuk kajian**



Dalam kajian ini populasi merupakan jumlah belia yang berumur 15 tahun hingga 30 tahun di daerah Keningau iaitu sebanyak 68 700 ribu orang yang mana terdiri daripada 32 800 ribu belia perempuan dan 35 900 belia lelaki (Laporan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2020). Sampel kajian ini diambil menggunakan persampelan rawak mudah melibatkan belia yang berumur 15 tahun hingga 30 tahun. Mohamad Afiq (2020), menyatakan persampelan secara rawak merujuk kepada setiap subjek dalam populasi mempunyai peluang untuk dipilih sebagai responden kajian.

Penentuan jumlah sampel responden adalah menggunakan aplikasi *The Survey System*. Hasil pengiraan melalui sistem ini menunjukkan saiz sampel yang diperlukan ialah sebanyak 96 orang responden. Walaubagaimanapun, jumlah keseluruhan sampel ditingkatkan kepada 100 orang bagi meningkatkan kebolehan mengeneralisasikan dapatan kajian. Menurut Dane (dalam Soo, 2011), saiz sampel 100 orang untuk kajian tinjauan yang dijalankan ke atas subjek kajian adalah mencukupi.

Data yang diperolehi melalui kajian ini terbahagi kepada dua peringkat pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer kajian ini diperolehi daripada maklum balas responden melalui pengedaran borang soal selidik dalam bentuk "*Google form*". Ia merupakan jawapan, maklumat dan data yang diperolehi terus dari responden melalui link soalan yang diberikan oleh pengkaji. Responden terdiri daripada golongan belia yang berumur 15 tahun hingga 30 tahun yang berasal dari daerah Keningau. Manakala, data skunder dalam kajian ini adalah seperti buku rujukan, jurnal, artikel dan kertas-kertas projek sarjana yang berkaitan serta sumber internet juga turut digunakan sebagai data sekunder. Pengkaji menggunakan sumber sekunder ini bagi mendapatkan lebih banyak sumber informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan input bagi menyempurnakan kajian ini.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Pengkaji memilih instrumen ini kerana dapat menjimatkan masa sekaligus dapat memudahkan pengkaji. Soal selidik biasanya digunakan bagi melihat hubungan antara item yang digunakan ke atas faktor yang hendak dinilai. Seterusnya, soal selidik ini juga diubahsuaikan berdasarkan keperluan objektif kajian. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup.

Untuk menganalisis data yang dikumpulkan melalui set soal selidik akan diproses dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial, iaitu SPSS Statistik versi 26 untuk mendapatkan natijah daripada data yang diperolehi. Penggunaan perisian tersebut akan memudahkan penulis menganalisis dengan tepat data yang diperolehi dan dapat menjimatkan masa. Data yang telah dianalisis akan dibentangkan dengan bantuan jadual bagi memudahkan memahami hasil kajian tersebut.

Selain itu, kaedah analisis yang digunakan adalah berbentuk peratusan (%) dan juga min yang diperolehi melalui perisian SPSS. Satu titik potong (*cut-off-point*) bagi skor min telah ditetapkan dalam kajian ini bagi memudahkan perbincangan mengenai dapatan kajian. Jumlah skor min yang diperolehi dapat menentukan tahap kecenderungan responden dalam setiap persoalan kajian (Ghafar, 1999).

## **DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

### **a) Analisis Profil Responden**

Pengkaji melakukan analisis profil responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 100 orang. Analisis tersebut dibahagi mengikut sembilan aspek iaitu jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, pekerjaan dan keanggotaan dalam pertubuhan atau persatuan belia. Jadual 2 di bawah menunjukkan dengan lebih jelas profil responden kajian.

**Jadual 2: Profil Responden**

	<b>Perkara</b>	<b>Kekerapan (N=100)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	27	27.0
	Perempuan	73	73.0
<b>Umur</b>	15-18 tahun	4	4.0
	19-22 tahun	20	20.0
	23-26 tahun	55	55.0
	27-30 tahun	21	21.0
<b>Bangsa</b>	Melayu	7	7.0
	Cina	4	4.0
	KadazanDusun	64	64.0
	Murut	9	9.0
	Bajau	5	5.0
	Lundayeh	2	2.0
	Bugis	1	1.0
	SinoDusun	2	2.0
	Brunei	3	3.0
	Rungus	1	1.0
Toraja	2	2.0	
<b>Agama</b>	Islam	45	45.0
	Buddha	1	1.0
	Kristian	54	54.0

<b>Tahap Pendidikan</b>	SRP/PMR	1	1.0
	SPM	9	9.0
	STPM/STAM/Diploma	47	47.0
	Sarjana Muda	41	41.0
	Sarjana	2	2.0
<b>Pekerjaan</b>	Sektor Awam	11	11.0
	Sektor Swasta	19	19.0
	Pelajar	48	48.0
	Tidak bekerja	9	9.0
<b>Adakah anda menganggotai pertubuhan/persatuan belia?</b>	Ya	3	3.0
	Tidak	97	97.0

---

Sumber: Data Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan responden lelaki seramai 27 orang (27 peratus) dan bilangan perempuan seramai 73 orang (73 peratus). Kedudukan ini menjelaskan bahawa komposisi responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.

Dari segi umur, responden yang berumur diantara 23-26 tahun merupakan yang paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 55 orang (55 peratus). Diikuti oleh responden yang berumur 27-30 tahun seramai 21 orang (21 peratus). Seterusnya, responden yang berumur 19-22 tahun iaitu seramai 20 orang (20 peratus) dan responden berumur 15-18 tahun hanya empat orang (4 peratus) sahaja. Situasi ini menggambarkan bahawa dapatan kajian ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh responden yang berumur diantara 23-26 tahun.

Sebanyak 64 orang (64 peratus) adalah bangsa KadazanDusun yang terlibat dalam kajian ini. Manakala bangsa Murut adalah sebanyak sembilan orang (9 peratus) dan diikuti oleh Melayu seramai tujuh orang (7 peratus). Seterusnya, bangsa Bajau seramai lima orang (5 peratus), bangsa Cina seramai empat orang (4 peratus), Brunei tiga orang (3 peratus), bangsa Lundayeh, SinoDusun dan Toraja pula masing-masing dua orang (2 peratus) serta diikuti bangsa Bugis dan Rungus hanya satu orang (1 peratus) sahaja. Analisis ini membawa makna bahawa sebahagian besar responden dalam kajian ini berbangsa KadazanDusun.

Jadual 2 juga menunjukkan agama responden dalam kajian ini. Responden yang beragama Kristian adalah seramai 54 orang (54 peratus). Manakala responden yang beragama Islam pula seramai 45 tahun (45 peratus) dan responden beragama Buddha hanya satu orang (1 pertus) sahaja.

Dari segi tahap pendidikan pula, responden yang mempunyai SRP/PMR hanya satu orang (1 peratus) sahaja. Bagi responden yang mempunyai SPM pula sembilan orang (9 peratus), diikuti oleh responden yang mempunyai STPM/STAM/Diploma seramai 47 orang (47 peratus). Manakala responden yang mempunyai Sarjana Muda adalah 41 orang (41 peratus) dan responden Sarjana hanya dua orang (2 peratus) sahaja.

Pekerjaan responden yang berstatus pelajar adalah yang tertinggi terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 48 orang (48 peratus). Diikuti pula oleh responden yang bekerja dalam sektor swasta seramai 19 orang (19 peratus). Responden yang bekerja dalam sektor awam pula seramai 11 orang (11 peratus), manakala yang bekerja sendiri adalah 13 orang (13 peratus). Responden yang tidak bekerja hanya sembilan orang (9 peratus) sahaja.

Dari segi keanggotaan dalam pertubuhan atau persatuan belia pula, seramai 97 orang (97 peratus) responden menjawab tidak menganggotai pertubuhan atau persatuan belia. Hanya tiga orang (3 peratus) sahaja yang menganggotai persatuan belia di tempat kajian iaitu dua orang terlibat dalam Kelab Belia Inovatif Kampung Masjid dan satu orang terlibat dalam Kelab Belia Mangkawago. Situasi ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden dalam kajian ini tidak menganggotai apa-apa pertubuhan atau persatuan belia.

## b) Analisis jenis peranti yang digunakan

Bahagian ini menganalisis peranti elektronik yang digunakan oleh responden untuk melayari berita dalam talian. Ianya terdiri daripada telefon pintar, tablet, komputer riba dan komputer.

Melalui dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati peranti elektronik tertinggi yang digunakan oleh responden untuk melayari berita dalam talian adalah telefon pintar iaitu seramai 81 orang (81 peratus). Diikuti oleh peranti komputer riba (laptop) sebanyak 14 orang (14 peratus), peranti komputer sebanyak tiga orang (3 peratus) dan tablet hanya dua orang (2 peratus) sahaja. Jadual 3 di bawah menunjukkan peranti elektronik yang digunakan responden untuk melayari berita dalam talian.

**Jadual 3: Peranti elektronik untuk melayari berita dalam talian**

Perkara	Kekerapan (N=100)	Peratus (%)
Telefon pintar	81	81.0
Tablet	2	2.0
Komputer riba (Laptop)	14	14.0



Komputer	3	3.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Data Lapangan, 2021

### c) Analisis Platform Dalam Melayari Berita

Bahagian ini menganalisis berkaitan dengan platform untuk melayari berita dalam talian yang mana terdiri daripada laman web atau portal berita, media sosial, blog dan WebTV.

Dari segi platform yang digunakan untuk melayari berita dalam talian, platform tertinggi yang sering digunakan adalah melalui media sosial iaitu sebanyak 60 orang (60 peratus). Manakala platform melalui laman web atau portal berita sebanyak 36 orang (36 peratus). Seterusnya, diikuti oleh platform seperti blog dan webTV iaitu masing-masing sebanyak dua orang (2 peratus). Jadual 4 di bawah menunjukkan platform untuk melayari berita dalam talian dalam kalangan responden.

**Jadual 4: Platform melayari berita dalam talian**

<b>Perkara</b>	<b>Kekerapan (N=100)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Laman web atau portal berita	36	36.0
Media sosial	60	60
Blog	2	2.0
WebTV	2	2.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber: Data Lapangan, 2021

### d) Analisis platform melayari berita dalam talian mengikut umur

Keseluruhan responden yang berjumlah 100 orang dalam kajian ini adalah belia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun. Bahagian ini akan menganalisis perkaitan antara platform pilihan belia untuk melayari berita dalam talian mengikut umur. Berdasarkan jadual 5, pilihan terhadap platform laman web atau portal berita didahului dengan responden yang berumur 23 hingga 26 tahun, iaitu sebanyak 17 orang. Diikuti oleh responden yang berumur 27 hingga 30 tahun sebanyak 10 orang dan sembilan orang responden berumur 19 hingga 22 tahun. Manakala responden yang membuat pilihan terhadap platform media sosial juga didahului oleh responden yang berumur 23 hingga 26 tahun, iaitu sebanyak 36 orang. Namun kedudukan kedua pula melibatkan responden yang berumur 19 hingga 22 tahun, iaitu sebanyak 11 orang dan sembilan orang responden yang berumur

27 hingga 30 tahun. Seterusnya, bagi pilihan terhadap platform blog dan webTV pula responden hanya yang berumur 23 hingga 26 tahun dan 27 hingga 30 tahun, iaitu masing-masing satu orang responden sahaja. Melalui dapatan ini, pengkaji dapat simpulkan bahawa majoriti responden yang berumur antara 23 hingga 26 tahun memilih platform media sosial sebagai sumber berita.

**Jadual 5: Platform melayari berita dalam talian mengikut umur**

Platform	Umur (N=100)				Jumlah
	15-18 tahun	19-22 tahun	23-26 tahun	27-30 tahun	
Laman web/portal berita	0	9	17	10	36
Media sosial	4	11	36	9	60
Blog	0	0	1	1	2
WebTV	0	0	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>9</b>	<b>55</b>	<b>21</b>	<b>100</b>

Sumber: Data Lapangan, 2021

#### e) Analisis jenis berita yang menjadi pilihan belia

Bahagian ini berkaitan dengan jenis berita yang menjadi pilihan responden ketika membaca berita dalam talian. Bagi menjawab objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengetahui jenis-jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan belia, 11 item mengenai jenis-jenis berita telah dikemukakan dalam soalan soal selidik. Analisis kekerapan, peratus dan nilai min digunakan untuk mengenalpasti skala yang dipilih oleh belia. Semua item diukur menggunakan skala lima mata dengan skor 1: tidak pernah, 2: kadang-kadang, 3: agak kerap, 4: kerap dan 5: sangat kerap.

Berdasarkan hasil kajian, jadual 6 menunjukkan bahawa berita kesihatan mencatatkan nilai min yang paling tinggi. Nilai min yang diperolehi adalah 3.84. Sebanyak 36 orang responden (36 peratus) kerap memilih jenis berita kesihatan dan diikuti 30 orang responden (30 peratus) memilih sangat kerap.

Jenis berita yang mencatat nilai min kedua tertinggi adalah berita sosial atau masyarakat. Nilai min yang diperolehi sebanyak 3.70. Sebanyak 30 orang responden (30 peratus) kerap dan sangat kerap memilih berita tersebut. Diikuti oleh jenis berita hiburan yang mencatat nilai min 3.59. Jumlah responden yang kerap memilih jenis berita tersebut ialah sebanyak 36 orang responden (36 peratus), manakala sangat kerap sebanyak 23 orang responden (23 peratus).

Namun begitu, jenis berita yang mencatat nilai min yang paling rendah diperolehi dala kajian ini ialah berita mahkamah. Nilai min yang diperoleh adalah sebanyak 2.46. Sebanyak 24 orang responden (24 peratus) tidak pernah membaca berita tersebut dan diikuti oleh 38 orang responden (38 peratus) yang hanya jarang-jarang membaca berita mahkamah. Jadual 6 menunjukkan jenis berita utama yang menjadi pilihan belia.

**Jadual 6: Jenis berita yang menjadi pilihan belia**

Perkara	Kekerapan (N=100) & Peratus (%)					Min
	Tidak pernah	Kadang-kadang	Agak kerap	Kerap	Sangat kerap	
Berita Jenayah	1 (1.0%)	25 (25.0%)	25 (25.0%)	37 (37.0%)	12 (12.0%)	3.34
Berita Hiburan	1 (1.0%)	21.0 (21.0%)	19 (19.0%)	36 (36.0%)	23 (23.0%)	3.59
Berita Politik	4 (4.0%)	36 (36.0%)	21 (21.0%)	24 (24.0%)	15 (15.0%)	3.10
Berita Kesihatan	1 (1.0%)	11 (11.0%)	22 (22.0%)	36 (36.0%)	30 (30.0%)	3.83
Berita Pendidikan	1 (1.0%)	24 (24.0%)	25 (25.0%)	32 (32.0%)	18 (18.0%)	3.42
Berita Sosial/masyarakat	1 (1.0%)	18 (18.0%)	21 (21.0%)	30 (30.0%)	30 (30.0%)	3.70
Berita Sains dan teknologi	3 (3.0%)	43 (43.0%)	18 (18.0%)	25 (25.0%)	11 (11.0%)	2.98
Berita Sukan	6 (6.0%)	43 (43.0%)	15 (15.0%)	19 (19.0%)	17 (17.0%)	2.98
Berita Agama	3 (3.0%)	30 (30.0%)	19 (19.0%)	27 (27.0%)	21 (21.0%)	3.33

Berita Ekonomi	5 (5.0%)	40 (40.0%)	16 (16.0%)	28 (28.0%)	11 (11.0%)	3.00
Berita Mahkamah	24 (24.0%)	38 (38.0%)	13 (13.0%)	18 (18.0%)	7 (7.0%)	2.46

Sumber: Data Lapangan, 2021

#### f) Kekerapan pembacaan berita dalam talian

Objektif kajian yang kedua, iaitu mengenalpasti kekerapan masa yang diluahkan belia untuk membaca berita dalam talian. Bagi menjawab objektif ini, pecahan soalan dibuat tentang kekerapan pembacaan berita dalam talian yang melibatkan berapa kali dalam seminggu dan tempoh masa setiap kali membaca berita dalam talian. Analisis kekerapan, peratus dan nilai min digunakan untuk mengenalpasti skala yang dipilih oleh belia. Semua item diukur menggunakan skala lima mata dengan skor 1: tidak pernah, 2: kadang-kadang, 3: agak kerap, 4: kerap dan 5: sangat kerap.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pada bahagian pembacaan berita dalam talian yang melibatkan enam hingga tujuh kali mencatatkan nilai min yang paling tinggi iaitu 2.77. Jumlah responden yang kerap membaca pada hari tersebut adalah sebanyak 14 orang responden (14 peratus) dan diikuti oleh 16 orang responden (16 peratus) sangat kerap membaca berita dalam talian selama enam hingga tujuh kali.

Pembacaan berita dalam talian mengikut tempoh dua hingga tiga kali seminggu pula mencatatkan nilai min kedua tertinggi. Responden yang kerap membaca pada tempoh tersebut sebanyak 23 orang (23 peratus), manakala yang sangat kerap pula sebanyak dua orang (2 peratus). Namun begitu, bahagian sekali seminggu mencatatkan nilai min yang terendah iaitu 2.59. Jumlah responden yang kerap membaca dalam sekali seminggu sebanyak 17 orang (17 peratus) dan responden yang sangat kerap pula adalah tujuh orang (7 peratus).

Seterusnya, tempoh masa setiap kali membaca berita dalam talian bagi item yang kurang daripada 30 minit mencatat nilai min yang tertinggi dengan nilai 3.29. Responden yang kerap membaca dalam tempoh masa tersebut sebanyak 30 orang (30 peratus), manakala sangat kerap sebanyak 18 orang responden (18 peratus). Nilai min yang paling rendah pula melibatkan item tempoh masa lebih dari sejam iaitu dengan nilai 2.03. Ini dapat dilihat responden yang kerap membaca dalam tempoh tersebut sebanyak 13 orang (13 peratus) dan yang sangat kerap pula sebanyak tiga orang responden (3 peratus) sahaja.

Dapatan ini menunjukkan responden cenderung membaca berita dalam talian pada setiap hari. Pada bahagian tempoh masa pula, responden hanya mengambil masa kurang dari 30 minit setiap kali membaca berita dalam talian. Jadual 7 menunjukkan kekerapan utama pembacaan berita dalam kalangan responden.

**Jadual 7: Kekerapan pembacaan berita dalam talian**

Perkara	Kekerapan (N=100 & Peratus (%))					Min
	Tidak pernah	Kadang-kadang	Agak kerap	Kerap	Sangat kerap	
<b>Pembacaan berita online dalam seminggu:</b>						
Sekali seminggu sahaja	21.0 (21.0%)	30 (30.0%)	25 (25.0%)	17 (17.0%)	7 (7.0%)	2.59
2 hingga 3 kali	8 (8.0%)	40 (40.0%)	27 (27.0%)	23 (23.0)	2 (2.0%)	2.71
4 hingga 5 kali	12 (12.0%)	36 (36.0%)	29 (29.0%)	19 (19.0%)	4 (4.0%)	2.67
6 hingga 7 kali	19 (19.0%)	31 (31.0%)	20 (20.0%)	14 (14.0%)	16 (16.0%)	2.77
<b>Tempoh masa setiap kali membaca berita online:</b>						
Kurang dari 30 minit	7 (7.0%)	23 (23.0%)	22 (22.0%)	30 (30.0%)	18 (18.0%)	3.29
30 minit hingga satu jam	20 (20.0%)	37 (37.0%)	23 (23.0%)	16 (16.0%)	4 (4.0%)	2.47
Lebih sejam	45 (45.0%)	26 (26.0%)	13 (13.0%)	13 (13.0%)	3 (3.0%)	2.03

Sumber: Data Lapangan, 2021

### g) Analisis faktor yang mendorong belia mengakses berita dalam talian

Bahagian ini menganalisis kesemua soalan berkaitan faktor yang mendorong belia mengakses berita dalam talian dengan melihat nilai min utama. Hasil analisis keseluruhan bagi 12 soalan mengenai faktor belia mengakses berita dalam talian mendapati, faktor 'saya boleh mendapatkan maklumat pada bila-bila masa sahaja dengan menggunakan telefon pintar, tablet atau komputer riba' merupakan faktor utama dalam penggunaan berita online. Nilai min yang diperolehi adalah 4.73. Faktor kedua tertinggi ialah 'saya dapat mengetahui isu-isu semasa dan menambah pengetahuan' yang mana mencatat nilai min 4.65. Diikuti oleh 'saya melayari berita dalam talian kerana dapat menjimatkan masa' mencatat nilai min 4.56. Bagi nilai min yang mencatatkan nilai terendah pula adalah berkaitan dengan faktor 'saya sudah biasa atau menjadi tabiat membaca berita setiap hari'. Jadual 8 menunjukkan nilai min bagi faktor yang menyebabkan responden mengakses berita dalam talian.

**Jadual 8: Nilai min faktor mengakses berita dalam talian**

<b>Perkara</b>	<b>Nilai min</b>
Saya melayari berita dalam talian kerana dapat menjimatkan kos (tidak perlu membeli akhbar bercetak)	4.44
Saya melayari berita dalam talian kerana dapat menjimatkan masa	4.56
Saya tertarik dengan tajuk berita (Headline)	4.43
Berita dalam talian lebih eco-friendly (tidak memudaratkan alam sekitar)	4.38
Saya boleh mendapatkan maklumat pada bila-bila masa sahaja dengan menggunakan telefon pintar, tablet atau komputer riba	4.73
Saya dapat mengetahui isu-isu semasa dan menambah pengetahuan	4.65
Saya melayari berita dalam talian untuk menghilangkan kebosanan	3.86
Saya membaca berita kerana tertarik dengan isu-isu yang seringkali dikongsi rakan-rakan di media sosial (push news)	4.28

Saya dapat menjejaki berita-berita lama dengan mudah dan cepat	4.40
Saya sudah biasa atau menjadi tabiat membaca berita setiap hari	3.70
Saya melayari berita dalam talian sebagai sumber hiburan/kegunaan hiburan	4.03
Berita dalam talian memberi peluang kepada saya untuk mengemukakan pendapat yang tersendiri mengenai sesuatu isu	4.19

---

Sumber: Data Lapangan, 2021

Berdasarkan dapatan kajian, menunjukkan bahawa peranti elektronik yang sering digunakan oleh responden adalah telefon pintar, manakala media sosial pula merupakan platform utama yang dipilih oleh responden untuk melayari berita dalam talian. Responden yang berumur antara 23 hingga 26 tahun adalah responden yang paling banyak memilih platform media sosial sebagai sumber berita.

Jenis berita yang menjadi pilihan responden pula ialah berita kesihatan. Seterusnya, responden cenderung membaca berita dalam talian pada setiap hari dan hanya mengambil masa kurang dari 30 minit setiap kali membacanya. Bagi faktor yang mendorong responden mengakses berita dalam talian adalah disebabkan boleh mendapatkan maklumat pada bila-bila masa sahaja dengan menggunakan telefon pintar, tablet atau komputer riba.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa berita dalam talian memang popular dalam kalangan belia kerana kehadiran media baharu seperti internet yang menjadi alat perhubungan dan komunikasi yang semakin penting pada masa kini. Penerimaan belia terhadap berita dalam talian dilihat semakin meningkat seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan kaum perempuan lebih gemar melayari berita dalam talian berbanding kaum lelaki.

Dapatan kajian mengenai peranti elektronik yang digunakan untuk melayari berita dalam talian mendapati bahawa peranti telefon pintar merupakan peranti yang sering digunakan oleh responden dan menunjukkan penggunaan tertinggi berbanding dengan peranti lain seperti tablet, komputer riba (laptop) dan komputer. Telefon pintar dilihat lebih mesra pengguna dan senang untuk dibawa kemana-mana. Fariza, Md Yusoff dan Mohd Khalid (2016), menyatakan pemilikan telefon pintar telah menjadi sebahagian daripada keperluan dalam hidup seharian manusia. Ini kerana telefon pintar mempunyai ciri mudah alih serta aplikasi yang sangat mirip kepada penggunaan komputer yang mampu memudahkan pengguna mendapatkan sebarang akses maklumat samada yang formal

atau tidak formal. Menurut Al-Barashdi, Buoazza dan Jabur (2015), menyatakan terdapat banyak aktiviti yang boleh dilaksanakan melalui penggunaan telefon pintar termasuklah perkongsian maklumat, komunikasi, pelayaran internet, penghasilan dan pengeditan dokumen dan pelbagai aktiviti lain.

Bagi dapatan kajian yang berkaitan dengan platform melayari berita dalam talian menunjukkan platform media sosial merupakan platform tertinggi yang dipilih oleh responden untuk melayari berita. Dalam kajian ini juga mendapati golongan belia yang berumur 23 hingga 26 tahun adalah yang sering menggunakan platform media sosial untuk melayari berita dalam talian. Ini menunjukkan responden amat bergantung pada platform media sosial. Menurut Shahidah et al. (2020), media sosial merupakan platform penyebaran maklumat dan berita yang terpantas. Tambahan pula apabila media sosial yang dirujuk bersifat interaktif, dibekalkan dengan elemen grafik, bunyi dan video menarik yang menyebabkan pengguna tertarik untuk meluaskan pencarian dan perkongsian maklumat. Walaubagaimanapun, kelebihan media sosial ini harus digunakan secara waras dan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang penyebaran berita palsu yang boleh menyebabkan kesan negatif ke atas penerimaan dan penggunaannya.

## Bahan Bacaan

- Aisah Meri & Lee Kuok Tiung. (2020). Eksplorasi Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dalam kalangan Remaja di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 95-103. Diperoleh daripada <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/528/389>
- Aisah Meri, Kuok Tiung Lee, Siti Nurbayu Mohd Yusoff & Cyril Modili. (2020). Keperluan, Kegunaan Dan Kepuasan Portal Berita Dalam Kalangan Remaja Kadazandusun Di Sabah: Needs, Uses And Gratifications Of News Portal Among Kadazandusun Teenagers In Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 41-41. Diperoleh daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2454>
- Akmar Hayati Ahmad Ghazali & Siti Zobidah Omar. (2014). Keperluan Pembaca Remaja terhadap Kandungan Akhbar. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 30, 17-28. Diperoleh daripada <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/528/389>
- Akmar Hayati Ahmad Ghazali, Rahmawati Nurdin & Sharil Nizam. (2016). Credible online news? Yes or no. *Journalism and Mass Communication*, 6 (6). pp. 323-329. Diperoleh daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/55399/>
- Akmar Hayati Ahmad Ghazali. (2012). Perkaitan faktor keperluan dan kepercayaan terhadap akhbar dengan penerimaan remaja. (Disertasi Kedoktoran, Universiti Putra Malaysia). Diperoleh daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/32516/1/FBMK%202012%203>
- Al-Barashdi, H. S., Buoazza, A., & Jabur, N. H. (2015). Smartphone addiction among university undergraduates: A literature review. *Journal of Scientific Research & Reports*, 4(3), 210-225. Diperoleh daripada <https://journaljsrr.com/index.php/JSRR/article/view/21809>



- Chamil Wariya. (2008). *Penulisan berkesan media cetak, elektronik dan web*. Kuala Lumpur: Malaysia Press Institute.
- Chamil Wariya. (2012). *Kewartawanan dan media era digital: Isu-isu semasa*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute.
- Fariza Khalid, Md Yusoff Daud & Mohd Khalid Mohamad Nasir. (2016). Perbandingan Penggunaan Telefon Pintar untuk Tujuan Umum dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *International Conference on Education and Regional Development 2016*, 173 – 182.
- Fink, A. (1995). *How to Design Surveys. The Survey Kit, Volume 5*. SAGE Publications, Inc., 2455 Teller Road, Thousand Oaks, CA 91320.
- Flanagin, A. J., & Metzger, M. J. (2000). Perceptions of Internet information credibility. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 77(3), 515-540.
- Fletcher, R., & Park, S. (2017). The Impact of Trust in the News Media on Online News Consumption and Participation. *Digital Journalism*, 5, 1281 - 1299. Diperoleh daripada <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/21670811.2017.1279979?journalCode=rdij20>
- Frank Bentley, Katie Quehl, Jordan Wirfs-Brock, and Melissa Bica. (2019). Understanding Online News Behaviors. In *CHI Conference on Human Factors in Computing Systems Proceedings (CHI 2019)*, May 4–9, 2019, Glasgow, Scotland UK. ACM, New York, NY, USA, 11 pages. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.1145/3290605.3300820>
- Freeman, K.S. (2013). News consumption behavior of young adults in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 3(2), 121-124. Diperoleh daripada <http://www.ijssh.org/papers/209-D00041.pdf>
- Ghafar, M. (1999). *Penyelidikan Pendidikan (Edisi Pertama)*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Humaizi. (2018). *Uses and Gratifications Theory*. Medan, Indonesia: USU Press
- Ika Rusdiana. (2018). Kognisi Pembaca Berita Palsu (Fake News) Di Media Online. *Kodifikasi: Jurnal Penelitian Islam*, 12(2), 185-196. Diperoleh daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/22ad/c0d552a5bfb433266fc167de461c8d89e04e.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Jumlah penduduk di Keningau. Diperoleh daripada <https://www.mycensus.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Kenyataan Media Penggunaan Dan Capaian Ict Oleh Individu Dan Isi Rumah 2020*. (12 April 2021). Diperoleh daripada [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2021/20210412-Kenyataan\\_Media-Penggunaan\\_dan\\_Capaian ICT\\_oleh\\_Individu\\_dan\\_Isi\\_Rumah\\_2020.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/20210412-Kenyataan_Media-Penggunaan_dan_Capaian ICT_oleh_Individu_dan_Isi_Rumah_2020.pdf)
- Juliana Abdul Wahab. (2012). *Media, Komunikasi Dan Wacana Globalisasi Di Malaysia (Penerbit USM)*. Penerbit USM.
- Laporan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2020). <https://www.iyres.gov.my/>

- Lee Kuok Tiung, Aisah Meri, Liana Mat Nayan & Siti Suriani Othman. (2016). Kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2). Diperoleh daripada <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/16505>
- Lidwina Galih Puspa Ratna. (2012). Media Online Sebagai Penuh Kepuasan Informasi (Studi Analisis Deskriptif Kualitatif Mengenai Kepuasan Informasi bagi Kaum Wanita pada Media Online wolipop. com). Universitas Atma Jaya Yogyakarta, e-journal. 46-48. Diperoleh daripada <https://e-journal.uajy.ac.id/1041/1/OKOM02998.pdf>
- Mansor Ahmad. (1986). *So you want to be a journalist?*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta.
- Mohamad Afiq Amzar Bin Mohamed Adira. (2020). *Kajian Mengenai Penalti Yang Dikenakan Kepada Syarikat Pengurusan Fasilitas Di Hospital Awam* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Diperoleh daripada <http://repository.psa.edu.my/bitstream/123456789/2466/1/KAJIAN%20MENGENAI%20PENALTI%20YANG%20DIKENAKAN%20KEPADA%20SYARIKAT.pdf>
- Mohd Hadza @ Othman, Mohd Baharudin and Ahmad, Mohd Khairie and Hussien, Mohd. Hafidz and Muda, Suhaini. (2005). *Penerimaan dan kebolehpercayaan berita dalam talian (online)*. In: Seminar Kebangsaan Komunikasi ke-2, 18-19 Disember 2004, Hotel City Bayview, Langkawi
- Mohd Khairie Ahmad, Mohd Baharudin Mohd Hadza @ Othman, Suhaini Muda & Mohd. Hafidz Hussien. (2005). *Kredibiliti berita akhbar, televisyen, radio dan berita dalam talian*. (Laporan yang tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Normah Mustaffa, Faridah Ibrahim, Mus Chairil Samani & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2017). *Persepsi khalayak terhadap kredibiliti media di Malaysia (Audience perception on media credibility in Malaysia)*. e-Bangi, 7(1).
- Nozato, Y. (2002). *Credibility of online newspapers*. Convención Anual de la Association for Education in Journalism and Mass Communication. Washington, DC Disponible. Diperoleh daripada <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/summary>.
- Nuramaliya Mohamad Rosman & Rosmawati Mohd Rasit. (2020). *Sikap Netizen Belia Muslim Dalam Mencari Dan Menerima Maklumat Di Media Sosial: Satu Analisis Kualitatif*. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 21(3), 189-205. Diperoleh daripada <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/463>
- Rahmawati Nurdin, Akmar Hayati Ahmad Ghazali & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). *Penerimaan Belia Terhadap Portal Berita Dalam Talian*. *Malaysian Journal of Youth Studies*. Diperoleh daripada <http://www.ippbm.gov.my>
- Rahmawati Nurdin. (2017). *Perkaitan Faktor Menonjol Dan Interpretasi Dengan Penerimaan Kredibiliti Portal Berita Dalam Talian Oleh Pelajar Universiti Awam*. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Selangor.

- Rani Ann Balaraman & Faridah Ibrahim. (2013). Kewartawanan dari warga kepada warga: Punca kewujudan dan perkembangannya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2). Diperoleh daripada <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/15022/4646>
- Reuters Institute. (2020). Reuters Institute Digital News Report 2020. Diperoleh daripada [https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2020-06/DNR\\_2020\\_FINAL.pdf](https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2020-06/DNR_2020_FINAL.pdf)
- Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairol Anuar Kamri. (2020). Impak Penyebaran Berita Palsu melalui Media Sosial terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55-63. Diperoleh daripada <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/501>
- Shahrul Nazmi Sannusi & Normah Mustaffa. (2015). Akhbar versi digital: Implikasi terhadap trend sirkulasi akhbar bercetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2). Diperoleh daripada <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/14945>
- Soo, Y. P. (2011). Pemilihan bahasa dalam komunikasi berbantuan komputer dalam kalangan mahasiswa Cina (Disertasi Kedoktoran). Diperoleh daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/3391/6/Bab3.pdf>
- Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. (2020). Internet Users Survey 2020. Diperoleh daripada <https://www.mcmc.gov.my/ms/resources/statistics/internet-users-survey>
- Susan Vermeer, Damian Trilling, Sanne Kruikemeier & Claes de Vreese. (2020). Online News User Journeys: The Role of Social Media, News Websites, and Topics, *Digital Journalism*, 8:9, 1114-1141. Diperoleh daripada <https://www.tandfonline.com/doi/pdf/10.1080/21670811.2020.1767509?needAccess=true>
- Tiung, L. K., & Mohd Safar Hasim. (2016). Artikulasi Isu-Isu Sejarah dalam Media Massa di Malaysia (Articulation of History Issues In Malaysian Mass Media). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43(1). Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/10048/1/14064-38601-1-SM.pdf>
- Ward, D. (2002). *The European Union Democratic Deficit and the Public Sphere: An Evaluation of EU Media Policy (Vol. 8)*. IOS Press.

## **Livelihood vulnerability to climate change: A case on paddy farmers in Pahang, Malaysia**

Nor Diana Mohd Idris<sup>1</sup>, Nurul Atikah Zulkepli<sup>1</sup>, Rosliza Shamsuddin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institute for Environment and Development (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, [nordiana@ukm.edu.my](mailto:nordiana@ukm.edu.my)

<sup>2</sup>Institute for Environment and Development (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, [atikahzulkepli1994@gmail.com](mailto:atikahzulkepli1994@gmail.com)

<sup>3</sup>Integrated Agriculture Development Area, (IADA) Pekan,  
Kompleks Perkhidmatan Pertanian Tanah Putih,  
26600 Pekan. Pahang Darul Makmur, Malaysia, [Rosliza\\_shamsuddin@yahoo.com](mailto:Rosliza_shamsuddin@yahoo.com)

### **Abstract:**

Climate change is simply not a new phenomenon that has prompted researchers to perform multiple related studies. The effects of climate change on the agricultural sector have long-term effects on food security and the well-being of the world population. The aim of the study is to identify the level of vulnerability among farmers in two granary areas and understand the most indicators of those affected by flooding to their livelihood. The field survey and face-to-face interviews with 200 selected respondents by using systematic random sampling were conducted three months after the floods. More than sixty per cent of farmers have attained at least the basic education level, and most can read and write very well. Eighty-five per cent of respondents are full-time farmers, and sixty-six per cent of farmers do not have a secondary job. More than sixty per cent are living below the poverty line index. Livelihood Vulnerability Index (LVI), as a vulnerability measurement, found that the most vulnerable people are those living near the Pahang River Basin. They also suffer from the impacts of floods, causing housing and financial losses. Furthermore, the lack of financial and income and social networks shows that the most significant indicator is contributing to the high level of vulnerability in the study areas. Therefore, the government assistance is important to build up the economics activities to prevent the livelihoods farmers households that are relying mostly on the environment and exposure to the climate change effect. This action is to ensure the sustainability of farmers' livelihoods as the country's food security agent, which is guaranteed and preserved in line with the sustainable development goals of SDG 1 and SDG 13 to improve the living standards of the population by 2030.

**Keywords:** flood, livelihood vulnerability index, paddy farmers, vulnerability.

## Introduction

Climate change has always been a problem for a farmer, especially a smallholder farmer. The changes in climate in these past years, no doubt, have affected every smallholder farmer's household. Climate change has undoubtedly affected every individual in this world, but the most affected one is the poor people and people in poor countries. Compared to the others, they are the most vulnerable group in society. According to Adedeji *et al.* (2014), poor people and poor countries are more vulnerable to climate change because they are more dependent on natural resources and the inability to cope with disastrous events, such as variability and extremes. This group of people is more vulnerable to the extreme changes in climate compared to others, such as farmers and smallholder farmers. Due to the dependency on natural resources, most farmers need to adapt to the changes to survive and strive for the better. An individual with a lack of access to health, inadequate housing, poor nutrition, lower education, and lower socioeconomic incomes usually is more vulnerable to the changes. The main objective of this study is to investigate the vulnerability of smallholder farmers in Pekan, Pahang, to climate change and identify the factors which affect the vulnerability.

### *Vulnerability to Climate Change*

According to the Cambridge Dictionary (2020), vulnerable is defined as “able to physically, emotionally or mentally hurt, influenced, or attacked” and vulnerability can be defined as the state of becoming “the quality of being vulnerable that is able to be easily hurt, influenced, or attacked, or something vulnerable”. Vulnerability is the state or condition of an individual or society. Meanwhile, The Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) describes vulnerability as when one system cannot cope with the changes and the effects of climate change, climate variability, and climate extremes (IPCC, 2007). The high exposure to climate change, extreme climate, or climate variability can highly cause and affect social life. According to O’Brien *et al.* (2007), one of the main components of vulnerability related to climate change is exposure, while adaptive capacity and sensitivity are related to properties that individuals have.

The vulnerability can be seen in many dimensions, including social, economic, or environmental. The physical, social, and environmental dimensions of vulnerability are different from each other but interrelated to one another. In this study, the focus will be on social vulnerability or socio-economic vulnerability. According to Wisner *et al.* (2004), vulnerability is “the characteristic of a person or group and their situation that influences their capacity to anticipate, cope with, resist, and recover from the impact of a natural hazard that includes an extreme natural event or process”. The social components of social vulnerability include factors such as income distribution, assets, ethnicity, gender, poverty, and source of livelihood (Blaikie *et al.* 1994).

Vulnerability is defined as a form of disaster that strikes society in various shapes, sizes, magnitudes, and appearances. Flexibility can also be seen from various perspectives, such as political, economic, social, religious, health, cultural, and physical issues (Shaharudin Idrus *et al.* 2005). There are various definitions of vulnerability to determine the definition of a community’s vulnerability to hazards. The following definitions of vulnerability refer to the various categories involved, such as climate change, floods, and the environment. Understanding the aspects of flood vulnerability is not only important to communities vulnerable to flood disasters but also from the perspective of assessing the risk and level of destruction due to the floods alone. However, it also involves the community’s ability to adapt to climate change (Nasiri & Shahmohammadi-kalalagh, 2013). Therefore, the study emphasizes vulnerability to climate change, where the farmers who are relying on the agriculture activity as a livelihood subsistence are directly affected by climate change as well as floods.

### **Methodology**

This research employed a quantitative method with a questionnaire administered via personal interview. Enumerators who are trained to conduct farmer interviews distributed the questionnaires. Face-to-face interviews were performed to make it easier for farmers, particularly those who are illiterate and unable to write, to respond to the question. The LVI was calculated using quantitative data and statistically measures the relationship between variables.

To guide the assessment of livelihood vulnerability to floods, the study used the sustainable livelihood framework. The impact of flood and climate variability is considered as a vulnerability, which is a major indicator of the sustainability of livelihoods and assets, which influence the

livelihood strategies, the institutional process, and the livelihoods outcome of a community (Chamber & Conway, 1992).

$$Index_{S_d} = \frac{S_d - S_{min}}{S_{max} - S_{min}} \quad (1)$$

Where  $S_d$  is the dimension value of each indicator, and  $S_{min}$  and  $S_{max}$  are the minimum and maximum values of sub-dimension for each dimension. After standardization, the value of each dimension is averaged using

$$M_d = \frac{\sum_{i=1}^n index_{sdi}}{n} \quad (2)$$

Where  $M_d$ , one of the ten majors is dimensions for region  $d$ ,  $Index_{sdi}$  represents the sub-dimension value of each indicator  $i$  of major dimension  $M_d$ , and  $n$  is the number of sub-dimensions in major dimension of  $M_d$ . The ten major components are Health (H), Knowledge and Skill (KS), Livelihood Strategies (LS), Natural Disaster and Climate Variability (NDCV), Land (L), Socio-demographic Profiles (SDP), Social Networks (SN), Housing (Hou), Water (W), Finance and Income (FI). Once values for every ten major components for a region are calculated, they will be used directly in Equation (3) to obtain the area level LVI. The scale of LVI ranges from 0 (most invulnerable) to 1 (most vulnerable). It was divided into four scales, which is most invulnerable (0.000 – 0.250), not vulnerable (0.251 – 0.500), vulnerable (0.510 – 0.750) and (0.751 – 1.000):

$$LVI_d = \frac{\sum_{i=1}^{11} W_{Mi} M_{di}}{\sum_{i=1}^{11} W_{Mi}} \quad (3)$$

## Results and discussion

The profile demography of respondents is presented as the first part of the study's finding, followed by the livelihood vulnerability index, which illustrated the vulnerability level of the farmers in the study area. The indicators used in this study include age, gender, marital status, education, and occupation. It was inside the livelihood of the farmers in the study area.

Table 1 Profile demography of respondents (N = 200).

Variable	Frequency	Percentage (%)
Age		
< 20	4	2.0
21-30	14	7.0
31-40	54	27.0
41-50	67	33.5
51-60	26	13.0
> 60	35	17.5
Gender		

Male	142	71.0
Female	58	29.0
Marital status		
Single	28	14.0
Divorce	1	0.5
Widow/widower	14	7.0
Married	157	78.5
Education attaining		
Illiterate	10	5.0
Primary School	39	19.5
Secondary School	124	62.0
High School	8	4.0
Skill Certificate	3	1.5
Degree	5	2.5
Others	11	5.5
Main Job		
Full time farmer	159	79.5
Others	41	20.5
Second Job		
Farmers	41	20.5
Others	27	13.5
None	132	66.0

Source: Author's analysis, 2021.

More than 60% of respondents are in the age range of 31-50 years old with a breakdown of 67 respondents (33.5%) between 41 and 50 years old, and 54 respondents (27.0%) between 31 and 40 years old. This is followed by the age group of more than 51 years old, which has 61 respondents with a breakdown of the 51 to 60 years old group (26 people, 13.0%) and the group of over 60 years old, which holds 35 respondents (17.5%). The rest of the respondents are youths with 18 people (9.0%). Seventy-one per cent of them are male farmers, and most of the respondents are married (78.5%). Sixty-two per cent had secondary school education, followed by primary school level education (19.5%) and higher education and certificates (8.0%). Other than that, the rest of the respondents have no formal education (5.0%). 80% of the respondents are full-time farmers, and 41 of them make farmers as second jobs.

Table 2 represents the LVI sub-component for IADA Pekan as well as the minimum and maximum values for both combined. Analyse of Livelihood Vulnerability Index (LVI) was established from the most essential five components of Sustainable Livelihood Framework, which later being expanded into ten major components by referring to the previous research (Hahn *et al.* 2009; Madhuri and Bhowmick, 2015; Nor Diana *et al.* 2019; Majid *et al.* 2019). Furthermore, seven new sub-components as introducing by Nurul Ashikin *et al.* (2021) for LVI analyse to represent the



vulnerable condition of the Pahang community. However, this study adapted 6 out of the new sub-components for the situation in the neighbourhood of IADA Pekan farmers.

Table 2 *Livelihood Vulnerability Index (LVI) sub-components value and minimum and maximum sub-component value for IADA Pekan, Pahang*

Major Components	Sub-components	Units	IADA Pekan	The maximum value	The minimum value
Health (H)	Percentage of households with chronic illness	Percent	14.0	100	0
Knowledge and Skills (KS)	Percentage of illiterate households' head	Percent	9.0	100	0
	Percentage of households' head that just past primary school	Percent	19.5	100	0
Livelihood Strategies (LS)	Percentage of households with a family member working in a different community	Percent	24.0	100	0
	Percentage of households depending on agriculture as a source of income	Percent	63.0	100	0
	Percentage of households without any training to cope with disaster	Percent	32.5	100	0
	Average agricultural livelihood diversification	1/#Livelihood	0.44	0.5	0.33
Natural Disaster and Climate Variability (NDCV)	The average number of floods, drought, and cyclone events in the past	Count	0.37	3	0
Land (L)	Percentage of households without ownership of the land	Percent	8.6	100	0
	Percentage of households who do not possess fertile land for the agricultural activity	Percent	42.0	100	0

Socio-demographic Profile (SDP)	Dependency ratio	Ratio	2.368	5	0
	Percentage of female-headed households	Percent	29.0	100	0
	Average number of family members of a household	1/person	1.63	7	0
Social Networks (SN)	Percentage of households that are not a member of any organization	Percent	76.5	100	0
	Percentage of households who do not have prior agricultural knowledge	Percent	3.0	100	0
	Percentage of households that have not attended any agriculture-related training	Percent	80.0	100	0
Housing (Hou)	Percentage of households without solid house	Percent	9.5	100	0
	Percentage of households affected by disaster (flood)	Percent	88.0	100	0
Water (W)	Percentage of households reported conflicts over water	Percent	5.0	100	0
Finance and Income (FI)	Percentage of households borrowing money	Percent	37.5	100	0
	Percentage of households who have no savings	Percent	63.5	100	0
	Percentage of households that fall under B40 category	Percent	100	100	0

Table 3 Indexed sub-component, major component, and LVI value for IADA Pekan, Pahang

Sub-Component	IADA Pekan	Major Component	IADA Pekan
Percentage of households with chronic illness	0.14	Health	0.14
Percentage of illiterate households' head	0.09	Knowledge and Skills	0.14
Percentage of households' head that just passed primary school	0.195		

Percentage of households with a family member working in a different community	0.24	Livelihood Strategies	0.41
Percentage of households depending on agriculture as a source of income	0.63		
Percentage of households without any training to cope with disaster	0.325		
Average agricultural livelihood diversification	0.44		
The average number of floods, drought, and cyclone events in the past	0.123	Natural Disasters and Climate Variability	0.123
Percentage of households without ownership of the land	0.086	Land	0.25
Percentage of households who do not possess fertile land for the agricultural activity	0.42		
Dependency ratio	0.474	Socio-demographic Profile	0.33
Percentage of female-headed households	0.29		
Average percentage of family members of a household	0.232		
Percentage of households that are not a member of any organization	0.765	Social Networks	0.53
Percentage of households that do not have prior agricultural knowledge	0.03		
Percentage of households that have not attended any agriculture-related training	0.80		
Percentage of households without solid house	0.095	Housing and Production	0.42
Percentage of households affected by disaster (flood)	0.88		
Percentage of households reported conflicts over water	0.275	Water	0.030
Percentage of household borrowing money	0.375	Finance and Income	0.67
Percentage of households that have no savings	0.635		

Percentage of households that fall under the B40 category	1.0		
<b>Livelihood Vulnerability Index of farmers</b>			<b>0.30</b>

Source: Authors analysis, 2021.

The major components and the composite LVI for each area are presented in Table 3. The percentage of households with chronic illness is 14% as a contribution to the health component. It is shown that the families that have better government and private health facilities have better livelihood choices than the others (Dechassa & Simane 2016). The importance of public access in terms of health care is essential to give society a better livelihood.

Next, for the knowledge and skills component, the percentage of a head of a household with illiteracy is about 9%. At the same time, the portion of families that just passed primary school is 19.5%. It contributed 0.14 to the significant components of knowledge and skills where these components are essential to gain access, which is better not only in terms of farming but also in handling better households' lives. Besides that, households' heads with higher education have a lower dependency level compared to the other household heads that have lower education (Madhuri *et al.* 2015).

Furthermore, for the major component of livelihood strategies, the IADA Pekan LVI resulted in 0.41, which consists of the sub-component of a family member working in a different community (24.0%), household depending on agriculture as a source of income (63.0%), household without any training to cope with disaster (32.5%), and the average of agricultural livelihood diversification (44.0%).

For the significant component of natural disaster and climate variability, the studied sub-component is the average numbers of flood, drought, and cyclone events in the past, where the result shows that the IADA Pekan are more vulnerable in terms of the average number of floods, drought, and cyclone, which is about 0.37. The land ownership of the respondents shows only 8.6% of them do not possess the land they are living on, while more than 92% of them have their own land. Meanwhile, 42% of the respondents reported that they do not have fertile land for agricultural activity.

Socio-demographic conditions show some different results where IADA Pekan (0.332) with sub-components, such as dependency ratio, indicates that the proportion of age under 15 and over 65 years old to the population between 19 and 64 years old is 2.368. In contrast, the percentage of female-headed households is 29.0%. Next, the average percentage of family members in a household is 0.232.

In social networks, the percentage of households that have not been a member of any organization is 76.5%. On the other hand, the percentage of households who do not have agricultural knowledge shows 3.0% while households who have not attended any training regarding agricultural activities shows 80.0%. Moving on to the significant components of housing and production, two sub-components that have been highlighted are the percentage of households without solid houses and the rate of families affected by disaster (flood). Firstly, the portion of the

households without a stable house shows only 9.5% of IADA Pekan. Meanwhile, the percentage of the households affected by disasters, such as floods, shows an immense result with 88.0% of the households' farmers in IADA Pekan are affected in which most of the farmers are affected by the disaster. This contributed to the value of the main components of housing and production (0.417). The other notable features that are important in the livelihood vulnerability index are water. The index for the households in IADA Pekan is 0.275. Only 5.0% of households have reported having conflict over water. Conflicts over water can be a significant problem not only in everyday life but also in agricultural activities.

The last significant components that will be discussed are finance and income, which has a result of 0.67 of the households in IADA Pekan. The first sub-component is the percentage of households borrowing money or burden by loan. The results show the percentage of families who are borrowing money is 37.5%. Aside from that, the percentage of households who have no savings from monthly income shows 63.5%, and the households with a monthly income of RM3860 and below is 100%. This shows that all respondents in the study area fall under the B40 group for those who are engaging in agricultural activities.

The value of the livelihood vulnerability index of IADA Pekan is 0.30, which indicates lower vulnerability based on the ten main components and 22 indicators calculated. Nevertheless, according to the sub-components, the Financial and Income (FI) and the Social Networks (SN) become vulnerable if they do not receive attention from the government. To achieve the increase in production and targeting to combat poverty, the government must plan on new strategies in addressing this problem to enhance the sustainable development goals of SDG 1 and SDG 13 to improve the living standards of the population by 2030.

## **Conclusion**

The research performed some pragmatic analysis to assess and understand the local vulnerability to climate change and variability in two specific areas using the livelihood and vulnerability index (LVI). To conclude, the community in IADA Pekan was the most vulnerable and had the lowest financial support. It is recommended that the government assists in terms of soft loans to support smallholders among the IADA Pekan farmers to create the business activities or start-up production/enterprises to improve their living conditions as a recovery mechanism.

## **Acknowledgements**

This research was supported by GGPM-2018-040 UKM by Universiti Kebangsaan Malaysia grant. Appreciation to the officers of IADA Pekan, Pahang for providing logistical facilities to facilitate the research work of this project.

## **References**

- Abd Majid, N., Muhamad Nazi, N., Mohd Idris, N.D., Taha, M.R. GIS-Based Livelihood Vulnerability Index Mapping of the Socioeconomic of the Pekan Community. *Sustainability*. 2019; 11(24):1-23.
- Adedeji, O., Reuben, O., & Olatoye, O., 2014. Global climate change. *Journal of Geoscience and Environment Protection*, 2: 114-122.
- Blaikie, P., Cannon, T., Davis, I., & Wisner, B. 1994. *At risk: Natural hazards, people's vulnerability, and disasters*. (New York: Routledge).
- Cambridge University Press. 2020. Date of access: 4/9/2020. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/Vulnerability>
- Chambers, R.; Conway, G.R. 1992. Sustainable Rural Livelihoods: Practical Concepts for the 21st Century; IDS Discussion Paper, 296; Institute of Development Studies: Brighton, UK.
- Dechassa Chala, Belay Simane, B. A. and H. A. 2016. Agro-ecological based small- holder farmer' s livelihoods vulnerability to climate variability and change in Didesa sub-Basin of Blue Nile River, Ethiopia. *Academia Journal of Agricultural Research*, 4(5), 230–240.
- Hahn, M. B., Riederer, A. M., & Foster, S. O., 2009. The Livelihood Vulnerability Index: A pragmatic approach to assessing risks from climate variability and change-A case study in Mozambique. *Global Environmental Change*, 19(1), 74–88.
- IPCC. Climate Change, 2007. Impacts, Adaptation, and Vulnerability; Contribution of Working Group II to the Fourth Assessment Report of the Intergovernmental Panel on Climate Change; Parry, M.L., Canziani, O.F., Palutikof, J.P., van der Linden, P.J., Hanson, C.E., Eds.; Cambridge University Press: Cambridge, UK.
- Madhuri, Tewari, H. R., & Bhowmick, P. K. 2015. Livelihood vulnerability index analysis: An approach to study vulnerability in the context of Bihar. *Jamba: Journal of Disaster Risk Studies*, 6(1).
- Nasiri, H., & Shahmohammadi-Kalalagh, S. 2013. Flood vulnerability index as a knowledge base for flood risk assessment in urban area. *Sustainable Water Resources Management*, 2 (8), 331-336.
- Nor Diana, M. I., Chamburi, S., Mohd Raihan, T. & Nurul Ashikin, A. 2019. Assessing local vulnerability to climate change by using Livelihood Vulnerability Index: Case study in Pahang region, Malaysia,” 1st South Aceh International Conference on Engineering and Technology. IOP Conf. Ser. Mater. Sci. Eng., 506, 1-9.

- Nurul Ashikin, A., Nor Diana, M.I., Siwar, C., Alam, M.M., Yasar, M. 2021. Community Preparation and Vulnerability Indices for Floods in Pahang State of Malaysia. *Land*, 10 (2): 198.
- O'Brien, K., Eriksen, S., Nygaard, L.P., & Schjolden, A. 2007. Why different interpretations of vulnerability matter in climate change discourses. *Climate Policy*, 7: 73-88.
- Shaharuddin, I., Lim, C.S., Hadi, A.-S. 2005. Kemudahterancaman (Vulnerability) Penduduk Terhadap Perubahan Guna Tanah di Selangor. *Malays. J. Environ. Manag.* 5, 79–98.
- Wisner, B., Blaikie, P., Cannon, T., & Davis, I. 2004. *At risk: Natural hazards, people vulnerability and disasters* (2nd ed). (London: Routledge).

## **Pengurusan Sisa Pepejal Menggunakan Amalan Pengasingan Sisa di Punca**

Yamuna Selvakumaran<sup>1</sup>, Rahimah Wahid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Jabatan Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains  
Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia,  
yamu6064@gmail.com*

<sup>2</sup> *Jabatan Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains  
Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia,  
rahimah.wahid@fsk.upsi.edu.my*

### **Abstrak**

Pengurusan sisa pepejal yang sistematik dapat mewujudkan sebuah kawasan yang lestari dan bebas daripada pencemaran. Kawasan Majlis Perbandaran Segamat telah mengalami perubahan dalam aspek sosioekonomi masyarakat seperti jangka hayat, keluaran dalam negara kasar (KDNK), kenal huruf, taraf kesihatan dan tahap pendidikan. Pembangunan di kawasan Majlis Perbandaran Segamat tidak hanya mendatangkan kesan baik sahaja malah ia juga menyebabkan kesan negatif terhadap masyarakat dan alam sekitar. Justeru itu, adalah penting bagi mengenalpasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' dalam kalangan masyarakat di sekitar Majlis Perbandaran Segamat yang meliputi Pekan Batu Anam, Jabi dan Buloh Kasap. Seramai 300 orang responden dipilih sebagai responden kajian. Data dikumpul menggunakan kaedah persampelan rawak mudah melalui borang soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan masyarakat tentang amalan 'Pengasingan Sisa di Punca' berada di tahap tinggi (min=4.55, sisihan piawai=0.54), dan tahap pelaksanaan amalan 'Pengasingan Sisa di Punca' dalam kalangan masyarakat berada di tahap yang tinggi (min=4.61, sisihan piawai=0.44) Dapatan kajian menjelaskan bahawa masyarakat Segamat mempraktikkan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' bagi menguruskan sisa pepejal dengan lebih sistematik. Implikasi kajian ini dapat dijadikan panduan bagi Majlis Perbandaran Segamat dalam menyelesaikan isu pengurusan sisa pepejal.

**Kata kunci:** pengurusan sisa, pembangunan, Pengasingan Sisa Di Punca, sisa pepejal.



## **Solid Waste Management Using Waste Segregation at Source**

### **Abstrack**

Systematic solid waste management can create a sustainable and free pollution area. Solid waste management is a big issue not only in our country but also in other countries as well. The Segamat Municipal Council has undergone changes in the socio economic aspects of the community, namely in life expectancy, Gross Domestic Product (GDP), literacy, health status and education level. Developments around the Segamat Municipal Council area not only brings good effects but it also causes negative effects on the community and the environment. Among the problems that occur around the Segamat Municipal Council are clogged drains, changes in water flow during floods, open burning by irresponsible individuals as well as garbage that is not collected according to the appropriate schedule and time. Therefore, it is important to identify the level of knowledge and implementation of 'Waste Segregation at Source' among the community around Segamat Municipal Council. The study location covers Pekan Batu Anam, Jabi and Buloh Kasap. A total of 300 respondents were selected as study respondents. Data were collected using a simple random sampling method through a questionnaire form and analyzed using descriptive statistics. Overall, the level of community knowledge about the practice of 'Waste Segregation at Source' was at a high level (mean = 4.55, standard deviation = 0.54), and the level of implementation of 'Waste Segregation at Source' among the community was at a high level (mean = 4.61, standard deviation = 0.44). The findings of the study explain that the Segamat community practices the 'Segregation of Waste at Source' to manage solid waste more systematically. The implications of this study can be used as a guide for Segamat Municipal Council in resolving the issue of solid waste management.

**Keywords:** waste management, development, Waste Segregation At Source, solid waste

### **Pengenalan**

Pengurusan sisa pepejal merupakan masalah yang serius di peringkat global dan tempatan. Pada masa yang sama, pengurusan sisa pepejal juga menjadi masalah utama dalam kalangan masyarakat di bandar dan di luar bandar. Negara-negara yang berpendapatan rendah dan bilangan penduduk luar bandar yang lebih besar akan menghasilkan lebih banyak sisa organik seperti sisa dapur dan kurang barangan kitar semula seperti kertas, logam, dan plastik (Hezri, 2010). Menurut Enger dan Smith (2000), sisa pepejal terdiri daripada objek atau partikel dengan bahan pencemar lain yang

terbebas terus sama ada ke atmosfera atau ke air. Di kawasan bandar di Malaysia, purata sisa pepejal yang dihasilkan adalah 760,000 tan per hari berbanding sisa pepejal keseluruhan 1.8 juta tan per hari pada satu tahun (Zamali Tarmudi et al., 2009). Menurut tinjauan mengenai komposisi, ciri & amalan sisa pepejal, kitar semula di Malaysia (2012), JPSPN (2012) sebanyak 33130 tan sisa pepejal dihasilkan per hari.

---

yamu6064@gmail.com / 0177807584

Amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah pengurusan sisa. 'Pengasingan Sisa Di Punca' (SAS) adalah proses mengasingkan sisa pepejal yang dihasilkan di punca mengikut komposisi sisa pepejal seperti kertas, plastik, lain-lain bahan kitar semula (kaca atau seramik, tin aluminium atau besi atau logam, sisa elektronik atau barang elektrik lain, bahan pabrik, kasut, getah, kulit dan sisa berbahaya dan sisa baki (sisa makanan, lampin pakai buang dan sisa lain yang kotor).

Selanjutnya, berkuatkuasa 1 Jun 2016, kompaun mula dikenakan terhadap pemilik-pemilik kediaman dan premis yang gagal melakukan pengasingan sampah atau sisa pepejal di peringkat punca. Dalam melaksanakan langkah ini, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah bekerjasama dengan anggota penguatkuasa SWcorp (Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam). Pelaksanaan 'Pengasingan Sisa Di Punca' dijalankan secara tiga fasa iaitu fasa pertama (pemakluman), fasa 2 (pelaksanaan) dan fasa 3 (penguatkuasaan). Mulai Januari 2015, maklumat berkaitan dengan 'Pengasingan Sisa Di Punca' mula disebar kepada masyarakat. Maklumat disebar melalui surat khabar, televisyen, media sosial, taklimat dan seminar.

Penguatkuasaan ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan inisiatif 'Pengasingan Sisa Di Punca' (SAS) diamalkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia. Pelaksanaan 'Pengasingan Sisa Di Punca' pada peringkat persekutuan dilakukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Sisa di Punca. Objektif-objektif utama 'Pengasingan Sisa Di Punca' ialah bagi mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula, mengurangkan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan, mengurangkan peruntukan wang negara untuk pelupusan sisa pepejal, dan pematuhan bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Kawasan kediaman di sekitar Majlis Perbandaran Segamat telah dipilih sebagai kawasan kajian. Kawasan Majlis Perbandaran Segamat mula mempraktikkan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' bermula 1 Jun 2016. Pembangunan yang berlaku di kawasan Majlis Perbandaran Segamat ini, telah menyebabkan perubahan dari segi sosioekonomi masyarakat iaitu dalam keluaran dalam negara kasar (KDNK), jangka hayat, kenal huruf dan tahap kesihatan. Pembangunan yang berlaku ini tidak hanya mendatangkan kesan positif sahaja malah ia juga memberi kesan negatif terhadap masyarakat dan alam sekitar. Kawasan Majlis Perbandaran Segamat telah menghadapi beberapa masalah seperti pencemaran udara, air dan tanah akibat pelupusan sampah yang tidak sistematik,

jadual pengutipan sampah yang tidak teratur, sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam menguruskan sampah.

Kajian yang dijalankan untuk memberi gambaran jelas tentang ‘Pengasingan Sisa di Punca (SAS)’ dalam pengurusan sisa pepejal di kawasan Majlis Perbandaran Segamat. Hasil analisis ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang awam yang masih samar-samar berkaitan konsep ‘Pengasingan Sisa di Punca (SAS)’ dalam pengurusan sisa pepejal. Pada masa yang sama, dapat membantu dalam pengurusan sisa pepejal di kawasan Majlis Perbandaran Segamat.

## **Sorotan Literatur**

Pengurusan sisa pepejal sangat penting dalam pengurusan sisa buangan. Sisa pepejal boleh dibahagikan kepada sisa domestik, sisa industri, sisa komersial dan lain-lain. Setiap sisa yang dihasilkan boleh dibahagikan kepada sisa buangan dan sisa yang boleh dikitar semula. Sisa buangan yang dikutip akan dihantar ke tapak pelupusan untuk proses selanjutnya. Manakala, sisa yang boleh dikitar semula akan diproses dan digunakan bagi tujuan lain. Terdapat banyak kajian yang dikendalikan oleh pengkaji yang menjelaskan tentang pengurusan dan pengendalian sisa.

Sisa pepejal bukan sahaja dihasilkan di kawasan kediaman malah di kawasan sekolah juga. Chong Oi Min dan Mohammad Tahir Mapa. (2020) melalui kajian yang berjudul “Penjanaan Komposisi Sisa Pepejal terhadap Amalan Kitar Semula di Sekolah Menengah Penampang, Sabah telah mengenalpasti bahawa peningkatan bilangan pelajar sekolah menengah telah mengakibatkan isu penjanaan komposisi sisa pepejal serta pencemaran alam sekitar. Masalah mengatasi penjanaan komposisi sisa pepejal yang banyak agak susah. Hasil daripada pemerhatian dan data temu bual, terdapat pelbagai dan banyak komposisi sisa pepejal yang dihasilkan di sekolah ini. Pemantauan dibuat untuk mengenalpasti jumlah sisa yang dihasilkan pada setiap hari, setiap minggu dan setiap bulan bagi menetapkan jenis sisa dan kuantiti komposisi sisa pepejal yang dihasilkan.

Banyak tong sampah telah diikat dengan tali bagi mengelakkan daripada isu hilang atau dipermainkan oleh pelajar yang tidak berdisiplin di sekolah. Langkah tong sampah diikat dengan tali untuk menyenangkan warga sekolah membuang sisa dengan mudah dan lebih selesa. Kajian ini telah menekankan kerjasama dari semua pihak bagi menguruskan sisa pepejal di sesebuah sekolah. Oleh itu, pihak berkuasa sekolah telah mengalakkan pendidikan kitar semula dan penjanaan komposisi sisa pepejal melalui kurikulum.

Seterusnya, menurut Mohammad Tahir Mapa et al (2019) masyarakat yang menetap di kawasan perumahan kampung menghasilkan banyak sisa baki atau sisa kitar semula berbanding dengan masyarakat di kawasan perumahan taman. Pada masa yang sama, penduduk kampung lebih berminat dan bermotivasi bagi mengasingkan sisa baki berbanding dengan penduduk taman. Selain itu, responden yang tinggal di kedua-dua kawasan perumahan ini menjadikan faktor kewangan sebagai dorongan mereka untuk menguruskan sisa pepejal dengan cara yang betul. Monika Singh, (2018) mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengurusan sisa

pepejal iaitu pengurusan sisa pepejal yang mampan, isu kewangan, penglibatan sektor swasta dan kerajaan, pendekatan bersepadu dalam pengurusan sisa pepejal dan lain-lain. Kajian ini merumuskan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah pengurusan sisa di India iaitu memastikan pengurusan pepejal yang tidak menjejaskan kesihatan awam dan persekitaran, menggunakan sumber alam secara minimum serta bersikap ekonomi.

Tambahan pula, Musfirah Binti Abdul Jalil (2017) menjelaskan beberapa cadangan untuk membuat penambahbaikan dari segi kemudahan tong sampah. Penambahbaikan ini akan memudahkan penduduk luar bandar ini untuk melupuskan sampah dengan cara yang betul. Selain itu, isu seperti timbunan sampah boleh dikurangkan dengan penambahbaikan sistem kutipan sisa pepejal. Pihak yang bertanggungjawab seperti pihak kontraktor harus mengutip sisa buangan mengikut masa dan jadual yang ditetapkan. Menurut Nayseang Sun dan Supachart Chungpaibulpatana (2017), disebabkan kekurangan maklumat tentang sisa pepejal perbandaran di negara-negara membangun termasuk perbezaan keadaan tempatan, pelbagai kaedah pemodelan telah dibangunkan untuk meramalkan fungsi sisa pepejal perbandaran.

Wahida Ayob Dan Norlaila Abdullah Chik (2016) menyatakan bahawa masyarakat memiliki tahap kesedaran yang sangat rendah dan kurang melakukan kitar semula. Aktiviti kitar semula ini berkait rapat dengan nilai-nilai murni yang terdapat dalam ajaran agama Islam. Nilai-nilai murni ini akan mengubah gaya hidup masyarakat dalam melakukan sesuatu perkara. Menurut Islam, alam sekeliling ialah wahyu al-Quran yang mewujudkan hubungan yang rapat antara manusia dan alam tabii dan Tuhan. Maka, manusia harus menjaga alam sekeliling dengan baik. Manusia harus menjaga kelestarian alam sekitar dengan menjaga kebersihan diri dan persekitaran. Seterusnya, harus menyediakan persekitaran yang selesa dan kondusif. Persekitaran yang bersih, selesa dan kondusif dapat mencegah ancaman penyakit yang bahaya kepada manusia.

Monica Izvercian dan Larisa (2015) menjelaskan bahawa proses sisa pepejal perbandaran telah berkembang, tetapi masih menghadapi masalah yang dapat ditangani melalui strategi yang baik. Selain itu, struktur dana merupakan asas dalam memperbaiki keadaan di Romania dan menurunkan kadar sisa pepejal perbandaran. Selepas membuat analisis tentang pengurusan sisa di Romania, beberapa tindakan perlu ditimbang iaitu penggunaan teknologi yang bersih dalam penjaan buangan, amalan kitar semula, penghapusan melalui tapak pelupusan dan pembakaran.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan kajian tinjauan menerusi pengedaran soal selidik kepada masyarakat awam. Strategi kuantitatif melalui kaedah tinjauan (survey) jenis-hirisan rentas (cross-sectional) dengan menggunakan teknik soal selidik. Kajian tinjauan-hirisan rentas digunakan untuk mengumpul maklumat daripada sampel populasi yang telah ditentukan terlebih dahulu. Data dipungut sekali sahaja daripada sampel pada suatu masa (Creswell, 2008). Menurut Bhattacharjee (2012), kaedah tinjauan hirisan rentas dapat melihat hubungan antara konstruk bebas dan konstruk bersandar. Seterusnya, sampel kajian terdiri daripada 300 orang responden yang menetap di sekitar Pekan Batu Anam, Pekan Buloh Kasap dan

Pekan Jabi. Seterusnya, lokasi yang dipilih bagi kajian ini ialah Pekan Jabi, Pekan Buloh Kasap dan Pekan Batu Anam yang kurang maju di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Segamat, Johor. Hal ini kerana, pekan-pekan ini kurang kemudahan bank, pejabat kerajaan, pasaraya, pengangkutan dan lain-lain. Oleh sebab itu artikel ini dapat mengkaji penglibatan masyarakat yang kurang kemudahan ini dalam mempraktikkan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca'.

Instrumen yang digunakan ialah soal selidik dalam mendapatkan data kuantitatif yang dibina sendiri oleh pengkaji bersesuaian dengan persetujuan pakar-pakar bidang yang berkaitan. Pada masa yang sama borang soal selidik diedarkan kepada 30 responden di sekitar pekan Batu Anam, Jabi dan Buloh Kasap untuk ujian rintis. Responden terdiri daripada 18 orang lelaki dan 12 orang wanita. Oleh itu nilai kepercayaan bagi bahagian 'Profil Responden' ialah  $\alpha = 0.857$ , "Pengetahuan" ialah  $\alpha = 0.803$  dan "Kaedah pelaksanaan" ialah  $\alpha = 0.876$ . Setelah dibuat kajian rintis, beberapa soalan telah diubahsuai untuk membantu responden menjawab dengan baik. Borang soal selidik yang telah diubah terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A: Profil Responden, Bahagian B: Pengetahuan masyarakat tentang amalan dan konsep 'Pengasingan Sisa Di Punca' dan Bahagian C: Kaedah pelaksanaan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' dalam kalangan masyarakat. Soalan direka bentuk secara skala likert dengan ukuran 1-5; iaitu 1= sangat tidak setuju", 2= tidak setuju, 3= kurang setuju, 4= setuju dan 5= sangat setuju.

## **Dapatan dan Perbincangan Kajian**

- Demografi Responden

Bahagian ini menerangkan latar belakang responden. Berdasarkan jadual 1 majoriti responden iaitu 24% adalah berumur antara 36 tahun hingga 40 tahun. Hal ini kerana, responden yang berlingkungan umur 36-40 tahun tampil secara sukarela untuk memberi respon. Berbeza dengan kajian oleh Ferragina (2012) iaitu tahap umur yang lebih tua mempunyai hubungan secara positif dengan jaringan sosial formal dan dimensi kepercayaan sosial. Seterusnya, majoriti responden terdiri daripada perempuan iaitu terdiri daripada 158 orang (52.7%). Responden perempuan menunjukkan minat yang tinggi berbanding dengan responden lelaki untuk terlibat dalam kajian.

Di samping itu, responden berbangsa Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu 124 orang atau 41.3 % berbanding dengan bangsa lain. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan responden di lokasi kajian terdiri dalam kalangan penduduk Melayu. Majoriti responden berketurunan Melayu, maka 40% responden kajian iaitu 120 orang adalah beragama Islam. Tambahan pula, majoriti responden iaitu 83.3% (250 orang) telah berkahwin dan selebihnya adalah bujang. Ramai responden bujang berada di bandar-bandar besar untuk tujuan pekerjaan yang sesuai. Seterusnya, majoriti responden di kawasan kajian menamatkan pelajaran sehingga SPM sahaja iaitu 206 orang (68.7%). Hal ini disebabkan oleh faktor wang. Ramai responden lahir dalam keluarga yang berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk meneruskan pejalaran ke peringkat yang tinggi.

Tambahan pula, seramai 121 responden atau 40.3% berasal dari pekan Batu Anam yang merupakan nilai majoriti. Bilangan responden yang berasal dari pekan Batu Anam adalah tinggi.

Selain itu, seramai 256 orang atau 85.3% responden telah menetap di kawasan kajian lebih daripada 15 tahun. Ramai responden menetap di kawasan kajian lebih daripada 15 tahun kerana kawasan itu merupakan tempat lahir mereka. Seterusnya, majoriti responden iaitu seramai 234 orang (78%) memilih sektor swasta sebagai pekerjaan mereka. Hal ini disebabkan oleh tahap pendidikan mereka yang rendah iaitu sampai tahap SPM. Ramai responden memilih untuk bekerja di kilang, pusat membeli belah atau di ladang kelapa sawit dan getah.

Di samping itu, responden seramai 125 orang (41.7%) yang merupakan nilai majoriti dan berpendapatan diantara RM1000-RM2000. Hal ini disebabkan oleh taraf hidup yang rendah di kawasan Majlis Perbandaran Segamat. Pendapatan dalam lingkungan RM1000-RM2000 dianggap cukup untuk perbelanjaan mereka. Selain itu, gaji memang ditawarkan rendah di pekan kecil. Seterusnya, majoriti responden iaitu seramai 76 orang (25.3%) mendapat tahu tentang amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' melalui facebook. Hal ini kerana, ramai yang memiliki telefon bimbit sendiri dan pandai melayari laman sosial. Maklumat melalui laman sosial lebih cepat untuk diperolehi. Masyarakat lebih suka untuk melayari laman sosial untuk mendapatkan maklumat baru.

Jadual 1 Demografi responden kajian

Demografi	Deskripsi	Kekerapan	Peratus (%)
Umur	18-20 Tahun	12	4
	21-25 Tahun	42	14
	26-30 Tahun	66	22
	31-35 Tahun	65	21.7
	36-40 Tahun	72	24
	41-60 Tahun	43	14.3
Jantina	Lelaki	142	47.3
	Perempuan	158	52.7
Keturunan	Melayu	124	41.3
	Cina	69	23
	India	107	35.7
Agama	Islam	120	40
	Hindu	107	35.7
	Buddha	73	24.3
Status kahwin	Berkahwin	250	83.3
	Bujang	50	16.7
	Janda / Duda	0	0
Kelayakan akademik	UPSR	40	13.3
	PT3	12	4
	SPM	206	68.7

	STPM	4	1.3
	Diploma	32	10.7
	Ijazah Sarjana Muda	6	2
Kawasan perumahan	Batu Anam	121	40.3
	Jabi	103	34.3
	Buloh Kasap	76	25.3
Tempoh menetap	< 1 Tahun	2	0.7
	1-5 Tahun	4	1.3
	5-10 Tahun	13	4.3
	10-15 Tahun	25	8.3
	>15 Tahun	256	85.3
Pekerjaan	Bekerja sendiri	29	9.7
	Kerajaan	25	8.3
	Swasta	234	78
	Lain-lain	12	4
Pendapatan keluarga	<RM1000	4	1.3
	RM1000-RM2000	125	41.7
	RM2000-RM3000	118	39.3
	RM3000-RM4000	47	15.7
	RM4000-RM5000	0	0
	>RM5000	6	2
Pengetahuan masyarakat tentang amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca'.	Televisyen	74	24.7
	Radio	3	1
	Facebook	76	25.3
	Surat Khabar	45	15
	Rakan-rakan	64	21.3
	Jiran	38	12.7

- Tahap Pengetahuan tentang Amalan Pengasingan Sisa Di Punca

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan tentang amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' yang tinggi. Responden perempuan sebanyak 52.3% memiliki tahap pengetahuan yang tinggi tentang amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' berbanding dengan responden lelaki yang sebanyak 47.3%. Pengetahuan masyarakat tentang amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 4.55. Hasil ini menunjukkan bahawa masyarakat sudah didedahkan dengan

amalan baru ini. Misalnya, analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden berada di tahap sederhana tinggi dalam memahami maksud amalan “Pengasingan Sisa Di Punca”. Seterusnya, responden mempunyai tahap sederhana tinggi dalam memahami konsep “Pengasingan Sisa Di Punca”.

Responden menyatakan bahawa pengurusan sisa di kawasan perbandaran itu sangat sistematik dan menepati semua penilaian dan kaedah pelaksanaan yang betul. Ianya dapat dibuktikan menerusi laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2018 yang menyatakan bahawa taklimat telah diberikan tentang pengasingan sisa di punca kepada masyarakat dan juga guru serta murid sekolah. Responden percaya bahawa pengurusan sisa pepejal yang terancang telah membantu responden di kawasan terbabit menjaga kebersihan dan mengelakkan penyakit yang kemungkinan melanda kawasan tersebut. Seterusnya, mereka berpendapat bahawa kawasan persekitaran dan perkampungan yang bersih menerusi pengurusan sisa pepejal yang terancang membolehkan kawasan majlis perbandaran tersebut dapat dibangunkan dengan lebih efisien.

Responden berpendapat bahawa amalan ini sangat penting dalam kalangan masyarakat pada zaman era pandemik ini kerana kebersihan memainkan peranan yang penting dalam usaha mengekalkan tahap kesihatan di puncak yang betul. Dengan pelaksanaan banyak program yang menjurus kepada pengasingan sisa di punca dan sesi taklimat yang telah diadakan oleh SWCorp telah memberi pendedahan tentang amalan ini dan menjadikan masyarakat lebih prihatin. Kebanyakan responden dikatakan memahami dengan sepenuhnya konsep yang telah dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini dan telah menerima sepenuhnya tentang tujuan masyarakat dan juga responden perlu mengamalkan amalan pengasingan sisa di punca yang sememangnya memberikan banyak faedah. Masyarakat yang memahami tujuan pengasingan sisa ini sebenarnya mampu untuk mengubah keadaan persekitaran ke arah yang lebih baik. Menerusi laporan tahunan 2018, masyarakat terutamanya para responden memahami dan mengetahui cara pengasingan sisa dengan mengikuti langkah yang ditaklimatkan oleh Majlis Perbandaran Segamat secara berkala.

Tambahan pula, responden memahami sepenuhnya kesan mengamalkan amalan pengasingan sisa di punca iaitu kesan kepada alam sekitar dan manusia. Usaha kerja yang membekalkan tong sampah kepada masyarakat sekitar negeri Johor telah membuahkan hasil yang lumayan dengan membolehkan masyarakat terutamanya para responden mengamalkan pengasingan sisa dengan berkesan. Bagi masalah jadual pengutipan, hanya segelintir masyarakat yang mengetahui jadual pengutipan sampah kerana tiada pendedahan yang secukupnya. Untuk mengatasi masalah sedemikian, pihak berkuasa tempatan perlulah menyediakan jadual dan jika sekiranya jadual telah tersedia maka ianya harus dipaparkan di kawasan sekeliling supaya masyarakat peka akan ketibaan pihak pelupusan sampah. Dengan meletakkan jadual tersebut, maka masyarakat dan juga para responden dapat bersedia dengan sisa pepejal yang telah diasingkan untuk mempercepatkan urusan pengutipan sisa bagi pelupusan.

Norfadillah Derahim (2012) menyatakan bahawa tahap pengetahuan pelajar berada di tahap rendah dalam mewujudkan kampus lestari. Terdapat beberapa langkah untuk meningkatkan tahap pengetahuan pelajar untuk mewujudkan kampus lestari. Manakala, responden kajian ini



menunjukkan tahap yang tinggi dengan memahami cara-cara mengasingkan sisa mengikut amalan “Pengasingan Sisa Di Punca”. Pengetahuan responden yang sederhana tinggi dalam mengetahui amalan ‘Pengasingan Sisa Di Punca’ membantu mereka untuk mengaplikasikannya dalam pengurusan sisa pepejal.

*Jadual 2 Tahap Pengetahuan Amalan Pengasingan Sisa Di Punca*

Tahap Pegetahuan	Min	Sisihan Piawai
Pengurusan sisa di kawasan Majlis Perbandaran Segamat sistematik.	4.47	.64
Pengurusan sisa yang sistematik membantu kebersihan kawasan.	4.59	.55
Pengurusan sisa yang sistematik sangat penting untuk pembangunan kawasan Majlis Perbandaran Segamat.	4.64	.51
Amalan ‘Pengasingan Sisa Di Punca’ sangat berguna dalam pengurusan sisa di Segamat.	4.81	.43
Memahami maksud amalan ‘Pengasingan Sisa Di Punca’.	4.49	.63
Memahami konsep ‘Pengasingan Sisa Di Punca’.	4.59	.55
Mengenal pasti tujuan mempraktikkan amalan ‘Pengasingan Sisa Di Punca’	4.64	.51
Memahami cara-cara mengasingkan sisa mengikut amalan ‘Pengasingan Sisa Di Punca’.	4.80	.44
Memahami kesan mempraktikkan amalan ‘Pengasingan Sisa Di Punca’ terhadap masyarakat.	4.48	.64
Memahami kesan mempraktikkan amalan ‘Pengasingan	4.59	.55

Sisa Di Punca' terhadap alam sekitar.

Memiliki tong hijau yang disediakan oleh kerajaan untuk membuang sampah.	4.65	.51
Jiran saya memiliki tong hijau.	4.82	.43
Mengetahui jadual kutipan sampah.	3.53	.67
<b>Jumlah</b>	<b>4.55</b>	<b>.54</b>

- Tahap Pelaksanaan Pengasingan Sisa Di Punca

Dapat dilihat dalam Jadual 3, taburan nilai min dan sisihan piawai mengikut item di dalam pembolehubah. Dapatan menunjukkan purata keseluruhan item mempunyai nilai min dan sisihan piawai berada dalam skala tinggi iaitu diantara nilai min 4.00-5.00. Min purata keseluruhan item pelaksanaan amalan 'Pengasingan Sisa di Punca' dalam kalangan masyarakat adalah sebanyak 4.61 (s.p=0.44). Ini menunjukkan tahap pelaksanaan masyarakat adalah sangat tinggi.

Tahap pelaksanaan yang tinggi kerana masyarakat mempunyai pengetahuan tentang cara mengasingkan bahan-bahan plastik, kertas, kaca, aluminium, besi, fabrik, ranting pokok berdasarkan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca'. Setelah mengasingkan sisa, mereka mengetahui cara buang ke dalam tong hijau yang disediakan. Responden juga mengenali cara menguruskan sisa pukal dengan betul. Pada masa yang sama, mereka berkongsi pengetahuan ini kepada orang lain dan mendidik anak-anak mereka cara mengasingkan sisa.

Tahap pelaksanaan iaitu amalan mempraktikan dalam kalangan masyarakat memberikan nilai min yang banyak bermaksud para responden sedang mengamalkan amalan pengasingan sisa pepejal di punca. Selain itu para responden kajian telah bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka sedang melaksanakan pengasingan bahan bahan plastik secara berkesan. Selain itu, pengasingan kertas juga dilakukan di punca oleh responden dengan berjaya. Pada masa yang sama, para responden juga menyatakan bahawa mereka mengasingkan bahan bahan, bahan bahan aluminium, bahan bahan besi, bahan bahan fabrik, ranting kayu serta bahan bahan kayu. Responden mengasingkan komposisi sampah dengan menggunakan plastik yang berlainan, memasukan plastik sampah dalam tong hijau dan meletakkan sisa pukal di bahu jalan pada hari kutipan. Ini secara konklusinya memberikan gambaran secara keseluruhan bahawa pihak responden mempunyai tahap amalan dan pelaksanaan untuk mengasingkan sampah di punca yang jelas dan sedang mengamalkannya dengan tepat dan berkesan.

Hasil menunjukkan bahawa jiran kurang melaksanakan amalan pengasingan sisa secara di punca. Ini merupakan sesuatu yang mampu mengugat kejayaan pihak kerajaan yang telah melaksanakan program pengasingan sisa di punca. Seterusnya, para peniaga yang berada di kawasan kajian ini tidak mengamalkan amalan pelaksanaan pengasingan sisa di punca. Walaupun bilangan peniaga di kawasan kajian mungkin lebih rendah berbanding dengan responden, tetapi

ianya tidak harus dilakukan dan tidak harus dicontohi oleh orang lain. Seterusnya, para responden berpendapat bahawa jika anak-anak dipraktikkan sejak kecil untuk melakukan pengasingan sisa di punca, maka ianya akan menjadi amalan seumur hidup dan tahap pelaksanaan amalan pengasingan sisa di punca akan berkesan. Jika mereka berkongsi amalan tersebut dengan orang lain, maklumat berkaitan pengasingan sisa di punca dapat disebar luas.

Alireza et. al 2016, dalam kajian beliau telah menetapkan bahawa pencapaian pengurusan sisa pepejal yang tertinggi adalah sesuatu yang berkaitan dengan pelaksanaan program yang boleh dilakukan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat sekitar. Tahap pelaksanaan menurut beliau ialah penyertaan masyarakat adalah mengakhiri geografi yang berkaitan dengan alam sekitar terutamanya pengasingan sisa di punca. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini menyatakan bahawa tahap pelaksanaan amalan berkaitan dengan alam sekitar masih rendah dan tidak mampu memotivasikan masyarakat di Malaysia.

Seterusnya, Zaini et al. 2010 telah menyatakan bahawa penyertaan masyarakat dalam aspek berkaitan dengan alam sekitar secara umumnya masih berada pada tahap yang lebih rendah. Walaupun kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam amalan penjagaan alam sekitar diiklankan tetapi penglibatan masyarakat sememangnya masih rendah dan tidak lagi mampu untuk memotivasikan masyarakat (Agamuthu dan Fauziah, 2009).

*Jadual 3: Tahap Pelaksanaan 'Pengasingan Sisa Di Punca' Dalam Kalangan Masyarakat*

Tahap Pelaksanaan	Min	Sisiha n Piawai
Mempraktikkan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca'.	4.80	.44
Mengasingkan bahan-bahan plastik.	4.80	.44
Mengasingkan bahan-bahan kertas.	4.80	.44
Mengasingkan bahan-bahan kaca.	4.80	.44
Mengasingkan bahan-bahan aluminium.	4.80	.44
Mengasingkan bahan-bahan besi.	4.80	.44
Mengasingkan bahan-bahan fabrik.	4.80	.44
Mengasingkan ranting-ranting pokok.	4.80	.44
Mengasingkan bahan-bahan kayu	4.80	.44

Mengikat setiap komposisi sampah dengan menggunakan plastik yang berlainan.	4.80	.44
Memasukkan plastik sampah ke dalam tong hijau yang disediakan.	4.80	.44
Meletakkan sisa pukal (ranting-ranting pokok, perabot, kayu) di bahu jalan pada hari kutipan sisa pukal.	4.80	.44
Jiran-jiran anda mengasingkan sampah.	3.36	.83
Peniaga mengasingkan sisa.	3.19	.88
Mendidik anak-anak saya mengasingkan sampah.	4.82	.43
Berkongsi pengetahuan tentang amalan ini kepada orang lain.	4.81	.43
<b>Jumlah</b>	<b>4.61</b>	<b>.44</b>

## Kesimpulan

Penyelidikan ini telah mengkaji amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' dalam pengurusan sisa pepejal di kawasan Majlis Perbandaran Segamat. Penyelidikan ini dijalankan dalam kalangan masyarakat yang menetap di Pekan Jabi, Pekan Buloh Kasap dan Pekan Batu Anam. Analisis kajian menggambarkan bahawa amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' sangat penting dalam proses pengurusan sisa di kawasan Majlis Perbandaran Segamat. Tahap penglibatan masyarakat menunjukkan tahap yang tinggi dalam mempraktikkan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca'.

Tahap penglibatan yang tinggi disebabkan oleh sikap masyarakat yang bertanggungjawab. Mereka mengambil serius terhadap langkah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Masyarakat rajin untuk mengasingkan sisa pepejal sebelum memasukkan ke dalam tong hijau. Sisa pepejal diasingkan mengikut komposisi yang betul dan diikat secara berasingan. Kemudian, masyarakat membuang ke dalam tong yang disediakan. Pihak berkuasa tempatan pula, harus memberikan kerjasama yang tinggi untuk mengelakkan masalah pengutipan sisa pada masa yang tepat. Secara kesimpulannya, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing dengan menjayakan amalan 'Pengasingan Sisa Di Punca' dalam pengurusan sisa pepejal.

## Pengakuan

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia kajian, Dr. Rahimah Binti Wahid atas bimbingan dan sokongan yang diberi sepanjang tempoh kajian ini. Penghargaan seterusnya ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Khas untuk rakan-rakan seperjuangan jutaan terima kasih di atas curahan idea, tunjuk ajar dan dorongan kalian.

## Rujukan

- Agamuthu, P., Fauziah, S. H. & Khidzir, K. (2009). Evolution of solid waste management in Malaysia: Impacts and implications of the solid waste bill, 2007. *Material Cycles and Waste Management*, 11(2), 96-103.
- Alireza Fazeli, Farzaneh Bakhtvar, Leila Jahanshaloo, Nor Azwadi Che Sidik, Ali Esfandyari Bayat (2016). Malaysia's stand on municipal solid waste conversion to energy: A review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 58, 1007-1016.
- Bhattacharjee, A. (2012) *Social Science Research: Principles, Methods, and Practices*. USA: University of South Florida.
- Chong Oi Min & Mohammad Tahir Mapa. (2020). Penjanaan Komposisi Sisa Pepejal terhadap Amalan Kitar Semula di Sekolah Menengah Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11), 174-187.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Education.
- Enger, E. D. & Smith, F. S. (2000). *Environmental Science: A Study of Interrelationship*. New York: McGraw Hill Education.
- Ferragina, E. (2012). *Social Capital in Europe: A Comparative Regional Analysis*. USA: Edward Elgar Publishing.
- Hezri, A. A. (2010). *Toward 3R-Based Waste Management: Policy Change in Japan, Malaysia and the Philippines*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tahir Mapa, Lokman Mohd Haris, Fionna Geogre, Molia Sebi Dinggai, Adi Japar & Aliakbar Gulasan. (2019). Kajian komposisi dan pengasingan sisa pepejal di kawasan perumahan. *Jurnal Geografia*, 15(2), 117-128.
- Monika Singh. (2018). Solid Waste Management in India. *International Journal of Advanced Educational Research*, 3(2), 247-250.
- Monica Izvercian & Larisa Ivascu. (2015). Waste Management in The Context of Sustainable Development: Case Study in Romania. *Journal Procedia Economics and Finance*, 26, 717-721.
- Musfirah Binti Abd Jalil. (2017). Persepsi Penduduk Terhadap Kutipan Sisa Pepejal Di Kawasan Luar Bandar. *Tesis Ijazah Sarjana Sains*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Nayseang Sun & Supachart Chungpaibulpatana. (2017). Development of An Appropriate Model for Forecasting Municipal Solid Waste Generation in Bangkok. 2017 International Conference on Alternative Energy in Developing Countries and Emerging Economies 2017 AEDCEE. Bangkok, Thailand, 25-26 May 2017.
- Norfadillah Derahim, Halimaton Saadiah Hashim, Noraziah Ali & Sarah Aziz. (2012). UKM Sebagai Kampus Lestari: Tinjauan Awal Pengetahuan, Kesedaran dan Penglibatan Pelajar dan Kakitangan di Kampus UKM Bangi. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 76-90.
- Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. (2015). Solid Waste Management Lab 2015. Dicapai pada 7 Julai 2021 dari Laman Web Rasmi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.
- Wahida Ayob & Norlaila Abdullah Chik. (2016). Kepentingan Aktiviti Kitar Semula Dari Perspektif Islam. Seminar Islam Dan Sains Peringkat Kebangsaan 2016 “Teknologi Islam Melestari Ummah”.
- Zaini Sakawi, Mohd Hairimi Mohd Ali, Katiman Rostam & Abdul Rahim Md Nor. (2010). Impak Pengurusan Tapak Pelupusan Atas Kualiti Air Sungai Di Malaysia: Iktibar Dari Pengalaman Tapak Pelupusan Pajam Dan Sungai Pajam, Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 6(1), 50-59.
- Zamali Tarmudi, Mohd Lazim Abdullah & Abu Osman Md Tap. (2009). An Overview Of Municipal Solid Wastes Generation in Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 51, 1-15.

### Appendices

Appendix A : Jadual 1 Demografi responden kajian

Appendix B : Jadual 2 Tahap Pengetahuan Amalan Pengasingan Sisa Di Punca

Appendix C : Jadual 3 Tahap Pelaksanaan ‘Pengasingan Sisa Di Punca’ Dalam Kalangan Masyarakat

## **Pembangunan Pelancongan Warisan di Melaka Tengah: Petunjuk Pelancongan Lestari**

Pirasannah Sasidharan<sup>1</sup>, Rahimah Wahid

*1 Jabatan Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

*2 Jabatan Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

### **PEMBANGUNAN PELANCONGAN WARISAN DI MELAKA TENGAH: PETUNJUK PELANCONGAN LESTARI**

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan penduduk dan kesan pembangunan pelancongan kepada kelestarian pelancongan warisan yang berasaskan Petunjuk Pelancongan Lestari di Melaka Tengah yang meliputi Bandar Melaka. Seramai 382 orang responden yang menetap di sekitar Melaka Tengah dipilih sebagai responden kajian berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan. Data dikumpul menggunakan kaedah persampelan rawak mudah melalui borang soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan korelasi. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan penduduk tempatan tentang pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah adalah tinggi iaitu  $M=3.92$  dan  $S.P =0.37$  manakala kesan pembangunan pelancongan terhadap kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah juga berada di

tahap yang tinggi iaitu  $M=4.07$  dan  $S.P =0.17$ . Secara kesimpulannya, perubahan pembangunan pelancongan memberi kesan kepada kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah. Implikasi kajian ini dapat dijadikan garis panduan bagi Kerajaan Negeri Melaka dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam merancang pembangunan pelancongan warisan secara lestari berasaskan Petunjuk Pelancongan Lestari.

**Keywords:** Tahap pengetahuan, pembangunan pelancongan, kesan pembangunan, kelestarian, pelancongan warisan

## **Pengenalan**

Aktiviti pelancongan sentiasa meningkat seiring dengan peningkatan tamadun manusia. Elemen dalam pelancongan beroperasi dalam lingkaran persekitaran fizikal, sosial, budaya, ekonomi, politik dan teknologi (Yahaya, 2008). Perkembangan industri pelancongan di Malaysia berlaku dengan pantas kerana pelancong dari negara barat sedar terdapatnya keaslian, keindahan, keunikan dan kelainan yang istimewa pada negara Malaysia. Hal ini kerana Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, Iban, Murut, Kadazan-Dusun dan lain-lain. Masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia mempunyai adat, budaya dan gaya hidup tersendiri serta istimewa yang mampu menarik minat pelancong asing. Walaupun Malaysia mempunyai persaingan hebat dari negara jiran dalam industri pelancongan seperti Thailand, Filipina, Singapura dan Indonesia, namun Malaysia telah berjaya mempertahankan industri pelancongan sebagai destinasi pelancongan utama di Asia Tenggara melalui tema 'Malaysia Truly Asia' (Azlina & Munira, 1982). Malaysia menjadi sebuah negara yang disenangi pelancong kerana kelebihan semula jadinya seperti iklim, alam sekitar, ciri-ciri masyarakat dan budaya. Dalam merealisasikan hasrat Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di rantau Asia, pelbagai aktiviti seperti Kempen Cuti-Cuti Malaysia, Tahun Melawat Malaysia, Hari Pelancongan Sedunia dan lain-lain lagi telah dirancang dan dipromosikan oleh kerajaan di peringkat global.

Pembangunan pelancongan lestari dapat memajukan bidang perniagaan dalam aspek sosio ekonomi di Malaysia. Pelancong yang datang melancong di Malaysia memerlukan tempat penginapan, makanan, minuman, perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan pelancongan yang lain. Oleh itu, penduduk tempatan boleh meningkatkan taraf ekonomi melalui penglibatan mereka dalam perkhidmatan pelancongan (Sudarmo et al., 2020). Sebagai contoh, penduduk luar bandar boleh membangunkan homestay di destinasi pelancongan sebagai pendapatan sampingan. Para pelancong juga boleh menikmati pelbagai jenis pilihan makanan di Malaysia sama ada tradisional mahupun barat. Permintaan yang tinggi terhadap makanan ini memberi peluang perniagaan yang luas kepada penduduk tempatan melalui pembukaan restoran, kedai atau warung makanan (Nurfashihah & Indera, 2021). Selain itu, pembangunan pelancongan di Malaysia dapat memperkenalkan budaya yang unik kepada pelancong dari luar negara. Sektor pelancongan ini dapat mempromosikan warisan budaya nasional ke serata dunia. Pelancong dari luar negara dapat mengetahui latar masyarakat berbilang kaum dan etnik, kesenian, permainan dan pakaian tradisional yang terdapat di Malaysia. Melalui ini keunikan budaya masyarakat Malaysia dapat disebarkan kepada pelancong asing serta memberi imej yang sangat baik kepada negara.



Pelancongan menjadi bidang pelaburan bijak yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi. Industri-industri berkaitan pelancongan juga berperanan sebagai penyumbang dalam pembangunan Malaysia menuju ke arah negara maju (Azlina & Munira, 2011). Dalam era globalisasi ini, kebanyakan negara berlumba-lumba dalam memajukan industri pelancongan mereka untuk menjana pertumbuhan ekonomi melalui kemasukan wang asing. Oleh itu, kawasan-kawasan di negaranya yang berpotensi dibangunkan sebagai destinasi pelancongan. Perkembangan sesuatu destinasi pelancongan adalah melalui proses evolusi, melainkan destinasi yang dirancang (Butler, 1980). Sebagai contoh, pengiktirafan Malaysia sebagai pelancongan warisan oleh UNESCO telah berjaya menaikkan imej negara di mata dunia. Tambahan pula, proses penyelidikan dalam bidang pelancongan turut berkembang sebagai pemangkin pembangunan ekonomi wilayah dan negara. Di samping itu, industri pelancongan juga memberi manfaat terhadap pembangunan sektor ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran negara melalui pertukaran mata wang asing oleh pelancong dan pelengkap kepada pembangunan sektor ekonomi yang lain (Tisdell, 1987).

## **Latar belakang Kajian**

Malaysia terkenal sebagai destinasi pelancongan yang agak menarik secara semula jadi. Antara destinasi pelancongan yang terkenal adalah negeri Melaka. Sejarah negeri Melaka yang melangkaui 600 tahun jelas terbukti dengan kewujudan bangunan-bangunan bersejarah dan warisan pelbagai budaya yang menarik. Zaman kegemilangan Melaka yang berlatar belakang pelbagai kisah sejarahnya dengan kewujudan bangunan-bangunan bersejarah telah menjadikan Melaka sebagai tempat yang perlu dilawati (Azlina & Munira, 1982). Bandar Melaka telah diisytiharkan sebagai Bandar Bersejarah pada 15 April 1989 yang memberi imej sebagai destinasi pelancongan bersejarah utama di Malaysia (Yazid, 2010).

Perkembangan industri pelancongan di Melaka menarik pelabur dan mewujudkan pelaburan yang dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Motif pelancong berkunjung ke negeri Melaka adalah berbeza mengikut cita rasa mereka sendiri tetapi kebanyakan mereka melawat Melaka untuk melihat bangunan-bangunan bersejarah (Ang, 2015). Oleh demikian, kerajaan negeri Melaka mengambil usaha intensif dalam mempromosi aktiviti pelancongan negeri Melaka sebagai destinasi utama pelancong luar negara (Tourism Melaka, 2017). Di samping itu, sektor swasta juga menjalankan usaha-usaha yang berterusan bagi mempromosikan pelancongan negeri Melaka di mata dunia seperti mengadakan *Matta Fair*. Kerajaan negeri Melaka sedar akan kepentingan pelancongan lalu melaksanakan pelbagai usaha dalam pembangunan dan mempromosikan destinasi pelancongan di Melaka untuk menarik pelancong.

Pelancongan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kualiti penduduk serta alam sekitar di sesebuah bandar. Kualiti hidup penduduk dapat ditingkatkan melalui pelbagai aktiviti pelancongan seperti berehat, bersantai, berekreasi, menambah ilmu pengetahuan dalam penghayatan keindahan semula jadi dan estetika (Enea & Tanasoiu, 2009). Kini konsep pembangunan pelancongan lestari mula diterima pakai dan dipraktikkan bagi memulihara alam sekitar, warisan sejarah dan budaya yang terdapat di sekitar Bandaraya Melaka. Kementerian

Pelancongan Malaysia mensasarkan agar bilangan pelancong ulangan bertambah. Bagi menjamin kelestarian aktiviti pelancongan, selain terus menggalakkan kunjungan pelancong tempatan, bilangan pelancong dari luar negara juga perlu ditingkatkan. Sehubungan itu, setiap perancangan pembangunan pelancongan di negeri Melaka dijalankan berpandukan dengan konsep pembangunan lestari agar keindahan yang dinikmati sekarang dapat dibawa kepada generasi akan datang. Kini konsep Petunjuk Pelancongan Lestari (Jadual 1) diterima pakai dan dipraktikkan bagi memastikan alam sekitar serta sumber lain seperti warisan sejarah dan budaya yang terdapat di sekitar Bandaraya Melaka dapat dipelihara.

Dalam pembangunan pelancongan lestari, petunjuk ini digunakan bagi menentukan hala tuju perancangan dalam memudahkan pencapaian matlamat pembangunan pelancongan secara lestari. Petunjuk teras Organisasi Pelancongan Dunia (WTO) secara umum dikelompokkan ke dalam beberapa jenis bidang iaitu petunjuk ekonomi, perancangan, sosial dan ekologi (Dymond, 1997). Tambahan pula, Petunjuk Pelancongan Lestari mengandungi petunjuk utama seperti penjagaan tapak, tekanan, kegunaan intensif, pengurusan bahan buangan, impak sosial, kepuasan penduduk tempatan, kawalan pembangunan, proses perancangan, kepuasan pengguna (pelancong) dan sumbangan kepada ekonomi tempatan yang mempunyai perincian ukuran tersendiri (Jadual 1). Pihak berkuasa tempatan dan organisasi pelancongan di negeri Melaka dapat menggunakan petunjuk ini sebagai alat yang berguna dalam pengoperasian pembangunan pelancongan lestari. Kesemua petunjuk ini digunakan sebagai asas kajian ini.

## **Kajian Literatur**

Siti Norsakira dan Rosniza Aznie (2018) menyatakan bahawa gaya senibina bangunan warisan yang masih dikekalkan di Kuala Lipis ialah seni bina nusantara, tradisional Melayu, selatan China, pengaruh Moghul, neo-klasikal, tudor, art-deco dan palladian (Sino-Malay) di mana penduduk tempatan di Kuala Lipis bersedia untuk menerima dan melibatkan diri dalam aktiviti melalui pelancongan warisan. Siti Salina dan Zuliskandar (2018) menyatakan bahawa Bandar Melaka berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan warisan sejarah dan arkeo-pelancongan warisan. Tambahan pula, Bandar Melaka dapat dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan tetapi pembangunan yang pesat itu menjejaskan banyak kawasan warisan yang berhampiran.

Ang (2016) pula menjelaskan bahawa pembangunan pelancongan yang tidak terurus dengan baik serta peningkatan kemasukan pelancong ke Bandar Melaka telah menyebabkan berlakunya pencemaran sungai. Pembangunan pelancongan tanpa mengambil kira konsep kelestarian boleh memberikan kesan kepada alam sekitar. Kajian ini memfokuskan kepada perubahan fizikal dan kesan daripada pembangunan baru yang boleh digunakan sebagai salah satu elemen dalam kajian pengkaji ini.

Selain itu, Nurfashihah dan Indera Syahrul (2021) menjelaskan bahawa terdapat kesan positif dan kesan negatif daripada pembangunan moden dan pesat di Bandar Melaka. Selepas Bandar Melaka diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, berlakunya perkembangan pelancongan yang

drastik telah memberi pelbagai kesan terutamanya kepada industri pelancongan Malaysia dan masyarakat setempat. Pembangunan moden digalakkan bagi membangunkan negeri Melaka menjadi destinasi pelancongan dunia yang terkenal tetapi pembangunan yang tidak terkawal memberi implikasi kepada kawasan itu sendiri.

Sudarmo et al. (2020) menyatakan bahawa perkembangan inap desa yang semakin meningkat dapat menjana pendapatan negara dan menjadi satu agen pembangunan sosioekonomi terutamanya bagi masyarakat luar bandar. Inap desa di sesebuah kawasan dapat menjana pendapatan penduduk. Penduduk mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan penginapan di kawasan mereka. Penduduk bersama-sama berusaha dan bersemangat dalam memajukan industri pelancongan dengan bantuan yang diberikan oleh kerajaan dan swasta. Walaupun penduduk mempunyai pengetahuan yang kurang mengenai industri pelancongan tetapi semangat mereka untuk turut terlibat dalam pembangunan ini amat besar.

Kajian yang dibuat oleh Rahimah (2019) menunjukkan bahawa banyak projek pembangunan dijalankan di Melaka Tengah yang berpotensi memberikan impak kepada persekitaran. Walau bagaimanapun, jika langkah-langkah yang sesuai diambil dapat mengurangkan dan mengawal kesan yang akan diterima oleh persekitaran tersebut.

Mohamad Zaki et. al (2018) menjelaskan bahawa elemen alam semulajadi dan warisan lama yang tidak diperbaharui, menjadi tarikan utama pelancongan di kebanyakan destinasi. Pentingnya untuk mempertimbangkan pendekatan pembangunan pelancongan lestari dalam membuat sebarang perancangan pelancongan agar usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dapat diteruskan. Destinasi pelancongan yang tidak menjaga kelestarian alam sekitar dan warisannya akan menjadi sukar untuk menarik pelancong dan akhirnya pelancongan destinasi tersebut akan gagal.

Ulasan daripada literatur kajian terdahulu menimbulkan persoalan tentang apakah impak pembangunan pelancongan terhadap kelestarian pelancongan warisan di Bandar Melaka. Persoalan yang timbul telah mendorong untuk menjalankan satu kajian dengan objektif kajian iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan penduduk tempatan tentang pembangunan pelancongan warisan, mengetahui persepsi penduduk terhadap perubahan pembangunan pelancongan warisan dan mengkaji persepsi penduduk mengenai kesan pembangunan pelancongan terhadap kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah

## **Pernyataan Masalah**

Dalam mengejar pembangunan yang pesat manusia sering mengabaikan aspek kelestarian alam sekitar. Di mana dapat dilihat amalan kelestarian alam sekitar yang rendah di Bandar Melaka (Zaipul, 2019). Kelemahan pihak berwajib dalam menguruskan alam sekitar juga didapati menyumbang kepada masalah alam sekitar di kawasan kajian. Manakala, pengetahuan asas masyarakat Melaka Tengah tentang kelestarian alam sekitar masih tidak mencukupi dalam mewujudkan sebuah komuniti dan persekitaran yang lestari. Bagi memenuhi permintaan

pelancong, pihak berkuasa tempatan merancang pembangunan pesat dalam sektor pelancongan yang membawa kepada perubahan persekitaran yang adakalanya menjejaskan ekosistem kawasan di Melaka Tengah. Kemasukkan pelancongan yang begitu ramai telah meningkatkan kekangan terhadap pengurusan sisa pepejal di Bandar Melaka. Antaranya masalah longgokan sampah yang mencemarkan imej kawasan pelancongan dan turut memberikan tekanan kepada penduduk setempat dengan keadaan persekitaran yang tidak bersih. Selain itu, keadaan ini ditambah dengan sikap pelancong yang tidak menjaga kebersihan serta peniaga yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata tanpa menguruskan pembuangan sampah dengan baik. Kelemahan pihak berkuasa tempatan dalam proses penguatkuasaan penjagaan alam sekitar juga turut menjadi punca kepada kemerosotan ekosistem persekitaran kawasan kajian (Zaipul, 2019).

Kelemahan dalam perancangan pembangunan pelancongan dapat dilihat melalui proses pembinaan bangunan Dataran Pahlawan yang merupakan tapak asal tinggalan warisan. Kerja-kerja pembinaan di kawasan berkenaan telah memberi kesan terhadap struktur binaan bangunan warisan yang berhampiran. Manakala, pembinaan Menara Taming Sari yang menjadi mercu tanda dengan berketinggian 110 meter di Bandar Melaka telah menyebabkan pencemaran bunyi setiap kali menara berkenaan bergerak (Abas et.al., 2017). Pembinaan sesebuah bangunan yang baru dan mega di kawasan warisan adalah tidak sesuai mengikut prinsip kelestarian. Selain itu, kualiti hidup masyarakat setempat turut mengalami perubahan melalui proses pembangunan pelancongan ini. Gaya hidup moden yang berunsurkan budaya barat telah diasimilasikan dalam kehidupan seharian mereka. Proses pembangunan dan pemodenan ini telah menghakis nilai-nilai tradisional masyarakat di Melaka yang mengganggu kelestarian sosial (Baharuddin & Nikmatul, 2007). Tambahan pula, kedatangan pelancong menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas di kawasan bandar terutamanya laluan di Bangunan Stadthuys, Dataran Pahlawan dan Jonker Walk. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan sukar untuk menjalankan aktiviti seharian mereka. Selain itu, pembukaan dan pembinaan bangunan baru seperti hotel dan resort, telah menjadikan Melaka semakin sesak terutamanya di kawasan Bandar Melaka. Berdasarkan isu yang dibincangkan, satu kajian telah dibuat berpandukan Petunjuk Pelancongan Lestari untuk mengukur kelestarian yang terdapat dalam pembangunan pelancongan Warisan di Bandar Melaka.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap pengetahuan penduduk terhadap pembangunan pelancongan lestari, perubahan pembangunan pelancongan warisan dan kesan pembangunan terhadap pelancongan warisan di Bandar Melaka dengan berasaskan Petunjuk Pelancongan Lestari. Lokasi kajian yang dipilih untuk menjalankan kajian ini adalah di Daerah Melaka Tengah dan tertumpu kepada Bandar Melaka yang menjadi kawasan pelancongan warisan utama negeri Melaka. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah terhadap penduduk Bandar Melaka seramai 64400 orang (Jabatan Perangkaan Melaka, 2018) yang memberi peluang yang sama kepada setiap subjek dalam populasi kajian (Bavani et. al, 2019). Daripada populasi tersebut jumlah responden yang disasarkan adalah seramai 382 orang dari beberapa lokasi tumpuan penduduk antaranya ialah kawasan perumahan, pusat komuniti, medan selera, kedai runcit, pusat membeli-belah, dan tempat pelancongan.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik dalam mendapatkan data kuantitatif yang dibina sendiri oleh pengkaji bersesuaian dengan persetujuan pakar-pakar bidang yang berkaitan. Borang soal selidik ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu demografi responden, pengetahuan penduduk tentang pembangunan pelancongan warisan dan kesan pembangunan pelancongan warisan. Soal selidik hanya berfokus kepada penduduk tempatan kerana mereka lebih memahami situasi sebenar yang berlaku di Bandar Melaka dan lebih menerima impak terhadap pembangunan pelancongan warisan ini. Dapatan kajian ini telah menjawab semua persoalan yang terdapat dalam kajian ini. Semua data daripada borang soal selidik di analisis secara deskriptif dengan menggunakan analisis deskriptif yang mempunyai kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

## **Dapatan Kajian**

### ***Demografi responden***

Bahagian ini membincangkan demografi responden yang telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Dapatan daripada soal selidik menunjukkan majoriti responden adalah daripada lingkungan umur 40 hingga 49 tahun iaitu seramai 124 orang dan diikuti dengan 30 hingga 39 tahun seramai 103 orang. Seterusnya, majoriti responden yang menjawab soal selidik ini adalah lepasan sekolah menengah iaitu seramai 131 orang dan diikuti responden berpendidikan ijazah sarjana muda iaitu seramai 111 orang. Manakala, responden berbangsa Melayu yang menjadi bangsa majoriti yang menjawab soal selidik iaitu seramai 185 orang. Seramai 205 orang responden lelaki dan 178 orang responden perempuan menjawab soal selidik ini. Selain itu, responden yang terlibat dalam soal selidik ini majoritinya bekerja di sektor swasta iaitu seramai 129 orang (Jadual 2).

### ***Tahap pengetahuan penduduk tempatan***

Tahap pengetahuan dalam kalangan responden adalah penting bagi menentukan proses pembangunan pelancongan warisan yang berlaku di Bandar Melaka. Dapatan menunjukkan purata keseluruhan item mempunyai nilai min dan sisihan piawai melebihi skala tinggi iaitu diantara nilai min 3.67-5.00. Min purata keseluruhan item ( $M=3.92$ ,  $SP=0.37$ ) menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap pembangunan pelancongan warisan di Melaka Tengah adalah tinggi (Jadual 3). Item “perkhidmatan sistem pembentungan yang kurang memuaskan di Bandar Melaka” menunjukkan min yang tinggi. Dalam hal ini, responden sedar akan masalah kekurangan bilangan tandas awam di Bandar Melaka yang menjadi isu penting dalam pembangunan pelancongan lestari.

Oleh itu, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa penduduk di Bandar Melaka mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap pembangunan yang dilakukan di kawasan Bandar Melaka. Mereka sentiasa peka dengan pembangunan-pembangunan baru yang dibuat di Bandar Melaka. Responden tahu akan berlakunya perubahan daripada pembangunan pelancongan yang dibuat. Responden memandang serius terhadap perubahan yang berlaku ini. Penduduk di Bandar Melaka sedar akan tanggungjawab mereka dan pihak berkuasa tempatan dalam menjaga alam sekitar secara lestari. Mereka juga memahami konsep pelancongan lestari yang menjadi kunci utama pembangunan mampan Bandar Melaka. Penglibatan mereka dalam arus pembangunan pelancongan di Bandar Melaka adalah aktif.

Kajian literatur juga menunjukkan Bandar Melaka yang mempunyai warisan sejarah sebagai kekuatannya telah mengalami kelemahan apabila beberapa elemen warisan yang tidak dijaga dengan baik dibuat penambahbaikan serta menghilangkan identiti warisan tersendiri (Siti & Zuliskandar, 2018). Responden bersetuju bahawa tarikan utama di Bandar Melaka adalah kerana tinggalan sejarah dan monument, manakala kelemahan pula pembangunan bandar yang pesat telah menjejaskan usaha pembangunan warisan. Dapatan kajian ini juga dikaitkan dengan kajian yang dibuat oleh Siti Norsakira dan Rosniza Aznie pada tahun 2018, di mana penduduk tempatan di Kuala Lipis mempunyai pengetahuan mengenai potensi bandar Kuala Lipis dan bersedia untuk turut serta dalam aktiviti pembangunan pelancongan warisan. Perkara ini jelas menggambarkan bahawa pengetahuan masyarakat tempatan terhadap kawasan mereka bermastautin adalah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan kawasan tersebut.

### ***Kesan pembangunan pelancongan warisan***

Tahap pengetahuan responden terhadap kesan pembangunan pelancongan warisan diberi perhatian dalam mengukur kesan pembangunan yang dialami oleh sektor pelancongan warisan di Melaka. Dapat dilihat dalam Jadual 4, taburan nilai min dan sisihan piawai mengikut item. Dapatan menunjukkan purata keseluruhan item mempunyai nilai min dan sisihan piawai melebihi skala tinggi iaitu diantara nilai min 3.67-5.00. Min purata keseluruhan item kesan pembangunan pelancongan terhadap kelestarian pelancongan warisan di Melaka Tengah adalah sebanyak  $M=4.07$  dan  $SP=0.17$ . Item “Bandar Melaka menjadi sempit akibat pembinaan dan pembukaan bangunan-bangunan baru dan mewah” menunjukkan min yang tinggi kerana pembinaan baru di kawasan tumpuan ramai agar dapat menarik pelancong tetapi pembinaan tersebut menyebabkan Bandar Melaka yang kecil menjadi lagi sempit dengan pertambahan bangunan baru.

Responden peka terhadap kesan yang diterima oleh pelancongan warisan di Bandar Melaka daripada pembangunan pelancongan yang baru dan moden. Mereka sedar akan penjagaan dan pemuliharaan tempat warisan secara lestari. Responden tahu akan kesan positif mahupun negatif yang wujud daripada pembangunan pelancongan yang baru dijalankan. Mohamad Zaki et. al. (2018) juga mengutarakan isu ini dalam kajiannya iaitu jika pembangunan pelancongan dibuat tanpa perancangan yang baik dan betul akan memberi kesan negatif terhadap kawasan pelancongan tersebut.

Responden bersetuju bahawa pembangunan pelancongan yang baru akan memberi kesan terhadap kelestarian pelancongan warisan yang sedia ada iaitu pembinaan baru di kawasan warisan akan memberi impak terhadap bangunan bersejarah tersebut. Oleh itu, responden setuju atas pertimbangan Petunjuk Pelancongan Lestari dalam setiap pembangunan pelancongan warisan di Bandar Melaka. Setiap pembangunan pelancongan baru perlu merujuk kepada Petunjuk Pelancongan Lestari agar dapat mewujudkan satu pembangunan yang mampan dan mesra alam. Nurfashihah dan Indera Syahrul (2021) berpendapat sama terhadap isu ini bahawa Bandar Melaka sebagai destinasi pelancongan memerlukan pembangunan yang moden tetapi pembangunan yang tidak dikawal boleh memberikan kesan negatif kepada kawasan tersebut.

Setiap pembangunan pelancongan akan memberi kesan terhadap sesuatu kawasan, penduduk dan ekonomi. Oleh itu, pihak berkuasa perlu merancang dengan baik sebelum melakukan sebarang pembangunan pelancongan. Pembangunan pelancongan mengikut potensi sesuatu kawasan dapat memberi implikasi yang baik kepada masyarakat setempat terhadap kesejahteraan hidup mereka serta dapat mengekalkan keseimbangan alam sekitar. Kajian yang dibuat oleh Nurfashihah dan Indera Syahrul (2021) menjelaskan bahawa pembangunan ini memberikan kesan positif kepada Melaka yang dimasukkan ke dalam peta pelancongan dunia sebagai salah satu destinasi pelancongan penting yang dilawati dan menjadi pilihan utama untuk dilawati di Malaysia kepada pelancong. Manakala, pembangunan pesat dan kepadatan yang tinggi di Bandar Melaka membawa keburukan kepada bandar warisan tersebut. Pembangunan moden yang berterusan dan tidak terkawal mengancam nilai sosial penduduk tempatan. Kesesakan lalu lintas yang berlaku disebabkan ketidaksesuaian guna tanah, tiada kawalan kemasukan kenderaan dalam bandar dan ruang tempat letak kereta yang terhad. Rahimah (2019) menyokong isu ini dengan menjelaskan bahawa kesan negatif yang bakal diterima oleh sesuatu persekitaran daripada pembangunan yang dijalankan dapat dikurangkan dengan mengambil langkah-langkah kawalan awal.

## Rujukan

- Abas, Azlan, Azahan Awang, & Jamaluddin Md Saad. (2017). Impak bilangan kenderaan terhadap pencemaran bunyi di Banda Hilir, Melaka. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4).
- Ang, K. H. (2015). Melaka sebagai pusat pelancongan dunia: dapatkah dipertahankan? *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(9), 75-85.
- Ang, K. H. (2016). Sungai Melaka sebagai suatu daya tarikan pelancongan baru di Negeri Melaka: satu ulasan kritis. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(1), 108-117.
- Azlina Awang & Munira Ismail. (2011). *Destinasi pelancongan global*. Logareadthem Publications.
- Azlina Awang & Munira Ismail. (2011). *Pembangunan Malaysia Menuju 2020 (Siri I) ke Arah Pendidikan Kelas Pertama*. Logareadthem Publications.
- Baharuddin Mohamed & Nikmatul Adha Nordin. (2007). *Perancangan Pelancongan (National government publication ed.)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bavani Arumugam, Abdul Jalil Othman dan Mohana Dass Ramasamy. (2019). Tahap pengetahuan isi kandungan tatabahasa Tamil Punarriyal dalam kalangan guru pelatih. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 5(1), 54-66. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol5.1.7.2019>
- Butler, R. W. (1980). The concept of a tourist area-cycle of evolution: implications for management of resources. *Canadian Geographer*, 24, 5-12.
- Dymond, S. J. (1997). Indicators of sustainable tourism in New Zealand: a local government perspective. *Journal of Sustainable Tourism*, 5(4), 279-293.
- Enea, C., & Tanasoiu, G. L. (2009). The impact of tourism in enhancing the quality of life. *Review of International Comparative Management*, (2), 347-351.
- Jabatan Perangkaan Melaka. (2018). *Bilangan Penduduk Negeri Melaka*. Pejabat Jabatan Perangkaan Melaka, Bandar Hilir, Melaka, Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Melaka. (2018). Diperoleh pada Januari 15, 2019 daripada Pejabat Jabatan Perangkaan Melaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970, September 1). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim, Norria Zakaria, & Malike Brahim. (2018, oktober 29-30). Kelangsungan sumberjaya pelancongan negara melalui penerapan konsep pelancongan lestari: aspek untuk pertimbangan. In *Persidangan Kebangsaan "Governance dan Development*.
- Nurfashihah Omar & Indera Syahrul Mat Radzuan. (2021). Kesan-kesan pewartaan Melaka Bandaraya Bersejarah Sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1).



- Rahimah Wahid. (2019). Sustainability in the environmental impact assessment and ecological inputs for quarry activities in Melaka Tengah, Melaka. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(1).
- Siti Norsakira Mohamed & Rosniza Aznie Che Rose. (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 102-115.
- Siti Salina Masdey & Zuliskandar Ramli. (2018, June). Potensi pembangunan pelancongan berasaskan warisan di Bandar Hilir, Melaka: analisis swot. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1), 253-265.
- Sudarmo, S. N., Sarimah Ahmad, Noor Azlin Mohd Kasim, Norly Marlia Kamaruddin, & Muhammad Nasirin Abu Bakar. (2020). Persepsi pengusaha inap desa terhadap pembangunan inap desa di negeri Melaka. *Journal of Hospitality and Networks*, 1(1).
- Tisdell, C. (1987, March). Tourism, the Environment and Profit. *Economic Analysis and Policy*, 17(1), 13-30.
- TourismMelaka. (2017). Retrieved March 15, 2020, from <https://tourismmelaka.com/>
- Uma Sekaran. (1992). *Research methods for business: a skill-building approach* (2nd Ed.). Wiley.
- Yahaya Ibrahim. (2008). Pelancongan Malaysia: pembangunan dan pemeraksanaan. In Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad, & Habibah Ahmad (Eds.), *Pelancongan Malaysia isu pembangunan, budaya, komuniti, dan persetempatan* (pp. 11-26). Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Yazid Saleh. (2010). Survival warisan budaya dalam sektor pelancongan: kajian kes di Melaka. In Yazid Saleh, Fauziah Che Leh, & Mazdi Marzuki (Eds.), *Isu-isu semasa alam sekitar manusia di Malaysia*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zaipul Anwar Zainu. (2019, December). Development of Policy and Regulations for Hazardous Waste Management in Malaysia. *Journal of Science, Technology and Innovation Policy*, 5(2).

## Appendix

*Jadual 1. Petunjuk pelancongan lestari*

Petunjuk utama	Perincian ukuran	Bidang petunjuk
Penjagaan tapak	Kategori penjagaan tapak yang mengikut indek “International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources” (IUCN)	Ekologi
Tekanan	Jumlah pelancong ke lokasi (tahunan dan bulanan)	Ekologi
Kegunaan intensif	Kegunaan secara intensif pada tempoh tertinggi (jumlah pelawat per hektar)	Ekologi
Pengurusan bahan buangan	Peraturan bahan buangan yang dihantar ke tapak pelupusan (Petunjuk tambahan seperti bekalan air boleh juga digunakan)	Ekologi
Impak sosial	Nisbah jumlah pelancong dengan penduduk tempatan (semasa tempoh tertinggi dan tempoh selepasnya)	Sosial
Kepuasan penduduk tempatan	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh penduduk tempatan (menggunkan banciaan soal-selidik)	Ekonomi
Kawalan pembangunan	Menggunakan prosedur rujukan persekitaran atau kawalan formal terhadap pembangunan pada tapak dan kepadatan	Perancangan
Proses perancangan	Menggunakan pelan perancangan wilayah yang telah dirancang untuk kawasan termasuk perancangan pelancongan	Perancangan
Kepuasan pengguna (pelancong)	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh pelancong (menggunkan banciaan soal-selidik)	Ekonomi
Sumbangan kepada ekonomi tempatan	Bahagian sumbangan daripada jumlah keseluruhan ekonomi yang diperolehi dari sektor pelancongan	Ekonomi

Sumber: Dipetik dan diolah daripada Dymond (1997)

*Jadual 2: Demografi responden*

Kategori	Deskripsi	Kekerapan (N)	Peratus (%)
----------	-----------	---------------	-------------

Umur	Kurang daripada 20 tahun	2	0.5
	20-29 tahun	93	24.3
	30-39 tahun	103	26.9
	40-49 tahun	124	32.4
	50-59 tahun	37	9.7
	60 tahun dan ke atas	24	6.3
Pendidikan	Sekolah Rendah	37	9.7
	Sekolah Menengah	131	34.2
	Diploma	69	18.0
	Ijazah Sarjana Muda	111	29.0
	Strjana/PhD	31	8.1
	Tiada pendidikan formal	4	1.0
Bangsa	Melayu	185	48.3
	Cina	71	18.5
	India	127	33.2
	Lain-lain		
Pekerjaan	Sendiri	99	25.8
	Kerajaan	74	19.3
	Swasta	129	33.7
	Bersara	28	7.3
	Tiada pekerjaan	53	13.8
Jantina	Lelaki	205	53.5
	Perempuan	178	46.5

Jadual 3: Pengetahuan Terhadap Pembangunan Pelancongan Warisan

	Min	Sisihan Piawai
Perkhidmatan sistem pembentungan (tandas) yang kurang memuaskan di Bandar Melaka.	4.36	0.48
Pelancongan di Bandar Melaka telah dipelbagaikan dengan menambah kawasan pelancongan rekreasi dan pusat membeli-belah atas permintaan yang tinggi.	4.34	0.47

Penjagaan alam sekitar dengan baik adalah penting.	4.32	0.51
Kerajaan menebusguna laut di pinggir pantai Bandar Hilir Melaka untuk tujuan pembangunan.	4.31	0.58
Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan dan keselamatan kawasan bandar.	4.30	0.61
Kemudahan kawasan tempat letak kereta terhad di Bandar Melaka.	4.28	0.75
Pembangunan baru perlu mempertimbangkan konsep lestari (pembangunan berterusan) bandar warisan.	4.28	0.73
Pembangunan pelancongan warisan di Melaka berkonsepkan warisan budaya.	3.88	0.76
Pembukaan River Cruise menambahkan elemen pembangunan pelancongan warisan di Bandar Melaka.	3.85	0.83
Bagi memastikan kelestarian pelancongan, lima kawasan di sekitar Bandar Melaka telah diwartakan sebagai zon bebas asap rokok (Bandar Melaka, Melaka Raya, MITC, Bandar Alor Gajah, Bandar Jasin).	3.83	0.77
Melaka Mural Art merupakan pembangunan pelancongan warisan terbaru yang menghiasi dinding bangunan kedai di sepanjang Sungai Melaka.	3.78	0.76
Khazanah warisan (masjid, tokong, gereja, bangunan rumah kedai lama) perlu dijadikan sebagai produk pelancongan utama di Bandar Melaka.	3.78	0.84
Kawasan lapang boleh dioptimumkan dengan mempelbagaikan aktiviti pelancongan (Night Market).	3.67	0.95
NGO dan pihak swasta bertanggungjawab dalam mengekalkan kelestarian kawasan bandar.	2.98	0.87
Mengetahui pengamalan konsep pelancongan lestari (Green Tourism).	2.86	0.78
Min Keseluruhan	3.92	0.37

Jadual 4: Kesan Terhadap Pembangunan Pelancongan Warisan

	Min	Sisihan Piawai
Bandar Melaka menjadi sempit akibat pembinaan dan pembukaan bangunan-bangunan baru dan mewah.	4.46	0.53
Peningkatan jumlah pelancong menyebabkan kesesakan jalan di Bandar Melaka yang menyukarkan penduduk tempatan menjalankan aktiviti harian.	4.44	0.50
Peningkatan kemasukkan pelancong meningkatkan pendapatan kerajaan negeri melalui aliran wang.	4.44	0.50
Peningkatan jumlah kuantiti sampah pada musim cuti (cuti sekolah, cuti perayaan, cuti am), mencemarkan imej Bandar Melaka yang kotor.	4.34	0.48
Pembangunan pelancongan warisan meningkatkan nilai tanah yang amat tinggi.	4.28	0.45
Zon bebas rokok memberikan gaya hidup yang sihat kepada masyarakat tempatan dan pelancong.	4.28	0.45
Pembangunan pelancongan di Bandar Melaka secara lestari meningkatkan kualiti hidup penduduk tempatan.	4.25	0.43
Jalan-jalan warisan lama dijaga baik dan jalan raya baru telah dibina atau dinaik taraf untuk menjaga kelestarian pelancongan.	4.21	0.62
Penggunaan bot-bot di River Cruise mencemarkan ekosistem Sungai Melaka.	4.14	0.35

Pembukaan kawasan pelancongan rekreasi dan pusat membeli-belah meningkatkan nilai produktif Bandar Melaka.	4.10	0.58
Tebus guna pinggir pantai di Bandar Hilir dijadikan kawasan perniagaan dan penempatan.	4.09	0.70
Pembangunan pelancongan menyediakan peluang pekerjaan yang dapat menambah pendapatan penduduk tempatan.	3.85	0.54
Terdapat beberapa kawasan yang bebas daripada asap rokok di Bandar Melaka.	3.58	0.49
Mengalami perubahan terhadap amalan budaya masyarakat tempatan (nilai-nilai tradisional) melalui kemasukan budaya asing (budaya popular).	3.36	0.48
Terdapat perubahan struktur bandar di Bandar Melaka akibat daripada tekanan pembangunan pelancongan yang pesat.	3.23	0.50
Min Keseluruhan	4.07	0.17

## **Indeks kualiti air semasa musim basah di Sungai Semantan, Pahang**

Mohamad Irwan Rahimi Zunaidi<sup>1</sup>, Mohmadisa Hashim<sup>2\*</sup>, Nasir Nayan<sup>2</sup>, Hanifah Mahat<sup>2</sup>, Yazid Saleh<sup>2</sup> &  
Koh Liew See<sup>3</sup>

*1SMK Pasir Besar, Jalan Utama Palong, 73420 Gemas, Negeri Sembilan*  
*2Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,*  
*35900 Tanjong Malim, Perak*  
*3SMK Mahsuri, Jalan Ayer Hangat, 07000 Langkawi, Kedah*  
*\*mohmadisa@fsk.upsi.edu.my*

### INDEKS KUALITI AIR SEMASA MUSIM BASAH DI SUNGAI SEMANTAN, PAHANG

**Abstrak:** Artikel ini bertujuan untuk menilai indeks kualiti air (IKA) Sungai Semantan, Pahang semasa musim basah iaitu dari bulan Februari hingga April 2018. Pencerapan kualiti air Sungai Semantan telah dilakukan di tiga buah stesen yang ditetapkan. Sebanyak enam parameter kualiti air telah digunakan dalam menentukan IKA Sungai Semantan iaitu DO, BOD, COD, NH<sub>3</sub>-N, pH dan TSS. Kualiti air Sungai Semantan ini ditentukan berdasarkan pengelasan IKA Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tiga parameter kualiti air yang melebihi standard di stesen-stesen tertentu iaitu DO, COD dan TSS yang berada pada Kelas IV. Namun begitu, secara puratanya, semua parameter mencatatkan Kelas I hingga III bagi semua stesen dan nilai IKA menunjukkan Sungai Semantan berada pada status sederhana tercemar (IKA 78.2) iaitu berada pada Kelas II. Perubahan guna tanah untuk tujuan pertanian dan aktiviti

pemandaran dalam daerah Temerloh menjadi penyumbang kepada kemerosotan kualiti air Sungai Semantan. Justeru itu, kualiti air Sungai Semantan perlu dipantau dari semasa ke semasa memandangkan air sungai ini penting bukan sahaja untuk tujuan bekalan air domestik tetapi juga penting untuk aktiviti penternakan ikan air tawar serta ekopelancongan. Kemerosotan kualiti air Sungai Semantan jika tidak dipantau akan memberi kesan kepada aktiviti ekonomi manusia tersebut.

**Kata kunci:** kualiti air, oksigen terlarut, jumlah pepejal terampai, perubahan guna tanah

## **Pengenalan**

Sungai merupakan salah satu sumber air permukaan yang sangat penting untuk kehidupan. Bagi kehidupan manusia sumber air sungai ini penting sebagai keperluan domestik, pengairan kawasan pertanian dan aktiviti perindustrian. Namun begitu, akibat daripada kerencaman aktiviti manusia khususnya yang berkaitan dengan penggunaan dan perubahan guna tanah telah menyebabkan sumber air sungai semakin tercemar. Menurut Jabatan Alam Sekitar (2019), masih terdapat sungai yang berada dalam keadaan status sederhana tercemar dan tercemar iaitu 205 sungai (30%) berada pada status sederhana tercemar dan 59 sungai (9%) berada pada status tercemar. Justeru itu, tidak hairanlah jika isu berkaitan dengan sumber air menjadi satu perkara yang sangat dititikberatkan dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) iaitu dalam perkara 6 berkaitan dengan *Clean Water and Sanitation*.

Umumnya di kawasan tropika, isu yang berkaitan dengan kuantiti dan kualiti air sungai diberi keutamaan kerana akan menjejaskan kualiti kehidupan manusia. Walaupun sumber air sungai lebih banyak digunakan untuk keperluan pengairan kawasan pertanian tetapi sumber ini tetap penting bagi keperluan domestik manusia seperti sumber air minuman, memasak, membasuh dan sebagainya. Banyak kajian menunjukkan di kawasan tropika ini, pencemaran air sungai ini banyak disumbangkan oleh aktiviti pembangunan tanah untuk dijadikan kawasan pertanian baru, petempatan penduduk (Fan *et al.*, 2012; Pattiyage & Onyx, 2020; Setyowati *et al.*, 2019; Xu *et al.*, 2021), pembuangan sisa dan logam berat daripada aktiviti perindustrian (Fan *et al.*, 2012; Rahman & Al Bakri, 2010; Ujianti *et al.*, 2018), kawasan tapak pelupusan sampah (Edhisono, 2015; Saputra *et al.*, 2020), aktiviti perlombongan (Abdul Maulud *et al.*, 2021) dan buangan sisa domestik seperti sampah sarap (Gessy *et al.*, 2015; Hardati & Setyowati, 2019; Poedjiastoeti *et al.*, 2017; Setyowati *et al.*, 2019).

Sumber bekalan air dari sungai terhasil daripada sebuah lembangan saliran yang dianggap sebagai satu sistem terbuka yang sentiasa menerima ancaman jika tidak diuruskan dengan baik dan berkesan. Tidak terkecuali bagi lembangan Sungai Semantan iaitu salah satu sub lembangan utama bagi Sungai Pahang yang sentiasa menerima ancaman daripada kepelbagaian aktiviti manusia sehingga memberi kesan terhadap kuantiti dan kualiti air Sungai Semantan. Tidak dapat dinafikan juga air Sungai Semantan ini merupakan salah satu sumber air yang utama bagi bekalan air domestik bagi penduduk di daerah Temerloh di samping sebagai aktiviti penternakan ikan air tawar. Tujuan artikel ini untuk meneliti tahap kualiti air Sungai Semantan pada musim basah iaitu semasa berlakunya Monsun Timur Laut (bulan Februari dan Mac) serta peralihan monsun (bulan April).

## **Kawasan dan Metod Kajian**


Kawasan kajian dan stesen persampelan



Lembangan sungai yang dipilih ialah lembangan Sungai Semantan yang terletak di negeri Pahang. Keluasan lembangan Sungai Semantan ini secara keseluruhannya kira-kira 2944 km<sup>2</sup> yang merangkumi daerah Bentong dan Temerloh. Sungai Semantan merupakan salah satu sub-lembangan sungai yang mengalir masuk ke Sungai Pahang. Sungai Semantan ini bermula hulunya di daerah Bentong dan berakhir di Kuala Semantan iaitu di daerah Temerloh. Kawasan kajian ini dipilih kerana Sungai Semantan ini merupakan salah satu punca bekalan air kepada penduduk. Terdapat banyak aktiviti penduduk yang menggunakan Sungai Semantan ini untuk keperluan hidup seperti sumber protein yang mana Sungai Semantan ini mempunyai banyak sumber ikan air tawar seperti ikan patin, baung, talapia dan lampam.

Bukan itu sahaja, malah sungai ini juga menjadi tumpuan penduduk untuk menjalankan aktiviti penternakan ikan sangkar yang terletak di tebing Sungai Semantan. Sungai Semantan juga menjadi lokasi yang mana menjadi perhatian penduduk Temerloh yang menganjurkan pertandingan lumba bot dan pertandingan bot tercantik. Oleh yang demikian, Sungai Semantan ini dipilih sebagai lokasi kajian bagi mengetahui sejauh mana kualiti air Sungai Semantan ini dan guna tanah di kawasan tersebut.

Sementara itu, bandar utama yang terdapat di lembangan Sungai Semantan ialah bandar Temerloh. Bandar Temerloh juga merupakan bandar kedua terbesar dalam negeri Pahang selepas bandar Kuantan. Keluasan daerah Temerloh ialah 2251 km<sup>2</sup>. Populasi di daerah Temerloh ialah sebanyak 158, 724 orang. Populasi yang agak tinggi ini berkemungkinan akan memberi impak kepada kualiti air Sungai Semantan hasil daripada kepelbagaian aktiviti guna tanah yang dilakukan oleh penduduk Temerloh. Bagi tujuan pemantauan kualiti air Sungai Semantan, tiga buah stesen persampelan telah dikenalpasti iaitu di bahagian hilir Sungai Semantan sebelum masuk ke Sungai Pahang (Rajah 1).



Rajah 1.

Kawasan kajian dan lokasi persampelan kualiti air di Sungai Semantan

Persampelan dan analisis kualiti air

Persampelan sampel air Sungai Semantan telah dilakukan sebanyak tiga kali iaitu pada bulan Februari hingga April 2018 di tiga buah stesen yang ditetapkan. Pada asasnya, kaedah persampelan air sungai di lapangan ini berpandukan kepada kaedah-kaedah piawaian seperti yang disarankan oleh American Public Health Association (APHA) (2005). Sebanyak enam parameter kualiti air yang digunakan iaitu oksigen terlarut (DO), permintaan oksigen biokimia (BOD), permintaan oksigen kimia (COD), ammonia nitrogen ( $\text{NH}_3\text{-N}$ ), jumlah pepejal terampai (TSS) dan pH. Sampel air yang diambil daripada tiga buah stesen pemantauan telah dibawa ke Makmal Geografi Fizikal, Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk dianalisis.

Untuk itu, enam parameter kualiti air yang digunakan memandangkan parameter ini sahaja yang digunakan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia dalam menentukan status kualiti air sungai yang dikenali sebagai *DOE Water Quality Index Classification (DOE WQIC)*. DOE WQCI ini digunakan untuk membahagikan kualiti air kepada lima kelas dan status air semasa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Julat nilai subindeks (SI) setiap parameter indeks kualiti air (IKA) diberikan dalam jadual tersebut. IKA ini ditentukan berdasarkan formula yang telah ditetapkan oleh JAS Malaysia seperti persamaan berikut:

$$IKA = (0.22 \times SIDO) + (0.19 \times SIBOD) + (0.16 \times SICOD) + (0.15 \times SIAN) + (0.16 \times SISS) + (0.12 \times SIpH)$$

(rumus 1)

di mana:

SIDO = sub indeks DO (% saturation)

SIBOD = sub indeks BOD

SICOD = sub indeks COD

SIAN = sub indeks NH<sub>3</sub>-N

SISS = sub indeks SS

SIpH = sub indeks pH

$$0 \leq IKA \leq 100$$

Bagi memudahkan pengiraan IKA ini sebuah laman sesawang yang khusus digunakan untuk mengira nilai SI iaitu daripada *Calculator of River Water Quality Index*. Penentuan kelas IKA terdiri daripada lima iaitu sangat baik (Kelas I), baik (Kelas II), sederhana (Kelas III), tercemar (Kelas IV) dan sangat tercemar (Kelas V). Berdasarkan kelas air ini pula dapat ditentukan kegunaan sumber air bagi pelbagai aktiviti manusia seperti dalam Jadual 2. Dalam pada masa sama pihak JAS Malaysia menetapkan IKA bagi sesuatu badan air khususnya sungai diringkaskan lagi dan diberikan status bersih (81-100%), sederhana tercemar (60-80%) dan tercemar (0-59%). Semua data parameter kualiti air ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk menjelaskan nilai bagi setiap parameter kualiti air iaitu nilai minimum, maksimum dan purata. Data setiap parameter dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf untuk memperihalkan data dengan lebih jelas serta dapat menunjukkan parameter tersebut sama ada melebihi standard yang ditetapkan atau sebaliknya.

Jadual 1. *DOE Water Quality Index Classification*

Parameter	Unit	Kelas				
		I	II	III	IV	V
NH <sub>3</sub> -N	mg/l	<0.1	0.1-0.3	0.3-0.9	0.9-2.7	>27
BOD	mg/l	<1	1-3	3-6	6-12	>12
COD	mg/l	<10	10-25	25-50	50-100	>100
DO	mg/l	>7	5-7	3-5	1-3	<1
pH	-	>7.0	6.0-7.0	5.0-6.0	<5.0	>5.0
TSS	mg/l	<25	25-50	50-150	150-300	>300
<b>IKA</b>		>92.7	76.5-92.7	51.9-76.5	31.0-51.9	<31.0

Sumber: Jabatan Alam Sekitar (2019)

Jadual 2. Kelas dan kegunaan air

Kelas	Kegunaan
I	Pemeliharaan untuk persekitaran semula jadi Bekalan air I – secara praktiknya tidak memerlukan rawatan Perikanan II – untuk spesies akuatik yang sangat sensitif
IIA	Bekalan air II – memerlukan rawatan konvensional Perikanan II – untuk spesies yang sensitif
IIB	Sesuai untuk aktiviti rekreasi yang melibatkan sentuhan badan
III	Bekalan air III – memerlukan rawatan yang intensif Perikanan III – untuk minuman binatang ternakan
IV	Pengairan
V	Selain daripada aktiviti di atas

Sumber: Jabatan Alam Sekitar (2019)

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Nilai parameter kualiti air Sungai Semantan bagi setiap stesen pemantauan ditunjukkan dengan nilai minimum, maksimum dan purata. Jadual 3 menunjukkan konsentrasi enam parameter kualiti air yang dicerap di tiga buah stesen pemantauan di hilir Sungai Semantan.

#### Oksigen terlarut (DO)

DO merujuk kepada ukuran jumlah kepekatan oksigen yang terkandung dalam sesuatu badan air dan sebagai contohnya dalam air sungai yang pada satu-satu masa dan lazimnya ia berkaitan dengan kelajuan arus sungai (Hashim et al., 2018). Parameter ini memberikan gambaran tentang keadaan kandungan air semasa dan keperluannya kepada ekosistem hidupan akuatik. Semakin tinggi nilai DO, semakin baik kualiti air tersebut. Pada asasnya, kandungan DO yang diperlukan bagi air bersih ialah antara 8 mg/l hingga 10 mg/l. Berdasarkan JAS (2019) nilai DO yang sesuai untuk sebarang kegunaan adalah pada Kelas III iaitu antara 3 hingga 5 mg/l. Dapatan kajian menunjukkan nilai DO maksimum dicatatkan di Stesen 2 pada bulan Februari 2018 (8.24 mg/l) dan nilai minimum di Stesen 3 pada bulan Februari 2018 (1.86 mg/l), dan purata DO di Sungai Semantan ialah 6.32 mg/l (Kelas II). Nilai DO yang rendah dalam kandungan air dapat memberikan gambaran bahawa persekitaran air yang terjejas dan tercemar. Secara keseluruhannya nilai DO yang dicatatkan berada pada Kelas I dan II kecuali di Stesen 3 pada bulan Februari 2018 yang mencatatkan Kelas IV.

#### Permintaan Oksigen Biokimia (BOD)

BOD merupakan parameter untuk menentukan jumlah oksigen yang diperlukan untuk menstabilkan bahan organik untuk terurai (Sarmani, 1989; Shaharudin et al., 2013). Nilai BOD yang tinggi menunjukkan kandungan bahan organik adalah tinggi dalam sesebuah badan air dan kesannya ialah kandungan DO akan berkurangan menyebabkan sesetengah hidupan akuatik akan mati. JAS (2019) telah menetapkan standard kualiti air bagi parameter BOD pada Kelas III iaitu antara 3 mg/l hingga 6 mg/l. Dapatan kajian menunjukkan nilai maksimum dicatatkan adalah di Stesen 3 pada bulan Februari 2018 (1.08 mg/l), nilai minimum di Stesen 1 pada bulan Mac 2018 (0.24 mg/l) dan purata BOD ialah 0.77 mg/l (Kelas I). Secara

keseluruhannya, sampel air yang dicerap tidak menunjukkan parameter BOD mengalami pencemaran kerana berada pada status sangat baik dan baik kerana berada pada Kelas I dan II sahaja.

#### Permintaan Oksigen Kimia (COD)

Sementara itu, pengukuran terhadap parameter COD bertujuan untuk mengukur keperluan oksigen bagi proses penguraian. Berbeza dengan pengukuran BOD, pengukuran COD merangkumi proses penguraian bahan organik secara kimia dan menghasilkan karbon dioksida secara serentak. Nilai COD yang tinggi menunjukkan bahan organik dan bahan pencemar yang tinggi dalam sesebuah badan air. Bahan organik yang dimaksudkan ialah bahan yang tidak dapat diuraikan oleh mikro organisma seperti sisa kumbahan domestik, aktiviti pertanian, pasar basah dan sisa buangan industri (Abdul Maulud et al., 2021; JAS, 2019). JAS (2019) turut menetapkan Kelas III bagi nilai COD perlu berada di antara 25 mg/l hingga 50 mg/l. Nilai COD yang tinggi memberikan gambaran kadar bahan pencemar dalam air adalah tinggi. Dapatan kajian menunjukkan nilai maksimum COD adalah di Stesen 2 pada bulan April 2018 (70 mg/l), nilai minimum pada bulan Februari hingga April 2018 di Stesen 3 (40 mg/l) dan purata nilai COD di Sungai Semantan ialah 46.8 mg/l (Kelas III). Secara keseluruhannya semua stesen mencatatkan nilai COD berada pada Kelas II kecuali di Stesen 2 iaitu pada bulan Mac dan April 2018 yang mencatatkan Kelas IV iaitu masing-masing 55 mg/l dan 70 mg/l.

#### pH

Pengukuran nilai pH dilakukan pada jasad air untuk menentukan sama ada air berada dalam keadaan berasid atau beralkali. Skala bagi pengukuran nilai pH ini ialah dari 0 hingga 14 dan jika nilai semakin menurun ke arah 0 menunjukkan keadaan air adalah berasid. Manakala jika nilai meningkat ke arah nilai pH 14, keadaan air adalah semakin beralkali. Nilai pH neutral ialah berada pada nilai 7. Menurut Abdul Maulud et al. (2021), nilai pH berpotensi menjejaskan kelarutan dan ketersediaan nutrien yang diperlukan oleh organisma akuatik. JAS (2019) pula telah menetapkan nilai yang sesuai bagi sebarang kegunaan bagi parameter pH dalam kandungan air mesti berada di Kelas III antara 5.0 hingga 6.0. Hidupan akuatik pula dikatakan mampu hidup dalam keadaan pH di antara 6.5 hingga 9 [24]. Dapatan kajian menunjukkan nilai maksimum dicatatkan di Stesen 1 pada Bulan Mac 2018 iaitu 7.38, nilai minimum di Stesen 3 pada bulan Februari 2018 (6.33) dan nilai purata ialah 6.96 (Kelas II). Dalam hal ini, parameter pH di Sungai Semantan menunjukkan status kualiti air berada pada sangat baik dan baik iaitu Kelas I dan II sahaja.

#### Jumlah Pepejal Terampai (TSS)

TSS merupakan ukuran yang melibatkan pepejal dalam air yang terdiri daripada zarah organik atau bukan organik dan ia tidak boleh larut dalam air serta saiznya yang tidak kurang daripada 0.001 mm. TSS ini boleh terdiri daripada pelbagai jenis bahan terlarut seperti kelodak, tumbuhan mati, sisa kumbahan, sisa industri dan bahan buangan lain. Kandungan air dengan nilai TSS yang rendah adalah penting bagi semua jenis kegunaan dalam kehidupan akuatik. Sumber utama TSS dalam air sungai adalah larian air permukaan daripada perubahan guna tanah akibat daripada pembukaan kawasan hutan untuk dijadikan kawasan pertanian, petempatan dan daripada aktiviti pembalakan (Abdul Maulud et al., 2021; Yusoff et al., 2015). JAS (2019) telah menetapkan standard bagi parameter TSS yang seharusnya wujud dalam air sungai adalah antara 50 mg/l hingga 150 mg/l (Kelas III). Dapatan kajian menunjukkan nilai purata TSS di Sungai Semantan berada pada status sederhana iaitu Kelas III dengan nilai 104.4 mg/l. Nilai maksimum dicatatkan

di Stesen 2 pada bulan Februari 2018 (151 mg/l) dan nilai minimum di Stesen 1 pada bulan Februari 2018 (73 mg/l). Secara keseluruhannya, semua stesen mencatatkan kualiti air pada Kelas III (sederhana) kecuali di Stesen 2 ada mencatatkan Kelas IV.

#### Ammonikal Nitrogen (NH<sub>3</sub>-N)

NH<sub>3</sub>-N diukur dengan tujuan untuk menentukan sama ada kandungan air sungai telah mengalami pencemaran yang berpunca daripada sisa kumbahan manusia, aktiviti pertanian dan penternakan (JAS, 2019). Nilai kepekatan NH<sub>3</sub>-N yang tinggi dalam sungai menunjukkan bahawa telah berlaku kehadiran bahan pencemar dalam sungai. Kewujudan NH<sub>3</sub>-N dalam kandungan air bukan sahaja boleh menjejaskan kesihatan manusia malah turut memberi kesan pada hidupan akuatik (Environmental Protection Authority, 2017). JAS (2019) telah menetapkan nilai NH<sub>3</sub>-N bagi Kelas III adalah antara 0.3 mg/l hingga 0.9 mg/l. Dapatan kajian menunjukkan nilai NH<sub>3</sub>-N tidak memberikan petunjuk bahawa Sungai Semantan telah dicemari dengan pelbagai sisa kumbahan kerana kebanyakan stesen mencatatkan nilai yang kurang daripada standard yang ditetapkan dan mencatatkan Kelas I dan II sahaja. Nilai maksimum dicatatkan di Stesen 1 pada bulan April 2018 (0.23 mg/l), nilai minimum di Stesen 2 pada bulan Februari 2018 (0.01 mg/l) dan nilai purata adalah 0.14 mg/l (Kelas II).


Jadual 3. Konsentrasi parameter kualiti air mengikut stesen dan bulan di Sungai Semantan

Stesen	Bulan	DO (mg/l)	BOD (mg/l)	COD (mg/l)	pH	NH <sub>3</sub> -N (mg/l)	TSS (mg/l)
1	Feb 2018	6.78	0.5	40	7.05	0.04	73
	Mac 2018	7.2	0.24	45	7.38	0.06	78
	Apr 2018	6.62	0.94	46	6.81	0.23	132
2	Feb 2018	8.24	1	45	7.34	0.01	151
	Mac 2018	6.45	0.92	55	7.3	0.11	79
	Apr 2018	6.93	0.86	70	6.53	0.3	138
3	Feb 2018	1.86	1.08	40	6.33	0.03	86
	Mac 2018	5.96	0.56	40	7.17	0.3	118
	Apr 2018	6.82	0.8	40	6.73	0.17	85
Minimum		1.86	0.24	40	6.33	0.01	73
Maksimum		8.24	1.08	70	7.38	0.23	151
Purata		6.32	0.77	46.8	6.96	0.14	104.4

#### Indeks Kualiti Air Sungai Semantan

Bagi penentuan indeks dan status kualiti air Sungai Semantan ini, rumus 1 telah digunakan bagi menentukan IKA bagi setiap stesen dan bulan. Berdasarkan rumus tersebut, penentuan IKA pada setiap stesen adalah berdasarkan kepada *DOE WQC Based on WQI* iaitu indeks julat bagi status Bersih antara 81-100, Sederhana

Tercemar (60-80) dan Tercemar (0-59). Berdasarkan pemantauan IKA bagi setiap stesen dan bulan didapati pada bulan Februari 2018 di Stesen 1 mencatatkan nilai IKA yang tertinggi iaitu 83.71, Kelas II dan berstatus Bersih. Sementara itu, pada bulan Februari 2018 di Stesen 3 mencatatkan nilai IKA terendah iaitu 64.95, Kelas III dan berstatus Sederhana Tercemar (Rajah 2). Secara keseluruhannya, IKA Sungai Semantan ini sepanjang tempoh kajian ialah 78.2, Kelas II dan berstatus Sederhana Tercemar.



Rajah 2. Indeks kualiti air Sungai Semantan mengikut stesen dan bulan cerapan

## Kesimpulan

Perubahan dan perubahan guna tanah dalam sesebuah lembangan saliran akan memberi kesan terhadap alam sekitar khususnya kepada pencemaran air sungai jika tidak diuruskan dengan baik dan secara bersepadu serta koordinasi di antara agensi kerajaan negeri dan persekutuan. Pencemaran air sungai menyebabkan gangguan terhadap bekalan air bersih kepada penduduk bagi tujuan bekalan air domestik. Namun begitu, IKA Sungai Semantan berada pada status sederhana tercemar dengan nilai IKA 78.2 serta berada Kelas II. Daripada enam parameter yang dimonitor, hanya tiga parameter didapati ada melebihi standard yang ditetapkan iaitu DO, COD dan TSS. Kelas II merujuk kepada Sungai Semantan ini masih lagi sesuai untuk dijadikan sumber bagi bekalan air domestik, aktiviti perikanan dan rekreasi yang melibatkan sentuhan badan. Walau bagaimanapun, status kualiti Sungai Semantan ini perlu dipantau dari semasa ke semasa agar kualiti air sungai tidak terus merosot. Pemantauan secara berterusan perlu dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan khususnya yang berkaitan dengan pembangunan dan perubahan guna tanah yang sedang dan akan dilakukan pada masa hadapan dalam lembangan Sungai Semantan. Kajian ini juga terhad kepada pemantauan kualiti air Sungai Semantan pada musim basah dan kajian ini boleh dilakukan semasa musim kering iaitu semasa tiupan angin Monsun Barat Daya iaitu pada bulan Mei hingga September bagi membuat perbandingan terhadap status kualiti air.

## Rujukan

Abdul Maulud, K. N., Fitri, A., Wan Mohtar, W. H. M., Wan Mohd Jaafar, W. S., Zuhairi, N. Z. dan Kamarudin, M. K. A., 2021, A study of spatial and water quality index during dry and rainy seasons at Kelantan River Basin, Peninsular Malaysia. *Arabian Journal of Geosciences*, 14, 85.

- American Public Health Association (APHA), 2005, *Standard methods for examination of water and wastewater*. 21<sup>nd</sup> edition. (Washington: America Public Health Association).
- Edhisono, S., 2015, Jatibarang final solid waste dumping site of Semarang City and its problems. *Waste Tech.*, 3(1), 25-29.
- Environmental Protection Authority, 2017, *Environmental quality criteria reference document for Cockburn Sound*. (Perth, Western Australia: Environment Protection Authority).
- Fan, X., Cui, B., Zhang, K., Zhang, Z. dan Shao, H., 2012, Water quality management based on division of dry and wet seasons in Pearl River Delta, China. *Clean-Soil, Air & Water*, 40(4), 381-393.
- Gessy, A., Oktiawan, W., dan Hadiwidodo, M., 2015, Penentuan status mutu air dengan menggunakan metode indeks pencemaran (Studi kasus: sungai Garang, Semarang). *Jurnal Teknik Lingkungan*, 4(2), 1-8.
- Hardati, P., dan Setyowati, D. L., 2019, Population growth in the Upper Garang Watershed Semarang Regency, Central Java Province, Indonesia. *IOP Conf. Ser.: Earth Environ. Sci.*, 256, 012032.
- Hashim, M., Nayan, N., Saleh, Y., Mahat, H., Zahid, M. S., dan Wee, F. S., 2018, Water quality assessment of former tin mining lakes for recreational purposes in Ipoh City, Perak. *Indonesian Journal of Geography*, 50(1), 25-33.
- Jabatan Alam Sekitar, 2019. *Laporan kualiti alam sekeliling 2019*. (Putrajaya: Kementerian Alam Sekitar & Air).
- Pattiyage, I. A. G., dan Onyx, W. H. M., 2020, Investigation of long-term river water quality trends in Hong Kong to identify role of urbanization, seasons and pollution sources. *Water Air Soil Pollut.*, 231, 378.
- Poedjiastoeti, H., Sudarmadji, Sunarto, dan Suprayogi, S., 2017, Quality status of Garang Hilir water quality related with changes of land use in Garang Hilir subwatershed Semarang. *SPATIAL Wahana Komunikasi dan Informasi Geografi*, 17(2), 11-22.
- Rahman, M. A., dan Bakri, D. A., 2010, A study on selected water quality parameters along the river Buriganga, Bangladesh. *Iranica Journal of Energy & Environment*, 1(2), 81-92.
- Saputra, W. A., Setiana, O., dan Rahardjo, M., 2020, Water quality and pollution index of Kreo and Garang River from Jatibarang Landfill in Semarang City. *E3S Web of Conference*, 202, 05018.
- Sarmani, S., 1989, A review on water quality of the Langat river basin, Selangor. Dlm. Hadi, A. S., dan Othman, M., *Tropical urban ecosystem studies Vol 6*. Malaysia: Technical Report-Working Group on Urban Ecosystem Malaysia National MAB Committee)
- Setyowati, D. L., Arsal, T., Hardati, P., Suroso, dan Prabowo, K. Z., 2019, Morphoconservation analysis on Kali Garang as a river conservation effort. *IOP Conf. Ser.: Earth and Environ. Sc.*, 243, 012007.



- Shaharudin, N., Nayan, N., Hashim, M., Che Ngah, M. S. Y., Saleh, Y., dan Ismail, K., 2013, Pemetaan kualiti air tasik untuk aktiviti rekreasi di negeri Perak: Kajian kes Taman Tasik Taiping. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial & Kemanusiaan*, 5(3), 31-44.
- Ujjanti, R. M. D., Anggoro, S., Bambang, A. N., dan Purwanti, F., 2018, Water quality of the Garang River, Semarang, Central Java, Indonesia based on the government regulation standard. *IOP Conf. Series: Journal of Physics: Conf. Series*, 1025, 012037
- Xu, J., Liu, R., Ni, M., Zhang, J. Ji, Q., dan Xiao, Z., 2021, Seasonal variations of water quality response to land use metrics at multi-spatial scales in the Yangtze River basin. *Environmental Science and Pollution Research*, 28, 37172-37181.
- Yusoff, W. A., Jaafar, M., Kamarudin, M. K. A., dan Toriman, M. E., 2015, Land exploration study and water quality changes in Tanah Tinggi Lojing, Kelantan, Malaysia. *Malaysian Journal of Analytical Sciences*, 19(5), 951-959.

## **ANALISIS MANIFESTO BARISAN NASIONAL, PAKATAN HARAPAN DAN GAGASAN SEJAHTERA PADA PILIHAN RAYA UMUM KE 14**

<sup>1</sup>Siti Noranizahhafizah Boyman & <sup>2</sup>Jayum Jawan

<sup>1</sup>Faculty of Human Sciences  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900, Tanjong Malim, PERAK  
[noranizah@fsk.upsi.edu.my](mailto:noranizah@fsk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Faculty of Humanities, Management & Sciences  
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB)  
97008 Bintulu, Sarawak Malaysia  
<sup>1</sup>[noranizah@fsk.upsi.edu.my](mailto:noranizah@fsk.upsi.edu.my) (Corresponding author)

### **ABSTRAK**

Artikel ini mengkaji berkaitan dengan manifesto yang dikemukakan oleh parti-parti utama yang bertanding pada Pilihan Raya Umum (PRU) 14. Manifesto merupakan dokumen yang ditawarkan oleh parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Ada kemungkinan, manifesto boleh mempengaruhi pilihan pengundi. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, didapati intipati manifesto BN, PH dan Gagasan Sejahtera adalah menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek ekonomi, politik dan sosial. Hasil daripada analisis perbandingan yang dilakukan, manifesto PH lebih menawarkan corak tadbir urus yang baik, memberi keutamaan kebajikan golongan berpendapatan rendah dan menunjukkan usaha meningkatkan ekonomi. Sementara itu, BN sebagai parti pemerintahan sejak kemerdekaan menunjukkan kecenderungan penggunaan teknologi dalam menambahbaik aspek ekonomi, sosial dan politik. Manakala, Gagasan Sejahtera memberi tumpuan utamanya terhadap kebajikan masyarakat seperti pemberian pendidikan

percuma dan pelupusan PTPTN. Manakala dapatan analisis matriks pula menunjukkan manifesto yang ditawarkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera berkaitan dengan sebelas isu yang menjadi tumpuan pengundi, hanya satu isu yang tiada dalam kandungan manifesto Gagasan Sejahtera iaitu hubungan etnik. Selain itu, isu yang menjadi fokus utama dan penekanan dalam kandungan manifesto pada PRU 14 ialah isu kos sara hidup (GST dan harga barang), ekonomi, isu pekerjaan dan gaji. Secara keseluruhannya, manifesto yang ditawarkan oleh BN, PH dan Gagasan Sejahtera mempunyai kekuatan masing-masing. Namun, pengundi penentu kepada parti mana yang mereka pilih.

**Kata Kunci:** Manifesto, Pilihan Raya Umum, PRU 14, Malaysia, politik

## **Pengenalan**

Pada setiap pilihan raya, calon-calon yang bertanding akan menawarkan manifesto parti masing-masing. Manifesto parti adalah aksesori standard pilihan raya di negara yang mengamalkan demokrasi. Manifesto berkait erat dengan gagasan bahawa pilihan raya memberikan mandat kepada parti untuk menyediakan dasar dan membentangkan ringkasannya kepada pengundi (Rose, 1984; Powell, 2000; McDonald et.al., 2004). Di samping itu, manifesto boleh digunakan sebagai dokumen intra-parti, untuk berkomunikasi dengan kumpulan berkepentingan atau dalam proses pembentukan kerajaan selepas pilihan raya (Daubler, 2012). Oleh kerana manifesto digunakan secara meluas dan dianggap sebagai 'berwibawa' dan 'pernyataan wakil untuk seluruh parti', maka ahli saintis politik juga sering menggunakannya untuk menyelidiki kedudukan parti (Klingemann, 2006; Dolozal et.al., 2012).

Pada PRU 14 yang lalu, terdapat tiga manifesto yang telah digagaskan oleh gabungan parti tiga kumpulan yang besar iaitu BN, PH dan Gagasan Sejahtera. Berbanding PRU 13, hanya dua manifesto yang ditawarkan kepada pengundi iaitu daripada BN dan PR. Maka, pada PRU 14 pengundi mempunyai banyak pilihan berdasarkan manifesto yang ditawarkan. BN telah melancarkan manifestonya secara besar-besaran di Stadium Axiata Arena pada 07 April 2018 (Shamsul & Janatul, 2018). Seperti PRU 13 yang lalu, PH telah melancarkan manifestonya lebih awal iaitu pada 08 Mac 2018, sebulan awal daripada BN di Pusat Konvesyen IDCC, Shah Alam (Rohaniza, 2018). Manakala Gagasan Sejahtera telah melancarkan manifestonya pada 18 Mac 2018 di Astana Banquet Hall, Cyberjaya (Mohd Anwar & Irwan, 2018).

Buku manifesto BN pada PRU 14 mengandungi 220 halaman termasuk muka hadapan dan belakang (BN, 2018), manakala PH pula 203 halaman dan Gagasan Sejahtera 62 halaman (PH, 2018; Gagasan Sejahtera, 2018). Secara keseluruhannya, halaman manifesto telah bertambah berkali ganda pada PRU 14 berbanding hanya 32 halaman (BN) dan 35 halaman (PR) pada PRU 13, manakala dari segi warna, buku manifesto BN sinonim dengan warna asasnya biru dan putih, manakala tulisan berwarna hitam, biru dan putih. Pengisiannya dihiasi dengan gambar yang pelbagai dan berwarna-warni dan dimasukkan isi penting mengikut topik. Berbeza dengan buku manifesto PH, tiada warna-warni hanya muka hadapan dan belakang sahaja berwarna krim coklat dan tulisan muka hadapan berwarna merah dan putih. Pengisiannya padat

dengan isi tulisan berwarna hitam tanpa gambar. Namun, PH menyediakan kit manifesto berbentuk dokumen dan poster yang ringkas bergambar dan boleh dimuat turun. Berdasarkan kit manifesto yang disediakan, ini merupakan satu platform yang interaktif kerana menyediakan manifesto berbentuk dokumen (manifesto penuh) dan berbentuk poster (lebih ringkas dan menarik) untuk dimuat turun. Menurut Janda et.al. (1995), manifesto digunakan untuk membaik pulih imej parti yang kalah dalam pilihan raya dan kekalahan dalam pilihan raya adalah motivasi untuk menghasilkan perubahan besar dalam pakej dasar manifesto parti pada pilihan raya akan datang. Perkara ini ditunjukkan oleh PH dalam kit manifesto mereka. Bagi Gagasan Sejahtera pula, warna yang menjadi asas manifesto mereka ialah berlatarkan warna kelabu dan diwarnai dengan pelbagai warna yang menarik. Bentuk pengisiannya tidak jauh beza dengan buku manifesto BN yang dihiasi dengan gambar yang pelbagai dan berwarna-warni dan dimasukkan isi penting mengikut topik. Dari segi tema pula, buku manifesto BN pada PRU 14 bertemakan 'Bersama BN, Hebatkan Negaraku', pada PRU 13, BN memilih tema 'Menepati Janji Membawa Harapan'. Manakala PH memilih tema 'Membina Negara Memenuhi Harapan' untuk buku manifesto mereka pada PRU 14. Pada PRU 13 dengan gabungan tidak rasmi PR, mereka memilih tema 'Pakatan Harapan Rakyat'. Sementara itu Gagasan Sejahtera yang buat julung kalinya bergabung secara tidak rasmi telah memilih tema 'Malaysia Sejahtera' untuk buku manifesto mereka.

Ketiga-tiga manifesto yang ditawarkan kepada pengundi ini diakui memberi harapan baharu kepada pengundi yang meliputi secara menyeluruh semua segmen dari golongan muda, wanita, golongan isi rumah berpendapatan rendah, pertengahan dan veteran. Setiap manifesto yang ditawarkan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Contohnya BN, dengan pengalaman 60 tahun mentadbir negara, sudah tentu banyak kejayaan yang boleh dipaparkan. Menurut Dalton et. al. (2011), menyatakan pengundi tidak hanya akan menilai parti mengikut program dasar mereka untuk penggal berikutnya, tetapi juga secara retrospektif, memfokuskan kepada prestasi kerajaan dan memerhatikan jika parti telah menunaikan janji mereka di dalam manifesto. Sementara itu, PH dengan peningkatan prestasi bermula PRU 12 dan 13 meningkatkan motivasi mereka untuk berjanji membuat lebih baik daripada kerajaan sedia ada. Hal ini sama juga dengan Gagasan Sejahtera. Bezanya PH mempunyai negeri yang menjadi contoh terbaik seperti Selangor dan Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, manifesto adalah dokumen yang penting dan kandungan manifesto yang ditawarkan kepada pengundi sinonim dengan keperluan dan kehendak penduduk sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Menurut Ahmad Zahid (2008), Idris (2014), Eder et. al. (2017) dan Harmel (2018) manifesto adalah dokumen penting digunakan untuk mencapai hasrat politik dan digunakan semasa berkempen. Oleh itu, penelitian akan dibuat bagi mencapai objektif yang berikut:

- 1) Mengenalpasti intipati manifesto BN, PH, Gagasan Sejahtera
- 2) Membandingkan manifesto BN, PH, Gagasan Sejahtera mengikut aspek-aspek yang tertentu seperti ekonomi, politik dan sosial.
- 3) Menganalisis kandungan manifesto dan hubungannya dengan isu semasa.

## **Sorotan Literatur**

Bahagian ini mengupas kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian pilihan raya di Malaysia. Tema ini dipilih sebagai asas pengetahuan sejarah pilihan raya di Malaysia dan kepelbagaian kajian lepas tentang pilihan raya. Tema ini penting kerana manifesto juga merupakan elemen yang ada dalam pilihan raya. Manakala pilihan raya pula merupakan elemen penting dalam sebuah negara yang mengamalkan

demokrasi, dan rakyat mengundi untuk menentukan kepimpinan pada masa hadapan. Justeru, tema ini akan dapat memberi gambaran kepada pembaca tentang pilihan raya di Malaysia dan tumpuan kajian-kajian yang lalu.

## **Kajian Pilihan Raya di Malaysia**

Beberapa kajian awal yang berkaitan tentang pilihan raya di Malaysia ialah hasil kajian Ratnam (1965) yang membincangkan perkembangan politik Malaysia dengan menganalisis PRU 1955 dan 1959. Hasil daripada kajiannya beliau mendapati faktor etnik menjadi keutamaan dalam politik Malaysia. Parti yang dominan dan mendapat sokongan dari pengundi pada ketika itu ialah Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO untuk etnik Melayu, MCA etnik Cina dan MIC etnik India yang mewakili kebajikan kaum masing-masing. Walau bagaimanapun, pada ketika itu telah wujud parti yang tidak berasaskan perkauman antaranya seperti Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) Parti Negara (PN), Parti Buruh dan Parti Malaya, namun gagal untuk menarik minat masyarakat dan tidak bertahan lama (Vasil, 1971).

Kemudian, kajian selepas itu telah membincangkan corak tingkah laku pengundian tiga kaum terbesar di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan terdapat perbezaan dari segi faktor yang mempengaruhi pengundi yang berlainan etnik (Pillay, 1974; Lee Kam Hing, 1977). Antara faktor yang berperanan dalam mempengaruhi pengundian pada pilihan raya ketika itu ialah faktor kepimpinan, ekonomi dan parti. Namun, perbezaan ini lebih ketara di sebahagian pengundi bandar dan luar bandar. Walaupun pada ketika itu PRU 1978, pengundi Melayu di bandar telah mula mempersoalkan projek pembangunan yang menguntungkan bukan Melayu dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang lebih memihak kepada Melayu di luar bandar (Mohamed, 1980). Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya majoriti pengundi masih lagi mengundi mengikut parti kaum masing-masing kerana kerangka politik di Malaysia masih lagi berasaskan kaum (Ismail 1978 dan 1979; Mauzy, 1979).

Kajian pilihan raya era 1990 hingga 2004 di dapati berbeza dengan era pasca merdeka kerana pilihan raya pada era 1990 hingga 2004 menemukan pertambahan kepada faktor yang mempengaruhi pengundi, iaitu media massa (Syed Arabi, 1994; Syed Arabi & Mazni, 1995). Pada era tersebut juga telah berlaku anjakan kepada isu yang mewarnai pilihan raya seperti isu kaum, nasionalisme sempit dan kewilayahan kurang ditumpukan, sebaliknya isu sejagat seperti keadilan, ketelusan, *good governance* dan kepentingan umum menjadi agenda pada PRU 1999 (Mohd Yusof & Azlan, 2002; Mohd Fuad & Sabihah, 2002; Johan Saravanamuttu, 2003). Sementara itu, berdasarkan kajian yang lalu, dikatakan kemenangan BN pada PRU 2004 adalah disebabkan oleh banyak faktor. Antaranya ialah kepimpinan Perdana Menteri yang baru pada ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta di sokong keadaan ekonomi yang baik dan rakyat percaya negara berada di kedudukan yang baik dan arah tuju yang betul (Pauline Puah, 2004; Welsh, 2005; Syed Arabi et.al., 2007; Abdul Rashid Moten, 2009; Mohd Azizuddin, 2011).

Pada PRU 2008 pula, merujuk kepada kajian Muhammad Nadzri & Ghazali (2008), Khoo (2008), Abdul Rashid (2009), Arakaki (2009), Muhammad Nadzri (2009), Saifuddin (2009) dan Johan (2012) dapat dirumuskan mereka menyentuh beberapa aspek kesan PRU 2008. Penerangan lebih tertumpu kepada kesan PRU 2008 kepada hegemoni BN, gabungan sistem dua parti dan politik baru manakala beberapa kajian berkaitan PRU 13 menunjukkan banyak membincangkan berkaitan dengan pola pengundian antaranya ialah oleh Amir (2013), Muhammad Asri et. al. (2013), Siti Noranizahhafizah et. al. (2013), Junaidi dan Mohd Fuad (2013) dan Junaidi et. al. (2015). Selain itu, ada kajian yang membincangkan pencapaian parti politik di Malaysia yang dihasilkan oleh Jamaei et. al. (2014). Sementara itu, kajian tentang sokongan pengundi dilakukan oleh Muhamad Takiyuddin (2016) dan Siti Noranizahhafizah & Jayum (2016). Secara

keseluruhannya, didapati kajian pilihan raya yang lepas adalah tentang adalah pelbagai, namun kurang menumpukan kepada manifesto secara langsung.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Penggunaan analisis kandungan ini digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang antaranya komunikasi, pemasaran, psikologi, bahasa, sumber manusia, teknologi, pengurusan, kaedah penyelidikan dan lain-lain (Berelson, 1952; Kolbe & Burnett, 1991; Duriau et. al., 2007; Krippendorff, 2013;), manakala bahan penyelidikan yang digunakan untuk analisis kandungan bersifat *tangible* iaitu yang boleh disentuh seperti media cetak, dokumen, transkrip temubual, buku teks dan *non-tangible* seperti media elektronik.

Analisis kandungan yang digunakan dalam penyelidikan ini terhad kepada analisis teks (manifesto) dan dibantu dengan perisian komputer. Menurut Zuhairi & Kamarul Anuar (2012) berdasarkan kajian yang pernah dilakukan sebelum ini proses pengekodan dapat dipermudahkan dengan bantuan penggunaan perisian komputer. Bagi tujuan pengekodan dan carian maklumat di dalam manifesto, kajian ini menggunakan perisian komputer *Atlas. ti* versi 8 yang membantu dalam proses analisis kandungan yang dijalankan. Data yang dianalisis menggunakan perisian komputer *Atlas. ti* versi 8 dapat menyediakan satu analisis data yang baik dan teratur kerana amat fleksibel. Penyelidik boleh mewujudkan kategori atau kod pencarian secara manual atau pilihan pengekodan secara automatik.

Berikut adalah ringkasan *Networks* dan *Codes* yang telah dianalisis mengikut tema berdasarkan objektif kajian ini:

**Jadual 1: Codes**

Dokumen	Tema	Jumlah Codes
Manifesto PH	Merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik	35
Manifesto BN		37
Manifesto Gagasan Sejahtera		39
Jumlah keseluruhan		

Sumber: Diubah suai daripada BN, (2018); PH, (2018); Gagasan Sejahtera, (2018)

Secara keseluruhannya data yang telah dianalisis dalam kajian telah diringkaskan seperti dalam Jadual 1, daripada koding yang banyak telah dimasukkan ke dalam tema yang merangkumi tiga aspek utama. Jumlah *Codes* ialah jumlah petikan yang berkaitan dengan tema yang telah ditetapkan iaitu aspek ekonomi, sosial dan politik. Kemudian *Codes* ini dikumpulkan mengikut *Code Groups* yang ditentukan kemudian mengikut subtema seperti keusahawanan dan pelaburan (ekonomi), pendidikan dan kesihatan (sosial) dan tadbir urus baik (politik). Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan dengan menggunakan perisian *Atlas. ti* versi 8 ini, ia mempercepat dan memudahkan penyelidik menganalisis data-data yang diperlukan.

## Dapatan kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan yang diperolehi menerusi analisis kandungan yang dilakukan ke atas tiga dokumen manifesto daripada PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Analisis kajian ini dibuat berdasarkan maklumat yang terkandung di dalam manifesto tersebut. Maklumat dalam manifesto dianalisis mengikut

objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Analisis data menggunakan *Atlas. ti* versi 8 bagi mendapatkan satu analisis data yang baik dan teratur. Bahagian seterusnya akan membincangkan secara mendalam hasil dapatan yang diperolehi satu persatu.

## Perbandingan dan Tumpuan Manifesto Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN) dan Gagasan Sejahtera

Analisis perbandingan manifesto ini membincangkan perbandingan tiga manifesto yang melibatkan parti PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Manifesto tersebut dikemukakan oleh parti-parti politik yang bertanding pada PRU 14 bagi tujuan menarik sokongan pengundi. Perbandingan dilakukan dengan membahagikan kepada tiga aspek utama, iaitu ekonomi, sosial dan politik. Seterusnya, aspek ini dianalisis secara terperinci di bawah kategori masing-masing dalam bentuk yang komprehensif dan padat.

### Ekonomi

Bahagian ini membincangkan perkara yang ditawarkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera dalam manifesto mereka berkaitan dengan aspek ekonomi. Aspek pelaburan dipilih untuk dibincangkan kerana ia penting untuk sesebuah negara sebagai dana pembangunan negara. Justeru, usaha merangsang pelaburan perlu dilakukan untuk menarik pelaburan supaya kepentingan ekonomi terjamin. Namun begitu, corak pentadbiran parti politik pemerintah adalah penting untuk menentukan jenis pelaburan yang dibawa masuk. Berikut perancangan yang ditawarkan oleh parti-parti utama yang bertanding pada PRU 14.

Jadual 2: Perbandingan Manifesto PH, BN dan Gagasan Sejahtera dalam Aspek Pelaburan

Pakatan Harapan	Barisan Nasional	Gagasan Sejahtera
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Merangsang pelaburan serta mempermudah proses perniagaan dan perdagangan (Janji 31)</li> <li>● Meningkatkan pengusaha Bumiputera dan para peniaga Malaysia berpeluang menceburi pasaran antarabangsa.</li> <li>● Merangsang pertumbuhan sektor ekonomi baru (<i>new economy</i>), ekonomi perkongsian (<i>sharing economy</i>), sektor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mewujudkan zon industri mampan secara mengenalpasti lokasi pelaburan baharu dan pemindahan tapak industri sedia ada.</li> <li>● Membina sebuah pelabuhan moden bertaraf dunia di Pulau Carey sebagai hab maritim terkini dengan pelaburan sebanyak RM200 bilion.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Merangsang pelaburan dan penyertaan sektor swasta secara besar-besaran untuk mengembangkan sektor pertanian dan industri asas tani demi menjamin keperluan bekalan makanan (<i>food security</i>), sekaligus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berasaskan sektor ini di luar bandar.</li> <li>● Mengembang dan memperkasakan insentif-insentif pelaburan yang</li> </ul>

<p>penyelidikan dan pembangunan (<i>research and development</i>), serta memperkukuh perlindungan harta intelek agar syarikat-syarikat boleh melabur dalam aktiviti inovasi dengan lebih rancak.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>● Menggalakkan pelaburan berterusan dari negara China dan negara-negara Asia yang lain.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Menaiktaraf fasiliti jeti, terminal dan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Pulau Langkawi dengan peruntukan sebanyak RM86.5 juta untuk menarik lebih ramai pelancong dan pelaburan asing.</li></ul>	<p>diberikan melalui pelbagai agensi kerajaan sedia ada.</p>
--	---	--

Sumber: Diubah suai daripada BN, (2018); PH, (2018); Gagasan Sejahtera, (2018)

Jadual 2 menunjukkan perbandingan manifesto daripada aspek pelaburan. Mengikut perincian manifesto, PH menunjukkan kecenderungan untuk mewujudkan jalinan kerjasama ekonomi dengan negara rantau Asia, misalnya negara-negara ASEAN dan China. Selain itu, PH berhasrat untuk mengadakan rundingan bilateral dengan Kesatuan Eropah dan negara-negara lain supaya dapat membuka pasaran baru dan menarik pelaburan asing. Produktiviti dan kualiti produk dipandang penting oleh PH untuk memastikan produk Malaysia berdaya saing dengan negara lain.

Manifesto BN pula menunjukkan kecenderungan untuk memperluaskan sumber pelaburan dengan mewujudkan zon industri mampan, pembinaan pelabuhan baru dan menaik taraf infrastruktur sebagai usaha menarik pelancong dan pelaburan asing. Sementara itu, Gagasan Sejahtera memberi tumpuan terhadap pelaburan sektor pertanian dan industri asas tani untuk menjamin keperluan bekalan makanan dan meningkatkan peluang pekerjaan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, menunjukkan PH dan BN mempunyai perancangan yang pelaburan yang lebih banyak berbanding Gagasan Sejahtera.

## Sosial

Manifesto PH, BN dan Gagasan Sejahtera juga mengambil berat aspek sosial. Bahagian ini membincangkan tawaran yang ditawarkan yang berkaitan dengan aspek sosial dan masyarakat dalam manifesto mereka. Perbincangan tentang aspek sosial dan masyarakat ini merangkumi aspek pendidikan.

## Pendidikan

Pendidikan merupakan alat yang penting untuk membangunkan modal insan terutamanya generasi muda yang bakal memimpin negara pada masa depan. Justeru, sistem pendidikan yang berkualiti perlu dilaksanakan untuk memastikan generasi muda yang berdaya saing dapat dilahirkan. Jadual 3, menunjukkan perbandingan manifesto PH, BN dan Gagasan Sejahtera dalam aspek pendidikan.



Berdasarkan Jadual 3, PH memberikan dua janji utama tentang pendidikan, iaitu janji ke-49 dan janji ke-50. Kedua-dua janji ini terletak di bawah teras lima yang bertema “Membina Malaysia yang Inklusif, Moderat dan Gemilang di Persada Dunia”. Janji berkaitan dengan pendidikan dalam manifesto BN terkandung bawah teras empat yang bertema “Pemacuan Modal Insan, Kecemerlangan Pendidikan”. Sejumlah 26 janji tentang pembangunan modal insan dan sistem pendidikan telah disenaraikan dalam teras tersebut. Namun, Gagasan Sejahtera meletakkan janji pendidikan bawah teras lima yang bertema “Peningkatan Kualiti Pendidikan” dan menawarkan sebanyak lima janji untuk memperkasa sistem pendidikan negara.

Ketiga-tiga manifesto pendidikan menunjukkan usaha parti politik masing-masing untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan dalam negara. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga parti politik memberikan tumpuan kepada aspek yang berbeza. Manifesto PH jelas menunjukkan bahawa usahanya untuk meningkatkan peluang pendidikan terhadap golongan berpendapatan rendah. Sebagai contoh, PH berjanji untuk memberi kelebihan kepada golongan B40 dan M40 dalam agenda kemasukan sekolah berasrama penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) seperti dalam janji ke-49. Selain itu, PH juga berjanji untuk menambahkan biasiswa kepada golongan B40 dan M40 untuk meningkatkan peluang pendidikan golongan tersebut. Selain itu, PH juga menunjukkan usaha dalam memperkasa pendidikan aliran teknikal dan vokasional supaya aliran pendidikan tersebut tidak lagi dipandang sebagai pilihan kedua untuk melanjutkan pengajian.

Manifesto pendidikan BN menunjukkan usahanya untuk meningkatkan kualiti pendidikan melalui penggunaan teknologi serta penyediaan infrastruktur yang moden, misalnya capaian internet berkelajuan tinggi dan pensaizan bilik darjah. Selain itu, BN juga menawarkan bantuan kewangan pendidikan kepada penerima BR1M. Pada masa yang sama, BN berhasrat untuk memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan supaya sistem pendidikan Malaysia dapat bersaing di pentas antarabangsa. Berbeza dengan manifesto BN, manifesto pendidikan Gagasan Sejahtera lebih menumpukan kepada pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu, Gagasan Sejahtera juga memberi perhatian kepada latihan perguruan dan kajian semula dasar-dasar pendidikan seperti Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (1996) dan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (1997) untuk tujuan memberi pendidikan percuma.

Jadual 3: Perbandingan Manifesto PH, BN dan Gagasan Sejahtera dalam Aspek Pendidikan

Pakatan Harapan	Barisan Nasional	Gagasan Sejahtera
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan sekolah-sekolah kerajaan sebagai sekolah pilihan terbaik untuk rakyat (Janji 49)</li> <li>Keselamatan bas-bas sekolah</li> <li>Syarat kemasukan sekolah berasrama penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan sekali beri sebanyak RM1,500 untuk anak-anak penerima BR1M yang mendaftar di pusat pengajian tinggi.</li> <li>Memperkasakan pendidikan ke arah digital</li> <li>Menaiktaraf semua sekolah daif di seluruh negara dalam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengembalikan bantuan geran per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Tahfiz, Pondok serta Sekolah Persendirian.</li> <li>Menyediakan latihan perguruan secara percuma untuk guru-guru sekolah swasta di institut-institut pendidikan guru (IPG).</li> </ul>

<p>Program Sekolah Amanah Biasiswa pendidikan kepada golongan B40, M40 dan guru.</p> <p>Jawatan Pembantu Pengajar (<i>Teaching Assistant</i>) Aliran teknikal dan vokasional</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengembalikan wibawa universiti awam dan pengajian tinggi (Janji 50)</li> <li>- Menjamin kualiti pendidikan serta kebebasan akademik dan kebebasan bersuara dan berpersatuan</li> <li>- Aliran TVET akan diperluas dengan lebih tersusun</li> <li>- Sijil UEC diterima sebagai syarat kemasukan IPTA</li> <li>- Menangguhkan pembiayaan pinjaman PTPTN</li> <li>- Menambah biasiswa kepada B40 dan M40</li> <li>- meliputi peluang pengajian menggunakan Massive Open Online Courses (MOOC)</li> </ul>	<p>tempoh 5 tahun di luar bandar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menaiktaraf program Pendidikan Khas</li> <li>● Menaikkan had Insentif Khas Geran Sepadan untuk Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia kepada RM1,000.</li> <li>● Pensaizan wajar bilik darjah dan menyediakan peralatan bantuan mengajar yang lebih baik.</li> <li>● Menambah jumlah subjek dalam Program Dwibahasa (DLP).</li> <li>● Mempertingkatkan kemahiran Bahasa Inggeris di sekolah</li> <li>● Meluaskan capaian Internet berkelajuan tinggi (100Gbps) ke semua universiti-universiti awam.</li> <li>● Meningkatkan taraf pendidikan orang Asli</li> <li>● Memperkukuh sistem pendidikan pelbagai aliran.</li> <li>● Mempertimbangkan warganegara yang memiliki peperiksaan luar negara untuk memasuki IPT dengan syarat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperbanyakkan sekolah berorientasikan kurikulum integrasi antara tahfiz Al-Quran dan Sains di seluruh negara.</li> <li>● Memperkasakan waqaf dalam sistem pendidikan negara bermula daripada peringkat pendidikan pra-sekolah sehinggalah peringkat pendidikan tinggi.</li> <li>● Mengkaji semula dasar-dasar berkaitan pendidikan tinggi seperti Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (1996) dan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (1997) ke arah memberikan pendidikan percuma.</li> </ul>
--	---	--

Sumber: Diubah suai daripada BN, (2018); PH, (2018); Gagasan Sejahtera, (2018)

Kedua-dua parti politik, iaitu PH dan BN turut berjanji untuk memberi peluang kepada pemegang sijil UEC untuk memasuki IPTA. Namun, terdapat perbezaan dalam janji yang dikemukakan oleh dua parti politik tersebut. PH menawarkan peluang kemasukan ke IPTA kepada pemegang sijil UEC dengan syarat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Melayu SPM.

“Pakatan Harapan akan mengiktiraf sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan syarat pemohon memiliki kepujian

dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Untuk tujuan ini, sijil UEC akan dinilai agar setaraf dengan syarat am kelayakan sedia ada untuk kemasukan ke IPTA.”

Manifesto BN juga menawarkan kemasukan pemegang sijil UEC ke IPTA, tetapi terdapat perbezaan daripada aspek syarat kemasukan berbanding dengan manifesto PH seperti berikut,

“Warganegara yang memiliki sijil peperiksaan luar negara yang setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan kelayakan memasuki IPT dalam negara, boleh dipertimbangkan untuk memasuki pengajian mana-mana IPT, dengan syarat mempunyai kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan lulus mata pelajaran Sejarah - syarat tersebut juga diguna pakai dalam isu tentang *Unified Examination Certificate Senior Middle (UEC)*.”

Syarat kemasukan yang dikemukakan oleh BN adalah pemegang sijil UEC perlu mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Malaysia dan pada masa yang sama perlu lulus mata pelajaran Sejarah.

Selain daripada pengiktirafan sijil UEC, kedua-dua manifesto PH dan Gagasan Sejahtera menggariskan janji berkaitan dengan pinjaman PTPTN. PH memberi janji untuk menanggungkan pembiayaan pinjaman PTPTN untuk meringankan beban graduan. Manakala Gagasan Sejahtera memberi tawaran untuk melupuskan pinjaman PTPTN sebagai tanda permulaan pemberian pinjaman percuma dalam salah satu tawaran daripada 20 tawaran.

## Politik

Bahagian ini membincangkan isi penting yang berkaitan dengan politik dalam manifesto. Cabang politik adalah termasuk tadbir urus negara yang merupakan cara pentadbiran sesebuah kerajaan. Perbincangan terbahagi kepada janji-janji yang dikemukakan untuk mewujudkan tadbir urus baik oleh ketiga-tiga parti politik. Seterusnya, analisis dilakukan untuk meneliti tumpuan utama dan perbandingan manifesto ketiga-tiga parti politik.

## Tadbir Urus Baik (*Good Governance*)

Tadbir urus yang baik merupakan salah satu aspek terpenting yang dapat memberi keyakinan kepada para pengundi untuk memilih sesebuah parti politik dalam pilihan raya. Ketiga-tiga manifesto daripada PH, BN dan Gagasan Sejahtera telah menggariskan janji tentang tadbir urus baik dalam manifesto masing-masing.

Jadual 4 : Teras Dua Manifesto Pakatan Harapan

Janji	Kandungan
11	Mengembalikan maruah orang Melayu dan institusi-institusinya
12	Mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan menstruktur semula Jabatan Perdana Menteri
13	Menyelesaikan skandal 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji
14	Mereformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan memperkasa usaha membanteras rasuah

15	Memisahkan Pejabat Pendakwaraya Negara daripada Pejabat Peguam Negara
16	Mengembalikan wibawa institusi parlimen
17	Menjamin ketelusan dan kemodenan sistem pilihan raya
18	Mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti
19	Mengembalikan kepercayaan terhadap institusi kehakiman dan perundangan
20	Menjadikan Angkatan Tentera Malaysia dan pasukan Polis DiRaja Malaysia sebagai sebuah pasukan yang dihormati dan disegani
21	Memperkasa perkhidmatan awam
22	Menjadikan pentadbiran semua syarikat milik kerajaan (GLC) setaraf dengan piawaian antarabangsa
23	Memastikan sistem perolehan kerajaan menjana faedah maksimum untuk wang rakyat
24	Menghidupkan semangat sebenar konsep federalisme
25	Memperkukuh peranan dan kuasa pihak berkuasa tempatan
26	Menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai rekod hak asasi yang dihormati dunia
27	Menghapuskan undang-undang yang zalim
28	Membina generasi muda yang kreatif dan bebas daripada cengkaman kezaliman
29	Meningkatkan ketelusan dan integriti belanjawan dan proses belanjawan

Sumber: Diubah suai daripada PH, (2018)

Janji tentang tadbir urus yang baik terletak bawah teras kedua dalam manifesto PH. Teras kedua manifesto PH adalah bertema “Mereformasi Institusi Pentadbiran dan Politik”. Selain itu teras tersebut mengandungi 19 janji daripada jumlah keseluruhan 60 janji, iaitu daripada janji ke-11 hingga janji ke-29. Perkara ini menunjukkan aspek tadbir urus amat dipandang penting oleh PH. Jadual 4, menunjukkan perkara berkaitan dengan tadbir urus baik yang termaktub bawah teras kedua manifesto PH. Berdasarkan jadual di atas, isu ketelusan merupakan aspek terutama dalam manifesto yang diberikan oleh PH. Selain itu, PH juga mengutamakan pengagihan kuasa dalam manifestonya dengan menggariskan janji seperti menghadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan menstruktur semula Jabatan Perdana Menteri (Janji 12) dan mereformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan memperkasa usaha membanteras rasuah (Janji 14). Kedua-dua janji ini adalah untuk menghalang kuasa hegemoni Perdana Menteri yang mampu mengawal pelbagai agensi penting seperti agensi kewangan dan SPRM di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya mengembalikan kuasa kepada kementerian lain. Selain daripada Jabatan Perdana Menteri, PH juga berjanji untuk memisahkan Pejabat Pendakwaraya Negara daripada Pejabat Peguam Negara seperti dalam janji ke-15.

Manifesto PH juga menggariskan janji berkaitan dengan dana politik melalui janji ke-18, iaitu mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti. Perkara ini adalah untuk memastikan ketelusan dana politik daripada sumber yang sah dengan penggubalan Akta Kawalan Pembiayaan Politik. Selain itu, PH juga berjanji untuk memansuhkan beberapa undang-undang termasuk Akta Hasutan 1948, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016. Di samping itu, penyemakan semula terhadap Kanun Keseksaan 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-

Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) juga akan dilakukan untuk mengembalikan hak kepada rakyat.

Jadual 5 menunjukkan Teras 13 dalam manifesto BN yang bertema “Tadbir Urus yang baik dan Penyertaan Rakyat”. Teras tersebut mengandungi sebanyak 11 janji yang berkaitan dengan tadbir urus yang baik dan penyertaan rakyat untuk mempertingkatkan prestasi tadbir urus kerajaan terutamanya kerajaan tempatan. Manifesto BN memberi penekanan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini dapat dilihat melalui penerangan lima janji yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan daripada jumlah 11 janji bawah teras tersebut. Selain itu, BN juga berhasrat untuk menggubal undang-undang seperti Akta Berita Palsu dan Akta Dana Politik untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih baik. Ketelusan tadbir urus dijamin melalui pengenalan petisyen awam, mewujudkan *Ombudsman* dan Jawatankuasa Terpilih Parlimen untuk melaksanakan kewajipan penyiasatan aduan dan memberi maklum balas.

Jadual 5: Teras 13 Manifesto Barisan Nasional

Bilangan	Kandungan
1	Memperkasa ketelusan dengan memperkenalkan mekanisme Petisyen Awam untuk setiap isu mustahak.
2	Menuju ke arah Kerajaan Digital melalui penambahan aplikasi atas talian demi meningkatkan tahap kecekapan, membasmi rasuah dan meminimumkan ketirisan dalam perkhidmatan awam
3	Menggubal Akta Berita Palsu bagi menjaga keharmonian dan ketenteraman awam serta kestabilan ekonomi.
4	Menggubal Akta Dana Politik bagi memantau sumbangan dan perbelanjaan parti-parti politik di Malaysia.
5	Mewujudkan <i>Ombudsman</i> untuk menyiasat sebarang aduan awam mengenai ketidakadilan dan kelemahan perkhidmatan kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.
6	Meningkatkan ketelusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mewajibkan siaran langsung setiap kali ahli-ahli majlis bermesyuarat.
7	Mendedahkan laporan audit tahunan PBT untuk tatapan awam.
8	Mewajibkan <i>Town Hall</i> bersama penduduk secara berkala yang akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
9	Memperkenalkan aplikasi iKepoh untuk membolehkan orang awam membuat aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui telefon pintar
10	Merealisasikan transformasi PBT dengan mengaplikasikan keterbukaan maklumat, komunikasi serta hubungan dengan orang awam.
11	Menubuhkan Jawatankuasa Terpilih Parlimen dalam memperhalusi serta memberi maklum balas mengenai isu-isu kepentingan awam.

Sumber: Diubah suai daripada BN, (2018)

Jadual 6, menunjukkan teras satu yang terkandung dalam manifesto Gagasan Sejahtera. Terdapat lima janji yang termaktub dalam teras tersebut. Gagasan Sejahtera telah menggariskan janji yang menekankan pelbagai aspek termasuk pembanteras rasuah dan salah guna kuasa, mengembalikan sistem pengasingan kuasa, menubuhkan Institusi Hisbah Rakyat dan penggubalan akta berkaitan dana dan pembiayaan politik.

Jadual 6: Teras Satu Manifesto Gagasan Sejahtera

Bilangan	Kandungan
1	Mewujudkan sebuah sistem tadbir urus yang bertepatan dengan tuntutan syarak ke arah pentadbiran yang bebas rasuah dan salah guna kuasa.
2	Memperkuhkan kembali sistem pengasingan kuasa dengan mengembalikan semula kuasa yang sepatutnya ada bagi cabang Legislatif, Kehakiman dan Eksekutif.
3	Menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) lebih bebas dan berwibawa dengan melaporkan hasil siasatan secara berkala kepada jawatankuasa di bawah Parlimen.
4	Menubuhkan Institusi Hisbah Rakyat ( <i>People Ombudsman</i> ) yang dapat memainkan peranan semakimbang dalam memantau kerajaan.
5	Menggubal akta baru berkaitan dengan dana dan pembiayaan politik bagi membantaras amalan politik wang yang merupakan antara punca utama berlakunya rasuah dan salah guna kuasa.

Sumber: Diubah suai daripada Gagasan Sejahtera, (2018)

Manifesto ketiga-tiga parti politik mempunyai perbezaan daripada aspek tumpuan utama. Manifesto PH lebih mengutamakan isu ketelusan dan pengasingan kuasa dengan menggariskan beberapa janji untuk mengurangkan kuasa Perdana Menteri dan mengembalikan kuasa tersebut kepada kementerian lain, manakala BN memberi tumpuan kepada meningkatkan prestasi kerajaan dengan menuju ke arah kerajaan digital. Selain itu, BN juga berusaha untuk meningkatkan penyertaan rakyat melalui mewajibkan *Town Hall*. Namun, manifesto Gagasan Sejahtera merangkumi aspek-aspek yang digariskan dalam manifesto PH dan BN. Seterusnya, akta berkaitan dengan dana politik turut dipandang penting oleh ketiga-tiga parti politik kerana ia turut dijanjikan oleh ketiga-tiga parti politik. Hal ini penting kerana untuk memastikan ketelusan parti politik masing-masing dan mengelakkan berlakunya kes rasuah dalam parti politik masing-masing.

### Manifesto dan Isu Semasa

Setelah melihat perincian manifesto yang dibentangkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera di bahagian perbandingan, didapati setiap manifesto ada kelebihan dan kekurangannya. Justeru, bahagian ini akan meneliti perkaitan kandungan manifesto dengan isu semasa pada PRU 14. Untuk itu, penyelidik telah menggunakan data tinjauan yang dijalankan oleh Invoke (2017) dan Merdeka Center (2018) dalam mengenalpasti isu yang menjadi perhatian pengundi. Berdasarkan Jadual 7, analisis matriks menunjukkan

bahawa manifesto yang ditawarkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera berkaitan dengan isu-isu yang menjadi perhatian pengundi. Berdasarkan keseluruhan sebelas isu yang menjadi tumpuan pengundi, hanya satu isu yang tiada dalam kandungan manifesto Gagasan Sejahtera iaitu hubungan etnik. Manifesto yang ditawarkan oleh Gagasan Sejahtera tidak menawarkan secara khusus untuk memperkukuhkan hubungan perpaduan dan negara bangsa Malaysia. Sementara PH dan BN, kandungan manifesto mereka merangkumi semua isu yang menjadi tumpuan pengundi.

Jadual 7: Isu Semasa dan Analisis Matriks pada PRU 14

Isu Semasa	Manifesto		
	PH	BN	Gagasan Sejahtera
1.Kos sara hidup (GST, harga barang)	✓ (100 hari, Teras 1, 5, 7, Iltizam 2)	✓ (Paparannya Utama, 1, 9, 14)	✓ (Teras 3, 20 tawaran utama)
2.Ekonomi	✓ (Teras 3, 30-39 41)	✓ (Paparannya Utama, 1, 2, 6, 7, 10, 12, 14)	✓ (Teras 4, 20 tawaran utama, kelompok masyarakat)
3.Pekerjaan, gaji	✓ (Teras 1, 33, 35, 42, Iltizam 1, 100 hari)	✓ (Paparannya Utama, 1, 2, 4, 6, 7, 8)	✓ (Teras 4-5, kelompok masyarakat)
4.Penyelewengan, rasuah, skandal	✓ (Iltizam 1, 13, 14, 18, 57-58)	✓ (Paparannya Utama, 1)	✓ (Teras 1 & 4, 20 tawaran utama)
5.Pendidikan, sekolah	✓ (Iltizam 3, 4, 5, 44, 49, 50)	✓ (Paparannya Utama, 4, 8, 12, 14)	✓ (Teras 5, 20 tawaran utama, kelompok masyarakat)
6.Jenayah, keselamatan rakyat	✓ (20, 52)	✓ (5)	✓ (Teras 6, 20 tawaran utama,

			kelompok masyarakat)
7.Kesehatan, hospital	✓ (Iltizam 2, 9, 44)	✓ (1, 7, 10)	✓ (Teras 2, kelompok masyarakat)
8.Hak bumiputera	✓ (Teras 5, 11, 23, 43)	✓ (12)	✓ (Kelompok masyarakat)
9.Rumah	✓ (Teras 1, Iltizam 3, Iltizam 4, 4)	✓ (Paparan Utama, 3, 12)	✓ (Teras 3, 9 20 tawaran utama, kelompok masyarakat)
10.Infrasruktur, pengangkutan	✓ (6-8, 23, 37, 38, 41, 44, 49, 51, Iltizam khusus masyarakat India, Iltizam 2, Iltizam 5)	✓ (Paparan Utama, 1, 11)	✓ (Teras 2, 7, kelompok masyarakat)
11.Hubungan etnik	✓ (Teras 5, 11, 23, 43, 56)	✓ (9)	× (Tiada)

Sumber: Diubah suai daripada Invoke (2017); Merdeka Center (2018); BN (2018); PH (2018); Gagasan Sejahtera (2018)

Namun, dari segi fokus dan penekanan perkaitan isi kandungan manifesto dan isu semasa yang menjadi perhatian pengundi adalah berbeza bagi setiap manifesto. Berdasarkan Jadual 7, didapati setiap manifesto menawarkan insentif yang mengkhusus tetapi pelbagai terhadap sesuatu isu. Antaranya ialah isu kos sara hidup (GST dan harga barang) dan ekonomi yang mendapat tumpuan khusus oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Hasil analisis matriks mendapati PH menawarkan 17 isi khusus dalam kandungan manifesto berbanding 10 yang ditawarkan oleh BN dan tiga daripada Gagasan Sejahtera. Walau bagaimanapun, BN menawarkan lebih pada isu pekerjaan dan gaji dengan tujuh isi khusus dalam kandungan manifesto berbanding PH (6) dan Gagasan Sejahtera (3).



Seterusnya ialah isu yang mendapat tumpuan sederhana dalam kandungan manifesto yang ditawarkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Hasil analisis dalam Jadual 7 menunjukkan isu tersebut ialah isu penyelewengan, rasuah dan skandal, PH mendahului dengan enam isi khusus dalam kandungan manifesto diikuti dengan Gagasan Sejahtera (3) dan BN (1). Begitu juga dengan isu pendidikan, PH mendahului inisiatif-inisiatif dengan menawarkan enam isi khusus dalam kandungan manifesto berbanding BN (5) dan Gagasan Sejahtera (3). Selain itu, isu rumah juga mendapat tumpuan sederhana dengan PH dan Gagasan Sejahtera dengan empat isi khusus dalam kandungan manifesto dan dua daripada BN.

Sementara itu, beberapa isu yang kurang mendapat tumpuan khusus dalam manifesto ialah isu jenayah dan keselamatan rakyat, Gagasan Sejahtera menawarkan lebih banyak dengan tiga isi khusus dalam kandungan manifesto berbanding PH (2) dan BN (1). Begitu juga isu kesihatan dan hospital, BN dan PH sama-sama menawarkan tiga isi khusus dalam kandungan manifesto, Gagasan Sejahtera dua isi. Isu seterusnya yang kurang mendapat tumpuan khusus dalam manifesto ialah isu infrastruktur dan pengangkutan, BN dan Gagasan Sejahtera hanya menawarkan tiga isi khusus dalam kandungan manifesto masing-masing berbanding 13 daripada PH. Selain itu, hak bumiputera juga termasuk isu yang kurang mendapat tumpuan khusus dalam manifesto, BN dan Gagasan Sejahtera hanya menawarkan satu isi khusus dalam kandungan manifesto berbanding empat yang ditawarkan oleh PH. Akhir sekali isu hubungan etnik, hanya PH (5) dan BN (1) menawarkan isi khusus dalam kandungan manifesto, Gagasan Sejahtera tidak menawarkannya secara khusus.

## **Kesimpulan**

Pilihan Raya Umum (PRU) 14 merupakan sejarah baharu dan yang paling sengit dalam sejarah kerana melibatkan gabungan parti tiga kumpulan yang besar iaitu BN, PH dan Gagasan Sejahtera. Pertama kali selepas 60 tahun, BN hanya menang 79 kerusi parlimen daripada 222 kerusi secara keseluruhan. Keputusan tersebut merupakan prestasi yang paling buruk dalam sejarah 60 tahun pemerintahan BN. Pelbagai elemen mempengaruhi kemenangan yang bersejarah ini antaranya ialah manifesto. Hal ini kerana manifesto adalah dokumen penting yang digunakan untuk mencapai hasrat politik dan digunakan semasa berkempen.

Hasil daripada analisis perbandingan yang dilakukan (Jadual 2 hingga 6), manifesto PH lebih menunjukkan corak pentadbiran yang menuju ke arah tadbir urus yang baik, bebas rasuah dan ketelusan diutamakan dalam melaksanakan pentadbiran. Selain itu, dari aspek sosial, PH memberi keutamaan kepada kebajikan golongan berpendapatan rendah, manakala dari aspek ekonomi, PH menunjukkan usaha yang tinggi untuk meningkatkan ekonomi negara supaya keadaan ekonomi negara dapat dipulihkan. Sementara itu, BN sebagai parti pemerintahan sejak kemerdekaan turut menunjukkan kecenderungan dalam mempertingkatkan pembangunan negara ke arah kemajuan teknologi. Hal ini kerana, penggunaan teknologi diutamakan dalam aspek ekonomi, sosial dan politik. Namun begitu, Gagasan Sejahtera memberi tumpuan utamanya terhadap kebajikan masyarakat. Sebagai contoh, pemberian pendidikan percuma dan pelupusan PTPTN. Selain itu, Gagasan Sejahtera juga menunjukkan usahanya dalam meringankan beban kewangan rakyat melalui pemberian pelbagai bantuan.

Dapatan analisis matriks (Jadual 7) pula menunjukkan manifesto yang ditawarkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera berkaitan dengan sebelas isu yang menjadi tumpuan pengundi, hanya satu isu yang tiada dalam kandungan manifesto Gagasan Sejahtera iaitu hubungan etnik. Selain itu, isu yang menjadi fokus utama dan penekanan dalam kandungan manifesto pada PRU 14 ialah isu kos sara hidup (GST dan harga barang), ekonomi, isu pekerjaan dan gaji. Isu yang mendapat tumpuan sederhana dalam kandungan manifesto yang ditawarkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera ialah isu penyelewengan, rasuah dan

skandal, pendidikan dan rumah. Akhir sekali, beberapa isu yang kurang mendapat tumpuan khusus dalam manifesto ialah isu jenayah dan keselamatan rakyat, kesihatan dan hospital, infrastruktur dan pengangkutan, dan hubungan etnik.

Secara keseluruhannya, manifesto yang ditawarkan oleh BN, PH dan Gagasan Sejahtera adalah dalam bentuk yang pelbagai, namun merangkumi aspek ekonomi, politik dan sosial. Setiap manifesto yang ditawarkan ada kekuatan masing-masing. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati manifesto PH memberikan lebih fokus kepada isu utama rakyat seperti isu kos sara hidup (GST dan harga barang), ekonomi, isu pekerjaan dan gaji berbanding BN dan Gagasan Sejahtera. Namun, kelebihan tetap ada pada BN sebagai parti yang berpengalaman memerintah Malaysia. Walau bagaimanapun, undi ditentukan oleh pengundi, justeru banyak perkara lain juga boleh mempengaruhi pengundi seperti calon, prestasi parti dan lain-lain faktor. Oleh itu, untuk PRU 15 nanti pelbagai kemungkinan boleh berlaku.

### Rujukan

- Abdul Rashid Moten. (2009). 2004 and 2008 General Elections in Malaysia: Towards a multicultural, bi-party political system? *Asian Journal of Political Science*, 17(2), 173-194. DOI: 10.1080/02185370903077469. Tarikh akses 15 Mei 2012.
- Ahmad Zahid Hamidi. (2008). *Manifesto barisan nasional sebagai agenda akhbar bahasa melayu semasa tempoh kempen pilihan raya umum (Tidak diterbitkan tesis PhD)*, Universiti Putra Malaysia.
- Amir Hasan Dawi. (2013). *Pola pengundian di Perak dalam PRU-13*. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansur Mohd Noor (pnyt). *Siapa pilihan pengundi? Petaling Jaya: Institut Kajian Etnik, UKM*.
- Arakaki, R.K. (2009). 2008 Malaysian Election: The End of Malaysia's Ethnic Nationalism? *Asian Politics & Policy*, 1(1), 79–96. DOI: 10.1111/j.19430787.2009.01103.x. Tarikh akses 17 Mei 2012.
- Azlan Zainal. (2018a, Mac 27). GE14: Swing in Malay voters not enough for PH to take over. *Ilham Center*. Diakses pada 27 Julai 2018 di [www.ilhamcenter.com](http://www.ilhamcenter.com).
- Azlan Zainal. (2018b, Mei 08). 100 Kerusi Semenanjung Mampu Dicapai PH, Johor Jatuh. *Ilham Center*. Diakses pada 27 Julai 2018 di [www.ilhamcenter.com](http://www.ilhamcenter.com).
- Barisan Nasional. (2018). *Manifesto BN Bersama BN hebatkan negaraku*. Diakses pada 26 Jun 2018 di [www.barisannasional.org](http://www.barisannasional.org).
- Berelson, B. (1952). *Content analysis in communication research*. Glencoe: Free Press.
- Dalton, R.J., Farrell, D.M. & McAllister, I. (2011). *Political parties and democratic linkage: How parties organize democracy*. Oxford: Oxford University Press.
- Daubler, T. (2012). The Preparation and Use of Election Manifestos: Learning from the Irish Case. *Irish Political Studies*, 27(1), 51-70, doi: 10.1080/07907184.2012.636183.
- Dolezal, M., Jedenastik, L.E., Müller, W.C & Winkler, A.K. (2012). The Life Cycle of Party Manifestos: The Austrian Case. *West European Politics*, 35(4), 869-895, doi: 10.1080/01402382.2012.682349.
- Duriau, V.J., Reger R.K. & Pfarrer, M.D. (2007). A Content Analysis of the content Analysis literature in organization studies: Research themes, data sources, and methodological refinements. *Journal of Organizational Research Methods*, 10(1), 5-34.

- Eder, N., Jenny, M. & Müller, W. C. (2017). Manifesto functions: How party candidates view and use their party's central policy document. *Electoral Studies*, 45, 75-87.
- Gagasan Sejahtera. (2018). Manifesto Malaysia sejahtera. Diakses pada 26 Jun 2018 di <https://malaysiasejahtera.my>.
- Harmel, R. (2018). The how's and why's of party manifestos some guidance for a cross-national research agenda. *Party Politics*, 24(3), 229-239, doi: 10.1177/1354068816678880.
- Invoke. (2017). Kajiselidik sentimen pengundi dan isu-isu Pilihanraya Umum ke-14. Diakses pada 27 Julai 2018 di <https://rafiziramli.com>.
- Ismail Kassim. (1978). *The politics of accommodations an analysis of the 1978 Malaysian General election*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- \_\_\_\_\_. (1979). *Race, politics and moderation a study of the Malaysian electoral process*. Singapura: Times Books International.
- Jamaie Hamil, Afiq Ikhwan Saifullah, Muhammad Suhaimi, Abdul Rahman, Mahfudzah Mustafa, Russli Kamaruddin & Muhamad @ Nadzri Mohamed Noor. (2014). Ikhtisar analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *Malaysian Journal of society and space*, 10, 39-53.
- Janda, K., Harmel, R., Edens, C. & Goff, P. (1995). Changes in Party Identity Evidence from Party Manifestos. *Party Politics*, 1(2), 171-196, doi: 10.1177/1354068816678880.
- Johan Saravanamuttu. (2003). *The eve of the 1999 General Election: From the NEP to reformasi*. Dlm. Francis K W Loh & Johan Saravanamuttu (pnyt.) *New politics in Malaysia*, hlm. 1-24. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- \_\_\_\_\_. (2012). Twin coalition politics in Malaysia since 2008: A path dependent framing and analysis. *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International & Strategic Affairs*, 34(1), 101-127. DOI: 10.1355/cs34-1e. Tarikh akses 15 Mei 2012.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2013). Pola pengundian dalam pilihan raya kecil 2009-2011. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansur Mohd Noor (pnyt). *Siapa pilihan pengundi? Petaling Jaya: Institut Kajian Etnik, UKM*.
- Junaidi Awang Besar. (2015). Impak sumber maklumat terhadap sokongan kepada parti politik: Kajian empirikal PRU di Malaysia. *Journal of Society and Space*, 11(8), 90-99.
- Khoo Boo Teik. (2008). The monkeys strike back: The 12th General Election and after. *Aliran Monthly*, 28(2), 2-9.
- Klingemann, H.-D., Volkens, A., Bara, J. and Budge, I. (2006). *Mapping Policy Preferences II. Estimates for Parties, Electors and Governments in Central and Eastern Europe, European Union and OECD 1990–2003*. Oxford: Oxford University Press.
- Kolbe, R.H. & Burnett, M.S. (1991). Content analysis research: an examination of applications with directives for improving research reliability and objectivity. *Journal of Consumer Research*, 18(2), 243-250.
- Krippendorff, K. (2013). *Content analysis. An introduction to its methodology* (third ed.). California: SAGE Publication.

- Lee Kam Hing. (1977). *Politics in Perak, 1969-1974 : some preliminary observations with particular reference to the non-Malay political parties*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mauzy, D.K. (1979). A vote for continuity: The 1978 General Elections in Malaysia. *Asian Survey*, 19(3), 281-296. Diperolehi dari: <http://www.jstor.org/stable/2643694>.
- McDonald, M. D., Mendes, S. M. & Budge, I. (2004). What are elections for? Conferring the median mandate. *British Journal of Political Science*, 34(1), 1–26.
- Merdeka Center. (2018). *Malaysia General Elections XIV outlook prospects and outcome III* 08 May 2018. Diakses pada 27 Julai 2018 di [www.merdeka.org](http://www.merdeka.org).
- Mohamed Abu Bakar. (1980). Communal parties and the urban Malay vote: perspectives from Damansara. Dlm. Harold Crouch, Lee Kam Hing & Michael Ong (pnyt.). *Malaysian politics and the 1978 election*, hlm. 113-136. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Anwar Phato Rahman & Irwan Shafrizan Ismail. (2018, Mac 18). 20 tawaran dalam manifesto GAGASAN. *Berita Harian*. Diakses pada 27 Julai 2018 di [www.bharian.com](http://www.bharian.com).
- Mohd Azizuddin Mohd. Sani. (2011). Leadership crisis and the downfall of Prime Minister Abdullah Ahmad Badawi in Malaysia. *Journal of Global Intelligence & Policy*, 4(5), 50-64.
- Mohd Fuad Mat Jali dan Sabihah Osman. (2002). Politik wilayah dan politik nasional dalam PRU 1999. Dlm. Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad (pnyt.) *Politik baru dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 117-146. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). *Politik baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Asri Mohd Ali, Rosman Md. Yusof, Makmor Tumin, Nawli Abdullah & Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan. (2013). Pola sokongan pengundi muda. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansur Mohd Noor (pnyt). *Siapa pilihan pengundi? Petaling Jaya: Institut Kajian Etnik, UKM*.
- Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Ghazali Mayudin. (2008). Hegemoni dan kontra hegemoni: Memahami perubahan Pilihan Raya Umum Ke-12. *JEBAT*, 35, 33-48.
- Muhamad Nadzri Mohamed Nor. (2009). *Politik Malaysia di persimpangan praktik politik dalam PRU 2008 dan kontemporari*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (2016). *Pilihan raya umum ke-13: Kesenambungan politik baharu, kekentalan politik lama*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Pakatan Harapan. (2018). *Manifesto PH buku harapan membina negara memenuhi harapan*. Diakses pada 26 Jun 2018 di [www.pakatanharapan.com](http://www.pakatanharapan.com).
- Pauline Puah. (2004). Survey confirms Pak Lah factor in BN polls victory. <http://www.malaysiakini.com/news/30129>. Tarikh akses 12 Januari 2013.
- Pillay C. (1974). *The 1974 General Elections in Malaysia: a post mortem*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Powell, G. B. Jr. (2000). *Elections as instruments of democracy*. New Haven: Yale University Press.

- Rahimah Abdullah. (2018, April 27). Prestasi BN pada PRU14 diramal seakan PRU13- Merdeka Center. Astro Awani. Diakses pada 27 Julai 2018 di [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com).
- Ratnam K.J. & Milne R.S. (1967). *The Malayan Parliamentary Election of 1964*. Singapura: University Of Malaya Press.
- Rohaniza Idris. (2018, Mac 08). Manifesto PH: Tak mansuh PTPTN, lanjutkan tempoh bayar. Berita Harian. Diakses pada 27 Julai 2018 di [www.bharian.com](http://www.bharian.com).
- Rose, R. (1984). *Do parties make a difference?* London: Macmillan.
- Saifuddin Abdullah. (2009). *Politik baru mematangkan demokrasi Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Malaysia.
- Shamsul Abd. Ghani & Janatul Firdaus. (2018, April 07). Pelancaran manifesto BN seperti di konsert. Sinar Harian. Diakses pada 27 Julai 2018 di [www.sinarharian.com](http://www.sinarharian.com).
- Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan. (2016). Kegoyahan Pakatan Rakyat di Perak. Dlm Mohd Takiyuddin & Sity Daud (pnyt). *Pilihan raya umum ke-13 kesinambungan politik baru dan kekentalan politik lama*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Siti Noranizahhafizah Boyman, Nafisah Ilham Hussin, Marshelayanti Mohd Razali & Junaidi Awang Besar. (2013). Pola pengundian dan Isu-isu pada Pilihan Raya Umum Malaysia 2013. *Jurnal Perspektif*, 7(3), 96-100.
- Syed Arabi Idid. (1994). *Penentuan agenda: Peranan media massa dalam Pilihan Raya Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi Idid & Mazni Buyong. (1995). *Malaysia's General Election 1995: People, issues and media use*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Arabi Idid, Mohamad Sahari & Nik A. Hisham. (2007). General Election 2004: Empirical validation of voting pattern in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 15 (1), 1-14.
- Vasil R.K. (1971). *Politics in a plural society a study of non-communal political parties in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Welsh, B. (2005). Malaysia in 2004: Out of Mahathir's shadow? *Asian Survey*, 45 (1), 153-160. Diperolehi dari: <http://www.jstor.org/stable/10.1525/as.2005.45.1.153>. Tarikh akses: 17 Mei 2012.
- Zuhairi Abdul Hamid & Kamarul Anuar Mohd Kamar. (2012). Aspects of off-site manufacturing application towards sustainable construction in Malaysia. *Journal of Construction Innovation: Information, Process, Management*, 12(1), 4-10.

## SEJARAH AWAL PENGLIBATAN WANITA BUKAN MELAYU DALAM POLITIK DI MALAYSIA

Fatimi Hanafi<sup>90</sup> Muhammad Shamshinor Abdul Azzis<sup>91</sup> Faezah Kassim<sup>92</sup> Noor Ain Mat Noor<sup>93</sup> Irene  
Yong Seok Ching<sup>94</sup>

Penglibatan wanita dalam politik dan pilihan raya di Malaysia menunjukkan peningkatan dan perubahan. Wanita bukan Melayu juga memainkan peranan yang penting dalam perubahan ini. Mereka juga mempunyai hak untuk menyertai parti politik termasuk bertanding dalam pilihan raya. Dalam kertas kerja ini membincangkan mengenai sejarah awal penglibatan wanita bukan Melayu yang terlibat dalam proses amalan demokrasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan Malaysia. Tumpuan kajian ini ialah bagaimana wanita bukan Melayu iaitu wanita Cina dan India melibatkan diri dalam politik dan memperjuangkan hak wanita menerusi dua parti politik utama bukan Melayu iaitu Malaysian Chinese Association (MCA) dan juga Malaysian Indian Congress

Kata Kunci : Penglibatan Wanita, Politik, Wanita MCA, Wanita MIC

## EARLY HISTORY OF NON- MALAYS WOMEN'S PARTICIPATION IN POLITICS IN MALAYSIA

---

<sup>90</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment (CITrA)*, Universiti Malaya

<sup>91</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment (CITrA)*, Universiti Malaya

<sup>92</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment (CITrA)*, Universiti Malaya

<sup>93</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment (CITrA)*, Universiti Malaya

<sup>94</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment (CITrA)*, Universiti Malaya

(Dr. Fatimi Hanafi<sup>95</sup> Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis<sup>96</sup> Dr. Faezah Kassim<sup>97</sup>  
Dr. Noor Ain Mat Noor<sup>98</sup> Dr. Irene Yong Seok Ching<sup>99</sup>)

Women's participation in politics and elections in Malaysia showed an improvement and change. They are capable and have the right to join political parties, including participating in the election as a candidate. This paper discussed the early history of non Malay women involved in the process of democracy according to the Constitution of Malaysia. The focus of this study is to show how non-Malay women's involved in politic and fighting their rights through two main political parties, namely the non-Malay Malaysian Chinese Association (MCA) and Malaysian Indian Congress.

Key word: Women' Participation , Politics, MCA's Women, MIC's Women,

## Pengenalan

Sebelum merdeka Peranan wanita mulai terserlah dalam bidang polistik bermula dengan Halimaton Saadiah yang bertanding mewakili Perikatan dalam pilihan raya Persekutuan Tanah Melayu yang pertama pada Julai 1955 di Ulu Selangor. Sebelum itu juga boleh dilihat penglibatan wanita bukan Melayu seramai pada Pilihan raya Tempatan di Kuala Lumpur yang diadakan pada Februari 1952.<sup>100</sup> Pertandingan yang diwakili oleh 32 orang calon untuk 12 kerusi Dewan Bandaran Kuala Lumpur. Tiga daripada mereka bertanding atas tiket *Independence of Malaya Party* (IMP) iaitu Loke Soh-Lip, Mrs. E. Ramachandran dan Mrs. Devaki manakala seorang lagi bertanding atas tiket UMNO-MCA iaitu Mrs. L.C Somasundram. Walau bagaimanapun seorang wakil dari IMP yang menang dalam pilihan raya itu iaitu Mrs. Devaki. Enam lagi pilihan raya tempatan telah diadakan pada Disember 1952 di Melaka, Johor Bharu, Batu Pahat, Muar, Singapura, Kuala Lumpur dan Georgetown. Daripada 99 calon yang bertanding untuk 37 kerusi, sembilan adalah wanita dan enam berjaya dipilih. Mrs. Devaki Krishnan juga berjaya dipilih semula dalam pilihan raya itu manakala dua calon UMNO iaitu Zahara Binti Mohamed Talib di Batu Pahat dan Fatimah binti Haji Yunos di Muar juga menang dalam pilihan raya. Mrs. Amy Joseph mewakili Parti Buruh telah menang di Melaka. Seterusnya Mrs. Robert Eu dan Mrs Anmy Laycock dari Parti Progresif juga berjaya di Singapura.<sup>101</sup> Perlantikan Fatimah Haji Hashim sebagai Menteri kebajikan Am pada 20 Mei 1969 semakin

<sup>95</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment* (CITrA), Universiti Malaya

<sup>96</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment* (CITrA), Universiti Malaya

<sup>97</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment* (CITrA), Universiti Malaya

<sup>98</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment* (CITrA), Universiti Malaya

<sup>99</sup> Pensyarah Kanan di *Centre for the Internship Training and Academic enrichment* (CITrA), Universiti Malaya

<sup>100</sup> Chamil Wariya, *Perjuangan Membela Melayu, UMNO Selangor 1946-2006*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006, hlm.87.

<sup>101</sup> Hoi Hui Ling, *Prestasi Calon Wanita Dalam Pilihanraya Umum ke-12*, dalam Joseph M. Fernando (et. al), *Pilihanraya Umum Malaysia Ke-12, Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 185

menyemarakkan penglibatan wanita dalam politik tanahair. Beliau memegang jawatan menteri dari tahun 1969 sehingga 1973. Beliau juga merupakan satu-satunya menteri wanita pada masa itu. Selepas peredaran masa jumlah wanita yang bertanding dalam pilihanraya semakin meningkat. Kedua-dua tersebut menjadi pemangkin kepada wanita untuk mengikuti jejak langkah

## Huraian Istilah dan Konsep Penglibatan Wanita dalam Politik

### a) Politik

Sebenarnya perkataan politik sememangnya telah diterima oleh kebanyakan bahasa di dunia pada masa kini dan merupakan istilah antarabangsa yang telah difahami oleh kebanyakan bangsa di dunia ini. Politik dalam tinjauan bahasa Inggeris iaitu berasal daripada kata *politic* yang mempunyai erti *acting or judging wisely, well judge, pruden*.<sup>102</sup> Perkataan politik berasal daripada istilah Yunani iaitu *politikus* dari akar kata ‘*Polis*’ yang bermaksud ‘*city*’ iaitu negara bandar atau Negara kota dan dari perkataan Latin iaitu *politica* atau *politicus* yang telah digunakan sejak abad ke-5S.M lagi.<sup>103</sup> Dalam bahasa Jerman ditulis *Politiek*.<sup>104</sup> Aristotle berpendapat politik sebagai ‘*man is by natural a political animal*’, yang bermaksud manusia semulajadinya adalah haiwan politik.<sup>105</sup>

Merujuk Kamus Dewan, politik membawa tiga pengertian, iaitu pertama ianya bermaksud ilmu politik pengetahuan bukan cara pemerintahan (dasar-dasar pemerintahan dan lain-lain), ilmu siasah, ilmu kenegaraan atau perkara yang bersangkutan dengan hal-hal kenegaraan dan yang kedua bermaksud segala sesuatu bukan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain serta yang ketiga pula kelicikan, muslihat dan tipu daya.<sup>106</sup> Menurut pentakrifan Kamus Oxford politik adalah : “ Ilmu dan seni kerajaan, sains yang berkaitan dengan bentuk, organisasi dan pentadbiran sebuah Negara, sebahagian daripadanya dan yang berkaitan dengan peraturan hubungan sesebuah Negara dengan Negara-negara yang lain”.<sup>107</sup>

Manakala Harold Lasswell (1920-1950), seorang sarjana Sains Politik mendefinisikan politik sebagai ‘Pengagihan nilai dalam masyarakat oleh pihak yang berkuasa atau satu kajian mengenai pengaruh’.<sup>108</sup> Beliau beranggapan politik merupakan satu persaingan untuk menentukan ‘siapa mendapat apa’ bila dan bagaimana. Manakala idea yang sama oleh Ball, R. Allan mendefinisikan

<sup>102</sup>A.S. Hornby A.P. Cowie, Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English, London:Oxford University Press, 1974, hlm.645

<sup>103</sup>Syed Ahmad Hussein (1994), Pengantar Sains Politik, Kuala Lumpur : Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM, hlm, 2, Mustafa Haji Daud, *Pengantar Politik Islam*,Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 1. Rujuk H.Zainal Abidin Ahmad, Ilmu Politik Islam, Jilid 1, Jakarta: Bulan Bintang, 1977, hlm. 18 dan D.D. Ripley, Problems of Political Philosophy, London: Macmillan Press, Ltd., 1982, hlm. 3. Rujuk Alias Othman, Asas-asas Pemikiran Politik Islam, Kuala Lumpur: Terbitan Pustaka Salam Sdn Bhd., 1992, hlm.9, rujuk juga dalam Noah Webster’s, Webster’s New Twentieth Century Dictionary, USA:Willisam Collin Publishers, 1980, hlm.437.

<sup>104</sup> Alias Othman, Asas-asas Pemikiran Politik Islam, Kuala Lumpur : terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd. 1992, hlm. 9.

<sup>105</sup> K. Ramanathan, Konsep Asas Politik, Kuala Lumpur : Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 303.

<sup>106</sup> Kamus Dewan, edisi 4,, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010 hlm 1223

<sup>107</sup>William H. Riker and Peter C. Oreshook (1973), *An Introduction To Positive Political Theory*,New Jersey : Prentice Hall, hlm. 6.

<sup>108</sup>Harold D. Lasswell (1950), *Politics : Who Get What, When, How*, New York : Peter Smith Publisher, hlm 3.



kuasa politik sebagai “Keupayaan mempengaruhi tingkahlaku orang lain melalui bentuk sekatan yang tertentu. Sekatan mungkin berbentuk paksaan atau pujukan: kuasa boleh disokong oleh ganjaran atau hukuman dan boleh digunakan dalam bentuk yang positif dan negatif.....”<sup>109</sup>

Bernad Crick<sup>110</sup> menjelaskan politik sebagai satu kegiatan mengenai pembahagian kuasa di dalam sesuatu unit pemerintahan yang melibatkan tolak ansur, kompromi dilakukan untuk menjaga kebajikan dan keutuhan keseluruhan masyarakat. Menurut Geoffrey K. Roberts,<sup>111</sup> politik bukan sahaja digunakan untuk menjelaskan pengkajian aktiviti berkenaan, beliau mengatakan bahawa politik perlu dianggap sebagai proses social yang menentukan matlamat sesuatu sistem.

Bagi R.H Soltar kegiatan Politik ialah “*an activity of a community exercised through and under the state, and what is political and what is not is therefore valid*”.<sup>112</sup> Menurut Soltar lagi “*for many centuries region was a political matter since the state made certain form of it compulsory and others illegal*”. Sigmud Neumann mengatakan bahawa politik sebagai satu organisasi di dalam institusi di mana individu atau badan tertentu dapat berhubung untuk mencapai satu kehendak. Ia bukan sahaja membayangkan parti tetapi jua kekuasaan.<sup>113</sup> Oleh itu dapatlah kita katakan politik sebagai organisasi yang mentadbir sesebuah negara, dengan kuasa yang ada pada kelompok yang memegang organisasi itu mereka boleh melakukan dasar dalam sesebuah negara.

Di Malaysia dan Indonesia misalnya, perkataan politik hanya dikenali pada akhir abad ke-19M. Di Indonesia secara khusus, gerakan politik bermula dengan terdirinya Syarikat Islam (1912). Mereka yang aktif menghadapi tekanan yang kuat dari pihak Belanda. Perkataan politik hanya digunakan secara meluas selepas Perang Dunia ke-2, apabila Indonesia berjaya mencapai kemerdekaan. Manakala di Malaysia pula, perkataan ini mula mendapat perhatian apabila lahirnya gerakan nasionalisme Melayu yang berakhir dengan kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957.<sup>114</sup>

Jelasnya sama ada Islam ataupun Barat meletakkan ‘negara’ sebagai subjek utama dalam mendefinisikan politik. Apa yang berbeza ialah rujukan dan perlaksanaanya di dalam sesebuah Negara adalah menurut perspektif dan pemikiran masing-masing.

## Parti Politik;

Perkataan parti berasal dari perkataan Latin *pars* yang bererti bahagian (part) perkataan parti biasanya menggambarkan ideologi manusia yang menganggotainya seperti parti Demokrat, parti liberal, parti Islam, parti sosialis dan sebagainya.<sup>115</sup> Perkataan parti politik sebenarnya telah

<sup>109</sup> Allan R. Ball ‘Politik dan kerajaan Moden’, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.30

<sup>110</sup> Bernard Crick, In Defence of Politics, edisi ke 3, Harmond Sworth : Penguin Books, 1962, hlm. 21.

<sup>111</sup> Geoffrey K. Roberts, A Dictionary of Political Analysis, London : Longman, 1967, hlm. 169

<sup>112</sup> R.H. Soltar *An Introduction To Politics*, Longman, Green and Co, Ltd, 1965, hlm.1.

<sup>113</sup> Azizah A. Rahman, Peranan Wanita Dalam Politik dan Agama Di Kubang Pasu, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974, hlm.49.

<sup>114</sup> Mustafa Haji Daud, *Pengantar Politik Islam*, hlm 1, H.Zainal Abidin Ahmad, Ilmu Politik Islam, Jilid 1, hlm. 18 dan Randall B. Ripley. *Political Science*. Encyclopedia of Americana, Jil. 22, Connecticut: Grollier Incorporated, 1987, hlm.349.

<sup>115</sup> Ahmad Hussein (1994), *Pengantar Sains Politik*, Kuala Lumpur : Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM, hlm 246.

didefinisikan oleh ramai sarjana Sains Politik di antaranya Edmunk Burke (1729-1791) mendefinisikan parti politik sebagai satu badan masyarakat yang berusaha untuk kepentingan tanpa dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingan lain.<sup>116</sup> Manakala Joseph Schumpeter mendefinisikan parti politik itu sendiri iaitu 'sekumpulan manusia yang cuba mengatasi sekumpulan yang lain bagi mendapatkan kuasa pemerintahan dan untuk terus berkuasa'.<sup>117</sup>

Definisi yang agak jelas dan menepati realiti parti politik di dalam sesebuah Negara ialah definisi yang dibuat oleh Joseph Palombara. Beliau menyifatkan parti politik sebagai sebuah organisasi formal yang bertujuan untuk mendapatkan dan mengekalkan kuasa jentera untuk membuat dan melaksanakan dasar-dasar awam.<sup>118</sup>

#### Penglibatan Dalam Parti politik

Penglibatan dalam parti politik ataupun penyertaan dalam parti politik merupakan dua perkara yang sama diungkapkan dalam frasa yang berbeza. Hiraki penglibatan atau penyertaan parti politik terbahagi kepada dua peringkat iaitu golongan yang tidak political dan golongan yang political.<sup>119</sup>

#### Bentuk-bentuk Penyertaan Politik

Penyertaan politik dimanifestasikan di dalam berbagai bentuk kegiatan seperti mengundi, mencari informasi dan mendengar berita-berita politik, membincang, menghadiri mesyuarat-mesyuarat, menyumbangkan derma serta menghubungi perwakilan-perwakilan. Manakala penyertaan yang lebih aktif termasuklah keahlian rasmi (*formal membership*) ke dalam sesebuah parti politik, berkempen dan mendaftarkan pengundi-pengundi dan ahli-ahli menulis dan membuat ceramah-ceramah dan ucapan-ucapan serta bertanding untuk sesuatu jawatan awam (*civil post*) atau jawatan-jawatan parti. Di sini dapat kita lihat bahawa penyertaan politik terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- a) Penyertaan aktif dan
- b) Penyertaan tidak aktif

Penyertaan politik adalah fenomena pelbagai dimensi (*multi dimensional phenomena*).<sup>120</sup> yang dimanifestasikan di dalam bentuk aktiviti yang berlainan. Aktiviti-aktiviti politik yang berbeza ini menunjukkan perbezaan di dalam cara-cara bagaimana rakyat cuba mempengaruhi kerajaan. Berbeza dari segi motivasi atau dorongan, berbeza juga dari segi proses yang membawa mereka kearah aktiviti tersebut dan dari segi konsikwensi perlakuan-perlakuan tersebut. Penyertaan politik terjalin dalam berbagai-bagai bentuk dari peringkat yang paling tinggi sekali (seperti bertanding untuk memegang sesuatu jawatan dalam parti) membawa ke peringkat yang paling rendah sekali (seperti mendengar berita-berita politik).

Golongan yang tidak '*political*' tidak berminat melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam parti politik. Mereka ini sekadar mendaftar diri sebagai ahli parti tetapi tidak keluar mengundi tetapi tidak aktif dalam mempertahankan parti politik yang diundi. Manakala golongan yang political berminat untuk melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam parti politik. Mereka ini terdiri

<sup>116</sup>Lihat Peter B. Harris (1979), *Foundations of Political Science*, London : Hutchison, hlm 142-145

<sup>117</sup> Joseph Schumpeter (1962), *Capitalism, Socialism and Democracy*, New York : Harper Colophon, hlm 279

<sup>118</sup> Joseph La Palombara (1974), *Politics Within Nations*, Englewood Cliffs, N.J:Prentice Hall, hlm 509

<sup>119</sup> Robert A. Dahl (1975), *Modern Political Analysis*, New Delhi : Prentice Hall, hlm 77-78

<sup>120</sup> Verba, Nie and KIM, '*The Modes of Democratic Participation a cross national comparison*, Sage Publication Inc, 1971, hlm.

daripada golongan yang aktif di dalam parti sama ada sebagai ahli biasa ataupun golongan yang berminat menjawat jawatan pemimpin tertinggi politik yang mempunyai kuasa formal dan paling berupaya mempengaruhi dasar kerajaan.<sup>121</sup>

Manakala menjadi pemimpin di dalam parti politik pula melibatkan dua jenis kekuasaan iaitu kekuasaan di peringkat khusus (wilayah khusus) dan kekuasaan di peringkat wilayah awam (wilayah umum). Kekuasaan di peringkat khas adalah seperti menjadi pemimpin wanita di dalam parti dan menjadi menteri bagi kementerian-kementerian tertentu. Manakala kekuasaan umum pula ialah menjadi hakim ataupun ketua Negara.

### **Konsep/definisi penglibatan politik**

Terdapat berbagai takrifan yang telah dikemukakan oleh berbagai ahli sains politik terhadap konsep penyertaan politik, antaranya ialah Robert A. Dahl dalam bukunya *Modern Political Analysis*,<sup>122</sup> menyentuh tentang konsep penyertaan politik dalam sesebuah negara yang melibatkan dua kumpulan individu iaitu individu yang tidak berminat langsung tentang politik dan yang sangat berminat mencebuti bidang politik. Perkara ini mewujudkan golongan pencari kuasa di mana segelintir daripada mereka mendapat lebih kuasa daripada yang lain. Seterusnya La palombara dalam bukunya 'politic within nations' beliau mengatakan :

*'political participation is embedded in specific and different kinds of cultural situations that deeply impinge on the form, extent and meaning of participation itself. Important contextual factors would include the structure of political institutions, the amount of freedom to form and use organisations, like interest groups and political parties and the amount of effective power located at the nation's centre'*<sup>123</sup>

Apa yang di dimaksudkan di atas menurut Palombara menjelaskan tentang perkara yang diamalkan oleh sesebuah negara dimana penyertaan politik tertanam dalam jenis tertentu dan berbeza situasi budaya yang amat meninggalkan kesan pada tahap bentuk, dan makna penyertaan itu sendiri. Kepentingan faktor mengikut kontek, termasuk struktur institusi politik, jumlah kebebasan untuk membentuk dan menggunakan organisasi, seperti kumpulan-kumpulan yang mempunyai kepentingan dan parti-parti politik serta jumlah kuasa yang berkesan terletak di pusat negara. Di sini terdapat 'ethos' yang diamalkan oleh negara-negara di dunia di mana terbahagi kepada dua bahagian iaitu 'ethos' demokrasi dan 'ethos' bukan demokrasi.

i. 'Ethos' demokrasi

Mengikutnya, di bawah 'ethos' demokrasi ini termasuklah negara-negara yang mengamalkan sitem demokrasi di mana terdapat meluasnya penyertaan dalam proses politik. Seterusnya La Palombara berpendapat bahawa :

*'a strong underlying assumption of the democratic ethos is that those affected by government policies should have a hand in determining what the policies will be'*.<sup>124</sup>

Apa dimaksudkan di sini ialah anggapan bahawa mereka-mereka yang terlibat dalam polisi kerajaan seharusnya mempunyai hak dalam menentukan polisi-polisi tersebut. Pengaruh ini adalah melalui satu sistem perwakilan dalam mana orang-orang yang diundi (wakil rakyat, presiden dan sebagainya) menyuarakan pendapat pengundi-pengundi. Istilah '*political participation*' di sini

<sup>121</sup>Robert A. Dahl, *Modern Political Analysis*, hlm 77-78

<sup>122</sup> Robert A. Dahl, *Modern Political Analysis*, New Jersey : Prentice Hall International Inc, 1991, hlm. 95-117

<sup>123</sup> LaPalombara, Joseph, *Politics within Nation*, Prentice Hall, Inc., Englewood Cliff, New Jersey, 1974 hlm. 424.

<sup>124</sup> Ibid. hlm. 424.

dikaitkan dengan bilangan atau jumlah pengundi yang mempengaruhi polisi kerajaan melalui perwakilan-perwakilan mereka.

ii. 'Ethos' bukan demokrasi

Dalam bentuk ini termasuklah dalam semua sistem politik yang bertentangan dengan amalan demokrasi. Penyertaan politik orang ramai masih dapat diamalkan tetapi dengan syarat-syarat ketat yang dikenakan ke atas mereka. Corak undian mereka ditentukan oleh parti yang memerintah negara dalam usaha untuk menunjukkan kepada dunia luar bahwa corak kerajaan mereka mendapat sokongan dan 'restu' daripada rakyat jelata.

Menurut La Palombara *'Authoritarian leaders are often impelled to hold plebiscites to legitimise themselves on their policies. One party regimes typically hold periodic national election that are carefully orchestrated. In addition to voting dictatorial regimes will parade vast numbers of person and/or military units to commemorate important dates and to underscore the regime's legitimacy'*.<sup>125</sup>

Ianya bermaksud pemimpin kuku besi sering terdorong untuk memegang pemungutan suara rakyat dalam sesebuah negara untuk menghalalkan diri mereka atas dasar mereka. Satu rejim parti biasanya mengadakan pilihan raya berkala kebangsaan yang dirancang dengan teliti. Di samping itu untuk mengundi rejim diktator sebilangan besar orang atau tentera akan berarak untuk memperingati tarikh penting dan menekankan rejim dengan keadaan yang sah. Keadaan ini boleh dilihat dan jelas berlaku di Mesir selepas kejatuhan Presiden Mursi pada 3 Julai 2013. Tindakan tentera itu jelas menunjukkan mereka ingin kembali mendominasi politik di bumi Mesir dan belum bersedia untuk menerima pemerintahan rakyat yang berpaksikan demokrasi. Tentera sukar menerima kenyataan bahawa pengaruh tentera dalam politik Mesir sejak Revolusi 1952 di bawah Jeneral Muhammad Naguib dan Gamal Abdul Nasser kini sudah berakhir dengan kebangkitan rakyat dan kejatuhan Presiden Hosni Mubarak.<sup>126</sup>

Oleh kerana negara kita mengamalkan sistem demokrasi, penulis hanya memerhatikan<sup>127</sup> fenomena penyertaan politik yang bercorak 'ethos' demokrasi saja. Herbert McClosky (1968) di atas garis-garis yang sama dengan La Palombara mendefinisikan penyertaan politik sebagai:

*".....those voluntary activities by which members of a society share in the selection of rulers, and directly or indirectly, in the formation of a public policy".ms 15*

Apa yang hendak ditegaskan oleh McClosky ialah penyertaan politik merupakan aktiviti-aktiviti sukarela melalui mana-mana anggota di dalam sesebuah masyarakat itu bersama mempunyai peranan dalam pemilihan pemerintah dan secara langsung atau tidak langsung dalam pembentukan polisi kerajaan. Disebaliknya, sikap tidak peduli (indifference) atau menarik diri (withdrawal) dari aktiviti-aktiviti tersebut disebut sebagai 'apathy'

Seterusnya Verba, Nie dan Kim pula mendefinisikan 'penyertaan politik sebagai:

*'.....the means by which the interest, desires and demands of the ordinary citizen are communicated'*.<sup>128</sup>

<sup>125</sup> Ibid 425.

<sup>126</sup> Utusan Malaysia, 20 Ogos 2013

<sup>127</sup> McClosky, Herbert, "Political Participation" in International Encyclopaedia of The Social Sciences', Cromwell, Collier and McMillan, Inc, 1968, hlm.252.

<sup>128</sup> Verba, Nie and KIM, 'The Modes of Democratic Participation a cross national comparison, Sage Publication Inc, 1971, hlm.

Mereka melihat penyertaan politik dari segi cara melalui mana kepentingan-kepentingan, kehendak-kehendak dan permintaan-permintaan rakyat diperhubungkan. Fenomena penyertaan politik di sini dimaksudkan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh rakyat yang secara langsung atau tidak langsung adalah bertujuan untuk mempengaruhi atau menentukan pemilihan pegawai kerajaan (government personal) dan/atau keputusan mereka. Verba, Nie dan Kim juga mengatakan bahawa penyertaan ini adalah berorientasikan matlamat. Warganegara yang terlibat di dalamnya bertujuan untuk mendapat beberapa faedah dari kerajaan yang memerintah. Lester W. Milbrath (1965) mendefinisikan istilah 'Politik' sebagai proses dalam mana keputusan-keputusan tentang dasar kerajaan dibuat.<sup>129</sup>

Seterusnya Almond dan Verba juga mengatakan terdapat tiga bentuk pengundi/warganegara. Pertama, pengundi yang bersifat *parochial* atau mempunyai pandangan yang sempit. Kelompok pengundi ini mempunyai kesedaran yang rendah terhadap peranan kerajaan dalam kehidupan mereka. Kedua, pengundi yang boleh dikelompokkan sebagai *subject*. Kumpulan ini sedar mengenai peranan kerajaan tetapi tidak bersedia untuk berbeza pendapat dengan kerajaan. Ketiga, pengundi yang boleh dikategorikan sebagai *participant*. Pengundi kategori ini bergerak cergas, malah kadang-kadang berbeza pandangan dengan pihak kerajaan, dalam mempengaruhi perjalanan kerajaan dan mereka turut terlibat dengan perubahan yang berlaku. Ini bermakna mereka bersedia untuk menerima perubahan politik dan bersedia untuk menanggung risiko perubahan tersebut. Sekiranya dalam sesebuah masyarakat sebahagian besar anggotanya terdiri dari kelompok *participant* maka lebih senang untuk menjangka perubahan politik.<sup>130</sup>

Menurut Rashila Ramli<sup>131</sup> penyertaan politik boleh dibahagikan kepada penyertaan dan penglibatan. Penyertaan dalam politik merangkumi aktiviti mengundi, kemungkinan pendaftaran sebagai ahli dalam sesuatu parti dan mempunyai pengetahuan asas mengenai politik. Penglibatan dalam politik pula meliputi segala aktiviti penyertaan, darjah penyertaan adalah lebih tinggi. Ini termasuk memegang jawatan secara perantaraan atau percalonan.

Beberapa pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli sains sosial ini mengenai penglibatan dan penyertaan politik mempunyai titik persamaan. Di sini dapat penulis merumuskan bahawa penyertaan politik itu dimaksudkan dengan penglibatan individu-individu di dalam kegiatan politik secara sukarela yang bersama-sama bertujuan untuk mempengaruhi keputusan kerajaan.

Secara ringkas, dalam sistem demokrasi yang diamalkan di serata dunia hari ini, khasnya Negara kita Malaysia, yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, melibatkan diri dalam parti politik termasuklah sekadar pergi mengundi ataupun ahli-ahli yang aktif dalam kegiatan parti sehinggalah menjadi pemimpin sama ada kepimpinan khusus ataupun kepimpinan awam. Ini termasuk pemimpin peringkat khusus sehinggalah pemimpin peringkat umum seperti golongan yang menjadi pemimpin-pemimpin parti dalam kawasan, wakil rakyat, ahli dewan undangan negeri, ahli parlimen sehinggalah ke tahap pemimpin Negara. Oleh itu penglibatan wanita dalam parti politik khasnya di dalam konteks Malaysia melibatkan penyertaan ahli biasa di dalam parti dan jawatan-jawatan yang disebut di atas.

<sup>129</sup> Milbrath, Lester W. 'Political Participation: How And Why do People Involved in Politics?'. Chicago : Rana McKally and Co, 1965, hlm 2.

<sup>130</sup> Haris Zalkapli (editor), Cabaran Politik Baharu Malaysia, Kuala Lumpur : Media Icon Sdn. Bhd., 2009, hlm.26

<sup>131</sup> Rashila Ramli, Pembangunan Politik dan Gender : Cabaran dan Strategi Bagi Calon-calon Wanita petikan artikel dalam Gender, Budaya dan Masyarakat, (Kuala Lumpur : Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1998, hlm. 153

K. Ramanathan dalam bukunya *Asas Sains Politik* menjelaskan tentang hubungan sains politik dengan sejarah. Menurut beliau, seorang ahli sejarah bertujuan meninjau akan masa lampau. Ahli politik pula lebih melihat sesuatu peristiwa dan akan cuba membuat ramalan tentangnya. Ia bukan setakat mencatat peristiwa-peristiwa sejarah semata-mata. Tetapi pengkajian sejarah cuba mengemukakan beberapa pola tingkahlaku politik yang pernah terjadi. Ia juga akan menolong pelajar menyusun rangka pola perkembangan tamadun manusia. Di samping itu, sumbangan pengkajian sejarah membantu seseorang ahli sains politik untuk lebih menyedari pelbagai kemungkinan yang akan wujud pada masa depan. Fahaman tentang sejarah negara tertentu dan dunia amnya akan menolong seseorang ahli sains politik memberikan ramalan tentang sesuatu kemungkinan. Misalnya, bukti-bukti sejarah tentang sikap atau tabiat rakyat sesebuah negara mungkin dapat digunakan untuk meramalkan bagaimana mereka akan menghadapi sesuatu cabaran yang baru. Dalam hal ini, seseorang ahli sains politik semestinya perlu merujuk kepada keadaan sejarah sebelum ia dapat mengemukakan penjelasan yang meyakinkan. Pendek kata, fahaman yang mendalam tentang sejarah sesebuah masyarakat yang sedang ingin diselidik sememangnya menjadi prasyarat sebelum seseorang penyelidik dapat mengemukakan pendapatnya<sup>132</sup>

### **Penglibatan Wanita Cina dalam Politik di Malaysia**

Permulaan penyertaan politik bagi masyarakat Cina di negara ini bermula selepas British memperkenalkan Malayan Union (MU) pada tahun 1946. Walaupun ianya ditentang oleh masyarakat Melayu, idea memberikan kerakyatan kepada kaum Cina berdasarkan jus soli' dimasukkan dalam cadangan pelaksanaan Malayan Union. Idea ini tetap diteruskan dim nana lebih sejuta orang Cina mendapat kerakyatan secara automatik hasil dari Perjanjian Persekutuan 1948. Ekoran daripada pemberian kerakyatan kepada mereka sebagai balasan orang Cina bersetuju menerima untuk memasukkan hak istimewa orang Melayu dalam Perjanjian Persekutuan 1948 dan Perlembagaan Malaysia 1957. Selepas pemberian kerakyatan itu maka kaum Cina menjadi sama taraf dan berhak untuk mengundi, menjadi calon dalam pilihan raya sama ada calon untuk Dewan Undangan Negeri atau parlimen dan menjadi ahli mana-mana parti politik. Mereka juga bersama-sama membina lanskap politik di negara ini. Penglibatan wanita dalam politik bagi kaum bukan Melayu juga sedikit sebanyak menyumbang kepada perkembangan politik tanah air. Walaupun penyertaan mereka kurang menonjol berrbanding dengan wanita Melayu mereka juga sebenarnya tidak mahu ketinggalan untuk memajukan diri dan terutama untuk meningkatkan lagi kedudukan dan peranan mereka dalam masyarakat dan keluarga.

Pada tahun 1930 an bilangan kaum wanita Cina yang tinggal di tanah Melayu semakin bertambah. Walau bagaimanapun tidak terdapat bukti yang menunjukkan keterlibatan mereka dengan persatuan tradisional, pergerakan rahsia ataupun mana-mana pertubuhan parti politik. Permulaannya wanita Cina hanya terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan melibatkan diri dalam kerja-kerja amal dan sukarela. Sebagai contoh Pertubuhan Wanita Cina Singapura (Chinese Ladies Association of Singapura) sangat aktif sekitar tahun 1917. Sebagaimana wanita Melayu, pertubuhan ini banyak memberi sumbangan kepada kaum wanita cina seperi memberi kelas latihan memasak, menjahit dan menyulam.<sup>133</sup>

Selepas perang dunia Pertama dan perang perang dunia Kedua, kegiatan wanita dalam politik amatlah terhad. Wanita Cina selepas perang dunia kedua juga tidak mempunyai tahap pendidikan yang baik dan masih dilihat sebagai golongan yang tidak berkepentingan. Walau bagaimanapun selepas penjajahan Jepun, masyarakat Cina sama ada lelaki dan perempuan di lihat dan diangagap oleh Jepun sebagai

<sup>132</sup> K. Ramanathan, *Asas Sains Politik*, Edisi Kedua, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1997, hlm. 51

<sup>133</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politic in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 49.

penyokong (KMT) Kuomintang dan parti komunis Malaya. Perkara yang paling teruk ialah ramai di kalangan wanita Cina dan juga wanita masyarakat Eurasian ialah di rogol oleh lelaki Jepun berkemungkinan tentera pada ketika itu. Secara tidak langsung keadaan ini menyebabkan kaum Cina cuba menjauhkan diri dari pihak tentera Jepun. Pelbagai usaha dilakukan demi untuk hidup. Dan ada dikalangan mereka menjadi pelacur di pasar gelap yang wujud di Malaya pada ketika itu. Pencerobahan oleh Jepun di tanah Melayu tidak memberi kesan yang baik kepada wanita Cina kerana mereka tidak terdedah dengan jawatan pentadbiran dimana-mana pertubuhan. Walaubagaimanapun menurut Virginia, berkemungkinan terdapat peranan yang dimainkan oleh wanita Cina dalam dua organisasi iaitu Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) dan Malayan People's Anti Japanese Union (MPAJU).<sup>134</sup> Kesedaran politik agak berbeza dengan perintis wanita Cina. Mengikut sejarah, mereka adalah kumpulan awal yang terlibat secara aktif dalam politik menurut erti kata yang sebenar, sebagai ahli Parti Komunis Malaya (PKM) sebelum zaman penjajahan Jepun. Walaubagaimanapun, ia lebih menjurus kepada politik negara China. Antara mereka termasuk Chan Pek Khuan yang berasal dari Pulau Pinang; Lee Khoon Wah yang merupakan isteri Chin Peng (Ketua PKM), Jasng Sueh Yong, Jhen Yi Fen.<sup>135</sup>

### Latar belakang Pergerakan Wanita MCA

Pergerakan Aktivitis politik di kalangan masyarakat Cina, termasuk di Malaysia Timur juga bermula sekitar tahun 1940-an. Persatuan Cina Malaysia (MCA) yang ditubuhkan pada 1949 menyaksikan hanya 12.9 % penyertaan wanita pada tahun 1960. Wanita MCA ditubuhkan berdasarkan kandungan dalam Perlembagaan Parti MCA di bawah artikel 176 yang mengandungi seksyen Muda dan seksyen wanita ke 19. Kesemua aktiviti yang dijalankan oleh parti hendaklah berdasarkan perundangan dan peraturan yang telah diatur dan diluluskan dari semasa ke semasa oleh Pusat Jawatankuasa yang bertindak di bawah Artikel 162 dan 163 Perlembagaan Parti MCA.

Pada tahun 1974, Pengerusi Tan Sri Lee San Choon menentukan keahlian pergerakan manakala Tan Sri Chan Siang Sun menyusun Bahagian Wanita National (National Women Section). Seterusnya satu Jawatankuasa sementara telah dibentuk pada 19.10.1974. Tan Sri Chan juga diumumkan sebagai bapa Wanita MCA (The Father of MCA Women). Pada tahun 1975 yang diistihar sebagai tahun Wanita Antarabangsa, sayap wanita MCA ditubuhkan secara rasmi pada 7 Ogos 1975 dengan misinya untuk memperbaiki status wanita dan melaksanakan objektif politik parti. Datin Paduka Chow Poh Kheng dilantik sebagai Ketua atau Pengerusi Pergerakan Wanita MCA atau yang pertama. Kemudian Dato' Teng Gaik Kwan dilantik sebagai Pengerusi yang kedua. Seterusnya Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen pula dilantik sebagai Pengerusi yang ketiga. Manakala Datin Paduka Chew Mei Fun telah dilantik sebagai pengerusi yang baru menggantikan Dato' Sri Ng Yen Yen. Tan Sri Rosemary Chong wanita Cina Yang pertama dilantik sebagai ahli Parlimen. Selain itu beliau juga merupakan wanita Cina yang pertama dilantik sebagai Setiausaha parlimen dan menjadi Timbalan Menteri. Sebelum pengunduran beliau dari arena politik tanah air, beliau merupakan Timbalan Menteri Kebudayaan dan Sukan.<sup>136</sup>

Di bawah pentadbiran dan kepimpinan Datin Paduka Chew Mei, beliau memberi tumpuan terhadap beberapa misi dan objektif<sup>137</sup> yang akan dijalankan oleh beliau untuk memantapkan lagi pergerakan dan aktiviti Wanita MCA. Datin Paduka Chew Mei Fun hari ini meletakkan jawatannya sebagai Ketua Wanita

<sup>134</sup> Ibid, 50-51.

<sup>135</sup> Wanita dan Politik Malaysia, terbitan Kementerian Pembangunan Waniat, Keluarga dan Masyarakat, 2010 hlm.31.

<sup>136</sup> Ibid. hlm 35 rujuk [www.mysinchew.com/node/3196](http://www.mysinchew.com/node/3196) di akses pada 22/10/2013 jam 11:11am .

<sup>137</sup> [www.mca.org.my/en/category/news.../wanita-mca](http://www.mca.org.my/en/category/news.../wanita-mca) diakses pada 22/10/2013 jam 11:18 am

MCA pada Khamis 8 April 2010. Beliau turut melepaskan kedudukannya sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sehubungan Timbalan Ketua Wanita, Datuk Yu Chok Tow dipilih menggantikan Mei Fun menerajui sayap MCA itu manakala Tan Ah Eng yang merupakan bekas naib presiden parti dipilih sebagai timbalan. Datin Paduka Chew Mei Fun juga meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Wanita MCA Selangor dan Pengerusi Skuad Bantuan Bencana MCA.<sup>138</sup> Seterusnya Wanita MCA telah dipimpin dan diganti oleh Heng Seai Kie bermula 2013 sehingga kini.

### **Misi Wanita MCA**

1. Untuk menjalankan objektif MCA seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan MCA.
2. Untuk membawa wanita untuk menjadi lebih aktif dalam penyertaan politik dan membantu dalam pembinaan negara.
3. Untuk meningkatkan status wanita dan memenuhi kesaksamaan gender

### **Objektif dan Pelan Wanita MCA**

Di bawah merupakan beberapa objektif dan beberapa pelan dan rancangan Wanita MCA

#### **7 Objektif**

1. Meluaskan suasana yang mesra rakyat dan menjadi pemimpin untuk rakyat
2. Melakukan perubahan dalam politik berpandukan undang-undang dan polisi secara profesional
3. Synergetic dan rangkaian organisasi yang bersepadu;
4. Persekitaran politik yang lebih mesra rakyat untuk menarik belia;
5. Profesionalisme dalam misi utama untuk wanita.
6. berintegrasi dengan masyarakat dan mesra rakyat;
7. memupuk budaya politik yang sihat

#### **5 Rancangan Wanita MCA**

1. Pembentukan Biro Politik yang Strategik untuk suasana politik yang lebih berwibawa dan profesional dalam politik disamping penerimaan peranan yang cukup aktif dan responsif dalam menangani isu-isu nasional dan dasar kerajaan: Wanita MCA mesti peka dengan masa dan memberikan tindak balas yang tepat pada masanya dan memberi input dan cadangan yang membina mengenai perkembangan terkini dalam pelbagai bidang dan memainkan peranan yang aktif terutama dalam undang-undang pembuatan dan pelaksanaan dasar serta mengenal pasti topik-topik penting untuk diberikan perubahan. Dalam hal ini , Biro Strategi Politik ini hendaklah mempunyai ahli cendekiawan dan cerdik pandai yang berbakat terdiri daripada pelbagai bidang. Apa yang penting mereka sentiasa melakukan perbincangan dari masa ke semasa Biro itu perlu dilengkapi oleh Biro Publisiti dan Biro Undang-undang untuk memastikan kesempurnaan, ketepatan dan siap seperti yang dikehendaki secara profesional.
2. Penciptaan peluang perniagaan kepada kebebasan kewangan :
  - a. menubuhkan Biro Ekonomi dan
  - b. memperkembangkan dan mempelbagaikan fungsi Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat PLPM ke Pusat Pembangunan Ekonomi & Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menyediakan

<sup>138</sup> <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/04/08/chew-letak-jawatan-yu-teraju-baru-wanita-mca> diakses pada 2 Mac 2021



- i. latihan vokasional ;
  - ii. Peluang perniagaan dan pekerjaan dan penyelidikan
  - iii. panduan untuk permulaan perniagaan dan makanan.
3. Mengambil dan memberi galakan kepada golongan orang muda untuk menyertai bidang politik perlu diiktiraf dengan sewajarnya dan dihargai supaya dapat mewujudkan persekitaran yang mesra dan sesuai bagi wanita muda untuk melibatkan diri dalam politik:
    - Dengan merapatkan jurang umur di kalangan ahli-ahli Beliawanis dan mengkategorikan semua ahli MCA wanita di bawah umur 35 tahun sebagai ahli Beliawanis ;
    - Di samping itu beberapa ahli Beliawanis yang telah dipilih secara rasmi oleh Jawatankuasa Pusat, enam pemimpin Beliawanis dari negeri-negeri yang berlainan, termasuk Rachel Sepuluh dan Connie Liew dari Selangor , Nicole Wong dan Jessica Lai dari Wilayah Persekutuan, Tee Choon Ser dari Pahang dan Kathleen Wong dari Perak akan dilantik sebagai Jawatankuasa Pusat melalui jemputan dan akan dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pusat. Mereka yang sesuai secara rasmi akan dilantik sebagai ahli penuh Jawatankuasa Pusat dalam masa terdekat.
    - Pembentukan jawatankuasa kecil yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Sdri YB Senator YB Heng Seai Kie dan pengerusi Biro Beliawanis Sdri. Tee Hooi Leng dan terdiri atas enam orang ahli Jawatankuasa Pusat dengan jemputan untuk membentuk jawatankuasa bersama dengan Pemuda MCA untuk membincangkan rancangan untuk menarik dan merekrut golongan muda.
  4. Mempromosi Pendidikan Politik Kepada Ahli Wanita : Pembentukan Biro Pendidikan Politik adalah bertujuan untuk melengkapkan usaha bahagian parti itu dalam menyediakan sistem politik dan pentadbiran awam yang sistematik kepada semua peringkat ahli disamping merekrut dan memberi latihan kepada ahli-ahli wanita seperti latihan pengucapan awam dan kemahiran menulis. Ini dapat memupuk mereka dengan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan politik dan hal ehwal kerajaan.
  5. Tugas-tugas asas Wanita MCA yang cukup berwibawa dan profesional dengan menubuhkan Biro Bantuan Wanita dan Kanak-kanak: mereka telah menubuhkan dan Unit Bantuan Wanita dan Kanak-kanak pada Ibu Pejabat dan beberapa negeri yang akan dijalankan untuk melatih beratus-ratus sukarelawan kaunselor secara sistematik. Biro itu akan sentiasa memberi nasihat dan bantuan kepada wanita yang kurang bernasib baik dan juga golongan kanak-kanak yang memerlukan bantuan. Ia juga menyediakan perkhidmatan, menganjurkan ceramah dan seminar untuk mengumpul maklumat dan data mengenai bidang-bidang berkaitan dengan kerajaan. Ianya bertujuan untuk menggalakkan pembaharuan dan penambahbaikan.

Selain daripada itu, Pusat Khidmat Guaman dan Bantuan Wanita (LAWA) ditubuhkan oleh Wanita MCA pada 16 Disember 2014. Ia merupakan Pusat Bantuan Sehati pertama yang ditubuhkan oleh sebuah parti politik. Ia bertujuan menegakkan keadilan untuk golongan wanita yang menjadi mangsa jenayah keganasan rumah tangga, rogol, gangguan seksual serta jenayah-jenayah lain tanpa mengira agama dan bangsa.

Semenjak ditubuhkan, LAWA telah mengendalikan pelbagai masalah berkaitan perkahwinan, keganasan rumah tangga, rogol serta gangguan seksual di tempat kerja dan sebagainya. Konsultasi perundangan, khidmat kaunseling dan bantuan diberikan secara percuma kepada mangsa wanita yang memerlukan tanpa mengira fahaman agama atau latar belakang. Perkhidmatan LAWA juga ditawarkan melalui kunjungan ke pejabat, telefon dan emel. Bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pusat,

LAWA turut bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai rakan pintar, agar dapat berganding bahu dalam usaha membantu mangsa-mangsa wanita ini. Ini termasuklah membantu mereka menyelesaikan masalah dan keluar daripada kebuntuan serta memulakan hidup baharu. Rakan-rakan pintar agensi kerajaan yang tersebut termasuklah Jabatan Bantuan Guaman di Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia. Manakala rakan-rakan NGO pula terdiri daripada Badan Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Wanita (AWL), Persatuan Kebajikan MAHA Malaysia, Persatuan Be Good Do Good (BGDG) dan lain-lain.<sup>139</sup>

Walaupun bagaimanapun Biro-Biro yang lain akan terus memainkan peranan yang aktif dalam menggalakkan fungsi masing-masing. Apa yang cukup penting di sini wanita MCA juga memainkan peranan yang cukup baik dalam mewarnai senario politik di negara kita ini. Berdasarkan objektif dan rancangan yang dibuat oleh mereka itu adalah bertujuan untuk membawa masyarakat dan negara ke arah pembangunan yang seimbang rohani dan jasmani.

### **Penglibatan Wanita India dalam Politik Di Malaysia**

Bagi masyarakat India pula, kesedaran berpolitik di kalangan mereka di peringkat awalnya berteraskan peristiwa-peristiwa di India yang dibawa untuk diperjuangkan di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, kelahiran semangat berpolitik dikalangan masyarakat India, lebih tertumpu kepada Negara India daripada memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dari Penjajahan.<sup>140</sup> Pada tahun 30an, Persatuan India Se Malaysia ditubuhkan (1932) oleh G.V Thaver. Keahliannya terbuka untuk orang-orang India yang lahir dan menetap di Malaysia. Tujuan penubuhannya adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan dan kebajikan orang-orang India di Tanah Melayu pada ketika itu.<sup>141</sup> Pertubuhan ini memainkan peranan yang penting dalam tahun 40an dan 50an. Setelah MIC ditubuhkan pada tahun 1946, ia mengambil alih peranan parti-parti lain dan berfungsi sebagai sebuah parti dan suara terbesar masyarakat India di Malaysia.<sup>142</sup>

Seperti juga MCA, pembabitan wanita dalam MIC amat berkurangan pada awalnya. Perlembagaan MIC sendiri pada mulanya tidak memperuntukkan kaum wanita India untuk bergiat cergas dan juga menduduki Majlis Penasihat MIC. Peranan kaum wanita hanya menambahkan bilangan keahlian dalam MIC terutamanya sewaktu menjelang pilihanraya.<sup>143</sup> Peranan ini tekah berubah apabila Manickavasagam menjadi Presiden MIC pada tahun 1973. Beliau menggalakkan kaum wanita bergerak secara aktif dalam parti politik. Hasilnya pada 12 Oktober 1975, lahirnya MIC National Women's Council. Majlis ini diwakili oleh Mrs. Arumugam, Dr. Krishnaveni serta 9 orang wakil daripada Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Johor.<sup>144</sup> Hasil perbincangan dalam Majlis Penasihat Kebangsaan

---

<sup>139</sup> [http://www.mca.org.my/3/Content/SinglePage?\\_param1=25-022021-180668-02-202125&\\_param2=TS](http://www.mca.org.my/3/Content/SinglePage?_param1=25-022021-180668-02-202125&_param2=TS) diakses pada 2 Mac 2021

<sup>140</sup> Wimaladewi Sellapah (1987/1988), MIC Satu Kajian dari Segi pencapaian Politik, Ekonomi dan social antara tahun 1920-1987. Kajian ilmiah Kuala Lumpur: Universiti Malaya hlm 23.

<sup>141</sup> Ampalovanar Rajeswary, *The Indian Minority and Political In Malaya (1945-1957)*, Oxford University Press, 1981, hlm 2.

<sup>142</sup> ibid

<sup>143</sup> Subramaniam, S. *Politik of the Indians In Malaya (1945-1955)* kajian ilmiah Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1973, hlm 38

<sup>144</sup> Dancz, Virginia Halen, hlm 185

Wanita MIC, mereka telah menggariskan empat matlamat perjuangan wanita MIC iaitu meninggikan status wanita India, menanamkan kesedaran berpolitik di kalangan wanita India, menggalakkan ke arah kesatuan wanita India dan meninggikan pendidikan dikalangan wanita India.<sup>145</sup>

### **Latar Belakang mengenai Pergerakan Wanita MIC**

Secara umumnya tidak ramai yang berminat membuat kajian mengenai pergerakan wanita MIC. Pergerakan wanita MIC telah ditubuhkan oleh mantan Presidennya iaitu Dato' Seri Dr. S.Samy Vellu. Ianya telah diasaskan pada tahun 1975. Di mana, beliau telah mengorak langkah dalam menggariskan beberapa matlamat dan objektif MIC yang lebih bercorak sosio-ekonomi khususnya kepada kaum ibu (Pergerakan Wanita MIC). Matlamat dan objektif yang terkandung dalam Perlembagaan MIC merangkumi semua aspek seperti politik, ekonomi dan juga social. Penumpuan parti MIC mengutamakan aspek politik berbanding sosio-ekonomi. Secara ringkasnya sebelum kemerdekaan tanah Melayu terdapat tokoh-tokoh wanita yang cukup penting dalam Parti MIC iaitu tan Sri Devaki Krishnan, Mrs Elice Somasundram dan Mrs E. Ramachandram. Wanita pertama yang memenangi kerusi parlimen ialah Dr Leela Rama yang memenangi kerusi Kapar Perak pada pilihan raya umum yang ke 9.<sup>146</sup>

### **Matlamat dan objektif**

Sebagaimana setiap penubuhan sesebuah pergerakan dan pertubuhan sudah semestinya mempunyai tujuan dan matlamat.berdasarkan laporan tahunan parti berkenaan ialah<sup>147</sup>:

- i. Membentuk suatu komuniti yang berdikari dan mampu memajukan diri sendiri.
- ii. Mewujudkan masyarakat yang mempunyai pengetahuan dan dapat membuat keputusan untuk jaminan masa hadapan.
- iii. Memperbaiki imej masyarakat India dan menyemai perasaan berguna dan bangga di kalangan mereka.
- iv. Meningkatkan mutu kemahiran masyarakat di pasaran melalui pendidikan dan program-program kemasyarakatan.
- v. Memperbaiki partisipasi masyarakat di dalam sector korporat.

Berdasarkan laporan berkenaan juga pergerakan ini menjalankan beberapa usaha untuk memantapkan lagi pergerakan Kaum Ibu MIC antaranya ialah menggalakkan ahli-ahlinya bersama dalam komponen Barisan Nasional berusaha untuk kemajuan dan pembangunan Negara. Disamping itu juga ahli-ahli wanita disarankan meningkatkan lagi semangat perpaduan dengan memupuk semangat cintakan tanah air dengan bergerak secara aktif. Wakil-wakil yang dilantik sebagai wakil golongan wanita pula perlu berusaha menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi. Selain itu juga pergerakan wanita ini perlu mendapat persetujuan daripada presiden sekiranya ingin berkerjasama dengan mana-mana pertubuhan atau organisasi lain sama ada menganjurkan sebarang aktiviti dan program yang berkaitan dengan wanita India.

---

<sup>145</sup> Ibid.

<sup>146</sup> Mogana A/P Subramaniam AEA 991249 Penyertaan Wanita Dalam Malayan Indian Congress (MIC): satu kajian Kes di Batang Berjuntai' latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya sesi 2001/2002 hlm.49.

<sup>147</sup> Mogana A/P Subramaniam AEA 991249 Penyertaan Wanita Dalam Malayan Indian Congress (MIC): satu kajian Kes di Batang Berjuntai' latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya sesi 2001/2002 hlm.50. rujuk Perhimpunan Agong MIC yang ke 33 (1983) Kuala Lumpur : Laporan Tahunan 1984/85.hlm 73-74

### Struktur Organisasi Pergerakan Wanita MIC:

Secara umumnya struktur organisasi pergerakan wanita MIC terbahagi kepada 4 peringkat iaitu terdiri daripada :

1. Peringkat Kebangsaan
2. Peringkat Negeri
3. Peringkat Bahagian
4. Peringkat Cawangan.

Berikut merupakan ketua wanita MIC<sup>148</sup>

1. Pn Sri Janaki Athinagappan isteri kepada Tan Sri Sri Athinagapan dilantik sebagai ketua wanita MIC yang pertama (1973-1983)
2. Datin Valli Muthusamy dilantik menjadi ketua wanita MIC yang kedua (1984-1994)
3. Pn Sri Sarasa Pasmanickam, merupakan isteri kepada bekas ketua MIC Johor (1994-1998). Beliau juga telah dilantik sebagai Senator pada November 1992.
4. Datin Paduka Jaya Parthiban merupakan ketua wanita MIC yang ke empat (1996-2006)
5. Datin Paduka Komala Krishnan Moorthy DPMS, KMN PPT (2006- 2013)
6. Anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC), Mohana Muniandy (2013-2016) dipilih sebagai Ketua Wanita MIC selepas mengalahkan M Vickneswari pada pemilihan sayap itu di sini, hari ini. Dalam pertandingan satu lawan satu, Mohana memperoleh 344 undi untuk menang dengan majoriti 178 undi. Vickneswari, iaitu setiausaha Wanita MIC kebangsaan, memperoleh 166 undi.<sup>149</sup>
7. Usha Nandini Jayaram (2016- sekarang)

Selain daripada itu misi pergerakan wanita MIC ialah untuk mendidik masyarakat terutama kaum wanita untuk lebih berjaya dalam segenap semua bidang yang diceburi. Gerak kerja wanita MIC juga ialah untuk melengkapi usaha parti meningkatkan dan membangunkan masyarakat India di Malaysia. Kumpulan yang disasarkan oleh mereka ialah wanita India Malaysia, kanak-kanak dan keluarga. Program outreach juga telah dijalankan di pelbagai tempat seperti di ladang ladang, kawasan luar Bandar, kawasan perumahan. Selain itu pergerakan ini juga berusaha untuk menerangkan kepada golongan wanita tentang hak-hak sivil mereka dan kepentingan menyertai secara aktif dalam politik. Pergerakan ini juga berusaha untuk memansuhkan segala bentuk dan undang-undang adat resam dan amalan dalam masyarakat India yang banyak mendiskriminasikan golongan wanita. Pergerakan ini juga sentiasa menggalakkan ahlinya melibatkan diri dalam semua bidang seperti dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, sukan dan aktiviti kebajikan. selain itu pergerakan ini juga banyak menyediakan dan menganjurkan kursus-kursus kepimpinan dan pelbagai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Perkara yang paling penting ialah dengan mengadakan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain dalam merealisasikan matlamat pergerakan wanita ini. Antaranya ialah (NCWO) dan NGO yang berkaitan contohnya Malaysia Hindu Sangam, Majlis Kelab-kelab Bell Belia Tamil Kebangsaan, majlis kelab Bell India Malaysia (MIYC) dan lain-lain. Sebarang bentuk aktiviti perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Kerja Pusat dengan disokong oleh presiden.<sup>150</sup>

Mereka mensasarkan golongan wanita MIC melalui program-program yang dijalankan oleh cawangan, bahagian, negeri dan kebangsaan seperti rundingan komuniti, seminar, forum dan bengkel. Atas matlamat inilah, wanita India telah mengadakan berbagai seminar dan ceramah kesedaran. Seminar-seminar

<sup>148</sup> <http://www.wanitamic.org/my/en/our-party/our-history#sthash.HHgyOUw2.dpuf> diakses pada 23 September 2013

<sup>149</sup> Sinar Harian 16 November 2013.

<sup>150</sup> <http://www.wanitamic.org/my/en/our-party/our-history#sthash.HHgyOUw2.dpuf> diakses pada 23 September 2013.

ini telah dihadiri oleh kumpulan-kumpulan wanita daripada parti-parti politik dan bukan parti politik. Di samping itu cawangan wanita MIC telah mengadakan aktiviti seperti kelas masakan, jahitan dan ceramah-ceramah yang menambahkan kesedaran di kalangan wanita India betapa pentingnya pendidikan kepada mereka. Golongan pelajar sama ada menengah dan rendah juga telah diambil perhatian oleh wanita MIC dengan menganjurkan program outreach Remaja. Segala sumbangan dan komitmen mereka dalam parti mendapat pengiktirafan apabila wanita MIC yang berkualiti telah diberi peluang untuk menjadi Perwakilan dalam Majlis Tempatan. Antaranya ialah Datin Paduka Komala Krishna Moorthy, bekas Ahli Parlimen Kapar (Selangor) dan bekas Setiausaha Parlimen di Kementerian Pendidikan adalah Ketua Wanita MIC ketika itu dan Ketua Wanita Negeri Selangor. Datin Paduka Komala telah menjadi ahli yang aktif dan sentiasa berkhidmat sepanjang masa untuk Parti MIC, khususnya di bahagian Wanita. YB Senator Loga Chitra Pn Kobalakrishnan, menjadi Bendahari Wanita Kebangsaan dan Negeri Wilayah Persekutuan Ketua Wanita telah dilantik sebagai Senator pada 6 April 2007.

Pada Pilihan Raya Umum 2008, YB Murukasvary Kunasegaran, Ketua Wanita MIC Johor telah dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Tenggara, Johor. Pencapaian lain bagi Bahagian Wanita pada masa lalu termasuk Puan Kamala Ganapathy, yang dipilih Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Andalas, Selangor pada Pilihan Raya Umum 2004 dan dilantik sebagai ahli EXCO Negeri Selangor. Puan Kamala Ganapathy, menjadi ahli yang bergerak aktif dalam MIC adalah merupakan Pengerusi Bahagian Kota Raja. Satu lagi pencapaian bagi Wanita MIC adalah menjadi perwakilan di mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC. pada tahun 1998 menyaksikan pindaan perlembagaan di mana perwakilan di CWC (central working committee) adalah melalui pilihan raya dan bukan oleh pelantikan.

Secara keseluruhannya, kesedaran berpolitik di kalangan wanita India timbul akibat tindakbalas dan perkembangan yang berlaku di India sendiri dan bukannya lahir dari semangat nasionalisme di Tanah Melayu. Perkembangan pergerakan wanita kaum India agak lembap dan kurang mempunyai peranan dalam menggerakkan parti ke arah yang lebih mantap. Peranan mereka juga lebih kurang sama dengan pergerakan wanita Cina iaitu lebih mementingkan pertambahan keahlian dalam badan induk parti sendiri.

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan dalam perbincangan mengenai sejarah awal penglibatan wanita dalam politik di Malaysia, sumbangan wanita dalam mencorakkan perkembangan politik tanah air dari peringkat awal amatlah besar. Kesemua bangsa tak kira wanita Melayu, Cina India mahupun peribumi Sabah dan Sarawak, masing-masing bergiat secara aktif dalam politik dengan tujuan, cara dan hala tuju perjuangan yang tersendiri. Pada peringkat awal, peranan wanita lebih terbatas di peringkat akar umbi dengan memberi sokongan kepada parti yang dianggotai sebagai pengundi, peraih undi sewaktu pilihan raya dan melakukan kerja-kerja am untu membantu aktiviti-aktiviti parti. Kemunculan saya kiri parti-parti politik dalam negara ini banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Peranan Wanita bukan Melayu menerusi parti MCA dan MIC turut merencanakan lagi perubahan kepada pembangunan dan keutuhan negara. Walaubagaumanapun senario penyertaan wanita di sektor kerajaan tidak selari dengan penyertaan mereka di dalam pilihan raya, sasaran 30 peratus golongan wanita yang terlibat dalam pemilihan di Dewan Rakyat masih lagi tidak tercapai. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh kesemua parti-parti politik dalam meningkatkan pertambahan bilangan wanita dalam politik. Apa yang paling penting dan tidak dapat dinafikan lagi betapa peranan mereka dalam menentukan kemenangan sesebuah parti politik semakin

membesar. Kesedaran berpolitik wanita ini dikatakan berpunca daripada tahap pendidikan yang semakin baik dan memberi akses kepada percambahan maklumat yang lebih banyak.

Selain itu, kewujudan pertubuhan atau badan bukan kerajaan turut memainkan peranan yang besar dalam memberi kesedaran kepada golongan wanita. di samping itu juga badan-badan ini dapat membantu lebih ramai golongan profesional wanita dan masyarakat luar bandar untuk mengambil bahagian dalam politik semasa. Kemunculan tokoh-tokoh politik wanita sama ada dalam parti kerajaan atau pembangkang menjadikan keghairahan golongan wanita untuk mengambil tahu isu-isu politik turut bertambah. Golongan wanita semakin lantang bersuara dambil bertukar-tukar pendapat mengenai kebudayaan, kemasayarakatan, pelajaran dan ekonomi. Perancangan yang bersistematik ini memantapkan jentera kekuatan parti-parti politik di Malaysia dan menjamin amalan demokrasi terus subur. Penyuburan minda dan jiwa pemimpin-pemimpin pelapis memberi ruang kepada pembinaan watak dan peribadi bakal pemimpin yang lebih berprinsip, tegas dan ada idealisme yang tinggi. Penyertaan wanita profesional dan berkerjaya bakal mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan dan sumbangan mereka dalam iklim politik negara. Jawatan doktor, ahli ekonomi, peguam dan aktivitis sosial bukanlah penghalang kepada penglibatan wanita yang lebih meluas dalam masyarakat dan negara.

## **Bibliografi**

### **Buku dan jurnal**

Abdul Wahab Khallaf *Al Siyasa al Syar'iyyah*, Beirut : Muassasah al –Risalah, 1987.

Abdul Wahab Khallaf, *Al-Siyasa al –Syariah*, Kaherah : Dar al-Ansar, 1977.

Abdullah Akhili Abdul Latif dan Farahdina Abd. Manaf (et.al) , *Asas-asas Islam 1*, Selangor : Pusat Pendidikan Islam ITM Shah Alam, 1998.

Abd Rahman Taj, *Al Siyasa al Syar'iyyah wa al Fiqh al Islami*, Mesir : al Azhar, 1985.

Ahmad Hussein (1994), *Pengantar Sains Politik*, Kuala Lumpur : Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM, 1994.

Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke puncak*, Kuala Lumpur : Pustaka kejora, 1972.

Arba'iyah Mohd Noor '*Perubahan Peranan Wanita Melayu Awal Abad ke 20*', dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ismail (editor) '*Panji Pendeta*', Kuala Lumpur Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, 2013.

Alias Othman, *Asas-asas Pemikiran Politik Islam*, Kuala Lumpur: Terbitan Pustaka Salam Sdn Bhd., 1992.

Allan R. Ball '*Politik dan kerajaan Moden*', Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Ampalovanar Rajeswary , *The Indian Minority and Political In Malaya (1945-1957)*, Oxford University Press, 1981.

A.S. Hornby A.P. Cowie, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, London:Oxford University Press, 1974.

Azizah A. Rahman, *Peranan Wanita Dalam Politik dan Agama Di Kubang Pasu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya,1974.

- Bernard Crick, *In Defence of Politics*, edisi ke 3, Harmond Sworth : Penguin Books, 1962.
- B.Ripley, 'Political Science'. *Eyclopedia of Americana*, Jil. 22, Connecticut: Groller Incorporated, 1987.
- Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, *Perjuangan Wanita Malaysia, Dalam Pembangunan Negara*, Batu Caves Selangor : Thinker's Libarary Sdn. Bhd, 2002
- D.D. Ripley, *Problems of Political Pholosophy*, London: Macmillan Press, Ltd., 1982.
- Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics: Its Origin and Early Development*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications, 1985.
- Gabriel A.Amond dan Sidney Verba. *The civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*, New Jersey: Princeton University Press, 1963.
- Geoffey K.Roberts, *A Dictionary of Political Analysis*, London : Longman, 1967.
- H.Zainal Abidin Ahmad, *Ilmu Politik Islam*, Jilid 1, Jakarta: Bulan Bintang, 1977.
- Harold D. Lasswell, *Politics : Who Get What, When, How*, New York : Peter Smith Publisher, 1950.
- Haris Zalkapli (editor), *Cabaran Politik Baharu Malaysia*, Kuala Lumpur : Media Icon Sdn. Bhd., 2009.
- Ibn Qayyim, *Turuq al Hukmiyyah*, Kaherah : Muassah al Arabiyah, 1961.
- Jamilah Ariffin, *Women and Development in Malaysia*, Selangor : Pelanduk Publications, 1992.
- Joseph Schumpeter , *Capitalism, Socialism and Democracy*, New York : Harper Colophon, 1962.
- Kamus Dewan, edisi 4., Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Khadijah Md. Khalid, *Contiunity and Change in women's Political Participation in West Malaysia*, Kertas kerja dalam Bengkel Wanita Malaysia : Sepanjang dua Dekad Pembangunan, HAWA, 5-6 Mei, 1994.
- K. Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, Kuala Lumpur : Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- LaPalombara, Joseph, *Politics within Nation*, Prentice Hall, Inc., Englewood Cliff, New Jersey, 1974.
- Marvis Puthuchear, *Government Policies and Percetions of Policy Makers and women Leaders on the status and Role of Women in society*, laporan penyelidikan no 2, Kuala Lumpur : fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, 1991.
- McClosky, Herbet, "Political Participation' in *International Encyclopaedia of The Social Sciences*", Cromwelll, Collier and McMillan, Inc,1968,
- Megat Terawis, *Jenayah Politik Kemerdekaan*, Ipoh: Teguh Cipta, 1987.
- Milbrath, Lester W.' *Political Participation: How And Wahy do People Involved in Politics?*, Chicago : Rana McKally and Co, 1965.
- Mohd Zain Saleh, *Keputusan Rakyat Kelantan Darulnaim*, Kota Bharu: Urusetia penerangan Negeri Kelantan.
- Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Mustafa Haji Daud, *Pengantar Politik Islam*,Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994,

Muktamar ke 20, Dewan Muslimat PAS, Penyata Tahunan 1979/1980

Nazarudin Mohd Jali, Ismail M.Rashid (et.al), *Kenegaraan Malaysia 1, Sejarah Awal dan Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1999.

Noah Webster's, *Webster's New Twentieth Century Dictionary*, USA: William Collin Publishers, 1980.

Peter B. Harris, *Foundations of Political Science*, London : Hutchison, 1979.

Perlembagaan PAS (Pindaan 1987), cetakan kedua 1990.

Penyata Pergerakan Wanita UMNO 1967.

Ralah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994,

R.H. Soltar *An Introduction To Politics*, Longman, Green and Co, Ltd, 1965.

Robert A. Dahl, *Modern Political Analysis*, New Delhi : Prentice Hall, 1975

Robert A.Dahl, *Modern Political Analysis*, New Jersey : Prentice Hall International Inc, 1991.

Sayyid Abu A'la al-Maududi, *Prinsip-prinsip Utama Negara Islam*. (terjemahan oleh Ihsan bin Abd. Ghani Azmi) Kuala Lumpur : Terbitan Dewan Bahasa dan pustaka, 1987

Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, Kuala Lumpur : Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM, 1994.

Verba, Nie and KIM, *The Modes of Democratic Participation a cross national comparison*, Sage Publication Inc, 1971.

Virginia H. Dancz, *Women and Party Politic in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987.

William H. Riker and Peter C. Oreshook (1973), *An Introduction To Positive Political Theory*, New Jersey : Prentice Hall.

Yusof al\_Qardawi, *Pedoman Bernegara Dalam Perspektif Islam*, Kathur Suhardi (terj.) Jakarta : Pustaka Al-Kautsar, 1999.

\_\_\_\_\_ *Wanita dan Politik Malaysia*, terbitan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2010.

### **Tesis/disertasi/latihan ilmiah**

Mogana A/P Subramaniam AEA 991249 '*Penyertaan Wanita Dalam Malayan Indian Congress (MIC): satu kajian Kes di Batang Berjuntai*' latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya sesi 2001/2002

Wimaladewi Sellapah (1987/1988), *MIC Satu Kajian dari Segi pencapaian Politik, Ekonomi dan social antara tahun 1920-1987*. Kajian ilmiah Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Subramaniam, S. *Politic of the Indians In Malaya (1945-1955)* kajian ilmiah Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1973.



### **Surat khabar dan Majalah/**

Utusan Malaysia, 20 Ogos 2013

Majalah Mastika Kenangan, sempena Hijrah 1406, DB. Wilayah Persekutuan.

Majalah Mastika, Oktober 1990

Faridah Idris, Wanita UMNO Dalam Menghadapi Tahun 80 an Yang lebih Mencabar dalam Mingguan Wanita Ogos 1980

Majalah Al-Nisa' 1993: Keluaran Lujnah Ekonomi dan Kewangan DMMPP

### **Internet**

[haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm](http://haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm) di akses pada 24 September 2013

[http://www.wanitamic.org/my/en/our-party/our\\_history#sthash.HHgyOUw2.dpuf](http://www.wanitamic.org/my/en/our-party/our_history#sthash.HHgyOUw2.dpuf) diakses pada 26 September 2013

[www.mysinchew.com/node/3196](http://www.mysinchew.com/node/3196) di akses pada 22 Oktober 2013

[www.mca.org.my/en/category/news.../wanita-mca](http://www.mca.org.my/en/category/news.../wanita-mca) diakses pada 22 Oktober 2013

[http://www.mca.org.my/3/Content/SinglePage?\\_param1=25-022021-180668-02-202125&\\_param2=TS](http://www.mca.org.my/3/Content/SinglePage?_param1=25-022021-180668-02-202125&_param2=TS)  
diakses pada 2 Mac 2021  
<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/04/08/chew-letak-jawatan-yu-teraju-baru-wanita-mca>  
diakses pada 2 Mac 2021

## Organizing Committee

**Chairperson:**

Dr. Norhafiza Mohd Hed

**Co-chairperson:**

Assoc. Prof. Dr. Samsudin Suhaili

**Vice-chairperson 1:**

Dr. Nurul Firdauz Abd Rahman

**Vice-chairperson 2:**

Dr. Hasrina Baharum

**Secretary 1:**

Dr. Nadirah Mohd Azmi

**Secretary 2:**

Mrs. Maziah Zee Abdullah

**Secretary 3:**

Mrs. Izani Idris

**Treasurer 1:**

Mr. Shuhir Karmawi Abd Aziz

**Treasurer 2:**

Mrs. Hilawatil Mohd Ehsan

<b>Publicity &amp; Documentation</b> Dr. Nizamuddin Alias Mr. Mohd Firdaus Jasmani	<b>Programme</b> Dr. Kalsum Umar Dr. Noor Hadzlida Ayob
<b>Invitations &amp; Protocols</b> Mrs. Nur Azean Abd Rahim Mr. Mohd Syarieffuddin	<b>Sponsorship</b> Assoc. Prof. Dato' Sri. Dr. Junaidi Abu Bakar Dr. Norazlan Hadi Yaacob
<b>Registration &amp; Abstract</b> Dr. Intan Suria Hamzah Mr. Khairul Ghufuran Kaspin	<b>Certificates &amp; Gifts</b> Ms. Siti Aisyah Mohamad Zin Dr. Rahimah Wahid
<b>Programme Book</b> Mr. Mohd Basri Jamal Mr. Irwan Hamdi Mohamad	<b>Technical &amp; Venue</b> Dr. Muhammad Ridhwan Sarifin Mr. Ahmad Faizuddin Ramli Mr. Sh Faismuin Sh Yusof Mr. Mohamad Adzhar Mat Disa
<b>Food, Safety, Emergency &amp; Hygiene</b> Mr. Muhamad Nadzir Ibrahim Mr. Norshahrul Marzuki Mohd Nor	<b>Publishing</b> Dr. Siti Noranizahhafizah Boyman Assoc. Prof. Dr. Fauziah Che Leh Assoc. Prof. Dr. Samsudin Suhaili Dr. Norhafiza Mohd Hed Dr. Hasrina Baharum Dr. Nadirah Mohd Azmi Dr. Nurul Firdaus Abd Rahman

--	--